KUIL DAN PERTUBUHAN AGAMA HINDU DI NEGERI MELAKA YANG BERSEJARAH

- SUATU KAJIAN

PERSATUAN PENGKAJI SOSIAL SUKARELA MELAKA
2022

CamScanner

© PERSATUAN PENGKAJI SOSIAL SUKARELA MELAKA.
Cetakan pertama 2022

ISBN 978-967-26985-0-0

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemilik hak cipta.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from copyright owner.

Penerbit :
PERSATUAN PENGKAJI SOSIAL SUKARELA MELAKA,
21-C, Taman Sentosa, Bukit Baru,
75150 Melaka.
eMail: peruraju@yahoo.com

Perpustakaan Negara Malaysia (Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan)

Persatuan Pengkaji Sosial Sukarela Melaka, 2022

1. Malaysia - History - Hindu Temples in Melaka
2. Malaysia - Pendidikan - Sejarah Penubuhan Kuil Hindu di Melaka
3. Agama Hindu - Kuil Hindu di Negeri Melaka
4. Melaka - Kuil dan Pertubuhan Agama Hindu di Negeri Melaka

I Judul : **KUIL DAN PERTUBUHAN AGAMA HINDU DI NEGERI MELAKA YANG BERSEJARAH - SUATU KAJIAN**

II Pengkelasan Dewey : 294.5

Harga: RM 100.00

Reka bentuk / Reka Letak : METRO DIGITAL DESIGN (001969299-K) Tel: +6017- 2210 884

Font : Arial
Saiz Teks : 11 point

Muka surat : 464

Dicetak oleh :
FIRDAUS PRESS SDN.BHD. (986966-A)
No 28, Jalan PBS 14/4, Taman Perindustrian Bukit Serdang,
43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan.

Diedar Oleh:
UMA PUBLICATIONS
85, Jalan Perhentian, Sentul,
51100 Kuala Lumpur.
Tel : 03-4041 1617 & 03-4044 0441
eMail : umapublications@gmail.com

CamScanner

KATA-KATA ALUAN
KETUA MENTERI NEGERI MELAKA

Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, Saya merakamkan tahniah kepada Persatuan Pengkaji Sosial Sukarela Melaka atas usaha untuk mengkaji sejarah serta kedudukan 146 kuil Hindu yang masih wujud di Negeri Melaka. Saya difahamkan terdapat sebanyak 44 kuil di daerah Melaka Tengah, 46 kuil di daerah Jasin dan 56 kuil di daerah Alor Gajah yang masih mengadakan perayaan tahunan serta mempunyai bilangan penganut yang ramai.

Negeri Melaka memang terkenal sebagai pusat interaksi pelbagai kaum, bahasa dan agama sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Mengimbau lembaran sejarah, Masyarakat Chitty Melaka yang wujud daripada proses asimilasi pedagang Hindu yang berkahwin dengan wanita tempatan sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka, masih mempunyai 10 kuil di Negeri Melaka sehingga hari ini. Kuil-kuil lain pula dibina semasa zaman penjajahan Inggeris apabila pekerja beragama Hindu dibawa ke Negeri Melaka untuk bekerja khususnya di ladang-ladang getah. Sebanyak 101 kuil Hindu yang masih wujud di Negeri Melaka dibina sebelum negara kita merdeka pada tahun 1957.

Sejarah penempatan masyarakat India dapat dilihat melalui taburan kuil-kuil Hindu di negeri Melaka. Namun, pembangunan pesat di Negeri Melaka, menyebabkan penganut agama Hindu terpaksa berpindah, memerlukan kesanggupan masyarakat Hindu untuk melakukan perubahan-perubahan yang sesuai supaya amalan agama mereka dapat dilaksanakan tanpa sebarang masalah di negeri ini.

Besar harapan saya agar penerbitan buku ini bukan sahaja menjadi satu rekod sejarah, malah juga mencetuskan anjakan paradigma agar segala berkaitan kuil dan agama Hindu dapat diselaraskan dengan diberikan bimbingan oleh para pemimpin mereka secara wajar. Semoga penerbitan buku ini membawa pemahaman serta rujukan tentang kuil-kuil dan pertubuhan Hindu di Negeri Melaka kepada umum.

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"

(DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI)
Ketua Menteri Melaka

CamScanner

Koperasi NLFCS Berhad
National Land Finance Co-operative Society Limited
தேசிய நில நிதி கூட்டுறவு சங்கம் லிமிடெட்

KATA-KATA ALUAN DARIPADA
Y.BHG.DATUK P.SAHADEVAN,
Pengarah Urusan Koperasi NLFCS Berhad

Salam Bahagia.

Melaka, yang menjadi negeri yang bersejarah di Semenanjung Malaysia, telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO pada tahun 2008. Pengiktirafan ini sudah tentu menjadi suatu lagi kemegahan pada negeri ini.

Saya berbesar hati mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli Persatuan Pengkaji Sosial Sukarela Melaka yang berusaha untuk mengkaji kuil-kuil serta pertubuhan Hindu di negeri Melaka. Kajian terhadap 146 kuil serta 18 pertubuhan Hindu di negeri Melaka dengan pemerian dan penjelasan yang jitu, bukan sahaja patut disambut baik oleh semua pihak, bahkan ia perlu dianggap sebagai suatu langkah positif yang kena pada masanya.

Melalui usaha yang mulia ini, bukan sahaja kita dapat memahami hal ehwal agama Hindu dan bagaimana ia diamalkan di negeri ini, bahkan, ia juga memberikan pencerahan kepada orang-orang bukan beragama Hindu tentang amalan penganut-penganut Hindu di negeri ini. Kita selalu berbangga dengan mengaku bahawa kaum Tamil dan bahasa Tamil merupakan yang tertua di dunia berdasarkan bukti-bukti sejarah. Oleh itu, adalah menjadi kewajipan kita untuk terus menyebarkan agama, seni, budaya dan tradisi-tradisi kita ke seluruh dunia melalui kajian dan tindakan-tindakan yang wajar.

Kita harus meneroka sejarah dan merekodkan segala hal yang berkaitan dengan warisan bahasa dan agama kita agar menjadi pedoman dan simpanan generasi-generasi masa muka.

Tahniah dan Terima Kasih.

DATUK P.SAHADEVAN PJN, SSA, PPT, ANS
Pengarah Urusan,
KOPERASI NLFCS BERHAD

CamScanner

KATA-KATA ALUAN
YB TUAN VP SHANMUGAM A/L V. PITCHAY
Exco Pembangunan Belia,
Sukan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO)
Kerajaan Negeri Melaka

Saya berbesar hati dapat menyampaikan kata-kata aluan dalam buku yang bersejarah ini. Sejarah masyarakat Hindu di negeri Melaka sudah tentu dicerminkan oleh taburan kuil-kuil Hindu sejak dahulu lagi. Jika di bandar Melaka kuil-kuil masyarakat Chitty Melaka menunjukkan kawasan-kawasan yang diduduki oleh kaum ini sejak beberapa abad lamanya, kuil-kuil di kawasan-kawasan lain di daerah Melaka Tengah, Jasin dan Alor Gajah pula menunjukkan kawasan-kawasan kependudukan masyarakat Hindu dalam abad kesembilan belas hingga sekarang.

Jenis-jenis kuil Hindu pula menunjukkan sejarah masyarakat Hindu yang mula-mula menetap di bumi ini, dan menggambarkan latar belakang kedudukan mahupun tempat asal mereka. Oleh sebab 101 buah kuil daripada 146 buah kuil dalam kajian ini dibina sebelum negara kita merdeka, banyak antaranya wujud di tanah ladang-ladang getah yang menjadi tempat kerja masyarakat Hindu pada masa itu. Kuil-kuil ini dibina dalam tanah majikan mereka pada ketika itu tanpa memerlukan apa-apa kebenaran pihak berkuasa. Pada masa ini banyak ladang sudah beralih kepada tanaman kelapa sawit. Ada ladang yang bertukar pemiliknya, dan ada pula yang telah menjadi tapak perindustrian mahupun perumahan sehingga banyak penganut agama Hindu terpaksa berpindah dari ladang-ladang yang bertahun-tahun menjadi 'kampung' mereka.

Perubahan seumpama ini mengakibatkan masalah dalam pengendalian kuil-kuil Hindu di negeri ini dari pelbagai sudut. Tidak hairanlah jika hanya 56 buah kuil di negeri Melaka terdiri dalam tanah kepunyaannya, manakala yang baki masih wujud dalam tanah milik pihak lain. Kajian ini merupakan usaha untuk merekodkan perihal kuil-kuil yang wujud pada tahun 2019/20 semasa kajian ini dilakukan supaya warisan penganut Hindu di negeri Melaka dapat terus diingati oleh generasi mendatang. Selain itu, penganut-penganut Hindu di Melaka diajak berfikir tentang masa hadapan kuil-kuil ini dan kaedah-kaedah untuk menghadapi pelbagai cabaran yang wujud pada masa ini, dan mungkin yang timbul pada masa hadapan.

Oleh itu, saya berpendapat bahawa kajian ini kena pada tempatnya, dan berbangga kerana usaha ini merupakan yang terulung di antara negeri-negeri di negara Malaysia. Saya juga berharap semua pemimpin agama Hindu di kuil mahupun dalam badan-badan lain, akan berganding bahu untuk mencari ikhtiar bagaimana kuil-kuil mahupun semua hal-ehwal agama Hindu di negeri Melaka dapat diselaraskan demi kebanggaan penganut-penganut Hindu yang hidup dalam masyarakat berbilang kaum dan agama di negeri bertuah ini, sesuai dengan prinsip-prinsip Rukunegara.

Terima kasih.

(VP SHANMUGAM A/L V. PITCHAY)

CamScanner

மலேசிய இந்துதர்ம மாமன்றம்
MALAYSIA HINDHUDHARMA MAAMANDRAM
(PPM-003-10-07051982)
No. 61, 2A -2nd floor, Pearl Court, Jalan Thamby Abdullah,
50470 Brickfields, Kuala Lumpur. Tel. No: 03-2276 1256

KATA-KATA ALUAN PRESIDEN KEBANGSAAN HINDHUDHARMA MAAMANDRAM, MALAYSIA, TUAN RADHAKRISHNAN AZHAGUMALAI

Puji-pujian kepada Yang Maha Esa agar segala kerahmatan dan pengurniaan-Nya sentiasa membahagiakan semua penganut-Nya.

Melaka memang mirip mahkota bagi negara Malaysia. Sejak zaman silam ia pernah menjadi kuasa Hindu, dan pelabuhannya menjadi pusat perdagangan antarabangsa yang menarik pedagang-pedagang pelbagai negara ke sini. Pedagang-Pedagang berketurunan India, khususnya Tamil, telah banyak memainkan peranan pada kala itu. Sebilangan daripada mereka menjadikan Melaka sebagai tempat tinggal mereka. Mereka mendirikan kuil-kuil Hindu untuk meneruskan ibadah agama Hindu mereka. Kesinambungannya masih wujud di bumi ini. Apabila penjajah Inggeris memerintah negara ini, buruh-buruh dan pekerja beragama Hindu yang dibawa ke negeri Melaka juga mendirikan kuil-kuil di tempat-tempat tinggal dan bertugas mereka, selain mewujudkan sekolah-sekolah Tamil. Dengan cara ini tradisi memelihara budaya, agama dan bahasa masyarakat Tamil-Hindu kekal dan berjalan terus. Asas yang kukuh yang dibina oleh nenek moyang kitalah yang menyebabkan kita terus dapat hidup sebagai penganut Hindu, dengan kuil-kuil Hindu menjadi lambang penerusan tradisi kita di bumi ini.

Oleh itu, usaha mengumpulkan data dan maklumat daripada 146 kuil di negeri Melaka, termasuk 101 yang terbina sebelum negara mencapai kemerdekaan, yang dipelopori oleh Persatuan Pengkaji Sosial Sukarela Melaka dan pemimpin-pemimpinnya yang digerakkan oleh En.Tho.Ka. Narayanasamy, adalah sesuatu langkah yang dialu-alukan. Penglibatan Datuk Prof Dr Paramasivam Muthusamy sebagai Pengerusi Persatuan berkenaan juga adalah tepat. Sebagai hasil kajian oleh ahli-ahli Persatuan ini, segala data dan dapatan pula kini dimuatkan dalam buku yang berjudul 'KUIL DAN PERTUBUHAN AGAMA HINDU DI NEGERI MELAKA YANG BERSEJARAH – SUATU KAJIAN', sebagai rekod yang unggul dalam masyarakat kita, yang patut kita sanjung.

Buku kajian ini bukan sahaja sesuatu yang dituntut zaman, bahkan ia merupakan suatu rekod sejarah. Penerbitan ulung di Malaysia ini terbahagi kepada empat bahagian yang mengandungi data tentang kuil Tamil-Hindu, peranan Gurukkal atau Pedanda, sejarah setiap kuil, dan butir-butir tentang pertubuhan Hindu yang aktif di negeri Melaka pada masa ini, kesemuanya dengan gambar-gambarnya sekali.

CamScanner

Malah, kajian ini meneliti status pemilikan tapak tanah kuil, dan kedudukan pendaftaran kuil dengan Pendaftar Pertubuhan dengan secara terperinci. Selain itu, ia memuatkan kekangan-kekangan mahupun cabaran-cabaran yang dihadapi oleh kuil-kuil ini, dengan disediakan beberapa rumusan dan cadangan sebagai panduan yang akan berguna kepada kesemua pihak yang terlibat dalam pengurusan kuil. Cadangan agar kuil dijadikan pusat pembangunan penganut Hindu secara menyeluruh dan holistik sangat kena pada masanya dan dihargai lagi disanjungi.

Pendekatan ini harus dicontohi oleh penganut Hindu di negeri-negeri lain di Malaysia sebagai suatu keperluan dan perkhidmatan sosial kepada penganut Hindu setempat. Data tentang setiap kuil termasuk sejarahnya sebaik-baiknya direkod secara tersusun. Rekod seperti ini akan sangat berguna untuk pembangunan kuil-kuil berkenaan mahupun dalam usaha mendapatkan bantuan daripada agensi kerajaan, selain memungkinkan untuk menyediakan lawatan-lawatan oleh penganut Hindu. Malah, pihak yang bertanggungjawab dalam pelancongan di setiap negeri dan pertubuhan-pertubuhan lain juga dapat menggunakan data seperti ini untuk aktivitinya.

Hindhudharma Maamandram Malaysia dengan ini merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada Persatuan Pengkaji Sosial Sukarela Melaka atas usahanya menghasilkan buku kajian tentang Kuil-Kuil dan Pertubuhan-Pertubuhan Hindu di Negeri Melaka Yang Bersejarah ini dengan jayanya!

SEMOGA TUHAN TERUS MERESTUI USAHANYA!



RADHAKRISHNAN AZHAGUMALAI A.M.N.
PRESIDEN KEBANGSAAN
HINDHUDHARMA MAAMANDRAM MALAYSIA
Tel: 019-2648667
alaradha5669@gmail.com

23.3.2022

CamScanner

PRAKATA

Negeri Melaka yang bersejarah memang menerima banyak pengaruh agama Hindu dalam deretan sejarahnya. Bagi masyarakat Hindu-Tamil di negara ini, hal ini memanglah sesuatu yang sangat menarik kerana pengaruh ini dapat dilihat dalam cara hidup, kepercayaan, seni dan kebudayaan tempatan.

Jika diteliti, hal ini berlaku kerana kedatangan dan pengaruh pedagang-pedagang Tamil-Hindu sejak sebelum penubuhan Kerajaan Melayu Melaka lagi. Kedatangan pedagang beragama Hindu mazhab *Saivaisma* dan pertembungannya dengan budaya tempatan telah meninggalkan banyak kesan di bumi ini. Lebih-lebih lagi, pedagang dan saudagar Tamil-Hindu yang datang ke Melaka pada ketika itu memang daripada kalangan yang berada dan berupaya, sehingga dapat mempengaruhi cara hidup masyarakat tempatan tanpa perlu menawan negeri. Kebanyakan pedagang dan saudagar ini pula berpegang teguh pada amalan agamanya. Upacara-upacara agama yang berwarna-warni memang menarik masyarakat tempatan pada ketika itu. Sudah pasti kuil-kuil Hindu didirikan pada ketika itu dan itulah zaman agama Hindu bertapak di sini. Walaupun kesemua kuil awal itu telah tidak berterusan kerana perkembangan dan perubahan pengaruh dan kuasa-kuasa lain, kehadiran agama Hindu di negeri Melaka memang berterusan dengan kehadiran masyarakat *Chitty Melaka* dan kuil-kuil miliknya.

Sejak zaman berzaman kuil-kuil Hindu berperanan dalam memastikan gaya hidup dan rukun hidup yang tertib dalam kalangan penganutnya. Kini sudah sampai masanya untuk kita meninjau dan mengkaji bagaimana kuil-kuil Hindu pada zaman ini memainkan peranan ini sebagai sesuatu tuntutan zaman ini.

Kajian ini menunjukkan sebanyak 101 buah kuil Hindu telah pun wujud sebelum negara Malaya mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Kuil-kuil ini didirikan dalam suasana tiada banyak peraturan dan kawalan. Kini kadang-kadang timbul pertikaian terhadap kuil-kuil ini sehingga ada yang diroboh oleh pihak berkuasa. Apabila tempat ibadat diroboh, para penganut mula gelisah – dan hal ini berterusan sebagai cerita bersiri hingga sekarang. Malangnya, sehingga sekarang belum ada sebarang perancangan daripada kerajaan mahupun badan-badan agama Hindu untuk mengatasi hal ini secara terperinci.

Tanpa data yang mencukupi, masyarakat Hindu tempatan tidak dapat menyediakan sebarang usul atau saranan untuk penyelesaian isu kuil ini. Kini apabila sesuatu peristiwa berlaku melibatkan sesebuah kuil, hanya masalah kuil itu diutamakan untuk pembicaraan. Pendekatan ini sudah diterima sebagai lazim. Pihak politik juga nampaknya lebih selesa dengan gaya ini – dan sikap ini menyebabkan isu-isu asas kuil belum menampakkan apa-apa penyelesaian walaupun negara sudah melampaui 60 tahun sejak kemerdekaan. Keadaan ini menyebabkan semua pihak untuk menganggap hal ini sesuatu yang '*biasa*' sahaja.

Namun, isu ini menyebabkan masyarakat umum, khususnya yang bukan Hindu, memandang serong terhadap penganut-penganut agama Hindu di negara ini, seolah-olah sengaja tidak mengikut peraturan. Oleh itu, jika pihak yang menganuti agama Hindu sendiri tidak berusaha untuk menghadapi isu ini secara terperinci, khususnya memandangkan kepesatan pembangunan di negara, yang sudah pasti akan melibatkan tanah-tanah yang diduduki oleh kuil-kuil Hindu; maka, masyarakat Hindu tempatan mungkin terpaksa menghadapi insiden perobohan kuil-kuil Hindu, khususnya yang didirikan di tanah bukan miliknya.

Oleh sebab itulah, walaupun menyedari betapa sukar dan cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapi, tanpa mengharapkan bantuan pihak lain, kami relakan diri untuk melakukan kajian ini pada

CamScanner

peringkat negeri Melaka yang bersejarah ini. Kami mengadakan sesi perbincangan dengan pelbagai pihak, termasuk ketua-ketua agama dan masyarakat sebelum memulakan kajian ini secara bebas dengan pertolongan dan bantuan pakar-pakar kajian sosial. Kini kajian ini telah selesai dilakukan.

Persatuan Pengkaji Sosial Sukarela Melaka yang menerajui kajian ini dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia, meneliti kuil-kuil di negeri Melaka dari segi sejarahnya, pentadbirannya, status tanahnya, status pendaftarannya, kemudahan-kemudahan di kuilnya, perayaan-perayaan agamanya, aktiviti-aktiviti budaya-bahasa-seni-sasteranya, aktiviti sosialnya, kewangannya, masalah-masalah yang dihadapinya, dan rancangan pembangunan yang difikirkannya. Berdasarkan dapatan-dapatan ini, keupayaan pihak kuil untuk menghadapi dan mengatasi cabaran-cabaran semasa dianalisis, serta diberikan beberapa saranan bagaimana isu ini dapat ditangani oleh pihak penganut, pentadbiran, pemimpin masyarakat mahupun agensi-agensi kerajaan.

Di samping itu, kedudukan kuil-kuil Hindu di negeri Melaka sebenarnya menunjukkan sejarah kependudukan masyarakat Tamil-Hindu di negeri Melaka sejak menetap di negeri ini pada awalnya. Kajian ini juga merupakan usaha untuk merekodkan sejarah ini sebelum kesan-kesannya hilang ditelan pembangunan. Selain itu, menyedari betapa kebanyakan penganut Hindu di negara ini tidak berpeluang menerima didikan dalam hal ehwal agama Hindu secara tertib, kami juga memasukkan beberapa maklumat serta penerangan yang berkaitan dengan agama Hindu di negeri Melaka.

Dalam bahagian pertama buku ini, hasil kajian terhadap kuil-kuil Tamil-Hindu di negeri Melaka dibentang. Dalam bahagian kedua makalah khas tentang agama Hindu hari ini, serta, karangan tentang peranan pedanda di kuil, dimuatkan. Bahagian ketiga pula mengandungi nota ringkas terhadap setiap kuil dalam kajian ini, berserta dengan gambar-gambarnya sekali. Bahagian keempat pula mengandungi rencana-rencana tentang badan-badan yang berorientasikan agama Hindu di negeri Melaka pada ketika ini, yang memberikan gambaran terhadap aktiviti masing-masing. Kesemuanya ini disampaikan dalam bahasa Melayu dan bahasa Tamil agar berguna pada sesiapa sahaja yang berminat. Oleh sebab bukan semua penganut Hindu dapat membaca dalam bahasa Tamil, kami berusaha mengeluarkan versi bahasa Melayu agar berguna pada mereka dan juga pada pemimpin-pemimpin negeri dan negara yang ada kaitan dengan pentadbiran hal ehwal agama mahupun yang ingin memahami isu-isu berkaitan secara amnya.

Berdasarkan hasil kajian kuil, terdapat 4 cabaran yang utama untuk kita renungkan. Yang pertama ialah, daripada 146 kuil yang dikaji, hanya 88 buah kuil atau 60.27% mempunyai sesuatu jenis pendaftaran – *Persatuan Pengurusan Kuil*, *Persatuan Penganut Dewa*, *Persatuan Seni Budaya atau Trust/Badan Amanah* ; baki 58 kuil atau 39.73% tiada sebarang pendaftaran. Kajian ini mendapati bahawa, ada antaranya tidak ada minat untuk berdaftar langsung; manakala ada pula yang tidak memahami syarat-syarat asas untuk mendaftarkan kuilnya.

Cabaran kedua pula ialah terdapat 90 kuil atau 61.6% menduduki tanah kepunyaan pihak lain. Hanya sebilangan kecil mempunyai surat bertulis daripada pemilik yang membenarkan pembinaan kuil berkenaan manakala yang lain tiada sebarang kebenaran walaupun ada yang mengaku ada kebenaran lisan yang tidak dapat dibuktikan. Hanya 56 kuil atau 38.4% yang sedia mempunyai tanah miliknya sendiri. Oleh itu, pemilikan tanah bagi kuil memang menjadi sesuatu yang rumit.

Cabaran ketiga pula ialah lebih 40% kuil wujud di kawasan yang kurang didiami oleh penganut Hindu di ladang mahupun kawasan-kawasan yang terpinggir. Kuil-kuil ini memang menghadapi masalah pentadbiran, penyelenggaraan, pemilikan tanah, kekurangan penganut, kewangan dan sebagainya.

Cabaran keempat pula ialah hampir 80% kuil dalam kajian ini sejak dahulu masih mengutamakan aktiviti rutin seperti *pooja*, *thiruvizha*, *ubayam* dan sebagainya, dan belum menampakkan perubahan

CamScanner

mengikut zaman dengan memberikan tekanan pada ilmu dan kemahiran dalam hal ehwal agama, bahasa, seni, budaya, pembangunan sosial, dan perpaduan. Kurang daripada 20% kuil sahaja menampakkan kecenderungan untuk berubah mengikut tuntutan zaman.

Dalam Hindudharma, disebut, 'apabila kuil didirikan dan telah diaktifkan melalui kaedahnya di sesuatu tempat, maka penjara di tempat itu akan ditutup'. Maksudnya, kuil di sesuatu tempat akan menjadi identiti bagi penganut di tempatnya. Ia bukan sahaja menjadi pusat untuk ber*pooja*, dan, ber*thiruvizha*; malah melalui peranannya menyemaikan hukum-hukum dan nilai murni agama dalam kalangan para penganut, menyebabkan mereka mencapai ketertiban peradaban yang baik. Hal ini mempengaruhi individu, keluarga dan komuniti setempat sehingga mereka menjadi warganegara yang bertanggungjawab. Akan menjadi sumber kebanggaan, jika kuil-kuil Hindu kini dapat memainkan peranan seperti ini.

Melalui kajian ini, yang terbahagi pada enam dimensi, kami mengumpulkan dan membentangkan data tentang kuil-kuil Hindu di Melaka, cabaran-cabaran yang dihadapinya, perayaan dan aktiviti agama dan sosial yang dilakukannya, program-program sosial yang dijalankannya, kewangannya dan perancangan masa hadapannya. Berdasarkan dapatan-dapatan kajian ini, setelah berbincang dengan badan-badan mahupun kumpulan yang berkepentingan, kami mengemukakan 74 saranan demi menghadapi cabaran-cabaran ini dalam usaha untuk mengatasinya.

Sebagai pengkaji, kami sekadar mengemukakan saranan dan juga beberapa kaedah bagaimana saranan-saranan ini dapat dihidupkan melalui tindakan. Hal ini dikemukakan kepada semua penganut agama Hindu di negeri Melaka, pemimpin-pemimpin kuil dan agama Hindu, pemimpin-pemimpin sosial mahupun politik yang memegang peranan aktif di negeri Melaka, dan, di peringkat nasional, dengan matlamat untuk membaiki kedudukan masyarakat Hindu/India di negeri Melaka, khasnya. Sama ada mahu menerima atau menolak saranan-saranan yang kami kemukakan terpulang pada pihak-pihak yang memainkan peranan penting dalam pengendalian hal ehwal kuil Hindu. Amat baik, jika pengubahsuaian dan penambahan dapat difikirkan dan dilaksanakan ke arah kecemerlangan peranan kuil.

Kajian ini yang dimulakan pada tahun 2018 sepatutnya telah tamat pada tahun 2020 dan terbit dalam bentuk buku, tetapi pelbagai rintangan yang kami hadapi menyebabkan ia terlaksana hanya pada tahun 2022.

Dalam sejarah negara Malaysia, sering disebut 'segala-galanya bermula dari Melaka' – dan kuil-kuil Hindu tertua yang masih digunakan juga terdapat di negeri ini – maka sesuailah kajian ulung yang menyeluruh pada kuil-kuil Hindu juga mula-mula muncul di negeri yang bersejarah ini. Kami berharap, kuil-kuil Hindu di Melaka, terus berubah wajah mengikut tuntutan zaman, agar dapat mengekalkan identitinya berdasarkan lunas-lunas agama Hindu di samping berdaya memimpin penganut Hindu dalam semua aspek kehidupan mereka supaya mereka dapat menampilkan diri sebagai warganegara Malaysia yang dapat dibanggakan. Dengan cara ini, kuil-kuil di Melaka dapat menjadi teladan pada kuil-kuil di negeri-negeri lain. Jika pihak-pihak yang terlibat mendapatkan bantuan daripada yang mempunyai kepakaran-kepakaran yang sesuai untuk bergerak ke arah pencapaian kecemerlangan kuil, maka peluang kejayaan adalah cerah. Itulah harapan jawatankuasa kajian ini.

Terima kasih

DATUK PROF. DR. PARAMASIVAM MUTHUSAMY
Pengerusi,
Persatuan Pengkaji Sosial Sukarela Melaka

April, 2022

CamScanner

KANDUNGAN

LATAR KAJIAN	**1**
LATAR BELAKANG KAJIAN	3
PERMULAAN KAJIAN	27
BAHAGIAN A – HASIL KAJIAN	**43**
DIMENSI 1 – BUTIR-BUTIR ASAS	45
DIMENSI 2 – PENTADBIRAN KUIL	80
DIMENSI 3 – KEWANGAN	103
DIMENSI 4 – PROGRAM-PROGRAM TAMBAHAN DI KUIL	110
DIMENSI 5 – PERSEPSI PIHAK KUIL / CABARAN	116
– RANCANGAN PEMBANGUNAN	120
DIMENSI 6 – KESIMPULAN DAN SARANAN	124
PENUTUP KAJIAN	151
BAHAGIAN B	**165**
AGAMA HINDU SEIMBAS PANDANG	167
PERANAN ARCAGAR ATAU PEDANDA DI KUIL HINDU	180
RUJUKAN	183
BAHAGIAN C	**187**
CATATAN TENTANG KUIL-KUIL HINDU DI NEGERI MELAKA	
KUIL-KUIL DI DAERAH MELAKA TENGAH	189
KUIL-KUIL DI DAERAH JASIN	243
KUIL-KUIL DI DAERAH ALOR GAJAH	299
BAHAGIAN D	**365**
BADAN-BADAN BERORIENTASI AGAMA HINDU DI NEGERI MELAKA	367
PENGHARGAAN	**444**
GLOSARI	**450**

CamScanner

CamScanner

LATAR KAJIAN

CamScanner

CamScanner

LATAR BELAKANG KAJIAN KUIL HINDU DI NEGERI MELAKA, 2019/20

Minat untuk mengkaji sejarah, latar belakang, serta pentadbiran kuil-kuil Hindu di negeri Melaka memang telah wujud dalam kalangan pihak-pihak tertentu selama ini. Pihak *Malaysia Hindu Sangam* di Melaka telah cuba melakukannya pada tahun-tahun 1980-an, tetapi skop dan hasilnya adalah terhad, dan bertujuan untuk kegunaannya sendiri sahaja. Pihak Kongres India Malaysia (MIC), Melaka juga cuba menyenaraikan kuil-kuil di negeri Melaka, tetapi tidak dapat disempurnakan. Pada tahun 2009, Persatuan Tamil Melaka telah melakukan kajian tentang bilangan kuil Hindu di negeri Melaka sebagai sebahagian daripada program PESTA TAMIL MELAKA dengan kerjasama Dr.Paramasivam Muthusamy, pensyarah Universiti Putra Malaysia. Kajian ini telah mengesan 99 buah kuil Hindu di Melaka, dan beberapa butir tentang kuil-kuil itu serta senarainya dimuatkan dalam buku kecil dalam bahasa Tamil, yang bertajuk ***MASYARAKAT TAMIL NEGERI MELAKA, Pendidikan, Agama dan Pertubuhan Sosial*** terbitan SEMMOODHAI Publishers, dengan Dr. M. Paramasivam sebagai penyunting buku itu pada tahun 2016.

Ekoran perbincangan kandungan buku kecil itu membawa kesedaran bahawa antara tiga aspek yang dibincangkan dalam buku kecil itu, iaitu pendidikan (sekolah-sekolah), badan-badan sosial India/Tamil, dan kuil-kuil Hindu di negeri Melaka, didapati aspek yang paling kurang hasil penyelidikan ialah kuil-kuil Hindu. Walaupun kajian tersebut menunjukkan 99 buah kuil Hindu wujud di Melaka – dan bilangan ini lebih tinggi daripada yang dilaporkan oleh *Malaysia Hindu Sangam* Melaka, - namun, banyak butir kuil-kuil ini belum dikumpulkan secara teratur dan direkodkan sebagai suatu bukti bagi kegunaan dan rujukan generasi akan datang.

KURANG KAWALAN

Lebih-lebih lagi, sehingga sekarang, kuil-kuil Hindu di negeri Melaka – mahupun di negara Malaysia – tidak benar-benar dikawal selia oleh mana-mana agensi kerajaan secara rasmi. Dari dahulu kuil-kuil Hindu didirikan oleh penganutnya di tempat-tempat tinggal mereka dan juga di tempat-tempat kerja mereka – selalunya dengan ihsan majikan mereka sahaja, tanpa perlu mendapatkan kebenaran daripada mana-mana pihak yang lain. Segala perbelanjaan ditanggung oleh penganut-penganut di situ, dan besar kecilnya kuil itu menurut kemampuan yang ada pada mereka sahaja. Di bandar-bandar sahaja, para penganut telah perlu membeli lot tanah untuk membina kuilnya, dan mendapatkan kelulusan daripada kerajaan tempatan untuk pembinaan bangunan kuil. Malah, di kawasan pinggir bandar juga terdapat kuil yang dibina tanpa kebenaran di tanah kerajaan oleh penganut yang tinggal di sana.

Keadaan ini wujud kerana kebanyakan orang India/Tamil yang dibawa ke Malaysia/Melaka bertumpu di ladang-ladang getah, yang tersedia dengan tempat tinggal untuk tenaga buruhnya dan di kawasan perumahan buruh-buruh jabatan kerajaan di kawasan-kawasan tertentu. Buruh-buruh Hindu telah dapat mendirikan rumah ibadat menurut kemampuan masing-masing berhampiran tempat kediaman mereka dengan ihsan majikan mereka sahaja. Bagi majikan-majikan pula, hal ini tidak mendatangkan masalah kerana ia membantu buruh-buruh mereka berasa selesa di tempat bertugas mereka. Bagi yang menduduki perumahan kerajaan pula, penganut agama Hindu yang menjadi majoriti di situ, dan mereka mendirikan kuil di pekarangan kuarters mereka tanpa apa-apa kelulusan rasmi.

Keadaan ini wujud sebelum negara merdeka pada tahun 1957, dan selepas kemerdekaan juga tiada banyak perubahan dilakukan untuk mendaftarkan kuil-kuil Hindu di dalam negara Malaysia mahupun di dalam negeri Melaka khususnya, kerana kebanyakan kuil ini terletak dalam kawasan ladang kepunyaan swasta.

CamScanner

Namun, apabila beberapa konflik timbul apabila kuil-kuil yang sedia ada terpaksa diroboh atas sesuatu sebab, maka timbul reaksi daripada penganut agama Hindu membawa kepada ketegangan dalam kalangan masyarakat majmuk di negara ini.

Pada bulan Mac, 1998 telah berlaku satu konflik antara orang Hindu dan Islam di Pulau Pinang yang berkaitan dengan rumah ibadat Hindu di sana. Ekoran daripadanya, kerajaan Malaysia mengumumkan bahawa rumah-rumah ibadat Hindu yang tidak dibina secara sah akan dikaji semula dan tindakan akan diambil mengikut undang-undang. Bagaimanapun, pelaksanaan arahan itu tidak ketara selepas itu, dan, hal itu tidak dibincang secara rasmi selepas itu.

Dalam beberapa dekad selepas merdeka, kebanyakan orang Hindu-Tamil, yang dahulunya menetap di ladang-ladang getah, telah terpaksa keluar untuk mencari nafkah hidup di luar estet, tempat yang dianggap oleh mereka sebagai rumah atau `*kampung*' mereka selama beberapa generasi yang lalu. Ladang-ladang kepunyaan Inggeris bertukar tangan kepada agensi dan syarikat tempatan, dan pokok getah pula mula digantikan dengan pokok kelapa sawit dan ada juga tanah ladang digunakan untuk perumahan dan pembangunan industri.

Pekerja Hindu-Tamil yang keluar dari ladang-ladang getah telah mula menetap di kawasan-kawasan pinggir bandar, taman-taman perumahan, kampung baru, pekan dan kawasan setinggan, yang memberikan pengalaman baharu pada mereka untuk hidup dalam kalangan jiran tetangga dan penduduk pelbagai kaum yang kadang-kadang kurang selesa dengan amalan-amalan orang-orang Hindu berkenaan. Pada masa dahulu, kawasan perumahan di ladang getah dan kawasan-kawasan perburuhan yang lain, diduduki oleh orang-orang Hindu, dijirani oleh orang-orang bukan Hindu yang bekerja di tempat yang sama, dan percampuran antara mereka agak rapat dan dalam deretan masa mereka telah dapat hidup aman tanpa sebarang prasangka mahupun kurang keselesaan.

Hal ini sama sekali berbeza apabila bekas pekerja ladang kini berkongsi kawasan-kawasan baharu dengan orang-orang yang bukan sahaja berlainan kaum dan agama, bahkan juga bekerja di tempat-tempat yang berlainan dengan peluang bercampur antara satu sama lain sangat terbatas.

Hal ini menyebabkan pergeseran berlaku dengan mudah. Di kawasan yang ada ramai penduduk Melayu yang beragama Islam, memang wujud suasana ketidaksenangan terhadap amalan-amalan agama Hindu – khususnya jika ada simbol-simbol yang kurang disenangi oleh orang Melayu yang beragama Islam.

PENCEROBOHAN KUIL

Mungkin inilah sebabnya telah berlaku pemusnahan *Vigraha dewa/dewi* di beberapa kuil Hindu di Selangor dan Kuala Lumpur pada bulan April-Mei, 2006. Sebagai contoh, pada bulan April, 2006, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur merobohkan Kuil *Malaiammal Sri Selva Kaliamman* dengan alasan ia tiada dokumen kelulusan dan dianggap tidak mematuhi undang-undang. Pihak kuil ini pula mendakwa bahawa kuil-kuil ini berusia lebih 100 tahun – dan dibina sebelum peraturan-peraturan kerajaan tempatan wujud. Lebih-lebih lagi pada ketika itu tiada sebarang keperluan untuk mendapatkan kebenaran bertulis daripada mana-mana pihak sekalipun.

Masalah yang dihadapi oleh kuil-kuil Hindu di negara, cara kerajaan tempatan bertindak, dan tindakan oleh sesetengah kumpulan dalam masyarakat menceroboh masuk dan memusnahkan *vigraha* (*Vigraha dewa/dewi*) di kuil-kuil Hindu menimbulkan rasa kurang senang sehingga jawatankuasa khas dibentuk oleh persatuan dan badan-badan bukan kerajaan untuk menangani hal ini. The *Hindu Rights Action Force*, atau *HINDRAF*, mengadakan tunjuk perasaan secara besar-besaran pada tahun 2007. Kehangatan hal ini tidak disenangi kerajaan.

CamScanner

Kerajaan pula mengadakan dialog dengan Majlis Hindu Malaysia *(Malaysia Hindu Sangam), Malaysia Hindhudharma Maamandram*, Majlis Belia India Malaysia (MIYC) – tanpa melibatkan *HINDRAF* – untuk mencari kaedah mengatasi masalah-masalah yang wujud. Namun, langkah-langkah yang diambil selepas itu tidaklah begitu ketara.

Selalunya, apabila ada projek pembangunan yang memerlukan pemindahan atau berlaku perobohan kuil, barulah tindakan diambil, dan masalah timbul. Juga, apabila ada hal-hal pencerobohan terhadap kuil-kuil Hindu berlaku, memang hal ini berbangkit dan suasana menjadi hangat. Pada ketika-ketika lain, hal ini terbiar begitu sahaja.

Pada tahun 2016, tindakan memusnahkan *vigraha* di kuil Hindu berlaku lagi. Di Pulau Pinang sahaja, 3 kuil – *Kuil Muthu Mariamman* (Ara Kuda), *Kuil Sri Madurai Veeran* (Sungai Nibong Kecil), dan *Kuil Sri Muneswarar* (Jalan Baru) mengalami pencerobohan. *Kuil Muniswarar* di Petaling Jaya juga dicerobohi pada tahun yang sama.

Oleh sebab kesemua kuil ini tiada kamera litar tertutup, maka penceroboh tidak dapat dikesan, dan pihak polis menasihati pentadbir kuil untuk memasang kamera berkenaan secepat mungkin. Kuil-kuil juga diminta menyediakan pengawal untuk mengawal keselamatannya. Namun, kebanyakan kuil tidak mampu berbuat demikian. Pihak keselamatan tidak dapat menangkap atau menghadap penceroboh ke muka pengadilan tanpa sebarang bukti yang jelas.

Pada tahun 2016 juga, kerajaan negeri Selangor bercadang untuk membuat relokasi sebuah kuil Hindu dari seksyen 19 ke Seksyen 23 di Shah Alam. Suatu kumpulan yang tidak berpuas hati tentang relokasi itu, telah membawa kepala lembu ke Kompleks Kerajaan Selangor di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah untuk membantah pembinaan kuil Hindu di sana. Oleh sebab lembu dianggap mulia dalam agama Hindu, perbuatan ini menimbulkan kemarahan dan kegelisahan kaum Hindu, bukan sahaja di Selangor, bahkan juga di seluruh negara.

Di Melaka juga beberapa kuil telah diceroboh, khususnya selepas tahun 2006. Ada beberapa kuil dirobohkan oleh Majlis Kerajaan Tempatan, khususnya kerana didirikan tanpa kebenaran mahupun di kawasan yang menunggu pembangunan. Sesetengah kuil ini dibina di tanah orang lain tanpa kebenaran sah, dan apabila tanah itu digunakan untuk pembangunan, kuil di situ terpaksa diroboh. Kuil yang didirikan dalam kawasan rumah di taman perumahan juga diroboh kerana kebenaran dan kelulusan untuk pembinaannya daripada Majlis Kerajaan Tempatan tidak diperoleh.

Membina kuil hanya di tapak-tapak yang dikhususkan untuk kuil tidak menjadi amalan dalam kalangan kebanyakan penganut Hindu sejak dahulu lagi di Melaka. Hal ini adalah kerana belum wujud sistem untuk menyelaras dan mengawal pembinaan kuil Hindu di Melaka daripada kerajaan pusat mahupun kerajaan negeri pada masa lampau. Malah telah tiada peraturan yang mewajibkan tuan punya ladang untuk mendapatkan kebenaran atau mendaftarkan kuil Hindu yang terbina di tanahnya.

MAHOMEDAN AND HINDU ENDOWMENTS

Namun, dari segi sejarah, di Melaka, di bawah pentadbiran jajahan British, pada tahun 1905 telah wujud *ORDINANCE NO.92 – MAHOMEDAN AND HINDU ENDOWMENTS – To administer Mahomedan and Hindu Religious and Charitable Endowments* di negeri-negeri Selat – Singapura, Melaka dan Pulau Pinang.

Malangnya, oleh sebab hampir semua kuil Hindu-Tamil terletak di ladang-ladang getah serta di kawasan perumahan kakitangan kerajaan di luar bandar – iaitu kawasan-kawasan orang miskin, dan dianggap kuil-kuil ini cuma sebagai tempat ibadat harian tanpa sebarang harta, usaha untuk meliputi

CamScanner

kesemuanya untuk menerima faedah daripada enakmen ini tidak berlaku. Ordinan ini mungkin terpakai pada kuil-kuil di bandar Melaka sahaja, tetapi butir-butir lanjut tentang pelaksanaan Ordinan ini dalam hal ehwal agama Hindu tidak diketahui secara jelas, kerana rekod-rekodnya tidak dapat dikesan semasa kajian ini dilakukan.

Selepas negara merdeka, Ordinan ini nampaknya tidak berkuat kuasa lagi. Kesan Ordinan ini pada kuil-kuil Hindu mahupun aktiviti amal Hindu tidak ketara sebelum negara merdeka sekalipun. Kini Ordinan ini telah dipisahkan antara Mahomedan (Islam), dan Hindu, di Singapura dan di Pulau Pinang. Ordinan ini menjadi asas untuk pentadbiran hal-hal yang berkaitan agama Islam di negeri Melaka, manakala hal-hal berkaitan agama Hindu dibiarkan begitu sahaja. Kini tiada apa-apa akta, ordinan atau wakaf yang mengawal penubuhan, pembinaan dan pengendalian kuil-kuil Hindu mahupun hartanya di Melaka, atau hal ehwal agama Hindu secara rasmi.

Pada masa kajian ini lakukan (2019), usaha untuk mewujudkan Lembaga Wakaf Hindu/India di Melaka difikirkan oleh YB En.G.Saminathan, Ahli Exco Kerajaan Negeri Melaka dengan direstui oleh YAB Ketua Menteri Melaka masa itu YAB Tuan Adly Zahari. Bagaimanapun, hasrat yang dirancang yang memerlukan pelbagai langkah, proses dan masa untuk berjaya tidak dapat diteruskannya apabila pucuk pimpinan Kerajaan Negeri Melaka berubah pada awal tahun 2020. Kerajaan Negeri Melaka yang baharu tidak mempunyai pemimpin berketurunan India yang menganuti agama Hindu yang mahu meneruskan hasrat ini. Rancangan ini nampaknya tergendala begitu sahaja.

Nyatalah tiada mana-mana agensi yang bertanggungjawab khusus untuk meluluskan penubuhan kuil Hindu dan memantau perjalanannya dengan cara yang teratur. Pihak Pendaftar Pertubuhan di Malaysia memang mengeluarkan pendaftaran pada jawatankuasa-jawatankuasa yang mentadbirkan kuil, jika ada permohonan kepadanya. Kuil-kuil yang tidak berminat untuk berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan dapat terus wujud tanpa sebarang pendaftaran.

KE ARAH KAWALAN

Jika sesuatu pihak ingin membina kuil baharu di sesuatu tapak, maka permohonan dihantar kepada Kerajaan Tempatan untuk kelulusan. Permohonan itu dimajukan pada Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) pada peringkat Kerajaan Negeri yang mendapatkan reaksi dan pandangan daripada pelbagai agensi dan komuniti setempat sebelum meluluskan pembinaan kuil dan rumah ibadat lain yang bukan Islam. Namun, Jawatankuasa ini, walaupun mempunyai maklumat tentang semua rumah ibadat bukan Islam di negeri Melaka, tidak berfungsi sebagai badan yang menasihati atau menyelaras rumah-rumah ibadat bukan Islam yang sudah sedia wujud.

Kemudian telah wujud *Malaysia Hindu Sangam*, yang bergerak sebagai Majlis Agama Hindu Malaysia, dan menjadi sebuah badan induk untuk agama Hindu di Malaysia, didaftarkan sebagai sebuah syarikat di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Demikian juga, ada suatu badan nasional lain yang bernama *Malaysia Hindhudharma Maamandram*. Walaupun kedua-duanya mempunyai cawangan di setiap negeri di Malaysia, namun, aktiviti-aktivitinya menarik hanya sebahagian daripada kuil-kuil Hindu dan pihak pengurusannya.

Pihak *Malaysia Hindu Sangam* cuba mendaftarkan kuil-kuil di Malaysia melalui cawangannya di semua negeri, tetapi usahanya juga tidak sempurna kerana pelbagai faktor – khususnya kerana banyak juga pentadbir kuil kurang memahami peri penting gabungan seperti ini, dan ada pula yang tidak bersetuju dengan garis panduan yang dikeluarkan untuk pentadbiran kuil oleh Majlis ini.

Bagaimanapun, pada tahun 2009 dan 2012 *Indus Education Foundation* yang diketuai oleh Tan Sri G.Nyanalingam telah menyumbangkan RM150,000 kepada *Malaysia Hindu Sangam* untuk

CamScanner

mengumpulkan maklumat tentang kuil-kuil Hindu di seluruh negara Malaysia. Kemudian, Perdana Menteri Malaysia ketika itu, YAB Datuk Seri Najib Razak, yang inginkan sesuatu penyelarasan dalam hal ehwal kuil-kuil Hindu meluluskan dana sebanyak RM350,000 untuk usaha yang sama. *Malaysia Hindu Sangam* diberi tanggungjawab untuk menyampaikan data berkenaan tetapi mereka tidak menyempurnakan tugas itu.

Apabila SEDIC diwujudkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, *Unit Identiti dan Penyertaan* telah memohon semua maklumat yang dikumpulkan oleh *Malaysia Hindu Sangam*, dan dengan kerjasama Pendaftar Pertubuhan dan usahanya sendiri, telah menyediakan suatu daftar kuil-kuil Hindu di negara ini. Butir-butir ini memang dianggap terkumpul oleh *Malaysia Hindu Sangam* - tetapi dipadukan oleh Unit Identiti dan Penyertaan di Jabatan Perdana Menteri, dan digunakan oleh SEDIC untuk merancang tatacara membantu kuil-kuil ini memainkan peranannya yang sebenar. Namun, apabila pucuk pimpinan negara berubah dalam Pilihan Raya Umum Malaysia ke-14, usaha ini terbantut, walaupun MITRA telah menggantikan SEDIC dan ditempatkan di bawah Kementerian Perpaduan. Sehingga kini hasil kajian ini tidak diumumkan secara rasmi untuk makluman orang ramai.

Jadual 1: KUIL-KUIL YANG DISAHKAN DAN YANG TIDAK DISAHKAN MENGIKUT NEGERI

Bil.	Negeri	Yang Disahkan	Yang Tidak Disahkan	Jumlah
1	Perlis	10	-	10
2	Kedah	229	26	255
3	Pulau Pinang	141	4	145
4	Perak	380	24	404
5	Selangor	611	49	660
6	WPKL	219	18	237
7	Negeri Sembilan	221	6	227
8	**Melaka**	**108**	**2**	**110**
9	Johor	223	25	248
10	Pahang	119	6	125
11	Kelantan	23	1	24
12	Terengganu	4	-	4
13	Sabah	6	-	6
14	Sarawak	4	-	4
15	WP Labuan	1	-	1
16	Tidak dapat dikesan	-	35	35
	Jumlah	2299	196	2495

Sumber dari Identity & Inclusion (SEDIC) 13 Julai, 2017

Daftar ini menunjukkan bahawa terdapat 2,495 buah kuil Hindu di seluruh negara Malaysia, yang terdiri daripada 2,299 buah yang dapat disahkan oleh pengumpul data manakala terdapat 196 buah lagi yang tidak dapat disahkan dari segi pihak yang menguruskannya. Di Melaka pula disenaraikan 108 buah kuil yang disahkan manakala 2 buah kuil tidak dapat disahkan oleh pengumpul data, sejumlah 110 buah. Dalam kajian ini, mereka tidak memasukkan kuil-kuil di bawah pokok mahupun di halaman kediaman keluarga.

CamScanner

LATAR KAJIAN

Hal-hal yang disenaraikan dalam kajian ini ialah alamat kuil, pemilikan tanah - sama ada dipunyai oleh kuil sendiri, atau menduduki tanah kerajaan dengan ihsan bertulis (assigned) atau tidak, tanah ladang, tanah pihak ketiga, atau, tidak ketahui pemiliknya. Ia juga menggolongkan '*dewa dewi*' pada *Amman* (56.9%), *Muniswaran* (21.1%), *Murugan* (8.3%), *Vinayagar* (4.2%), *Sivan* (2.5%) *Vishnu* (2.3%) dan lain-lain (4.7%). Bilangan kuil yang berdaftar dan yang tidak berdaftar juga diberikan tanpa pecahan jenisnya. Butir-butir asas ini memanglah berguna jika ada usaha untuk merancang kajian tambahan mahupun perancangan lanjut.

KEDUDUKAN KUIL

Namun, kajian yang kami lakukan di negeri Melaka memang lebih meluas skopnya untuk menyelam lebih mendalam kedudukan kuil-kuil di negeri Melaka khususnya, termasuk pentadbiran mahupun program-programnya sekali.

Oleh sebab penganut agama Hindu yang menetap di Malaysia mempunyai latar belakang yang berbeza antara satu sama lain, dan amalan-amalan agama Hindu di tempat asal mereka di India juga ada kelainan antara satu sama lain, maka pandangan-pandangan setiap kumpulan agak berbeza dan sukar mencari titik pertemuan untuk semua. Tanpa usaha-usaha kesedaran dalam kalangan penganut agama Hindu tempatan, sebarang garis panduan yang dikeluarkan oleh badan seperti *Malaysia Hindu Sangam* tidaklah berkesan, khususnya dalam kalangan penganut yang kuat berpegang pada amalan tradisional turun-temurun.

Tambahan pula, dasar penjajah yang mengamalkan dasar 'pecah dan perintah' dengan licik sekali, memilih kaum buruh daripada Negeri Tamil Nadu dan Negeri Andhra di Selatan India, manakala pegawai-pegawai pertengahan di ladang-ladang getah pula dipilih daripada kalangan terpelajar dari Negeri Kerala dengan pegawai-pegawai jabatan kerajaan daripada yang terpelajar dari negara Ceylon yang kini dikenali sebagai Sri Lanka.

Buruh dari Selatan India kebanyakannya pengamal agama Hindu, yang mengamalkan agama Hindu seperti di kawasan-kawasan desa di negeri Tamil Nadu dan Andhra dengan berbagai-bagai kelainan antara satu sama lain. Pegawai-pegawai penyelianya pula dari Kerala dan kebanyakannya beragama Kristian, agar mudah berinteraksi dengan pihak pengurusan ladang melalui gereja. Pegawai-pegawai ini memahami bahasa Tamil dan mudah mengawal pekerja Tamil/Telegu di ladang. Kaum Tamil Sri Lanka pula beragama Hindu, tetapi sebutan bahasa Tamil mereka ada sedikit kelainan daripada bahasa Tamil yang dituturkan oleh orang Tamil dari Tamil Nadu. Memandangkan orang Tamil dari Sri Lanka berpendidikan Inggeris dan berjawatan tinggi, sifat meninggi diri dan memandang rendah pada buruh Tamil memang menjadi kenyataan dari segi sejarah di negara ini yang ada impak hingga pada hari ini. Kumpulan ini tidak menganggap kumpulan buruh dari India Selatan sebagai setara dengan mereka.

Sehingga sekarang, kesan perpecahan ini ada kesinambungannya dari segi ekonomi, pendidikan, kedudukan sosial, mahupun dalam pemilikan kuil Hindu yang eksklusif. Kaum pemodal Tamil, iaitu *Nattukottai Chettiar* dari Tamil Nadu, yang dibawa oleh penjajah Inggeris untuk menyediakan modal dan memberikan pinjaman yang perlu untuk menjayakan pembangunan ekonomi negara – memandangkan pada ketika itu belum ada institusi bank seperti yang kita faham pada hari ini – datang ke Malaya dan menetap di bandar-bandar besar di seluruh negara, termasuk di Jalan Hang Jebat (Kampung Keling) di Melaka. Kaum pemodal ini juga mengekalkan kedudukan eksklusif mereka, dan tidak mencampuri hal ehwal buruh Tamil di negara ini. Walaupun kaum *Chettiar* ini telah memiliki banyak ladang getah di Melaka dengan menggajikan pekerja-pekerja Tamil-Hindu, namun, mereka mengekalkan garis pemisahan antara diri mereka dan pekerja-pekerja ini. Kuil-kuil yang didirikan oleh kaum *Chettiar* di bandar-bandar Malaysia ditadbirkan secara eksklusif oleh kaum ini sehingga ke hari ini.

CamScanner

Perbezaan-perbezaan ini memang menerbitkan jenis-jenis kuil yang berlainan di kawasan-kawasan yang diduduki oleh kumpulan-kumpulan ini tanpa kawalan atau seliaan mana-mana pihak. Di negeri Melaka juga keadaan yang sama wujud.

Keadaan yang wujud sebelum negara merdeka berterusan selepas kemerdekaan. Pada masa kami meneliti bidang ini, tiada pihak yang mempunyai butir-butir kuil di Melaka, dan pembangunan pesat di dalam negeri memang menyebabkan banyak kuil di kawasan-kawasan ladang dan luar bandar tertinggal ataupun berada jauh dari tempat tinggal para penganut. Sudah tentu sebilangan kuil sudah hilang ditelan zaman, pembangunan mahupun penghijrahan penganut ke kawasan lain. Sebelum terlambat, kami rasakan kajian ini perlu dilakukan dengan melibatkan kesemua kuil Hindu di negeri Melaka supaya wujud dokumen bertulis tentang kuil-kuil Hindu di Melaka.

Kuil-kuil Hindu di dalam negeri Melaka memberikan suatu gambaran klasik pola penempatan penganut-penganut Hindu di Melaka sejak zaman dahulu lagi. Kuil-kuil ini memberikan gambaran kawasan kependudukan orang Hindu secara berkelompok dari segi sejarah, kerana bagi orang Hindu, mereka pasti mendirikan tempat ibadat mereka di tempat mereka tinggal, dan juga di tempat mereka bekerja. Oleh itu, sejarah masyarakat Hindu dan sejarah kuil Hindu berkait rapat dan tidak dapat dipisahkan di negeri ini. Dari zaman berzaman orang Tamil mematuhi kata hikmat dalam bahasa Tamil yang menasihati orang Tamil supaya tidak tinggal di tempat yang tiada kuil!

Tetapi, memandangkan banyak ladang getah telah berubah wajah kepada ladang kelapa sawit dengan kemasukan pekerja-pekerja asing bukan Hindu, dan ada pula yang dijual kepada pemaju untuk mewujudkan kawasan industri mahupun kawasan perumahan, masa hadapan kuil-kuil yang sedia terbina di kawasan-kawasan ini tentu menjadi tanda tanya. Proses ini sedang berjalan lancar sekarang, dan jika usaha tidak dijalankan sekarang, sejarah kependudukan masyarakat India-Hindu di Melaka mungkin terpadam terus daripada ingatan generasi seterusnya.

SKOP KAJIAN

Semasa kami mengadakan perbincangan dalam kalangan pemimpin masyarakat Hindu atas cadangan kami untuk membuat kajian terperinci terhadap kuil-kuil Hindu di Melaka, ada pula yang tidak menyokong usaha kami dengan alasan, sebaik-baiknya kuil-kuil Hindu dibiarkan begitu sahaja – kerana ia adalah hal antara *dewa/dewi* berkenaan dengan penganutnya sahaja, dan tidak memerlukan orang lain mengambil tahu. Ada pula yang bimbang bahawa kajian ini akan membawa padah pada kuil-kuil Hindu di Melaka – malah di seluruh negara – kerana setakat ini pihak kerajaan sendiri tidak berbuat apa-apa dan membiarkannya begitu sahaja.

Juga ada yang berpendapat bahawa pihak kerajaan, melalui wakil-wakil yang terpilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Parlimen, mahupun Menteri, Ketua Menteri dan Perdana Menteri memang memberikan peruntukan kepada kuil dari semasa ke semasa dan langkah ini menunjukkan pihak kerajaan merestui kuil-kuil Hindu ini dan kajian seperti ini ialah suatu kerja yang sia-sia sahaja!

Walaupun sebahagian besar yang hadir dalam perjumpaan kami bersetuju bahawa kajian ini penting, pandangan-pandangan pahit seperti yang tercatat di atas juga mencerminkan sikap masyarakat Tamil-Hindu di Melaka. Kami juga meneliti sentimen-sentimen seperti ini sebelum membuat keputusan untuk meneruskan kajian ini.

Kami rasa masalah-masalah yang dihadapi oleh kuil-kuil Hindu di negeri Melaka mestilah dikenal pasti dan usaha-usaha untuk mengatasinya mestilah dimulakan oleh masyarakat Hindu

CamScanner

sendiri tanpa menunggu tindakan kerajaan. Daripada mengeluh dan beremosi semasa menghadapi sesuatu tindakan, adalah lebih elok memahami peraturan-peraturan yang sedia wujud, dan ambil tindakan-tindakan supaya kuil-kuil Hindu di Melaka berfungsi secara sah mengikut undang-undang pada peringkat kerajaan tempatan, negeri mahupun negara.

Kami bertekad untuk mengumpulkan data, menganalisisnya, dan, berdasarkan dapatan-dapatan itu, berusaha untuk mendidik pihak pengurusan kuil supaya kuil-kuil dijadikan sebagai pusat pendidikan pada masyarakat setempat agar berguna kepada semua secara positif. Walaupun kami sedar betapa berat untuk memikul tugas ini, kami juga memikirkan bahawa dapatan-dapatan kami akan juga menggerakkan badan-badan lain untuk memainkan peranannya untuk tujuan yang sama demi masyarakat dan penganut agama Hindu di Melaka.

Selain itu, hasil kajian ini akan memberikan peluang kepada semua agensi kerajaan untuk mengambil langkah sama ada untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti kuil Hindu, dalam memilih kuil yang sesuai untuk menerima bantuan-bantuan yang tersedia, membuat keputusan apabila ada permohonan untuk membeli tanah untuk kuil Hindu, atau untuk membina kuil baharu di sesuatu kawasan.

Kajian ini juga akan menampilkan masalah-masalah yang dihadapi oleh kuil-kuil Hindu di Melaka yang tidak memungkinkannya untuk memainkan peranannya secara efektif. Kami bercadang untuk menyampaikan beberapa rumusan dan cadangan untuk perhatian pengurus kuil Hindu, ahli-ahlinya, penganut-penganut Hindu yang beribadat di sana mahupun para pemimpin yang memberikan sokongan moral mahupun sumbangan kewangan dari semasa ke semasa, di samping sebagai pedoman pada pegawai-pegawai kerajaan.

Suatu kesan positif yang kami harapkan ialah soal status pemilikan tanah kuil – khususnya kuil-kuil lama yang didirikan sebelum kemerdekaan negara – dan bagaimana kuil-kuil lama ini dapat diselamatkan dengan cara memindahkannya ke tapak baharu, atau dengan cara gabungkannya dengan kuil-kuil lain di lot tanah yang bersesuaian. Pemimpin masyarakat dengan kerjasama pihak kerajaan harus dapat mengadakan dialog dengan tuan-tuan punya tanah untuk mencapai sesuatu keputusan dengan tatacara yang teratur apabila butir-butir lengkap dipersembahkan.

Dari segi pendaftaran kuil Hindu oleh kerajaan juga, kajian ini akan menunjukkan kekangan-kekangan dalam sistem yang diamalkan sekarang oleh Pendaftar Pertubuhan, dan akan ada saranan-saranan bagaimana semua kuil didaftarkan cuma selepas ia melalui proses dan tapisan yang wajar oleh pihak-pihak berwajib yang berlainan – masing-masing dengan peranannya yang tersendiri.

Pada pihak pengurusan kuil, tanggungjawab yang dipikulnya adalah berat, dan kepentingan awam yang melibatkan kebajikan dan kemudahan yang meliputi semua penganut melalui program-program di kuil haruslah diutamakan, dan gaya pengurusan yang tulus dan telus begitu penting. Kajian ini akan dapat membuat rumusan dan cadangan dalam hal ini.

Bagi para penganut agama Hindu, kuil-kuil Hindu di negeri Melaka haruslah dianggap sebagai pusat pendidikan akhlak dan duniawi sekaligus, dan bukanlah sebagai tempat melakukan upacara bersembahyang dan berpesta semata-mata. Penglibatan aktif daripada segenap peringkat umur anggota keluarga dengan program-program yang sesuai akan menghasilkan penganut yang mencerminkan ajaran-ajaran asas agama Hindu – yang akan memungkinkan mereka hidup dalam negara pelbagai agama secara harmoni, faham-memahami antara satu sama lain, bertolak ansur dan mematuhi Rukunegara pada setiap masa.

CamScanner

Memandangkan bilangan belia yang beragama Hindu yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti jenayah yang menunjukkan betapa ceteknya nilai-nilai murni daripada pemahaman agama Hindu mereka, maka adalah penting bagi kuil-kuil Hindu di negeri Melaka khasnya dan di Malaysia amnya, berdaya mengaturkan program-program yang menarik lagi berfaedah pada segenap lapisan umur dan jantina, sepanjang tahun. Lebih elok jika pemuda-pemudi Hindu tempatan aktif dalam kegiatan-kegiatan di kuil sambil mengukuhkan daya kepemimpinan, perancangan, pengendalian, pengurusan dan pendidikan umum sebagai anak Malaysia.

Dengan hasrat murni seperti inilah kami memutuskan untuk meneruskan kajian ini pada akhir tahun 2018, dan membuat perancangan untuk menyediakan soalan kaji selidik, mengumpulkan data daripada setiap kuil di negeri Melaka, menganalisis data, menyediakan dapatan-dapatan daripada analisis, menyediakan laporan, dan akhirnya membukukannya dalam bahasa Melayu dan bahasa Tamil supaya berguna pada para penganut mahupun para pemimpin negara. Kami berharap usaha kami ini akan sempurna pada akhir tahun 2020 atau pada awal tahun 2021 nanti.

PERSEDIAAN

Usaha untuk mencari sukarelawan untuk turut serta dalam kajian ini berjalan sejak akhir tahun 2018 lagi. Pada mulanya hampir 20 orang menghadiri perjumpaan kami. Sebagai kumpulan yang berkecuali, kami cuba mendapatkan kerjasama beberapa badan bukan kerajaan untuk menaja kajian ini sebagai aktivitinya, tetapi gagal dalam usaha kami kerana kebanyakan tidak mahu terlibat dalam kajian yang melibatkan agama!

Kami mengadakan perbincangan sebagai kumpulan bebas di pejabat Majlis Agama Hindu (*Malaysia Hindu Sangam*) Melaka, dan membuat keputusan untuk tidak terikat pada mana-mana persatuan yang sedia ada kerana ada kemungkinan akan menghadapi kesulitan berdasarkan garis-garis panduan yang cuba mengawal kebebasan untuk mengadakan kajian secara telus dan tulus. Oleh itu, kami mendaftarkan sebuah persatuan khusus, dengan nama **PERSATUAN PENGKAJI SOSIAL SUKARELA MELAKA** dengan Pendaftar Pertubuhan untuk menjadi landasan kajian ini pada pertengahan tahun 2019. (PPM-015-04-31072019)

Profesor Datuk Dr.M.Paramasivam dari Universiti Putra Malaysia menawarkan kepakaran penyelidikan daripada Universiti Putra Malaysia. Di Melaka, kami mempunyai beberapa sukarelawan untuk membantu, khususnya dalam usaha melawat ke kuil dan mengumpulkan data. Pada mulanya kami menemui YAB Ketua Menteri Melaka, YAB Tuan Hj.Adly bin Zahari, untuk mendapatkan restu daripada kerajaan negeri Melaka, dan beliau telah menyambut baik hasrat kami dan meminta YB En. G.Saminathan, serta Institut Tun Perak untuk membantu kami, setakat mungkin. YB En. G.Saminathan menghulurkan dana asas untuk kami memulakan kajian ini pada pertengahan tahun 2019.

Soalan kaji selidik disediakan, dan diteliti pada bulan Januari, 2019 dan percubaan terhadap 20 kuil diadakan dengan melibatkan sukarelawan yang ada. Kebanyakan yang menghadiri mesyuarat-mesyuarat awal tidak meneruskan hasrat ini, dan cuma 10 orang yang mahu terlibat. Pada mulanya belum ada elaun petrol pun dapat dijanjikan, dan lawatan ke-20 kuil yang pertama mengambil masa beberapa bulan. Pada akhir bulan Mac, 2019 data daripada 20 kuil yang pertama dikutip, dan berdasarkan pengalaman asas ini, soalan kaji selidik diubahsuai sebelum lawatan-lawatan ke kuil-kuil lain dilakukan. Sumbangan daripada YB En. G. Saminathan membenarkan sedikit elaun petrol pada para pembantu kajian ini untuk melawat kuil-kuil di negeri Melaka.

CamScanner

SOALAN KAJI SELIDIK

Alat soalan kaji selidik disediakan untuk mendapatkan maklumat daripada pihak pengurusan setiap kuil Hindu di negeri Melaka. Data yang dikehendaki terdiri daripada beberapa dimensi seperti berikut:

DIMENSI PERTAMA	• **Butir Asas Kuil & Sejarahnya** • **Ada lapan belas pecahan**
DIMENSI KEDUA	• **Pentadbiran Kuil Pada Hari Ini** • **Ada sembilan pecahan**
DIMENSI KETIGA	• **Kewangan** • **Ada empat pecahan**
DIMENSI KEEMPAT	• **Program-Program Tambahan Kuil** • **Ada sepuluh pecahan**
DIMENSI KELIMA	• **Rancangan Pembangunan, Cabaran dan Persepsi terhadap kuil** • **Ada lima pecahan**
DIMENSI KEENAM	• **Saranan dan Kesimpulan Kajian ini**

DIMENSI PERTAMA :

Dimensi ini bertujuan untuk mendapatkan data tentang nama kuil, daerah & alamatnya, pegawai kuil yang menjadi responden dan butir-butirnya, butir-butir tentang jawatankuasa yang mentadbirkan kuil, kuil-kuil di dalam lingkungan 5 km daripada tapak kuil berkenaan, tahun penubuhannya, nama asalnya, pengasasnya, perubahan-perubahan yang berlaku, bilangan ahli kuil dari dahulu, luas tanah, butir-butir pemilikan tanah, status pemilikan tanah kini, perlembagaan/ undang-undang untuk kuil, butir pendaftaran kuil dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS), keanggotaan dalam *Malaysia Hindu Sangam*, perihal Mesyuarat Agung Tahunan, keistimewaan kuil, jenis bangunan kuil dan kemudahan-kemudahan yang sedia ada di kuil.

DIMENSI KEDUA :

Dimensi ini bertujuan untuk mengetahui pentadbiran semasa, pegawai-pegawai yang terlibat dan status mereka, jumlah keahlian kuil semasa, yuran keahlian, jumlah keluarga penganut yang mengunjungi kuil, penganut/pelawat dari luar kawasan, *dewa/dewi* utama dan sampingan di kuil, jumlah *pooja* harian, jumlah kehadiran penganut dalam *pooja* harian/*pandigai/ubayam*, bayaran yang dikenakan untuk *pooja*, *thiruvizha* tahunan, kehadiran dalam *thiruvizha*, kaedah *thiruvizha*, perarakan *ther*, tajaan *ubayam*, *kumbabishegam*, larangan makanan daging, majlis perkahwinan di kuil & pendaftaran di kuil.

DIMENSI KETIGA :

Dimensi ini bertujuan untuk mengetahui kedudukan kewangan kuil, sama ada kuil ini ada akaunnya sendiri, pengendali akaun, pembentangan akaun dalam mesyuarat agung, sumber dana untuk kuil, penderma tetap, sumbangan kerajaan, harta kuil yang lain, penyata tahunan untuk tiga tahun (2016, 2017 dan 2018).

CamScanner

DIMENSI KEEMPAT :

Dimensi ini meninjau program-program di luar *pooja*/istiadat di kuil, seperti aktiviti berkaitan agama Hindu untuk penganutnya, aktiviti berkaitan bahasa Tamil/Pendidikan/Kesedaran, aktiviti amal untuk kebajikan masyarakat umum, program pendidikan untuk ahli dan ahli jawatankuasanya, ceramah agama, kursus agama, cara mengongkosi aktiviti tambahan, dan badan-badan yang bekerjasama dengan kuil.

DIMENSI KELIMA:

Dimensi ini pula meninjau rancangan pembangunan yang ada pada jawatankuasa untuk tempoh lima tahun akan datang, cabaran-cabaran yang dihadapinya, persepsi pengurusan terhadap perjalanan kuil dan persepsi sebilangan penganut terhadap kuil yang digemarinya.

DIMENSI KEENAM:

Dimensi ini pula merangkumi kesimpulan atau dapatan-dapatan kajian ini serta saranan-saranan sebagai hasil kajian ini.

CamScanner

FORMAT SURVEY

KAJIAN TENTANG KUIL HINDU DI NEGERI MELAKA

Tanda (√) di mana yang sesuai

A	DIMENSI PERTAMA	BUTIR ASAS KUIL & SEJARAHNYA

i	Nama Kuil					
ii	Alamat Kuil					
iii	Daerah					
iv	Pegawai kuil yang ditemui					
v	Jawatannya dalam Kuil		Pekerjaan:		No. Telefon:	
vi	Alamatnya					

vii	Jawatankuasa yang mentadbirkan kuil					
Bil	Nama	Kelulusan	Jawatan	Sejak tahun	Alamat	No. Telefon
1						
2						
3						
4						
5						
6						
7						

viii	Kuil-kuil lain dalam lingkungan 5 km
1	
2	
3	
4	

CamScanner

ix	Tahun Penubuhan		Nama Asal	
Ditubuhkan oleh				

x	Perkembangan / Tambahan / Perubahan yang dilakukan pada kuil hingga sekarang

xi	BILANGAN AHLI KUIL [dari dahulu hingga sekarang (ANGGARAN)]						
Sebelum 1957		Tahun 1980-an		Tahun 2000-10		Tahun 2017/18	

xii	PERIHAL TANAH KUIL

Luas tanah kuil							
		Ekar / kaki persegi					
Pemilikan Tanah Kuil							
Atas Nama Kuil		Orang Perseorangan		Tanah Syarikat / Ladang		Tanah lain	
Atas Pertubuhan Penganut		Di bawah Perintah Mahkamah (Trust Deed) pada Pemegang Amanah Kuil		Tanah kerajaan			
Nama Pemilik Tanah							
Jika pemilik tanah lain, wujudkah persetujuan daripada pemilik untuk kuil ini?							
Ada kebenaran bertulis		Ada kebenaran lisan		Tiada Kebenaran			
Jika tanah bukan kepunyaan kuil, pernahkah ada usaha untuk membeli tanah berkenaan daripada tuan punya?				Tidak Penah		Pernah	
Jika pernah, apakah keputusan yang diperoleh?							

CamScanner

xiii	PERLEMBAGAAN					
Adakah kuil ini mempunyai Perlembagaan atau Undang-Undang pentadbiran secara bertulis?			Ada		Tiada	
Bilakah peraturan-peraturan ini diwujudkan?			Tahun			
Adakah Perlembagaan kuil ini berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia (ROS)?	Tahun Berdaftar	No. Pendaftaran		Belum berdaftar		
Pendaftaran dengan ROS	Atas Nama Kuil	Atas nama Persatuan Penganut		Lain-lain		

xiv	**Adakah kuil ini berdaftar dengan *Malaysia Hindu Sangam?***	Ya		Tiada	

xv	MESYUARAT AGUNG						
Adakah Jawatankuasa yang mentadbirkan kuil ini dipilih dalam mesyuarat agungnya?							
Ya		Tidak		Jika ` **tidak**' cara JK dilantik			
Mesyuarat Agung Kuil ini diadakan					Setiap/ dwi Tahun	Pada Bulan	
Atau							
AJK dipilih setiap tahun		Dua tahun sekali		Atau			
Adakah sebarang `Trust Deed' atau perintah mahkamah tentang kepunyaan kuil ini?					Ada	Tiada	

xvi	KEISTIMEWAAN
Apakah keistimewaan kuil ini dari segi sejarahnya, atau dari segi-segi lain?	

xvii	BANGUNAN (Jenis)				
A	Kompleks Bangunan batu dalam kawasan tanah yang luas		B	Pondok simen-kayu	
C	Bangunan batu dalam kawasan tanah yang terhad		D	Kuil Terbuka - di bawah pokok / kaki batu besar dan sebagainya.	
E			F		

CamScanner

xviii	KEMUDAHAN KUIL							
	Dewan Sembahyang		Dewan Serbaguna		Tempat makan-minum		Tempat tinggal untuk petugas	
	Meja		Kerusi		Meja/Kerusi		Tempat letak kereta	
	Ther/Pedati		Berpagar		Tandas			

B	DIMENSI KEDUA	PENTADBIRAN KUIL PADA HARI INI

i	PENTADBIR UTAMA KUIL (Jika lain daripada senarai J/K di bahagian A

Bil	Nama	Umur	Pekerjaan	Kelayakan / pelajaran	Jawatan	No.Telefon
1						
2						
3						
4						
5						

ii	PENGAMAL AGAMA HINDU (*IYER/PANDARAM*), AHLI MUZIK (*NADHASWARAM/ MELAM*), PENTADBIR /PEKERJA YANG DIUPAH OLEH KUIL

	Nama	Kerakyatan	Umur	Peranan	Kelayakan	Penuh masa / Sambilan	Upah
1							
2							
3							
4							
5							
Jika tiada pegawai agama yang diupah, siapakah mengetuai upacara agama							

CamScanner

iii	JUMLAH KEAHLIAN KUIL / KEHADIRAN							
Mengikut Jenis								
Ahli Seumur Hidup		Ahli Biasa		Ahli Kehormat		Pemegang Amanah		
Yuran keahlian								
Ahli seumur hidup	RM	Ahli Biasa	RM	Setahun	RM	Sebulan		RM
Bilangan keluarga Hindu di lokasi yang menggunakan kuil ini?								
Anggaran **jumlah ahli keluarga** itu yang menggunakan kuil ini secara rutin?								
Purata penganut dari luar lokasi kuil yang datang untuk bersembahyang di kuil ini dalam masa sebulan						**Keistimewaan**		
Purata **pelawat dari luar** yang datang untuk mengunjungi kuil ini atas keistimewaannya dalam Masa sebulan?						**Tarikan**		

iv	DEWA /DEWI		
Kuil ini khusus untuk ***dewa / dewi***			
Dewa/dewi lain yang ditempatkan di sini			

v	*POOJA* /KEHADIRAN					
Masa ***pooja*** diadakan						
Pagi, tengah hari dan petang setiap hari		Pagi dan Petang setiap hari		Sekali pada pagi sahaja setiap hari		
Sekali pada petang sahaja setiap hari		..... kali seminggu		Pada waktu-waktu tertentu mengikut takwim Hindu		
Pada waktu perayaan -perayaan utama sahaja						
Hitung panjang bilangan penganut yang menghadiri *pooja* harian / berkala?						
Pagi & tengah hari		Petang		Hari Perayaan agama		*ubayam*		Waktu *thiruvizha*	
pooja-pooja khas diadakan mengikut takwim Hindu seperti berikut						
Ponggal		Rama Navami		Guru Purnima		Deepavali	
Thaipoosam		Gauri pooja		Naga Pancami		Navarathri	
Maasimagam		Ciththirai Puthaandu		Varaletcumi Viratham		Sarva Pitru Amavasai	
Citra Purnima		Ugadi		Onam		Krishna Jayanthi	
Maha Sivarathri		Hari Wesak		Vinayaga Sathurthi		Ekathasi	
Syasti		Aadi puuram					
Bayaran yang dikenakan pada penganut yang menyertai jenis-jenis ***pooja*** di kuil ini yang ditentukan oleh pihak Kuil						

CamScanner

vi	PERAYAAN KHAS (THIRUVIZHA)							
Nama Perayaan		**Lama diadakan**		**Bulan**		**Sejak bila diadakan**		
Adakah perarakan *dewa/dewi* dengan menggunakan `***ther***' diadakan?				Jika ya, `*ther*' yang digunakan kepunyaan sendiri		disewa / dipinjam		
Ya		Tidak		Bilangan yang dimiliki				
Semasa *thiruvizha* hal-hal berikut diadakan								
Paalkudam		*Kavadi*		Pertunjukan Kebudayaan		Jualan		
Adakah **bantuan polis** dipohon untuk mengawasi perarakan?						Ya		Tidak

vii	***UBAYAM***			
Adakah `***ubayam***' dibiayai oleh penganut agama di kuil ini?		Ya		Tidak
Jika ada, kira-kira berapa `*ubayam*' dilakukan di kuil ini dalam masa setahun?				
Adakah *ubayam* dbuka pada semua penganut untuk ditaja				
Atau cuma ahli-ahli tertentu yang ditentukan oleh pentadbir kuil ini				
Purata bayaran tajaan yang dikenakan				

viii	**KUMBABISHEGAM**			
Pernahkah kuil ini mengadakan *kumbabishegam*?		Ya		Tidak pernah
Jika ya, berapa kali?		Kali terakhir pada tahun		Kali akan datang
Makanan yang dibenarkan di kuil ini?		Sayur-sayuran sahaja		Daging dibenarkan

ix	**PERKAHWINAN**			
Adakah perkahwinan tradisional diadakan di kuil ini?	Ada		Tiada	
Jika `ada', adakah pendaftaran perkahwinan dijalankan di kuil ini?	Ada		Tiada	
Adakah kuil mempunyai pendaftar perkahwinan yang sah tersendiri?	Ada		Tiada	

CamScanner

LATAR KAJIAN

C	DIMENSI KETIGA	KEWANGAN

i	PENGENDALIAN KEWANGAN KUIL							
Akaun		**Akaun atas Nama**						
Ada	Tiada	**Kuil**	**Persatuan Penganut**	**Badan Amanah**	**Nama Perseorangan**	**Nama**	**Jawatan di JK Kuil**	
Penyata Kewangan dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan untuk diluluskan						Ya		Tidak	
Wang Tunai yang dibenarkan pada Bendahari pada sesuatu masa								

ii	**Selain pungutan yuran daripada ahli, apakah cara-cara dana dikutip untuk menjayakan aktiviti kuil ini?**							
Pungutan derma daripada ahli & orang ramai		Undiyal / Jualan Barangan		Sumbangan daripada dermawan khas		Cabutan Bertuah		
Ahli politik / Kerajaan Negeri / Kerajaan Pusat		Sewa kemudahan kuil/ bangunan kepunyaan kuil		Projek khas anjuran kuil				

iii	BANTUAN KEWANGAN					
Adakah kuil ini menerima **bantuan kewangan** (lebih RM 1,000.00 setahun) daripada **dermawan perseorangan** yang berterusan?						
Ya		tidak		Jika `Ya', bil penderma		
Pernahkah kuil ini menerima **bantuan kewangan daripada kerajaan / ahli-ahli politik**						
Pernah	Tidak Pernah	Jika pernah, dalam tiga tahun kebelakangan ini berapa sumbangannya?					
		Tahun	RM	Tahun	RM	Tahun	RM
Adakah kuil ini mempunyai harta lain?		Ada		Tiada			

CamScanner

iv	PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN KUIL SELAMA 3 TAHUN YANG LALU		
PENDAPATAN			
Perihal	**2016**	**2017**	**2018**
Yuran Keahlian			
Undiyal / *Pooja*			
Derma Perayaan			
Sumbangan individu atau Badan swasta kpd Kuil			
Sumbangan kerajaan			
Projek Khas			
Lain-lain			
JUMLAH			

PERBELANJAAN			
Perihal	**2016**	**2017**	**2018**
Pentadbiran			
Upah / Gaji			
Perayaan			
Pembaikan Kuil			
Projek Khas			
Lain-lain			
JUMLAH			

CamScanner

D	DIMENSI KEEMPAT	PROGRAM-PROGRAM TAMBAHAN KUIL INI

i	AKTIVITI BERKAITAN AGAMA HINDU YANG DIANJURKAN OLEH KUIL INI UNTUK PENGANUT HINDU DAN AHLI-AHLINYA (3 TAHUN YANG LALU SAHAJA)

TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	PENYERTAAN

(Please use the back of this sheet to continue, if needed)

ii	AKTIVITI BERKAITAN BAHASA TAMIL / PENDIDIKAN / KESEDARAN YANG DIANJURKAN OLEH KUIL INI UNTUK PENGANUT AGAMA HINDU DAN KELUARGA AHLI-AHLINYA (3 TAHUN YANG LALU SAHAJA)

TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	PENYERTAAN

(Please use the back of this sheet to continue, if needed)

iii	AKTIVITI AMAL - MEMBANTU ORANG MISKIN DENGAN MENGHULURKAN DERMA / MAKANAN / BARANGAN, MENYEDIAKAN KEMUDAHAN PENGINAPAN KEPADA FAKIR MISKIN, MEMBANTU PELAJAR MISKIN DENGAN BANTUAN KEWANGAN/ ALATAN SEKOLAH, MENYEDIAKAN BIASISWA KEPADA PELAJAR- DALAM 3 TAHUN KEBELAKANGAN INI

TARIKH	AKTIVITI AMAL	TEMPAT	BIL PENERIMA FAEDAH

CamScanner

iv	AKTIVITI LAIN YANG MEMBERIKAN FAEDAH KEPADA PENGANUT AGAMA HINDU MAHUPUN MASYARAKAT TEMPATAN DALAM 3 TAHUN YANG LALU, DIANJURKAN OLEH KUIL

TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	PENYERTAAN

v	PROGRAM PENDIDIKAN DALAM HAL-HAL AGAMA HINDU YANG DISERTAI OLEH AHLI-AHLI KUIL INI DALAM 3 TAHUN KEBELAKANGAN INI (TIDAK TERMASUK CERAMAH AGAMA)

TARIKH	PROGRAM	ANJURAN	BIL PENYERTAAN

vi	CERAMAH / FORUM AGAMA HINDU YANG DISERTAI OLEH AHLI-AHLI KUIL INI DALAM 3 TAHUN KEBELAKANGAN INI		
TARIKH	TAJUK	PENCERAMAH / PEMUDAHCARA	BIL AHLI YANG HADIR

vii	PROGRAM PENDIDIKAN DALAM HAL-HAL AGAMA HINDU YANG DISERTAI OLEH AHLI-AHLI KUIL INI DALAM 3 TAHUN KEBELAKANGAN INI (TIDAK TERMASUK CERAMAH AGAMA)

TARIKH	KURSUS	ANJURAN	TEMPOH	PESERTA

CamScanner

viii	KOS PENGENDALIAN AKTIVITI TAMBAHAN / KURSUS

DIBIAYAI OLEH KUIL		DIBIAYAI MELALUI DERMA		DITANGGUNG PENUH OLEH PESERTA	
DIBIAYAI BERSAMA OLEH KUIL DAN PESERTA		DIBIAYAI OLEH DERMAWAN KHUSUS		DARIPADA SUMBANGAN KERAJAAN	
SECARA KERJASAMA DENGAN BADAN LAIN					

ix	BADAN-BADAN LAIN YANG KERJASAMA DENGAN PIHAK KUIL DALAM MENGENDALIKAN AKTIVITI TAMBAHAN				
1		2		3	
4		5		6	

x	BADAN-BADAN SERTA MASYARAKAT TEMPATAN (KAWASAN) YANG MENERIMA FAEDAH DARIPADA AKTIVITI KUIL INI				
1		2		3	
4		5		6	

E	DIMENSI KELIMA	RANCANGAN PEMBANGUNAN, CABARAN DAN KESIMPULAN

i	RANCANGAN PEMBANGUNAN DALAM MASA 5 TAHUN AKAN DATANG(TERMASUK ANGGARAN KOS SERTA PERSEDIAAN YANG SUDAH / SEDANG DILAKUKAN)
1	
2	
3	

ii	CABARAN, MASALAH YANG DIHADAPI OLEH KUIL INI DARI SEGI PANDANGAN PIHAK KUIL
1	
2	
3	
4	

CamScanner

iii	PADA PANDANGAN PIHAK KUIL, SAMBUTAN PENGANUT TEMPATAN TERHADAP KUIL

CEMERLANG: KERANA SAMBUTAN DAN PENYERTAAN HAMPIR SEMUA KELUARGA HINDU	
SEDERHANA: KERANA CUMA SEBILANGAN KELUARGA MEMBERI SOKONGAN KEPADA KUIL INI	
KURANG BAIK: KERANA SAMBUTAN KELUARGA-KELUARGA HINDU AGAK KURANG	

iv	PANDANGAN KESELURUHAN PIHAK KUIL INI DARI SEGI KEISTIMEWAAN KUIL INI, PERANANNYA DALAM MASYARAKAT HINDU / TAMIL TEMPATAN, KEJAYAAN-KEJAYAANNYA SETAKAT INI SERTA HARAPANNYA (BEBAS)

.....

.....

.....

.....

.....

v	NOTA TAMBAHAN / KOMEN, JIKA ADA

TERIMA KASIH ATAS SEGALA KERJASAMA DAN BANTUAN YANG DIBERIKAN TERHADAP KAJIAN INI.

JAWATANKUASA KAJIAN KUIL HINDU NEGERI MELAKA, 2019

NAMA PEMUDAHKAJI		TARIKH	

CamScanner

KAJIAN TENTANG PANDANGAN PENGANUT AGAMA HINDU TERHADAP KUIL HINDU YANG TERLETAK DI KAWASAN KEDIAMANNYA / ATAU YANG SELALU DIKUNJUNGINYA

NAMA KUIL					
ALAMAT					
NAMA PENGANUT					
ALAMATNYA					
BERAPA LAMA TINGGAL DI SITU					
BERAPA LAMA MENGUNJUNGI KUIL INI					
BERAPA AHLI KELUARGANYA	LELAKI		PEREMPUAN		
ADAKAH SEMUA AHLI KELUARGANYA MENGUNJUNGI KUIL INI UNTUK BERIBADAT?					YA/TIDAK
ADAKAH MENJADI AHLI KUIL?					YA/TIDAK
MENGHADIRI MESYUARAT KUIL?					YA/TIDAK
MEMBERIKAN SUMBANGAN TERHADAP KUIL INI?					YA/TIDAK
JIKA ` IA', BERAPAKAH SUMBANGAN WANG SETAHUN?					
SUMBANGAN TENAGA SEMASA PERAYAAN /HAL EHWAL KUIL					YA/TIDAK
PERNAH MENGANGGOTAI JAWATANKUASA KUIL INI?					YA/TIDAK
PANDANGAN TERHADAP KEISTIMEWAAN KUIL INI SERTA SAMBUTAN PENGANUT HINDU TEMPATAN TERHADAPNYA					
PANDANGAN TERHADAP PENTADBIRAN KUIL INI					
PEMBAIKAN YANG DIHARAPKAN					

Terima kasih.

CamScanner

PERMULAAN KAJIAN

Pada bulan April, 2019 pembahagian tugas dilakukan antara ahli-ahli sukarela yang terlibat dalam pusingan awal, selepas berbincang tentang masalah-masalah yang dihadapi semasa mengumpulkan data pada 20 kuil yang awal.

Kami mendapati ada antara pengurus kuil tidak mahu bekerjasama, dan ada pula yang tidak dapat memberikan tarikh dan masa yang tepat untuk pertemuan. Yang paling sukar ialah sebilangan besar pengurusan kuil tidak menyimpan rekod – khususnya dokumen – tentang kuilnya, manakala sebilangan besar sangat keberatan untuk memberikan penyata tahunan mahupun berbincang tentang kedudukan kewangan kuil mereka. Cuma beberapa kuil sanggup menyampaikan penyata tahunan bagi ketiga-tiga tahun yang diminta. Pelbagai alasan dikemukakan untuk mengelakkan soalan-soalan yang memerlukan bukti dokumen.

Setelah meneliti masalah ini, kami memutuskan untuk mendapatkan anggaran pendapatan dan perbelanjaan apabila menghadapi kesulitan ini. Jika tiada dokumen sekalipun, kami membuat keputusan untuk mendapatkan maklumat daripada 'ingatan' supaya kajian ini dapat diteruskan. Pada hemat kami, lebih elok kami merekodkan butir-butir daripada ingatan yang dapat kami cungkil sebelum kesemuanya menghilang begitu sahaja. Kesemua sukarelawan kami termaklum bahawa pihak pengurusan kuil Hindu di Melaka belum pernah menghadapi pihak-pihak yang ingin tahu hal-hal kuil Hindu mereka dengan begitu mendalam sebelum ini, dan kami perlu mendekati hal ini dengan penuh berhati-hati.

Oleh itu, sukarelawan kami terpaksa terdiri daripada individu yang berpengalaman dalam hal-hal masyarakat India/Tamil, dan seboleh-bolehnya dikenali oleh pihak pengurus kuil supaya lebih mudah berinteraksi tanpa sebarang kesangsian. Kami juga menyediakan surat khas kepada setiap pengurus kuil untuk menerangkan tujuan kajian ini, dan bahan-bahan yang kami dapatkan akan digunakan hanya untuk tujuan kajian ini. Pun begitu, bukan kesemua pengurus kuil bekerjasama dengan mudah. Kami terpaksa mencari pengurus kuil yang lain untuk bersama kami untuk menemui mereka yang agak keberatan.

TAKRIF KUIL UNTUK KAJIAN

Kami mendapati ada kecenderungan untuk membina tempat ibadat di halaman rumah sesetengah orang Hindu – dan dengan ini, *vigraha* atau simbol *dewa/dewi* terletak di luar rumah, tetapi dalam halaman atau pekarangan rumah, yang dapat dilihat dari luar. Walaupun ada peraturan oleh Majlis Kerajaan Tempatan yang tidak membenarkan pembinaan tempat ibadat di taman-taman perumahan kecuali di tapak-tapak yang diluluskan, namun, hal ini berlaku, khususnya apabila simbol-simbol agama Hindu tidak begitu menonjol.

Ada juga kebiasaan dalam masyarakat Tamil yang tinggal di kawasan luar bandar, di ladang-ladang mahupun di tempat perumahan buruh awam untuk mencari tapak/ tempat/ pokok/ batu yang dianggap unik dan bersakti untuk bersembahyang di situ. Ada tempat ibadat seperti ini yang mendapat perhatian ramai, dan berubah menjadi kuil untuk komuniti. Ada pula tempat ibadat ini membenarkan pengorbanan nyawa kambing mahupun ayam jantan dalam amalannya, suatu amalan dari zaman silam – yang sebenarnya bertentangan dengan ajaran agama Hindu seperti yang dibenarkan semasa.

CamScanner

LATAR KAJIAN

Kami terpaksa menentukan takrif kuil, supaya tempat ibadat kecil yang dikendalikan oleh sesebuah keluarga untuk kegunaan peribadinya sahaja tidak termasuk dalam kajian ini. Setelah menghalusi hal ini, kami membuat keputusan untuk menyenaraikan mana-mana tempat ibadat yang mengadakan *thiruvizha* atau Perayaan Tahunan Khas dengan mempelawa penganut dan orang ramai untuk menghadirinya, sebagai 'kuil' untuk tujuan kajian ini. Kuil-kuil yang ada pendaftaran dan yang berfungsi dalam komuniti umum dalam deretan masa yang lama memang dimasukkan ke dalam kajian ini, meskipun ada antaranya tiada pesta tahunan yang khusus.

Pada akhir bulan Oktober, 2019 kami mendapati ada 43 kuil dan 1 pusat Budaya, dan Seni Hindu di daerah Melaka Tengah, 46 kuil di daerah Jasin dan 56 kuil di daerah Alor Gajah, sejumlah 145 kuil dan 1 pusat agama Hindu pada keseluruhannya. Dengan kerjasama YB En.G.Saminathan, kami telah dapat bertemu dengan Pendaftar Pertubuhan, Melaka untuk menyemak kuil-kuil yang telah berdaftar dengan ROS. Kami juga memohon kerjasama pejabat pegawai daerah dan pejabat-pejabat kerajaan tempatan untuk menghalusi kesahihan status tanah kuil-kuil di dalam negeri Melaka, biarpun jabatan-jabatan ini sangat sukar memberikan kerjasama walaupun dengan surat sokongan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Taburan data disediakan untuk dianalisis, dan dapat dibaca dalam bab-bab yang berkaitan. Sebagai tambahan, suatu tinjauan dibuat juga pada pusat-pusat ibadat bukan-kuil seperti pusat Sai Baba mahupun Pusat Shiridi Sai Baba dan latar belakang Gurdwara Sikh, Kuil Ambaji Kaum Gujarati di Melaka, dan Kumpulan-Kumpulan Agama Hindu yang berdaftar dan aktif di Melaka dimuatkan sebagai lampiran agar skop kajian ini lebih menyeluruh.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini lebih mirip pada kajian kualitatif kerana ia melibatkan semua kuil di negeri Melaka, dan data yang terkumpul berbagai-bagai memandangkan kuil-kuil ini pelbagai ragam dan dikendalikan oleh pengurusan yang berbeza dari segi kemampuan mahupun kelayakan. Kajian ini tidak bergantung pada pengambilan sampel sahaja, kerana usaha seperti itu tidak mungkin memberikan gambaran yang tepat.

Dari segi kesahihan, beberapa aspek kajian ini terpaksa bergantung pada angka-angka anggaran yang diberikan oleh responden sendiri kerana tiada rekod atau kerana responden enggan menyampaikan rekodnya - khusus yang berkaitan dengan hal kewangan. Pengkaji berpuas hati bahawa tiada kemungkinan untuk mendapatkan butir-butir yang tepat daripada kebanyakan kuil yang dikaji dan sebagai usaha awal, kajian berdasarkan 'anggaran' adalah yang terbaik yang dapat dilakukan.

Kajian ini meliputi aspek-aspek keseluruhan kuil-kuil Hindu di negeri Melaka, memandangkan belum ada kajian serupa ini setakat ini – supaya ia membuka ruang kepada pihak-pihak yang berminat untuk melakukan kajian-kajian khusus terhadap mana-mana aspek kuil-kuil ini pada masa muka.

PENGESANAN KUIL-KUIL DI DALAM NEGERI MELAKA

Negeri Melaka memang mempunyai sejarah yang lama dengan masyarakat Hindu. Dalam zaman Kesultanan Melayu Melaka pun sudah ada pengaruh masyarakat Hindu, dan sampai sekarang kesannya dapat dilihat melalui masyarakat *Chitty Melaka* ataupun yang dikenali sebagai *Masyarakat Hindu Peranakan Melaka*. Pada zaman penjajahan British, apabila negeri Melaka mula dibuka untuk aktiviti ekonomi sepenuhnya, pihak British membawa masuk tenaga kerja dari Selatan India yang juga terletak di bawah pemerintahannya pada ketika itu.

CamScanner

Kebanyakan pekerja untuk jabatan-jabatan kerajaan mahupun untuk membuka ladang-ladang di Melaka dibawa dari Tamil Nadu, manakala untuk menyelia mereka, dibawa pegawai-pegawai yang lebih terdidik dalam bahasa Inggeris dari Kerala di India dan Ceylon yang kini dikenali sebagai Sri Lanka. Pengambilan tenaga kerja yang strategik ini, yang mirip pada amalan 'pecah dan perintah' adalah untuk kemudahan mengawal tenaga kerja untuk hasil yang terbaik. Strategi ini digunakan di seluruh Malaya pada ketika itu, dan Melaka turut menerima tenaga kerja seperti ini.

Menurut Kernial Singh Sandhu, pada tahun 1840 – 1860, pihak British membawa pekerja dan askar (sepoy) dari India Selatan ke Melaka. Pada tahun 1871 Melaka mempunyai sistem jalan raya yang terbaik di negeri-negeri Selat dengan 3277 orang India berada di Melaka. Pada tahun 1891 pula sudah ada empat buah estet di Melaka yang menerima 231 pekerja Tamil khusus dari India Selatan. Pada tahun 1910 sudah ada 6,000 buruh Tamil di ladang-ladang getah di negeri Melaka atau 6% penduduk negeri ini. Bilangan ini bertambah kepada 13,000 pada tahun 1920, dan, 15,755 pada tahun 1930.

Berikut ialah angka-angka yang menunjukkan bilangan penduduk keturunan India di Melaka antara tahun 1827 dan 1970, seperti yang dibentangkan oleh KERNIAL SINGH DAN PAUL WHEATLEY dalam buku MELAKA – THE TRANSFORMATION OF A MALAY CAPITAL C. 1400 – 1980, terbitan Institute of South East Asian Studies, OUP 1983 Vol.2 Hal 196

Jadual 2	JUMLAH PENDUDUK KETURUNAN INDIA DI MELAKA 1827 - 1970

Tahun	1827	1834	1860	1871	1881	1891
Penduduk India	2,342	2,403	1,026	3,277	1,891	1,647
Jumlah Penduduk	33,162	34,339	67,267	77,756	93,579	92,170

Tahun	1901	1911	1921	1931	1947	1957	1970
Penduduk India	1,276	7,527	18,857	23,237	19,718	23,266	31,619
Jumlah Penduduk	95,487	124,952	153,691	186,877	239,356	291,211	404,135

(Sumber: Kernial Singh & Paul Wheatley, MELAKA – THE TRANSFORMATION OF A MALAY CAPITAL c 1400-1980, Institute of South East Asian Studies***, OUP 1983, Vol 2, Hal 196)***

Nota: Antara tahun 1931 dan 1947 bilangan orang India di Melaka menurun kerana pentadbir negara India tidak membenarkan pengambilan buruh baharu, dan juga kesan Perang Dunia Kedua.

CamScanner

Malaya Indians Bukit Lintang Estate Ayer Molek Malacca 1895

Malaya Indians Bukit Lintang Estate Ayer Molek Malacca 1899

Malaya Indians Bukit Lintang Estate Ayer Molek Malacca 1899

CamScanner

Penjajah juga membawa masuk pemodal daripada kalangan *Nattukottai Chettiar* dari Tamil Nadu, untuk menyediakan modal dan pinjaman wang kepada pengusaha tempatan khasnya kaum China untuk pembangunan ekonomi.

Selain buruh yang dibawa oleh pihak pemerintah melalui sistem perjanjian atau sistem *kangani*, ada juga yang datang secara persendirian sebagai pegawai-pegawai profesional seperti guru, doktor, peguam, akauntan dan sebagainya. Ada juga datang sebagai peniaga, dan untuk mencari kerjanya sendiri mengikut kelayakan yang ada. Pada tahun 1924, sebanyak 28% imigran dari India Selatan adalah secara individu yang datang secara sukarela untuk mencari kerja atas biaya mereka sendiri.

Sensus pada tahun 2010 menunjukkan bahawa terdapat seramai 821,110 penduduk di Melaka, yang terdiri daripada 506,662 orang Melayu / orang asli, 199,588 orang keturunan Cina, 47,186 orang keturunan India dan 3,835 orang-orang lain. Dari segi agama pula 66.1% penduduk Melaka beragama Islam, 24.7% beragama Buddha, 5.7%, atau 46,803 orang beragama Hindu, 3% beragama Kristian manakala 1% terdiri daripada yang lain-lain.

Melaka terdiri daripada tiga daerah, iaitu Melaka Tengah yang meliputi 314 km persegi dengan kepadatan penduduk 1,600 orang di setiap km persegi; Alor Gajah yang meliputi 660 km persegi dengan kepadatan penduduk 280 orang di setiap km persegi; dan Jasin yang meliputi 676.07 km persegi dengan kepadatan penduduk 200 orang di setiap km persegi. Bandar Melaka terletak di daerah Melaka Tengah dan segala pembangunan di daerah ini menambahkan kepadatan penduduknya walaupun daerah inilah yang paling kecil dari segi saiznya. Oleh sebab kebanyakan ladang getah terletak di daerah Alor Gajah dan Jasin, maka kependudukan masyarakat Hindu sudah tentu lebih di daerah-daerah ini berbanding di daerah Melaka Tengah. Namun, kuil-kuil yang bersejarah terletak di daerah Melaka Tengah atas sebab-sebab sejarah negeri Melaka yang melibatkan masyarakat Hindu dari abad kelima belas lagi.

Sebanyak 146 buah kuil Hindu/pusat agama Hindu dapat dikesan di seluruh negeri Melaka untuk kajian ini. Sebanyak 44 kuil/pusat terdapat di daerah Melaka Tengah, 46 buah di daerah Jasin dan 56 buah di daerah Alor Gajah. Pengesanan ini dilakukan dengan cara mendapatkan penganut-penganut Hindu mengikut kawasan di setiap daerah, dan dengan cara mengadakan lawatan ke kuil-kuil berkenaan untuk bertemu dengan pihak pengurusan kuil. Ada masanya pegawai kuil dapat ditemui di rumahnya sahaja kerana kesibukannya, dan tidak dapat mengaturkan temu janji di kuil berkenaan. Ada antara kuil yang terletak di kawasan pedalaman ladang-ladang, khususnya di daerah Alor Gajah dan Jasin. Kadang-kadang terdapat kuil utama dan kuil sampingan di ladang yang sama, tetapi kedua-duanya mengadakan pesta atau *thiruvizha* yang berasingan.

CamScanner

KUIL-KUIL YANG TELAH DIKESAN DI MELAKA BAGI KAJIAN INI, MENURUT DAERAH ADALAH SEPERTI BERIKUT:

Jadual 3 : KUIL-KUIL HINDU DI DAERAH MELAKA TENGAH

No. Kuil	Nama Kuil	Alamatnya	Tahun Penubuhan
MT1	Sri Sanyasimalai Aandavar Aalayam	Batu 5, Jalan Kerubung, Cheng, 75250 Melaka. *(Milik Nattukottai Chettiar Melaka).*	1868
MT2	Sri Poyyatha Vinayagar Moorthi Aalayam	Jalan Tukang Emas, Bandar Melaka *(Kuil kepunyaan Chitty Melaka. Ditadbirkan oleh JK Nattukottai Chettiar Melaka sejak 1900)* Lot:TA XII 62	1781
MT3	Sri Muthu Maha Mariamman Aalayam	119, Kampung Chitty, Gajah Berang, Melaka. Lot: TA1 59	1822
MT4	Sri Kailasanathar Aalayam	Kampung Chitty, Gajah Berang, Melaka. Lot: TAV 95	1887
MT5	Sri Anggala Parameswary Aalayam	Kampung Chitty, Gajah Berang, Melaka. Lot: TAV 94, 118	1888
MT6	Sri Lenggadariamman Aalayam	Kampung Chitty, Gajah Berang, Melaka. *(Tanah Syt.Tong Bee – proses pengambilan kini)*	1888
MT7	Sri Ayyanar Aalayam	Kampung Chitty, Gajah Berang, Melaka. Lot: TAV 81	1870
MT8	Sri Kathayee Amman Aalayam	Kampung Chitty, Gajah Berang, Melaka. Lot: TAV 100	1875
MT9	Sri Kaliamman Aalayam	Kampung Lapan, Bachang, Melaka. Lot: TA XXXI	1804
MT10	Sri Dharmarajah Aalayam	Kampung Chitty, Gajah Berang, Melaka. Lot: TAV 88	1770
MT11	Sri Amman Aalayam	Kampung Chitty, Gajah Berang, Melaka. Lot: TAV 88	1770
MT12	Sri Maha Mariamman Aalayam	KM14, Tambak Paya, Ayer Molek, 75460 Melaka. Lot:1345	1977
MT13	Sri Maha Karumariamman Aalayam	Taman Paya Rumput Perdana, Paya Rumput, 76450 Melaka.	1937
MT14	Sri Vanathaandavar Aalalaym	Lot: 14555, Batu 12¼, Sungei Udang, 76300 Melaka.	1960

CamScanner

MT15	Sri Maha Mariamman Aalayam	Batu 11, Ladang Bukit Kajang, Melaka.	1906
MT16	Arulmihu Sri Samayaburam Mariamman Nageswari Amman Aalayam	(sebelah Sungai Melaka – di belakang Tzu Chi, Batu Berendam) d/a 19, Taman Merdeka Baru, Fasa 3, 75350 Melaka.	1970
MT17	Sri Sundara Moorthy Vinayagar Aalayam	PBB 5, Jalan Bachang Baru, 75350 Melaka. Lot: 9324 *(Asal – Kuil Hospital Besar Melaka)*	1952
MT18	Dewi Seri Om Sakti Maha Muneswarar & Sri Veera Kaliamman Aalayam	Lot 15152, Taman Merdeka Jaya, 75350 Melaka. *(Gabungan dua kuil) (Kuil kedua dari Bachang dahulu)*	2004
MT19	Sri Muthu Mariamman Aalayam	PT 2456, Taman Bukit Melaka, Bukit Beruang, 75450 Melaka. *(dulu dari Simpang Bkt. Beruang)*	1960
MT20	Dewi Sri Naga Kaliamman Aalayam	Kampung Tampoi, Batu 7½, Jalan Industri,Krubong, 75250 Melaka.	1930
MT21	Sri Madurai Veeran (Muneeswarar) Aalayam	Kawasan Perindustrian Krubung, 75250 Melaka.	2015
MT22	Sri Subramaniar Thevasthanam	Lot 88-89, Solok Bangsal, Jalan Keretapi Lama, Batu Berendam, 75350 Melaka.	1965
MT23	Sri Vanapatra Kaliamman Aalayam	No.70, Jalan Sri Krubong, Jalan PK 26, Taman Perindustrian Krubong, 75250 Melaka. *(Di belakang Gereja Lady of Guadalupe)*	1930
MT24	Dewi Sri Maha Mariamman Aalayam	Lot 1551, Bertam Ulu, Jln.Tanjung Minyak, 75250 Melaka. *(Nama Lama: Kuil Sri Muniandy)*	1900
MT25	Sri Raja Rajeswary Amman Aalayam	No.75, Lorong 4, Batu 7, Kampung Baru, Tanjung Minyak, 75250 Melaka.	1981
MT26	Dewi Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Bertam, Paya Rumput 76450 Melaka.	1904
MT27	Pertubuhan Kebudayaan dan Kesenian India Krishna Balaram	Lot 2679, Jln Sri Rama 3, Taman Muzaffar Shah, 75450 Melaka.	2002
MT28	Dewi Sri Durgaiyamman/ Patra Kaliamman Aalayam	Batu 7¼, Paya Rumput, 76450 Melaka.	1900
MT29	Karadimalai Sri Dhurkaiamman Aalayam	Jalan Dahlia 6, Taman Bunga Raya, Bukit Beruang, 75450 Melaka.	1974

CamScanner

MT30	Sri Muthu Mariamman Aalayam	Ladang Genting Cheng, Bahagian Cheng, Paya Rumput, 76450 Melaka.	1930
MT31	Arulmihu Sri Sakhti Karumariamman Aalayam	23A, Batu 12, Tanah Merah, Krubong, 75250 Melaka.	1990
MT32	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Tanah Merah (Bertam, Bhg. Krubong) d/a 23A, Batu 12, Tanah Merah, Krubong, 75250 Melaka. *(Syarikat Poh Brothers menyumbang tanah untuk kuil ini)*	1930
MT33	Sri Raja Rajeswary Aalayam	792-C, Jalan Emas 6, Taman Kerjasama, Bukit Beruang, 75450 Melaka.	1940
MT34	Sri Uthira Kaliamman Aalayam	Bekas tanah kubur, Bukit Serindit. d/a C1-7, Rumah Pangsa, Taman Anika, Lorong Pandan, 75250 Melaka.	1970
MT35	Sri Maha Chamundeswari Amman Aalayam	21-C Kampung Tujuh, Jalan Gajah Berang 75200 Melaka. *(Dulu Kuil Chitty Melaka)*	1870
MT36	Sri Maaveeran Aalayam	197-A, Jalan Puteri Hang Li Poh, 75100 Melaka.	1952
MT37	Sri Maha Mariamman Aalayam	91-C, Pengkalan Rama Pantai, 75100 Melaka. *(Dulu: Dari Perumahan Majlis Perbandaran Melaka)*	1930
MT38	Sri Subramaniar Thiroubathai Amman Aalaya Paripalana Sabai	Jalan Gajah Berang, 75400 Melaka. *(Dulu kuil Chitty Melaka)*	1865
MT39	Dewi Sri Maha Mariamman Aalayam (Kuthiraik Koyil)	Lot 1213, Jalan Hujung Padang, Batu 6¾, Paya Rumput, 76540 Melaka.	1890
MT40	Sri Maha Mariamman Aalayam	No. 7, Lorong 4, Jalan TTP 3, Taman Tambak Paya Permai, Ayer Molek, 75460 Melaka.	1928
MT41	Sri Maha Mariamman Aalayam	Batu 8 ½ , Pengkalan Minyak, 75460 Melaka. *(Dulu: Ldg Diamond Jubilee, Bahagian Union)*	1930
MT42	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Lim Kok Wah, Bukit Lintang, 75460 Melaka. *(Dulu: Ldg. Leong Watt Hin, Pungkai, Tiang Dua)*	1930
MT43	Sri Maha Mariamman/ Muniandy Aalayam	PT 1107, Tanjung Minyak, Cheng, 75250 Melaka.	1924
MT44	Sri Maha Muneeswarar Aalayam	Kg. Solok Jeram, Paya Rumput, 76450 Melaka.	2002

CamScanner

Jadual 4 : KUIL-KUIL HINDU DI DAERAH JASIN

Bil. Rujukan	Nama Kuil	Alamatnya	Tahun Penubuhan
J1	Sri Sithi Vinayagar Aalayam	Jalan Air Kangkung, Pekan Selandar, 77500 Jasin, Melaka. (Lot: 2136)	1930
J2	Sri Maha Mariamman (Mayil) Aalayam	Batu 16, 77200 Jasin, Melaka. (Lot:4692)	1910
J3	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Bukit Asahan, 77100 Asahan, Melaka.	1915
J4	Dewi Sri Maha Mariamman Aalayam	KM23, Jalan Jasin, Bemban, 77200 Melaka. (Lot: 14712)	1930
J5	Dewi Sri Maha Mariamman Aalayam	Lot 1192, Jalan Besar Batang Melaka. 77500 Selandar, Melaka	1936
J6	Sri Maha Mariamman Sri Muthappan Aalayam	Ladang Jasin Lalang, 77200 Bemban, Jasin, Melaka.	1900
J7	Sri Maha Mariamman Aalayam	Jalan Asahan, Bukit Katong, Rim, 77000 Jasin, Melaka.	1900
J8	Sri Dhurkaiamman Aalayam	Ladang Diamond Jubilee, 77000 Jasin, Melaka.	1890
J9	Sri Maha Mariamman Aalayam	Jalan Taman Maju, 77000 Jasin, Melaka. (Lot: 9422)	1890
J10	Sri Sivan Aalayam	Jalan Besar Jasin, 77000 Jasin, Melaka. (Lot: 1722)	1880
J11	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Jasin Lalang, Bhg. Bukit Chermin d/a J 9939, Bukit Tinggi, Jalan Merlimau, Simpang Kerayong, 77000 Jasin, Melaka.	1902
J12	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Jasin Lalang, Bahagian Batu Lang, 77300 Merlimau, Melaka.	1940
J13	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Serkam, Bahagian Jasin, 77000 Jasin, Melaka.	1915
J14	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Tebong, Bahagian Batang Melaka (Bemban) 77500 Batang Melaka, Melaka. *(dalam proses pindah ke Taman Sri Hilir)*	1930
J15	Sri Maha Mariamman Aalayam	Batu 18, Selatan Baru, Bahagian Merlimau, Kempas Estate, Merlimau, 77300 Melaka.	1950

CamScanner

J16	Dewi Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Serkam, Bahagian Kemendore. 77000 Jasin, Melaka.	1936
J17	Sri Maha Mariamman Aalayam	Lau Leong Estate, Kemendore Div, 77000 Jasin, Melaka.	1910
J18	Sri Muneeswarar Aalayam	Ladang Diamond Jubilee, Jalan Asahan, 77000 Jasin, Melaka.	1900
J19	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Nyalas (Gubah Div), Lot 813, Jalan Nyalas, Kampung Masjid Baru, 77100 Nyalas, Jasin, Melaka.	1970
J20	Sri Maha Kaliamman, Muneeswarar Tua Pek Kong Aalayam	Lot 58, Kampung Bukit Panjang, 77100 Asahan , Melaka.	1997
J21	Sri Vinayagar Sri Subramaniar Aalayam	Pekan Merlimau, 77300 Merlimau, Melaka.	1969
J22	Sri Subramaniar, Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Serkam, 77300 Merlimau, Melaka.	1890
J23	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Merlimau, Jalan Jasin, 77300 Merlimau, Melaka.	1904
J24	Dewa Sri Madurai Veeran Aalayam	14, Batu 17, Paya Buluh, 77300 Merlimau, Melaka.	1970
J25	Sri Maha Mariamman Aalayam	Taman Bistari, Jalan Jasin, 77300 Merlimau, Melaka.	1990
J26	Arulmihu Sri Dhurgaiamman Aalayam	Ladang Selatan Baru, Batu 18,Tepi Jalan Merlimau-Jasin, 77300 Merlimau, Melaka.	1990
J27	Dewi Sri Maha Mariamman Aalayam	Lot 6516, Batu 17 ½ , Jalan Jasin-Merlimau, Kampung Paya Buloh, 77300 Merlimau, Melaka.	1990
J28	Sri Maha Karumariamman Aalayam	Batu 18 ½ , Jalan Kesang, Kesang Pajak, 77000 Jasin, Melaka. (Lot 1293)	1900
J29	Sri Jai Malai Muniandy Aalayam	JB 865, Taman Bemban Utama, 77200 Bemban, Melaka.	1996
J30	Sri Muthu Mariamman Aalayam	Yew Watt Hing Estate, Jalan Asam Kumbang, 77200 Bemban, Jasin, Melaka.	1950
J31	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Bukit Asahan 'D' Division, 77100 Asahan, Melaka.	1948

CamScanner

J32	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Bukit Asahan, Ayer Tekah Div., 77100 Asahan, Jasin, Melaka.	1970
J33	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Nyalas, Mantai Division, 77100 Nyalas, Melaka.	1950
J34	Sri Mathurai Veeran, Sri Raja Karumariamman dan Toh Pek Kong Aalayam	Batu 12, Bukit Tinggi A, Simpang Kerayong, Jalan Merlimau, 77000 Jasin, Melaka. (Lot:5575)	1970
J35	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Kempas (Devon), Jalan Jasin-Merlimau, 77000 Jasin, Melaka.	1890
J36	Dewi Sri Karu Maha Kaliamman Aalayam	Batu 16 ½ , J8451, Kampung India, 77000 Jasin, Melaka.	1965
J37	Sri Prithiyangara Devi Sakthi Beedam	JA 3371, Jalan Ria Satu, Taman Ria, Kesang Pajak 77000 Jasin, Melaka.	1999
J38	Kaikodukkum Sri Maha Kaliamman Aalayam	J7520, Blok F, Rumah Awam, Simpang Kerayong 77000 Jasin, Melaka.	1950
J39	Sri Nageswari Amman Aalayam	J7177, Blok O, Taman Chenderawasih, 77000 Jasin, Melaka.	1890
J40	Aum Sri Muniandy Muneswarar Kali Karumariamman Aalayam	Jalan Bemban-Ayer Keroh, GAPAM, 75450 Bemban, Melaka. (d/a Lorong 17, JB 2084, Taman Sri Serkam, Merlimau, 77300 Melaka.)	1992
J41	Dewi Sri Mariamman Sri Muniandy Aalayam	Ladang Merlimau, Lanchang Division (d/a JB2983, Jalan MU6, Taman Merlimau Utara 77300 Merlimau, Melaka.)	1945
J42	Sri Muniandy Aalayam	7952, Jalan Bukit Tinggi A, Simpang Kerayong, 77000 Jasin, Melaka.	1930
J43	Sri Maha Sivasakhti Aalayam	No.3490 Taman Batang Melaka Baru, Batang Melaka, 77500 Selandar, Melaka.	1970
J44	Sri Maha Mariamman Aalayam	Batu 21, Pondok Kempas, 77500 Selandar, Melaka.	1950
J45	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Lim Kok Wah Sdn. Bhd, Kg.Bukit Singgeh, 77500 Selandar, Melaka.	1960
J46	Sri Ayyanaar Aalayam	Genting Berhad/SAMB, Taman Batang Melaka Baru, 77500 Batang Melaka, Melaka.	1940

CamScanner

Jadual 5: KUIL-KUIL HINDU DI DAERAH ALOR GAJAH

Bil.	Nama Kuil	Alamatnya	Tahun Penubuhan
AG1	Sri Subramaniar Aalayam	Ladang Bertam, 76100 Durian Tunggal, Melaka.	1950
AG2	Sri Astha Thasa Puja Kaliamman Aalayam	No.10817, Jalan Ayer Semubuk 2, 76100 Durian Tunggal, Melaka.	1998
AG3	Sri Sithi Vinayagar Sri Bala Subramaniar Aalaya Paripalana Sabai	Pengkalan, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1934
AG4	Dewi Sri Mariamman Aalayam	Ladang Sing Lian, Ayer Resam, 76100 Durian Tunggal, Melaka. *(Scientex Corporation)*	1960
AG5	Sri Veera Patra Kaali Aalayam	14, Taman Sri Bukit Tambun, 76100 Durian Tunggal, Melaka.	1994
AG6	Sri Maha Mariamman Aalayam	Kemuning Kru, Gadek, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1890
AG7	Sri Maha Mariamman Aalayam	Batu 18 ½, Simpang Gadek, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1911
AG8	Sri Maha Patra Kaliamman Aalayam	Lorong Bilal Arshad, Jln Keretapi Lama, (PT638) Kampung Gangsa, 76100 Durian Tunggal, Melaka.	2006
AG9	Sri Sithi Puthi Vinayagar Aalayam	Batu 21, Ladang Sungei Baru, 78300 Masjid Tanah, Melaka.	1924
AG10	Sri Aathi Kottai Muniisvarar Aalayam	Batu 21, Ladang Sungei Baru, 78300 Masjid Tanah, Melaka.	1950
AG11	Sri Maha Mariamman Aalayam	Jalan Lendu (Klemak) 78000 Alor Gajah, Melaka. *(Dulu: Ladang Lendu)*	1945
AG12	Sri Maha Mariamman Aalayam (Nagakkanni)	Ladang UMB Ramuan China Besar, Paya Lebar, 78300 Masjid Tanah, Melaka.	1910
AG13	Sri Maha Mariamman Thevasthanam	Ladang Sungei Baru, Home Division, 78300 Masjid Tanah, Melaka.	1930
AG14	Sri Maha Mariamman Aalayam	Bukit Chempedak Estate, Kuala Sungai Baru, 78200, Melaka.	1920

CamScanner

AG15	Sri Meenakshi Sundarareswarar Aalayam *(belum ada bangunan)*	MT2521 Jalan 3, Taman Bandar Baru, 78300 Masjid Tanah, Melaka. *(Proses pengambilan tanah Lot 1716, GM154, Jalan Hujan Panas, Taman Harmoni, 78300 M.T. sedang dilakukan)*	2012
AG16	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Genting Tebong (Tebong Estate) 76460 Tebong, Melaka.	1919
AG17	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Kemuning, Home Division, 76460 Tebong, Melaka.	1939
AG18	Sri Maha Kaliamman Aalayam	Renopinang Estate, 76460 Tebong, Melaka. *(dulu Leong Watt Hin Estate)*	1960
AG19	Sri Maha Mariamman Aalayam	Hor Ng Lih Yuan (KVL Rembia), 78000 Alor Gajah, Melaka.	1961
AG20	Sri Maha Mariamman Aalayam	Guthrie Rubber Sdn Bhd., 76460 Tebong, Melaka.	1919
AG21	Dewa Sri Bala Thandayuthabani Aalayam	Jalan Naning Lama, Kampung Kemus, Jalan Simpang Ampat, 73000 Alor Gajah, Melaka. *(asal Ladang Gadek, Naning Division)*	1935
AG22	Sri Meenachi Suntheresar Aalayam	FELDA Hutan Percha, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1980
AG23	Sri Maha Mariamman Aalayam	PS 1996, Taman Malinja Wangi, Pulau Sebang 73000 Alor Gajah, Melaka. *(kuil asal Ladang Peguh)*	1936
AG24	Dewi Sri Mariamman Aalayam	Batu 27, Kampung Baru (Paya Mengkuang) 78200 Kuala Sungei Baru, Alor Gajah, Melaka. (dlm proses) (asal: Ladang Kempas, Bkt, Bachang Division)	1910
AG25	Sri Subramaniar Aalayam	Kampung Tersusun, (Yayasan Melaka) Melaka Pindah, 78000 Alor Gajah, Melaka. *(asal: Ladang Bertam, Parit Melana Division)*	1936
AG26	Sri Meenachi Amman Aalayam	Ladang Yayasan, Jalan Satelit, Lendu, Bukit Hantu, Rembia, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1945
AG27	Sri Karumariamman Aalayam	Lorong Bukit Hantu, Jalan Lendu, Rembia 78000 Alor Gajah, Melaka.	1930
AG28	Sri Muthu Mariamman Aalayam	Ladang New Kru, Hutan Percha, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1948

CamScanner

AG29	Sri Maha Thurkaiamman Aalayam	Endau Rembia, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1920
AG30	Sri Muneeswarar Aalayam	89. Jalan Fairuz, Rumah Awam, Paya Datuk, 78000 Alor Gajah, Melaka.	2010
AG31	Sri Maha Karumariamman Aalayam	United Melaka Berhad, Machap Estate, 76100 Durian Tunggal, Melaka.	1890
AG32	Dewi Sri Maha Mariamman Aalayam	UMRE Melaka Pindah Estate, Lesung Batu, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1890
AG33	Sri Maha Mariamman Aalayam	Jalan Air Punggai, Ladang Lian Ho, Rantau Panjang, Ayer Paabas, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1960
AG34	Sri Veerapatra Kaliamman Aalayam	Jalan Machap, Sri Pengkalan, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1971
AG35	Sri Vaitheeswarar Thayyal Nayagi Amman Aalayam	Jalan Keretapi, Pulau Sebang, 73000 Melaka. (Pengambilan tanah dlm.proses)	1916
AG36	Sri Maha Muthumariamman Aalayam	Ladang Gadek, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1913
AG37	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Tebolang (d/a 118, Jln 5, Tmn Sri Chahaya, 76460 Tebong), Melaka.	1920
AG38	Sri Mookambikai Aalayam	Jalan Kampung Pahla, Alam, Simpang Ampat, 78000 Alor Gajah, Melaka. *(asal: Ladang Pegoh, Home Division)*	1910 (2008)
AG39	Arulmihu Maha Karumariamman Thevasthanam	No. RM 109, Rembia, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1918
AG40	Sri Poyyaatha Vinayagar Moorthi Aalayam	Kampung Baru *Vinayagar* Lot 1530, Jalan *Vinayagar*, Batu 17, Ganun, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1940
AG41	Sri Maha Mariamman Aalayam	No.24, Ladang Kemuning, Bhg. Rembia, Rembia 78000 Alor Gajah, Melaka.	1920
AG42	Sri Maha Mariamman Aalayam	Jalan Ayer Paabas, Lendu 78000 Alor Gajah, Melaka.	1940

CamScanner

AG43	Sri Maha Kaliamman Aalayam	Jalan Ayer Paabas, Lendu 78000 Alor Gajah, Melaka.	2010
AG44	Sri Vadapatra Kaliamman Aalayam	Jalan Batu Belaga, Rembia, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1960
AG45	Dewi Sri Maha Asah Malai Muniapppan Sri Muthu Mariamman Aalayam	Ladang *Vinayagar* PD64, Jalan 5, Taman Bukit Nangka, Sebang, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1969
AG46	Sri Maha Veera Kaliamman Aalayam	MC414, Taman Mawar Jaya, Machap Umboo,78000 Alor Gajah, Melaka.	2001
AG47	Om Sri Sada Muni Aalayam	No.65, Rumah Awam Sri Lendu, Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1997
AG48	Sri Maha Mariamman Aalayam	Kampung Bukit, Pulau Sebang, 78000 Alor Gajah, Melaka. *(asal: Ladang Peguh)*	1945 (1996)
AG49	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Kempas, Bhg. Bukit Bachang, Lubuk China, 78100 Masjid Tanah, Melaka.	1940
AG50	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Lendu San, Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1940
AG51	Sri Maha Kaliamman Aalayam	Kampung Air Molek, 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka. *(Ladang Kuala Sungei Baru)*	1910
AG52	Sri Muneeswarar Aalayam	389, Jalan Keretapi Lama, Kampung Pengkalan 78000 Alor Gajah, Melaka.	2000
AG53	Sri Sabta Kanni Amman Aalayam	Lendu Estate, Jelawai, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1920
AG54	Sri Karuppusamy Aalayam *(Sanggilikaruppan)*	Ladang Lendu, Jelawai, 78000 Alor Gajah, Melaka.	2003
AG55	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Nam Bee Co. Sdn. Berhad, 76460 Tebong, Melaka. *(Nama Lama: Ladang Batu Berkarat)*	1957
AG56	Sri Maha Mariamman Aalayam	Jalan Keretapi Lama, Pengkalan, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1931

CamScanner

LATAR KAJIAN

Lawatan-lawatan ke kuil-kuil ini diaturkan dari awal bulan Jun, 2019 hingga bulan Disember, 2019 oleh para sukarelawan yang telah diberikan taklimat tentang cara-cara menghampiri pegawai-pegawai yang menguruskan kuil-kuil ini, kerana bagi kebanyakannya hal-hal kuil tidak dibicarakan dengan orang-orang luar, dan ada pula yang mungkin menganggap usaha pengumpulan data ini adalah untuk mengawal kebebasan kuil-kuil di Melaka. Ada juga butir yang mungkin dianggap begitu sulit – seperti hal kewangan dan harta-harta kuil – dan besar kemungkinan mereka tidak mahu mendedahkan butir-butir itu, walaupun ada sesetengahnya yang sudah berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan dan perlu mengemaskinikan akaun kuil-kuil ini secara berkala. Ada antara kuil-kuil yang telah berdaftar sekalipun, sangat keberatan untuk mengongsi maklumat kewangan untuk tujuan kajian ini. Dalam hal-hal ini, anggaran sahaja diminta daripada pihak kuil supaya kajian awal ini dapat disempurnakan.

Kaedah-kaedah yang perlu digunakan untuk mendapatkan kerjasama untuk bertemu dan berbincang, sambil mengumpulkan data yang diperlukan telah banyak dibincangkan selepas mendapat pengalaman awal pada 20 buah kuil perintis yang dilawati. Ada juga pengurus kuil yang menjadi orang kuat parti politik dan kami terpaksa menentukan agar sukarelawan yang kami hantar dapat diterima olehnya. Pengurus kuil yang agak sukar dikendalikan diserahkan kepada sukarelawan yang lebih kanan dan berpengalaman.

Sementara itu, pihak kerajaan negeri Melaka, melalui Ahli Majlis Mesyuarat Negerinya, YB En.G.Saminathan meminta kami menyediakan data asas kuil agar kerajaan negeri akan tahu bilangan kuil, status pemilikan tanah kuilnya, dan kedudukan dari segi pendaftarannya dengan Pendaftar Pertubuhan khasnya. Menurutnya, data ini bakal berguna kepada kerajaan negeri Melaka untuk menggubal dasar-dasar terhadap cara-cara menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh kuil-kuil Hindu di negeri Melaka. YB En. G.Saminathan telah mengadakan perbincangan dengan semua pemimpin Kuil berdasarkan dokumen daripada kajian awal.

Malangnya, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Melaka ini telah berganti pada awal tahun 2020 apabila kajian ini masih dalam proses mengumpulkan data, dan pendekatan kepimpinan baharu masih tidak jelas, walaupun kami telah menyampaikan butir-butir dan permohonan yang rasmi kepada YAB Ketua Menteri baharu. Sehingga kajian ini disempurnakan tiada sebarang respons yang positif daripada pihak pimpinan baharu.

Demi kajian ini, pihak kerajaan negeri di bawah Pakatan Harapan juga membantu kami untuk bertemu dengan Pendaftar Pertubuhan di negeri Melaka. Kerjasama Jabatan ini amat menggalakkan dan kami telah mendapat maklum balas yang sangat memuaskan. Walaupun kami dihubungkan pada pegawai-pegawai pejabat tanah daerah, dan pegawai-pegawai di Majlis Kerajaan Tempatan di negeri Melaka untuk berbincang tentang hal-hal yang berkaitan dengan kuil-kuil Hindu di negeri Melaka, namun, kerjasama daripada badan-badan ini agak dingin dan tidak begitu membantu proses kajian ini. Pada bulan September, 2020 Pengerusi JK Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) dihubungi sekali lagi untuk mendapatkan beberapa maklumat dan penjelasan. Namun, tiada sebarang hasil dalam usaha itu.

CamScanner

BAHAGIAN A

Hasil Kajian

CamScanner

CamScanner

DIMENSI PERTAMA
BUTIR-BUTIR ASAS

Nombor yang diberikan pada kuil dalam senarai di dalam Jadual 3, 4 dan 5 dalam bab yang terdahulu menjadi rujukan dalam keseluruhan kajian ini. Bilangan ini cuma menunjukkan turutan penerimaan data, dan tiada apa-apa kesignifikanan yang lain.

Taburan kuil di negeri Melaka jelas menunjukkan kawasan-kawasan berkependudukan masyarakat Hindu dari zaman dahulu, kerana di kawasan-kawasan yang tiada ladang getah mahupun perumahan untuk pekerja jabatan-jabatan kerajaan tiada wujud kuil Hindu.

Bagaimanapun, pembinaan taman-taman perumahan moden selepas merdeka, dan selepas penjualan ladang-ladang getah untuk projek-projek pembangunan mengakibatkan masyarakat Hindu menduduki beberapa taman perumahan baharu ini, dan beberapa kuil dibina atau dipindahkan ke kawasan-kawasan ini. Oleh itu suatu tinjauan pada kawasan-kawasan yang ada kuil Hindu di setiap daerah amatlah wajar untuk memahami hal ini.

Untuk memudahkan perbincangan, arah jalan raya utama digunakan sebagai panduan untuk melonggokkan kuil dalam kawasan-kawasan yang dikenal pasti bagi tinjauan ini. Kita tinjau kuil-kuil mengikut setiap daerah di Melaka.

KUIL-KUIL DI DAERAH MELAKA TENGAH

Di daerah Melaka Tengah, di kawasan bandar memang wujud kuil yang paling tua di Melaka, kuil MT10 – Kuil *Sri Dharma Rajah* dan MT 11 – Kuil *Sri Amman* di Kampung Tujuh, Gajah Berang, kepunyaan masyarakat *Chitty Melaka* digunakan sejak tahun 1770 lagi hingga sekarang dan merupakan kuil-kuil tertua.

Kuil-kuil ini diwujudkan di tengah-tengah kawasan pertanian masyarakat *Chitty Melaka* yang terpaksa beralih daripada perdagangan kepada pertanian akibat sikap penjajah Portugis dan Belanda. Namun, kuil-kuil ini hanyalah tempat ibadat yang kecil.

Kuil MT2 – *Sri Poyyatha Vinayagar Moorthi Aalayam*, yang dibina pada 1781 di bawah geran Belanda oleh *Theivanayagam Chitty*, ketua Masyarakat *Chitty Melaka*, merupakan kuil besar yang tertua di Melaka mahupun di seluruh negara Malaysia, yang terus digunakan sejak penubuhannya hingga ke hari ini.

Kuil-kuil Masyarakat *Chitty Melaka* yang lain di Gajah Berang ialah MT3, 4, 5, 6, 7, 8, dan 9 juga kepunyaan Masyarakat *Chitty Melaka* yang berasal daripada perkahwinan campur antara pedagang-pedagang Tamil dan wanita tempatan, dan yang terus mengekalkan agama Hindu pada keturunannya sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka, melalui zaman Portugis, Belanda, British hinggalah ke zaman kemerdekaan Malaysia, dan merupakan masyarakat yang unik yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ibundanya.

Kesemua 10 kuil *Chitty Melaka* ini masih ada di Melaka. Masyarakat *Chitty Melaka* menguruskan 9 daripada kuil ini pada ketika ini.

CamScanner

Jadual 6 : KUIL HINDU DI MELAKA TENGAH MENURUT KAWASAN

KAWASAN	KUIL-KUIL	JUMLAHNYA
Bandar Melaka	MT2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 34, 35, 36, 37, 38	15
Arah Masjid Tanah	MT14	1
Arah Alor Gajah *(Termasuk Cheng, Paya Rumput dan Krubong)*	MT1, 13, 20, 21, 23, 24, 25, 26, 28, 30, 31, 32, 39, 43, 44	15
Arah Batu Berendam *(Termasuk Bachang, Bukit Beruang dan Ayer Keroh)*	MT16, 17, 18, 19, 22, 29, 33, & 27 *(pusat budaya / seni)*	8
Arah Jasin/Merlimau *(Termasuk Ayer Molek, Tiang Dua dan Tambak Paya)*	MT12, 15, 40, 41, 42	5
JUMLAH		44

Sementara itu, kuil yang berasal daripada zaman *Chitty Melaka*, tetapi yang telah berpindah tangan pada masyarakat Tamil Sri Lanka sekitar tahun 1930-an ialah MT38 *Sri Subrammaniar Thiroubathai Amman Aalaya Paribalana Sabai* merupakan kuil yang melalui pembaharuan yang besar dengan empat *koburam* di bandar Melaka pada ketika ini. Masyarakat Tamil Sri Lanka yang sangat berpengaruh pada ketika pemerintahan British juga inginkan kuil yang eksklusif pada suatu ketika dahulu apabila banyak dalam kalangan mereka menduduki jawatan-jawatan penting di jabatan-jabatan kerajaan di Melaka. Pengaruh kumpulan ini mula pudar selepas kemerdekaan negara dan kini keahlian bagi kuil ini telah terbuka pada semua penganut agama Hindu di Melaka. Suatu lagi kuil yang dapat dikaitkan dengan masyarakat *Chitty Melaka* ialah MT35 *Sri Maha Chamudeswari Amman Aalayam* di Gajah Berang yang kini dikendalikan oleh waris keluarga *Chitty Melaka*, walaupun tapak tanahnya telah menjalani pembangunan oleh pihak swasta.

Masyarakat *Nattukkottai Chettiar* ataupun *Nagarathar* yang mula menetap di kawasan *Kampung Keling* di Melaka selepas British mengambil alih pemerintahan negeri Melaka pada abad kesembilan belas, kini mengurus kuil MT2 kepunyaan masyarakat *Chitty Melaka* kerana kuil ini terletak berhampiran dengan tempat kediaman kaum ini yang lebih dikenali dengan peranannya sebagai peminjam wang pada zaman itu. Masyarakat *Nattukottai Chettiar* memanglah gemar untuk mengendalikan kuilnya secara eksklusif dan tidak mahu orang lain dalam pentadbiran kuil-kuilnya.

Oleh sebab pihak pemerintah masa itu tidak membenarkan kuilnya sendiri dibina di bandar Melaka, maka mereka mendirikan sebuah kuil mereka sendiri – MT1 – *Sri Sanyasimalai Aandavar Aalayam*. Kuil ini dibina pada tahun 1868 di kawasan Cheng dalam kawasan tanah seluas empat ekar mengikut kelaziman kaum *Chettiar* di negara asal mereka, yang lengkap dengan semua kemudahan yang patut ada di sesebuah kuil Hindu. Dan kuil inilah mengadakan *thiruvizha* atau Pesta pada *Masimaham* setiap tahun yang pernah dibanjiri oleh seratus ribu penganut, dan hingga ke hari ini masih dianggap pesta agama Hindu yang terbesar di negeri Melaka. Pedati perak kepunyaan masyarakat ini merupakan pedati yang paling bernilai di negeri Melaka dan pernah digunakan untuk perarakan upacara rasmi negeri/negara juga.

Perumahan buruh Majlis Perbandaran Melaka dahulu di Pengkalan Rama masih mengekalkan kuilnya MT37 *Sri Maha Mariamman Aalayam manakala* kuil yang diwujudkan oleh pekerja Hindu dari perumahan Tenaga Nasional Berhad di Kawasan Kubu/Bachang MT18 *Sri Veera Kaliamman Aalayam* kini dipindah ke Taman Merdeka, Batu Berendam pula. Bagaimanapun, pekerja-pekerja jabatan kerajaan di bandar Melaka tidak begitu aktif dalam pembinaan kuil kerana sudah ada kuil *Chitty Melaka* dan kuil *Nattukottai Chettiar* di bandar ini untuk kegunaan mereka.

CamScanner

Selepas negara merdeka, para pekerja Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) (nama lama: Jabatan Parit dan Taliair (JPT)) berjaya mendirikan kuil di tepi sungai Melaka di Batu Berendam – MT22 *Sri Subramaniar Thevasthanam* pada tahun 1965, yang kini berkembang maju. Sebenarnya, kuil ini menjadi kesinambungan daripada kuil kecil yang didirikan oleh pekerja Jabatan Keretapi Tanah Melayu pada tahun-tahun 1920-an lagi di tapak ini.

Kuil MT14 *Sri Vanathaandavar Aalayam* di Sungai Udang pula didirikan pada tahun 1960 oleh anggota pasukan keselamatan yang berpengkalan di Kem Tentera Sungei Udang selepas Tentera Komanwel meninggalkan kem ini. Anggota tentera yang beragama Hindu mengasaskannya, dan kini kuil Hindu ini sahaja wujud di sepanjang jalan ke arah Masjid Tanah melalui pantai. Ini menunjukkan tiada kawasan berkependudukan masyarakat India di kawasan ini – kerana tiada ladang getah atau perumahan buruh zaman British di sini.

Pekerja-pekerja di Hospital Besar Melaka telah membina kuil Hindu mereka di kawasan perumahan mereka pada tahun 1952, MT17 – *Sri Sundaramoorthy Vinayagar Aalayam*, tetapi, apabila perumahan itu diambil alih untuk pembangunan Hospital Melaka, ia dipindahkan ke tepi sungai Melaka di Bachang, dan kuil baharu dibina pada 1996.

Ladang-ladang getah lebih banyak di kawasan seperti Cheng, Tanjung Minyak, Paya Rumput, Krubong, Ayer Molek, Tiang Dua, Bukit Kajang dan Tambak Paya. Oleh itu, pewujudan kuil-kuil Hindu di kawasan-kawasan ini memanglah wajar. Ada antara ladang getah yang sudah dibangunkan, tetapi kuil-kuil ini –khususnya yang ada pengurusannya yang baik – terus berjaya memiliki tapak tanah untuk meneruskan aktivitinya. Misalnya, kuil MT13 *Sri Maha Karumariamman Aalayam*, yang sejarahnya bermula pada 1937 kini wujud di Taman Paya Rumput Perdana, MT24 *Dewi Sri Maha Mariamman Aalayam* yang wujud sejak 1900 di Tanjung Minyak, MT28 *Dewi Seri Dhurkaiamman/Pathrakaliamman Aalayam* yang ada sejarah sejak 1900 di Paya Rumput, MT39 *Sri Maha Mariamman Aalayam (Kuthiraik Kuil)* yang ada sejarah sejak 1890 di Paya Rumput, dan, MT43 *Sri Maha Mariamman Muniandy Aalayam (Mettuk Kuil)* di Tanjung Minyak yang ada sejarah sejak 1924.

Kuil MT20 (1930) yang dahulunya berada di dalam ladang kepunyaan Raman *Chettiar*, kemudian diambil alih oleh Lam Joo di Krubong, kini berada dalam kawasan yang dibangunkan untuk perumahan dan perindustrian. Kuil ini pula terletak dalam kawasan rizab Jabatan Kerja Raya untuk pembinaan jalan raya – dan diarah berpindah, dan pihak pengurusan dalam usaha mencari tapak gantian. Kuil MT30 di ladang Genting Cheng (1930); Kuil MT41 di Ladang Diamond Jubilee, Bahagian Union – kini dimiliki oleh Syarikat Paduan Realty (1930); dan Kuil MT 42 di Ladang Lim Kok Wah, Bukit Lintang (1930) masih wujud di dalam ladang walaupun pekerja tidak tinggal di dalam ladang lagi. Kuil MT15 di Ladang Bukit Kajang pula dibina sejak 1906 dan masih wujud di ladang itu.

Beberapa kuil didirikan di dalam tanah kerajaan. Misalnya Kuil MT16 di Batu Berendam (1970) terletak di tanah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) – sama seperti Kuil MT18 di Taman Merdeka, Batu Berendam (2004); MT21 di Kawasan Perindustrian Krubung (2015); MT23 di Kawasan Perindustrian Krubung (1930); dan, MT37 di Pengkalan Rama Pantai (1930). Kuil yang dibina dalam tapak simpanan kerajaan ialah MT29 di Taman Bunga Raya, Bukit Beruang (1974); dan, MT33 di Taman Kerjasama, Bukit Beruang (1940). Kesemuanya ada membuat rayuan untuk memiliki tanah untuk kuil, tetapi pihak berwajib beranggap ada antara kuil ini terletak di tapak yang kurang sesuai.

Tempat menanam/membakar mayat juga dianggap tempat untuk dipuja pada *dewa/dewi* yang berkaitan, dan di Bukit Serindit telah wujud MT34 *Uthira Kaliamman Aalayam* sejak 1970, yang kini menarik penganut daripada pelbagai kaum. Permohonan untuk memiliki tanah masih dalam proses selama beberapa tahun.

CamScanner

Dewa/Dewi juga dipuja di tebing sungai, dan selain MT17 dan MT22 di Batu Berendam, seperti yang telah dihuraikan, ada dua lagi yang wujud di Melaka Tengah – MT16 *Arulmihu Sri Samayaburam Mariamman Nageswary Amman Aalayam* di Batu Berendam yang dimulakan cuma pada tahun 1970, dan MT23 *Sri Vanapatra Kaliamman Aalayam* di Krubung yang ada sejarah sejak 1930 semasa kawasan itu menjadi ladang milik Raman *Chettiar*.

Ada juga kuil dipindahkan atau dibina di kawasan perumahan baharu. Di kawasan Bukit Beruang dan Ayer Keroh tiada perumahan buruh atau ladang getah dahulu. Tetapi apabila taman-taman perumahan dibuka di kawasan-kawasan ini, kuil di simpang Bukit Baru – Bukit Beruang yang wujud sejak 1960, dialih untuk meluaskan jalan raya, dan kuil dipindahkan ke Taman Bukit Melaka di Bukit Beruang pada tahun 1993 – MT19 *Sri Muthu Mariamman Aalayam*. Penganut *Dewa Krishna* di Melaka telah berusaha untuk mendirikan Pusat Budaya & Seni Sri *Krishna* yang khusus dengan konsep yang unik - MT27 - *Sri Krishna Balaram Aalayam* di Ayer Keroh pada tahun 2002.

Ada juga penganut mendirikan kuil-kuil berhampiran dengan tempat tinggal mereka di tapak-tapak awam dan sedang berusaha untuk peroleh kebenaran rasmi – dan menghadapi kesukaran. Kebiasaan ini diwarisi dari zaman masyarakat Hindu tinggal di ladang-ladang getah mahupun di kawasan perumahan kerajaan. Di situ mereka dibiarkan mendirikan tempat ibadat untuk bersembahyang tanpa sekatan. Ciri-ciri ini masih wujud pada sebilangan penganut Hindu yang kini tinggal di taman-taman perumahan di daerah Melaka Tengah.

Beberapa kuil didirikan di tapak kepunyaan individu. Kuil MT 12 di Ayer Molek, MT25 di Tanjung Minyak; MT31 di Krubong; MT36 di Bandar Melaka; dan MT44 di Paya Rumput tergolong dalam kategori ini. Ada antaranya atas nama ahli keluarga yang menguruskan kuil, ada pula yang sedang menyerahkan tanah pada kuil, manakala ada pula yang membina kuil di tapak sewaan untuk kediaman sahaja, tetapi oleh sebab sudah lama menduduki tapak itu, kuil didirikan dalam pekarangan rumah berkenaan sama ada dengan ihsan atau tanpa kebenaran tuan tanah.

KUIL-KUIL HINDU DI DAERAH JASIN

Daerah Jasin memang mempunyai banyak ladang getah, dan kebanyakan kuil Hindu telah terletak di dalam ladang-ladang getah dahulu. Kuil J9 *Sri Maha Mariamman Aalayam* di Pekan Jasin pun memanglah mempunyai sejarah sejak 1890 di ladang getah. Manakala kuil di bawah pentadbiran yang sama J10 *Sri Sivan Aalayam* pula asalnya di perumahan pekerja Jabatan Kerja Raya di Jasin dan wujud sejak 1880. Di Selandar pula, kuil J1 *Sri Sithi Vinayagar Aalayam* yang wujud sejak 1930 juga dimulakan oleh para pekerja Jabatan Kerja Raya di sana. Kuil dari kawasan perumahan Jabatan Kerajaan di Jalan Jasin-Tangkak sejak 1930 kini dipindahkan kerana pembinaan institusi pendidikan, Kolej MRSM, ke Simpang Kerayong – J42 *Sri Muniandy Aalayam* pada tahun 2004.

Jadual 7: KUIL HINDU DI DAERAH JASIN MENURUT KAWASAN

KAWASAN	KUIL-KUIL	JUMLAHNYA
Selandar/Nyalas/Kesang	J1, 5, 14, 19, 28, 33, 37, 43, 44, 45, 46	11
Asahan/Simpang Bekoh/Rim	J3, 7, 8, 18, 20, 31, 32	7
Pekan Jasin/Kemendor	J9, 10, 13, 16, 17	5
Arah Melaka dari Jasin	J2, 4, 6, 29, 30, 36	6
Arah Tangkak/Merlimau	J11, 34, 35, 38, 39, 42	6
Merlimau	J12, 15, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 40, 41	11
JUMLAH		**46**

CamScanner

Kesan daripada penjualan ladang-ladang getah untuk projek pembangunan menyebabkan beberapa kuil Hindu di ladang dahulu dipindahkan atau kekal di tapak asal apabila pengurusan kuil berusaha untuk memperoleh tanah dan mengekalkan kuil-kuil itu di bawah pentadbirannya, sama ada di tapak asal atau di tapak gantian. Misalnya, J2 *Sri Maha Mariamman (Mayil) Aalayam*, Batu 16, Jasin (1910); J4 *Dewi Sri Maha Mariamman Aalayam*, Bemban (1930); J5 *Dewi Sri Maha Mariamman Aalayam*, Batang Melaka (1935); J7 *Sri Maha Mariamman Aalayam*, Rim (1900); dan J28 *Sri Maha Karumariamman Aalayam*, Kesang Pajak (1900) termasuk dalam kategori ini. Kuil-kuil yang kini dalam proses mendapatkan tapak untuk kuilnya pula terdiri daripada J14 *Sri Maha Mariamman Aalayam* Ladang Tebong, Bahagian Batang Melaka (1930); J22 *Sri Subramaniar Aalayam*, Ladang Serkam (1890); dan, J23 *Sri Maha Mariamman Aalayam*, Ladang Merlimau (1904).

Beberapa kuil didirikan di kawasan taman perumahan atau tanah milik orang perseorangan seperti J20 *Sri Maha Kaliamman Muneeswarar* Tua Pek Kong *Aalayam*, *Asahan* (1997); J24 *Dewa Sri Madurai Veeran Aalayam*, Paya Buloh, Merlimau (1970); J36 *Sri Veera Patra Kaaliamman Aalayam*, Kampung India (1965); J37 *Sri Prithiyangara Devi Sakti Peedam*, Kesang Pajak (1999); dan J43 *Sri Maha Sivasakhti Aalayam*, Batang Melaka (1970).

Manakala, ada yang mendapat tanah khusus atas nama kuil di taman-taman seperti J25 *Sri Maha Mariamman Aalayam*, Taman Bistari, Merlimau (1990); dan J27 *Dewi Sri Maha Mariamman Aalayam*, Kampung Paya Buloh, Merlimau (1990).

Di Merlimau, sebuah kuil yang berasal dari tempat perumahan pekerja jabatan kerajaan, yang kemudian ditempatkan di dalam tanah MCL pada tahun 1969, kini berada di kawasan kepunyaan TNB, di bawah dawai elektrik bervoltan tinggi dan diarah berpindah – J21 *Sri Vinayagar Sri Subramaniar Aalayam*, Pekan Merlimau. Pihak pengurusan masih sedang berikhtiar untuk berbuat sesuatu untuk mengalihkan kuil ini ke tapak baharu.

Kebanyakan kuil lain di daerah ini ada di dalam ladang-ladang – kebanyakan ladang getah sudah menjadi ladang kelapa sawit dan kini diambil alih daripada pemilik asing oleh gergasi perladangan seperti Sime Darby, IOI dan Genting Plantations dengan bilangan pekerja beragama Hindu makin berkurangan. Kebanyakan keluarga penganut Hindu kini tinggal di taman-taman yang berhampiran dan berusaha untuk terus mengekalkan kuil-kuil warisan mereka ini.

Kuil J3 di Ladang Bukit Asahan (1915); J6 di Ladang Jasin Lalang (1900); J8 di Ladang Diamond Jubilee (1890); J11 di Ladang Jasin Lalang, Bahagian Bukit Chermin (1902); J12 di Ladang Jasin Lalang, Bahagian Batu Lang (1940); J13 di Ladang Serkam, Bahagian Jasin (1915); J15 di Ladang Kempas, Selatan Baru (1950); J16 di Ladang Serkam, Bahagian Kemendor (1936); J17 di Ladang Lau Leong, Bahagian Kemendor (1910); J19 di Ladang Nyalas, Bahagian Gubah (1970); J26 di Ladang Selatan Baru, Merlimau (1990); J30 di Ladang Yew Watt Hin, Bemban (1950); J31 di Ladang Bukit Asahan, Bahagian D (1948); J32 di Ladang Bukit Asahan, Bahagian Ayer Tekah (1970); J33 di Ladang Nyalas, Bahagian Mantai (1950); J35 di Ladang Kempas (Dewon), Merlimau (1890); J38 di Ladang kepunyaan Datuk Gan Bros (1950); J39 di tapak kepunyaan Syarikat Kim Yun (1890); J41 di Ladang Merlimau, Bahagian Lanchang (1945); J44 di Ladang Lian Tek (1950) di Selandar; J45 di Ladang Lim Kok Wah (1960) di Selandar; dan, J46 di Ladang Genting, Batang Melaka (1940) merupakan kuil-kuil yang masih dalam tapak tanah kepunyaan ladang-ladang, dan penganut-penganut masih menggunakan kuil-kuil ini untuk bersembahyang, walaupun di sesetengah ladang ini bilangan penganut agama Hindu yang masih bekerja mahupun tinggal di ladang sudah sangat berkurangan atau tiada lagi.

Selain itu, Kuil J40 (1992) pula terletak di tanah kepunyaan Kelab Orna, yang kini telah diambil alih oleh pemaju lain, dan Tanah Simpanan Kerajaan di Gapam yang telah diarah berpindah manakala Kuil J29 (1996) di Taman Bemban Utama didirikan dalam tanah simpanan kerajaan.

CamScanner

Di daerah ini terdapat dua buah kuil yang menunjukkan gabungan antara agama Hindu dan amalan Taoisma (China) yang sama-sama diterima oleh penganut kedua-dua kepercayaan, iaitu J34, *Kuil Sri Mathurai Veeran, Sri Raja Karumaariamman dan Toh Pek Kong* di Simpang Kerayong, (1970) dan, J20, *Kuil Sri Maha Kaliamman Muneeswarar Tua Pek Kong* di Asahan (1997) – dengan jawatankuasa pengurusan di kedua-dua kuil terdiri daripada penganut kedua-dua kaum dan kepercayaan. Pembinaan kuil-kuil ini menampakkan kemesraan antara kaum-kaum ini yang sudah lama tinggal sebagai jiran dan yang telah memahami persamaan yang terdapat dalam kedua-dua amalan agama, sehingga sanggup bergabung dalam kuil yang sama.

Di daerah ini, kesan daripada penghijrahan keluar pekerja-pekerja Hindu dari ladang-ladang getah – akibat dasar-dasar pengurusan ladang-ladang mahupun kerana mencari kerja di sektor-sektor lain, agak ketara. Akibatnya, bilangan penganut yang dapat menghadiri kuil untuk bersembahyang saban hari berkurangan, khususnya di kuil-kuil yang kini berjauhan bagi penganutnya. Ada juga pemilik ladang yang masih mengamalkan dasar terbuka pada para penganut agama Hindu untuk menguruskan hal ehwal kuil yang terdapat di dalam ladangnya, tetapi ada juga yang tidak begitu terbuka, dengan meletakkan banyak syarat pada yang tidak lagi bekerja di ladangnya – dengan melantik pentadbir kuil, dan tidak membenarkan sebarang pembaikan kuil dilakukan di ladangnya – yang menimbulkan tanda tanya sama ada kuil-kuil ini akan kekal lama.

KUIL-KUIL HINDU DI DAERAH ALOR GAJAH

Daerah Alor Gajah mencatatkan paling banyak kuil Hindu dalam kajian ini, memandangkan daerah ini mempunyai lebih banyak ladang getah pada masa dahulu. Di pekan Alor Gajah kuil AG3 *Sri Sithi Vinayagar Sri Bala Subramaniar Aalaya Paribalana Sabai* di tepi sungai di Pengkalan mempunyai sejarah sejak 1935 lagi dan merupakan antara kuil yang diurus dengan baik.

Jadual 8 : KUIL-KUIL HINDU DI DAERAH ALOR GAJAH MENURUT KAWASAN

KAWASAN	KUIL-KUIL	JUMLAHNYA
Masjid Tanah/ Sungai Baru	AG 9, 10, 12, 13, 14, 15, 24, 33, 49, 51	10
Lendu/Rembia	AG 11, 19, 26, 27, 29, 39, 41, 42, 43, 44, 47, 50, 53, 54	14
Pekan Alor Gajah/ Pengkalan/ Melaka Pindah	AG 3, 25, 30, 32, 34, 52,56	7
Pulau Sebang/ Gadek/Simpang Ampat	AG 6, 7, 21, 23, 35, 36, 38, 40, 45, 48	10
Durian Tunggal/ Machap/ Hutan Percha	AG 1, 2, 4, 5, 8, 22, 28, 31, 46	9
Tebong/ Batang Melaka	AG 16, 17, 18, 20, 37, 55	6
JUMLAH		**56**

Kuil di ladang yang kini dimiliki oleh pengurusan kuil di daerah ini terdiri daripada AG21 *Dewa Sri Bala Thandayuthabani Aalayam* di Simpang Ampat dari Ladang Gadek dahulu (1935); AG23 *Sri Maha Mariamman Aalayam* di Taman Malinja Wangi, Pulau Sebang dari Ladang Pegoh dahulu (1936); AG24 *Dewi Sri Mariamman Aalayam* di Paya Mengkuang dari Ladang Kempas Bahagian Bukit Bachang, Lubuk China (1910); AG25 *Sri Subramaniar Aalayam* di Kampung Tersusun Yayasan Melaka Pindah – dahulunya Ladang Bertam Bahagian Parit Melana (1936); AG38 *Sri Mookambikai Aalayam* di Taman Sri Naning, Simpang Ampat, dari Ladang Pegoh (1910); dan AG39 *Arulmihu*

CamScanner

Maha Karumariamman Thevasthanam, Rembia (1918) yang berasal dari ladang getah tetapi telah peroleh tanahnya sendiri di tepi jalan raya atas daya usaha pengurusannya, atau dalam proses memilikinya.

Kuil-kuil yang masih di dalam tanah milik ladang ialah Kuil AG1 di Ladang Bertam, Durian Tunggal (1950); Kuil AG4 di Ladang Sing Lian (kini dimiliki oleh Scientex Corporation) Durian Tunggal (1960); Kuil AG6 di Ladang Kemuning Kru, Gadek (1890); Kuil AG7 di Simpang Gadek, Ladang Gadek (1911); Kuil AG9 di Ladang Sungai Baru, Masjid Tanah (1924); Kuil AG10 di Ladang Sungai Baru, Masjid Tanah (1950); Kuil AG12 di Ladang UMB, Ramuan China Besar, Masjid Tanah (1910); Kuil AG13 di Ladang Sungai Baru, Home Division, Masjid Tanah (1930); Kuil AG14 di Ladang Bukit Chempedak, Kuala Sungai Baru (1920); Kuil AG16 di Ladang Genting Tebong (nama dahulu Ladang Tebong) (1919); Kuil AG17 di Ladang Kemuning Home Division, Tebong (1939); Kuil AG18 di Ladang Renopinang – dahulu Ladang Leong Watt Hin – Tebong (1960); Kuil AG19 di Ladang Hor Ng Lih Yuan (KVL Rembia) (1961), Kuil AG20 di Kawasan Guthrie Rubber Sdn. Berhad, Tebong (1919); Kuil AG26 di Ladang Yayasan, Lendu (1945); Kuil AG27 di Lorong Bukit Hantu, Lendu ditubuhkan pada tahun 1930. Ladang ini kini dimiliki oleh seorang pengusaha Melayu.

Kuil AG28 di Ladang New Kru, Hutan Percha (1948); Kuil AG29 di Ladang *Chettiar* yang kini dimiliki oleh Keluarga Ah Chong (1920); Kuil AG31 di Ladang Machap, Durian Tunggal (1890); Kuil AG32 di Ladang Melaka Pindah, Lesung Batu (1890); Kuil AG33 di Ladang Lian Ho, Rantau Panjang, Alor Gajah (1960); Kuil AG36 di Ladang Gadek, Alor Gajah (1913); Kuil AG37 di Ladang Tebolang, Tebong (1920); Kuil AG41 di Ladang Kemuning, Bahagian Rembia (1920); Kuil AG42 di Ladang Lendu Kecil (1940) dan Kuil AG43 (2010) di ladang yang sama yang kini dimiliki oleh pengusaha China; Kuil AG49 di Ladang Kempas, Bahagian Bukit Bachang, Lubuk China (1940); Kuil AG50 di Ladang Lendu San, Lendu (1940); Kuil AG51 di Ladang Kuala Sungai Baru, Air Molek (1910); Kuil AG53 di Ladang Lendu yang kini dimiliki oleh Chong Bee Sdn Berhad (1920) dan Kuil AG55 di Ladang Nam Bee Tebong (1957). Kuil AG22 *Sri Meenachi Suntheresar Aalayam* Di FELDA Hutan Percha (1980) terletak dalam tanah FELDA.

Syarikat CCB Food Suppliers yang membeli tanah Ladang Lendu, Alor Gajah, untuk pembangunan pula menyediakan tapak untuk Kuil AG11 *Sri Maha Mariamman Aalayam* (1945), dan masih dalam proses pindah milik lot tanah berkenaan.

Kuil-kuil di dalam kawasan milik pemunyanya ialah AG2 *Sri Astha Thasa Puja Kaliamman Aalayam* di Durian Tunggal (1998) yang kini diberitakan sebagai telah selesai diserah pada kuilnya pada tahun 2019; AG40 *Sri Poyyaatha Vinayagar Moorthi Aalayam* di Kampung Baru *Vinayagar* Ganun, Alor Gajah (1940); dan, AG45 *Dewi Sri Maha Asah Malai Muniappan Sri Muthu Mariamman Aalayam* di Ladang *Vinayagar* (1965), Ganun, Alor Gajah.

Kuil di dalam pekarangan rumah kediaman ialah Kuil AG5 *Sri Veera Patra Kaali Aalayam* di Taman Sri Bukit Tambun, Durian Tunggal (1994); Kuil AG8 *Sri Maha Patra Kaliamman Aalayam* di Lorong Bilal Arshad, Gangsa, Durian Tunggal (2006); Kuil AG30 Sri Muneeswarar Aalayam, di Jalan Fairuz, Rumah Awam, Paya Datuk, Alor Gajah (2010); Kuil AG47 *Om Sri Sada Mudi Aalayam* di Rumah Awam Sri Lendu, Alor Gajah (1997); dan Kuil AG48 *Sri Maha Mariamman Aalayam* di Kampung Bukit, Pulau Sebang (1945).

Ada juga kuil-kuil di tanah kerajaan seperti Kuil AG44 *Sri Vadapatra Kaliamman Aalayam* di Batu Belaga, Rembia (1984) yang dahulunya kawasan ladang, tetapi kini menjadi tanah kepunyaan TNB, di bawah dawai elektrik bervoltan tinggi, dan telah diberi notis untuk berpindah; Kuil AG46 *Sri Maha Veera Kali Amman Aalayam* di Taman Mawar Jaya, Machap Umboo (2001) – di tanah simpanan kerajaan dan telah diberi notis untuk berpindah.

CamScanner

Kuil AG35 *Sri Vaitheeswarar – Thayyal Nayagi Amman Aalayam* di Jalan Keretapi, Pulau Sebang, yang asalnya dibina oleh pekerja KTM yang masih berada dalam tanah KTM (1916) dan usaha untuk memperoleh tanahnya sedang berjalan. Kuil AG52 *Sri Muneeswarar Aalayam* dan AG56 *Sri Maha Mariamman Aalayam* di Jalan Keretapi Lama, Kampung Pengkalan juga berada dalam bekas tanah KTM yang kini di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka, manakala Kuil AG54 *Sri Karuppanna Samy Aalayam* di pinggir Ladang Lendu (2003) dikira berada dalam kawasan simpanan kerajaan.

Kuil AG15 *Sri Meenakshi Sundrareswarar Aalayam* di Masjid Tanah didaftarkan pada tahun 2012, tetapi sehingga kini belum ada bangunannya kerana lot tanah yang dijanjikan dahulu dalam pertikaian. Hanya pada tahun 2020 Lot 1716, di Taman Harmoni telah diperoleh dan proses pengambilannya secara sah sedang berjalan. Bangunannya akan didirikan hanya apabila segala kelulusan diperoleh.

Dalam kajian ini, didapati lebih banyak kuil terdapat dalam ladang-ladang di daerah ini kerana kebanyakan masyarakat Hindu di daerah ini bertugas di ladang-ladang tersebut – manakala kuil-kuil di pekan pula didirikan oleh pekerja-pekerja dan pegawai-pegawai di jabatan-jabatan kerajaan.

Namun, seperti di daerah Jasin juga, kesan pemindahan keluarga penganut Hindu kerana mencari kerja di sektor lain, dan kemunculan taman-taman perumahan yang membolehkan mereka memiliki rumahnya sendiri, memang ketara. Akibatnya, penganut Hindu yang mendiami berhampiran dengan kuil Hindu di ladang-ladang dahulu makin berkurangan. Dan dasar pemilik ladang yang tidak membenarkan sesiapa yang tidak bekerja di ladangnya menduduki jawatankuasa yang menguruskan kuil, dan mengenakan syarat-syarat tambahan pada penganut agama dari luar memang agak jelas – dan masa hadapan kuil-kuil di kebanyakan ladang yang tiada pekerja yang beragama Hindu kini menjadi tanda tanya.

TARIKH PENUBUHAN KUIL

Maklumat ini didapati tanpa berpandu pada apa-apa dokumen, malah daripada ingatan pengurus-pengurus kuil berkenaan. Di kebanyakan kuil ini, masih ada kesinambungan pengurusan kuil dan mereka dapat kaitkan tarikh kuil dengan generasi dalam keluarga mereka sendiri yang beribadat di kuil berkaitan. Hal ini memang nyata khususnya di ladang-ladang getah, kerana keluarga yang ditempatkan di sesebuah ladang memang menduduki ladang itu selama beberapa generasi. Anak penoreh menjadi penoreh dan memastikan keluarganya mendapat rumah untuk kediamannya.

Bulatan ini terputus cuma apabila sistem pendidikan nasional dikuatkuasakan selepas negara mencapai kemerdekaan, dan anak-anak yang mendapat pendidikan sekolah menengah dan ke atas mula berhijrah keluar dari ladang-ladang ini. Namun, statistik dalam Laporan Murad atau Laporan Keciciran Pelajar, 1973 jelas menunjukkan peratus pelajar yang berasal dari sekolah-sekolah Tamil di ladang yang tercicir, sama ada sebelum melangkah ke sekolah menengah, ataupun di pertengahan jalan ke peperiksaan di tingkatan 3 dan tingkatan 5 – dan kebanyakan daripadanya masih berada dalam keluarga-keluarga penganut Hindu ini di sekitar kawasan perladangan, dan merekalah yang terus mentadbirkan kuil-kuil ini. Jarang-jarang sekali ada orang luar atau orang baharu yang masuk campur dalam hal ini.

Anak pekerja ladang yang berjaya dalam pendidikan dan berjaya peroleh pekerjaan di bandar-bandar pada beberapa dekad selepas merdeka pun tidaklah ramai. Hal ini menyebabkan bulatan kemiskinan berterusan di ladang-ladang bagi kebanyakan keluarga penganut Hindu, dengan terus mengekalkannya di ladang-ladang. Hanya apabila tanaman kelapa sawit menggantikan tanaman

CamScanner

getah, dan ladang-ladang mula dimiliki oleh Gergasi Perladangan seperti Sime Darby, IOI, dan Genting Plantations, yang lebih gemar menerima pekerja asing daripada mengekalkan buruh India yang beragama Hindu di ladang-ladangnya, maka kebanyakan keluarga pekerja Hindu-Tamil terpaksa berpindah keluar.

Perubahan inilah memutuskan bulatan bergenerasi tinggal di ladang, dengan kebanyakan keluarga Hindu terpaksa keluar dari ladang untuk mencari nafkah hidup di luar – dan gaya hidup berkampung di ladang juga mula terputus, dengan berbagai-bagai implikasinya hingga sekarang.

Jadual 9 : TAHUN PENUBUHAN KUIL-KUIL DI MELAKA (ANGGARAN)

ANTARA TAHUN	MELAKA TENGAH		JASIN		ALOR GAJAH		JUMLAH
	kuil	J	kuil	J	kuil	J	
Sebelum 1800	2,10,11	3		0		0	3
1801 – 1850	3, 9	2		0		0	2
1851 – 1899	1, 4, 5, 6, 7, 8, 35, 38, 39	9	8, 9, 10, 22, 35, 39	6	6,31,32	3	18
1900 – 1925	15, 24, 26, 28, 43	5	2, 3, 6, 7, 11, 13, 17, 18, 23, 28	10	7, 9, 12, 14, 16, 20, 24, 29, 35, 36, 37, 38, 39, 41, 51, 53	16	31
1926 – 1940	13, 20, 23, 30, 32, 33, 37, 40, 41, 42	10	1, 4, 5, 12, 14, 16, 42, 46	8	3, 13, 17, 21, 23, 25, 27, 40, 42, 43, 49, 50, 56	13	31
1941 – 1957	17, 36	2	15, 30, 31, 33, 38, 41, 44	7	1, 10, 11, 26, 28, 48, 55	7	16
1958 – 1970	14, 16, 19, 22, 34	5	19, 21, 24, 32, 34, 36, 43, 45	8	4, 18, 19, 33, 44, 45	6	19
1971 – 2000	12, 25, 29, 31	4	20, 25, 26, 27, 29, 37, 40	7	2, 5, 22, 34, 47, 52	6	17
2001 – 2018	18, 21, 27, 44	4		0	8, 15, 30, 46, 54	5	9
JUMLAH	**44**		**46**		**56**		**146**

CamScanner

KUIL-KUIL YANG DIDIRIKAN SEBELUM 1899

Jika dirujuk Jadual 9, kita dapati kuil-kuil Masyarakat *Chitty Melaka* merupakan yang paling tua di Melaka, dan cuma tiga buah kuilnya terbina sebelum tahun 1800 di daerah Melaka Tengah. Sehingga tahun 1850 pun dua buah kuil lagi yang terbina di Kampung *Chitty* yang masih wujud hingga sekarang.

Bagi masyarakat *Chitty Melaka*, sudah tentu telah wujud banyak tempat ibadat mereka yang wujud sejak pembentukan masyarakat ini pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Tetapi kuil-kuil itu sudah tiada lagi atas banyak faktor, termasuk binaan kuil yang kurang kekal, dan robohan kuil akibat perubahan pentadbiran di kota Melaka apabila kuasa Portugis, Belanda mahupun British mengambil alih pentadbirannya. Dalam masa kuasa Barat mengambil alih hampir semua lambang tempatan seperti istana, tempat ibadat tempatan diroboh, khususnya kerana mereka mengutamakan agama Kristian. Malangnya tiada catatan sejarah tentang tempat-tempat ibadat pada zaman sebelum abad kelapan belas. Lebih-lebih lagi, masyarakat itu sendiri pun tidak menyimpan rekod tentang hal ini. Oleh sebab kaum *Chitty* ini berpecah mengikut kasta yang berlainan, ada juga kemungkinan masing-masing kumpulan mendirikan 'rumah *dewa/dewi*' kecil yang sementara untuk beribadat pada masa lampau, dan hanya apabila kaum ini berpindah pada pertanian, kuil-kuil mereka menjadi lebih kekal sebagai warisan mereka. Pada masa ini pun, hanya 4 kuil mereka sahaja yang dapat dianggap binaan kukuh – MT2, MT3, MT4 dan MT5 – manakala yang lain di bawah pentadbirannya dapat dianggap tempat ibadat yang kecil sahaja. Oleh sebab masyarakat Hindu menganggap semua tempat bersemayam *dewa/dewi* sebagai kuil, soal kecil besar bangunan tidak menjadi ukuran.

Dalam tempoh 1851 dan 1899 18 buah kuil Hindu dimulakan, 9 di Melaka Tengah, 6 di Jasin, dan 3 di Alor Gajah – yang masih wujud. Antaranya, 7 ada kaitan dengan masyarakat *Chitty Melaka* (MT4, MT5, MT6, MT7, MT8, MT35, MT38) dan 1 didirikan oleh masyarakat *Nattukottai Chettiar* (MT1) di Cheng di Melaka Tengah, dan sebuah lagi di Ladang Jelutong, Cheng (MT39).

Di daerah Alor Gajah pula, Kuil di Ladang Melaka Pindah, Lesung Batu (AG32), Kuil AG31 di Ladang Machap di Alor Gajah, dan Kuil AG6 di Ladang Kemuning Kru termasuk dalam kategori ini.

Manakala di Jasin, kuil-kuil di Ladang Diamond Jubilee (J8), di Taman Maju (J9), di pekan Jasin (J10), di Ladang Serkam (J22), di Ladang Kempas (Dewon) (J35), dan, di Ladang Rim Cenderawasih (J39) tergolong dalam kumpulan ini.

Kita dapati terdapat 23 buah kuil yang dibina sebelum 1899 yang masih wujud di negeri Melaka, kebanyakannya, atau 12 buah, berkaitan dengan masyarakat *Chitty Melaka*, sebuah berkaitan dengan kaum *Nattukottai Chettiar*, dan 9 buah sahaja yang wujud di ladang-ladang getah dan satu di pekan kecil yang masih ada pada hari ini. Pekerja ladang mungkin membina kuil-kuil yang tidak kekal pada permulaan – semasa mereka membuka ladang-ladang di Melaka. Cuma kuil-kuil yang terus diselenggarakan yang wujud hingga ke hari ini yang dapat dikesan untuk kajian ini.

KUIL-KUIL YANG WUJUD DI ANTARA TAHUN 1900 DAN 1925

Tempoh 1900 – 1925 menunjukkan pembinaan 31 buah kuil, kerana lebih banyak pekerja Hindu dibawa ke Melaka dalam tempoh ini. Kuil MT15 (Ladang Bukit Kajang); MT24 (Tanjung Minyak); MT26 (Ladang Bertam, Paya Rumput); MT28 di Ladang Jelawai Paya Rumput, dan MT43 (Bukit Rambai, Tanjung Minyak), merupakan 5 kuil di daerah Melaka Tengah.

CamScanner

Manakala, kuil AG7 di Ladang Gadek, Simpang Gadek; AG9 di Ladang Sungai Baru; AG12 di Ladang UMB, Ramuan China Besar, AG14 di Ladang Bukit Chempedak, Kuala Sungai Baru; AG16 di Ladang Tebong; AG20, Guthrie, Tebong; AG24 di Ladang Kempas, Lubuk China; AG29 Ladang di Endau-Rembia; AG35 di Jalan Keretapi, Pulau Sebang; AG36 di Ladang Gadek; AG37 di Ladang Tebolang; AG38 di Ladang Pegoh; AG39 di Rembia; AG41 di Ladang Kemuning; AG51 di Air Molek, Masjid Tanah; dan, AG53 di Ladang Lendu, merupakan 16 kuil di daerah Alor Gajah.

Di daerah Jasin pula terdapat Kuil J2 di Ladang Ayer Panas Home Div., Jasin; Kuil J3 di Ladang Bukit Asahan, Kuil J6 di Ladang Jasin Lalang, Kuil J7 di Ladang Rim. Jasin; Kuil J11 di Ladang Jasin Lalang Bukit Chermin, Kuil J13 di Ladang Serkam, Kuil J17 di Ladang Lau Leong, Kemendor, Kuil J18 di Ladang Diamond Jubilee; J23 di Ladang Merlimau; dan, Kuil J28 di Kesang Pajak – sebanyak 10 buah.

Nyatalah, dalam tempoh ini, kuil-kuil baharu wujud di ladang-ladang getah sahaja.

KUIL-KUIL YANG WUJUD DI ANTARA 1926 HINGGA 1940

Fenomena ini berterusan dalam tempoh 1926 hingga 1940, iaitu 31 buah kuil Hindu baharu wujud dalam kala itu. Perangkaan menunjukkan bahawa pada tempoh 1900 -1940 inilah paling banyak buruh Tamil dibawa masuk ke Malaya oleh kuasa British untuk membuka lebih banyak ladang getah.

Di Melaka Tengah 10 buah kuil yang dimulakan pada tempoh 1926-1940 masih wujud, iaitu, Kuil MT13 di Paya Rumput; Kuil MT20 dan Kuil MT23 di Ladang Raman *Chettiar*/Lam Joo, Krubong; Kuil MT30 di Ladang Genting Cheng; Kuil MT32 di Ladang Bertam, Tanah Merah, Krubong; Kuil MT33 di Bukit Beruang; Kuil MT37 di Pengkalan Rama Pantai; Kuil MT40 di Ayer Molek; Kuil MT41 di Ladang Diamond Jubilee, Bahagian Union; dan, Kuil MT42 di Ladang Leong Watt Hin, Tiang Dua.

Di Jasin pula terbina 8 buah kuil dalam tempoh ini, iaitu Kuil J1 di Selandar, Jasin; Kuil J4 di Ladang Ayer Panas, Bemban; Kuil J5 di Batang Melaka; Kuil J12 di Ladang Jasin Lalang, Bahagian Batu Lang; Kuil J14 di Ladang Tebong; Kuil J16 di Ladang Serkam; Kuil J42 di Simpang Kerayong, dan, Kuil J46 di Ladang Genting Plantations Batang Melaka.

Daerah Alor Gajah pula menyaksikan 13 buah kuil pada tempoh ini, iaitu Kuil AG3 di Pengkalan, Kuil AG13 di Ladang Sungai Baru, Masjid Tanah; Kuil AG17 di Ladang Kemuning, Tebong, Kuil AG21 di Ladang Gadek, Naning, Kuil AG23 di Ladang Pegoh; Kuil AG25 di Ladang Bertam, Bahagian Parit Melana; Kuil AG27 di Jalan Lendu, Rembia; Kuil AG40 di Ladang Vinayagar Ganun; AG42 dan AG43 di Ladang Lendu Kecil; Kuil AG49 di Ladang Kempas, Bahagian Bukit Bachang; Kuil AG50 di Ladang Lendu San, dan, Kuil AG56 di Ladang Lian Huat yang kini dipindah ke Jalan Keretapi Lama, Pengkalan, Alor Gajah.

KUIL-KUIL YANG WUJUD DI ANTARA 1941 DAN 1957

Tempoh 1941 -1957 menandakan masa pengambilan buruh dari India hampir tiada kerana Perang Dunia Kedua, Pemerintahan Jepun, aktiviti menentang komunis dan pergolakan untuk menuntut kemerdekaan di semua tanah jajahan kuasa Barat. Lagipun, pemerintah di India juga membuat sekatan pengambilan buruh dari negara itu pada ketika itu. Namun, memang ada penganut Hindu yang datang ke Melaka dari Tamil Nadu secara persendirian dalam tempoh ini, tetapi mereka menetap di tempat-tempat yang sudah ada penganut Hindu yang terdahulu.

CamScanner

Walau bagaimanapun, masyarakat Hindu yang sudah berada di sini masih membina 16 buah kuil Hindu dalam tempoh ini. Daerah Melaka Tengah menyaksikan 2 buah, iaitu Kuil MT17 di Kawasan Perumahan Kakitangan Hospital Besar Melaka, dan Kuil MT36 di Jalan Puteri Hang Li Poh, Melaka.

Di daerah Jasin pula terbina 7 buah kuil, iaitu Kuil J15 di Ladang Kempas, Selatan Baru, Kuil J30 di Ladang Yew Watt Hin, Bemban, Kuil 31 di Ladang Bukit Asahan, Bahagian D, Kuil J33 di Ladang Nyalas, Bahagian Mantai, Kuil J38 di Simpang Kerayong, Kuil J41 di Ladang Merlimau, Bahagian Lanchang, dan, Kuil J44 di Pondok Kempas, Selandar.

Tujuh buah kuil dibina di daerah Alor Gajah dalam tempoh ini, iaitu Kuil AG1 di Ladang Bertam, Durian Tunggal, Kuil AG10 di Ladang Sungai Baru, Masjid Tanah, Kuil AG11 di Ladang Lendu, Klemak, Kuil AG26 di Ladang Lendu, Rembia, Kuil AG28 di Ladang New Kru, Hutan Percha, Alor Gajah, Kuil AG48 di Ladang Peguh, Alor Gajah, dan Kuil AG55 di Ladang Batu Berkarat (Nam Bee), Tebong.

Dengan ini kita dapati ada 101 buah kuil Hindu yang tersenarai dalam kajian ini di Melaka dibina sebelum kemerdekaan negara kita, dan kuil-kuil ini masih wujud pada masa kajian ini dilakukan. Sudah tentu ada kuil yang wujud dalam tempoh ini yang sudah tiada lagi kerana pelbagai sebab, termasuk tiada penganut yang sanggup meneruskannya, penjualan tanah ladang, penghijrahan keluar keluarga yang mengasaskan sesebuah kuil dan sebagainya.

SELEPAS MERDEKA

KUIL-KUIL YANG DIDIRIKAN DI ANTARA TAHUN 1958 – 1970

Tempoh 1958 -1970 agak menarik kerana ada perayaan Pesta Tamil (*Thamizhar Thirunaal*) di seluruh negara yang dipelopori oleh aktivis sosial, mendiang *Thamizhavel Ko Sarangapani* dari Singapura melalui harian *Tamil Murasu.* Pemikiran moden ditanam dalam kalangan masyarakat Tamil, dan minat pada kuil dikurangkan melalui revolusi mental yang agak lantang di Tamil Nadu melalui gerakan *Dravidar Kazhagam* dengan pengasasnya *E.V.Ramasamy* atau *Periyar.* Badan politik-sosial *Dravida Munnetra Kazhagam* yang dipolopori oleh *C.N.Annadurai* mempunyai pemimpin-pemimpin muda yang pintar berpidato dan menerbitkan bahan-bahan bacaan dalam bahasa Tamil yang banyak mempengaruhi golongan muda pada masa itu, dan masyarakat Tamil di negeri ini juga tidak terkecuali. Banyak juga tokoh ini telah datang ke Melaka untuk berpidato, dan bahan-bahan bacaan terbitan mereka mudah diperoleh untuk dibaca di sini. Mereka dipengaruhi dengan pandangan bahawa agama Hindu yang telah dibawa masuk dalam kalangan orang Tamil membelakangkan amalan-amalan budaya dan kepercayaan Tamil yang asal dan utuh, dan, masyarakat Tamil harus membanggakan diri dengan cara hidup Tamil yang asal sahaja, tanpa terikut-ikut dengan ajaran-ajaran Hindu yang mengutamakan kedudukan golongan *Brahmin* dan kasta. Bagaimanapun golongan tua terus berpegang teguh pada amalan-amalan di kuil kerana sudah begitu lama mengamalkan tradisinya dan telah menjadi sebati dengannya.

Terdapat pertambahan kuil sebanyak 19 buah di seluruh negeri Melaka dalam tempoh 1958-1970. Ada 5 buah di Melaka Tengah, iaitu Kuil MT14 di Sungai Udang; Kuil MT16 di tepi Sungai Batu Berendam; Kuil MT19 di Bukit Beruang; Kuil MT22 di Solok Bangsal, Batu Berendam; dan, Kuil MT34 di Bukit Serindit, Melaka. Adalah sangat jelas bahawa kuil-kuil ini di luar ladang-ladang getah di daerah Melaka Tengah, diusahakan oleh masyarakat Hindu yang bertugas dan menetap di bandar mahupun pekan, yang sudah keluar dari tempat kediaman asal di ladang-ladang untuk bekerja di kilang-kilang yang baharu dibuka dan mula mendiami taman-taman perumahan di daerah Melaka Tengah. Kuil di Sungai Udang pula dimulakan oleh anggota tentera yang beragama Hindu, selepas Kem Sungai Udang diambil alih daripada Tentera Komanwel selepas merdeka.

CamScanner

Di Jasin pula 8 buah kuil didirikan dalam tempoh ini, iaitu Kuil J19 di Ladang Nyalas, Gubah; Kuil J21 di Pekan Merlimau; Kuil J24 di Kampung Paya Buloh; Kuil J32 di Ladang Bukit Asahan, Bahagian Ayer Tekah; Kuil J34 di Simpang Kerayong; Kuil J36 di Kampung India, Jasin; Kuil J41 di Ladang Merlimau, Bahagian Lanchang; dan, Kuil J45 di Ladang Lim Kok Wah, Bukit Senggeh, Selandar. Di daerah ini empat buah kuil terbina di ladang-ladang manakala empat lagi di luar kawasan ladang.

Di Alor Gajah pula sebanyak 6 buah kuil didirikan pada tempoh ini, iaitu Kuil AG4 di Ladang Sing Lian, Durian Tunggal; Kuil AG18 di Ladang Leong Watt Hin, Tebong; Kuil AG19 di Ladang Hor Ng Lih Yuan, Rembia; Kuil AG 33 di Ladang Lian Ho, Rantau Panjang; Kuil AG44 di Ladang Dragon, Rembia; dan Kuil AG45 di Ladang *Vinayagar* Ganun. Kesemua kuil ini terletak di dalam kawasan ladang getah yang dahulunya belum ada kuil.

KUIL-KUIL YANG DIDIRIKAN DI ANTARA TAHUN 1971 DAN 2000

Tempoh 1971 hingga 2000 menampakkan pertambahan binaan kuil sebanyak 17 di seluruh negeri Melaka. Cuma 4 buah didirikan di Melaka Tengah, iaitu MT12 di Tambak Paya, Ayer Molek; Kuil MT25 di Kampung Baru, Tanjung Minyak; Kuil MT29 di Taman Bunga Raya, Bukit Beruang; dan, Kuil MT31 di Tanah Merah, Krubong. Nyatalah di Melaka Tengah tiada kuil dibina di ladang getah dalam tempoh ini, tetapi dibina sama ada di tanahnya sendiri atau di tanah kerajaan.

Di daerah Jasin pula, sebanyak 7 buah kuil muncul dalam tempoh ini, iaitu Kuil J20 di pekan Asahan; Kuil J25 di Taman Bistari Merlimau; Kuil J26 di Ladang Selatan Baru, Merlimau; Kuil J27 di Kampung Paya Buloh, Merlimau; Kuil J29 di Taman Bemban Utama; Kuil J37 di Kesang Pajak; dan, Kuil J40 di Gapam. Kecuali Kuil J26, yang lain adalah di luar ladang getah, sama ada dipindah ke luar kawasan ladang atau dibina berhampiran taman-taman kediaman.

Dalam tempoh yang sama terdapat 6 buah kuil dibina di daerah Alor Gajah. Kuil AG2 di Ayer Semubuk, Durian Tunggal; Kuil AG5 di Taman Sri Bukit Tambun, Durian Tunggal; Kuil AG22 di FELDA Hutan Percha; Kuil AG34 di Seri Pengkalan, Alor Gajah; Kuil AG47 di Rumah Awam Sri Lendu; dan, Kuil AG52 di Kampung Pengkalan, Alor Gajah. Ada antaranya yang dipindahkan daripada ladang; dan peneroka Felda pula mendirikan kuilnya sendiri, tetapi kebanyakannya adalah di luar ladang getah di taman-taman kediaman, di tanahnya sendiri atau di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan kawasan perumahan orang Hindu.

KUIL-KUIL YANG DIDIRIKAN DI ANTARA TAHUN 2001 DAN 2018

Tempoh 2001 –2018 memperlihatkan 9 buah kuil baharu di negeri Melaka. Di Melaka Tengah terdapat 4 kuil, iaitu Kuil MT18 di Taman Merdeka Jaya; Kuil MT21 di Taman Perindustrian Krubong; Pusat Budaya & Seni *Sri Krishna Balaram*, MT27, di Ayer Keroh, Melaka; dan, MT44 di Kampung Solok Jeram, Paya Rumput. Kesemuanya sama ada dari tanah ladang yang bertukar jadi kawasan perindustrian, atau di taman-taman perumahan baharu.

Di Jasin tiada kesan kuil-kuil didirikan dalam tempoh ini. Manakala di daerah Alor Gajah pula, 5 kuil dikesan didirikan dalam tempoh ini. Kuil AG 8 di Kampung Gangsa, Durian Tunggal; Kuil AG15 didaftarkan di Masjid Tanah tanpa bangunan; Kuil AG30 di Rumah Awam Paya Datuk, Alor Gajah; Kuil AG46 di Taman Mawar Jaya, Machap Umboo; dan, AG54 di pinggir Ladang Lendu, Alor Gajah. Di sini juga amalan membina kuil di ladang tidak kelihatan, manakala ada usaha untuk memindahkan kuil dari ladang ke tempat lain.

CamScanner

KECENDERUNGAN MEMBINA KUIL DI PEKARANGAN RUMAH

Bagaimanapun, telah kelihatan suatu kecenderungan baharu untuk membina kuil di pekarangan rumah atau berhampiran dengan rumah penganut. Dalam suatu makalah yang dihasilkan oleh Dr.Manimaran Subramaniam dari Jabatan Pengajian India di Universiti Malaya, melalui projek FRGS (ER018-2013A) bertajuk *'An Evolving Trend in Religious Practices Amongst Malaysian Hindus: A Case Study of Shrines Within the Residence Compound of Hindus, A New Phenomenon'*, menghuraikan kecenderungan yang menular di negara ini dan mengupas bagaimana ia membawa implikasi dalam hal-hal berkaitan kelulusan daripada pihak Majlis-Majlis Kerajaan Tempatan akhir-akhir ini.

Kecenderungan ini di Melaka menyebabkan kuil-kuil muncul di taman-taman kediaman dalam pekarangan rumah kediaman, khususnya apabila penghijrahan keluar dari ladang-ladang getah berlaku dalam kalangan penganut. Oleh sebab tiada kuil Hindu di tempat kediaman baharu, ada antara penganut mendirikan tempat ibadat di pekarangan rumahnya sendiri supaya mudah beribadat. Lebih-lebih lagi, hal ini digalakkan apabila berlaku kecenderungan untuk memuja *'kula dheivam'* atau dewa atau *dewi suku kaumnya* sendiri yang menjadi ikutan di Tamil Nadu, khususnya di kampung-kampung. Ada juga yang membina struktur yang besar tanpa mendapatkan apa-apa kelulusan daripada Majlis Tempatan kerana anggapan binaan itu berada di dalam pekarangan rumahnya sendiri.

Ada juga kuil jenis ini yang dirobohkan oleh pihak kerajaan tempatan kerana menyalahi peraturan yang ada. Contoh kuil yang diroboh ialah Kuil *Sri Vishnu Durgaiamman Thiruthalam* yang didirikan di Taman Maju, Jasin pada tahun 2010-an di 5753, Jalan Mawar atas tindakan Majlis Daerah Jasin. Kuil ini pula didaftarkan atas nama Persatuan Penganut dengan Pendaftar Pertubuhan (PPM-020-04-26112013) tetapi kini tidak berfungsi lagi, dan tidak termasuk dalam kajian ini.

Bagaimanapun, ada juga kuil-kuil lain dalam kategori ini, seperti AG5 di Bukit Tambun; AG8 di Gangsa; AG30 di Paya Datuk; AG47 di Lendu; MT25 di Tanjung Minyak; MT44 di Paya Rumput; dan, J43 di Batang Melaka. Ada beberapa kuil lain dalam kategori ini yang tidak mengadakan '*thiruvizha*' dengan kehadiran penganut secara terbuka, tetapi hanya dikhaskan kepada kaum keluarganya sendiri, dan tidak dimasukkan ke dalam kajian ini. Ada juga yang telah mendaftarkan Persatuan Penganut bagi kuil jenis ini untuk mendapat pengiktirafan rasmi daripada pihak berwajib, tetapi tidak termasuk dalam kajian ini kerana kuil-kuil peribadi ini lebih mirip sebagai tempat penyembahan dan pendupaan yang diwujudkan di rumah penganut untuk kegunaan kaum keluarganya sendiri dan tidak dapat dianggap kuil awam.

Tinjauan tidak rasmi yang dilakukan semasa kajian ini mendapati bahawa pihak penguatkuasa bertindak tegas apabila ada rungutan dan aduan daripada jiran tetangga yang kurang senang, sama ada kerana bunyi-bunyian, tindak-tanduk mahupun keramaian yang kurang disenangi, atau kerana struktur *Vigraha* yang dianggap tidak selesa. Namun, jika hal ini berlaku di kawasan kediaman yang memang dikhususkan untuk orang-orang Hindu, pihak berkuasa tempatan tidak menguatkuasakan peraturan dengan tegas.

Juga, ada usaha untuk mendaftarkan persatuan penganut untuk membina kuil-kuil baharu pada tahun-tahun 2000-an. Misalnya, ada usaha untuk mendirikan *Dewa Sri Sivan Aalayam* di Nyalas pada tahun 2002, dan hingga kini tiada tapak tanah yang sesuai dan jawatankuasanya terus mencari tapak yang sesuai; pada tahun 2013 usaha Persatuan Penganut Kuil Sri Veera Siva Aalayam untuk membina kuilnya di Ayer Keroh pula terkandas kerana tiada lot tanah yang sesuai yang dapat dimilikinya dan diberitahu bahawa jawatankuasa penaja itu sudah pun dibubarkan.

CamScanner

PEMILIKAN TANAH KUIL

Dalam kajian ini cuma 56 kuil terbina dalam tapak tanah yang dipunyai oleh kuil atau proses pemerolehannya hampir selesai sama ada atas nama kuil mahupun atas nama persatuan penganutnya, atau atas nama perseorangan pemilik kuil pada masa kajian ini dilakukan. Baki 90 kuil terbina dalam tanah kepunyaan pihak lain, termasuk individu lain, yang meliputi tanah MCL juga (6), tanah kerajaan – JPS, JKR, Kerajaan Tempatan, Tanah Rizab Kerajaan, Yayasan Melaka (18), FELDA, TNB, KTM - (4); Ladang-ladang di bawah Sime Darby (23), IOI , Genting, Guthrie, (11), ladang-ladang kepunyaan lain (21), dan, syarikat-syarikat lain yang telah memiliki tanah yang dahulunya ladang (7).

Ada antara pengurusan kuil yang sedang berusaha untuk mendapatkan tanah bagi kuilnya yang kini menduduki tanah ladang mahupun syarikat lain – dan pada masa kajian ini dijalankan prosesnya masih pada peringkat awal dan ada yang menghadapi pelbagai kekangan dalam usahanya. Yang sudah diluluskan pemerolehan tanah pun ada yang menghadapi masalah untuk membayar harga tanah pada tuan punya tanah mahupun bayaran *premium* yang dikenakan oleh kerajaan negeri. Kebanyakan kuil ini tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk peroleh tanah tanpa bantuan pihak luar – termasuk penderma, ahli politik dan sumbangan kerajaan.

Namun, kebanyakan kuil di ladang didirikan agak jauh dari jalan raya, selalunya di kawasan rumah-rumah pekerja dahulu, dan usaha untuk mendapatkan tanah di tepi jalan raya, memang menghadapi kesulitan. Lebih-lebih lagi, apabila di kebanyakan ladang ini, bilangan penganut agama Hindu yang masih bekerja di ladang berkenaan sudah mengecil atau hampir tiada, dan hak keluarga bekas pekerja ladang beragama Hindu terhadap kuil-kuil jenis ini sering dipertikai oleh tuan punya ladang sekarang.

Keluarga-keluarga bekas pekerja yang kini mendiami taman-taman perumahan yang berhampiran dengan ladang tempat ahli-ahli keluarganya bekerja dahulu, berhasrat untuk mengekalkan kuil keluarga mereka di ladang-ladang itu dengan kebenaran pemilik ladang, ataupun berusaha untuk mengalihnya ke tepi jalan raya supaya mudah menggunakan kuil mereka tanpa perlu mendapatkan kebenaran pihak yang memiliki tanah. Namun, ada masalah jarak antara tempat tinggal sekarang dan kuil bagi kebanyakan penganut kerana peluang untuk penganut Hindu tinggal secara berkampung di suatu tempat kini hampir tiada, dan di taman-taman perumahan pun mereka hanya segelintir daripada penduduk taman. Oleh sebab kedudukan ekonomi bekas pekerja ladang masih agak lemah, jawatankuasa-jawatankuasa yang masih mengurus kuil-kuil ini bergantung pada ahli-ahli politik dan para penderma untuk membantu mereka untuk mendapatkan tapak gantian dan membiayai pembinaan kuil baharu bagi mereka.

Pada masa kajian ini dilakukan, hampir 60 buah kuil di ladang-ladang dan 20 kuil di tanah kerajaan atau agensi kerajaan memang menghadapi masalah mendapatkan tanah bagi kuil masing-masing. Kuil-kuil lain pula tidak mempunyai jawatankuasa yang berhasrat untuk mendapatkan tapak tanah untuk kuil semasa kajian ini dilakukan, dan besar kemungkinan kuil-kuil jenis ini tidak akan kekal lama lagi.

CamScanner

Jadual 10: PEMILIKAN TANAH KUIL HINDU DI NEGERI MELAKA PADA TAHUN 2019

PEMILIK TANAH	MELAKA TENGAH		ALOR GAJAH		JASIN		JUMLAH
KUIL/PERSATUAN PENGANUT /TRUST	1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 14, 17, 19, 22, 24, 27, 38, 39, 40, 43	21	3, 21, 23, 24, 25, 38, 39,	7	1, 2, 4, 5, 7, 9, 14, 22, 25, 27, 28, 34,	12	40
PEMILIK KUIL INDIVIDU	25, 44	2	2, 5, 8, 30, 40, 45, 47, 48	8	20, 24, 36, 37, 42, 43	6	16
INDIVIDU LAIN MCL	12, (28), 31,36	3 (+1)	15, 27, 34	3	-	0	6 (+1)
KERAJAAN, JPS/ JKR/KERAJAAN TEMPATAN REZAB/YAYASAN	13, 16, 18, 20, 21, 23, 28, 29, 33, 34, 37	11	46, 52, 54, 56	4	10, 29, 40	3	18
TM/TNB/FELDA	-	0	22, 35, 44	3	21	1	4
LADANG SIME DARBY	15	1	6, 7, 9, 10, 13, 17, 28, 37, 41, 49, 51	11	3, 8, 15, 16, 18, 23, 26, 31, 32, 35, 41	11	23
LADANG IOI/ GENTING/ GUTHRIE INDUSTRIES	26, 30	2	1, 14, 16, 20	4	6, 11, 12, 13, 46	5	11
LADANG–LADANG LAIN	42 (Lim Kok Wah)	1	12 UMB 18 Reno pinang 19 Ho Lim Yuan 26 Ladang Yayasan 31 UMB 32 RMB 33 Lian Ho 54 Chong Bee 42 Kel. Cina 43 Kel.Cina 50 Kel.Cina 55 Nam Bee	12	17 Lau Leong 19 Gubah, Nyalas 30 Yew Watt Hing 33 Nyalas Rubber 38 Gan Bros 39 Kim Yun 44 Lian Tek 45 Lim Kok Wah	8	21
	(16) TsuChi 32 Poh Bros 35 Kenanga Dev (37) Tong Nam 40 Paduan Reality	3 (+2)	4 Scientex 11 CCB Food Supp 29 Kel.Ah Chong 36 Syt. Eks. Pesona	4	Orna Golf	(+1)	7 (+3)
JUMLAH	**44 (+3)**		**56**		**46 (+1)**		**146 (+4)**

Nota: ***(+) menunjukkan tapak kuil meliputi tanah kepunyaan lebih daripada satu pemilik. Nombor kuil dalam tanda kurung menunjukkan pemilik kedua tanah kuil berkenaan.***

CamScanner

Jadual 11: KUIL-KUIL HINDU DI MELAKA YANG TERDIRI DI TANAH MILIK KUIL ATAU PERSATUAN PENGANUT KUIL ATAU INDIVIDU YANG MENUBUHKANNYA

BIL	KOD KUIL	NAMA KUIL	Alamat	TANAH
1	MT1	Sri Sanyasimalai Aandavar Aalayam	Batu 5, Jalan Krubong, Cheng, Melaka	(*Nattukottai Chettiar* Trust)
2	MT2	Sri Poyyatha Vinayagar Moorthi Aalayam	Jalan Tukang Emas, Bandar Melaka	(Melaka *Chitty* Trust) TAXIII 62 15,879 kp
3	MT3	Sri Muthu Mariamman Aalayam	119, Kampung *Chitty*, Gajah Berang, 75000 Melaka	TAI 59 53,933 kp
4	MT4	Sri Kailasanathar Aalayam	Kampung *Chitty*, Gajah Berang, 75000 Melaka	TAV 95
5	MT5	Sri Anggala Parameswary Aalayam	Kampung *Chitty*, Gajah Berang, 75000 Melaka	TAV94, 118
6	MT6	Sri Gangga/ Lenggadariamman Aalayam	Gajah Berang, 75000 Melaka	(Tong Bee) (masih dalam proses penyerahan)
7	MT7	Sri Ayyanaar Aalayam	Gajah Berang, 75000 Melaka	TAV 81
8	MT8	Sri Kathayee Amman Aalayam	Gajah Berang, 75000 Melaka	TAV100
9	MT9	Sri Kaliamman Aalayam	Taman Kesidang, Kampung Tujuh, 75000 Bachang, Melaka	TAXXXI 1,500 kp
10 11	MT10 MT11	Sri *Dharma*rajah Aalayam Sri Amman Aalayam	Kampung Tujuh, Gajah Berang, 75000 Melaka	TAV88 8,000 kp
12	MT12	Sri Maha Mariamman Aalayam	KM14, Tambak Paya, Ayer Molek, 75460 Melaka.	Lot: 1345 Perumal Pillay
13	MT13	Sri Maha Karumariamman Aalayam	Taman Paya Rumput Perdana, Paya Rumput, 76450 Melaka	(Dalam Proses Ambilan)10,000 kp
14	MT14	Sri Vanathaandavar Aalayam	Batu 12, Sungei Udang, 76300 Melaka	Lot: 14555 32,000 kp
15	MT17	Sri Sundara Moorthy Vinayagar Aalayam	PBB-5, Jln Bachang Baru, 75350 Melaka	Lot: 9324 10,000 kp
16	MT19	Sri Muthu Mariamman Aalayam	PT 2456, Taman Bukit Melaka, Bukit Beruang, 75350 Melaka	Lot: PT2456 1,858.06 mp
17	MT22	Sri Subramaniar Thevasthanam	Lot 88-89, Solok Bangsal, Jalan Keratapi Lama, Batu Berendam, 75350 Melaka	Lot:15600 (PT 12305) 1.734 ekar

CamScanner

18	MT24	Dewi Sri Maha Mariamman Aalayam	Lot 1551, Bertam Ulu, Jalan Tanjung Minyak, 75250 Melaka	Lot: 1559 ½ ekar
19	MT27	Sri Krishnan Balaram Aalayam, (Pusat Budaya & Seni)	Lot 2679, Jln Sri Rama 3, Taman Muzaffar Syah, 75450 Melaka	Lot: 2679 15,000 kp
20	MT38	Sri Subramaniar Thiroubathai Amman Aalaya Paribaalana Sabai	Jalan Gajah Berang, 75400 Melaka	Lot: 78 31,234 kp Lot: 107 29,000 kp
21	MT39	Sri Maha Mariamman Aalayam (Kuthiraik Kuil)	Lot 1213, Jalan Hujung Padang, Batu 6 ¼ ,Paya Rumput, 76450 Melaka	Lot: 1213 20,000 kp
22	MT40	Sri Maha Mariamman Aalayam Ayer Molek	Taman Tambak Paya Permai, Melaka	Dalam proses
23.	MT43	Sri Maha Mariamman Muniandy Aalayam (Mettu Kuil) Bukit Rambai	PT 1107, Tanjung Minyak, Cheng, 75250 Melaka	Lot: PT1107 1 ¼ ekar
24	J1	Sri Sithi Vinayagar Aalayam	Jalan Air Kangkung, 77500 Selandar, Melaka.	Lot: 2136 19,282 kp
25	J2	Sri Maha Mariamman (Mayil) Aalayam	Batu 16, Jasin, 77000 Melaka	Lot: 4692 1481 mp
26	J4	Dewi Sri Maha Mariamman Aalayam	KM 23, Jalan Jasin, Bemban, 77200 Melaka	Lot: 14712 4052 mp
27	J5	Dewi Sri Maha Mariamman Aalayam	Lot 1192, Jalan Besar Batang Melaka, 77500 Selandar	Lot 1192 1365 mp
28	J7	Sri Maha Mariamman Aalayam	Jalan Asahan, Bukit Katong, Rim, Jasin, 77000 Melaka	Lot: 1 ekar
29	J9	Sri Maha Mariamman Aalayam	Jalan Taman Maju, 77000 Jasin, Melaka	Lot 9422 1¼ ekar
30	J14	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Tebong, Batang Melaka Div (Bemban), 77500, Melaka	Lot: 1 ½ ekar
31	J20	Sri Maha Kaliamman Muneeswarar Tua Pek Kong Aalayam	Lot 58, Kampung Bukit Panjang, Asahan, 77100 Melaka	Lot 58 PT914 1 ekar
32	J22	Sri Subramaniar, Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Serkam, 77300 Merlimau, Melaka	Lot: 0.2842 hektar
33	J24	Dewa Sri Madurai Veeran Aalayam	14, Batu 17, Paya Buluh, 77300 Merlimau, Melaka	Lot: 1 ekar
34	J25	Sri Maha Mariamman Aalayam	Taman Bistari, Jalan Jasin, 77300 Merlimau, Melaka	Lot 18747 10,000 kp

CamScanner

35	J27	Dewi Sri Maha Mariamman Aalayam	Batu 17 ½ , Jalan Jasin, Kampung Paya Buluh, Merlimau, Melaka	6515 / 6516 344.538 mp
36	J28	Sri Maha Karumariamman Aalayam	Batu 18 ½ Jalan Kesang, Kesang Pajak, 77000 Jasin, Melaka	Lot 1293 8228 kp
37	J34	Sri Mathurai Veeran, Sri Raja Karumariamman dan Toh Pek Kong Aalayam	Batu 12, Bukit Tinggi A, Simpang Kerayong, Jalan Merlimau, 77000 Jasin, Melaka	Lot 5575 1 ekar
38	J36	Dewi Sri Karu Maha Kaliamman Aalayam	J8451, Batu 16 ½, Kampung India, 77000 Jasin, Melaka	Lot: ¼ ekar
39	J37	Sri Prithiyangra Devi Sakti Beedam	JA 3371, Jalan Ria Satu, Taman Ria, Kesang Pajak, 77000 Jasin, Melaka	Lot 4,000 kp
40	J42	Sri Muniandy Aalayam	7952, Jalan Bukit Tinggi A, Simpang Kerayong, Jasin, Melaka	Lot 7952 1 ¼ ekar
41	J43	Sri Maha Sivasakhti Aalayam	3490, Taman Batang Melaka Baru, Batang Melaka, 77500 Melaka	Lot 3490 ¼ ekar
42	AG2	Sri Astha Thasa Puja Kaliamman Aalayam,	10817, Jalan Ayer Semubuk 2, 76100 Durian Tunggal	Lot 10817 3 ekar
43	AG3	Sri Sithi Vinayagar Sri Bala Subramaniar Aalaya Paribalana Sabai	Pengkalan, 78000 Alor Gajah, Melaka	Lot: 43,718 kp
44	AG5	Sri Veera Patra Kaali Aalayam	14, Taman Sri Bukit Tambun, 76100 Durian Tunggal, Melaka	Lot: Rumah No.14 17,000 kp
45	AG8	Sri Maha Patra Kaliamman Aalayam	Lorong Bilal Arshad, Jln Keretapi Lama, Kampung Gangsa, Durian Tunggal, 76100 Melaka	Lot: PT638 ¼ ekar
46	AG21	Dewa Sri Bala Thandayuthapani Aalayam	Kuil Naning Lama, Kampung Kemus, Jalan Simpang Ampat, 73000 Alor Gajah, Melaka	Lot: ¼ ekar
47	AG23	Sri Maha Mariamman Aalayam	PS 1996, Taman Malinja Wangi, Pulau Sebang,73000 Alor Gajah, Melaka	Lot 3724 1 ¼ ekar
48	AG24	Dewi Sri Maha Mariamman Aalayam	Batu 27, Kampung Baru (Paya Mengkuang), 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka	Lot: 1.138 hektar
49	AG25	Sri Subramaniar Aalayam	Kampung Tersusun Yayasan Melaka Pindah, Alor Gajah, Melaka	Lot: 11,000 kp
50	AG30	Sri Muneeswarar Aalayam	89, Jalan Fairuz, Rumah Awam, Paya Datuk, 78000 Alor Gajah, Melaka	Lot: Rumah No.89 3,000 kp

CamScanner

51	AG38	Sri Mookambikai Aalayam	94-1D Jalan 12, Taman Sri Naning, Simpang Ampat, 73000 Alor Gajah, Melaka	Lot: 1/4 ekar
52	AG39	Arulmihu Maha Karumariamman Thevasthanam	No.RM 109, Rembia, 78000 Alor Gajah, Melaka	Lot: 30,492 kp
53	AG40	Sri Poyyatha Vinayagar Moorthi Aalayam	Kampung Baru Vinayagar Batu 17 1/2 , Ganun, 78000 Alor Gajah, Melaka	Lot. 1530 1/4 ekar
54	AG45	Dewa Sri Maha Asa Malai Muniappan, Sri Muthu Mariamman Aalayam	PD64, Jalan 5, Taman Bukit Nangka, 78000 Alor Gajah, Melaka	Lot PD 64 1/4 ekar
55	AG47	Om Sri Sada Mudi Aalayam	65, Rumah Awam Sri Lendu, Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka	Lot: Rumah No 65 80 kp
56	AG48	Sri Maha Mariamman Aalayam, *Ladang Peguh*	Kampung Bukit, Pulau Sebang, 78000 Alor Gajah, Melaka	Lot: 1752 1 ekar

Kesimpulannya, hanya 38.4 peratus kuil-kuil Hindu di negeri Melaka menduduki tanah kepunyaannya atau dalam proses pemilikannya, manakala 61.6 peratus masih menduduki tanah yang bukan kepunyaannya.

SAIZ TANAH KUIL HINDU DI MELAKA

Kebanyakan kuil di Melaka didirikan dalam kawasan tanah yang sangat terhad. Sebanyak 120 (82.2%) kuil di Melaka terdiri dalam kawasan tanah yang kurang daripada 1 ekar luasnya – dengan 66 daripadanya (45.2%) dalam tanah kurang daripada 0.25 ekar, 33 lagi (22.6%) di tanah yang luasnya kurang daripada 0.50 ekar. Daripada 26 buah kuil (17.8%) yang menduduki tanah yang keluasannya lebih daripada 1 ekar, hanya 4 atau 2.7%, menduduki tanah yang luasnya melebihi 2 ekar.

Apabila keluasan tanah kuil dikira, hampir kesemua kuil di kawasan milik ladang, syarikat atau kerajaan, tiada lot yang dikhususkan untuk kuil, dan pihak pengurusan kuil dibenarkan menggunakan kawasan di sekeliling bangunan tanpa penentuan lot. Ada antara kuil ini yang mengaku mempunyai keluasan tanah melebihi satu ekar bagi kuilnya, walaupun tiada sebarang dokumen mahupun pagar yang menentukannya.

Yang pasti ialah tanah kepunyaan 56 kuil yang sudah ada lot yang ditentukan sebagai kepunyaan kuil atau pemiliknya. Kuil-kuil lain yang memberikan anggaran keluasan tanahnya perlu berusaha untuk memperoleh tanah bagi dirinya, sama ada di tapak asal ataupun di tapak baharu dengan menggunakan proses pengambilan tanah yang sedia ada.

Jadual di bawah menunjukkan bahawa hanya 56 buah Kuil, atau 38.4%, didirikan di tanah kepunyaan Kuil. Dari segi daerah pula, Melaka Tengah mencatatkan 52.3 peratus kuil / pusat budaya di tanah sendiri, termasuk kuil-kuil di bawah 'Trust' atau Badan Amanah yang rasmi. Daerah Alor Gajah pula mencatatkan hanya 26.8 peratus atau 15 buah kuil daripada 56 tapak kuil, manakala di daerah Jasin pula 18 buah kuil daripada 46, ataupun 39.1 peratus, memiliki tanahnya sendiri.

CamScanner

Saiz tanah yang dimiliki oleh kuil juga menampakkan 25 buah atau 17.1% memiliki tanah yang kurang daripada suku ekar; 13 buah atau 8.9%, kurang daripada setengah ekar; manakala 8 buah atau 5.5% memiliki tanah yang luasnya di antara setengah dan satu ekar; sementara hanya 6.9% kuil atau 10 buah daripada 146 kuil di Melaka yang mempunyai tanah melebihi satu ekar. Jika dikira hanya dalam kalangan 56 buah kuil/pusat Hindu yang memiliki tanahnya sendiri, sebanyak 44.6% memiliki keluasan tanah yang kurang daripada suku ekar, 23.2% kurang daripada setengah ekar, 14.3% kurang daripada satu ekar dan hanya 17.9% memiliki tanah yang melebihi 1 ekar luasnya, iaitu, 22 buah atau 15.1% memiliki keluasan yang kurang daripada 2 ekar manakala hanya 4 buah, atau 2.7%, memiliki tanah yang luasnya melebihi 2 ekar.

Jadual 12: SAIZ TANAH YANG DIDUDUKI OLEH KUIL HINDU DI NEGERI MELAKA

DAERAH	- ¼ EKAR	¼ - ½ EKAR	½ - 1 EKAR	1-2 EKAR	LEBIH 2 EKAR	JUMLAH		
						Milik kuil	Milik Lain	Jumlah
MELAKA TENGAH	23 (13)	10 (3)	5 (3)	5 (3)	1 (1)	(23)	21	44
JASIN	15 (7)	15 (6)	6 (3)	9 (2)	1 (0)	(18)	28	46
ALOR GAJAH	28 (5)	8 (4)	10 (2)	8 (3)	2 (1)	(15)	41	56
JUMLAH	66 (25)	33 (13)	21 (8)	22 (8)	4 (2)	(56)	90	146
PERATUS	45.2 (17.1)	22.6 (8.9)	14.4 (5.5)	15.1 (5.5)	2.7 (1.4)	(38.4)	61.6	

NOTA: ***Bilangan dalam tanda kurung menunjukkan kuil yang ada tanahnya sendiri.***
Tanah kepunyaan kuil, Persatuan Penganut, orang perseorangan yang memiliki kuil dianggap tanah milik kuil.

KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN DI KUIL

Nyatalah saiz tanah kebanyakan kuil tidak memungkinkan kemudahan-kemudahan yang lebih menyeluruh yang sepatutnya ada pada sesebuah kuil dapat disediakan untuk faedah para penganut, malah kuil-kuil ini hanya dapat digunakan untuk beribadat secara asas sahaja. Memang begitulah tujuan asal kuil-kuil ini didirikan – hanya sebagai tempat untuk bersembahyang, manakala apabila ada keramaian sesekala, khemah-khemah sementara didirikan di sekitar kuil secara bergotong royong. Oleh itu, kemudahan yang paling asas sahaja disediakan di kuil, yang tidak memerlukan sebarang langkah keselamatan disediakan untuk menjaga harta mahupun kemudahan lain.

Jika kita lihat akan kemudahan-kemudahan yang terdapat di kuil-kuil ini, hanya 22 buah kuil mempunyai kemudahan yang agak selesa untuk penganut, iaitu dengan bangunan utama untuk kuil dan bangunan tambahan untuk kemudahan tambahan seperti bilik untuk menyimpan barangan, tempat tinggal untuk pembantu atau pengamal ibadat agama, dan bilik air. Dalam bilangan ini, hanya satu kuil sahaja mempunyai bilik bertukar pakaian untuk pengantin lelaki dan perempuan yang menggunakan kuil untuk majlis perkahwinan, sementara pembinaan sedang berlangsung di sebuah kuil lain.

CamScanner

JENIS BANGUNAN

Ada 80 buah kuil lain mempunyai bangunan batu untuk kuil; ada antaranya mempunyai kemudahan-kemudahan tambahan dalam bentuk yang kurang kekal. Kebanyakan kuil menempah kemudahan tambahan seperti khemah, *generator* untuk bekalan elektrik dan sebagainya semasa mengadakan perayaan tahunannya.

Jadual 13: JENIS BANGUNAN KUIL DI MELAKA

DAERAH	KOMPLEKS BANGUNAN BATU	BANGUNAN BATU TUNGGAL	JUMLAH
MELAKA TENGAH	7	20	27
JASIN	5	27	32
ALOR GAJAH	10	33	43
JUMLAH	22	80	102

NOTA: Kuil-Kuil lain berfungsi daripada bangunan simen-kayu, kayu, mahupun secara terbuka sahaja

Tidak banyak kuil mempunyai dewan serbaguna untuk digunakan bagi aktiviti-aktiviti tambahan pada penganutnya. Semasa kajian ini dilakukan, hanya 13 buah kuil mempunyai dewan serbaguna, walaupun kebanyakannya adalah kecil, dan tidak dapat dianggap dewan besar untuk, misalnya, menjalankan majlis perkahwinan yang sempurna. Kebanyakan kuil menggunakan ruang sembahyang sebagai dewan untuk aktiviti-aktivitinya, dan ada pula yang menggunakan bangsal menghidangkan makanan juga sebagai ruang aktiviti apabila perlu.

TEMPAT TINGGAL UNTUK *GURUKKAL*

Pengamal istiadat agama atau pedanda yang dikenali sebagai *gurukkal* / *poosari*, yang bertugas di kuil disediakan tempat tinggal hanya di 41 buah kuil di Melaka. Petugas ini sering menjalankan tugas menjaga kuil berkenaan, termasuk pada waktu malam, dan menjadi wakil jawatankuasa pengurusan kuil apabila penganut mengunjungi kuil. Lebih seratus buah kuil tidak menyediakan tempat penginapan ini, dan, tidak juga menggajikan pengawal untuk mengawasi keselamatan kuil di sebelah malam khususnya kerana tidak mampu. Memandangkan tiada banyak alatan yang berharga dari segi komersial di kuil-kuil ini, maka hal ini tidak dianggap penting.

KESELAMATAN KUIL

Bagaimanapun, ada kalanya keselamatan kuil membimbangkan pihak pengurusan kuil, terutama pada ketika ada pihak-pihak tertentu sengaja ingin merosakkan bangunan mahupun *vigraha dewa/dewi* di kuil. Kekangan kewangan mahupun ketiadaan bekalan elektrik di kuil-kuil juga menyebabkan pihak pengurusan kuil kurang terdaya dalam hal keselamatan ini. Pada masa kuil-kuil terletak dalam kawasan perumahan penganut, soal keselamatan kuil tidak timbul, tetapi, pada masa kuil-kuil ini kini terletak agak jauh daripada tempat tinggal penganut, ia memang menjadi suatu perkara yang membimbangkan para pengurusan kuil. Namun, kekangan kewanganlah menjadi sebab utama hal ini tiada penyelesaian pada ketika ini.

CamScanner

BEKALAN AIR/ELEKTRIK

Di sesetengah kuil, bekalan air dan elektrik juga masih belum ada. Di beberapa kuil, air perigi dan *generator* digunakan apabila perlu – khususnya apabila ada perayaan tahunan. Tiada kemudahan tandas di 46 buah kuil Hindu di Melaka pada ketika kajian ini dijalankan kerana tiada aktiviti yang memerlukan penganut berada di kuil untuk tempoh yang lama.

JARAK DI ANTARA KUIL

Suatu aspek yang menarik ialah kuil-kuil ini wujud agak berdekatan antara satu sama lain. Kajian ini melihat bilangan kuil dalam lingkungan lima kilometer daripada sesebuah kuil itu. Kami dapati bagi 47 kuil, terdapat sekurang-kurangnya 2 kuil lain dalam lingkungan lima kilometer, manakala bagi 73 kuil lain pula terdapat tiga atau lebih kuil dalam lingkungan lima kilometer daripadanya. 17 kuil lain pula ada sekurang-kurangnya sebuah kuil lain dalam lingkungan 5 kilometer darinya. Pada keseluruhannya 137 daripada 146 buah kuil ada sekurang-kurangnya sebuah kuil lain dalam lingkungan lima kilometer darinya.

Jadual 14: JARAK DI ANTARA KUIL DAN KEMUDAHAN TAMBAHAN TENTANG KUIL-KUIL DI MELAKA

DAERAH	BILANGAN KUIL DALAM LINGKUNGAN 5 KILOMETER			TEMPAT TINGGAL PEDANDA	DEWAN SERBAGUNA	TIADA TANDAS
	2	LEBIH 3	JUMLAH			
MELAKA TENGAH	5	32	37	13	7	20
JASIN	19	15	34	15	3	13
ALOR GAJAH	23	26	49	13	3	13
JUMLAH	47	73	120	41	13	46

Hal ini terjadi kerana pekerja-pekerja yang menjadi penganut agama Hindu di ladang-ladang berlainan yang berdekatan mendirikan kuilnya di ladang tempat kerja mereka sendiri tanpa menghiraukan kuil di ladang-ladang yang berhampiran, kerana masing-masing mahukan tempat beribadat yang khusus baginya, berdekatan dengan tempat tinggal mereka. Lebih-lebih lagi, pada masa itu, kuil digunakan untuk beramal ibadat setiap hari memandangkan rumah buruh yang disediakan oleh majikan sangat sempit untuk ahli-ahli keluarga sehingga hampir tiada ruang untuk menyediakan tempat bersembahyang di dalam rumah masing-masing.

Selain itu, ada juga kecenderungan untuk kelompok penganut dominan di sesuatu kawasan memilih *dewa* atau *dewi* idaman mereka sebagai ikutan dari tempat asal mereka di Tamil Nadu, India dahulu, yang menyebabkan mereka beria-ia mendirikan kuil khusus untuk-Nya menurut kemampuan mereka. Dalam hal ini, pengaruh ketua pekerja atau mandur di ladang-ladang ini, dan pendiriannya menjadi penting, kerana pada ketika ladang-ladang getah dimulakan, pengaruh ketua-ketua ini adalah sangat kuat. Hingga sekarang, masih ada kaum keluarga waris ketua seperti ini yang terus ingin mengetuai dan mempengaruhi kuil yang diwujudkan oleh nenek moyang mereka tanpa memberikan laluan pada orang lain sehingga kuil-kuil ini lebih merupakan kuil keluarga berkenaan.

CamScanner

Gambaran fizikal kuil-kuil Hindu di Melaka jelas menunjukkan kemiskinan dan kekurangupayaan penganut Hindu pada keseluruhannya. Penganut Hindu menggunakan kuil-kuil ini sebagai tempat ibadat sahaja, tanpa terdaya untuk memajukannya dengan pelbagai kemudahan asas. Dengan sebab itu, bangunan kuil, dan tanah yang didudukinya kebanyakannya adalah kecil untuk kemudahan bersembahyang penganut yang tinggal di kawasan masing-masing sahaja. Hanya beberapa bangunan kuil Hindu di negeri Melaka mempunyai segala ciri yang harus terdapat di kuil yang sempurna mengikut hukum agama Hindu kerana soal kemampuan.

Konsep baharu bagi penganut agama *Hindu* mazhab *Vaishnava*, khususnya dalam kalangan kumpulan yang terdidik dan terpengaruh dengan perkembangan di negara-negara luar seperti di Amerika Utara dan di Eropah dapat dilihat melalui pewujudan Pusat Budaya, & Seni *Sri Krishna Balaram* (MT27) di Ayer Keroh, Melaka.

PENDAFTARAN KUIL DENGAN PENDAFTAR PERTUBUHAN (ROS)

Dalam masa kajian ini dijalankan terdapat dua jenis pendaftaran utama untuk kuil Hindu, iaitu pendaftaran *Persatuan Pengurusan Kuil*, dan Persatuan Penganut sesuatu *dewa/dewi* yang dikaitkan dengan kuil, yang diamalkan oleh Pendaftar Pertubuhan, tetapi tiada sebarang paksaan untuk mendaftarkan kuil Hindu.

PERBEZAAN ANTARA PERSATUAN PENGURUSAN DAN PERSATUAN PENGANUT KUIL

Apabila kuil-kuil didirikan dalam tanah yang dikhususkan pada kuil, maka jawatankuasa yang menguruskan kuil itu dapat didaftarkan sebagai *Persatuan Pengurusan Kuil*. Pendaftaran inilah sebenarnya menunjukkan bahawa sesebuah kuil itu berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan, dan berwibawa untuk menguruskan kuil itu dari semua segi.

Namun, oleh sebab kebanyakan kuil Hindu di dalam negara ini didirikan dalam kawasan perladangan atau tempat-tempat kediaman buruh, yang tanahnya milik pihak lain, maka, untuk memberikan sesuatu pengiktirafan rasmi pada penganut-penganut *dewa* atau *dewi* di kuil yang wujud itu, maka pendaftaran Persatuan Penganut dibenarkan oleh Pendaftar Pertubuhan di seluruh negara. Pada dasarnya, Persatuan Penganut tidak mempunyai hak untuk menguruskan kuil berkenaan, bahkan cuma dapat menyelaraskan aktiviti-aktiviti penganut. Pihak Pendaftar menjelaskan bahawa *'Persatuan Penganut dibenarkan oleh Pendaftar Pertubuhan yang menggunakan alamat premis selain kuil seperti rumah persendirian. Jika alamat kuil, permohonan tidak diluluskan.'* Pendirian ini menyebabkan kebanyakan jawatankuasa kuil ini menggunakan alamat rumah pengerusi atau setiausaha untuk mendaftarkan Persatuan Penganut, dan terus mentadbirkan kuil masing-masing.

PERSATUAN PENGANUT MENGURUSKAN KUIL

Pada praktiknya, Persatuan Penganutlah yang menguruskan kuil-kuil, walaupun tanah kuil itu bukan milik mereka. Lebih-lebih lagi, kerana hampir semua tuan punya tanah bukan beragama Hindu, dan, cuma membenarkan kuil didirikan dan dikendalikan oleh pekerjanya yang menjadi penganut Hindu di sana. Kalau pada masa dahulu hampir semua ahli jawatankuasa yang mentadbirkan kuil tinggal di perumahan buruh ladang-ladang, mereka tidak dapat mendaftarkan Persatuan Penganutnya, tetapi, apabila para penganut ini terpaksa berpindah dan memiliki rumah di luar ladang, maka dengan mudah mereka menggunakan alamat rumahnya untuk mendaftarkan Persatuan Penganut untuk mentadbirkan kuil yang terletak di ladang mahupun di tanah kerajaan ataupun tanah pihak swasta yang lain.

CamScanner

Perkembangan ini menyebabkan tanggapan, bahawa pendaftaran Persatuan Penganut itu memadai untuk menguruskan kuil, menjadi sangat meluas, dan belum ada usaha untuk benar-benar menyedarkan masyarakat akan perbezaan takrif antara kedua-dua jenis pendaftaran kuil. Cuma kebelakangan ini suatu projek pemutihan digerakkan oleh Pendaftar Pertubuhan selepas peristiwa *Kuil Mariamman Seafield* di Selangor pada tahun 2019. Proses itu masih berjalan pada ketika kajian ini dijalankan.

Pihak Pendaftar pula menjelaskan bahawa, *'Tujuan JPPM Melaka mengadakan Program Outreach Pemutihan tiada kena mengena dengan peristiwa kuil Mariamman Seafield, tetapi ia diadakan adalah untuk mengemaskini data sebenar bagi bilangan persatuan penganut yang tidak menguruskan rumah ibadat dan persatuan penganut yang sebenarnya menguruskan rumah ibadat yang sepatutnya didaftarkan sebagai persatuan pengurusan rumah ibadat. Hasil daripada program itu, pihak Jabatan berjaya mengemaskini subkategori bagi persatuan ini daripada 'penganut' kepada 'jawatankuasa pengurusan'.* Program ini bukan hanya melibatkan kuil sahaja, bahkan turut melibatkan tokong bagi kaum Cina.

BILANGAN KECIL YANG BERDAFTAR SEBAGAI *PERSATUAN PENGURUSAN KUIL*

Dalam masa kajian ini dibuat, cuma ada 13 kuil Hindu Melaka yang berdaftar sebagai Jawatankuasa Pengurusan Kuil. Antaranya, ada juga yang didaftarkan dalam kategori ini, walaupun kuil belum didirikan - *(PPM-004-04-02062015) Pertubuhan Nava Muniswarar* - yang ingin mendirikan kuilnya di Selandar di tapak yang mula-mula disediakan untuk relokasi kuil J1. Tetapi jawatankuasa kuil J1 telah berusaha untuk mendapatkan lot tanah yang lebih luas untuk kuilnya, dan kuil itu sudah didirikan di lot yang lebih luas. Jawatankuasa kuil J1 bercadang untuk menggunakan tanah yang diperuntukkan pada asalnya di Taman Indah itu untuk membina kemudahan-kemudahan tambahan lain bagi komuniti India di Selandar.

Bagaimanapun, suatu jawatankuasa lain telah memohon untuk membina sebuah kuil lain di tapak itu, dan telah diiktiraf sebagai persatuan pengurusan atas nama *Pertubuhan Nava Muniswarar,* dan kelainan kuil ini ialah pengorbanan hidupan dan menghidangkan makanan daging dalam upacara-upacaranya. Bangunan kuil belum ada semasa kajian ini dilakukan, dan sudah tentu tidak termasuk dalam kajian ini.

Walaupun pemilikan tanah oleh pihak kuil dikatakan wajib bagi *Persatuan Pengurusan Kuil*, namun, ada kuil yang telah didaftarkan dalam kategori ini, walaupun kuil didirikan di tanah bukan milik kuil – misalnya (PPM-001-004-08041977) Kuil AG35, *Kuil Sri Vaitheeswarar-Thayyalnayagi Amman* di tanah KTM di Pulau Sebang, (PPM-004-04-12011988) *Kuil J3, Kuil Sri Maha Mariamman* di Ladang Bukit Asahan, dan (PPM-006-04-18081983) Kuil J11, Kuil *Sri Mahamariamman* di Ladang Jasin Lalang, Bahagian Bukit Chermin.

Apabila kami berhubung dengan pihak Pendaftar Pertubuhan, kami menerima penjelasan seperti berikut: *'Tidak dinafikan ada persatuan yang berdaftar tetapi kuil yang diuruskan didirikan di atas tanah bukan milik kuil. Kebanyakannya ditubuhkan sebelum Arahan Pendaftar dikeluarkan melalui Surat Pekeliling Bil. 2/94 bertarikh 8 Februari, 1994 mengenai Panduan Mendaftar Tempat Sembahyang Bukan Islam. Pernyataan ini hendaklah mengaitkan dengan panduan mendaftar tempat sembahyang bukan Islam yang telah dikeluarkan oleh Pendaftar Pertubuhan. Panduan tersebut jelas menyatakan bahawa pendaftaran tempat sembahyang bukan Islam adalah kuasa Kerajaan Negeri. Manakala, Jabatan akan mendaftarkan pertubuhan bercorak agama (bukan Islam) yang mana akan membolehkannya mendirikan tempat sembahyang bukan Islam.*

CamScanner

'Peraturan bagi memproses serta mendaftar semua permohonan tempat sembahyang bukan Islam adalah seperti berikut:

1. *Nama:*

a. *Semua permohonan dibuat atas nama 'Persatuan Dewa/ Dewi..... atau Persatuan Penganut Dewa/ Dewi..... atau Persatuan Penganut Kristian atau Penganut Agama .....*

b. *Nama-nama berikut tidak lagi diterima untuk pendaftaran:*
   i. Rumah Berhala/ Kuil/ Gereja
   ii. Jawatankuasa Pengurusan Rumah Berhala/ Kuil/ Gereja
   iii. Persatuan Pembinaan Rumah Berhala/ Kuil/ Gereja
   iv. Persatuan Penyokong Rumah Berhala/ Kuil/ Gereja

2. *Tujuan*

a. *Tujuan yang menyentuh aktiviti-aktiviti menyambut perayaan keagamaan boleh diterima dengan syarat mendapat kebenaran pihak berkuasa yang berkaitan terlebih dahulu.*

b. *Tujuan yang menyentuh pentadbiran/ pengawasan rumah berhala/ tokong/ kuil/ gereja tidak dibenarkan.*

c. *Tujuan menyediakan tempat sembahyang untuk ahli-ahli tidak dibenarkan.*

3 *Semua permohonan yang sedang diproses di peringkat Ibu Pejabat dan Pejabat Cawangan hendaklah memenuhi kehendak Perenggan 1 dan 2 sebelum dirujuk ke Ibu Pejabat untuk pertimbangan dan kelulusan.*

4. *Jika ada permohonan-permohonan mendaftar atas nama Rumah Berhala/ Kuil/Gereja, hanya boleh dipertimbangkan permohonan yang telah memenuhi syarat seperti memiliki tanah dan bangunan sendiri dan tanah telah digezetkan untuk rumah ibadat oleh Pejabat Tanah untuk maksud pendaftaran. Tujuannya bolehlah dimasukkan antara lain, iaitu untuk mentadbir dan menguruskan rumah sembahyang bagi ahli-ahli.'*

Penjelasan seperti di atas telah kami terima apabila kami mengemukakan beberapa pertanyaan berdasarkan dapatan kajian ini, melalui surat PPM/MEL/225/2010 (8) bertarikh 04 September, 2020 dan semua catatan yang melibatkan penjelasan Pendaftar Pertubuhan dalam kajian ini merujuk surat yang sama.

SENARAI KUIL HINDU YANG DIDAFTARKAN OLEH PENDAFTAR PERTUBUHAN

Pihak Pendaftar Pertubuhan, melalui suatu senarai yang disampaikan kepada YB En. G.Saminathan, Exco Kerajaan Negeri Melaka, menyenaraikan sebanyak 93 persatuan yang berkaitan dengan agama Hindu yang didaftarkan di negeri Melaka pada bulan September, 2019.

Antaranya, ada 13 Jawatankuasa Pengurusan kuil, manakala, melalui program outreach pemutihan Siri 1 kepada Persatuan Penganut pula, 11 buah kuil telah menunjukkan geran tanah bagi rumah ibadat, 2 Persatuan menunjukkan maklumat tentang tanah kerajaan yang diduduki

CamScanner

mereka, 5 buah belum ada geran tanah, 11 buah tidak membawa dokumen manakala 49 buah lagi belum mengemukakan pengesahan sama ada menguruskan kuil atau tidak, dan 2 buah persatuan berkaitan dengan taman perkuburan dan rumah pembakaran mayat Hindu.

Dalam senarai pihak Pendaftar, persatuan penganut yang menganjurkan aktiviti lawatan ke tempat-tempat ibadat, persatuan pengamal agama khusus seperti *brohidhar*, persatuan Shirdi Sai Baba yang mengendalikan pusat-pusat kebajikan dan pertemuan bagi penganutnya juga dimasukkan bersama persatuan penganut yang terlibat dalam pentadbiran kuil-kuil khusus. Besar kemungkinan Pendaftar Pertubuhan sendiri tidak menganggap perbezaan-perbezaan ini penting untuk memisahkannya. Namun, dari segi peranan, memang ada perbezaan yang besar.

Pendaftaran Persatuan Penganut Kuil *Sri Sivan Aalayam* (PPM-002-04-22122012) juga bertindih dengan Jawatankuasa Pengurusan J9 *Sri Sivan Sri Maha Mariamman Aalayam*, Jasin (PPM-015-04-03072011) kerana kuil Sivan ditadbirkan oleh Jawatankuasa J9 tanpa melibatkan kumpulan yang satu lagi. Namun, Persatuan Penganut yang didaftarkan bagi kuil Sivan, mungkin kerana kuil Sivan wujud beberapa ratus meter jauh dan terpisah dari tapak kuil Maha Mariamman di Jasin, dan kedua-dua jawatankuasa masih mempertikaikan pentadbiran Kuil *Sri Sivan* di Jasin.

Pihak Pendaftar Pertubuhan *menjelaskan bahawa hal ini di luar pengetahuannya, namun, semakan telah dibuat dan mendapati bahawa alamat berdaftar kedua-dua pertubuhan ini adalah berlainan. Alamat Pertubuhan pertama ialah di Jalan Bunga Tanjung, Off Jalan Melaka, 77000 Jasin, Melaka manakala yang kedua menggunakan alamat JB222 Taman Jarim Jaya, 77000 Jasin, Melaka.*

Juga pendaftaran PPM007-04-27122013 dan PPM-018-04-08032019 merupakan dua persatuan penganut yang diluluskan oleh Pendaftar untuk kuil AG31 *Sri Maha Karumariamman Aalayam* di Ladang Machap yang sama. Jawatankuasa yang mendaftarkannya pada tahun 2013 meletakkan namanya sebagai *Sri Maha Mariamman Aalayam* sahaja – tetapi kini kumpulan lain telah mengambil alih pentadbiran kuil dengan sedikit perubahan nama pada *Karumariamman* dan jawatankuasa lama tidak dibenarkan memasuki kuil lagi berdasarkan faktor-faktor tempatan.

Pihak Pendaftar Pertubuhan *menjelaskan bahawa alamat kedua-dua pertubuhan ini berlainan – MC 576, Taman Mawar Jaya, Machap Umboo, 78000 Alor Gajah (2013), dan MC560, Jalan Mawar Jaya 10, Taman Mawar Jaya, Machap Umboo, 78000 Alor Gajah (2019).*

REAKSI JAWATANKUASA KUIL TERHADAP PROJEK PEMUTIHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN

Dalam masa kajian ini dilakukan, ada juga pihak kuil agak keliru dengan borang-borang yang disampaikan oleh Pendaftar Pertubuhan dalam usaha pemutihan, dan kebanyakan yang tidak dapat mengumpulkan dokumen yang diminta, tidak pun mengambil sebarang tindakan. Ada juga yang merungut bahawa adalah lebih baik tidak mendaftarkan kuil dengan Pendaftar Pertubuhan kerana ada pelbagai syarat dan peraturan yang perlu dipatuhi pada hal banyak kuil yang tidak berdaftar juga mendapat bantuan-bantuan kewangan daripada kerajaan. Banyak juga kuil yang langsung tidak mendaftar jawatankuasa mereka, kerana mereka berpendapat kuil mereka ada di dalam kawasan ladang, dan ia tidak perlu didaftarkan asalkan ada restu daripada pengurusan ladang ataupun tuan punya tanah.

Pihak Pendaftar Pertubuhan menjelaskan bahawa program pemutihan itu *'Terikat dengan Arahan Pendaftar dan Undang-Undang Kerajaan Negeri (Garis Panduan Rumah Penyembahan Selain Islam (RPSI)). Untuk makluman Jabatan ada meminta persatuan mengemukakan bukti geran tanah bagi persatuan penganut yang selama ini ada menguruskan atau mempunyai*

CamScanner

rumah ibadat (tokong/kuil) semasa program Outreach Pemutihan diadakan. Persatuan Penganut yang hadir pada program tersebut hendaklah memberi pengesahan sekiranya ada atau tidak menguruskan rumah ibadat semasa sesi meja kaunter pemutihan. Dalam pada itu, persatuan penganut yang dikenal pasti mempunyai rumah ibadat seterusnya akan dinasihatkan untuk membuat pindaan nama, alamat dan perubahan subkategori yang sebenarnya iaitu berkaitan Jawatankuasa Pengurusan.'

Walaupun hal seperti di atas menjadi hasrat Pendaftar Pertubuhan, kecuali sebilangan kecil Persatuan Penganut yang kini mentadbirkan kuil di tanah kepunyaan sendiri, yang lain sudah tentu tidak dapat menyampaikan butir-butir yang dikehendaki dan terus kekal sebagai Persatuan Penganut yang menguruskan hal ehwal kuilnya seperti dahulu, asalkan tiada halangan daripada pemilik tanah kuil.

SIKAP AHLI POLITIK DAN MAJIKAN PEMILIK TANAH KUIL

Bantuan kewangan yang dihulurkan oleh wakil rakyat setakat ini tidak begitu mengambil tahu tentang sama ada sesebuah kuil itu berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan, kerana bagi mereka pengundi di kawasan berkenaanlah yang penting. Hal ini juga menyebabkan pihak kuil memandang ringan terhadap pendaftaran kuil dengan Pendaftar Pertubuhan. Tuan punya tanah tempat kuil-kuil didirikan dahulu tidak diwajibkan untuk mendapatkan kelulusan sebelum pembinaan kuil. Oleh itu, tuan punya ladang-ladang tidak mengambil apa-apa inisiatif dalam hal-hal kuil, walaupun ia berada di dalam kawasan tanahnya. Ada juga tuan punya ladang menjual ladangnya kepada pihak lain tanpa memaklumkan jawatankuasa yang mengendalikan kuil, mahupun memberitahu pihak yang membeli untuk memberikan perhatian terhadap kuil yang terdapat di dalam ladang yang terjual itu, khususnya apabila bilangan pekerja beragama Hindu tidak berapa ramai lagi di situ.

MINAT UNTUK MENDAFTARKAN KUIL

Minat untuk mendaftarkan kuil bermula cuma selepas tahun 1970-an apabila kuil-kuil di tapak-tapak pembangunan menghadapi perobohan kerana tiada dokumen untuk membuktikan pemilikan tanah. Setiap kali ada tindakan terhadap kuil yang tidak berdaftar, minat bertambah untuk mendaftarkan kuil – dan Persatuan Penganut lebih mudah didaftarkan apabila tiada bukti pemilikan tanah. Hal ini menjadi lebih mudah apabila pegawai penting kuil tinggal di luar estet dan menggunakan alamat rumahnya untuk mendaftarkan persatuan penganutnya, manakala yang lain bernaung di bawah perlindungan yang diberikan oleh pemilik ladang.

Pemilik tanah hanya memberikan persetujuan untuk kewujudan kuil dalam tanah miliknya sahaja. Pelan bangunan kuil-kuil ladang tidak pun diluluskan oleh Majlis Kerajaan Tempatan yang sudah tentu memerlukan dokumen daripada tuan tanah. Kebanyakan jawatankuasa kuil yang cuba mendaftarkan Persatuan Penganut pada beberapa dekad yang lalu, berjaya melakukannya dengan agak mudah tanpa melibatkan tuan tanah secara aktif.

Keadaan itu berubah hanya selepas tahun 1994. Walau bagaimanapun, pendaftaran seperti ini tanpa melibatkan tuan punya tanah telah memberikan keyakinan yang salah kepada jawatankuasa persatuan penganut, manakala tuan punya tanah dapat berlepas tangan dengan mudah kerana memang tiada apa-apa peraturan yang memaksa tuan punya tanah mendaftarkan kuil yang terbina di tanahnya.

CamScanner

PENDIRIAN PENDAFTAR PERTUBUHAN TENTANG KEBENARAN BERTULIS PEMILIK TANAH

Walau bagaimanapun, pada masa kajian ini dilakukan, beberapa pengurusan kuil di ladang melaporkan bahawa pihak Pendaftar Pertubuhan meminta surat kebenaran daripada tuan tanah tempat kuil didirikan sebelum sesebuah Persatuan Penganut dapat didaftarkan – dan kuil-kuil ini menghadapi jalan buntu apabila pihak ladang atau tuan punya tanah enggan memberikan sebarang pengakuan secara bertulis. Banyak juga ladang kini mempunyai pemilik baharu yang lain yang mempunyai pendirian yang berbeza. Perkembangan ini menyebabkan kuil-kuil yang berada di tanah kepunyaan orang lain tidak dapat mendaftarkan persatuan penganut tanpa surat pengesahan daripada tuan punya tapak tanah kuil – dan keadaan ini membimbangkan pengurusan kuil-kuil yang terlibat. Ekorannya, banyak juga permohonan untuk mendaftarkan Persatuan Penganut ditolak oleh Pendaftar Pertubuhan.

Jadual 15: PENDAFTARAN DENGAN PENDAFTAR PERTUBUHAN MENGIKUT DATA YANG DIPEROLEH DALAM KAJIAN INI

Jenis Pendaftaran		Melaka Tengah (MT)		Jasin (J)		Alor Gajah (AG)		Jumlah
J/K Pengurusan	Tanah milik Kuil	17	1	1, 9*, 27, 34, 42	5	3, 21, 38	3	9
	Tanah bukan milik kuil			3,10*,11	3	35	1	4
			1		8		4	13
Persatuan Penganut (termasuk pertubuhan budaya & seni)	Tanah milik Kuil	12, 13, 14, 19,22, 24, 27, 38, 39, 40, 43	11	2, 4, 5, 7, 22, 24, 25, 28, 36, 37	10	2, 4, 23, 25, 30, 39	6	27
	Tanah bukan milik kuil	15, 16, 20, 26, 28, 29, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 41	13	6, 8, 14, 16, 17, 21, 23, 29, 35, 38, 39, 40, 41	13	1, 5, 6, 7, 11, 15, 24, 31^, 32, 34, 46	11	37
			24		23		17	64
Jumlah		**25**		**31**		**21**		**77**

Nota: **** menunjukkan dua kuil J9,10 dianggap satu pendaftaran – tetapi dikira dua kuil dalam kajian ini kerana di lokasi yang berlainan; Kuil J10 terletak di tanah milik kerajaan. Kuil J10 mempunyai satu lagi Persatuan Penganut yang didaftarkan, tetapi tidak dibenarkan mentadbirkan kuilnya.***

^ Kuil AG31 ada 2 Persatuan Penganut yang didaftarkan, kini dikendalikan oleh yang berdaftar terkemudian

CamScanner

PERTUBUHAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN KESUSASTERAAN MENGURUS KUIL

Pendaftar Pertubuhan mendaftarkan Pertubuhan Kebudayaan dan Kesenian India *Krishna Balaram* Melaka sebagai pertubuhan kebudayaan dan kesenian (PPM-001-04-07022002) yang membina dan menguruskan pusat budaya seni MT27 di Ayer Keroh, Melaka sejak tahun 2002. Dengan ini didapati mana-mana badan yang berdaftar dalam sesuatu kategori yang ditentukan oleh Pendaftar Pertubuhan dapat memainkan peranan yang positif untuk membimbing dan memajukan penganutnya mengikut lunas-lunas agama berpandukan objektifnya yang diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

Menyentuh hal ini, pihak Pendaftar Pertubuhan menjelaskan bahawa mereka telah menyemak hal MT27 ini dan mendapati matlamat/objektif pertubuhan ini adalah:

1. ***Untuk mempromosikan pengetahuan, kesenian dan kebudayaan India dalam kalangan ahli;***

2. ***Untuk mengadakan upacara kesenian agama dan kebudayaan dengan persetujuan pihak berkuasa yang terlebih dahulu;***

3. ***Untuk menjaga kebajikan ahli;***

4. ***Untuk mengeratkan perpaduan dan persahabatan antara ahli;***

5. ***Untuk membantu usaha amal;***

6. ***Untuk mengutip derma bagi mencapai tujuan pertubuhan tertakluk kepada syarat bahawa perlu mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Pendaftar Pertubuhan dan pihak berkuasa lain-lain yang berkaitan;***

7. ***Untuk memohon, menyewa, memperoleh atau memiliki tanah dan harta lain untuk mencapai tujuan pertubuhan, tertakluk pada syarat bahawa kelulusan terlebih dahulu diperoleh daripada pihak berkuasa;***

8. ***Melakukan aktiviti perniagaan dan pelaburan untuk mempromosikan objektif pertubuhan. Semua wang dan keuntungan yang diperoleh oleh pertubuhan sebagai hasil daripada penglibatan dalam mana-mana aktiviti perniagaan atau pelaburan akan digunakan semata-mata untuk promosi, pengembangan dan untuk mencapai objektif pertubuhan dan tidak ada bahagian wang atau keuntungan yang akan digunakan untuk membayar faedah, keuntungan atau bonus kepada mana-mana anggota pertubuhan. Walau bagaimanapun, promosi ini tidak menghalang pembayaran yang dibuat dengan niat baik untuk membayar upah atau perbelanjaan atau kedua-duanya kepada mana-mana anggota atau pekerja pertubuhan.'***

'Daripada matlamat pertubuhan tersebut jelas menunjukkan pertubuhan adalah bercorak kebudayaan dan kesenian. Sehubungan dengan itu, pertubuhan didaftarkan di bawah kategori kebudayaan dan kesenian. Matlamat pertubuhan tidak menyatakan pertubuhan bermatlamat menguruskan kuil. Semakan lanjut mendapati alamat berdaftar pertubuhan adalah di lot tanah persendirian berhadapan dengan premis perniagaan.'

CamScanner

Penjelasan ini menunjukkan keistimewaan Pertubuhan Kebudayaan dan Kesenian India *Krishna Balaram* Melaka (MT27) yang berdaftar di bawah kategori Kebudayaan dan Kesenian. Dari segi konsepnya, memanglah kebudayaan dan kesenian India tidak dapat dipisahkan daripada agama Hindu, dan aktiviti pertubuhan ini memanglah mengamalkannya dengan pendekatan yang istimewa kalau dibandingkan dengan pengurusan kuil-kuil Hindu yang lain di Melaka. Amalan agama melalui sastera-seni-budaya yang digabungkan dengan kegiatan ekonomi merupakan suatu pendekatan yang agak unik – dan menjadi wawasan badan ini, sama seperti yang diamalkan oleh penganut Hindu yang telah menetap di negara Amerika Syarikat mahupun di negara-negara Eropah pada masa ini.

KUIL-KUIL YANG DIDAFTARKAN MELALUI 'TRUST'

Kuil-kuil kepunyaan masyarakat *Chitty Melaka* tersenarai di bawah TRUST yang diwujudkan sejak tahun 1962 melalui perintah Mahkamah Tinggi Melaka. Kuil MT2,3,4,5,6,7,8,9,10, dan 11 ialah 10 buah kuil kepunyaan masyarakat *Chitty Melaka* yang tersenarai dalam dokumen amanah ini. Ada di antara kuil ini terletak di kawasan tanah kepunyaan orang lain pada ketika kajian ini dijalankan, walaupun tuan punya tanah rela memberikan tapak kuil pada *Badan Amanah* Masyarakat *Chitty Melaka* dengan syarat kos pecah geran dan bayaran *premium* untuk tanah ditanggung olehnya. Kuil MT6 dan MT9 memang kini berada di luar tanah kepunyaan masyarakat *Chitty Melaka*. Kuil-kuil ini adalah eksklusif bagi masyarakat *Chitty Melaka*, dan orang luar tidak mencampuri urusan pengendaliannya.

Kuil MT1 di Cheng pula terletak di bawah *Trust Nattukottai Chettiar* di Melaka bersama harta bangunan dan tanah kaum ini. Kuil ini dianggap yang paling besar dari segi saiznya di Melaka, sesuai dengan kedudukan kaum pemodal dan peminjam wang sebelum negara ini mencapai kemerdekaan, dan, hingga sekarang ditadbirkan secara eksklusif oleh golongan *Nattukottai Chettiar* atau *Nagarathar*, walaupun bilangannya sangat kecil di Melaka sekarang.

Trust atau badan amanah seperti ini memang mempunyai harta, dan hasil yang diterima daripada harta ini digunakan untuk hal ehwal kuil-kuil milik mereka. Oleh sebab badan amanah seperti ini berdaftar di Mahkamah melalui '*DEED*'nya yang khusus, maka kuil-kuil di bawah '*Trust*' dianggap tidak perlu mendaftarkan kuil dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia. Ada 11 kuil di Melaka yang tergolong dalam kategori ini. *Pendaftar Pertubuhan juga menjelaskan bahawa ada Peraturan/Akta lain yang mengawal badan-badan amanah seperti ini.*

JUMLAH PENDAFTARAN KUIL

Kesimpulannya, sebanyak 13 *Persatuan Pengurusan Kuil*, 63 Persatuan Penganut, 1 Persatuan Kebudayaan & Kesenian, dan 11 kuil urusan badan amanah – TRUST -, sejumlah 88 atau 60.27% kuil sahaja daripada 146 kuil yang dikaji ada sesuatu jenis pendaftaran yang sah, walaupun 43.15% daripada kuil ini tergolong dalam kategori persatuan penganut sahaja yang tidak harus mentadbirkan kuil mengikut peraturan Pendaftar Pertubuhan. Dari segi pemilikan tanah kuil dibandingkan dengan pendaftaran kuil pula, ada 4 daripada 13 kuil yang berdaftar sebagai Persatuan Pengurusan masih menduduki tanah bukan miliknya; manakala hanya 26 Persatuan Penganut yang mentadbirkan kuil mempunyai tanah yang telah dimilikinya atau dalam proses pemilikannya. Hal ini bererti sebanyak 37 Persatuan Penganut masih mentadbirkan kuil-kuil yang terletak di tanah bukan miliknya di Melaka. 58 kuil lain dalam kajian ini pula tidak mempunyai sebarang pendaftaran di negeri ini. Kesimpulannya ialah 95 kuil atau 65.1% daripada 146 kuil di negeri Melaka masih terletak dalam tanah orang lain, manakala hanya 51 kuil, atau 34.9% sahaja mempunyai tanahnya sendiri.

Dari segi penukaran jenis pendaftaran bagi kuil-kuil yang sudah memiliki tanahnya sendiri, penjelasan yang diberikan oleh Pendaftar Pertubuhan di Melaka pada 4 September, 2020 pula memberikan gambaran yang agak mengelirukan. Melalui program Outreach pemutihan, persatuan

CamScanner

penganut yang sudah memiliki tanahnya sendiri *'telah dikemaskini subkategorinya. Tetapi tiada paksaan untuk meminda nama daripada Persatuan Penganut kepada Persatuan Pengurusan memandangkan ada kesulitan pada pihak persatuan kerana telah lama ditubuhkan dan juga telah sinonim dengan nama tersebut. (nama pada akaun bank, pada aset persatuan, pada pintu gerbang persatuan). Keputusan dibuat dalam Majlis Dialog (Program Outreach Pemutihan Siri ke-2) pada 23 September, 2019. Program turut dihadiri oleh YB Datuk Tey Kok Kiew, mantan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau, Negeri Melaka.'*

Penjelasan ini agak mengelirukan kerana soal subkategori kuil ditentukan oleh Pihak Pendaftar Pertubuhan di peringkat kerajaan Malaysia, dan persatuan pengurusan dan persatuan penganut adalah berlainan fungsinya – dan jika ada persatuan penganut pula dibenarkan mengurus kuil di Melaka seperti keputusan di peringkat negeri Melaka, sudah tentu akan menimbulkan ketidaksamaan dan menimbulkan masalah penyelarasan pada peringkat nasional. Kita dapat menganggapnya sebagai keputusan sementara sahaja kerana selagi ia tidak diputuskan pada peringkat nasional, ia belum dapat diterima sebagai muktamad.

KUIL-KUIL GUJARATI DAN KAUM SIKH

Kajian ini tidak memasukkan kuil-kuil masyarakat Sikh dan Gujarati di Melaka, walaupun, kami memasukkan nota tentang kuil-kuil ini sebagai maklumat tambahan pada penghujung kajian ini, dan sebagai suatu perbandingan. Tempat ibadat golongan-golongan ini terhad di Melaka dan berada di bandaraya Melaka, dan mendapat sambutan dari dalam dan dari luar negara, dan, kami memikirkan kuil-kuil ini harus dilihat secara berasingan daripada kuil-kuil yang didirikan oleh kaum Hindu/Tamil di Melaka, kerana ada kelainan ciri-cirinya.

PUSAT-PUSAT SAI BABA/ SHIRIDI SAI BABA DI MELAKA/BADAN-BADAN AGAMA HINDU

Pusat-pusat ini tidak dikaji secara khusus kerana tidak tergolong dalam takrif kuil kajian ini. Namun, oleh sebab pusat-pusat ini juga memberikan pilihan bagi penganut agama Hindu untuk beribadat serta menghadiri program-program agama Hindu, maka nota ringkas terhadap kegiatannya dimasukkan sebagai lampiran pada hasil kajian ini. Kebanyakan badan ini berpandukan ajaran-ajaran yang dipelopori oleh pengasasnya dan mempunyai cabang-cabang di dalam negara ini mahupun pada peringkat antarabangsa.

KUIL-KUIL YANG MENGAKU MENJADI AHLI *Malaysia Hindu Sangam*

Cuma 41 buah kuil di Melaka mengaku menjadi ahli dalam *Malaysia Hindu Sangam* semasa kajian ini dilakukan, walaupun angka yang ditunjukkan oleh *Malaysia Hindu Sangam* adalah lebih daripada itu.

KUIL-KUIL YANG TIDAK DIDAFTARKAN

Daripada 146 buah kuil dalam kajian ini, sebanyak 58 kuil, atau 39.73%, tiada sebarang pendaftaran di negeri Melaka: 8 di Melaka Tengah, 15 di Jasin dan 35 di Alor Gajah. Dalam kalangan kuil ini, ada juga kuil yang agak besar saiznya dan ditadbirkan dengan baik, tetapi masih belum berdaftar atas pelbagai sebab, terutamanya, kerana soal pemilikan tanah kuil. Bagaimanapun, pada masa ini, mana-mana jawatankuasa yang ingin memindahkan kuil, atau ingin membina kuil di sesuatu lokasi memang sudah memahami bahawa sebuah persatuan perlu didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia untuk memudahkannya dalam proses pemerolehan tanah dan pembinaan kuil. Namun, banyak juga jawatankuasa kuil-kuil ini masih belum mengatur langkah untuk bertindak.

CamScanner

TABURAN NAMA KUIL

Dalam kajian ini 16 nama dewa dan 18 nama dewi dikesan dalam nama-nama kuil di Melaka. Antara nama-nama itu, yang paling banyak, atau 66 ialah atas nama *Dewi Mariamman*, dan 6 lagi atas nama *Dewi Karu Mariamman* sebagai nama khusus untuk kuil. Sebanyak 49.31% kuil di Melaka menggunakan nama *Dewi* ini. *Dewi Kaliamman* pula menjadi nama 16 buah kuil. *Dewi Durgaiamman* pula menjadi nama utama di 5 buah kuil dengan 3 buah lagi menggunakan nama *Dewi Meenachi Amman*. Sebanyak 108 atau 73.97% kuil diabadikan pada lambang *Dewi* atau wanita. Lambang wanita, atau *'AMMA'* memang sangat digemari oleh masyarakat Tamil-Hindu, baik di Tamil Nadu di India, mahupun di sini seperti yang terbukti dalam kajian ini.

Sebaliknya dari segi lambang lelaki pula, *Dewa Vinayagar* digunakan untuk 8 kuil, manakala *Dewa Muneswarar* pula digunakan oleh 6 buah kuil, diikuti oleh *Dewa Subramaniar* pada 6 buah kuil lagi. Tiga kuil diabadikan pada *Dewa Sivan*, tiga lagi diberikan nama *Dewa Muniandy*, dan tiga lagi menggunakan nama *Madurai Veeran.*

Jadual 16: NAMA KUIL HINDU DI MELAKA – MENGIKUT DEWA (BENTUK LELAKI)

NAMA DEWA	MELAKA TENGAH		JASIN		ALOR GAJAH		JUMLAH
Sivan/Kailasanathar Vanathaandavar	4,14	2	10	1		0	3
Murugan Subramaniar (Sanyasimalai Aandavar)	1, 22, 38	3	(21), 22	1+1	1, (3), 21	2+1	6 +2
Vinayagar	2,17	2	1,21	2	3, 9, 25, 48	4	8
Vaitheeswarar		0		0	35	1	1
Sundereswarar		0		0	(15), (22)	0+2	0 +2
Muneeswarar	18, 44, (21)	2 +1	18, (20), (40)	1+2	10, 30, 52	3	6 +3
Muniandy	(43)	0 +1	29, 40, (41), 42	3+1		0	3 +2
Muniappan		0		0	45	1	1
Muthappan		0	(6)	0 +1		0	0 +1
Krishna Balaram	27	1		0		0	1
Ayyanaar	7	1	46	1		0	2
Dharmarajah	10	1		0		0	1
Maaveeran	36	1		0		0	1
Sada Muni		0		0	47	1	1
Karuppusamy		0		0	54	1	1
Madurai Veeran	21	1	24,34	2		0	3
JUMLAH		**14+2**		**11+5**		**13+3**	**38+10**

NOTA: + menunjukkan nama dewa digunakan sebagai nama kedua pada nama utama kuil

CamScanner

Jadual 17: NAMA KUIL HINDU DI MELAKA - NAMA DEWI (BENTUK WANITA)

NAMA DEWI	MELAKA TENGAH		JASIN		ALOR GAJAH		JUMLAH
Mariamman	3,12,15, 16,19, 24, 26, 30, 32, 37, 39, 40, 41, 42, 43	15	2, 3, 4, 5, 6, 7, 9, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 19, (22), 23, 25, 27, 30, 31, 32, 33, 35, 41, 44, 45	26+1	4, 6, 7, 11, 12, 13, 14, 16, 17, 19, 20, 23, 24, 28, 32, 33, 36, 37, 41, 42, 48, 49, 50, 55, 56	25	66+1
Karu Mariamman	13, 31	2	28, (34)	1+1	27, 31, 39	3	6+1
Kaliamman	9, (18), 20, 23, (18), 34	4+2	20, 36, 38	3	2, 5, 8, 18, 34, 43, 44, 46, 51	9	16+2
Dhurgaiamman	28, 29	2	8, 26	2	29	1	5
Raja Rajeswary	25, 33	2					2
Meenachi Amman					15, 22, 26	3	3
Anggala Parameswary	5	1					1
(G)Lenggadariamman	6	1					1
Kathayee Amman	8	1					1
Amman	11	1					1
Nageswary Amman	(16), (20)	0+2	39	1			1+2
Chamundewari Amman	35	1					1
Throwbathai Amman	(38)	0+1					0+1
Thayyal Nayagi					(35)	0+1	0+1
Mookambikai					38	1	1
Kanniamman					53	1	1
Prithiyangra Devi			37	1			1
Sivasakhti			43	1			1
JUMLAH		**30+5**		**35+2**		**43+1**	**108+8**

NOTA: + Menandakan nama dewi digunakan sebagai nama kedua pada nama kuil

PERBEZAAN LOKASI

Nama-nama lain terdapat pada bilangan kuil yang kurang daripada dua di negeri Melaka. Pada umumnya kuil-kuil yang didirikan di bandar dan pekan besar membawa nama *Dewa Subramaniar, Dewa Vinayagar* mahupun *Dewa Sivan.* Kuil tertua, Kuil *Sri Poyyatha Vinayagar Moorthi* yang dibina pada 1781 di Melaka oleh *Theivanayagam Chitty* memang menjadi bukti bahawa kaum peniaga dan yang hidup di kawasan bandar memang memilih *Dewa Vinayagar, Dewa Subramaniar* mahupun *Dewa Sivan* sebagai *dewa* utama kuil mereka. *Dewi Mariamman* pula terpilih di kawasan-kawasan yang memerlukan perlindungan pada para penganutnya dan terletak di kawasan-kawasan yang mula-mula diterokai dan tempat-tempat yang dianggap bahaya dari segi keselamatan diri dan memerlukan perlindungan daripada Tuhan. Peneroka tanah dan pekerja-pekerja jabatan kerajaan selalunya memuja *dewa dewi* perlindungan.

CamScanner

DEWA DEWI PERLINDUNGAN DI KAWASAN PEDALAMAN

Dewa dewi yang menjadi idaman dan yang dianggap dapat memberikan perlindungan kepada penganutnya, yang diamalkan di tempat asalnya di Tamil Nadu, India dahulu, menjadi ikutan di Melaka juga apabila mereka menetap di sini untuk bekerja. Pola yang sama juga terdapat dahulu, apabila masyarakat *Chitty Melaka* menetap di Melaka. Mereka juga mendirikan kuil untuk *Dewi Mariamman* di kawasan pertanian dan perkampungan mereka. Juga, kuil untuk *Dewa Sivan* didirikan di pintu masuk kampung mereka.

Taburan kuil atas nama *Dewa Sivan, Dewa Subramaniar,* dan *Dewa Vinayagar* di Melaka memang menunjukkan bahawa penganutnya lebih di kawasan bandar dan pekan. Di Ladang Serkam, dikesan bahawa kebanyakan penganut yang mula-mula menetap di situ datangnya dari daerah *Salem* di Tamil Nadu – dan mereka mendirikan kuil *Sri Subramaniar* di sana pada tahun 1890. Kuil-kuil lain atas nama ini di ladang-ladang didirikan pada abad kedua puluh, lama selepas penganut Hindu sudah menetap di sini, oleh generasi yang terkemudian.

Kumpulan penganut Hindu yang menetap di sini pada awalnya memang mengharungi pelbagai bahaya dari segi kesihatan mahupun ancaman daripada binatang-binatang buas. Kita dapati *dewa* dan *dewi* yang melambangkan perlindungan, seperti *Dewa Muneeswarar, Dewa Muniandy, Dewi Dhurgaiamman, Dewi Kaliamman* dan sebagainya dipuja oleh penganut-penganut ini, khususnya di tempat-tempat pekerjaan mereka.

PENGARUH *'DATUK'* DI KUIL-KUIL HINDU

Di Malaysia, pekerja-pekerja ladang ataupun sektor awam yang tinggal di pinggir kampung masyarakat Melayu juga telah turut mengikuti amalan masyarakat tempatan dengan bersembahyang pada *'datuk'* atau kuasa ghaib atau penunggu di sesuatu tempat supaya memberikan perlindungan pada penganutnya yang mencari nafkah hidup di situ. Dewa dewi perlindungan masyarakat Hindu-Tamil tidak jauh perbezaannya – dan pada masa kajian ini dilakukan, terdapat lebih daripada 20 buah kuil masyarakat Tamil/Hindu yang menggabungkan `*ayyah*' tempatan di kuilnya untuk bersembahyang. Selalunya, ada pengorbanan ayam atau kambing untuk '*ayah*/*dewa*/*dewi*' ini pada masa pesta atau '*thiruvizha*' diadakan. Hal ini menunjukkan suatu gabungan antara amalan di Tamil Nadu dengan amalan di sini – dan masih wujud hingga sekarang. Amalan di keramat Machap dan Pulau Besar oleh penganut agama Islam dahulu, khususnya daripada kumpulan Muslim-Tamil, dituruti di beberapa kuil Hindu di Melaka oleh penganut Hindu, yang menganggap keramat-keramat itu berupaya memberikan perlindungan, sama seperti dewa dewi Hindu. Namun, dalam kesemua situasi ini, keramat-keramat ini diletakkan sebagai kuasa sampingan pada *dewa* atau *dewi* Hindu utama di kuil-kuil berkenaan.

KAJIAN TENTANG NAMA KUIL DI LUAR SKOP KAJIAN INI

Kajian ini tidak bercadang untuk meneliti lebih mendalam dari segi nama-nama kuil ini, serta keistimewaannya, kerana ia boleh menjadi suatu kajian yang tersendiri, yang mungkin akan dapat dilakukan oleh pihak-pihak yang berminat nanti.

Jadual 15 dan 16 di atas memadai untuk tujuan kajian ini dari segi nama kuil-kuil Hindu di Melaka kerana taburan ini menunjukkan peranan kuil kepada penganut-penganut yang menduduki kawasan-kawasan itu. Ia juga menunjukkan jenis pekerjaan dan persekitaran para penganut Hindu semasa kuil-kuil ini diwujudkan pada awalnya.

CamScanner

DIMENSI KEDUA
PENTADBIRAN KUIL-KUIL HINDU DI MELAKA SEMASA

BILANGAN JAWATANKUASA YANG MENTADBIRKAN KUIL-KUIL HINDU DI MELAKA

146 buah kuil dalam kajian ini mempunyai 134 jawatankuasa yang mentadbirkannya semasa kajian ini dilakukan. Di Melaka Tengah 10 kuil *Chitty Melaka* dan sebuah kuil kaum *Nattukottai Chettiar* ditadbirkan oleh dua Badan Amanah berkenaan, menjadikan cuma 35 jawatankuasa untuk 44 buah kuil di daerah ini. Di Jasin pula, kuil J9 dan J10 terletak di bawah jawatankuasa yang sama, dan terdapat 45 jawatankuasa, manakala di daerah Alor Gajah pula kuil AG42/AG43 dan AG53/AG54 ditadbirkan oleh jawatankuasa yang sama, dan 54 jawatankuasa terdapat di daerah ini. Kesemuanya bertugas secara sukarela dan tiada apa-apa ganjaran kewangan untuk perkhidmatannya.

Namun, bilangan ahli jawatankuasa pula sangat berbeza kerana ia bermula dengan seorang sahaja yang mengendalikan segalanya, hingga 21 orang yang disenaraikan dalam jawatankuasa induk kuil. Kuil-kuil yang didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan mempunyai garis panduan dalam perlembagaannya, tetapi kebanyakan yang lain ditentukan secara bersama mengikut keperluan, khususnya semasa *thiruvizha* tahunan diadakan. Kebanyakan kuil mendapatkan bantuan tambahan hanya semasa sesuatu perayaan tiba – dan tidak memikirkan mereka memerlukan bilangan ahli jawatankuasa yang besar. Namun, ada juga pentadbiran yang memilih bilangan ahli yang secukupnya dari awal lagi, semasa mesyuarat agung dijalankan supaya ada tenaga yang mencukupi apabila perlu.

Jadual 18: BILANGAN AHLI DALAM JAWATANKUASA YANG MENTADBIRKAN KUIL DI MELAKA

DAERAH	0-6	7-11	12-15	16+	JUMLAH
MELAKA TENGAH	6	12	14	3	**35**
JASIN	9	15	17	4	**45**
ALOR GAJAH	26	16	8	4	**54**
JUMLAH	**41**	**43**	**39**	**11**	**134**
PERATUS	**30.6**	**32.1**	**29.1**	**8.2**	**100**

BILANGAN AHLI DALAM JAWATANKUASA

Jawatankuasa yang kurang daripada 6 orang ahli adalah di kuil-kuil yang ditadbirkan oleh keluarga-keluarga tertentu dan selalunya tidak berdaftar. Kuil-kuil ini selalunya tidak mengadakan mesyuarat agung tahunan dan tidak perlu menyampaikan sebarang laporan mahupun akaun pada sesiapa. Ada juga kuil yang tidak berdaftar, atau yang tidak dapat berdaftar atas sebab-sebab tertentu, yang mempunyai ahli jawatankuasa yang besar bilangannya atas kehendak pengerusi kuil berkenaan. Kaedah ini adalah untuk mendapatkan sokongan dan bantuan semasa mengadakan perayaan tahunan atau '*thiruvizha*', tetapi pada masa-masa lain ahli jawatankuasa ini tidak aktif.

CamScanner

Ada pula *Persatuan Penganut* yang berdaftar, mempunyai 7 orang ahli jawatankuasa yang diwajibkan sebagai minimum oleh Pendaftar Pertubuhan – dan meneruskan kegiatannya tanpa penambahan ahli. Kadang-kadang hanya ahli jawatankuasanya sahaja menjadi ahli kuil – manakala penganut lain dianggap sebagai pengguna kuil sahaja.

Bagaimanapun, 82 pentadbiran kuil mempunyai ahli jawatankuasa antara 7 dan 15 orang, dan 11 buah lagi menunjukkan lebih daripada 16 orang dalam jawatankuasanya.

PERANAN PENGERUSI KUIL DALAM TANGGAPAN MASYARAKAT TRADISIONAL

Namun, kita memahami bahawa dalam masyarakat tradisional Hindu, yang penting ialah pengerusi kuil sahaja, dan dia diamanahkan mengerah tenaga lain mengikut keperluan untuk menyempurnakan sesuatu tugas. Konsep jawatankuasa seperti sekarang dengan batasan peranan mengikut perlembagaan bertulis tidak pernah wujud pada masa itu. Kelaziman ini masih wujud di sebilangan besar kuil Hindu di negeri Melaka, khususnya di kawasan-kawasan pedalaman.

PERANAN WANITA

Walaupun kajian ini tidak meninjau tahap penyertaan kaum wanita dalam jawatankuasa-jawatankuasa kuil di Melaka secara khusus, didapati hanya 2 kuil ditadbirkan oleh wanita sebagai penjawat dominan, manakala di kebanyakan kuil wanita tiada dalam komposisinya. Nampaknya pola tradisional masyarakat Tamil/India yang mengutamakan kaum lelaki dalam hal ehwal kuil Hindu berterusan di Melaka jua.

KELAYAKAN AHLI JAWATANKUASA KUIL HINDU DI MELAKA

Dari segi kelayakan atau kedudukan ahli-ahli jawatankuasa yang mengendalikan kuil, kita dapati seramai 1,192 orang terlibat dalam 134 jawatankuasa ini, dengan 218 orang, atau 18.3%, pesara dan 184 orang, atau 15.4%, peniaga. Bagi yang baki pula, 95 orang atau 8% mempunyai sekurang-kurangnya ijazah asas atau kelulusan profesional, 173 orang, atau 14.5% telah menamatkan pelajaran Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), 321 orang, atau 27% pula tamat Tingkatan Tiga, manakala 16.8% atau 201 orang hanya berkelulusan sekolah rendah.

Taburan ini memang mencerminkan masyarakat yang mewujudkan dan menguruskan kuil-kuil ini. Sehingga sekarang budaya untuk melantik orang yang berusia dan yang disegani dalam kalangan penganut Hindu tempatan, meskipun kurang berkelayakan akademik, masih kelihatan. Namun, kecenderungan ini mula dipatahkan apabila ada usaha untuk memindahkan kuil ke tapak baharu, atau membina bangunan baharu kerana usaha-usaha ini memerlukan keupayaan untuk mencari dana yang mencukupi dan berurus dengan jabatan-jabatan kerajaan. Oleh itu, banyak juga pengerusi kuil terdiri daripada ahli politik yang juga memegang jawatan di cawangan-cawangan parti politik. Peniaga juga menjadi pilihan kerana mereka dapat mencari dana yang mencukupi untuk kuil apabila perlu.

KETIADAAN PEJABAT KUIL

Di hampir semua kuil tidak ada ruang pejabat untuk pengurusan kuil, walaupun mesyuarat mereka sering diadakan di kuil. Pengerusi, Setiausaha mahupun Bendahari menyimpan segala rekod kuil di rumah masing-masing, dan membawa rekod-rekod itu ke mesyuarat apabila diperlukan sahaja. Ada juga pengerusi menyimpan segala rekod di rumahnya dan membuat

CamScanner

segala keputusan untuk jawatankuasanya. Walaupun tempat urusan persatuan penganut ialah rumah seseorang pegawai penting, mesyuaratnya diadakan di kuil juga kerana ia menjadi tempat penemuan yang mudah.

PEMBAHAGIAN TUGAS ANTARA AHLI JAWATANKUASA

Kuil-kuil di kawasan bandar, dan yang ditadbirkan benar-benar mengikut garis panduan yang diberikan oleh Pendaftar Pertubuhan memang mempunyai pembahagian tugas yang jelas antara ahli-ahli jawatankuasanya. Kuil-kuil ini sahajalah menyediakan laporan dan penyata kewangan pada setiap tahun untuk dibentangkan dalam mesyuarat agungnya, walaupun ada kuil yang didaftarkan juga menjadi milik keluarga-keluarga tertentu sahaja. Semasa kajian ini dilakukan, beberapa buah kuil menghadapi masalah dengan Pendaftar Pertubuhan kerana tidak menyampaikan maklumat-maklumat mengikut jadualnya kepada Pendaftar Pertubuhan selama tiga tahun berturut-turut, sehingga ada persatuan penganut yang telah dibatalkan pendaftarannya.

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN DAN KEAHLIAN

Cuma 97 kuil mengaku mengadakan mesyuarat agung tahunan semasa kajian ini dijalankan, dan hanya 116 kuil mengaku ada daftar keahlian bagi kuilnya. Angka-angka ini tidak menghairankan kerana ada antara kuil lama ini dimulakan oleh sesuatu keluarga, dan sehingga sekarang waris keluarga itu juga yang menyelenggarakan kuil itu, dengan menjemput penganut-penganut Hindu di sekitar untuk bersembahyang di kuil dan melibatkan diri dalam *pooja* dan *thiruvizha* sahaja tanpa terlibat dalam pentadbirannya.

Penganut-penganut ini tidak perlu menjadi ahli kuil untuk berbuat demikian, dan hanya menghulurkan derma semasa *thiruvizha* atau untuk sesuatu aktiviti ibadat di kuil itu. Kuil yang ditadbirkan seperti ini juga mempunyai Persatuan Penganut yang didaftarkan, tetapi keahliannya cukup terhad dalam lingkungan *'tuan punya'* kuil sahaja.

MINAT DALAM KALANGAN PEMUDA-PEMUDI

Kaedah ini memungkinkan pengerusi kuil untuk tidak perlu berkongsi maklumat tentang kuil pada penganut-penganut Hindu lain yang menggunakan kuil itu. Sifat ini tidak memungkinkan pemuda-pemudi untuk menyertai jawatankuasa kuil seperti ini, sehingga bilangan penganut yang menziarahi kuil makin lama makin berkurangan. Ciri ini juga menyebabkan minat berlebihan pemuda-pemuda Hindu terhadap kuil-kuil baharu yang dikendalikan oleh kumpulan belia yang lebih bebas, dan yang menghidangkan makanan daging. Kecenderungan ini sudah tentu mengurangkan peluang pendidikan terhadap amalan agama Hindu yang benar pada golongan muda ini. Pada masa kajian ini dijalankan, kuil jenis ini dilihat sebagai makin popular, khususnya dalam kalangan golongan pemuda.

STATUS PENGERUSI

Dari segi tradisi, jawatan pengerusi kuil ada status sosial dalam masyarakat, dan ada pula yang kekal pada jawatan itu berpuluh tahun lamanya. Ada pula yang menyampaikan tugas memimpin kuil pada anaknya. Pendek kata, sifat menjadikan kuil sebagai sesuatu 'harta' diri masih wujud dalam kalangan pengendali kuil-kuil Hindu di negeri Melaka, khususnya kuil-kuil yang didirikan di tanah kepunyaan individu dan kuil-kuil di tanah kepunyaan ladang atau kerajaan kerana terlindung daripada keperluan lain mahupun sokongan yang berlebihan.

CamScanner

Sifat yang menuntut hak pada kuil semata-mata kerana datuk moyang atau bapanya pernah memulakan atau menjadi pengerusi kuil masih ada. Penganut lain hanya menghadiri upacara-upacara agama dan menghulurkan derma jika ada kerelaan untuk '*thiruvizha*' tahunan, dan ada pula 'pengerusi' atau 'tuan punya' kuil mengeluarkan perbelanjaannya sendiri untuk mengadakan *thiruvizha* tahunan untuk terus memelihara kepentingannya. Kadang-kadang pengerusi kuil mengeluarkan segala perbelanjaan untuk menguruskan hal ehwal kuilnya, dan mengharapkan penganut lain hanya untuk menggunakan kuil untuk beramal ibadat.

LAPORAN SERTA PENYATA KEWANGAN SECARA LISAN DI KUIL-KUIL

Pembentangan laporan dan penyata kewangan secara bertulis tidak juga dilakukan dalam pentadbiran sebilangan kuil, dan hanya disampaikan secara lisan oleh pengerusi, dan diterima sebulat suara oleh penganut-penganut yang setia padanya, yang menghadiri mesyuarat tahunannya. Cara inilah digunakan oleh hampir semua kuil Hindu sebelum peranan setiap ahli jawatankuasa kuil dikhususkan mengikut cara pentadbiran moden. Kuil-kuil lama, dan yang dikendalikan oleh kumpulan-kumpulan kecil dengan rakan-rakannya memang meneruskan amalan ini hingga sekarang, walaupun pemberitahuan tentang `*thiruvizha*' dibuat melalui risalah yang diedarkan pada umum.

Jadual 19: MESYUARAT AGUNG TAHUNAN YANG DILAPORKAN OLEH KUIL-KUIL MELAKA

DAERAH	JAN-MAC	APR-JUN	JUL-SEP	OKT-DIS	JUMLAH
MELAKA TENGAH	7	11	4	6	28
JASIN	20	9	5	2	36
ALOR GAJAH	24	6	2	1	33
JUMLAH	**51**	**26**	**11**	**9**	**97**

Nota: Pentadbiran kuil lain tidak mengadakan sebarang mesyuarat agung tahunan

BILANGAN AHLI KUIL

Maklumat daripada Jadual 20 menunjukkan 41.4%, atau 48 buah kuil, yang mengaku mempunyai daftar keahlian, melaporkan keahliannya kurang daripada 30 orang, manakala 28 buah lagi, atau 24.1%, mengaku keahliannya antara 31 dan 50 sahaja. Ini bererti, daripada 116 pentadbiran kuil yang mengaku ada daftar keahliannya, 76 buah kuil atau 65.5%, atau hampir dua pertiganya mempunyai keahlian yang kurang daripada 50 orang. Empat kuil pula mempunyai keahlian yang melebihi 81 hingga 100 orang, 12 buah lagi, keahliannya antara 101 dan 200 dan hanya empat buah kuil mengaku keahliannya melebihi 201 orang. Oleh itu, cuma 13.8% kuil, atau 16 daripada 116, mempunyai keahlian melebihi 101 orang. Hal ini membuktikan bahawa kebanyakan kuil ini didirikan dan dikendalikan untuk kegunaan penganut-penganut yang terhad yang bertumpu pada sesuatu kawasan mahupun kumpulan sahaja, dan tiada hasrat untuk menjadi pusat aktiviti agama Hindu yang lebih terbuka.

CamScanner

Jadual 20: JUMLAH KEAHLIAN KUIL HINDU DI MELAKA YANG MENGAKU ADA DAFTAR AHLI

DAERAH	1-30	31-50	51-80	81-100	101-200	201+	JUMLAH
MELAKA TENGAH	11	7	7	-	5	2	**32**
JASIN	13	11	8	2	3	1	**38**
ALOR GAJAH	24	10	5	2	4	1	**46**
JUMLAH	**48**	**28**	**20**	**4**	**12**	**4**	**116**
PERATUS	41.4	24.1	17.2	3.5	10.3	3.5	100

Nota: ***Kuil-kuil lain tidak mengaku ada daftar keahlian bagi kuilnya***

KUIL-KUIL YANG MEMPUNYAI KEAHLIAN YANG LEBIH

Kuil-kuil yang mempunyai keahlian melebihi 100 orang ialah MT14 (Sungei Udang), MT17 (Bachang), MT19 (Bukit Beruang), MT37 (Pengkalan Rama), MT39 (Paya Rumput), J1 (Selandar), J2 (Batu 16, Jasin), J21 (Merlimau), AG1 (Durian Tunggal), AG31 (Ladang Machap), AG35 (Pulau Sebang), dan AG39 (Rembia). Manakala, yang mempunyai keahlian melebihi 201 orang ialah MT22 (Batu Berendam), MT38 (Gajah Berang), J14 (Taman Seri Hilir, On Lok, Batang Melaka), dan AG3 (Pengkalan, Alor Gajah). Antaranya, hanya AG1 dan AG31 masih berada di tanah ladang. Namun, penganut yang menjadi ahli datangnya dari kawasan dan taman-taman berhampiran. Hal ini menunjukkan kuil-kuil di luar ladang-ladang, dan sudah mula ditadbirkan oleh golongan yang berpendidikan dan memahami keperluan pentadbiran semasa sahajalah yang berusaha untuk meluaskan keahlian asas untuk mendapatkan sokongan yang menyeluruh pada kuil-kuilnya.

KEAHLIAN TERBATAS DI KUIL SECARA PILIHAN

Kuil-kuil yang membataskan keahliannya kerana tempat bekerja, kawasan, kaum-kerabat, dan rakan-rakan tuan punya kuil memang mempunyai keahlian yang kecil bilangannya. Kedua-dua 'trust' yang mentadbirkan kuil di Melaka tiada daftar keahlian terbuka, dan mentadbirkan kuil-kuilnya, tetapi mendapat sokongan dan sambutan daripada masyarakat di sekelilingnya sejak berpuluh tahun lagi. *Badan Amanah* Nattukkottai *Chettiar* dianggotai oleh beberapa keluarga *Chettiar* yang ada kepentingan di Melaka, dan hanya mereka membuat keputusan eksklusif tentang hal ehwal kuilnya. Badan Amanah *Chitty Melaka* atas nama *Sri Poyyaatha Vinayaagar Moorthi (SPVM)* pula memberitahu bahawa ia tiada daftar keahlian bagi kuil-kuilnya secara rasmi, tetapi semua anggota masyarakat *Chitty Melaka* dianggap penganutnya yang setia.

Ada juga tanggapan bahawa akan timbul pelbagai masalah jika banyak ahli didaftar kerana ada kemungkinan timbul pelbagai konflik dalam hal ehwal kuil. Lebih elok bilangan ahli kecil kerana derma untuk perayaan masih dapat dikutip daripada semua penganut Hindu. Lebih-lebih lagi, penganut yang membayar yuran berkala mengharapkan aktiviti yang berterusan – dan jika kuil hanya mengutamakan *thiruvizha*, lebih elok mengutip derma pada musim perayaan sahaja.

CamScanner

BILANGAN PENGANUT HINDU YANG MENJADI AHLI KUIL DI NEGERI MELAKA

Secara kasar, kurang daripada 6,500 penganut Hindu di Melaka menganggotai pertubuhan atau persatuan yang mengendalikan kuil-kuil Hindu di Melaka secara sah. Bilangan ini sudah tentu ada kaitan dengan kualiti aktiviti di kuil-kuil ini dan program-program yang dianjurkan demi mendatangkan faedah kepada masyarakat Hindu tempatan – yang dibincangkan dalam bab yang berkaitan. Jelaslah, bilangan yang terhad ini ada kaitan dengan kurangnya aktiviti berbentuk pendidikan yang berterusan dianjurkan oleh kuil-kuil ini.

Bagaimanapun, ada penganut Hindu yang menjadi ahli dalam beberapa kuil di Melaka, dan bilangan keseluruhan penganut Hindu yang benar-benar menjadi ahli persatuan yang mentadbirkan kuil mungkin tidak melebihi 6,000 orang sahaja, atau kira-kira 12.82% daripada 46,800 orang yang beragama Hindu di Melaka. Kebanyakan penganut lain hanya menyertai aktiviti dan program kuil-kuil, dengan kadang-kadang menghulurkan derma sewaktu '*thiruvizha*' / perayaan tahunan, atau, '*kumbabishegam*' selang dua belas tahun, diadakan. Bagaimanapun, penganut yang menyertai *pooja*, *ubayam* mahupun upacara menolak bala di kuil-kuil memang menghulurkan bayaran yang ditentukan oleh jawatankuasa atau *gurukkal* di setiap kuil ini.

KETUA KELUARGA SAHAJA MENJADI AHLI MEWAKILI KELUARGA

Namun, hal yang perlu kita amati ialah, dari segi amalan dahulu, hanya ketua keluarga menjadi ahli kuil, manakala anggota-anggota lain dalam keluarga tidak perlu menjadi ahli secara berasingan. Inilah sebabnya maka kaum lelaki sahaja memainkan peranan utama dalam hal-hal kuil kerana mereka merupakan ketua keluarga masing-masing. Ahli-ahli keluarga menurut kehendak ketua keluarga sahaja pada ketika itu.

Ciri ini sudah mula hilang di bandar-bandar atau dalam keluarga-keluarga yang terdidik dan bersifat keindividuan, sehingga suami, isteri, anak, menantu masing-masing menjadi ahli dalam pertubuhan kuil dan memainkan peranan yang aktif dalam hal-hal pentadbiran kuil. Namun, perubahan ini belum begitu menyeluruh dalam masyarakat Tamil/Hindu di Melaka, khususnya di kawasan pedalaman.

Kuil-kuil baharu yang dikendalikan di kawasan bandar dan taman-taman perumahan, yang berdaftar dan mempunyai perlembagaan yang menggariskan hak-hak ahli serta tanggungjawabnya, kini sudah menerima individu sebagai ahli, dan lambat laun amalan ini mungkin akan menjadi turutan oleh kuil-kuil lain, khususnya yang berdaftar. Namun, pengaruh moden ini masih belum menyeluruh, khususnya di kuil-kuil di kawasan pedalaman.

PERANAN PEDANDA YANG DIGELAR *GURUKKAL*, ARCHAGAR ATAU *POOSARI*

Oleh sebab kuil-kuil Hindu di Melaka ditadbirkan secara sukarela oleh jawatankuasa-jawatankuasa yang mengendalikannya, hampir tiada pentadbir yang diupah untuk bertugas di kuil. Sesiapa yang berkelapangan akan berada di kuil, khususnya pada masa *pooja* harian dijalankan dan pelita dinyalakan. Upacara-upacara agama Hindu perlu dikendalikan oleh seseorang pedanda yang digelar *gurukkal* atau *poosari* yang ada kelayakan atau pengalaman dalam hal itu. Demi itu kebanyakan kuil Hindu di Melaka mengupah pengamal agama ini, sama ada secara penuh masa mahupun secara sambilan mengikut kemampuan mereka. Ada juga ahli secara sukarela melakukannya. Namun, ada antaranya didatangkan dari Tamil Nadu kerana kelayakannya dalam hal agama Hindu, manakala ada pula yang terlatih di dalam negara ini, walaupun hasil kajian ini mendapati ramai juga yang tidak mempunyai kelayakan formal dalam hal ehwal agama Hindu.

CamScanner

Jadual 21: PEDANDA YANG DIGELAR *GURUKKAL*, *ARCHAGAR*, ATAU *POOSARI* DI KUIL-KUIL HINDU DI NEGERI MELAKA

DAERAH	PENUH MASA			Jum	SAMBILAN			Jum	Jum besar	%
	MELAKA TENGAH	JASIN	ALOR GAJAH		MELAKA TENGAH	JASIN	ALOR GAJAH			
TERLATIH	10	4	5	**19**	0	0	0	**0**	**19**	14.07
DI BAWAH BIMBINGAN	10	10	9	**29**	4	12	12	**28**	**57**	42.2
TIDAK TERLATIH	0	1	0	**1**	18	20	20	**58**	**59**	43.7
JUMLAH	**20**	**15**	**14**	**49**	**22**	**32**	**32**	**86**	**135**	

BILANGAN GURUKKAL DI KUIL

Ada kuil/pusat Budaya & Seni Hindu mempunyai lebih daripada seorang *gurukkal*, seperti di kuil MT1, MT2, MT17, MT24, MT27, MT37, MT38, J2, J6, J7, J17, J21, J35, J37, AG2, AG3, dan AG39, yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang *gurukkal* terlatih, atau kedua-duanya terlatih. Cuma kuil J37 dan AG 2 mempunyai *gurukkal* terlatih sehingga 4 orang setiap satu. Pada keseluruhannya, hanya 107 kuil mengupah *gurukkal* / *poosari* dengan upah bulanan mahupun secara sambilan di negeri Melaka. Kuil-kuil yang langsung tiada *gurukkal* atau *poosari* terdapat sebanyak 8 buah di Melaka Tengah, 15 di daerah Jasin dan 16 di daerah Alor Gajah, sebanyak 39 kesemuanya. Upacara pooja di kuil-kuil ini dikendalikan oleh pengerusi kuil berkenaan berlengkapkan dengan pengalamannya atau ahli-ahli jawatankuasanya mahupun ahli-ahli keluarganya. *Gurukkal* yang bertauliah diupah hanya semasa diadakan *thiruvizha* atau perayaan khas di kuil-kuil ini.

Gelaran *gurukkal* digunakan apabila seseorang itu telah menjalani latihan dalam kaedah-kaedah pelbagai upacara agama mengikut peraturan-peraturan yang sedia wujud dalam agama Hindu. Manakala yang masih belum layak, dan yang tidak terlatih, tetapi menjalankan tugas-tugasnya berlengkapkan pengalamannya semata-mata digelar *archagar* atau *poosari*. Untuk kajian ini, kita membuat perbezaan ini walaupun pada kebiasaannya masyarakat menggunakan kata-kata ini secara bebas. Jika *gurukkal* daripada kasta Brahmin, ia digelar *'Iyer'* pula.

GURUKKAL SAMBILAN

Bilangan kuil yang bergantung pada khidmat *gurukkal* atau *poosari* sambilan sahaja agak besar, iaitu 10 buah di Melaka Tengah, 12 buah di Jasin dan 31 buah di Alor Gajah, atau 53 pada keseluruhannya. Jika kita ambil kira kuil-kuil yang langsung tiada pegawai ini, nyatalah ada 92, atau 63 peratus kuil Hindu di Melaka tiada *gurukkal* atau *poosari* penuh masa, suatu keadaan yang menunjukkan tahap dan kualiti perkhidmatan yang dapat diberikan, mahupun kemampuan kuil-kuil ini.

CamScanner

UPAH PADA GURUKKAL

Upah yang diberikan pada seseorang *gurukkal/poosari* terlatih didapati antara RM900 dan RM1,500 sebulan, dan, di antara RM700 dan RM1,000 pada yang tidak terlatih. Manakala, upah bulanan pada *poosari* sambilan pula di antara RM200 hingga RM600 menurut kekerapan pooja diadakan di kuil berkenaan dan kemampuan kuil. Selalunya, pengamal agama ini akan dapat mengutip wang tambahan apabila para penganut mengunjungi kuil untuk bersembahyang dengan menyediakan buah-buahan, kuih-muih, dan sedikit wang tunai. Sembahyang hajat yang khas, atau pooja khas untuk menolak bala pula selalunya ada persembahan barangan dan wang yang lebih. Di kuil-kuil yang ada penganut yang ramai, pendapatan melalui pooja ini agak baik dan menarik minat *gurukkal* untuk bertugas di sana.

Sumbangan semasa diadakan *ubayam*, atau sembahyang khas pada hari-hari mulia dalam takwim Hindu, memanglah agak tinggi, dengan kadar berbeza-beza antara kuil, dan sekurang-kurangnya sebahagian daripada wang sumbangan akan menjadi milik *gurukkal*. Memandangkan hal-hal inilah, maka pengurusan kuil menentukan upah tetap pada tahap yang rendah sedikit. Namun, pendapatan tambahan seperti ini bermusim, dan bergantung pada jenis kuil dan keupayaan penganut yang mengunjunginya.

KEMAMPUAN KUIL UNTUK MENGUPAH GURUKKAL

Kuil-kuil Hindu di Melaka memang menghadapi kesulitan kewangan, dan tidak mampu menggajikan *gurukkal* yang bertauliah. Kebanyakan kuil mengemukakan soal kewangan sebagai kekangan untuk mereka mengupah *gurukkal* yang terlatih di kuil mereka. Yang bertugas sebagai sambilan pula hadir di kuil pada ketika-ketika tertentu sahaja, dan mereka tidak dapat berfungsi benar-benar sebagai seorang pemimpin hal ehwal agama di sana. Mereka sekadar melakukan upacara-upacara *pooja* yang asas dengan pengetahuan terhad yang ada pada mereka.

Kini ada sebilangan pemuda Hindu tempatan yang mula berkecimpung dalam bidang ini, dan merekalah dibimbing oleh *gurukkal* yang bertauliah. Ada antaranya menghadiri kursus-kursus pendek yang diadakan di luar Melaka oleh Persatuan *gurukkal* ataupun *Malaysia Hindu Sangam*. Namun, minat terhadap bidang ini ada kaitan dengan kemampuan kuil-kuil membayar upah yang setimpal. Juga, kebanyakan yang memilih untuk menyertai kumpulan ini bukanlah yang terdiri daripada yang berjaya dalam bidang akademik, dan nyatalah kualiti perkhidmatan yang dapat disumbangkan masih menjadi tanda tanya.

Semasa kajian ini dilakukan, tidak kelihatan sebarang penyelesaian dalam hal ini, yang menyebabkan masalah kualiti '*gurukkal*' atau '*poosari*' yang menjejaskan peranan kuil-kuil di negeri ini dalam memberikan perkhidmatan dan bimbingan dalam hal-hal agama Hindu terus wujud tanpa sebarang penyelesaian.

PERKHIDMATAN GURUKKAL YANG BENAR-BENAR BERKELAYAKAN

Walau bagaimanapun, tidak banyak pengurusan menganggap hal ini sebagai masalah besar semasa kajian ini dilakukan, kerana ia sudah menjadi suatu kelaziman pada mereka. Cuma lima pengurusan kuil kemukakan hal ini dan berharap agar *gurukkal* yang benar-benar layak dari Tamil Nadu dapat dibawa dengan ihsan Jabatan Imigresen Malaysia untuk bertugas di kuilnya, kerana mereka berpendapat ada masalah kualiti *gurukkal* yang perlu diatasi segera.

Kini *Malaysia Hindu Sangam* memberikan khidmat nasihat kepada Jabatan Imigresen dalam pemilihan *gurukkal* dari Tamil Nadu. *Gurukkal* sendiri ada persatuan mereka untuk perjuangkan

CamScanner

kepentingan mereka. Namun, kebanyakan kuil Hindu di Melaka tidak menunjukkan kemampuan mahupun keupayaan untuk menggajikan *gurukkal* yang benar-benar bertauliah supaya dapat memberikan perkhidmatan yang bermutu pada para penganut, walaupun masih ada yang menganggap hal ini tidak penting.

KAWALAN DI KUIL

Semua kuil ini tiada pengawal yang diupah. *gurukkal* dan *poosari* yang diupah juga memainkan peranan ini sekiranya tempat kediaman disediakan di pekarangan kuil berkenaan. Jadual 14 menunjukkan hanya 41 buah kuil di Melaka mempunyai kemudahan ini, manakala lebih seratus kuil di Melaka memang bergantung pada sifat kesukarelawanan ahli-ahli jawatankuasa untuk mengawal keselamatan kuil mereka.

Sebanyak 24 pembantu pula bertugas di kuil-kuil di Melaka yang tugasnya adalah untuk memberikan bantuan kepada '*gurukkal*' dan jawatankuasa kuil dari semasa ke semasa. Kebanyakannya bertugas secara sambilan dan berada di kuil pada ketika-ketika tertentu sahaja. Kebersihan kuil dijaga oleh pembantu seperti ini, pada hal di kuil-kuil lain, '*gurukkal*', '*poosari*' dan ahli-ahli jawatankuasa kuil memastikan kebersihan kuil.

Sejak beberapa tahun lalu, kerajaan Negeri Melaka menyediakan pekerja sambilan di beberapa kuil yang terpilih untuk membersihkan pekarangan kuil pada beberapa hari dalam seminggu. Kemudahan ini disediakan menerusi permintaan parti politik yang mewakili masyarakat India di Melaka.

POOJA DI KUIL

Pooja merupakan aktiviti agama yang penting di sesebuah kuil dan di kuil-kuil yang benar-benar memainkan peranan pada masyarakat Hindu di sekelilingnya. *Pooja* diadakan pada waktu pagi, tengah hari dan pada waktu petang setiap hari. Semasa *poosari* menjalankan aktiviti *pooja* pada dewa mahupun dewi di kuil, para penganut berada di kuil untuk bersembahyang. *Poosari* menyalakan lampu minyak dan mengalungkan bunga malai pada *dewa/dewi* dan membaca *mantera-mantera* yang berkaitan sambil membunyikan loceng semasa *pooja* diadakan. Para penganut yang hadir pada ketika-ketika itu akan diberikan *thirunooru* atau abu suci untuk diletakkan di dahi masing-masing. Bagi mana-mana kuil, *pooja* menjadi inti dalam aktiviti-aktivitinya dan dilakukan oleh *gurukkal* atau *poosari* sebagai ketua agama di situ.

Jadual 22: *POOJA* HARIAN DI KUIL-KUIL DI NEGERI MELAKA

DAERAH	3 KALI SEHARI	2 KALI SEHARI	SEKALI SEHARI	PADA HARI-HARI TERTENTU	JUMLAH
MELAKA TENGAH	2	18	16	8	**44**
JASIN	1	18	22	5	**46**
ALOR GAJAH	1	16	33	6	**56**
JUMLAH	**4**	**52**	**71**	**19**	**146**
PERATUS	2.7	35.6	48.6	13.1	

CamScanner

BILANGAN *POOJA* HARIAN

Cuma ada 4 kuil di Melaka yang mengadakan 3 *pooja* setiap hari – pagi, tengah hari dan petang kerana pengunjung ke kuil-kuil ini ada pada sepanjang masa, manakala ada 52 buah lagi yang mengadakan *pooja* pada pagi dan petang setiap hari. 71 buah kuil lagi mengadakan *pooja* hanya pada sebelah petang.

Pooja dijalankan pada waktu-waktu yang ditentukan dalam takwim Hindu, dan merupakan waktu sembahyang yang sesuai bagi penganut Hindu di kuil. Walaupun ada kelonggaran masa diberi kepada penganut untuk menghadiri kuil, namun, *gurukkal* atau *poosari* harus memulakan upacara *pooja* mengikut masa yang ditentukan dalam takwim Hindu di kuil.

Ada juga 19 kuil yang menyalakan lampu di kuil pada hari-hari tertentu dalam seminggu, mahupun menurut hari-hari yang dianggap mulia dalam takwim Hindu. Namun, ada juga kuil yang mengadakan *pooja* hanya pada waktu perayaan tahunan dijadualkan. Kuil-kuil ini tiada *poosari* atau pengamal agama yang diupah, dan *poosari* atau *gurukkal* dipelawa dan diupah hanya pada waktu perayaan.

KEHADIRAN SEMASA *POOJA* HARIAN DIADAKAN

Data di atas perlu dilihat dengan data di Jadual 23 yang menunjukkan kehadiran penganut dalam *pooja* harian. Daripada 127 kuil yang mengesahkan adanya *pooja* harian, hanya 13 buah, atau 10.2 peratus kuil mencatatkan lebih 21 orang penganut dalam *pooja* hariannya, manakala 27 buah lagi, atau 21.3 peratus mencatatkan di antara 11 dan 20 orang secara purata dalam *pooja* hariannya.

Jadual ini menunjukkan 31.3% atau 41 buah kuil mencatatkan kurang daripada 5 orang, dan 36.2% atau 46 buah kuil menunjukkan kehadiran di antara 6 dan 10 dalam *pooja* harian secara purata. Nyatalah bilangan yang benar-benar menghadiri pooja harian di kuil sangat kecil. Ada juga penganut yang ke kuil pada hari Jumaat sahaja, kerana hari itu dianggap hari yang suci oleh penganut Hindu. Kehadiran dalam *pooja* pada hari Jumaat, dan hari-hari yang dianggap mulia dalam takwim Hindu memang menunjukkan pertambahan.

KEMUDAHAN UNTUK BERSEMBAHYANG DI RUMAH

Oleh sebab terdapat ruang sembahyang di rumah masing-masing, khususnya kerana pada masa ini kebanyakan penganut yang tinggal di taman-taman perumahan memiliki rumah atau menyewa rumah, dan khaskan bilik atau ruang khas untuk menyediakan gambar mahupun *vigraha dewa dewi* untuk bersembahyang, banyak juga penganut agama Hindu tidak merasakan kehadiran dalam *pooja* di kuil-kuil yang berhampiran itu penting. Lebih-lebih lagi kerana kuil-kuil kini berada agak jauh dari rumah, dan memerlukan perancangan dan masa yang lebih untuk ke sana.

Kini tugas-tugas harian lain juga menyekat kehadiran ke *pooja*. Selain itu, unsur hiburan melalui televisyen dengan pelbagai siri drama Tamil juga menjadi halangan bagi suri-suri rumah untuk menghadiri *pooja* di kuil pada hari ini.

Penganut Hindu yang agak selesa dengan amalan bersembahyang di rumahnya menziarahi kuil hanya apabila ada sambutan perayaan agama dengan aktiviti atau program tambahan.

CamScanner

Jadual 23 : PURATA KEHADIRAN DALAM POOJA HARIAN DI KUIL-KUIL HINDU DI NEGERI MELAKA

DAERAH	1-5	6-10	11-20	21+	JUMLAH
MELAKA TENGAH	8	11	9	8	**36**
JASIN	13	19	8	1	**41**
ALOR GAJAH	20	16	10	4	**50**
JUMLAH	**41 (32.3%)**	**46 (36.2)**	**27 (21.3)**	**13 (10.2%)**	**127**

Nota: Kuil-kuil lain tiada pooja harian

PENGANUT AGAMA HINDU KERANA TRADISI

Penganut-penganut Hindu di Melaka kebanyakannya mengamalkan agama Hindu bukan kerana mendapat pendidikan agama yang formal, tetapi sebagai ikutan amalan-amalan yang disaksikannya daripada orang tuanya, masyarakat di sekelilingnya mahupun apa-apa yang disaksikan melalui kaca televisyen atau layar perak. Memang tiada didikan agama Hindu formal yang diwajibkan pada penganut agama Hindu di negara ini. Mereka lahir dalam keluarga yang menganuti agama Hindu dan meneruskan tradisi keluarganya. Mereka lebih berpegang pada amalan turun-temurun keluarganya dan saudara-maranya. Walaupun *gurukkal* atau pengamal agama Hindu yang bertauliah – khususnya yang datang dari Tamil Nadu ke Melaka, membawa ajaran-ajaran dan amalan-amalan semasa, masih ada pengerusi dan jawatankuasa kuil yang berpegang pada amalan-amalan lama yang dibawa oleh generasi tua mereka yang lalu ke Melaka dan meminta *gurukkal* agar meneruskannya sebagai tradisi mereka.

Kebiasaan ini menyebabkan amalan-amalan lama masih berterusan di kuil-kuil di sini, selalunya dengan penerimaan para *gurukkal* juga kerana amalan seperti ini masih wujud di kampung asal mereka di Tamil Nadu juga, khususnya di kawasan-kawasan pedalaman. Hal ini kerana tiada pusat pentadbiran agama Hindu yang dianggap berkuasa – di negara India sekalipun - untuk menentukan amalan-amalan yang patut atau tidak patut dilakukan dalam istiadat penyembahan mahupun pendupaan di kuil Hindu – yang membenarkan amalan-amalan turun temurun berterusan mengikut kehendak penganut tempatan.

POOJA PADA HARI PANDIGAI HINDU

Kehadiran ke kuil pada hari-hari istimewa atau hari kebesaran mengikut takwim Hindu selalunya lebih tinggi, kerana terdapat program tambahan, termasuk hidangan makanan selepas *pooja* disempurnakan. Hari-hari *'pandigai'* disambut dengan program khas di 131 daripada kuil di Melaka, termasuk di sebilangan kuil yang tiada *pooja* harian.

Lebih banyak penganut, yang bersembahyang di rumah pada hari biasa, mengunjungi kuil dengan keluarganya pada hari pandigai seperti *Sivarathiri, Thaipponggal, Thaippoosam, Vinayagar Sathurthi, Dhurga Poojai, Deepavali, Krishna Jayanthi* dan sebagainya. Sebenarnya, pada setiap bulan Hindu, ada hari yang dianggap mulia, dan para penganut Hindu yang mempunyai kegemaran-kegemaran tertentu bebas memilih pandigai yang diminatinya untuk ke kuil. Malam

CamScanner

'powranami' dan *'ammavasai'* yang jelas menandakan posisi bulan, juga diraikan di kebanyakan kuil dengan pooja khas. Pengurusan setiap kuil menentukan pandigai yang disambut di kuilnya, dan ada kuil yang lebih digemari untuk sesuatu pandigai kerana *dewa* atau *dewi* yang bersemayam di situ ada kaitan dengan *pandigai* berkenaan, selain cara-cara program tambahan diaturkan oleh jawatankuasa kuil berkenaan.

Program sampingan seperti ceramah agama, pertunjukan seni tari & seni muzik selalunya menjadi tarikan sampingan semasa menyambut *pandigai* di sesetengah kuil, selain hidangan makanan yang istimewa, selalunya ditaja oleh penganut-penganut yang setia.

Jadual 24: KEHADIRAN DALAM POOJA PANDIGAI HINDU DI KUIL-KUIL HINDU MELAKA

DAERAH	1-20	21-30	31-50	51+	JUMLAH
MELAKA TENGAH	8	3	17	8	**36**
JASIN	8	12	17	3	**40**
ALOR GAJAH	19	11	11	4	**45**
JUMLAH	**35 (28.9%)**	**26 (21.9%)**	**45 (37.1%)**	**15 (12.3%)**	**121**

Jadual 24 menunjukkan kehadiran dalam masa *pooja pandigai* dijalankan selalunya pada petang hari, selepas pukul 7.30 di kuil-kuil Hindu di Melaka – dan kurang-kurang 60 buah kuil mengaku ada kehadiran melebihi 31 orang penganut dalam kala itu. Bagaimanapun, di 35 buah kuil kehadirannya cumalah kurang daripada 20 orang, dan *pandigai* tidak langsung disambut dengan *pooja* oleh 25 kuil di Melaka.

POOJA KHAS ATAU *UBAYAM* DI KUIL

Kuil-kuil yang menyambut *pandigai* juga membenarkan *ubayam* di kuilnya, iaitu dengan meminta penganut yang rela untuk mengadakan *pooja* khas pada *dewa* atau *dewi* sempena hari mulia berkenaan. Kadang-kadang seorang menjadi penaja *ubayam*; pada ketika lain, lebih ramai menjadi penaja pada *pooja* khas di kuil. Penaja *ubayam* perlu membayar bayaran yang ditentukan oleh pihak kuil. Ada kuil menentukan bayaran tertentu dan menyediakan makan minum untuk semua yang hadir bersama upacara *pooja* dan perarakan dewa dewi dalam pekarangan kuil sahaja. Namun, ada juga kuil yang mengenakan upah hanya pada upacara agama, manakala persediaan makan minum diserahkan pada penganut yang menaja *ubayam* berkenaan. Ada pula penaja *ubayam* mengaturkan acara-acara tambahan seperti syarahan agama dan/atau pertunjukan kebudayaan selepas upacara agama untuk para penganut yang hadir.

Bayaran dari RM150 hingga RM4,500 dikenakan untuk *ubayam* di kuil-kuil Hindu di Melaka, mengikut amalan kuil masing-masing seperti yang diberitahu semasa kajian ini dijalankan. Kadang-kadang beberapa orang menaja *ubayam* pada hari yang sama seperti yang dibenarkan oleh pihak kuil. Memang ada kuil yang menentukan bayaran yang tinggi untuk menaja *ubayam* di luar kemampuan penganut Hindu yang biasa kerana menyasarkan penganut-penganut tertentu sahaja kerana ingin mengekalkan kuilnya dalam peringkat yang eksklusif.

CamScanner

Jadual 25: KEHADIRAN DALAM *UBAYAM* (POOJA TAJAAN KHAS) DI KUIL-KUIL HINDU

DAERAH	1-40	41-60	61-80	81+	JUMLAH
MELAKA TENGAH	6	10	7	13	36
JASIN	12	10	6	13	41
ALOR GAJAH	25	12	5	8	50
JUMLAH	43 (33.8%)	32 (25.2%)	18 (14.2%)	34 (26.8%)	127

Apabila ada *ubayam*, penaja *ubayam* berusaha untuk mempelawa semua kenalan dan sahabat handai untuk menghadirinya, dan selalunya semua ahli jawatankuasa kuil dan keluarganya juga hadir bersama. Hal ini menyebabkan bilangan penganut yang menghadiri *pooja* pada hari *ubayam* bertambah. Juga makanan pada hari itu ditaja sepenuhnya oleh penaja berkenaan. Ada kalanya kehadiran mencecah 300 orang penganut, bergantung pada pengaruh penaja *ubayam* berkenaan.

Namun, kebanyakan kuil di Melaka mengehadkan *ubayam* pada musim *thiruvizha* sahaja, dan menurut maklumat yang diterima, kurang daripada 35 kuil di Melaka mengadakan lebih daripada 20 *ubayam* setahun. Namun, tiada sebarang *pooja* pada hari *pandigai* di 25 buah kuil di Melaka.

THIRUVIZHA

Kehadiran yang paling besar adalah pada hari perayaan atau *thiruvizha* atau perayaan tahunan kuil. Semua ahli keluarga penganut yang kini bertugas di luar negeri Melaka, atau di luar kawasan, tetapi berasal dari tempat kuil itu bertapak, berusaha untuk kembali untuk perayaan tahunan ini kerana tarikhnya diberitahu terlebih awal. Berkumpul di kuil tempat mereka diperbesar dahulu merupakan sesuatu detik yang ditunggu-tunggu, dan suasana keriangan sering wujud semasa *thiruvizha* diadakan di kuil-kuil ini. Bagi kebanyakan penganut Hindu, *thiruvizha* memang dianggap penting, dan ada antaranya yang membayar nazar dengan mengangkat *kavadi, paal kudam*, berjalan atas bara api, dan melakukan upacara bercukur jambul pada kanak-kanak, dan sebagainya. Program-program yang menarik diaturkan sepanjang hari perayaan berkenaan dengan selalunya perarakan pedati yang melalui perkampungan mahupun taman perumahan yang ada penganut Hindu dalam lingkungan kawasan sesuatu kuil menjadi tarikan, bukan sahaja pada para penganut, bahkan juga pada penduduk mahupun pelancong yang berlainan agama.

MASIMAHAM THIRUVIZHA DI MELAKA

Di Melaka kuil MT1 *Sanyasimalai Aandavar Aalayam* yang dikendalikan oleh kaum *Nattukottai Chettiar* di Jalan Krubung, Cheng, menarik paling ramai penganut pada perayaan *MASIMAGAM* pada bulan *Masi* (Februari / Mac) dalam takwim Tamil/Hindu, dan pernah mencecah 100,000 penganut, bukan sahaja dari dalam negeri Melaka, bahkan dari seluruh negara, Singapura dan Tamil Nadu. Pesta ini menyaksikan pedati perak kepunyaan kaum ini berarak dari bandar Melaka ke kuil ini sehari sebelum perayaan, dan kembali ke bandar Melaka selepas upacara-upacara utama selesai di kuilnya di Cheng.

CamScanner

Sepanjang jalan perarakan ini para penganut, termasuk masyarakat Cina, dan masyarakat Cina Peranakan Melaka, menyediakan pemberian dan persembahan pada *Dewa Murugan* dan bersembahyang. Gerai-gerai jualan pula diadakan di kedua-dua belah jalan masuk ke kuil ini pada hari perayaan. Badan-badan sukarela membantu para penganut dengan menyediakan air minuman dan bantuan-bantuan keselamatan yang lain pada ketika perayaan ini. Aktiviti-aktiviti yang menarik minat kanak-kanak, belia dan orang dewasa turut diaturkan dalam pesta ini selama beberapa hari.

PERAYAAN DATUK CACAR ATAU MARIAMMAN *THIRUVIZHA* MASYARAKAT *CHITTY MELAKA*

Bagi masyarakat *Chitty Melaka* pula, perayaan Datuk Cacar atau *Mariamman Thiruvizha* pada bulan *Chittirai* (April/Mei) dalam takwim Hindu menarik hampir 10,000 orang penganut daripada kalangan masyarakat *Chitty* di Melaka mahupun yang kembali dari tempat-tempat lain, masyarakat Tamil tempatan mahupun masyarakat Cina, khususnya masyarakat Cina Peranakan Melaka. Perayaan *Datuk Cacar* ini memang terkenal di Melaka dengan banyak pelancong asing turut serta untuk menyaksikannya.

Bagi masyarakat *Chitty Melaka*, perayaan di kuil MT3 – *Kuil Sri Muthu Mariamman* dengan perarakan pedati yang berwarna-warni sangat bermakna kerana ia mengandungi seribu satu cerita tentang warisan masyarakat ini yang masih kuat berpegang pada agama Hindu, walaupun mereka menggunakan Bahasa Melayu Kreol sebagai bahasa ibunda mereka. Bagi masyarakat ini, bahasa Tamil hanyalah bahasa nenek moyang mereka.

Jika kita meneliti hal ini, sangat menarik bahawa dua kaum yang mengendalikan kuilnya melalui badan amanah mahupun '*Trust*' secara eksklusif, mengelolakan *thiruvizha* masing-masing secara besar-besaran sejak berpuluh-puluh tahun lalu, sehingga keluarga-keluarga bukan-Hindu yang tinggal di Melaka, khususnya kaum *Baba Melaka* mahupun kaum Cina tempatan, turut mengambil bahagian secara aktif hingga ke hari ini.

SAMBUTAN THAIPOOSAM DI MELAKA

Kuil MT22, *Sri Subramaniar Thevasthanam* di Melaka menarik hampir 10,000 penganut pada *thiruvizha*nya sempena *Thaipoosam.* Kuil ini yang beroperasi hanya selepas negara merdeka merupakan kuil terbuka – yang dapat dianggotai oleh mana-mana penganut Hindu – yang dapat menarik penganut yang ramai ke perayaannya sejak tahun 1965. Walaupun ramai penganut menuju ke Batu Caves atau Pulau Pinang ketika perayaan ini, masih ramai yang lebih gemar menyertai perayaannya di Melaka, yang juga ada perarakan pedati yang menarik sebagai penutup perayaan utama.

Hampir semua kuil *Sri Subramaniar* di Melaka menyambut *Thaipoosam* mengikut kemampuannya.

THIRUVIZHA DI KUIL YANG MENGHIDANGKAN DAGING

Suatu kuil yang kini mula menarik banyak penganut ke *thiruvizha*nya ialah J36 *Dewi Sri Karu Maha Kaliamman Aalayam* di Kampung India Jasin, yang menarik hampir 20,000 penganut dengan menghidangkan makanan daging kambing. Pada tahun 2019 dilaporkan sebanyak 220 ekor kambing telah disembelihnya di sini. Walaupun pemikiran moden dalam agama Hindu menegah hidangan makanan daging di kuil, amalan lama ini masih dituruti di sesetengah kuil lagi, khususnya kuil-kuil bagi *dewa/dewi* yang dianggap memberikan perlindungan daripada bahaya gangguan kuasa ghaib pada penganutnya.

CamScanner

Di Tamil Nadu juga amalan ini masih wujud, khususnya di kawasan luar bandar, sebagai kesinambungan amalan zaman nenek moyang yang mempercayai akan adanya kuasa-kuasa halus di semua tempat, dan perlu diamankan dan dipuaskan dengan pengorbanan hidupan – selalunya ayam jantan ataupun kambing jantan. Semua kuil yang wujud di pinggir kampung-kampung Melayu masih mempunyai amalan ini dari zaman mereka menetap di sana, dan menggelarkan *'datuk'* yang dipuja dahulu sebagai `*ayyah*' sekarang dengan melakukan pengorbanan hidupan pada waktu perayaan tahunan diadakan.

Pada masa awal, masyarakat *Nattukottai Chettiar* yang mengendalikan kuil MT1 juga pernah membuat rombongan ke Pulau Besar untuk bersembahyang pada *'Periyamalai Aandavar'* atau `*ayyah*' di sana selama tiga hari pada abad ke-19 dahulu, sebelum penumpuan mereka beralih sepenuhnya pada *Sanniyasimalai Aandavar* di Cheng. Kerjasama dengan masyarakat Muslim-Tamil yang menetap di pulau itu adalah rapat pada kaum ini pada ketika itu. Sebagai kesinambungannya, pada masa ini juga rombongan ke Pulau Besar diaturkan bagi penganut yang berminat setiap tahun.

PERSEDIAAN UNTUK MENGADAKAN *THIRUVIZHA* DI KUIL

Persediaan untuk mengadakan perayaan tahunan ini dimulakan beberapa bulan sebelum tarikhnya dengan mengadakan perjumpaan dengan semua penganut yang berminat oleh jawatankuasa kuil. Tarikh *thiruvizha* perlu ditentukan mengikut takwim Hindu, dan berkaitan rapat dengan *dewa/dewi* utama di kuil berkenaan, dan dibincangkan dengan *gurukkal* yang bertauliah.

Bagaimanapun, jika diteliti, *thiruvizha* di kuil-kuil Melaka berlangsung hampir pada setiap bulan dan nampaknya hal ini diaturkan sedemikian rupa setelah mendapat nasihat daripada *gurukkal* yang bertauliah kerana ketua istiadat agama ini perlu menghadiri dan mengetuai pesta ini. Kelapangannya perlu diambil kira. Juga, jika banyak kuil mengadakan *thiruvizha* pada masa yang sama, kehadiran penganut akan menjadi rumit. Oleh itu banyak perhitungan praktik dibuat sebelum menentukan tarikh '*thiruvizha*', terutamanya di kuil-kuil yang kecil.

JAWATANKUASA *THIRUVIZHA* DI KUIL

Minat terhadap '*thiruvizha*' dalam kalangan masyarakat Tamil/Hindu memanglah makin meningkat pada masa ini. Mereka sanggup mengambil cuti untuk menyertai perayaan seperti ini, dan contoh yang paling ketara ialah perayaan *THAIPOOSAM* di Batu Caves dan di Pulau Pinang yang menarik lebih sejuta penganut di Malaysia setiap tahun, sehingga sebilangan kerajaan negeri di Malaysia memberikan cuti umum pada hari tersebut.

Di peringkat tempatan, masing-masing cuba mengadakan perayaan yang menarik perhatian ramai dengan program-program yang istimewa. Bangunan kuil dibersih dan diperbaiki, risalah pemberitahuan tentang *thiruvizha* dicetak dan diedarkan lebih awal supaya semua penganut Hindu tempatan termaklum akan tarikhnya dan program-programnya. Juga derma untuk membiayai *thiruvizha* mula dikutip daripada para penganut tempatan dan dermawan. Pada ketika ini jawatankuasa kuil lebih mirip mendapatkan penaja pada aktiviti-aktiviti, program dan *pooja* daripada para penganut agama Hindu, kerana ia dilakukan dengan menamakan penaja secara jelas – dan penaja memang diberikan penghormatan yang sesuai dengan dicetak namanya dalam program dan diumumkan pada masa aktiviti atau semasa program dijalankan.

CamScanner

AKTIVITI SEMASA *THIRUVIZHA*

Ada *thiruvizha* dimulakan dengan *pooja-pooja* khas selama hampir sepuluh hari sebelum '*thiruvizha*' diadakan. Semasa *thiruvizha*, penganut agama Hindu yang telah nekad untuk mengangkat kavadi, atau paal kudam, atau berjalan atas bara api *(theemithi)*, akan menunaikan janjinya di kuil-kuil yang dipilihnya. Anak yang baharu lahir menjalani upacara bercukur jambul juga pada ketika ini. Pelbagai aktiviti sampingan diaturkan oleh jawatankuasa kuil, ataupun, jika jumlah penganut yang berkumpul agak besar, oleh persatuan-persatuan sukarela mahupun agensi lain untuk memeriahkan suasana *thiruvizha* di kuil.

Jawatankuasa yang dibentuk, mencari derma untuk menampung perbelanjaan perayaan ini. Kebanyakan penganut sanggup menaja sesuatu aspek dalam perayaan, misalnya menaja makanan pada hari *thiruvizha*, atau menaja *ubayam* pada *pooja-pooja* khas sebelum hari perayaan. Bergantung pada kuil dan persekitarannya, perbelanjaan bagi '*thiruvizha*' boleh mencecah lebih dua ratus ribu ringgit. Namun, kebanyakan kuil di Melaka berbelanja di sekitar sepuluh ribu ringgit untuk *thiruvizha*nya pada masa ini.

Selalunya ada penajaan untuk makan minum semasa perayaan ini oleh penderma atau penganut agama Hindu. Di kuil-kuil yang mengamalkan pengorbanan hidupan, kambing-kambing diderma oleh yang telah berjanji pada '*dewa/dewi*' di situ, dan sumbangan seperti ini mengurangkan perbelanjaan pihak kuil berkenaan. Hal ini bergantung pada keistimewaan kuil pada anggapan penganut mahupun penderma.

PENAJAAN MAKANAN DAN BARANGAN

Oleh sebab penganut Hindu agak bermurah hati untuk menghulurkan derma bagi hal-hal berkaitan dengan Tuhan, maka hal ini dapat dilakukan pada setiap tahun. Ada juga yang kini bertugas atau menetap di luar Melaka, tetapi sanggup menaja seluruh perbelanjaan *thiruvizha* di kuil tempat asalnya di Melaka setiap tahun. Meskipun begitu, banyak juga kuil menghadapi kesukaran untuk mendapatkan dana untuk perayaan tahunan ini. Kuil-kuil kecil di kawasan pedalaman bergantung pada yang sudah menetap di luar dari tempat itu pada asalnya, untuk kembali semasa *thiruvizha*, dan juga menampung perbelanjaannya. Yang kembali juga sanggup menghulurkan dana kerana mereka percaya pada keistimewaan dan sakti dewa dewi kuil di tempat asal mereka di Melaka. Sifat ini mungkin pudar pada generasi akan datang kerana tiada pengalaman hidup *'berkampung'* di lokasi kuil-kuil ini.

PEDATI DI KUIL

Dalam kajian ini didapati ada 65 buah kuil yang mempunyai pedati atau *'ther'* sendiri, dan pedati ini digunakan untuk perarakan pada masa *thiruvizha* di kuil. Kebanyakan kuil mendapatkan kebenaran polis untuk mengadakan perarakan ini kerana menggunakan jalan raya dan melalui kawasan-kawasan perumahan. Ada juga kuil yang meminjam pedati daripada jawatankuasa kuil lain pada masa *thiruvizha* diadakan di kuilnya, manakala ada juga yang tidak mengadakan perarakan pedati langsung.

MUZIK NADHASWARAM TRADISIONAL

Dari segi ahli muzik tradisional – *nadhaswaram dan melam* – yang ada kaitan rapat dengan kuil, cuma 8 buah kuil di Melaka berupaya mengupah pemuzik-pemuzik itu. Mereka dipinjamkan pada kuil-kuil lain juga apabila perlu. Kadang-kadang pemuzik dan *gurukkal* dari luar Melaka juga dibawa semasa *thiruvizha* diadakan. Kesemuanya ini bergantung pada kemampuan yang ada pada

CamScanner

kuil-kuil di Melaka – dan nyatalah hanya kuil-kuil yang ada kemampuan untuk mengumpulkan dana yang tinggi dapat mengaturkan program '*thiruvizha*' yang meluas. Yang lain mengadakannya dalam kadar sederhana sahaja. Ada sebuah Kuil di Melaka yang memiliki pasukan *`urumi melam'*

KEHADIRAN DALAM *THIRUVIZHA* DAN KEMAMPUAN KUIL

Jadual 26 jelas menunjukkan kehadiran untuk '*thiruvizha*' di 77 buah atau 57.1 peratus adalah kurang daripada 500 orang, dan 33 lagi antara 501 dan 1,000 orang, iaitu 24.4%. Jelaslah 81.5% kuil yang mengadakan '*thiruvizha*' dihadiri oleh penganut yang kurang daripada seribu orang. Hanya 5 buah kuil atau 3.7 peratus yang menarik lebih 5,000 orang penganut ke pesta tahunannya. Data dalam jadual ini menggambarkan keadaan dan kemampuan kuil-kuil yang sebenar di negeri Melaka, dan penglibatan penganut agama Hindu dalam perayaan-perayaan ini.

Jadual 26: PURATA KEHADIRAN DALAM THIRUVIZHA DI KUIL-KUIL MELAKA

DAERAH	1-500	501-1,000	1,001-5,000	5,001+	JUMLAH
MELAKA TENGAH	19	11	4	2	**36**
JASIN	27	9	8	1	**45**
ALOR GAJAH	31	13	8	2	**54**
JUMLAH	**77 (57.1%)**	**33 (24.4%)**	**20 (14.8%)**	**5 (3.7%)**	**135**

Kebanyakan pihak kuil Hindu di Melaka tidak mempunyai akaun tentang '*thiruvizha*' yang dapat dirujuk sepenuhnya, kerana mereka sering memberitahu kebanyakan perbelanjaan ditaja terus oleh penganut. Nilai derma seperti itu tidak dicatatkan secara rasmi, dan anggaran-anggaran yang diberikan sahaja yang menjadi rujukan dalam kajian ini.

Namun, kebanyakan kuil kelihatan *'hidup'* hanya pada musim *thiruvizha* dirancang dan diadakan, seolah-olah itu sahajalah matlamatnya. Ada kuil yang tidak memungut yuran keahlian kerana bimbang akan disoal tentang aktiviti sepanjang tahun – dan memungut derma daripada penganut hanya pada musim *thiruvizha*. Nyatalah, *thiruvizha* tahunan ini menjadi program paling utama bagi setiap kuil, kerana ia menyatukan semua penganut pada *dewa/dewi* yang bersemayam di kuil berkenaan, dan memberikan gambaran bahawa jawatankuasa kuil itu terus aktif.

KUMBABISHEGAM

Setiap 12 tahun sekali, pada lazimnya sesebuah kuil perlu mengadakan *kumbabishegam* sebagai upacara menyuci semula kuil berkenaan. Upacara keagamaan yang mengambil 5 hingga 9 hari mengikut hitungan berdasarkan takwim Hindu, dirancang selama beberapa tahun sebelumnya. Segala pembaikan, penambahan pada bangunan serta kemudahan sampingan dilakukan, dikenakan cat baharu dan diperkemas seluruh kuil sebelum meraikan *kumbabishegam* di sesebuah kuil.

Kumbabishegam memang mempunyai tujuan yang tersirat agar para penganut kuil berkenaan mempunyai perancangan untuk membuat pembaharuan, baik dari segi struktur, mahupun dari segi kemudahan di kuil, mengikut kemampuannya, agar kuil kelihatan sentiasa

CamScanner

terpelihara sebagai tempat beramal ibadat yang bersih, kemas lagi suci. Hal ini menyebabkan jawatankuasa yang mentadbirkan sesebuah kuil untuk memikirkan dan merancang pembangunan serta menunaikannya setiap 12 tahun sekali. Namun, bukan semua kuil di negeri Melaka dapat melakukannya akibat pelbagai kekangan.

Jadual 27: SAMBUTAN KUMBABISHEGAM DI KUIL-KUIL HINDU DI MELAKA

DAERAH	MELAKA TENGAH	JASIN	ALOR GAJAH	JUMLAH
SEBELUM 2000	1	2	5	8
2001-2010	8	10	16	34
2011-2015	8	7	8	23
2016-2019	4	9	7	20
JUMLAH	**21**	**28**	**36**	**85**

KEKANGAN MENGADAKAN *KUMBABISHEGAM*

Apabila perancangan dibuat, soal kewangan menjadi hal utama kerana perbelanjaan untuk majlis ini lebih besar daripada '*thiruvizha*' tahunan, dan pembaharuan mestilah jelas pada semua penganut semasa upacara ini berlangsung. Apabila kuil baharu dibina, majlis ini sebenarnya merupakan perasmian kuil, kerana dianggap kuil mendapat segala kesaktian melalui upacara-upacara majlis ini. Ada juga pihak kuil membawa pakar-pakar seni ukir dari Tamil Nadu untuk menghiasi dinding, membina *koburam* atau menara, membuat patung atau vigraha dewa dewi dengan ukiran-ukiran yang kreatif dan berunsur seni sebagai persiapan untuk *kumbabishegam*.

Namun, jawatankuasa kuil kadang-kadang menangguhkan tarikh *kumbabishegam* atas sebab-sebab tertentu. Jika kita lihat akan jadual 27, kita dapati hanya 85 buah kuil di Melaka pernah mengadakan *kumbabishegam* selama ini, sekurang-kurangnya sekali. Yang lain tidak mengadakan majlis ini kerana kurang berupaya dari segi kewangan, dan/atau memandangkan bahawa kuil mereka berada di tanah orang lain, atau kerana menganggap bahawa kuilnya bersaiz kecil sahaja, yang lebih merupakan *'kula dheivam'* dan tidak memerlukan majlis penyucian seperti ini.

Antara 85 kuil yang pernah mengadakan majlis ini, hampir 30 buah kuil tidak dapat menjalankan majlis ini selang 12 tahun kerana masalah kewangan, dan kerana menunggu kuilnya dialih ke tanahnya sendiri nanti. Hal ini sedemikian kerana pengurusan kuil sudah mula khuatir tentang kesan perbelanjaan besar dalam membaharui dan mengembangkan kuil di tanah orang lain, dan jika kuil tidak dibenarkan terus kekal di situ, segala perbelanjaan akan menjadi sia-sia sahaja.

KOS *KUMBABISHEGAM*

Semasa kajian ini dilakukan, *kumbabishegam* yang paling jimat pun menelan perbelanjaan hampir RM30,000, manakala ada juga *kumbabishegam* yang diadakan di negeri Melaka dengan ongkos yang mencecah RM600,000. Perbelanjaan ini bergantung pada jenis-jenis pembaharuan yang dirancang untuk memberikan wajah yang baharu pada kuil sehingga pembaharuan selang dua belas tahun nanti.

CamScanner

Majlis *kumbabishegam* diketuai oleh *gurukkal-gurukkal* yang bertauliah, kadang-kadang didatangkan dari Tamil Nadu atau dari luar negeri Melaka mengikut kemampuan pengurusan kuil, dengan program-program agama yang padat. Para penganut agama Hindu menghadiri majlis ini dengan lebih meriah daripada semasa '*thiruvizha*' tahunan biasa. *Thiruvizha* dan *kumbabishegam* digabungkan pada tahun berkenaan oleh pihak kuil.

Perancangan untuk mengadakan *kumbabishegam* dilakukan dengan teliti dan semua penyokong dan ahli jawatankuasa dikerah oleh pengerusi jawatankuasa *kumbabishegam*, dan terbentuk beberapa tahun sebelum tarikh sebenar. Segala pembaharuan, pertambahan memang difikirkan dan anggaran perbelanjaan dihitung. Kemudian usaha untuk mencari penderma, penaja, pembantu dimulakan mengikut jadual yang ditetapkan. Kehadiran dalam *kumbabishegam* selalunya melebihi kehadiran semasa *thiruvizha* diadakan, kerana banyak juga penganut dari luar kawasan menghadiri upacara-upacara dalam majlis ini.

PERANAN *GURUKKAL*

Gurukkal yang bertauliah dapat membantu para penganut agama Hindu untuk menetapkan hari dan masa yang baik untuk sesuatu perlakuan mahupun tugas, termasuk majlis perkahwinan, pertunangan, *pooja* khas pada peringkat keluarga atau permulaan sesuatu perusahaan berpandukan pada *panjanggam* atau buku rujukan takwim Hindu. Mereka terlatih untuk menghitungkan masa yang baik untuk sesuatu majlis dan permulaan, dan yang benar-benar bertauliah dapat menilik nasib seseorang mengikut beberapa kriteria, termasuk tarikh dan masa kelahiran, butir-butir ibu bapa dan pusingan *graha* mengikut astrologi. Jika ada apa-apa bala yang dianggap menyukarkan hidupnya, *gurukkal* yang mahir akan memberikan nasihat tentang upacara-upacara mahupun tindakan-tindakan yang perlu diambil. Jika penganut bersetuju untuk mengadakan upacara menolak bala, sama ada di rumahnya sendiri ataupun di kuil, *gurukkal* akan mengetuai upacara-upacara itu.

Memang dikenakan bayaran untuk upacara-upacara ini, bergantung pada jenis upacara yang dicadangkan. Baru-baru ini ada rungutan dalam kalangan penganut bahawa upacara-upacara seperti ini makin mahal dan lebih kerap dicadangkan oleh *gurukkal*. *Gurukkal* yang tidak bertauliah, tetapi berpengalaman juga dapat memberikan nasihat dan menjalankan upacara menolak bala kepada para penganut yang menghampirinya apabila menghadapi sesuatu masalah dalam kehidupannya. Sesetengah penganut memang menganggap ada *gurukkal* yang kini mengambil kesempatan untuk mencari keuntungan daripada penganut yang lebih cenderung untuk menuruti pandangan dan nasihat *gurukkal* tanpa soal.

TILIKAN NASIB MELALUI *ARULVAAKKU*

Dalam perkembangan kuil-kuil Hindu di Tamil Nadu dahulu, telah ada tradisi apabila *poosari* dituruni dewa atau dewi utama kuil berkenaan, dan, melaluinya memberikan ramalan nasib seseorang, mahupun, mencadangkan upacara yang perlu dijalaninya oleh penganut yang menghadapi sesuatu masalah dalam hidupnya. Dalam kalangan masyarakat Tamil/Hindu lama, cara ini telah menjadi suatu kelaziman untuk menilik nasib untuk diri atau keluarga, khususnya di kawasan-kawasan pedalaman. Namun, arus pemodenan dalam agama Hindu tidak mengiktirafkan kaedah ini lagi, dan *gurukkal* yang bertauliah tidak lagi terlibat dalam aktiviti ini, walaupun, hingga sekarang masih ada kuil-kuil bagi dewa dewi yang dianggap *'kuladheivam'*, mengamalkan hal ini. Di Tamil Nadu juga amalan ini masih wujud, khususnya melalui *poosari* di kuil-kuil *'kuladheivam'*.

Semasa kajian ini dilakukan, didapati masih ada 21 buah kuil di Melaka yang mempunyai *poosari* atau ketua agama yang mengamalkan pernyataan ramalan ini pada saban hari ataupun pada hari dan ketika yang tertentu. Masing-masing menggunakan kuilnya sebagai pusat untuk

CamScanner

memberikan perkhidmatan ini, dan mendapat bayaran saguhati daripada penganut-penganut yang menerima perkhidmatan mereka. Di daerah Melaka Tengah ada 5 buah kuil, di Jasin ada 8 buah kuil dan di Alor Gajah ada 8 buah kuil yang memberikan '*arulvaakku*' ini, iaitu 'ramalan yang diberikan oleh *dewa/dewi* melalui *poosari* sebagai medianya. Para penganut percaya bahawa *dewa/dewi* menurun pada *poosari*, dan semasa *poosari* dituruni, segala percakapannya adalah daripada *dewa/dewi* itu sendiri dan ditujukan khusus pada dirinya, dan harus dipatuhi. Ada pula *poosari* dituruni oleh 'datuk' atau `*ayyah*' yang bertutur dalam bahasa Melayu apabila dituruni, tetapi bercakap dalam bahasa Tamil apabila dewa dewi Tamil menuruninya. Ada antara kuil yang memberikan perkhidmatan '*arulvaakku*' ini didatangi oleh penganut dari luar negeri Melaka di Malaysia, bahkan dari luar negara seperti India, Singapura, Amerika Syarikat, Kanada, United Kingdom dan Australia. Kini pihak-pihak yang memberikan perkhidmatan ini menganggap diri mereka sebenarnya memberikan kaunseling pada para penganut yang berjumpa dengan mereka dengan masalahnya. Mereka merujuk pada penganut-penganut yang begitu berpuas hati dan sering kembali kepada mereka untuk mendapatkan perkhidmatan ini secara berterusan, sebagai bukti keberkesanan perkhidmatan *'kaunseling'* mereka.

Ada beberapa kuil yang sangat popular dalam memberikan perkhidmatan ini, sehingga orang kenamaan, ahli politik dan bintang filem dari dalam dan luar negara Malaysia pun datang ke Melaka untuk mendapatkan perkhidmatan ini. Kuil-kuil ini nampaknya dapat berdikari tanpa bantuan pihak lain kerana pendapatannya agak terjamin apabila ramai penganut mahupun penyokong daripada bukan beragama Hindu sekalipun mendapatkan perkhidmatan *'kaunseling'* yang ditawarkannya.

MAJLIS PERKAHWINAN TRADISIONAL DI KUIL

Lazimnya kuil dianggap tempat yang terbaik untuk mengadakan majlis perkahwinan tradisional Hindu dalam kalangan masyarakat Tamil sejak dahulu lagi. Oleh sebab bangunan kebanyakan kuil Hindu di negeri Melaka agak kecil dan tiada kemudahan yang mencukupi untuk menjalankan sesuatu majlis perkahwinan yang sempurna, ramai juga pernah mengadakan majlis perkahwinan di pekarangan rumahnya sendiri, dan selepas majlis disempurnakan, kedua-dua pengantin dan kaum keluarga terdekat mengunjungi kuil untuk mendapat restu daripada dewa dewi idaman masing-masing.

Pada masa ini banyak juga perkahwinan diadakan di dewan-dewan umum atau di hotel mengikut kemampuan masing-masing. Tetapi, selepas majlis perkahwinan berlangsung, pengantin lazimnya mengunjungi kuil untuk mendapat restu secara tradisional.

Semasa kajian ini dilakukan, sebanyak 90 kuil di Melaka mengaku bahawa majlis perkahwinan tradisional pernah dilangsungkan di kuilnya, walaupun sebilangannya tidak meneruskannya lagi kerana kemudahan yang terhad. Sebanyak 37 buah kuil mengaku perkahwinan di kuilnya terus berlaku dan pendaftaran perkahwinan diserahkan pada pihak pengantin, dan hanya selepas ada bukti melalui sijil perkahwinan, majlis dilangsungkan di kuilnya. Kadang-kadang, pendaftar dijemput hadir bersama dalam majlis ini.

Hanya 5 buah kuil mempunyai pendaftar perkahwinan yang bertauliah, dan menawarkan semua kemudahan untuk majlis perkahwinan, walaupun, sehingga kajian ini berlangsung, belum ada satu pun kuil yang benar-benar memiliki *'kalyana mandapam'* ataupun dewan perkahwinan Hindu yang serba lengkap di negeri Melaka. Kini pengurusan kuil yang membenarkan majlis perkahwinan sering menyewa khemah dan kemudahan tambahan apabila sesuatu majlis perkahwinan memerlukannya – sama seperti yang dilakukan semasa *thiruvizha* atau *kumbabishegam* diadakan.

CamScanner

BAHAGIAN A

HIDANGAN DAGING DI KUIL

Secara umum, makanan sayur-sayuran sahaja dibenarkan di kuil-kuil Hindu. Namun, dari segi sejarah, sebelum agama Hindu tersebar dalam kalangan masyarakat Tamil, orang-orang Tamil telah mempunyai sistem pemujaan alam semesta, dan yang hidup sebagai pemburu, nelayan dan petani percaya terhadap kuasa-kuasa ghaib yang perlu diamankan supaya mereka dapat hidup dengan selamat dalam alam ini. Pada masa itu pengorbanan ayam dan kambing telah menjadi amalan, sebagai usaha untuk mendapatkan perlindungan daripada sebarang bahaya, sama ada di tempat tinggalnya mahupun di tempat mencari nafkah hidup mereka.

Walaupun dalam deretan zaman, masyarakat Tamil menerima agama Hindu, namun, amalan-amalan lama masih dipertahankan oleh kumpulan-kumpulan tertentu khususnya di kawasan pedalaman. Ada juga pemimpin agama Hindu semasa yang mempertahankan amalan ini dan mendakwa bahawa ia tidak bertentangan dengan agama Hindu kerana agama ini tidaklah begitu rigid dari segi peraturannya. Dari segi sejarah, agama Hindu memang begitu demokratik sehingga menerima amalan-amalan yang telah sedia ada di sesuatu lokasi, asalkan seseorang penganut mempercayai Tuhan sebagai Yang Maha Berkuasa dan sanggup hidup sebagai seorang Hindu. Ciri liberal ini menyebabkan banyak kelainan dari segi amalan agama Hindu jika kita kaji gaya hidup masyarakat Hindu di seluruh dunia.

Oleh sebab kebanyakan orang Tamil/Hindu yang dibawa oleh pihak British untuk bekerja di Melaka terdiri daripada masyarakat dari kampung-kampung pedalaman di Tamil Nadu yang masih mengamalkan pujaan pada dewa dewi perlindungan, dan biasa mengorbankan kambing atau ayam untuk mendapatkan restu dan perlindungan daripada dewa dewi berkenaan, maka tidak hairanlah amalan ini masih ada di sekurang-kurangnya 32 buah kuil, iaitu 10 di daerah Melaka Tengah, 8 di daerah Jasin dan 14 di daerah Alor Gajah. Ada antaranya juga memberikan perkhidmatan '*arulvaakku*' atau kaunseling dengan penurunan *dewa/dewi* pada *poosari* atau ketua agama kuil berkenaan.

KEHADIRAN DI KUIL YANG MENGHIDANGKAN DAGING

Pada masa kajian ini dijalankan, kehadiran di kuil-kuil yang mengorbankan kambing/ayam dan menghidangkan makanan daging memanglah melebihi kehadiran di kuil-kuil yang melarang hidangan daging sama sekali, khususnya dalam kalangan pemuda-pemuda Hindu. Pemuda-pemuda yang tidak begitu berminat untuk menghadiri aktiviti atau program-program pendidikan agama di kuil-kuil lazim Hindu menunjukkan minat untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti di kuil yang menghidangkan daging, khususnya pada masa-masa makanan daging disediakan untuk dihidangkan pada penganut dan pelawat.

ALIRAN UTAMA AGAMA HINDU MELARANG PENGORBANAN NYAWA DAN HIDANGAN DAGING

Perkembangan terkini dalam agama Hindu tidak membenarkan daging dihidangkan dalam kuil-kuil mahupun dalam majlis-majlis yang berkaitan agama. Misalnya, ada usaha untuk tidak menghidangkan daging semasa majlis perkahwinan, mahupun semasa merayakan perayaan seperti Deepavali. Namun, memandangkan kebanyakan dalam masyarakat kini sudah biasa makan daging di rumahnya, dan sebenarnya lebih menggemari makanan daging daripada sayur-sayuran sahaja, pelaksanaan peraturan ini tidaklah mudah.

Lebih-lebih lagi, ada juga ahli agama Hindu yang memberikan hujah bahawa Tuhan akan menerima hidangan daging juga jika dihidangkan dengan rela hati oleh penganutnya dalam agama Hindu. Mereka selalunya memetik cerita bagaimana penganut setia yang menghidangkan

CamScanner

daging – yang menjadi makanan biasanya – kepada *Dewa/Dewi*, dan bagaimana penganut itu mendapat restu sepenuhnya daripada *Dewa/Dewi* itu dalam cerita-cerita mitos Hindu zaman silam. Memang ada cerita-cerita dalam kitab-kitab lama yang menunjukkan kepelbagaian cara hidup dan, bagaimana masing-masing menyerah diri pada Tuhan dengan penuh rela hati, dan mendapat restu yang sempurna daripada-Nya. Hal-hal inilah menyukarkan mana-mana pihak untuk menyediakan peraturan-peraturan untuk menyeragamkan amalan-amalan dalam agama Hindu hingga ke masa ini.

Konsep '*ahimsa*' yang diutamakan dalam ajaran agama Hindu memang menggalakkan penganutnya supaya mengelakkan diri daripada mengorbankan hidupan dalam amalan hidupnya. Ada juga pandangan dalam kalangan sesetengah penganut Hindu bahawa yang benar-benar mematuhi prinsip '*ahimsa*' lebih suci sebagai penganut agama Hindu berbanding dengan yang makan daging. Misalnya penganut Hindu yang terdiri daripada kasta Brahmin mengehadkan diri mereka dengan makanan sayur-sayuran sahaja dan menonjolkan diri mereka sebagai pengamal agama Hindu yang suci.

BADAN UNTUK MENYELARASKAN FAHAMAN AGAMA HINDU DI MALAYSIA

Di Malaysia tiada badan yang dapat mengawal perjalanan kuil-kuil Hindu, dan dapat menyelaraskan aktiviti-aktiviti agama di kuil sehingga sekarang. *Malaysia Hindu Sangam* dan *Malaysia Hindhudharma Maamandram* memang wujud untuk membawa sesuatu penyelarasan dalam amalan-amalan agama Hindu di Malaysia, tetapi segala nasihat mahupun peraturan yang disediakan olehnya tidak pula diterima oleh semua pihak, dan ada pihak yang masih tidak dapat dipengaruhi untuk mematuhinya, kerana badan-badan ini tiada kuasa untuk menguatkuasakannya dari segi undang-undang. Banyak kuil di Melaka tidak mahu menjadi ahli dalam *Malaysia Hindu Sangam* manakala yang menjadi ahli pun, tidak mematuhi garis panduan yang disediakan dan diedarkan oleh badan itu.

Namun, *Malaysia Hindu Sangam* dan *Malaysia Hindhudharma Maamandram* memang terus menyediakan bahan-bahan rujukan dan pedoman pada yang ingin mematuhinya, walaupun sifat demokrasi yang begitu liberal dalam kalangan penganut Hindu terus menyebabkan pelbagai amalan mengikut selera masing-masing.

Dalam keadaan inilah, kuil-kuil yang menghidangkan daging menjadi tarikan, khususnya dalam kalangan pemuda-pemuda Hindu, yang rata-ratanya kurang pendedahan terhadap ajaran-ajaran agama Hindu yang telah menerima perubahan mengikut zaman moden ini. Hal ini perlu diambil perhatian agar penumpuan golongan muda seperti ini tiada pengaruh negatif dalam kalangan pemuda-pemuda yang sering menziarahinya, dan menjadikannya sebagai pusat aktiviti mereka.

Namun, kuil-kuil Hindu yang mematuhi pedoman yang diberikan dalam agama Hindu zaman ini lebih banyak beroperasi di Melaka, dan menjadi intipati kuil-kuil Hindu di Melaka, walaupun aktiviti mahupun program di kuil-kuil ini belum dapat menarik lebih ramai golongan muda untuk terlibat secara aktif. Jelaslah, kuil-kuil ini masih belum berupaya untuk mengaturkan aktiviti-aktiviti yang dapat menarik minat penganut Hindu pada berbagai-bagai peringkat umur.

CamScanner

KESIMPULAN DARI SEGI PENTADBIRAN SEMASA

Nyatalah, kebanyakan jawatankuasa kuil di Melaka tidak mempunyai keupayaan untuk mengangkat taraf sehingga menjadikan kuil sebagai pusat pendidikan agama yang dapat membentuk peribadi penganut Hindu yang dicita-citakan oleh agama Hindu.

Hal ini dapat dikaitkan pada penurutan aktiviti di kuil turun-temurun tanpa suntikan pembaharuan kerana pentadbiran di tangan penganut yang tidak peroleh pendedahan pada pendidikan agama Hindu mahupun tatacara mengendalikan pusat agama yang berupaya menjadi pedoman hidup pada penganut-penganut setianya.

Juga, kebanyakan kuil ini terletak di kawasan perburuhan yang tidak mempunyai kekuatan ekonomi untuk mengangkat status kuilnya ke tahap yang lebih tinggi. Hal ini ditambah pula dengan sikap kurang bekerjasama dalam kalangan penganut yang tinggal di kawasan yang berhampiran, tetapi masing-masing kumpulan mahukan kuilnya sendiri. Sikap ini sudah menebal sejak berpuluh tahun lamanya, sehingga masih menjadi penghalang untuk bekerjasama antara satu sama lain, yang menyebabkan banyak kuil wujud dalam lingkungan 5 kilometer di antara satu sama lain.

Pada masa ini pun permohonan untuk kuil baharu dilakukan walaupun ada beberapa kuil Hindu yang sedia wujud berhampiran lokasi berkenaan. Sikap ingin menjadi pemimpin kuil lebih tinggi daripada sikap ingin berbakti pada penganut Hindu dengan menyediakan kemudahan yang terbaik mungkin, supaya setanding dengan yang terbaik di mana-mana jua tempat! Sifat ingin bergabung dengan kuil-kuil jiran untuk menjayakan aktiviti agama juga sukar dikesan semasa kajian ini dijalankan.

CamScanner

DIMENSI KETIGA
KEWANGAN

Hal-hal yang berkaitan dengan kewangan memang dianggap sensitif oleh kebanyakan pengurus kuil semasa kajian ini dijalankan, dengan kebanyakan responden tidak mahu menunjukkan atau memberikan penyata kewangan kuil. Hal kewangan dianggap 'rahsia' dalam kalangan jawatankuasanya sahaja, dan penyata yang disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan juga dianggap sulit antara mereka dan pendaftar berkenaan sahaja.

Hanya persatuan-persatuan kuil yang mengadakan mesyuarat agung tahunan dan membentangkan penyata tahunan secara bertulis kepada ahli-ahlinya mengikut peraturan dalam perlembagaan persatuan berkecuali – namun, banyak juga kuil jenis ini mempunyai keahlian yang terhad dalam kalangan ahli keluarga dan sahabat handai, sehingga penyata itu tidak dapat diperoleh untuk kajian ini.

Hampir semua responden memberitahu bahawa penyata kewangan yang disediakan hanya menunjukkan perbelanjaan daripada jawatankuasa persatuan kuil, manakala kebanyakan perbelanjaan dilakukan oleh penganut secara langsung dan tidak dapat dihitungkan – oleh itu, penyata kewangan yang ada pada persatuan kuil tidaklah lengkap sebenarnya. Walaupun hal ini benar pada semua kuil, rasa kurang senang untuk berkongsi maklumat kewangan yang ada dalam kalangan pengurusan kuil memanglah suatu hakikat yang terpaksa diterima semasa kajian ini dilakukan.

ANGGARAN PERBELANJAAN DAN PENDAPATAN

Demi menjayakan kajian ini, anggaran perbelanjaan tahunan sahaja diterima daripada responden setiap kuil, dan kebanyakan mereka sedia memberikan anggaran pendapatan dan perbelanjaan. Di sini juga ada sebilangan pengurusan kuil sama sekali tidak mahu memberikan apa-apa anggaran sekalipun, kerana dengan terang-terang mereka menyatakan bahawa hal itu bukanlah sesuatu yang dapat diberitahu pada *'pihak ketiga'.*

Kebanyakan kuil bergantung pada derma ikhlas daripada para penganut, dermawan khas, dan ahli-ahli politik untuk mengadakan acara-acara '*thiruvizha*' mahupun pembaikan pada bangunan dan prasarana di kuil. Kadang-kadang ada yang mengadakan projek mencari dana melalui cabutan bertuah, jualan barang-barang sembahyang, jualan kalendar, pertunjukan kebudayaan, dan sebagainya.

PENDAPATAN MELALUI POOJA DAN *UBAYAM*

Pungutan bayaran untuk pooja harian, dari RM2 hingga RM5, selalunya diambil oleh *gurukkal* atau *poosari*. Cuma bayaran yang diberikan resit untuk pooja khas semasa pandigai atau *thiruvizha*, sampai pada jawatankuasa kuil. Demikian juga bayaran untuk *ubayam*, RM150 – RM4,500 akan sampai pada jawatankuasa yang akan mengagihkannya untuk perbelanjaan tertentu – dan baki disimpan oleh jawatankuasa kuil.

Ubayam atau pooja khas dilakukan dengan pelbagai cara mengikut amalan agama Hindu, dan *gurukkal* dan jawatankuasa kuil akan menentukan jenis-jenis *ubayam* yang dapat dijalankan di kuil berkenaan. Kadang-kadang *gurukkal* di kuil akan menasihati penganut untuk menjalani *pooja* khas untuk menghindarkan bala tertentu, dan bayaran khas ditentukan oleh *gurukkal.* Bayaran jenis ini selalunya terserah kepada *gurukkal,* dan kadang-kadang upacara dijalankan di rumah penganut berkenaan.

CamScanner

Demikian juga bayaran untuk menilik tarikh-tarikh dan masa-masa yang sesuai untuk melakukan atau memulakan sesuatu hal seperti perkahwinan, berpindah rumah dan sebagainya terserah pada *gurukkal.* Upacara-upacara di rumah penganut adalah dalam bidang *gurukkal* dan pihak kuil tidak terlibat asalkan masa terluang *gurukkal* digunakan untuk hal-hal ini.

Namun, ada kuil mempunyai peraturan yang menentukan bayaran-bayaran bagi perkhidmatan *gurukkal* ataupun ahli-ahli muzik yang diupah sepenuh masa – khususnya yang didatangkan dari Tamil Nadu, mengikut peraturan yang dikenakan oleh jabatan imigresen. Dalam hal ini, Jawatankuasa Kuil menentukan kadar yang patut disampaikan pada pihak kuil.

KUIL-KUIL YANG MEMBERIKAN PERKHIDMATAN *ARULVAAKKU*

Kuil-kuil yang mengenakan bayaran yang tinggi untuk *ubayam* dan untuk khidmat *arulvaakku* memang berpendapatan lebih – dan tiada kepastian sama ada wang ini termasuk dalam akaun kuil atau akaun peribadi ketua kuil di situ, kerana kebanyakan kuil jenis ini enggan memberikan akaun kuil untuk kajian ini, walaupun ada antaranya menyampaikan hanya anggaran perbelanjaan. Ketua kuil jenis ini memang memegang peranan penting dalam jawatankuasanya dan hal-hal kewangan memang dianggap sulit.

PENDAPATAN SEMASA PERAYAAN

Kuil-kuil yang mengadakan *thiruvizha* dengan penyertaan penganut yang ramai memang mengenakan bayaran-bayaran yang ditetapkan untuk setiap perkhidmatan di kuil dengan mengeluarkan resit. Kuil-kuil yang besar, yang menarik ramai penganut semasa sesuatu perayaan memang mempunyai senarai bayaran yang dikenakan untuk sesuatu jenis perkhidmatan di kuil, termasuk *pooja* atau *archana* yang dikendalikan oleh *gurukkal*. Kuil-kuil ini memang mengamalkan pemberian resit untuk penerimaan wang, dan seterusnya menyediakan akaun yang lebih teliti, dan dibentangkan dalam mesyuarat agungnya.

Misalnya, Kuil MT22 *Sri Subramaniar Thevasthanam* di Batu Berendam menyediakan senarai bayaran untuk setiap jenis *pooja* dan perkhidmatan di kuilnya secara bertulis pada penganutnya seperti berikut :

BAYARAN BAGI PERKARA	RM	BAYARAN BAGI PERKARA	RM
Pooja Harian (buah-buahan)	2.00	Pooja Harian (Kelapa)	3.00
Nei Vilakku	2.00	Nei Vilakku & Archana	3.00
El Vilakku & Archana	5.00	Kelapa untuk dipecah	2.00
Archana untuk kereta	30.00	Archana untuk motosikal	15.00
Archana untuk lori/bas	50.00	*Ubayam* (Hari Jumaat)	150.00
Ubayam (Powranami)	150.00	108 Sanga Abishegam	501.00
1008 Sanga Abishegam	1,000.00	Pooja semasa Thiruvizha	5.00
Bercukur Rambut (*Thiruvizha*)	10.00		

CamScanner

Kuil ini juga menyediakan kemudahan untuk majlis perkahwinan di dewan serbagunanya dengan bayaran-bayaran yang berikut:

PERKARA	RM
Bayaran asas pada kuil	500.00
Melam/Nadhaswaram	450.00
Pendaftaran Perkahwinan	180.00
Gurukkal	400.00
Pembersihan	200.00

Kuil-kuil yang ada pentadbiran yang kemas memang mempunyai peraturan, kadar bayaran mahupun arahan-arahan yang bertulis yang dipaparkan untuk pengetahuan semua penganut. Kuil-kuil yang dikunjungi penganut dari lokasi-lokasi yang berlainan, yang mempunyai keahlian yang tinggi, dan aktif dalam mengadakan pelbagai program di kuil memang ada garis panduan yang jelas.

JAWATANKUASA KUIL DAN PENGANUT KUIL DALAM LINGKUNGAN TERHAD

Hal yang sama tidak dapat dilihat di kuil-kuil yang keahliannya dan kunjungan penganut yang kurang, dan terhad pada lokasi yang tertentu. Hal ini sedemikian kerana yang kendalikan kuil dan yang mengunjunginya saling berkenalan dan perhubungan yang tidak formal wujud dengan tiada keperluan hal-hal kuil dilakukan secara bertulis.

Soal amanah sering ditimbulkan, dan sebarang soalan tentang kewangan dianggap seolah-olah ketua dianggap tidak beramanah – oleh itu, sebarang apa yang disampaikan oleh ketua diterima sebagai betul untuk mengekalkan pertalian yang harmoni dalam masyarakat setempat. Kadangkala, hal seperti ini menghindarkan anak-anak muda yang terdidik dan ada keinginan untuk bertanya dan mengetahui lebih lanjut, daripada turut melibatkan diri dalam hal-hal kuil.

AKAUN BANK

Oleh itu, tidak hairanlah apabila didapati hanya 82 buah kuil, 28 di daerah Melaka Tengah, 29 di daerah Jasin dan 25 di daerah Alor Gajah, mempunyai akaun bank yang dikendalikan, sama ada oleh dua atau tiga orang pemegang jawatan. Akaun kebanyakan kuil lain dikendalikan oleh pengerusi sahaja, kadang-kadang melalui akaun bank peribadi, dan kadang-kadang tanpa sebarang akaun khusus untuk urusan kuil. Kuil-kuil yang hanya mengumpulkan wang untuk mengadakan *thiruvizha* tahunan, dan tiada program-program lain selalunya tergolong dalam kategori 'kais pagi makan pagi kais petang makan petang' ini, dan tiada akaun di bank. Kebiasaan ini berlanjutan dari dahulu lagi, dan penganut yang sudah biasa dengan amalan ini menerimanya sebagai kelaziman yang tidak perlu diubah.

KUIL KELUARGA

Juga, terdapat 47 kuil yang lebih mirip pada kuil keluarga, kerana dikawal oleh lingkungan kekeluargaan, termasuk sahabat handai, atau, kerana ketua kuil memiliki tanah, atau, menjadi inti dalam aktiviti-aktiviti kuil seperti memberikan *'arulvaaku'*. Jika pun kuil-kuil ini didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan, penyata kewangan yang disampaikan selalunya ditentukan oleh ketua kuil yang paling berpengaruh di situ. Sebarang soalan yang menyentuh kewangan dianggap sensitif oleh pengurus kuil jenis ini.

CamScanner

ANGGARAN PERBELANJAAN DAN PENDAPATAN

Jadual 28 memaparkan anggaran perbelanjaan tahunan kuil bagi hal-hal yang berulang – tidak termasuk aspek pembangunan atau projek-projek khas di kuil. Sebilangan pengurusan memang tidak mahu memberikan maklumat pendapatan dan perbelanjaan kuil. Lebih banyak kuil tidak mahu memberitahu hal-hal tentang pendapatan dan derma yang diterimanya. Anggaran perbelanjaan ini memberikan serba sedikit gambaran tentang kedudukan kewangan kuil-kuil Hindu di negeri Melaka.

Kuil-kuil yang 'hidup' bermusim untuk '*thiruvizha*' sahaja, dan yang kini terletak di kawasan yang kurang penganut agama Hindu sekarang, dan dikunjungi hanya untuk perayaan tahunan sahaja, jelas mengeluarkan perbelanjaan kurang daripada RM10,000 setahun. Sebanyak 46.5 % kuil Hindu daripada 127 yang memberikan anggaran perbelanjaan tergolong dalam kategori ini. 39 % lagi, atau 47 buah kuil pula berbelanja antara RM10,001 dan RM50,000, manakala yang berbelanja di antara RM50,001 dan RM100,000 adalah 12 buah kuil, atau 9.4 %. Cuma 9 buah kuil di Melaka, atau 7.1% yang berbelanja lebih daripada RM100,001 setahun.

KEMAMPUAN KEWANGAN KUIL

Walaupun kebanyakan angka ini berdasarkan anggaran sahaja, namun, ia memberikan gambaran yang agak jelas tentang kemampuan kewangan kuil-kuil Hindu di Melaka. Sebilangan besar kuil-kuil ini tidak berupaya atau mampu untuk menganjurkan program-program yang besar, mahupun menggajikan pegawai agama yang berkelayakan dan meninggikan imej serta peranan kuilnya dalam kalangan penganutnya.

Dalam pada itu, ada juga tanggapan bahawa, jika kuil mempunyai kewangan yang banyak, akan timbul persaingan untuk merebut kepimpinan oleh pihak lain – kerana akan timbul kumpulan-kumpulan yang kurang menyenangi pimpinan yang sedia ada. Oleh itu, sebaik-baiknya dasar ialah kumpulkan kewangan yang secukupnya hanya untuk aktiviti lazim, tanpa melakukan perubahan yang mungkin mengundang minat yang tidak diingini sehingga mencabar kepimpinan yang sedia ada.

Jadual 28: ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUNAN KUIL-KUIL DI MELAKA

DAERAH	- RM5,000	5001-10,000	10,001-20,000	20,001-50,000	50,001-100,000	100,000 +	JUMLAH
MELAKA TENGAH	6	8	4	5	7	4	*34*
JASIN	8	9	11	9	3	1	*41*
ALOR GAJAH	13	15	16	2	2	4	*52*
JUMLAH	27	32	31	16	12	9	*127*
PERATUS	**21.3 %**	**25.2 %**	**26.4 %**	**12.6 %**	**9.4 %**	**7.1 %**	

Nota: Anggaran diterima daripada 127 pengurusan kuil sahaja. Yang lain enggan memberikan maklumat ini. Kebanyakan pengurusan memberitahu bahawa banyak perbelanjaan di kuil dilakukan oleh penganut secara langsung, tanpa melalui pengurusan kuil. Ada juga yang mengaku bahawa perbelanjaan dilakukan oleh pengerusi sendiri tanpa mengharapkan penganut lain.

CamScanner

KEUPAYAAN MENGUMPUL DANA UNTUK KUIL

Keupayaan untuk mengumpulkan dana tidaklah sama dalam kalangan kuil. Kuil-kuil yang lebih besar, dan diselenggarakan oleh jawatankuasa yang lebih berpengaruh memang dapat mengumpulkan dana yang mencukupi untuk program-programnya, manakala yang lain mengehadkan aktiviti mereka pada waktu perayaan tahunan ataupun '*thiruvizha*' sahaja.

Mereka mendapati, lebih mudah untuk mencari dana yang mencukupi untuk '*thiruvizha*' daripada penganut-penganut yang sanggup membantu setiap tahun. Jika ingin melakukan yang lebih, mereka keberatan untuk menghampiri penganut yang sama untuk mendapatkan derma. Kebanyakan kuil pula tidak mempunyai ahli yang berdaftar kerana tidak mahu memungut yuran keahlian setiap bulan ataupun setiap tahun kerana ahli seperti ini mungkin tidak mahu menderma lagi semasa *thiruvizha* diadakan. Hal ini agak ketara di kuil-kuil di kawasan pedalaman, khususnya yang tiada banyak keluarga tinggal berhampiran dengan kuil. Satu lagi faktor ialah bilangan keluarga Hindu di negeri Melaka tidak mungkin mengongkosi semua aktiviti di semua 146 kuil di Melaka, kerana bilangan kuil yang begitu banyak.

Kadang-kadang ketiadaan ahli yang berdaftar menyukarkan pihak kuil untuk mendapatkan tenaga bantuan untuk hal ehwal kuil. Tetapi, pada kebanyakan penganut, pemberian derma semasa *thiruvizha* dianggap mereka diterima sebagai 'ahli' kuil berkenaan, walaupun mereka tidak diberikan apa-apa keistimewaan yang lain di kuil berkenaan. Keadaan ini begitu bebas sehingga penganut menganggap kehadiran semasa *thiruvizha* sahaja mencukupi, tanpa penglibatan tambahan. Keadaan ini memanglah menyempitkan peluang untuk menyediakan program tambahan di kuil mahupun mendapatkan kedatangan daripada para penganut ke kuil untuk program-program tambahan di situ.

SUMBANGAN AHLI POLITIK DAN KERAJAAN

Sejak ahli-ahli politik mula menghulurkan derma terhadap aktiviti kuil, mahupun pembinaan atau membaik-pulih kuil, banyak pengurusan kuil mula bergantung pada sumbangan mereka, baik daripada Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Parlimen, Menteri-Menteri mahupun Ketua Menteri Melaka dan Perdana Menteri.

Perkembangan ini juga mula menampakkan kepimpinan di kuil juga menunjukkan pengaruh politik kerana dianggap mudah mendapat bantuan kewangan apabila memihak dan menyokong parti politik yang memerintah. Beberapa kuil di Melaka telah mendapat kelulusan tanah gantian bagi kuil dan dana untuk membaiki kuil melalui sumbangan daripada wakil rakyat, Ahli Majlis Mesyuarat Negeri, mahupun Menteri Persekutuan. Pengerusi dan Jawatankuasa yang menyokong parti memerintah sering mendapat sokongan yang diharapkan.

Sebanyak 99 kuil di Melaka pernah mendapat peruntukan daripada ahli-ahli politik setakat ini. Pada waktu pilihan raya umum, calon-calon yang ingin mendapatkan sokongan pengundi-pengundi Hindu pula berjanji akan membantu dalam hal-hal kuil, dan apabila menang – khususnya, jika wakil itu dalam parti yang memerintah, pihak pengurusan kuil memohon sumbangan secara rasmi untuk kuil.

Dalam masa Barisan Nasional memerintah, Parti Kongres India Malaysia (MIC) yang merupakan komponen barisan itu, banyak membantu kuil-kuil Hindu di Melaka. Semasa Datuk Seri Dr. S.Subramaniam dari Melaka menjadi Menteri Kerajaan Pusat, kuil-kuil Hindu di Melaka mendapat bantuan kewangan yang lebih tinggi, sehingga ada yang menerima sumbangan melebihi RM50,000, bergantung pada projeknya.

CamScanner

SUMBANGAN SEMASA PAKATAN HARAPAN BERKUASA

Semasa kajian ini dijalankan, banyak responden agak kurang berpuas hati kerana wakil rakyat yang mewakili kerajaan Pakatan Harapan tidak begitu bermurah hati untuk menghulurkan derma pada kuil mereka, kerana kebanyakan memberikan hanya setakat dua hingga lima ribu ringgit sahaja apabila dipohon bantuan, walaupun bagi projek yang memerlukan berpuluhan ribu ringgit. Pemimpin Pakatan Harapan mempertahankan tindakan mereka kerana terpaksa mengawal urusan kewangan untuk memulihkan kewangan negara.

PROGRAM MENGUTIP DANA OLEH KUIL

Kurang daripada 40 kuil melaporkan bahawa mereka pernah berusaha menambahkan dana untuk kuil melalui program-program tambahan seperti jualan barang-barang sembahyang, mengadakan upacara khas di kuil untuk mengutip derma, mengadakan pertandingan sukan dengan memungut yuran penyertaan, cabutan bertuah dalam kalangan penganut, dan, pungutan sewa melalui gerai atau kemudahan yang ada di kuil. Kebanyakan kuil melaporkan bahawa pungutan melalui *undial* atau tabung kuil sangat sedikit, sehingga sebahagian besar telah membuat keputusan untuk tidak menyediakan tabung ini sepanjang tahun.

Sebilangannya menyediakannya hanya pada ketika *thiruvizha* diadakan. Hampir kesemuanya bergantung pada kutipan derma daripada para penganut tempatan khususnya pada ketika *thiruvizha* diadakan. Ahli-Ahli Jawatankuasa Kuil berusaha memungut derma ini menjelang *thiruvizha* kuilnya. Sebilangan kuil memang memungut yuran keahlian, sama ada mengikut bulan, tahun atau seumur hidup - tetapi jumlah yang dikutip terlalu kecil kerana bilangan ahli yang terhad.

DERMAWAN INDIVIDU

Beberapa kuil mendapat bantuan kewangan daripada usahawan-usahawan Hindu di negeri Melaka. Misalnya, pembinaan bangunan baharu kuil AG32 di Lesung Batu di Alor Gajah dibiayai oleh seorang usahawan yang berjaya, yang berasal dari ladang itu dahulu. Dermawan-dermawan yang menghulurkan wang untuk rumah ibadat Hindu di Melaka secara berterusan terdapat dalam penyelenggaraan hampir 30 kuil di Melaka.

PENGLIBATAN PENGANUT BUKAN-HINDU

Kini terdapat golongan bukan-Hindu juga, khususnya orang Tionghua, yang menghulurkan sumbangan kewangan pada kuil-kuil Hindu, kerana mereka yakin pada kesaktian dewa atau dewi di kuil berkenaan. Kuil-kuil MT3, dan MT34 agak ketara dengan sokongan seperti ini dan melampaui lokasi penyokongnya. Di daerah Jasin pula kuil J20 dan J34 merupakan kuil gabungan antara dewa dewi Hindu dan dewa dewi agama Tao, dengan ahli-ahlinya mahupun ahli jawatankuasanya terdiri daripada kedua-dua kumpulan. Sebenarnya penerimaan seperti ini wujud sejak zaman masyarakat Hindu Peranakan Melaka – *Chitty Melaka* – dan masyarakat China Peranakan Melaka – *Baba Melaka* – wujud di negeri Melaka sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka pada abad kelima belas lagi.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kedudukan kewangan kuil-kuil di Melaka, sebahagian besarnya tidak memungkinkan perjalanan kuil yang cemerlang, mahupun untuk mengadakan program-program tambahan sebagai pusat pendidikan dan kebajikan menurut ajaran dan pedoman dalam agama Hindu. Kelemahan ini menyebabkan tiada kuil mempunyai pentadbir kuil yang diupah sepenuh

CamScanner

masa, tiada kuil yang mempunyai kelas agama Hindu bersijil yang kekal, dan tiada kuil Hindu di Melaka yang sanggup menyediakan makanan pada fakir miskin mahupun penganut saban hari. Semua kuil dikendalikan secara sukarela sahaja, dan banyak kemudahan mahupun aktiviti tidak dapat difikirkan oleh mereka selain hal-hal rutin yang asas.

Hal ini juga menyebabkan jawatankuasa yang ingin memindahkan kuil ke tapak lain menghadapi kekangan kewangan untuk membeli tanah, membayar premium dan mendirikan kuil secara berdikari. Tanpa bantuan pihak lain, terutamanya kerajaan, mereka kurang berupaya untuk mencapai hasratnya.

Selagi jawatankuasa-jawatankuasa kuil berpuas hati dengan aktiviti lazim yang dijalankan sekarang, dan tiada perancangan untuk menjadikan kuil sebagai pusat agama-budaya Hindu yang lebih luas, dan terbuka pada pandangan-pandangan baharu, yang sudah pun diamalkan di kuil-kuil Hindu pada peringkat antarabangsa, selagi itulah, kuil-kuil Hindu di sini akan terus berada pada tahap ini tanpa langkah-langkah pengukuhan kewangannya. Selagi kuil-kuil ini ditadbirkan secara feudal, negeri Melaka tidak mungkin menyaksikan kuil Hindu yang gah dengan segala kemudahan serta perkhidmatan dengan program-program yang membuahkan hasil yang positif pada para penganutnya sepanjang masa.

CamScanner

DIMENSI KEEMPAT
PROGRAM-PROGRAM TAMBAHAN DI KUIL

Selain upacara-upacara agama yang rutin di kuil, seperti *pooja, archana*, *ubayam* dan '*thiruvizha'* mahupun '*Kumbabishegam*', program-program lain yang bersifat pendidikan agama, bahasa, budaya, ekonomi, kebajikan dan sebagainya melengkapkan peranan kuil dan menjadikannya sering dikunjungi dan digunakan oleh para penganut agama Hindu.

KUIL SEBAGAI PUSAT KEHIDUPAN PENGANUT HINDU SETEMPAT

Kuil Hindu sebenarnya memainkan peranan yang penting dalam kehidupan penganut Hindu kerana ia merupakan bahagian inti dalam kehidupannya, menjadi tempat beribadat, sambil mengalami pemurnian diri, berhibur, menikmati keindahan, dan merapatkan perhubungan dengan sesama penganut; selain menjadi tempat kediaman kepada ahli-ahli seni ukir, seni lukis, seni muzik, seni tari, selain menjadi tempat harapan pada fakir miskin. Ia harus menjadi pusat pendidikan yang holistik pada para penganutnya. Kuil merupakan landasan ke arah mencapai *moksha* (membebaskan diri) untuk penganut.

Sejarah perkembangan agama Hindu menunjukkan bagaimana kuil Hindu menjadi pusat pendidikan, kebajikan, dan pembangunan bagi penganut-penganutnya dengan kebenaran dan sokongan pihak raja yang memerintah. Apabila pemerintahan bertukar, dan dikuasai oleh raja bukan Hindu, kuil-kuil jenis ini dapat bertahan untuk terus memberikan perkhidmatan pada para penganutnya, walaupun ada kalanya kuasa baharu mengambil tindakan untuk memusnahkan struktur kuil Hindu, khususnya apabila pengembangan dan penyebaran agama lain diutamakan oleh yang menjajah negeri berkenaan. Penganut agama Hindu memang telah mengharungi cabaran-cabaran seperti ini dalam deretan zaman sehingga sekarang. Sejarah ini harus menjadi pedoman pada para penganut agama Hindu agar dapat menyusun strategi untuk terus mengekalkan institusi agamanya walaupun menghadapi pelbagai rintangan.

MASYARAKAT HINDU YANG BERHIJRAH KE MELAKA/MALAYSIA

Masyarakat Hindu di Melaka yang sampai ke Malaysia pada abad kesembilan belas dan kedua puluh pula berhijrah ke tanah ini demi mencari nafkah hidup, dan tinggal di kawasan-kawasan perburuhan, sama ada di ladang-ladang getah ataupun di kawasan perumahan perburuhan jabatan-jabatan kerajaan. Kebanyakan penduduk yang sedia tinggal di negara ini pula tidak menganuti agama Hindu. Dalam keadaan ini, kumpulan ini membawa cara bersembahyang dari tanah asalnya ke sini, dan mendirikan kuil-kuil yang menyerupai kuil di tempat asalnya di Tamil Nadu atau bahagian-bahagian lain di India Selatan.

Di Tamil Nadu pun, hanya beberapa kuil besar mempunyai pentadbiran yang kuat, dan menyediakan program-program mahupun perkhidmatan yang pelbagai seperti yang diharapkan dalam *Veda* Hindu yang sebenar. Kuil-kuil di kawasan desa atau kampung di Tamil Nadu lebih merupakan tempat bersembahyang dan mengadakan *thiruvizha* dan *kumbabishegam* setakat mampu. Kadang-kadang terdapat beberapa kuil bagi dewa dewi yang berlainan di kampung yang sama.

Amalan inilah yang sampai ke negeri Melaka, apabila lebih banyak kuil bagi dewa dewi perlindungan didirikan oleh pekerja-pekerja yang membuka tanah untuk pengusaha ladang mahupun yang terpaksa bertungkus lumus mengharungi hutan, bukit, gunung, sawah, sungai dan sebagainya sebelum membina jalan raya mahupun landasan kereta api.

CamScanner

JENIS KUIL DAN AKTIVITINYA DI MELAKA

Tidak menghairankanlah jika kebanyakan kuil ini terdiri dalam kategori *kula dheivam*. Kuil atas nama dewa utama *(muthanmai theiyvam)* seperti *Sivan, Vinayagar, Subramaniar,* dan *Krishna*, dapat dilihat lebih banyak didirikan di kawasan bandar dan pekan besar yang melibatkan kumpulan peniaga, pegawai-pegawai peringkat atasan mahupun kumpulan profesional yang mendiami kawasan-kawasan tersebut. Kuil atas nama *Dewi Mariamman* pula terdapat di kedua-dua kawasan.

Hal yang tersirat ialah semua *kula dheivam* merupakan jelmaan dewa dewi utama khusus untuk aspek tertentu dalam kehidupan, dan penganut menyembah jelmaan-jelmaan ini bagi kesejahteraan, dan keselamatan dirinya, keluarganya dan komunitinya. Kuil-kuil di negeri Melaka memang mencerminkan hal ini.

Dari awalnya kuil di Melaka hanya digunakan untuk menghadiri *pooja*, meraikan *pandigai* yang berbagai-bagai dalam takwim Hindu dengan tatacara yang diaturkan dalam agama, mengadakan *kumbabishegam* dan *thiruvizha* secara berkala, mengadakan majlis perkahwinan dalam masyarakat mengikut tatacara tradisional, dan mengadakan sesi ceramah atau program agama pada para penganut agama yang menghadiri upacara *pooja* di kuil. Hal-hal ini pun tidak kesemuanya dijalankan jika bilangan penganut tidak ramai, atau pengurusan kuil tidak dapat menarik minat semua penganut di sesuatu kawasan.

PEMIKIRAN BAHARU TERHADAP PERANAN KUIL DI MALAYSIA

Namun, selepas negara mencapai kemerdekaan, sebahagian penganut agama Hindu telah mula sedar betapa penting kuil-kuil Hindu di negara/negeri ini mengubah wajahnya agar lebih banyak program dan aktiviti pendidikan, kebudayaan, kesedaran, pembangunan dan kebajikan diaturkan agar masyarakat Hindu khasnya akan dapat ditampilkan sebagai kumpulan yang mengamalkan nilai-nilai murni yang positif di negara ini. Hal ini menjadi penting apabila lebih ramai belia yang beragama Hindu terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang tidak diingini di negara ini yang membimbangkan pemimpin masyarakat Hindu.

Oleh itu, *Malaysia Hindu Sangam,* mahupun *Malaysia Hindhudharma Maamandram Malaysia* dan badan-badan berasaskan agama Hindu yang lain menyarankan dan sanggup membantu kuil-kuil mengaturkan aktiviti-aktiviti tambahan, selain yang berkaitan dengan beramal ibadat yang rutin. Kelas-kelas agama, ceramah, seminar, perbincangan, forum, kem agama dan sebagainya disarankan, diamalkan dan digalakkan. Malangnya, bukan semua kuil yang berminat untuk menerima saranan-saranan ini kerana pelbagai faktor. Oleh sebab itu, pada masa ini kuil-kuil Hindu di negeri Melaka yang menyediakan program tambahan masih terhad.

PROGRAM-PROGRAM TAMBAHAN DI KUIL-KUIL MELAKA

PENDIDIKAN AGAMA

Program-program yang diaturkan di kuil-kuil Hindu di Melaka untuk memberikan pendidikan agama Hindu dalam kalangan penganut Hindu tidaklah begitu luas. 29 kuil menjalankan kelas *thevaram*, *pajan* dan *thirumurai*, kepada kanak-kanak Hindu secara berterusan, manakala 7 kuil mengadakan kelas tarian & muzik, 5 kuil mengadakan kelas *silambam*/*yoga*, dan 4 lagi mengadakan kelas tuisyen bagi pelajar-pelajar sekolah.

CamScanner

Syarahan agama diadakan di 28 buah kuil, dengan 6 daripadanya mengadakannya secara berterusan setiap minggu. 24 kuil terlibat dalam peraduan-peraduan dalam bidang agama, bahasa mahupun budaya. 4 buah kuil mengadakan peraduan pengetahuan am dan sivik. Sebanyak 10 sekolah mengadakan sembahyang hajat untuk pelajar-pelajar sekolah yang menghadapi peperiksaan di kuil-kuil Melaka. Kebanyakan aktiviti ini hanyalah dijalankan secara bermusim. Kelas tadika dianjurkan oleh badan CHILD di dua buah kuil, dengan pihak kuil hanya menyediakan tempatnya.

Nyatalah pada keseluruhan program pendidikan jangka pendeklah yang dianjurkan oleh kuil-kuil ini, dan tidaklah menghairankan bahawa bilangan peserta yang menyertai program seperti ini juga sangat terhad.

KEBAJIKAN

Dari segi kebajikan, 12 buah kuil melaporkan bantuan berterusan diberi pada keluarga yang kurang berupaya, manakala 35 lagi menghulurkan bantuan kepada orang-orang miskin yang terpilih pada musim perayaan Hindu. 25 buah kuil mengagihkan makanan yang berlebihan semasa *thiruvizha* atau majlis agama lain di kuil kepada rumah kebajikan anak yatim mahupun orang tua. 27 kuil pula menjemput orang kurang upaya, dan anak yatim piatu ke jamuan semasa *thiruvizha* diadakan di kuilnya. 17 kuil menyediakan sumbangan kewangan ataupun alatan sekolah bagi murid sekolah-sekolah rendah dan sebuah lagi pada pelajar sekolah menengah. 5 buah kuil memberikan sumbangan pada pelajar yang memasuki universiti dari lokasinya.

Ada juga sebuah kuil mengadakan bantuan kepada keluarga ahlinya yang mengalami kematian dalam kalangan anggota keluarganya; sebuah lagi menghulurkan wang untuk rawatan perubatan pada ahli; manakala ada 4 lagi yang sanggup menyediakan sarapan dan makan tengah hari pada pelajar-pelajar luar yang mengunjungi negeri Melaka. 3 buah kuil memberikan sumbangan pada organisasi lain bagi aktivitinya.

Nyatalah peranan kuil untuk melindungi yang lemah dan menderita dengan program-program yang berpanjangan tidak dapat dimainkan oleh kuil-kuil Hindu yang menjadi asas kajian ini. Kebanyakan program tambahannya bermusim dan disasarkan pada kumpulan terhad tanpa melibatkan semua keluarga atau masyarakat setempat. Namun, hal ini perlu kita lihat dari segi sejarah kuil-kuil di Melaka, yang wujud hanya sebagai tempat beribadat bagi penganut tanpa apa-apa wawasan lain.

SUKAN & GOTONG ROYONG

Sebuah kuil menganjurkan pertandingan bola sepak terbuka bagi belia setiap tahun dengan jayanya. 9 buah kuil mengadakan gotong royong untuk membersihkan pekarangan kuil dan kawasan-kawasan sekitarnya.

Kuil-kuil Hindu ini masih belum memikirkan kebajikan para belia Hindu yang memerlukan bimbingan melalui program-program khas untuk mereka. Memang ada anggapan bahawa sudah wujud badan-badan bukan kerajaan, termasuk persatuan belia untuk memainkan tugas ini. Namun, penglibatan pihak kuil dalam pembentukan peribadi kaum belia, melalui program-program usahasama dengan badan-badan belia setempat, masih belum ada.

CamScanner

PENDIDIKAN AGAMA DALAM KALANGAN AHLI JAWATANKUASA KUIL

Dari segi pendidikan dalam kalangan jawatankuasa, 14 kuil menghantar wakilnya ke ceramah agama, 6 kuil menghantar wakilnya untuk menghadiri kursus agama, 1 kuil menghantar wakilnya untuk menghadiri seminar agama antarabangsa, dan 1 kuil pula mengadakan kursus untuk gurukkal di Melaka.

Apabila *Malaysia Hindhudharma Maamandram* menganjurkan kursus untuk bakal guru agama Hindu di negeri Melaka pada bulan September, 2020 selama 3 hari secara percuma di hotel tempatan – termasuk penginapan dan makanan - walaupun pihak kuil dimaklumkan, hanya empat kuil sanggup menghantar peserta. Kebanyakan berharap pada guru-guru sekolah dan ahli-ahli *Malaysia Hindu Sangam* dan *Malaysia Hindhudharma Maamandram* untuk terus menyampaikan sumbangan, tanpa mahu berusaha untuk berdikari dari segi tenaga kepakaran dalam agama Hindu.

Bilangan kecil yang terlibat dalam aktiviti terhad ini menunjukkan betapa berpuas hati para pengurusan kuil terhadap tahap penguasaan hal ehwal agama Hindu ahli-ahli jawatankuasanya. Kesedaran untuk mempertingkat pengetahuan dan kemahiran dalam hal ehwal agama masih belum ketara.

PENGLIBATAN *AHLI MALAYSIA HINDU SANGAM* DAN *MALAYSIA HINDHUDHARMA MAAMANDRAM*

Ahli-ahli *Malaysia Hindu Sangam* dan *Malaysia Hindhudharma Maamandram* terlibat dalam kebanyakan aktiviti ceramah dan kelas-kelas yang berulang. Tetapi kehadiran di dalam kelas yang berterusan sering tidak menentu, selalunya kurang daripada 10 orang.

Hal ini menyebabkan penceramah-penceramah agama ini mendapatkan kebenaran daripada sekolah-sekolah, dan mengadakan kelas-kelas di sana sebagai suatu alternatif yang praktikal. Namun, strategi ini juga tidak menentukan semua anak murid Hindu menghadirinya kerana pihak sekolah tidak dapat mewajibkannya, dan aktiviti ini tidak melibatkan semua sekolah – kerana ia bergantung pada kebenaran pihak sekolah, dan Jabatan Pendidikan Negeri. Kesedaran bahawa kuillah institusi masyarakat yang harus memastikan pendidikan agama pada anak-anak Hindu tempatan, masih belum ada, baik dalam kalangan pengurusan kuil mahupun dalam kalangan para penganut agama Hindu setempat.

KEKURANGAN TENAGA PENCERAMAH MAHUPUN FASILITATOR YANG MAHIR

Kekurangan tenaga penceramah agama juga menjadi suatu kekangan yang disebut oleh responden dalam kajian ini. Ongkos pengangkutan bagi penceramah juga sama ada dibiayai oleh penceramah itu sendiri atau persatuan induknya kerana sumbangan tenaga diberikan secara sukarela. Oleh sebab ahli-ahli *Malaysia Hindu Sangam* mahupun *Malaysia Hindhudharma Maamandram* secara sukarela memberikan perkhidmatan mereka untuk mengendalikan kelas, peraduan mahupun ceramah, banyak kuil di Melaka bergantung padanya saban tahun, tanpa memikirkan kaedah untuk melatih tenaga dalam kalangan ahli mereka sendiri. Sikap ini agak berpanjangan, dan keinginan untuk berubah belum kelihatan sehingga membantut keberkesanan kuil-kuil Hindu sebagai pusat menyebarkan agama Hindu dalam kalangan penganut Hindu tempatan.

CamScanner

KESEDARAN BELUM MENYELURUH

Pada keseluruhan, dapatlah disimpulkan bahawa kecuali beberapa pengurusan kuil yang berusaha untuk mengadakan program tambahan, sebilangan yang besar tidak dapat berbuat demikian – dengan alasan kurang sambutan dan kurang mampu.

Soal kurang sambutan ada kaitan dengan bilangan keluarga yang menganggap sesuatu kuil itu sebagai kuilnya, selalu menziarahinya dan melibatkan semua ahli keluarganya dalam aktiviti ibadat mahupun program-program lain di kuil. Nyatalah bilangan ini terlalu kecil. Apabila kuil ditadbirkan untuk kegunaan golongan tertentu sahaja, suasana seperti ini memanglah wujud, dan jika pun program dirancangkan, sambutannya pula kurang memuaskan. Bilangan penganut yang benar-benar mencintai sesebuah kuil, sehingga sanggup berkorban masa dan tenaga untuk mendampinginya agak kurang pada masa ini. Program-program yang melibatkan semua ahli dan keluarganya secara menarik yang dapat mencetuskan keinginan untuk sering menghadiri aktiviti kuil masih belum kelihatan di kebanyakan kuil. Kecuali hal ini dapat dibaiki, sambutan dan kehadiran untuk program di kuil akan terus menjadi tanda tanya.

Dalam deretan zaman, hampir semua penganut Hindu sudah mula menerima amalan-amalan di kuil masing-masing sebagai memadai kerana pengetahuan dalam hal ehwal agama terus kekal pada tahap lama, yang diterima sejak zaman datuk nenek moyang mereka yang mula-mula menetap di sini. Kuil-kuil ini dianggap tempat membuat pendupaan dan pemujaan semata-mata pada kebanyakan penganut tempatan, dan menganggap aktiviti dan program tambahan sebagai pilihan sahaja – jika ada kemampuan tenaga dan kewangan, boleh dilakukan, jika tidak, boleh ditinggalkan sahaja.

SIKAP TERHADAP THIRUVIZHA TIDAK DAPAT DIALIH TERHADAP PROGRAM PENDIDIKAN

Jika diteliti, keadaan ini berbeza pada waktu *thiruvizha* kerana semua perbezaan dan perselisihan diketepikan pada ketika ini dan ada semangat untuk menjayakan perayaan ini. Oleh itu, sikap pengerusi dan jawatankuasa sangat penting untuk memupuk perpaduan dalam kalangan penganut agama Hindu terhadap kuilnya. Apabila penganut bersatu hati, pembiayaan untuk aktiviti atau program yang akan mendatangkan kebaikan kepada mereka sendiri akan lebih mudah diikhtiarkan. Pihak kuil harus memupuk rasa cinta ahli-ahli terhadap kuilnya supaya kesanggupan untuk menghulurkan tenaga bakti dan kewangan dapat diwujudkan secara semula jadi.

Untuk mewujudkan kesedaran ini, setiap jawatankuasa harus mengatasi sebarang perbalahan mahupun konflik yang wujud, dan 'turun padang' untuk memupuk perpaduan dalam kalangan penganut dengan membuktikan kebaikan-kebaikan yang dapat diperoleh melalui permuafakatan dalam masyarakat. Tugas ini bersifat berterusan sepanjang masa, dan kebanyakan jawatankuasa yang menguruskan kuil-kuil di Melaka memang tiada kekuatan mahupun wawasan seperti ini sekarang.

KERJASAMA ANTARA KUIL-KUIL YANG BERHAMPIRAN

Di sesetengah tempat terdapat beberapa kuil dalam jarak yang berdekatan, dan penganut Hindu di lokasi itu pula berpecah kesetiaannya pada kuil-kuil berkenaan. Kerjasama antara pengurusan kuil-kuil ini dalam mengaturkan program-program tambahan supaya penganut Hindu setempat masih dapat menyertainya secara beramai-ramai dapat dilakukan dengan penyelarasan dalam kalangan jawatankuasa kuil-kuil yang terlibat. Kerjasama seperti ini masih belum kelihatan semasa kajian ini dilakukan.

CamScanner

KESIMPULAN

Hasil yang didapati daripada kajian ini menunjukkan bahawa kuil-kuil di Melaka, baik yang beroperasi di bandar, mahupun di luar bandar, masih belum berjaya mengaturkan program tambahan yang berterusan untuk mendidik para penganut agama Hindu dari dalam setiap lingkungan umur, untuk kaum wanita, warga emas, dan kanak-kanak secara menarik. Ketiadaan kemudahan asas yang selesa, kekurangan wang, kekurangan tenaga mahir dalam kalangan ahli, kekurangan tenaga daripada *Malaysia Hindu Sangam, Malaysia Hindhudharma Maamandram* dan badan-badan seumpamanya, kekurangan sukarelawan yang mahir dalam hal ehwal agama, dan ketiadaan kesungguhan dalam merancang dan bekerjasama antara kuil-kuil yang berhampiran, dan kejahilan dalam hal ehwal agama Hindu dalam kalangan penganut – kesemuanya menyumbang pada keadaan yang wujud pada hari ini.

Yang lebih merunsingkan ialah ketiadaan satu pun kuil yang dapat dijadikan contoh untuk diteladani oleh kuil-kuil lain dalam merancang dan mengaturkan program-program tambahan, yang menjadikan kuil benar-benar aktif sepanjang masa, yang ada program bagi kanak-kanak, para belia, warga emas, dan wanita yang meliputi ajaran agama Hindu, bahasa, budaya, tatarakyat, kerjaya, kewangan dan sebagainya. Pemikiran ke arah ini juga masih belum kelihatan semasa kajian ini dilakukan.

Pertubuhan Kebudayaan dan Kesenian India Krishna Balaram (MT27) di Ayer Keroh memang mempunyai wawasan yang lebih menyeluruh untuk berbakti pada penganut dan ahli-ahlinya dengan mengenal pasti enam dimensinya secara teliti, walaupun perancangan dan pengamalannya masih pada peringkat awal di Melaka. Gagasan ini nyatalah berpunca daripada perkembangan dalam agama Hindu di luar negara India - seperti yang terdapat dalam kalangan penganut Hindu yang terdidik dan yang telah menetap di negara-negara Barat dan Amerika Utara. Dalam koteks moden pimpinan untuk penganut agama Hindu yang lebih menyeluruh memerlukan pemikiran dan perancangan di luar bulatan yang lazim, seperti yang ditunjukkan oleh pusat budaya dan seni ini. Nyatalah, kebanyakan pemimpin kuil Hindu di negeri Melaka belum mampu memikirkan perubahan seperti ini.

CamScanner

DIMENSI KELIMA
MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI, RANCANGAN PEMBANGUNAN KUIL DAN PERSEPSI TERHADAP KUIL

Kuil-kuil Hindu di Melaka memang menghadapi pelbagai masalah. Dalam bab ini hanya masalah-masalah yang dikemukakan oleh pihak kuil dalam masa kajian ini dilakukan dibentangkan.

MASALAH-MASALAH

MASALAH KEWANGAN

Sebanyak 106 kuil – 29 dari daerah Melaka Tengah, 33 dari daerah Jasin, dan 44 dari daerah Alor Gajah - mencatatkan kewangan sebagai masalah yang paling besar pada mereka. Banyak kuil tidak mengutip yuran tahunan daripada ahli-ahlinya, dan kalaupun dikutip, jumlahnya adalah sangat kecil. Derma untuk perayaan kuil pula diberi mengikut kemampuan sahaja. Selalunya acara-acara perayaan dipadankan mengikut dana yang ada sahaja. Kecuali kuil-kuil di bawah *badan amanah* atau trust, yang lain tidak mempunyai harta atau aset yang menjana kewangan bagi kuil dan aktivitinya. Simpanan wang cumalah untuk membiayai *thiruvizha*, *kumbabishegam* ataupun pembaikan-pembaikan kecil pada bangunan. Untuk hal-hal lain, kuil-kuil ini mengharapkan peruntukan daripada kerajaan, mahupun penderma khusus, atau terpaksa memulakan kempen untuk memungut derma. Jawatankuasa kuil yang tidak berupaya berbuat demikian, lebih rela untuk meneruskan aktiviti rutin di kuil tanpa apa-apa pembaharuan. Para penganut Hindu tempatan juga tidak begitu mengambil berat dalam hal ini kerana ia diterima sebagai sesuatu yang lazim. Lebih-lebih lagi, kerana pengurusan kuil-kuil ini dijalankan secara sukarela sahaja tanpa perlu bertanggungjawab pada mana-mana badan yang menyelianya.

NISBAH KUIL-PENGANUT AGAMA HINDU

Dalam sensus 2010, dilaporkan 5.7% daripada penduduk negeri Melaka yang berjumlah 821,110 orang – iaitu 46,803 orang yang menganuti agama Hindu. Jika kita menganggarkan bahawa bilangan penganut Hindu di negeri Melaka sudah mencecah 50,000 orang pada tahun 2020, hal ini bererti bagi setiap 342 orang Hindu ada sebuah kuil di negeri Melaka. Kalau sebuah keluarga, sebagai purata mempunyai 5 orang ahli, maka terdapat sebuah kuil untuk 68 - 69 keluarga.

Kebanyakan keluarga ini pula tidak tergolong dalam strata ekonomi yang tinggi, mahupun pendidikan agama Hindu yang berpatutan, dan kemampuan mereka untuk menyelenggarakan kuil-kuil ini secara baik memanglah tiada. Bilangan kuil yang besar di negeri Melaka memang menjadi suatu kekangan kerana para penganut agama Hindu di negeri Melaka sudah tentu tidak berupaya mengongkosi semua keperluan kuil Hindu di negeri ini, khususnya jika kesemua 146 buah kuil ingin diselenggarakan dengan baik sepanjang masa. Lebih-lebih lagi, bilangan penganut bagi setiap kuil begitu kecil – dan tiada kemungkinan aktiviti begitu banyak kuil dapat diongkosi oleh penganut Hindu di Melaka.

SUMBANGAN KERAJAAN

11 buah kuil berpendapat sumbangan kerajaan terhadap kuil Hindu makin berkurangan, khususnya selepas Pakatan Harapan mengambil alih pucuk pimpinan negara. 9 kuil menghadapi kesukaran untuk menampung perbelanjaan penyelenggaraan kuil, 7 lagi menghadapi kesukaran

CamScanner

untuk membayar bil elektrik dan bil air, dan 7 lagi menghadapi masalah untuk membayar upah *gurukkal*. Hal-hal ini disentuh oleh responden semasa kajian dilakukan, pada hal ada banyak responden tidak dapat menyenaraikan masalah mahupun rancangan pembangunan bagi kuilnya, besar kemungkinan kerana hal-hal ini di luar pemikiran mereka yang hanya meneruskan kegiatan yang lazim di kuil.

TANAH

73 buah kuil menandakan kesukaran untuk memperoleh tanah kuil daripada tuan punya menjadi rintangan yang besar. Kebanyakan tuan punya tanah enggan memberikan tanah kuil yang sudah lama diduduki, dan ada yang meminta penganutnya untuk memindahkan kuil ke tempat lain tanpa apa-apa pampasan.

STRATEGI PEMILIK LADANG

Banyak juga majikan yang menggunakan strategi mengurangkan pekerja beragama Hindu di ladang atau syarikatnya untuk mengelakkan tanggungjawabnya terhadap penganut Hindu yang masih menggunakan kuil di ladangnya. Dalam strategi ini, apabila tiada atau paling sedikit penganut Hindu menjadi pekerjanya, majikan dapat menganggap kuil di tanahnya tidak relevan lagi, dan dapat dirobohkan. Beberapa kuil di ladang-ladang kini menghadapi nasib ini, kerana hampir tiada penganut Hindu yang bekerja di situ, dan majikan tidak membenarkan penganut dari luar memasuki kuil tanpa kebenarannya.

Keadaan ini timbul kerana pemimpin masyarakat Hindu dan penganut Hindu tidak mengambil tindakan untuk berunding dengan pemilik ladang-ladang ini sebelum mereka menjualnya pada pemilik tempatan pada tahun-tahun 1970-an dan 1980-an, untuk mendapatkan bidang tanah untuk perumahan mereka, sekolah untuk anak-anaknya, dan kuilnya. Jika dari awal langkah ini diambil, dengan mendapatkan sokongan kerajaan, sudah tentu pada masa ini sudah ada kampung-kampung masyarakat Hindu yang lengkap dengan sekolah rendah dan kuilnya – tanpa menghadapi masalah-masalah seperti yang wujud pada hari ini.

Ketiadaan pemimpin masyarakat yang berwawasan seperti ini menyebabkan pekerja Hindu hanya menerima sedikit pampasan kewangan daripada majikan baharu dan terus terpaksa keluar dari ladang-ladang ini, meninggalkan sekolah dan kuil di tempat asal dalam ladang. Oleh sebab sekolah rendah Tamil terletak di bawah Kementerian Pendidikan, nasibnya serba sedikit dibela oleh kerajaan dan dialih ke tempat lain – tetapi kuil-kuil Hindu di ladang-ladang ini menjadi tanggungjawab penganut-penganut setia dari ladang itu sendiri – yang kini sudah berhijrah keluar. Penganut Hindu dari kawasan lain tiada sebab untuk mengambil tahu tentang kuil-kuil tempatan ini, kecuali memilih untuk menghadiri perayaan atau aktiviti yang menarik minat mereka.

BAYARAN UNTUK TANAH DAN PREMIUM

Beberapa kuil sedang menghadapi kesukaran untuk membayar kos tanah pada tuan punya tanah mahupun *premium* tanah pada Pejabat Tanah, dan sedang merayu agar kadarnya dikurangkan sementara mereka mencari dana yang mencukupi. Kos untuk membina bangunan kuil di tanah yang diperoleh juga menjadi rumit. Misalnya Kuil J 27 *Dewi Sri Maha Mariamman* di Kampung India Paya Buluh, Merlimau, yang telah memiliki tanah yang agak luas untuk membina kuilnya pada awal tahun 2000-an, dan telah mendaftarkan dirinya sebagai Persatuan Pengurusan pada tahun 2011, masih belum dapat membina kuilnya yang sebenar sehingga kajian ini dilakukan semata-mata kerana belum dapat mengumpul dananya yang mencukupi.

CamScanner

SAMBUTAN PENGANUT

Sebanyak 36 kuil merungut tentang kurangnya sokongan daripada penganut agama Hindu terhadap kuil akibat pelbagai faktor, termasuk rancangan televisyen, tinggal berjauhan, dan kurang kesedaran terhadap kepentingan beribadat di kuil.

Hal ini juga berkaitan dengan sikap pentadbiran kuil, tiada kepelbagaian aktiviti untuk menarik semua peringkat penganut di sekitar lokasi kuil dan komposisi jawatankuasa yang mentadbirkan kuil yang tidak meliputi semua kumpulan yang berkepentingan di sesuatu lokasi.

AGENSI KERAJAAN

Sebanyak tujuh kuil berasa kurang senang terhadap kelewatan kerajaan tempatan meluluskan permohonan untuk pembinaan kuil dengan pelbagai alasan. 4 lagi merungut bahawa kawasan di sekitar kuilnya kurang bersih kerana pekerja kerajaan tempatan tiada yang bertugas. 6 kuil pula menimbulkan masalah untuk mendaftarkan persatuan penganutnya dengan Pendaftar Pertubuhan, kerana percubaannya ditolak atas sebab tidak memenuhi syarat yang dianggapnya terlalu ketat.

SIKAP MAJIKAN

Masalah yang timbul akibat majikan yang mengenakan syarat-syarat ketat untuk memasuki pekarangan kuil di ladang ditimbulkan oleh 6 kuil. Ada beberapa kuil ditadbirkan oleh orang yang dilantik oleh majikan atau pemilik ladang, dan penganut lain tidak boleh memasuki kuil tanpa kehadiran pentadbir yang dilantik itu. Nampaknya kuil-kuil jenis ini akhirnya akan terpaksa 'ditutup' kerana tiada penganut yang menziarahinya nanti.

TINDAKAN MAHKAMAH TERHADAP MAJLIS KERAJAAN TEMPATAN

Pengurusan sebuah kuil telah mengambil tindakan mahkamah terhadap majlis tempatan kerana masalah meluluskan pembinaan kuil di tapak miliknya, walaupun rayuan dibuat beberapa kali. Syarat-syarat yang dikenakan dianggap terlalu mengekang aktiviti kuil ini oleh jawatankuasa pengurusannya.

Ada juga kuil yang tidak dibenarkan mendirikan dewan serbaguna di tanah miliknya sendiri kerana tidak mencukupi syarat yang dianggapnya terlalu ketat.

PERSAINGAN KUIL-KUIL DI PEKARANGAN RUMAH, DAN YANG MENGHIDANGKAN DAGING

5 responden mengemukakan masalah yang timbul akibat kuil-kuil yang terbina di pekarangan rumah halaman penganut, dan kuil-kuil yang membenarkan penyembelihan ayam dan kambing yang kian bertambah. Kuil-kuil ini mengalihkan minat pada variasi kuil sesuka hati pada hal ajaran agama mengharapkan kuil-kuil berfungsi mengikut tatacara yang tertentu.

MINAT BELIA

Ada 7 kuil yang menimbulkan kurangnya minat dalam kalangan belia Hindu terhadap aktiviti di kuil sebagai masalah. Mereka nampaknya lebih gemar ke kuil-kuil yang menghidangkan daging – lebih-lebih lagi, kuil-kuil jenis ini diselenggarakan oleh golongan belia sendiri di kebanyakan tempat, dan mereka lebih senang menziarahi kuil-kuil jenis ini yang mengaturkan *thiruvizha*nya tanpa bertindih antara satu sama lain.

CamScanner

MASALAH PENTADBIRAN

Sementara itu, ada beberapa pengurusan kuil yang kurang puas hati kerana jawatankuasa sebelumnya tidak menguruskan dan menyerahkan akaun kuil dengan sempurna, dan mereka menghadapi banyak rintangan, termasuk bahaya pendaftaran kuil dibatalkan oleh Pendaftar Pertubuhan. Beberapa jawatankuasa kuil melaporkan bahawa pendaftaran persatuan penganutnya sudah pun terbatal, dan usaha untuk mendaftar semula menghadapi pelbagai kerumitan.

Ada juga kuil yang mempunyai jawatankuasanya yang lengkap, tetapi segala-galanya ditentukan dan diputuskan oleh pengerusi sahaja sehingga memudarkan sokongan terhadap aktiviti kuil selain mengundang perbalahan sesama ahli jawatankuasa. Kepincangan dalam pentadbiran kuil memanglah suatu masalah yang agak rumit dalam kalangan kuil di Melaka.

KERJASAMA SESAMA AHLI JAWATANKUASA

Beberapa responden kemukakan masalah kurang semangat kerjasama antara ahli jawatankuasa kuil yang merumitkan perjalanan kuil yang baik. Ada satu kuil yang menimbulkan masalah minuman alkohol di pekarangan kuil. Beberapa kuil mengemukakan masalah kerjasama antara kuil-kuil yang berdekatan, kerana ada yang langsung tidak mahu duduk bersama untuk berunding tentang hal-hal aktiviti agama mahupun pentadbiran kuil.

Soal ego yang mengutamakan siapa lebih berpengaruh masih menjadi punca perbalahan dalam banyak kuil, sehingga sukar membolehkan mereka bekerjasama mengadakan program-program kuil secara bersepadu.

TENAGA MAHIR DALAM HAL EHWAL AGAMA HINDU DI KUIL

Sekurang-kurangnya 4 kuil menimbulkan masalah tentang kurangnya *gurukkal* dan ahli muzik yang benar-benar terlatih dan bertauliah di kuil-kuil Hindu di Melaka. Kebanyakan kuil lain tidak mengemukakan hal ini kerana tiada keupayaan mahupun kemampuan untuk mengupah tenaga mahir di kuilnya, dan ada pula memang tidak menyedari kepentingan tenaga mahir ini di kuil. Kekurangan ini menyebabkan tahap kesedaran dan pendidikan dalam hal ehwal agama Hindu terus pada takuk yang rendah, khususnya di kawasan-kawasan pedalaman di negeri Melaka.

KESIMPULAN

Pada umumnya, masalah-masalah ini dapat digolongkan sebagai masalah dalaman dan masalah luaran. Masalah dalaman sebenarnya dapat diatasi oleh jawatankuasa melalui usaha dan strateginya sendiri. Apabila ada usaha untuk membawa perubahan dalam kalangan jawatankuasa kuil, strategi yang berkesan untuk mengumpul dana dan tenaga akan dapat diikhtiarkan sebagai penyelesaian. Oleh itu, jawapan terletak pada perubahan dari dalam pentadbiran kuil juga.

Ketiadaan keinginan yang meluas untuk peroleh didikan agama Hindu oleh ahli-ahli Jawatankuasa kuil juga menjadi suatu kekangan kerana mutu kepemimpinan kuil-kuil bergantung pada tahap didikan ini. Minat untuk menghadiri kursus-kursus pendedahan masih rendah khususnya apabila dilihat sambutan yang diberikan oleh pengurusan kuil pada kursus yang dijayakan oleh *Malaysia Hindhudharma Maamandram* pada bulan September, 2020 di Melaka. Kadang-kadang persaingan dan perselisihan faham antara pemimpin *Malaysia Hindu Sangam* dan *Malaysia Hindhudharma Maamandram* juga menambahkan kerumitan dalam hal ini.

CamScanner

Manakala, masalah luaran memerlukan bantuan serta pendekatan yang lebih prihatin terhadap keperluan kuil Hindu oleh pihak-pihak lain, termasuk tuan punya tanah, mahupun jabatan-jabatan kerajaan, kepimpinan masyarakat Hindu di negeri dan negara ini, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Untuk menangani masalah ini juga, pentadbiran kuil haruslah dalam keadaan kukuh dengan kesanggupan untuk menerima perubahan demi kepentingan masyarakat beragama Hindu di negeri Melaka. Nyatalah suasana seperti ini belum wujud.

RANCANGAN PEMBANGUNAN DALAM LIMA TAHUN KE HADAPAN

TANAH UNTUK KUIL

Sebanyak 78 kuil Hindu mahu memiliki tanah untuk kuil, manakala 7 buah lagi sedang berusaha untuk mendapatkan tanah tambahan untuk kuil yang sedia ada. Ada antara kuil ini yang sudah menggerakkan proses untuk mendapatkan tanah, tetapi sebahagian besar masih dalam peringkat memikirkannya. Ada tuan punya tanah telah membenarkan kewujudan kuil di tanahnya secara lisan sahaja, manakala ada pula yang tidak mahu memberikan apa-apa status pada kuil, kecuali membenarkannya digunakan untuk bersembahyang pada masa-masa tertentu sahaja.

Kebanyakan keluarga Hindu kini mendiami taman-taman di luar ladang-ladang tempat kuil-kuil ini wujud. Kesetiaan pada kuil asal di ladang menyebabkan masing-masing mahu mengekalkan kuil asalnya, sama ada di tempat asal atau di tapak yang berhampiran jalan raya yang mudah dapat dikunjungi oleh penganut. Ada dua kuil yang menunggu pemerolehan geran tanahnya untuk melakukan pembangunan.

Sifat ingin memiliki kuilnya sendiri masih membelenggui masyarakat ini, sehingga belum wujud sifat menerima kuil yang berdekatan dengan rumahnya sebagai kuilnya. Kecuali sifat ini dapat diperbetul, bilangan kuil-kuil kecil akan terus bertambah, dengan penganut-penganut Hindu mendirikan atau mengalihkan kuil sebagai kuil keluarganya dari segi kepunyaan, manakala membukanya untuk penganut lain hanya pada masa *thiruvizha* atau perayaan.

PENDAFTARAN KUIL

Hanya 9 buah kuil, selain 6 yang telah gagal dalam percubaannya, menyatakan bahawa usaha untuk mendaftarkan persatuan kuil dengan pendaftar pertubuhan akan dilakukan – kebanyakannya kuil di tanah bukan kepunyaannya sendiri. Banyak pengurusan kuil agak berpuas hati asalkan tuan punya tanah bersetuju dan membenarkan kuil wujud di tapak berkenaan pada ketika ini, dan menganggap tidak perlu mendaftarkan kuil dengan pendaftar pertubuhan.

MEMBAIKI KUIL DAN KEMUDAHAN DI KUIL

Sebanyak 18 kuil mempunyai rancangan untuk membaiki bangunan kuilnya, dan 2 buah pula ingin membina *koburam* atau menara di kuilnya. 20 kuil mahu mendirikan dewan serbaguna untuk menampung aktiviti tambahan di kuil. Dua kuil ingin membina asrama untuk orang tua mahupun pelajar, manakala sebuah ingin membina bilik darjah dengan kemudahan yang lengkap untuk mengadakan kelas-kelas yang sempurna pada kanak-kanak, belia mahupun orang dewasa. Sebuah kuil bercadang untuk membina pejabat kuil untuk memusatkan pentadbirannya di kuil. Tiga buah lagi ingin membeli kerusi meja untuk kuil.

CamScanner

PEMBINAAN KUIL BAHARU

Sebanyak 20 pentadbiran kuil bercadang untuk membina kuil baharu, sama ada di tapak baharu atau di tapak yang sedia ada, manakala 12 buah memikirkan strategi untuk relokasi kuil mereka dalam tempoh lima tahun akan datang.

GABUNGAN KUIL

Cuma dua buah kuil bercadang untuk bergabung dan beroperasi di tapak yang sama sebagai suatu perancangan masa hadapan – walaupun satu daripadanya telah terpaksa berpindah dari tempat asalnya, dan kuil satu lagi pula menduduki tanah kerajaan. Pada hal, ada banyak kuil lain yang berdekatan – dan ada pula yang terletak di tanah pemilik lain – namun, belum ada hasrat untuk menggabungkan kuil-kuil ini dan berganding tenaga untuk kepentingan penganut agama Hindu di dalam lokasi-lokasi berkenaan.

KUMBABISHEGAM

Ada 11 buah kuil mempunyai rancangan untuk mengadakan *kumbabishegam* sebagai rancangan pembangunannya dalam lima tahun akan datang, dan sudah mula membuat persiapan awal.

THIRUVIZHA TAHUNAN

Banyak juga kuil yang hanya menumpukan perhatian pada perancangan terhadap perayaan tahunan – *thiruvizha* – dan segala tindak-tanduknya menuju ke arah itu. Kuil-kuil yang berjaya mengumpul penganut Hindu yang kurang daripada seribu orang untuk perayaan, banyak bergantung pada kesetiaan serta kenangan waris keluarga yang kini bekerja dan tinggal di luar lokasi kuil. Kuil yang lebih kecil mempunyai golongan penganut yang setia padanya pada bilangan yang terhad. Pengurusan kuil jenis ini banyak bergantung pada sokongan dan penglibatan penganut setia ini. Keadaan mungkin berubah dalam deretan zaman apabila generasi muda yang tidak pernah tinggal di kawasan kuil ini tiada minat untuk kembali ke tempat orang tuanya dahulu.

KURSUS AGAMA HINDU

Hanya sebuah kuil yang menyentuh hasratnya untuk menganjurkan kursus agama Hindu pada penganut-penganut Hindu di Melaka.

KOMPLEKS KUIL HINDU YANG LENGKAP

Pengurusan sebuah kuil menyatakan hasrat untuk berusaha mencari dana untuk mengadakan kompleks kuil Hindu yang lengkap dengan pelbagai kemudahan dalam tanah seluas lima ekar dengan perbelanjaan yang cukup besar. Hasrat ini masih dalam peringkat perancangan dalam hati sanubari pengurus utama kuil berkenaan. Malangnya pengurus ini telah meninggal dunia setelah kajian ini dilakukan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kebanyakan rancangan pembangunan pengurusan kuil di Melaka berkisar di sekitar pembangunan fizikal dan prasarana di kuil, manakala aspek kerohanian masih tidak mendapat perhatian mereka. Hal ini tidak menghairankan kerana aspek pembinaan kerohanian

CamScanner

secara formal di kuil-kuil Hindu dianggap sebagai tujuan sampingan sahaja dari dahulu lagi di kuil-kuil ini. Hal inilah yang menyebabkan penganut agama Hindu yang inginkan program yang lebih menyeluruh mengikut mazhab-mazhab baharu yang dipelopori oleh *swamiji* yang kian bertambah, dengan diadakan pusat-pusat aktiviti yang khusus. Di Melaka, misalnya, ada Pusat *Sri Satya Sai Baba*, Pusat *Shiridi Sai Baba*, Persatuan Divine-Life, *Sri Ramakrishna ashram*, Keluarga Shiva & Temple of Fine Arts, *Sri Kamatchi Brindavanam*, Pusat *Vallalar*, dan banyak lagi yang menarik sebilangan penganut. Namun, penganut-penganut ini masih menyertai program-program di kuil yang menarik minat mereka sahaja.

PERSEPSI PENGURUSAN KUIL TERHADAP PRESTASI MASING-MASING

Dalam kajian ini, persepsi diri jawatankuasa kuil terhadap perjalanan kuil juga ditinjau, dengan diberi tiga pilihan – cemerlang, sederhana, dan lemah.

PERSEPSI DIRI JAWATANKUASA KUIL

Daripada 134 pengurusan kuil 49 atau 36.6% menilai dirinya sebagai cemerlang, 48 atau 35.8% pengurusan lagi memilih prestasinya sebagai sederhana, sementara 37 atau 27.6% pengurusan berpersepsi bahawa prestasinya lemah. Persepsi ini menunjukkan pemikiran dan kesedaran yang ada dalam kalangan pengurusan kuil Hindu di Melaka, kerana kebanyakan atau hampir 72.4% menganggap kuilnya ditadbirkan dengan agak baik. Hanya kuil-kuil kecil yang tidak dapat melaporkan aktiviti tambahan, dan keadaan kuil agak kurang terurus, mengaku bahawa pentadbirannya agak lemah.

Jadual 29 – PERSEPSI DIRI PENGURUSAN KUIL TERHADAP PRESTASI PENGURUSANNYA

DAERAH	CEMERLANG	SEDERHANA	LEMAH	JUMLAH
MELAKA TENGAH	15	10	10	**35**
JASIN	21	15	9	**45**
ALOR GAJAH	13	23	18	**54**
JUMLAH	49	48	37	**134**
PERATUS	**36.6%**	**35.8%**	**27.6%**	

Persepsi ini penting jika dilihat terhadap kemungkinan berlakunya pembaharuan atau peningkatan dari segi gaya urusan mahupun perancangan aktiviti kuil, kerana bilangan pengurusan kuil dalam kajian ini menganggap prestasinya sederhana mahupun cemerlang memang besar. Ini bererti kebanyakannya rasa prestasinya memuaskan hati mereka.

PERSEPSI PENGANUT TERHADAP KUIL

Semasa kajian ini dilakukan penganut daripada 63 buah kuil, yang tidak menduduki jawatankuasa pengurusan kuil dapat ditemui untuk mendapatkan persepsi mereka terhadap kuil berkenaan. Penganut daripada kuil-kuil lain tidak dapat ditemui untuk mendapatkan maklum balas ini.

CamScanner

RAMAI YANG BERPUAS HATI

Kesemua penganut mengaku bahawa kuilnya amat istimewa dan mempunyai kesaktian yang luar biasa, dan ada pula yang dapat kaitkannya dengan pengalaman dirinya, ahli keluarganya mahupun penganut yang lain. Penganut daripada 49 kuil menyatakan kepuasan mereka terhadap pengurusan kuil semasa, manakala penganut daripada 14 kuil tidak berpuas hati.

PERUBAHAN YANG DIHARAPKAN

Dari segi cadangan untuk perbaiki pengurusan kuil, penganut daripada 20 buah kuil mahukan perubahan dalam jawatankuasa pengurusan dengan 7 mengatakan bahawa golongan belia mesti diberi peluang untuk menyertainya. Penganut daripada 21 kuil menghendakkan pembangunan aspek fizikal disegerakan, manakala penganut 33 buah kuil mahukan lebih banyak aktiviti di kuil.

Penganut sebuah kuil bersejarah berpendapat, pengurusannya seharusnya lebih peka terhadap pelawat-pelawat bukan Hindu, dan patut menyediakan bahan rujukan tentang sejarah dan keistimewaan kuil di papan tanda dan juga melalui risalah yang dapat diambil oleh pelawat-pelawat itu.

Pada keseluruhannya, penganut yang benar-benar mengkritik pengurusan kuil sangat kurang kerana mereka sudah lama menerima perjalanan kuil-kuil yang digemari mereka. Lebih-lebih lagi, penganut yang dipilih untuk memberikan maklum balas merupakan yang sering mengunjungi kuil.

Jika ditinjau pandangan daripada penganut yang tidak selalu menziarahi kuil, mungkin respons agak berlainan, tetapi, bagi tujuan kajian ini, penganut yang sering ke kuil sahaja dipilih untuk melengkapkan kajian ini.

KESIMPULAN

Persepsi yang dapat dikumpulkan ini menunjukkan seolah-olah sebahagian besar responden agak berpuas hati terhadap perjalanan kuil-kuil Hindu di negeri Melaka. Kesemuanya adalah yang agak rapat dengan pentadbiran kuil, dan tidaklah sesuatu yang dapat dihairankan dengan kesimpulan ini.

Namun, kita perlu mengambil kira bahawa kebanyakan penganut Hindu di Melaka belum menjadi ahli dalam mana-mana kuil di Melaka, dan jika persepsi semua penganut diambil kira, ada kemungkinan kita memahami mengapa begitu ramai penganut hanya beramal ibadat di kuil, menghadiri perayaan di kuil, tetapi tidak mahu menjadi ahli mahupun menyertai jawatankuasa kuil. Kajian kali ini tidak melebarkan skop hingga ke peringkat itu.

CamScanner

BAHAGIAN A

DIMENSI KEENAM
KESIMPULAN DAN SARANAN

Kajian ini membawa kepada beberapa kesimpulan terhadap kuil-kuil Hindu di dalam negeri Melaka yang bersejarah. Dalam bab ini kesimpulan dirumuskan atas tajuk-tajuk khusus diikuti dengan saranan jawatankuasa kajian terhadap setiap kesimpulan yang dibuat demi kemudahan pembaca laporan ini.

1.0. KUIL-KUIL HINDU DI MELAKA MENCERMINKAN SEJARAH KEPENDUDUKAN MASYARAKAT HINDU DI MELAKA

Kajian ini memang membuktikan bahawa kuil-kuil Hindu didirikan oleh masyarakat ini di tempat-tempat mereka ditempatkan untuk bertugas atau menetap apabila sampai ke negeri Melaka dari dahulu lagi. Kuil-kuil *Masyarakat Chitty Melaka* terbukti menjadi paling tua, diikuti oleh kuil-kuil yang didirikan oleh orang Hindu yang sampai ke Melaka pada abad kesembilan belas mahupun awal abad kedua puluh, di bawah dasar dan pemerintahan penjajah British. Nyatalah ladang-ladang getah serta kawasan perumahan petugas jabatan-jabatan kerajaan menjadi tumpuan untuk kuil-kuil Hindu. *Kaum Nattukottai Chettiar* dan masyarakat *Tamil Sri Lanka* sahaja yang berperanan untuk membina kuil utama di Melaka Tengah sebelum negara merdeka berdasarkan kedudukan ekonomi mereka yang lebih kukuh. Penganut-penganut lain di bandar dan pekan besar hanya berupaya mendirikan kuil-kuil kecil khusus untuk kegunaan mereka sendiri.

Hal ini mencerminkan taraf ekonomi kebanyakan penganut agama Hindu sebagai pekerja makan gaji dan tidak berupaya mengumpulkan dana yang banyak untuk membina kuil ala istana – seperti yang terdapat di Tamil Nadu, India. Keadaan kuil-kuil ini benar-benar mencerminkan jenis kehidupan penganut Hindu di setiap lokasi di negeri Melaka. Hampir semua kuil ini didirikan untuk kegunaan keluarga-keluarga yang menetap di kawasan masing-masing sahaja tanpa ditujukan pada masyarakat Hindu pada umumnya.

Selepas merdeka, banyak penganut Hindu terpaksa berpindah dari tempat asal mereka untuk mencari nafkah hidup di tempat lain. Kuil-kuil yang asalnya didirikan di ladang-ladang dan juga di kawasan perumahan kakitangan kerajaan makin kurang penganut yang tinggal berdekatan sehingga ada yang hanya dikunjungi untuk merayakan *thiruvizha* tahunan. Ada yang berjaya dipindah ke lokasi baharu, tetapi banyak yang belum dapat dipindahkan. Anehnya, banyak juga pengurus kuil jenis ini mahu kekalkan kuil di tempat asalnya demi menghayati sejarahnya walaupun ia jarang dikunjungi. Sikap ini memanglah selari dengan kebiasaan masyarakat yang begitu terikat pada warisan yang dianggap sebagai inti dalam hidupnya.

SARANAN

1.1 Masyarakat Hindu yang menduduki dan bekerja di ladang-ladang makin kurang bilangannya, dan kini mula tinggal di taman-taman perumahan. Lebih elok jika kuil dipindah ke taman-taman tempat mereka tinggal supaya kuil dapat digunakan saban hari oleh penganut. Kalau pekerja di setiap ladang dahulu memulakan kuilnya sendiri, dan memupuk kesetiaannya pada kuilnya sahaja kerana menganggap kuilnya punya kesaktian yang luar biasa, kini tiba masanya untuk menggabungkan kuil-kuil kecil ini di bawah payung kuil-kuil induk yang berdekatan, dengan mencatat sejarah serta keistimewaan setiap kuil itu agar sejarah dan warisan setiap kuil masih terpelihara. Kuil-kuil induk mestilah terletak di kawasan-kawasan perumahan yang ada penganut agama Hindu dalam bilangan yang besar.

CamScanner

1.2. Perbezaan pendapat antara pengurusan kuil memang akan menjadi kekangan utama kerana masing-masing tidak mahu mengalah dan terikat pada simbol warisan yang begitu terlekat pada hatinya. Namun, perlu ada kepemimpinan untuk memupuk perpaduan, tanpa mengorbankan aspek sejarah masyarakat Hindu di Melaka, yang sesuai dengan peredaran zaman dan perkembangan negeri Melaka kini. Kualiti harus dianggap lebih penting daripada kuantiti – tanpa mengorbankan sejarah setiap kuil.

1.3. Untuk merealisasikan kesedaran ke arah ini, semua pemimpin dalam masyarakat tempatan harus berganding bahu untuk menyemaikan kesedaran tentang keperluan kuil yang lengkap dengan kemudahan serta program yang padat di setiap kawasan agar mudah diziarahi dan menyertai program oleh penganut-penganut tempatan. Kuil yang sesuai harus dipilih bersama sebagai kuil induk bagi sesuatu kawasan dalam lingkungan sepuluh kilometer.

1.4. Di pekarangan kuil-kuil induk seperti ini, ruang harus disediakan bagi kuil-kuil kecil berhampiran yang dipindahkan, dengan catatan sejarahnya agar kesan sejarah terus dipelihara.

1.5. Wakil pentadbiran semua kuil yang digabungkan harus menyertai jawatankuasa kuil induk seperti ini.

1.6. Tanah yang diperuntukkan pada kuil seperti ini haruslah seboleh-bolehnya seminimum dua atau tiga ekar luasnya supaya kemudahan-kemudahan dapat dibina secara berperingkat.

1.7. Suatu Majlis Gabungan Kuil Hindu di negeri Melaka harus diwujudkan, yang ahli-ahlinya terdiri daripada semua kuil induk di negeri Melaka, dan pemimpin agama Hindu dan masyarakat umum, sebagai badan penyelarasan untuk kuil-kuil di negeri Melaka. Sebaik-baiknya usaha ini dilakukan oleh masyarakat Hindu sendiri, dan seterusnya mendapatkan kerjasama dan sokongan Kerajaan Negeri Melaka khasnya.

2.0. PEMILIKAN TANAH UNTUK KUIL HINDU DI MELAKA

Aspek ini menjadi suatu kerumitan yang besar pada pengurusan kuil Hindu di Melaka kerana mereka telah bergenerasi tinggal di ladang-ladang yang dianggapnya sebagai tempat tumpah darahnya tanpa memikirkan bahawa pada suatu hari mereka perlu meninggalkan tempat itu. Para majikan pula membenarkan mereka mendirikan kuil untuk beribadat, tetapi, dalam banyak hal, tidak sanggup menyediakan tapak perumahan, sekolah mahupun kuil sebagai balasan pada kesetiaan keluarga-keluarga ini yang bertugas di situ selama beberapa generasi, sebelum menjual tanahnya kepada orang lain.

Malangnya tiada intervensi kerajaan juga dalam hal ini, dan apabila tanah ladang bertukar tangan pada pemilik lain, kebajikan pekerja lama tidak banyak dihiraukan – lebih-lebih lagi dengan peluang untuk mengambil pekerja asing yang memasuki negara sebagai bujang sahaja menjadi amalan yang digemari oleh majikan. Pewujudan kuil Hindu di dalam tanah yang dijual dan dibeli juga sering tidak diambil berat oleh kedua-dua pihak, dan menjadi bahan pertikaian antara tuan punya baharu dan penganut agama Hindu di situ. Banyak pemilik baharu ladang-ladang sudah mengurangkan pekerja beragama Hindu secara beransur dan terancang, dan, kini enggan menjual tanah pada pengurusan kuil dengan memberikan alasan bahawa ladang berkenaan tidak menggajikan banyak penganut agama Hindu lagi.

CamScanner

Kesatuan kebangsaan Pekerja-Pekerja Ladang (NUPW) yang pada suatu masa begitu berpengaruh nyata gagal untuk menyedarkan ahli-ahlinya, dan mengambil langkah untuk mendapatkan tanah perumahan untuk pekerja yang mungkin kehilangan kerja dan terpaksa keluar dari ladang-ladang getah dahulu. Malah, pemimpin politik dari kalangan kaum Hindu juga telah terlepas pandang akan hal ini, menyebabkan kebanyakan pekerja terbiar untuk menerima beberapa ribu ringgit sahaja sebagai pampasan untuk meninggalkan tempat kerja mereka di ladang, apabila kelapa sawit menggantikan pokok getah. Banyak gejala sosial dalam kalangan masyarakat Hindu timbul akibat perubahan ini yang berlaku secara senyap dalam masyarakat ini.

Selepas kesemuanya ini berlaku, apabila ada pencelahan pengaruh politik, baharulah beberapa ladang telah menjual tanah pada jawatankuasa kuil Hindu, tetapi bilangannya adalah kecil. Cuma apabila tanah ladang dibeli oleh pihak yang ingin membangunkannya untuk perumahan atau industri lain, pihak kuil berpeluang untuk membeli tapak untuk kuil dengan harga yang ditentukan oleh tuan punya tanah baharu – selalunya dengan harga yang tinggi. Perkembangan ini menyebabkan pengurusan kuil-kuil yang wujud agak jauh dari jalan raya, memang mengharapkan ladang itu akan mula dibangunkan, supaya mereka ada peluang untuk mendapatkan tanah kuil berdekatan dengan jalan raya yang bakal dibina nanti.

Jika jawatankuasa kuil ingin membeli tanah kuil yang sedia ada di pedalaman ladang, kos tanah pula akan termasuk jalan akses ke kuil dari jalan raya – dan kos seperti ini di luar kemampuan jawatankuasa kuil. Kebanyakan pihak ladang pula enggan memberikan tanah di tepi jalan raya untuk kuil kecuali ada intervensi daripada kerajaan negeri.

Di samping itu, ada juga kuil-kuil yang diwujudkan dalam tanah rizab kerajaan dan jabatan-jabatan kerajaan lain dengan pihak kuil memohon agar tanah kuil diagihkan kepada kuil mereka. Penempatan kuil di beberapa lokasi dianggap kurang sesuai pula oleh pihak kerajaan, dan masalah ini berterusan tanpa kesudahan.

Jika diimbas pada bilangan kuil yang benar-benar memiliki tanah, termasuk tanah yang sedang dalam proses pengambilan bagi kuil-kuil di Melaka, hanya 56 buah kuil atau 38.4% memiliki tanahnya sendiri, manakala 90 buah kuil lain, atau 61.6%, masih menduduki tanah kepunyaan swasta atau kerajaan.

SARANAN

2.1. Pihak kerajaan negeri Melaka, melalui unit perancangannya, seharusnya mempunyai data tentang semua kuil Hindu di Melaka, termasuk yang wujud di ladang-ladang kepunyaan pihak swasta, mahupun di tanah kerajaan, tak kira sudah berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan ataupun tidak, dan, data ini harus diumumkan pada ramai dan masyarakat Hindu di Melaka diberi petunjuk dan nasihat yang wajar.

2.2. Berdasarkan taburan penduduk yang beragama Hindu di setiap kawasan, perancang dapat menentukan tapak yang sesuai untuk kuil, yang luasnya sekurang-kurangnya 2 atau 3 ekar, supaya kuil-kuil kecil di seluruh kawasan itu dapat ditempatkan di tapak ini dengan kuil induknya yang lengkap dengan segala kemudahan termasuk dewan serbagunanya sekali. Kuil yang sedia ada juga dapat dijadikan kuil induk jika didapati sesuai dan mempunyai keluasan tanah untuk menempatkan kuil-kuil gabungan nanti.

2.3. Langkah ini amat perlu kerana ladang-ladang tidak mungkin meneruskan kelaziman dahulu yang memberikan segala kemudahan untuk hidup berkampung. Penganut-penganut yang beragama Hindu di kawasan-kawasan ini perlu bekerjasama dan berganding bahu untuk

CamScanner

mengadakan kompleks kuil seperti ini – yang dapat memusatkan aktiviti-aktiviti agama Hindu demi kepentingan penganut serta ahli-ahli keluarganya.

2.4. Pihak kerajaan negeri boleh juga memberikan konsesi dari segi bayaran premium tanah dan cukai-cukai lain untuk meringankan tanggungan pengurusan kuil. Pada awalnya semua pengurusan kuil perlu diberi penerangan yang jelas, dengan diberi kelonggaran bayaran premium hanya kepada yang akur, dan mensyaratkan supaya jawatankuasa induk berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan dan mematuhi semua peraturan yang diamalkan di peringkat negeri.

2.5. Jawatankuasa Kuil Induk seperti ini seharusnya menggabungkan pengurusan daripada semua kuil yang telah dikelompokkan itu, seperti yang disarankan dalam fasal 1.5 di atas.

3.0. PENDAFTARAN KUIL DENGAN PENDAFTAR PERTUBUHAN

Banyak jawatankuasa kuil Hindu di Melaka tidak memahami syarat-syarat yang dikenakan sebelum sesebuah kuil dapat didaftarkan sebagai *Persatuan Pengurusan Kuil*, dan ada pula sangat berpuas hati jika dapat mendaftarkan jawatankuasanya sebagai *Persatuan Penganut Dewa*/Dewi, walaupun, persatuan seperti ini tidak mempunyai hak untuk mentadbirkan kuil berkenaan. Pihak Pendaftar Pertubuhan pula tidak mengambil sebarang tindakan drastik selagi pihak persatuan menyampaikan laporan tahunan yang disyaratkan setiap tahun. Tindakan diambil terhadap mana-mana persatuan yang tidak menyampaikan laporan dan akaun selama tiga tahun berturut-turut. Beberapa jawatankuasa telah terbatal pendaftaran persatuannya, dan jawatankuasa yang mengambil alih mendapati sukar untuk mendaftarkan jawatankuasanya semula, seolah-olah menafikan hak kumpulan ini untuk bergerak sebagai kumpulan yang sah dari segi undang-undang.

Pihak Pendaftar Pertubuhan pula menjelaskan bahawa *'Tidak sukar (untuk berdaftar semula) sekiranya memenuhi syarat dan mendapatkan nasihat daripada Jabatan.'* Jika pihak kuil boleh mendapatkan surat sokongan baharu daripada pemilik tanah yang bersetuju penempatan kuil itu di tanahnya, baharulah syarat asas dapat dipenuhi, dan kebanyakan pemilik tanah kini enggan memberikan surat sokongan seperti ini.

Dalam pada itu, daripada 146 kuil dalam kajian ini, hanya 13 buah kuil berdaftar sebagai *Persatuan Pengurusan Kuil*, manakala 63 buah lagi pula didaftarkan sebagai Persatuan Penganut, sebuah sebagai Persatuan Kebudayaan dan Kesenian, dan 11 lagi terletak di bawah Badan Amanah atau 'Trust'. Ini bererti sebanyak 89 kuil sahaja daripada 146 kuil yang dikaji, atau 61% sahaja, ada sesuatu jenis pendaftaran, walaupun ada antaranya masih menduduki tanah bukan miliknya. Baki 57 kuil atau 39%, tiada sebarang pendaftaran, dan kebanyakan kuil ini terletak di tanah kepunyaan swasta mahupun kerajaan. Kecuali usaha bersepadu diadakan, masalah pendaftaran kuil akan berterusan.

SARANAN

3.1. Usaha untuk mendidik jawatankuasa kuil tentang peri pentingnya kuil didaftarkan perlu diberikan keutamaan. Penerangan perlu diberikan sehingga jawatankuasa yang menguruskan hal-hal kuil benar-benar faham akan rasional pendaftaran kuil dalam suasana kekeluargaan.

3.2. Pihak Pendaftar Pertubuhan juga haruslah menilai semula sama ada kriteria yang kini digunakan memadai untuk mendaftarkan tempat-tempat ibadat agama Hindu di negara Malaysia,

CamScanner

khususnya di negeri Melaka. Kuil yang didirikan atas tanah milik jawatankuasa kuil tiada masalah, walaupun masih ada kuil jenis ini didaftarkan sebagai Persatuan Penganut apabila tiada sebarang peruntukan untuk mengubah statusnya pada Persatuan Pengurusan Kuil.

Pendaftar Pertubuhan pula menjelaskan bahawa, 'Telah dikemaskini subkategori. Tetapi tiada paksaan untuk meminda nama daripada Persatuan Penganut kepada Pengurusan memandangkan ada kesulitan pada pihak persatuan kerana telah lama ditubuhkan dan juga telah sinonim dengan nama tersebut, (nama pada akaun bank, pada aset persatuan, pada pintu gerbang persatuan). Keputusan dibuat dalam Majlis Dialog (Program Outreach Pemutihan Siri ke-2) pada 23 September, 2019. Program turut dihadiri oleh YB Datuk Tey Kok Kiew, mantan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau, Negeri Melaka.'

Jawatankuasa Kajian ini pula berpendapat bahawa walaupun ada beberapa urusan pentadbiran terpaksa dilakukan apabila ada perubahan nama pada Persatuan Pengurusan, namun, ia akan lebih menepati peraturan asas kategori kuil. Jika dibenarkan persetujuan dalam Majlis Dialog di Melaka seperti ini tanpa penelitian, mungkin akan timbul komplikasi pada masa muka kerana akan terdapat pelbagai kategori dalam Persatuan Penganut Kuil di Melaka. Dan, hal kategori dan maknanya ditakrif oleh Pendaftar Pertubuhan pada peringkat nasional, dan seharusnya diputuskan di pertingkat nasional sahaja supaya tiada sebarang kekeliruan nanti.

3.3. Kuil yang didirikan di tanah pihak swasta mahupun kerajaan – yang ada kebenaran bertulis daripada pihak tuan punya tanah – nampaknya dibenarkan berdaftar sebagai Persatuan Penganut – pada hal, jawatankuasa inilah yang menguruskan segala hal ehwal kuil-kuil ini, kerana kebanyakan tuan punya tanah bukan beragama Hindu. Dari segi konsep pendaftaran ini, ia merupakan badan untuk penganut dewa/dewi berkenaan di sesuatu lokasi sahaja – tetapi laporan tahunannya akan menunjukkan perbelanjaan pengurusan kuil yang bercanggah dengan konsep ini. Oleh itu, pihak Pendaftar Pertubuhan harus mempunyai kategori khas untuk mendaftarkan kuil di tanah pihak swasta mahupun kerajaan – tetapi dengan kebenaran bertulis daripada tuan punya tanah – dengan hak pentadbiran kuil pada jawatankuasa yang dipilih dalam mesyuarat agungnya, dengan menamakan tuan punya tanah sebagai penaung kuil. Jika tanah dijual kepada pihak lain, tuan punya asal harus memaklumkan hal tentang pindah milik tanah kuil kepada Pendaftar Pertubuhan dengan maklumat pembeli supaya pihak yang membeli tanah akan terus memberikan perhatian yang wajar. Dengan cara ini kuil-kuil ini juga dapat dianggap berdaftar secara sah sebagai Persatuan Penganut Kuil berkenaan, yang dengan sendirinya menunjukkan bahawa tanah kuil bukan miliknya.

Pihak Pendaftar Pertubuhan pula berpendapat bahawa adalah menjadi hak pemilik tanah sama ada untuk membenarkan persatuan terus menggunakan kuil atau tidak. Pandangan ini memanglah wajar, dan jika Persatuan tidak dibenarkan terus menggunakan kuil oleh pemilik tanah, maka persatuan seperti itu harus dikategorikan sebagai Persatuan yang sementara agar mencari tanah gantian sendiri dan mengalihkan kuil itu dalam sesuatu tempoh (misalnya dalam 5 tahun) yang ditetapkan seperti yang disarankan dalam 3.4. di bawah.

3.4. Memang ada banyak kuil di tanah, yang tuan punyanya tidak memberikan sebarang kebenaran untuk mendirikan kuil berkenaan – tetapi jawatankuasa masih mengendalikan kuil-kuil di tempat-tempat seperti ini. Jika pihak Pendaftar Pertubuhan membiarkan kuil-kuil seperti ini tanpa kawalan, jawatankuasa berkenaan akan meneruskan amalannya tahun demi tahun, dan amalan seperti ini akan menggalakkan penganut-penganut yang lain untuk memulakan tempat ibadat baharu tanpa sebarang kawalan. Pendaftar Pertubuhan harus mendaftarkan jawatankuasa kuil-kuil ini sebagai Persatuan Kuil Sementara, yang diberikan masa paling banyak 5 tahun untuk sama ada memiliki tanahnya sendiri untuk kuil, atau mendapatkan persetujuan tuan punya tanah

CamScanner

secara bertulis untuk kuil kekal di sana – dan apabila status berubah, Persatuan Kuil Sementara akan dapat diubah menjadi Persatuan Pengurusan atau Persatuan Penganut Kuil mengikut syaratnya. Mana-mana Persatuan Kuil Sementara yang tidak dapat mengubah statusnya dalam tempoh yang diberi dianggap gagal, dan perlu hentikan aktiviti kuilnya di tapak lama.

Dari segi mewujudkan pendaftaran Persatuan Kuil Sementara bagi tempoh lima tahun, pihak Pendaftar Pertubuhan menjelaskan bahawa hal ini 'Perlu kajian lanjut di peringkat ibu pejabat kerana melibatkan semua negeri untuk diselaraskan. Dari segi hal tanah pula, Pendaftar Pertubuhan menjelaskan bahawa ia 'Di luar bidang kuasa JPPM. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan juga Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) berkuasa untuk menyemak status pembinaan kuil atas tanah yang sah atau tidak.'

3.5. Demikian juga, mana-mana jawatankuasa kuil yang enggan mendaftarkan kuil dalam mana-mana 3 kategori di atas, harus dianggap sebagai tidak sah – dan tindakan untuk menamatkan aktivitinya harus diadakan demi memelihara ketertiban dan keamanan yang diharapkan

3.6. Pihak Pendaftar Pertubuhan juga harus membezakan Persatuan Penganut Dewa atau Dewi yang tidak berkaitan dengan kuil tertentu dengan Persatuan Penganut Kuil. Misalnya Persatuan Penganut Ayyanaar, Batang Melaka, adalah lain peranannya daripada Persatuan Penganut Kuil Ayyanaar, Batang Melaka, kerana yang kedua berpaksi pada kuil, manakala yang pertama tidak. Untuk membenarkan pendaftaran seperti ini, pihak Pendaftar Pertubuhan harus membenarkan pendaftaran atas nama, Persatuan Penganut Kuil Sri Ayyanar, Ladang Batang Melaka agar dapat dibezakan dengan Persatuan Penganut Dewa Ayyanar Batang Melaka kerana kedua-duanya berbeza dari segi fungsinya.

Perubahan-perubahan seperti yang dicadangkan sudah tentu akan membawa ketertiban dalam hal ehwal kuil Hindu, bukan sahaja di Melaka, bahkan di seluruh negara – dan harus diimplementasikan secara bersepadu antara Pendaftar Pertubuhan, Majlis-Majlis Tempatan, dan, Pejabat daerah dan Tanah, di setiap daerah, dan, Kerajaan Negeri. Pemisahan peranan yang terlalu rigid antara agensi kerajaan menyebabkan banyak masalah timbul, dan hanya penyelarasan antara kesemua agensi kerajaan ini akan dapat mencapai sesuatu ketertiban dalam hal ehwal kuil-kuil Hindu di negeri Melaka.

4.0. GURUKKAL YANG BERTAULIAH DI KUIL

Dalam mana-mana agama pun, ketua agama di tempat ibadat memang sangat penting kerana semua penganut agama akan merujuk padanya dalam hal-hal yang berkaitan agama dan kehidupan harian. Untuk ketua agama memainkan peranan ini secara berkesan, dia perlulah berkelayakan, berpengalaman dan menguasai segala aspek falsafah agama Hindu dan amalan-amalan yang sahih.

Di kuil-kuil Hindu di Melaka, *aiyer, gurukkal, atau, poosari,* menjadi ketua agama kerana ahli-ahli jawatankuasa kuil bukanlah pakar dalam hal-hal agama. Kajian ini menunjukkan hanya terdapat 15 orang ketua agama ini yang benar-benar berkelayakan, dan 57 orang lain hanyalah masih di bawah pimpinan *gurukkal* yang bertauliah, dengan 61 orang menjalankan tugas berdasarkan pengalamannya, tanpa sebarang latihan atau kelayakan. Ada juga kuil yang ketua agamanya ialah tuan punya kuil itu sendiri! Keadaan ini tidak memungkinkan kuil-kuil Hindu di negeri Melaka memberikan perkhidmatan yang sempurna kepada para penganut agama Hindu setempat. Malah keadaan ini sedang menyebabkan ajaran-ajaran serta amalan-amalan yang tidak lagi diterima oleh pimpinan agama Hindu zaman ini terus merebak dalam kalangan penganut Hindu tempatan yang

CamScanner

cetek pemahaman agamanya. Sebenarnya ketiadaan *gurukkal* yang bertauliah menjadi masalah besar di kuil-kuil di Melaka. Kajian ini mendapati hanya 49 orang *gurukkal* bertugas sepenuh masa manakala 88 orang lain bertugas secara sambilan sahaja bagi 146 kuil di Melaka.

Walaupun kebanyakan pengurusan kuil menghadapi kesukaran untuk membayar upah pada *gurukkal,* namun, kebanyakan pentadbiran kuil menganggap bahawa perkhidmatan *gurukkal* yang bertauliah diperlukan hanya pada masa *thiruvizha* atau *kumbabishegam* diadakan. Ada pula pemilik kuil yang tidak mahu menggajikan *gurukkal* kerana tidak sanggup memberikan kebebasan padanya dalam aktiviti-aktiviti agama di kuilnya. Sikap ini juga menyebabkan kuil tidak dapat memainkan peranannya seperti yang seharusnya.

Ada juga pihak kuil menyatakan bahawa pihak imigresen tidak meluluskan pengambilan *gurukkal* dari Tamil Nadu, manakala *gurukkal* yang terlatih di Malaysia masih dianggap tidak setanding.

Bagaimanapun, ketiadaan ketua agama yang benar-benar dapat menunjukkan ketokohan dalam hal ehwal agama Hindu di kuil menjadi sebab yang penting untuk kurangnya minat dalam kalangan para penganut lebih kerap menziarahi kuil. Mereka lebih selesa bersembahyang di bilik sembahyang di rumahnya sahaja. Ketua agama yang dapat memberikan ceramah yang menarik atas tajuk-tajuk yang berlainan pada penganut selepas *pooja* harian sudah tentu akan dapat menarik lebih ramai penganut ke kuilnya. *Gurukkal* yang berhemah tinggi dapat mempelopori aktiviti-aktiviti atau program yang pelbagai bagi setiap peringkat umur dan jantina penganut agama Hindu setempat dengan sokongan jawatankuasa kuilnya dan terus melibatkan penganut-penganut setempat supaya kuil sentiasa aktif.

SARANAN

4.1. Jawatankuasa kuil harus memberikan keutamaan pada gurukkal di kuil, dan memastikan hanya gurukkal yang bertauliah menjalankan tugasnya di kuilnya demi menjaga imej mahupun untuk menarik lebih ramai penganut ke kuilnya. Gurukkal yang bertauliah akan dapat mengaturkan banyak program sampingan selain menguruskan hal-hal ibadat sahaja. Kemudahan fizikal di kebanyakan kuil yang ada sekarang tidak memungkinkan aktiviti pelbagai daripada seseorang gurukkal yang aktif. Ini bererti kuil-kuil kecil di sesuatu kawasan perlu bergabung tenaga ke arah kuil induk sebagai hasil desakan zaman ini.

4.2. Untuk merealisasikan gurukkal yang bertauliah di setiap kuil, gabungan kuil seperti di Fasal 1 di atas amat perlu dilakukan supaya bilangan kompleks kuil menjadi lebih kecil supaya bilangan penganut Hindu yang terhad di negeri Melaka berupaya mengongkosi segala keperluan di kuil, termasuk gurukkal yang bertauliah.

4.3. Oleh sebab dalam kalangan gurukkal juga ada beberapa mazhab, lebih elok mazhab yang sesuai untuk persekitaran masyarakat Hindu di negara ini dipilih supaya hala tuju kuil-kuil Hindu di negeri Melaka dan negara Malaysia terjamin. Malaysia Hindu Sangam memang memberikan nasihat pada kerajaan dalam hal ini. Ada baiknya jika gurukkal yang sanggup menggunakan bahasa Tamil dalam pooja diutamakan, sesuai dengan perkembangan semasa.

4.4. Majlis Gabungan Kuil Negeri Melaka, atau badan penyelarasan lain, jika ditubuhkan, harus memainkan peranan dalam hal ini.

4.5 Jika Majlis Penyelarasan Kuil diwujudkan di semua negeri, latihan untuk gurukkal dapat dijalankan untuk belia tempatan yang terpilih di pusat-pusat yang ditentukan. Persefahaman antara Majlis-Majlis ini pada peringkat nasional amat perlu. Namun, kerjasama dan sokongan pengurusan kuil juga penting untuk merealisasikan matlamatnya.

CamScanner

5.0. PENGGUNAAN KUIL SEPANJANG MASA

Konsep kuil yang lengkap memerlukannya terbuka pada penganut sepanjang hari, kecuali ia ditutup pada waktu malam, dengan pelbagai kemudahan dan aktiviti yang menggalakkan penglibatan para penganut daripada berbagai-bagai peringkat dengan aktiviti dan perkhidmatan yang tersusun. Nyatalah kurang daripada sepuluh buah kuil mengamalkan konsep terbuka, dengan pegawai kuil sanggup bertemu dan membantu penganut pada waktu siang, di luar waktu *pooja* harian. Sebilangan kuil lain dibuka hingga pukul 11 pagi selepas *pooja* pagi, dan dibuka kembali pada waktu petang bagi *pooja* petang – dan penganut perlu bertemu dengan *gurukkal* mahupun ahli jawatankuasa kuil pada masa-masa berkenaan.

Kebanyakan kuil di Melaka dibuka hanya pada ketika *pooja* dijalankan, dan agak sibuk untuk bersedia dan menjalankan *thiruvizha* pada musimnya. Kuil-kuil yang mengadakan kelas pada penghujung minggu atau pada sebelah petang dibuka pada ketika itu sahaja. Ketiadaan kemudahan bagi aktiviti, dan kurang kemampuan kewangan memang menyebabkan keadaan ini, khususnya, jika kita meneliti taraf hidup penganut Hindu setempat. Hanya kuil-kuil yang mempunyai ahli-ahli serta penyokong yang kedudukan ekonominya agak tinggi, serta, yang dipimpin oleh penganut yang berhemah tinggi, berusaha untuk meningkatkan kemudahan mahupun aktiviti di kuil. Kebanyakan yang lain agak berpuas hati dengan aktiviti yang lazim dilakukan di kuilnya tahun demi tahun. Namun, kuil-kuil seperti ini terus dipertahankan kerana kepercayaan terhadap kesaktian *dewa/dewi* yang bersemayam di situ serta pautan emosi terhadapnya oleh kumpulan penganut berkaitan.

SARANAN

5.1. Pentadbiran kuil-kuil induk mestilah mempunyai pengurus kuil – sama ada yang bergaji, atau yang dilantik dalam kalangan sukarelawan, khususnya yang sudah bersara daripada kerjanya – yang berada di kuil pada sepanjang masa kuil terbuka untuk kunjungan penganut. Jika perlu, pembantu juga disediakan, khususnya jika aktiviti kuil bertambah.

5.2. Tugas pengurus kuil adalah untuk membantu JK Pengurusan kuil Induk untuk menyediakan jadual program harian, dan memastikan aktiviti berjalan seperti yang dirancangkan. Selain itu, dia harus dapat menerima kunjungan penganut dan mengaturkan pertemuan dengan gurukkal mahupun pengerusi kuil mengikut keperluan. Penyeliaan haruslah meliputi semua kuil kecil yang digabungkan pada kuil induknya.

5.3. Hal ini bererti, pejabat pentadbiran bagi kuil mestilah wujud di pekarangan kuil, dan segala dokumen pentadbiran kuil harus tersimpan dan diselenggarakan di pejabat ini.

5.4. Seorang pengawal kuil harus disediakan supaya kuil ada pengawalan selepas pooja terakhir pada malam hingga pooja pertama pada keesokan paginya. Kamera litar tertutup harus diadakan.

5.5. Pengurus dan jawatankuasa kuil perlu memastikan aktiviti secukupnya untuk menarik minat setiap lingkungan umur dan jantina penganut ke kuil sepanjang masa supaya kuil sentiasa sibuk dengan aktivitinya.

CamScanner

6.0. KEMUDAHAN YANG LENGKAP DI KUIL

Jika kita meneliti kemudahan-kemudahan yang diwujudkan di kuil-kuil Hindu di negeri Melaka, memanglah kita mendapati bahawa kuil-kuil ini lebih disediakan untuk beramal ibadat khususnya pada waktu *pooja* dijalankan. Di kebanyakan kuil, tiada tandas, tiada tempat penginapan untuk *gurukkal,* tiada dewan serbaguna yang lengkap sehingga ruang sembahyang digunakan untuk semua aktiviti di kuil.

Keadaan ini tidak memungkinkan jawatankuasa kuil memikirkan aktiviti tambahan bagi para penganutnya, dan berpuas hati dengan aktiviti paling minimum di kuilnya. Semasa *thiruvizha*, khemah sementara, dan kemudahan pinjaman digunakan untuk menyempurnakannya. Keadaan seperti ini menggambarkan status kuil zaman dahulu, dan tidak menunjukkan kemajuan serta kemaskinian yang diharapkan oleh penganut agama Hindu zaman ini.

Oleh sebab terdapat 146 buah kuil bagi hampir 50,000 penganut Hindu di negeri Melaka, kita tidak perlu melengkapkan setiap kuil dengan kemudahan yang secukupnya. Jika 15 - 20 kuil induk dipilih mewakili setiap kawasan, kuil-kuil induk ini dapat dilengkapkan dengan kemudahan yang sesempurna mungkin, agar penganut agama Hindu yang tinggal dalam lingkungan kuil induk ini mendapat faedah daripadanya. Hal ini bererti, sebuah kuil induk bagi 2,500 hingga 3,000 penganut, atau 500-600 keluarga di negeri ini.

Kuil-kuil yang ditadbirkan di bawah 'trust' mungkin ingin meneruskan gaya pentadbirannya seperti sediakala, termasuk kuil-kuil yang kini ternama sebagai kuil '*arulvaakku*', dan yang menghidangkan daging dalam upacara agamanya. Kumpulan kuil-kuil ini mungkin tidak menyenangi sebarang usaha untuk menyelaraskan aktiviti kuil-kuil pada peringkat negeri.

Namun, kuil-kuil lain masih dapat melakukannya, dan mengambil langkah-langkah untuk menerima pengiktirafan kerajaan dan agensi-agensi yang berkaitan agar kuil-kuil induk ini benar-benar mencerminkan kehidupan penganut agama Hindu di negeri Melaka pada masa ini.

SARANAN

6.1. Tanpa menunggu langkah pihak lain, kepemimpinan kuil-kuil di negeri Melaka mengorak langkah untuk mengenal pasti 15-20 kuil induk – sama ada yang sedia beroperasi, mahupun yang dapat diwujudkan – di kawasan-kawasan yang ada kepadatan penganut agama Hindu, dan juga mengenal pasti kuil-kuil gabungan pada setiap kuil induk itu.

6.2. Bagi setiap kluster di bawah kepemimpinan kuil induk, kuil-kuil kecil yang wujud hanya untuk penyembahan dan pendupaan bergabung dan menyertai Jawatankuasa Kuil Induknya.

6.3. Jika, kerana sesuatu sebab, kuil kecil itu terpaksa dipindahkan tanpa tapak tanah yang baharu, kuil itu ditempatkan di pekarangan kuil induk dengan catatan sejarahnya dan terus terletak di bawah seliaan Jawatankuasa Kuil Induk.

6.4. Semua thiruvizha dan ubayam bagi semua kuil di kluster kuil induk ditentukan bersama oleh Jawatankuasa Kuil Induk. Permintaan dana daripada pihak kerajaan juga melalui Jawatankuasa Kuil Induk yang sedia dianggotai oleh wakil semua kuil dalam kluster berkenaan.

6.5. Usaha dibuat agar Kuil Induk mempunyai semua kemudahan asas. Jika perlu, sebahagian daripada kemudahan dapat disediakan di kuil dalam klusternya, khususnya jika keluasan tanah

CamScanner

tidak mengizinkannya disediakan di Kuil Induk. Sekurang-kurangnya sebuah kuil induk di setiap daerah dikenal pasti untuk menjadi Kuil Induk Utama di daerah itu, dan usaha dilakukan untuk membina kalyana mandapam, atau Dewan Perkahwinan yang lengkap agar berguna untuk majlis perkahwinan, pertunjukan seni/kebudayaan masyarakat Hindu di setiap daerah di Melaka.

6.6. Kemudahan-kemudahan yang asas yang patut ada di sebuah kuil induk:

6.6.1. Bangunan kuil untuk dewa/dewi utama dalam bentuk istana seperti yang dibenarkan dalam falsafah agama Hindu

6.6.2. Tempat-tempat untuk menempatkan dewa/dewi sampingan

6.6.3. Bilik Pejabat, tempat penginapan gurukkal, pemuzik tradisional, pengurus kuil, Bilik stor

6.6.4. Bilik Dapur, Ruang masak, Ruang hidangan makanan, Tandas yang mencukupi

6.6.5. Bilik darjah/ceramah yang lengkap dengan pendingin hawa, dan kelengkapan multi media dan siaraya.Perpustakaan, bilik bacaan dan dewan serbaguna.

6.6.6. Di Kuil Induk Utama - Dewan Perkahwinan, bilik-bilik pengantin, kerusi-meja yang mencukupi; Dormitori untuk 20 orang lelaki dan 20 orang perempuan menginap semasa berkursus atau menyertai seminar.

6.6.7. Tempat meletakkan pedati

6.6.8. Kemudahan/ruang untuk melakukan istiadat sembahyang – misalnya, tempat berjalan atas bara, tempat ambil air, tempat letak kasut.

6.6.9. Tempat letak kereta, pili yang cukup, bekalan elektrik dan sebagainya.

6.6.10. Tempat menjual barangan yang digunakan di kuil.

6.6.11. Menyediakan ruang untuk menempatkan kuil yang sanggup atau perlu dipindah, dan, kemudahan lain yang difikirkan oleh JK Kuil Induk berkenaan.

7.0. PENYEMBELIHAN HIDUPAN DI KUIL HINDU

Kajian ini menunjukkan ada 32 buah kuil di negeri Melaka yang menghidangkan daging dalam pekarangannya. Pengorbanan hidupan ayam jantan ataupun kambing jantan dilakukan, dan amalan ini, sejak akhir-akhir ini, agak lebih ketara, dan menarik lebih banyak pemuda. Kini kuil-kuil baharu yang diwujudkan di kawasan pedalaman oleh kaum belia kesemuanya mengikuti amalan ini, dan menjadi suatu cabaran kepada pengamal agama Hindu yang berpegang pada *saivaisma* yang menegah pengorbanan hidupan mahupun hidangan daging di kuil.

Tanpa sesuatu badan penyelaras tempat ibadat agama Hindu di negeri Melaka yang mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan peraturan, amalan seperti ini tidak mungkin dihentikan. Namun, amalan ini berpunca daripada ikutan dari zaman dahulu, dan akibat kurang pendidikan agama Hindu dalam kalangan kebanyakan penganut Hindu sekarang. Memang tiada peluang untuk penganut

CamScanner

Hindu mendapat pendidikan agama Hindu yang sempurna di negeri Melaka sehingga amalan ini kian bertambah. Hal yang lebih menggalakkan amalan ini ialah paparan aktiviti penyembelihan di kaca televisyen dan layar perak sebagai sesuatu yang membantu mengatasi masalah kehidupan watak-watak dalam ceritanya. Oleh itu, untuk mencegah amalan ini, ceramah-ceramah agama sahaja tidaklah memadai, malah ia memerlukan proses didikan yang dapat menerapkan lunas-lunas agama Hindu dalam kalangan penganut agama Hindu setempat. Dalam hal ini, ketiadaan badan penyelaras yang disegani juga menjadi suatu kelemahan dalam memperkasakan nilai-nilai agama Hindu dalam kalangan penganutnya di negeri ini.

SARANAN

7.1. Melalui pendidikan agama Hindu sahaja amalan ini dapat dipudarkan. Kuil-kuil induk harus mengadakan kelas agama Hindu yang berterusan bagi semua peringkat, dan jika setiap keluarga Hindu dapat disasarkan – lambat laun, kesan ikutan amalan yang bercanggah dengan ajaran agama Hindu dapat dihindarkan dalam kalangan ahli keluarga yang mengamalkan agama Hindu di negeri ini. Kaedah ini akan mengambil masa yang lama, tetapi akan berkesan pada akhirnya, dengan syarat pihak penggerak langkah ini sentiasa dinamik dan menjadikan pembelajaran hal-hal agama sungguh menarik dan menawan hati penganut.

7.2. Tindakan perlu ada untuk tidak memberikan sebarang peruntukan pada kuil jenis ini, dan jika ada badan penyelaras kuil di peringkat negeri, tidak meluluskan permohonan untuk membina, membaiki, mendaftar kuil-kuil jenis ini di Melaka. Dari segi pentadbiran kerajaan, setidak-tidaknya, kerajaan negeri Melaka harus wujudkan jawatankuasa khas untuk menasihatinya dalam hal-hal yang berkaitan dengan agama, dan, tidak meluluskan sesuatu yang bercanggah dengan amalan agama Hindu yang sahih pada zaman ini. Untuk memudahkan hal ini, sekurang-kurangnya dua orang yang mahir dalam hal ehwal Hindu harus menduduki Jawatankuasa Rumah Ibadat Selain Islam, khususnya untuk menasihati jawatankuasa ini dalam hal-hal yang berkaitan agama Hindu. Jika Majlis Gabungan Kuil Hindu wujud di negeri Melaka, majlis ini dapat mencalonkan tenaga ini.

8.0. THIRUVIZHA DAN KUMBABISHEGAM

Kebanyakan kuil sangat aktif semasa *thiruvizha* tahunan diadakan, dan banyak tenaga digunakan untuk menjayakan perayaan tahunan kuil ini mengikut kemampuan masing-masing. *Kumbabishegam* yang diadakan sekali dalam 12 tahun juga disambut di sebilangan kuil dengan perbelanjaan yang besar. Dari segi kemeriahan dan semangat kerjasama dalam ketika-ketika ini, ia memanglah sesuatu yang dapat dipuji, kerana pada ketika-ketika ini, semua perbezaan pendapat diketepikan atas nama *dewa* atau *dewi* yang dijunjungnya bersama. Juga, inilah masanya, kaum keluarga yang pernah tinggal di sesuatu kawasan itu kembali ke pangkuan kawasan yang pernah menjadi '*rumah*' nenek moyang mereka. Pada yang kembali ke `*kampung*' mereka dari kawasan bandar, pengalamannya adalah sangat menarik, lebih-lebih lagi kerana dapat bertemu dengan rakan-rakan lama dari kampung yang sama, yang kini bertugas di pelbagai bandar dan tempat yang berlainan. Bagi masyarakat Hindu di negeri Melaka, *'balik kampung'* berlaku hanya pada ketika perayaan tahunan ini diadakan – berpaksi pada kuil di tempat tinggal asal mereka, kerana pada perayaan *Deepavali,* anggota keluarga kembali ke rumah ibu bapanya sahaja – yang kebanyakannya tidak lagi tinggal di ladang-ladang dahulu.

Perbelanjaan untuk mengadakan *thiruvizha* memanglah agak besar, tetapi, kesanggupan untuk menghulurkan wang untuk mengongkosinya memang ada kerana *'nostalgia'* yang dibawa bersama apabila mengenang kehidupan berkampung di ladang-ladang getah dahulu.

CamScanner

Namun, jika kini anak penghuni ladang yang pernah tinggal di ladang kembali dengan *'nostalgia'* zaman kanak-kanaknya di ladang, anak-anaknya yang kini tinggal dan membesar di bandar atau tempat lain, besar kemungkinan tidak akan menunjukkan sifat yang sama pada masa muka. Oleh itu, sama seperti yang didapati dalam kalangan masyarakat *Chitty Melaka,* lambat laun, generasi akan datang akan makin berkurangan yang akan berusaha datang dan menyokong *thiruvizha* seperti ini. Pada masa ini pun, kebanyakan kuil di ladang tidak mengadakan *kumbabishegam* kerana menyedari kedudukan kuil di tanah ladang, dan perbelanjaan besar yang diperlukan untuk mengadakannya, dengan berpendapat lebih elok dibelanjakan wang untuk mendapatkan tanah kepunyaan sendiri untuk membina kuil atau untuk menaja program lain.

SARANAN

8.1. Jawatankuasa setiap kuil di Melaka harus memikirkan masa hadapan kuil di bawah pentadbirannya dengan mengambil kira, bilangan keluarga atau ahli yang benar-benar menziarahi dan menyokong kuilnya, dan bilangan ahli dari luar kawasan kuil yang benar-benar 'komited' terhadap kuilnya. Sekurang-kurangnya perlu ada 500 keluarga atau 2,500 penganut agama Hindu yang benar-benar menyertai dan menyokong kuilnya agar ada kemampuan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan yang perlu. Penelitian ini akan menggambarkan potensi kuil itu untuk berkembang terus, ataupun, ia lebih elok digabungkan dengan kuil induk yang berdekatan, dengan mengekalkan identiti kuil asal dengan cara yang berpatutan.

8.2. Langkah seperti ini akan menggabungkan thiruvizha atas nama dewa dewi utama di kuil induk, dengan perbelanjaan yang makin berkurangan. Dengan cara ini, pada minggu thiruvizha di kuil induk, semua kuil dalam gabungannya juga akan dapat mengadakan pooja khas, dan dapat dihadiri oleh lebih ramai penganut secara terbuka, dan memecahkan benteng perbezaan yang wujud dalam kalangan penganut berdasarkan tempat tinggal di ladang-ladang dahulu.

8.3. Kumbabishegam di kuil induk – yang didirikan di tanahnya sendiri, dan didaftarkan secara sah, dapat diadakan mengikut kelaziman, yang merangkumi penganut-penganut Hindu yang berpisah-pisah mengikut kuil-kuil kecil di kawasan yang sama. Pembaikan-pembaikan asas bagi semua kuil gabungan juga dapat dilakukan semasa kumbabishegam diadakan untuk kuil induk – tanpa membazirkan wang dan tenaga.

8.4. Semangat kerjasama dan bertolak ansur dalam kalangan jawatankuasa pentadbiran kuil di sesuatu kawasan, dan wawasan untuk mewujudkan kuil induk di kawasannya yang serba lengkap untuk memainkan peranan sebagai pusat pendidikan dan kebajikan agama Hindu yang disegani orang harus mewujudkan rasa cinta terhadap Kuil Induk sebagai kuil komuniti dalam hati sanubari setiap penganut Hindu di kawasan masing-masing di Melaka.

9.0. PROGRAM-PROGRAM YANG MEMBENTUK KUIL SEBAGAI PUSAT SOSIAL DAN KEBUDAYAAN

Walaupun kuil merupakan tempat ibadat bagi para penganut agama Hindu, dalam konteks penganut Hindu sebagai kumpulan minoriti, ia belum melengkapkan diri untuk memberikan pendidikan dalam hal ehwal agama Hindu, mahupun aspek-aspek kebudayaan Hindu/Tamil dalam sistem nasional. Sebenarnya kuil Hindu harus memainkan peranan yang penting untuk mengisi kekosongan ini. Ketidakupayaan kuil-kuil Hindu di Malaysia, dan khususnya di Melaka untuk memainkan peranan ini dengan berkesan menyebabkan kebanyakan penganut Hindu tidak mendapat pendidikan agama Hindu yang tersusun, dan tidak mengadakan program-program intervensi lain

CamScanner

untuk membantu kanak-kanak, pelajar sekolah, belia, wanita mahupun warga tua yang menghadapi pelbagai masalah, sama ada dalam pendidikan, peluang pekerjaan, ataupun dalam pencegahan pengaruh negatif dalam kalangan mereka.

Baru-baru ini *Malaysia Hindhudharma Maamandram* telah menerbitkan buku-buku teks dan panduan guru yang disediakan secara profesional dan menarik untuk digunakan khusus pada anak muda penganut Hindu supaya memahami hukum-hukum asas dalam agama Hindu. Pertubuhan ini telah mengadakan kursus tiga hari untuk melatih guru-guru dengan menekankan kaedah menggunakan buku-buku terbitan pertubuhan ini pada bulan September, 2020 di Melaka. Lebih 120 orang peserta menyertai kursus ini yang ditaja sepenuhnya melalui pertubuhan ini dengan bantuan MITRA. Kebanyakan yang menghadirinya merupakan guru-guru sekolah yang mendapat kebenaran khas daripada Jabatan Pendidikan Negeri Melaka untuk menghadirinya. Walaupun dibuka pada pengurusan kuil-kuil di Melaka, hanya empat kuil Hindu di negeri ini mengambil peluang untuk menghantar pesertanya untuk menghadirinya yang menggambarkan tahap minat yang sedia wujud untuk aktiviti seperti ini dalam kalangan pengurusan kuil di Melaka.

Tidaklah menghairankan bahawa dalam kajian ini hanya sebilangan kecil kuil berusaha mengadakan kelas *thevaram*, *thirumurai*, *bhajan,* tuisyen bagi pelajar sekolah, tarian, muzik, *silambam*, *yoga* dan sebagainya, secara ala kadar manakala segelintir sahaja membantu anggota masyarakat yang mengalami kemelesetan dalam hidup mereka.

Peraduan-peraduan pun dianjurkan oleh *Malaysia Hindu Sangam, Malaysia Hindhudharma Maamandram* ataupun pihak luar, manakala pihak kuil hanya menyertainya sahaja. Makanan yang berlebihan semasa *thiruvizha* diagihkan pada rumah-rumah kebajikan oleh sebilangan kuil. Tiada kuil yang menyediakan makanan untuk golongan miskin sepanjang masa seperti yang diamalkan di *Gurdwara Sahib Malacca* di bandar Melaka, walaupun dalam ajaran agama Hindu hal penyediaan makanan pada fakir miskin dan yang hidup dalam keperluan memang ditekankan.

Dalam kebanyakan hal ini, masalah utama ialah kekangan kewangan. Hal-hal pendidikan dan kebajikan tidak difikirkan dan dirancang dari awal lagi kerana tidak dianggap sebagai penting. Masalah asas ialah belum ada pemikiran dalam kalangan pengendali kuil-kuil ini untuk menjadikan kuilnya sebagai pusat pendidikan, kebajikan dan kebudayaan yang dapat mewujudkan masyarakat penganut Hindu yang benar-benar memahami dan menghayati agama, dan budaya mereka dalam negara Malaysia. Sebenarnya kuil dapat memainkan peranan untuk membentuk warga negara Malaysia yang beragama Hindu, yang mendukung nilai-nilai Rukunegara, yang fasih dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris mahupun bahasa Tamil.

Lebih-lebih lagi, pentadbiran kuil dapat juga memikirkan segala jenis perayaan agama dan tatacara meraikannya di kuil atau di rumah penganut, upacara-upacara agama dalam keluarga penganut – seperti pada masa wanita mengandung, kelahiran, masa datang haid bagi gadis, peminangan, perkahwinan dan kematian – dan bukan sahaja memberikan nasihat, malah menyediakan kemudahan-kemudahan supaya penganutnya dapat menggunakannya dengan seberapa jimat yang boleh.

Apabila kuil Hindu ditadbirkan dengan gaya lama, dengan pemikiran-pemikiran sempit tentang hak keluarga atau kumpulan tertentu, maka tidak hairanlah jika pemikiran moden untuk menjadikan kuil-kuil Hindu sebagai pusat yang memainkan peranannya untuk membentuk penganut agama Hindu yang berwibawa, yang setanding dengan warga negara Malaysia yang berlainan agama, belum ada.

Hanya 37 kuil membenarkan majlis perkahwinan Hindu tradisional di pekarangan kuil pada masa ini, tetapi hanya 5 kuil mempunyai pendaftar perkahwinan yang bertauliah. Hanya satu kuil

CamScanner

mempunyai kemudahan yang cukup untuk melangsungkan perkahwinan tradisional Hindu yang sempurna di Melaka. Namun, masih belum ada dewan perkahwinan Hindu atau *'kalyana mandapam'* yang serba lengkap di mana-mana kuil Hindu di Melaka ketika kajian ini dijalankan.

Kursus perkahwinan pada pasangan yang bakal berkahwin, mahupun pada yang baharu berkahwin juga belum mendapat perhatian pihak kuil. Kebanyakan kuil hanya bergantung pada penganut yang menziarahi kuil secara sukarela, dan sering tidak sanggup membuat sesuatu program kerana bimbang terhadap sambutan selain kewangan. Usaha untuk menambah keahlian kuil, dan melibatkan belia untuk mengaktifkan kuil masih berkurangan. Kebanyakan kuil agak berpuas hati dengan aktiviti-aktiviti yang sedia ada, dan lebih selesa untuk mempelbagaikan *pooja-pooja* khas di kuil daripada memikirkan program kesedaran, pengetahuan, pendidikan mahupun kemahiran ke arah pembentukan sahsiah penganut agama Hindu.

Keadaan ini agak sama juga di seluruh negara, sehingga dalam usaha untuk menjadikan kuil sebagai pusat transformasi masyarakat Hindu, *Unit Pembangunan Sosio-ekonomi Masyarakat India Malaysia atau SEDIC,* di bawah Jabatan Perdana Menteri Malaysia, pada tahun 2018 telah memperuntukkan wang sebanyak RM1.5 million pada enam buah kuil – di Selangor, di Kuala Lumpur, di Perak, di Pulau Pinang, di Kedah dan di Johor – iaitu RM250,000 pada setiap kuil - untuk mengadakan program-program intervensi pada pelajar sekolah, belia, penganggur dan sebagainya, sebagai projek perintis.

Laporan tentang kejayaannya mahupun keberkesanannya tidak begitu jelas kerana pucuk kepemimpinan negara berubah pada pertengahan tahun itu, dan difahamkan badan yang mengambil alih daripada *SEDIC*, iaitu *MITRA* juga meneruskan usaha seperti ini untuk menjadikan kuil Hindu sebagai pusat untuk mentransformasikan masyarakat Hindu setempat. Namun, semasa kajian ini dijalankan belum ada sebarang laporan mahupun penilaian terhadap program-program yang ditaja itu.

Namun, terlalu bergantung pada dana daripada badan seperti ini, atau kerajaan tidak mungkin membawa kesan di semua kawasan – dan jawatankuasa setiap kuil harus berancang dan berusaha untuk melaksanakan program pembangunan masyarakat Hindu setempat.

SARANAN

9.1. Beberapa jawatankuasa khusus dapat diwujudkan atas naungan kuil induk utama pada peringkat setiap kuil induk dengan mengambil masuk wakil-wakil daripada semua kuil yang terletak di bawah kuil induk berkenaan seperti berikut:

9.1.1. JK Istiadat dan Didikan Agama Hindu – yang menumpukan perhatian pada tatacara istiadat dan upacara agama dijalankan dari pooja, ubayam, pandigai, perarakan agama, thiruvizha, kumbabishegam, upacara perkahwinan, upacara kematian dan pelbagai lagi, segala jenis pendidikan agama yang perlu disampaikan pada setiap peringkat umur dan jantina dalam kalangan penganut agama Hindu. Sebuah perpustakaan dengan bahan bacaan yang sesuai dalam bahasa Tamil, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu yang meliputi semua disiplin yang difikirkan perlu untuk semua lapisan penganut diadakan dalam pekarangan kuil induknya. Kelas tadika juga dapat diadakan untuk mendapat sokongan ibu bapa setempat.

9.1.2. JK Pembangunan Sosio-Budaya Penganut Hindu – yang menumpukan perhatian untuk memastikan kemudahan-kemudahan yang minimum ada supaya para penganut dapat mengadakan majlis perkahwinan, pengebumian atau pembakaran mayat apabila ada kematian; ada pegawai mahir yang mencukupi untuk menjalankan

CamScanner

upacara-upacara ini, dan menjalankan kursus-kursus yang berkaitan dengan bahasa dan budaya seperti kelas bahasa dan sastera, tarian, muzik tradisional, nyanyian dan sebaginya. Pada peringkat Kuil Induk Utama di setiap daerah, kemudahan-kemudahan harus disediakan – misalnya, dewan perkahwinan yang lengkap, van jenazah serta kumpulan sukarelawan yang mahir untuk mengendalikan sesuatu kematian dalam kalangan penganut dalam kadar yang termampu bagi penganut.

9.1.3. ***JK Kebajikan Masyarakat Hindu Setempat*** *– yang menumpukan perhatian terhadap kebajikan dan pembangunan keluarga-keluarga penganut Hindu setempat, dengan merancang kemudahan penginapan, makanan, pakaian, persekolahan anak, dan merancang aktiviti-aktiviti untuk membantu kumpulan ini agar dapat berdikari melalui aktiviti swadaya.*

9.1.4. ***JK Pembangunan Ekonomi Masyarakat Hindu Setempat*** *– yang meninjau peluang pendidikan, latihan serta kerjaya mahupun keusahawanan yang terdapat dalam masyarakat dan berusaha untuk mendedahkan dan menggerakkan penganut Hindu dalam kawasannya untuk merebut peluang-peluang yang terdapat dalam masyarakat umum atas usahanya sendiri. Sesi-sesi ceramah/dialog/kursus dan lawatan diaturkan sebagai pendedahan pada para penganut sebagai usahasama dengan badan-badan sukarela lain mahupun agensi kerajaan dan kumpulan-kumpulan profesional.*

9.1.5. ***JK Sukan & Rekreasi Belia Hindu Setempat*** *– yang berusaha menyediakan pelbagai kemudahan sukan – luaran dan dalaman – yang memperkenalkan sukan tradisi masyarakat Tamil/Hindu zaman silam seperti Silambam, Sadugudu, Catur, Pallaangguzhi, Yoga, selain melibatkan belia dalam bidang sukan popular yang lain, serta mengelakkan mereka daripada pengaruh-pengaruh negatif. Peraduan dan pertandingan antara Kuil Induk akan menyuntik semangat para belia.*

9.2. Jika kuil-kuil di sesuatu kawasan dapat bekerjasama, dan kuil-kuil induk dikenal pasti, maka program-program pembangunan sahsiah, pengetahuan, sosio-budaya, kenegaraan, kerjaya dan sebagainya dapat diadakan secara berkelompok dengan berganding bahu, dan setiap kuil dapat digunakan sebagai pusat untuk sesuatu program khusus. Usaha untuk mencari dana bagi aktiviti-aktiviti seperti ini haruslah dipikul bersama tanpa bergantung pada sumbangan kerajaan semata-mata.

9.3. Semua keluarga Hindu di sesuatu kawasan hendaklah dihampiri dan dijadikan ahli, sekurang-kurangnya pada kuil induk di kawasan berkenaan, dan maklumat tentang semua aktiviti dan program mestilah terbuka pada semua penganut Hindu. Keahlian dapat dipecahkan pada kaum dewasa, lelaki-wanita; belia, lelaki-wanita; dan pelajar sekolah, lelaki-perempuan, supaya kesemuanya dapat dilibatkan. Pelbagai kaedah penggalakan dapat dilakukan oleh jawatankuasa penaja sesuatu program. Kerjasama dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO), syarikat swasta, dermawan, sekolah-sekolah serta institusi pendidikan yang berdekatan dapat diperoleh untuk menjayakan program-program yang benar-benar dirancang dengan baik.

9.4. Bilangan sukarelawan dalam kalangan penganut Hindu yang sanggup menggunakan masa dan tenaga untuk menjayakan aktiviti dan program seperti ini harus dipertingkat, dan dihargai perkhidmatan mereka agar mereka terus ingin berkhidmat.

9.5. Setiap Kuil Induk Utama (daerah) harus mengadakan majlis untuk menghargai semua penderma, sukarelawan, penyumbang tenaga sebagai pengajar atau pemudahcara dengan

CamScanner

mencatatkan segala pencapaian pada tahun berkenaan dan hebahkannya agar menjadi contoh untuk diteladani, sebagai usaha bersepadu dengan semua kuil induk lain di daerahnya.

9.6. Demi memberikan pendidikan agama Hindu yang tersusun, kuil-kuil di Melaka seharusnya berganding bahu dan mendapatkan kurikulum daripada pihak-pihak yang bertauliah, sama ada di Malaysia, mahupun di Tamil Nadu atau di negara lain, dan mengadakan kelas agama Hindu pada kanak-kanak mahupun belia, dan kelas-kelas ini akan dapat diadakan pada beberapa tahap, sehingga tahap yang kedua belas, dengan diberikan sijil pada setiap tahap. Minat peroleh sijil harus digalakkan melalui permudahkan kurikulum pada tahap-tahap awal. Pada permulaan buku teks dan buku panduan yang disediakan oleh Malaysia Hindhudharma Maamandram dapat digunakan.

9.7. Kelas-kelas agama Hindu umum dapat diadakan untuk orang dewasa tentang aspek-aspek agama Hindu, dengan diberi sijil kehadiran bagi setiap aspek pada mereka. Dengan cara ini tahap pemahaman agama Hindu akan dapat ditingkatkan dalam kalangan ahli jawatankuasa, ahli-ahli mahupun para penganut yang dewasa di setiap kawasan.

9.8. Tenaga pengajar yang diperlukan harus dilatih dalam kalangan penganut Hindu tempatan, tanpa bergantung pada Malaysia Hindu Sangam mahupun Malaysia Hindhudharma Maamandram sahaja. Apabila ditubuhkan, Badan Penyelaras Kuil di negeri Melaka juga dapat merancang dan melaksanakan latihan ini dan memberikan pentauliahannya.

9.9. Semua anak muda dalam lingkungan umur perkahwinan harus didedahkan pada kursus perkahwinan agama Hindu supaya masing-masing benar-benar tersedia sebelum melangkah ke alam perkahwinan. Kuil Induk Utama di setiap daerah dapat melakukannya atau diadakan pada peringkat negeri dengan Kuil-Kuil Induk Utama menganjurkannya secara bergilir-gilir.

9.10. Perancangan untuk membina Dewan Perkahwinan Hindu atau KALYANA MANDAPAM yang serba lengkap di setiap Kuil Induk Utama di tiga daerah di negeri Melaka perlu dilakukan secepat mungkin, supaya majlis perkahwinan Hindu, mahupun aktiviti dan pertunjukan seni mahupun kebudayaan dapat dilangsungkan dengan tertib tanpa bergantung pada dewan-dewan pihak luar. Di setiap kuil induk lain, dewan serbaguna kecil harus dibina untuk aktiviti-aktiviti penganutnya di sekitarnya. Pembinaan ini dapat dilakukan berperingkat-peringkat, mengikut daerah, sehingga semua kawasan dapat diliputi dalam jangka masa yang terancang.

9.11. Program khusus untuk kaum belia seperti yang diadakan oleh agama-agama lain perlu diusahakan. Kem-kem khas dengan aktiviti-aktiviti yang menarik dapat diatur, jika kuil-kuil induk utama juga memikirkan tempat penginapan yang sesuai di pekarangan kuil. Pertandingan permainan antara belia kuil induk dapat dianjurkan sebagai usaha menarik minat para belia terhadap agama Hindu mahupun kuilnya. Karnival Sukan/Sastera/Budaya/Agama dapat diadakan setiap tahun dengan kuil-kuil induk bergilir-gilir menganjurkannya.

9.12. Suatu Cadangan Program di kuil Hindu:

9.12.1. Agama Hindu – kursus bertahap bersijil untuk kanak-kanak dan belia. Kursus pendedahan mengikut aspek-aspek agama Hindu pada peringkat dewasa dengan sijil penyertaan. Ceramah mingguan atas tajuk-tajuk khas sebelum pooja diadakan.

9.12.2. Pendidikan Umum – tuisyen bahasa/Sastera Tamil/BM/BI/Mata Pelajaran Penting; Program Sivik untuk semua penganut, kursus perkahwinan, kursus keluarga bahagia.

CamScanner

9.12.3. Menubuhkan dan menyelenggarakan perpustakaan dan bilik bacaan yang dilengkapi dengan kemudahan TV dan multimedia – yang ada jadual program bagi kumpulan-kumpulan sasaran yang berlainan setiap minggu.

9.12.4. Seni – kelas tarian, muzik, nyanyian dan sebagainya.

9.12.5. Sukan: Silambam, yoga, catur, sadugudu, bola sepak, bola keranjang, bola jaring dan sebagainya.

9.12.6. Kebajikan Masyarakat dalam Lokasi Kuil: Membantu keluarga miskin dengan bahan makanan, pakaian, wang; pelajar sekolah yang memerlukan barang persekolahan dan sebagainya; menyediakan penginapan sementara pada yang miskin, skim makanan untuk yang memerlukan. Kuil Induk Utama harus sediakan makanan pada fakir miskin sepanjang masa sesuai dengan ajaran agama Hindu. Bantuan semasa bencana alam dirancang.

9.12.7. Belia – Kem Belia Hindu, sukan, peraduan seni/persuratan, karnival antara kuil dan sebagainya.

9.12.8. Kanak-Kanak – Sesi menanam nilai-nilai murni melalui cerita, tayangan kartun, drama, nyanyian dan meraikan hari lahir,

9.12.9. Mengadakan kelas tadika bagi anak-anak penganut di bawah pentadbiran kuil induk, dan,

9.12.10. Aspek-aspek lain yang difikirkan relevan oleh jawatankuasa sesebuah kuil induk.

Yang disentuh hanyalah contoh. Masing-masing jawatankuasa dapat fikirkan aktiviti lain yang sesuai.

10.0. USAHA MELIBATKAN LEBIH BANYAK PENGANUT AGAMA HINDU TERHADAP AKTIVITI DI KUIL

Pada masa ini masih ramai penganut agama Hindu di Melaka yang belum menjadi ahli mahupun menjadi aktif di mana-mana kuil akibat pelbagai faktor yang telah dihuraikan. Kalau dahulu penempatan pekerja di ladang atau di perumahan jabatan awam memisah-misahkan penganut dan menyukarkan perpaduan, kini keadaan sudah berubah. Walaupun pada masa ini segala benteng pemisahan patut telah dipecahkan, namun, ada antara kuil-kuil yang berjaya dipindah ke kawasan lain yang masih menganggap kuil baharu eksklusif pada kumpulan yang tertentu.

Sikap ini perlu diubah, dan dibawa masuk semua penganut agama Hindu di kawasan berkaitan supaya kuil-kuil Hindu lebih kerap diziarahi oleh keluarga-keluarga Hindu dengan dipupuk perasaan kekitaan tanpa membeza-bezakan dari segi sejarah mereka, kasta, pangkat, mahupun kedudukan ekonomi keluarga Hindu. Masyarakat Hindu perlu sedar bahawa beberapa masalah yang sedia wujud sekarang, dan yang bakal wujud di negara ini, akan dapat diatasi jika penganut Hindu di setiap kawasan bersatu hati dan mengadakan program-program intervensi yang bakal dapat mengisi kekosongan yang wujud.

Misalnya, pengajaran bahasa dan kesusasteraan Tamil tidak menentu di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di negara kita – dan jika kelas seperti itu diadakan di kuil induk di setiap kawasan, kekosongan itu dapat dipenuhi. Demikian juga pengajaran bahasa Tamil di sekolah

CamScanner

kebangsaan tidak menentu pada pelajar-pelajar Tamil yang memilih ke sekolah berkenaan. Sudah tentu kuil dapat memainkan peranan untuk mengisi kekosongan seperti ini. Tanpa penyatuan tenaga, tugas seperti ini sukar dipikul.

Pada ketika ini pemimpin politik mengagihkan peruntukan pada kuil mengikut kemampuannya - tetapi hal ini bergantung pada kedudukan ekonomi negara dan penglibatan dan komitmen para pemimpin berkenaan. Namun, pengurusan kuil harus dapat berdikari tanpa mengharapkan peruntukan seperti ini. Jika berdikari, tidak kira parti atau barisan mana yang memimpin negara dan negeri, kuil-kuil dapat ditadbirkan dengan baik dengan mendapatkan sokongan penuh pemimpin yang memerintah pada sesuatu ketika itu.

Memang menjadi tugas utama untuk menjadikan semua penganut Hindu yang berumur lebih 18 tahun menjadi ahli kuil induk berhampiran supaya semua hal berkaitan agama Hindu dapat disampaikan pada mereka, dan, untuk menghindarkan pengajaran sesat mempengaruhi mereka. Ia juga menjadi benteng menegah propaganda agama lain pada mereka.

Program-program yang sesuai lagi menarik perlu ada untuk kanak-kanak dan belia daripada semua keluarga Hindu, agar mereka mula menghayati keindahan serta nilai-nilai murni dalam agama Hindu. Kini ada banyak terbitan buku dan persembahan multimedia yang begitu berwarna-warni yang dapat digunakan untuk menarik perhatian kanak-kanak ini supaya mereka berbangga menjadi penganut agama Hindu, khususnya apabila mereka berinteraksi dengan rakan-rakan yang berlainan agama.

Untuk menarik minat semua penganut Hindu tempatan ke kuil, beberapa amalan yang sudah menjadi sebati di kuil perlu dikaji semula agar sesuai dengan peredaran dan gaya hidup zaman ini. Misalnya, waktu *pooja* diadakan bertembung dengan masa makan dalam kalangan sesetengah penganut, lebih-lebih lagi apabila gaya hidup moden dan nasihat pakar-pakar pemakanan memerlukan makan malam dilakukan sebelum pukul 8 malam. Juga terdapat penganut yang lanjut umur, yang kurang sihat, yang perlu makan malam awal. Lazimnya ada anggapan dalam kalangan penganut Hindu bahawa mereka perlu menunggu sehingga semua aktiviti sembahyang selesai di kuil sebelum makan. Pada hari ini pun, ada sesetengah penganut beralas perut di rumah sebelum menziarahi kuil pada waktu petang supaya lebih selesa atas pilihan masing-masing, walaupun sebilangan besar masih setia pada kelaziman.

Pihak pengurusan kuil harus memikirkan hal ini, dan menyediakan kemudahan untuk mengisi perut di ruang berkaitan bagi penganut yang datang untuk menghadiri *pooja* mahupun *ubayam* pada waktu petang/malam.

Selain itu, di kebanyakan kuil, para penganut terpaksa duduk bersila pada tikar yang disediakan. Jarang-jarang disediakan kemudahan lain. Pada zaman hampir tiada keluarga yang mengamalkan duduk bersila untuk makan atau untuk duduk berbincang dalam kehidupan mereka – kerana duduk di kerusi sudah menjadi amalan harian – ramai penganut menghadapi kesukaran untuk duduk bersila semasa berada di kuil-kuil Hindu. Di kuil-kuil luar negara, sudah ada kebiasaan untuk menggunakan tikar beralaskan tilam yang nipis bagi yang ingin duduk bersila, dan pada orang tua, OKU, dan yang tidak dapat duduk bersila, kerusi disediakan di hujung atau tepi ruang sembahyang.

Sebaik-baiknya, sekurang-kurangnya di setiap kuil induk, amalan-amalan lazim ini perlu diubah supaya menarik lebih ramai penganut ke kuil. Ada baiknya perpustakaan dan bilik tayangan dibuka seawal pukul 6 petang supaya kanak-kanak, belia dan orang tua yang sampai awal dapat menggunakan kemudahan-kemudahan yang tersedia sebelum pooja dimulakan. Jika makanan asas disediakan sebelum pooja diadakan, para penganut akan lebih selesa dan lebih berminat

CamScanner

untuk menyertai aktiviti bersembahyang di kuil dengan penumpuan yang penuh. Sebenarnya pihak pengurusan setiap kuil perlu memikirkan sama ada amalan-amalan lazim masih relevan pada kala ini, dan berani membawa perubahan agar kuil menjadi lebih rapat pada penganut.

SARANAN

10.1. Setiap kuil induk harus ada bilik-bilik yang dapat digunakan sebagai kelas, dapat menampung persembahan multimedia, televisyen dan alat-alat siaraya yang sempurna untuk aktiviti.

10.2. Perpustakaan dan bilik bacaan yang diisi dengan buku dan majalah yang berkaitan agama Hindu, yang sesuai bagi setiap peringkat umur akan menarik lebih ramai penganut ke kuil. Kemudahan seperti inilah yang akan memungkinkan aktiviti dan program yang berterusan di kuil induk. Dan hanya apabila bilangan kuil mula mengecil kemudahan-kemudahan seperti ini dapat disediakan secara praktik.

10.3. Semua penganut Hindu yang berumur lebih 18 tahun di lokasi Kuil Induk harus didaftarkan oleh setiap Kuil Induk, dan pastikan ada aktiviti yang sesuai bagi semua ahli yang telah didaftarkan. Program-program seperti yang tersenarai dalam saranan 9.0 di atas akan memastikannya berlaku.

10.4 Semua pengurusan kuil patut mengkaji semula amalan-amalan lazim di kuilnya yang menjadi penghalang keselesaan para penganut untuk menghadiri aktiviti di kuil, dan berbincang secara serius dengan ahli-ahli agama, agar dapat mengubah sesetengah amalan supaya menjadi sesuai dengan gaya hidup serta perubahan zaman untuk memastikan dan membuktikan bahawa agama Hindu sentiasa bersedia untuk melalui evolusi sebagai agama yang sentiasa relevan mengikut peredaran zaman.

11.0. JAWATANKUASA PENGURUSAN KUIL

Kuil tidak mungkin ditadbirkan dengan baik jika komposisi jawatankuasa tiada kepakaran, kemahiran serta kelebihan tertentu. Namun, ada kuil di negeri Melaka yang ditadbirkan oleh orang perseorangan ataupun kumpulan tertentu tahun demi tahun tanpa perubahan – dan masih menjalankan *thiruvizha* dengan menjemput semua penganut tanpa melakukan apa-apa perubahan.

Kini sudah ada kuil-kuil yang telah dipindahkan ke tapak baharu, yang jawatankuasanya terdiri daripada kumpulan yang terpelajar di sana sini, tetapi masih terikat pada aktiviti-aktiviti lazim sahaja. Komposisi jawatankuasa di kebanyakan kuil masih bergantung pada personaliti dominan untuk menggerakkannya, dengan sumbangan yang minimum daripada ahli-ahli jawatankuasa yang lain. Apabila aktiviti rutin sahaja diutamakan, gaya ini memadai – tetapi, jika keahlian, aktiviti kuil dan programnya, serta pembangunan fizikal kuil diutamakan, gaya ini nyata tidak memadai.

Jika pun kuil-kuil kecil di kawasan pedalaman ingin mengekalkan *status quo* kerana sebab-sebab tertentu, sekurang-kurangnya jawatankuasa kuil-kuil induk di negeri Melaka disusun semula supaya dapat menampung keperluan yang bertambah – dengan memastikan setiap ahli jawatankuasa dapat memberikan sumbangan terhadap kecemerlangan kuil.

Sebagai kaum minoriti yang menganuti agama Hindu, maju mundur mahupun imej agama ini banyak bergantung pada aktiviti dan program di kuil, mahupun tataadab penganut Hindu dalam interaksinya dengan penganut-penganut agama lain di negara ini. Peranan kuil Hindu sangat penting.

CamScanner

Dalam keluarga penganut Hindu tiada peluang untuk menyampaikan mahupun menerima didikan agama Hindu secara bersistem. Di sekolah-sekolah kita memang tiada peluang ini. Peluang untuk mendapat didikan agama secara formal hampir tiada pada para belia Hindu. Mereka hanya lahir sebagai Hindu dan mengikut amalan-amalan orang tuanya di rumah, menonton adegan-adegan di kaca televisyen ataupun di layar perak, di samping menyaksikan apa-apa yang dilakukan di kuil-kuil Hindu tempatan. Dalam keadaan ini, kekosongan dalam penerimaan didikan agama yang besar ini sebaik-baiknya diisi oleh kuil-kuil Hindu dengan mengatur langkah yang positif untuk membimbing generasi muda agar mereka menghayati ajaran-ajaran agama Hindu secara terancang.

Oleh itu, peranan kuil untuk membentuk masyarakat Hindu tempatan dengan memupuk mereka dengan nilai-nilai positif dengan amalan-amalan yang tidak menimbulkan keresahan mana-mana pihak menjadi sangat penting, dan, tidak patut dianggap ringan.

SARANAN

11.1. Penganut Hindu yang aktif daripada belbagai peringkat umur, jantina, pangkat, dan kedudukan sosio-ekonomi hendaklah diterima menjadi komponen jawatankuasa kuil-kuil induk di Melaka. Walaupun tugas ini adalah sukarela, perlu ada komitmen untuk menggerakkan kuil ke tahap yang lebih tinggi dengan mendapatkan kerjasama semua penganut setempat tanpa sebarang perbezaan. Jawatankuasa ini haruslah merentasi segala perbezaan kasta, kerjaya, jantina, umur, mahupun fahaman politik – dan menyatukan semua keluarga Hindu setempat melalui aktiviti kuil.

11.2. Jawatankuasa yang dinamik sahaja akan dapat melakukan tugas ini, kerana jika jawatankuasa yang dibentuk lemah, maka aktiviti kuil juga akan turut lumpuh. Sebagai agama yang tiada sebarang pengiktirafan rasmi, segala kecemerlangan kuil tidak mungkin diwujudkan oleh mana-mana pihak luar – hanya komitmen dan keiltizaman yang tinggi dapat memberikan nyawa pada ahli-ahli jawatankuasa.

11.3. Pengiktirafan dalaman perlu difikirkan supaya semangat untuk berbakti terus membara dalam hati sanubari setiap ahli jawatankuasa agar peranannya membuahkan hasil.

11.4. Jawatankuasa di kuil-kuil Induk haruslah menerima masuk wakil-wakil daripada kuil-kuil kecil di klusternya, dan beberapa jawatankuasa harus dibentuk seperti dalam saranan 9.1 di atas, supaya melalui JK-JK ini semua penganut agama Hindu di lokasi berkenaan mendapat faedah yang maksimum.

12.0. BADAN PENYELARAS HAL EHWAL AGAMA HINDU DI MELAKA

Ketiadaan badan atau agensi kerajaan yang benar-benar mengawal dan menyelaras hal ehwal kuil Hindu serta aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengannya memang mewujudkan keadaan yang begitu bebas pada sesiapa yang ingin membina kuil tanpa mendapatkan kebenaran rasmi, mengadakan *thiruvizha* dan menjemput para penganut Hindu tempatan, mengadakan *pooja-pooja* mengikut pemahamannya, membenarkan penyembelihan hidupan di pekarangan kuil dan menghidangkannya pada para penganut yang datang, mendapatkan bantuan kewangan dan sokongan moral daripada ahli-ahli politik, kadang-kadang mengadakan aktiviti yang menyimpang daripada ajaran-ajaran agama Hindu, menjadikan kuil sebagai tempat menilik nasib berdasarkan '*arulvaakku*' dengan menamakannya sebagai sesi kaunseling tanpa batas, dan sebagainya.

CamScanner

Keadaan ini mengelirukan penganut Hindu tempatan, kerana ada antaranya yang mula mempercayai dan mendukung amalan-amalan di kuil-kuil seperti ini, manakala hanya yang mempunyai pengetahuan dan kesedaran dalam hal agama Hindu melalui bacaannya mahupun pendedahannya sahaja yang dapat membezakannya, dan, menyokong kuil-kuil yang benar-benar berpegang pada ajaran agama Hindu semasa. Hal yang tidak menentu ini menyebabkan sebilangan keluarga Hindu di negeri Melaka tidak menghadiri mahupun menyokong mana-mana kuil Hindu di negeri ini.

Di Tamil Nadu, India, tahap demokrasi dalam mengamalkan mazhab-mazhab agama Hindu-Tamil kegemaran masing-masing agak tinggi, tetapi cara itu tidaklah sesuai di negara kita, kerana struktur serta komposisi kependudukan masyarakat Malaysia dan kumpulan yang menganut agama Hindu sangat berbeza, dan bilangan yang kecil ini tidak harus terus menghidupkan perbezaan sesama sendiri.

Lebih-lebih lagi, masyarakat Hindu-Tamil yang bertumpu di ladang-ladang getah dan taman perumahan kakitangan jabatan kerajaan pada abad kesembilan belas dan abad kedua puluh, dalam bilangan yang agak besar untuk mewujudkan *`kampung'* mereka di tapak-tapak itu, kini sudah mula menetap di luar *'kampung-kampung'* itu akibat pembangunan negara dan peluang pekerjaan di bandar, pinggir bandar dan kawasan perindustrian. Kalau dahulu, ketua di setiap *`kampung'* itu dapat menentukan jenis kuil yang sesuai untuk pengikutnya di kampung berkenaan, kini keadaan seperti itu tidak wujud lagi.

Namun, yang ingin memindahkan kuil dari *`kampung'* (ladang) mereka dahulu ke tapak di luar, juga masih ingin meneruskan tradisi di *kampungnya* dahulu – dan sifat ini tidak membenarkan perpaduan dalam kalangan penganut Hindu yang tinggal di sekitar tapak baharu kuil berkenaan. Semasa kajian ini dilakukan, didapati setiap jawatankuasa kuil yang masih mentadbirkan kuil di tanah orang lain, ingin memindahkan kuil ke sesuatu tapak, walaupun sudah ada kuil lain berhampiran, yang telah diluluskan dan beroperasi.

Jumlah penganut Hindu di Melaka pada banci tahun 2010 ialah 47,186 orang. Jika pun pada hari ini jumlah itu dianggarkan pada 50,000 orang, bilangan kuil yang ada sekarang adalah terlalu tinggi. Tanpa badan atau agensi yang ada kuasa penguatkuasaan, keadaan ini tidak mungkin dapat dibendung dan diperkemas.

Malaysia Hindu Sangam dan *Malaysia Hindhudharma Maamandram* memang telah cuba menasihati dan menyelaras kuil-kuil Hindu di negara ini, tetapi, memandangkan badan-badan itu sendiri tiada kuasa penguatkuasaan, maka keberkesanannya sangat terhad. Kini badan-badan ini hanya menyelaras peraduan-peraduan, mengadakan kursus dan persidangan, memberikan nasihat pada pihak kerajaan apabila dipinta, tetapi nyata tidak dapat mengawal kuil-kuil Hindu di negara ini.

Enakmen Mohamedan dan Hindu Endowment Board 1905 di negeri-negeri Selat, akhirnya dipisahkan antara *Mohamaden (Islam)* dan *Hindu* di Singapura dan di Pulau Pinang selepas kemerdekaan, dan di kedua-dua tempat itu ada badan yang menyelaras hal agama dan budaya Hindu.

Di Singapura ada dua badan diwujudkan oleh pemerintah, iaitu *Hindu Endowment Board* pada tahun 1968 melalui *Akta Parlimen*, dan pada tahun 1985, *Hindu Advisory Board,* dan pengerusi bagi kedua-dua badan dilantik oleh *Kementerian Pembangunan Komuniti* di sana. Peraturan-peraturan yang diwujudkan melalui *Hindu Endowment Board* dapat mengawal semua aspek agama Hindu mahupun budaya Hindu, dan kakitangannya dibayar gaji oleh pemerintah, manakala *Hindu Advisory Board,* lebih merupakan penasihat, mewakili penganut agama Hindu Singapura. Walaupun penganut yang beragama Hindu di Singapura hanya sekitar lima peratus penduduk Singapura, pewujudan badan ini telah dapat menyelaras dan memperkemas perjalanan kuil-kuil di negara republik itu.

CamScanner

Di Pulau Pinang, *Hindu Endowment Board* juga dihidupkan selepas merdeka, dan kini berusaha untuk menyelaras dan memperkemas perjalanan kuil, hal-hal agama dan budaya Hindu di negeri itu. *Badan Wakaf Hindu* itu mendapat biayaan dan sokongan penuh daripada kerajaan negeri, dengan pejabat dan kakitangannya sendiri.

Namun, memang ada pihak yang tidak mahu sebarang penyelarasan atau kawalan pada kuil-kuil Hindu di negara ini jika kita tinjau respons akibat ura-ura untuk menubuhkan *Badan Wakaf Hindu* di setiap negeri di Malaysia. Banyak pihak tidak mahu dikawal kebebasannya untuk membina, mentadbir dan membangunkan kuil-kuilnya mengikut caranya masing-masing.

Kuil-kuil yang agak kukuh dalam kewangannya tidak mahu sesiapa mengganggunya melalui badan penyelarasan seperti ini. Ada juga yang ingin meneruskan mazhab idaman masing-masing dengan memberikan gambaran seolah-olah tiada sebarang keseragaman dalam agama Hindu. Amalan seperti ini mungkin tiada masalah di Tamil Nadu dengan struktur masyarakatnya di sana, tetapi, di negara Malaysia, yang penganut Hindu hanya di sekitar 6 peratus, perlu ada peraturan untuk mengawal serta memperkemas kuil-kuil Hindu khususnya, dan hal-hal agama Hindu dan budaya Hindu pada amnya, supaya keharmonian dalam kalangan penduduk pelbagai kaum dapat terpelihara.

Daripada keadaan yang bebas, apabila peraturan dikenakan, sudah tentu ada keresahan dalam kalangan sesetengah penganut Hindu, khususnya yang sudah membina kepentingan-kepentingan tertentu, dan yang tidak mahu melepaskan pegangan pada sesuatu, dan yang tidak bersedia untuk lebih telus dalam peranannya. Tentangan dan bantahan daripada kumpulan-kumpulan yang berkepentingan ini perlu dihadapi jika, dan, apabila, badan-badan rasmi untuk mengawal hal ehwal agama dan budaya Hindu diwujudkan di Melaka mahupun di negara Malaysia.

Badan khusus untuk menyelaraskan dan mengawal kuil-kuil Hindu di negeri Melaka khususnya perlu mendapat sokongan kerajaan negeri Melaka, sama ada melalui *Enakmen* khas yang dilakukan melalui *Dewan Undangan Negeri,* yang menyediakan peruntukan serta kakitangan khusus di bawah pentadbiran kerajaan Negeri, atau, setidak-tidaknya, melalui pengiktirafan pada *Majlis Gabungan Kuil (dan hal ehwal agama) Hindu Negeri Melaka* yang dibentuk oleh masyarakat Hindu setempat dan menerima khidmat nasihatnya dalam semua hal yang berkaitan dengan agama Hindu di dalam negeri ini.

SARANAN

12.1. Sudah sampai masanya untuk diwujudkan badan rasmi untuk mengawal, menyelaras, menasihat, serta memperkemas kuil-kuil Hindu di Melaka. Badan itu sebaik-baiknya direstui sebagai badan kerajaan negeri melalui suatu Enakmen, dan bidang kuasanya meliputi semua hal ehwal agama Hindu – kuil, taman perkuburan, pusat membakar mayat, tempat menjalankan istiadat agama selepas kematian, pesta-pesta agama Hindu di dalam negeri Melaka, perkahwinan tradisi Hindu di Melaka dan sebagainya.

12.2. Badan ini harus mempunyai pejabat dan kakitangan yang dapat menyimpan segala data tentang kuil, institusi-institusi agama Hindu yang lain, dan mewujudkan lembaga penasihat yang berwibawa untuk menasihati penganut yang ingin melakukan sesuatu atas nama agama Hindu, dan menasihati kerajaan negeri Melaka, mahupun pihak Pendaftar Pertubuhan tentang hal-hal yang berkaitan dengan kuil, persatuan, institusi, dan badan-badan yang menggunakan agama, bahasa dan/atau budaya Hindu/Tamil sebagai asasnya.

CamScanner

12.3. Jika Enakmen tidak dapat dilakukan atas apa-apa sebab, pihak kerajaan negeri harus mengiktirafkan pewujudan MAJLIS GABUNGAN KUIL-KUIL (DAN HAL EHWAL AGAMA) HINDU NEGERI MELAKA dan memberikan segala jenis sokongan, bantuan dan sumbangan tahunan agar aktiviti- aktivitinya untuk menyelaras dan memperkemas hal ehwal agama Hindu di negeri ini dapat dijalankan secara berkesan.

12.4. Badan yang diwujudkan harus berusaha untuk mendaftarkan semua keluarga atau penganut Hindu di Melaka, dan, jika program pembangunan masyarakat Hindu di Melaka melalui kuil-kuil induk dirancang, suatu yuran harus dipungut pada peringkat badan ini, dan berdasarkan kutipan mengikut zon kuil-kuil induk, peruntukan disediakan untuk membantu kuil-kuil berkenaan. Usaha ini akan memakan masa, tetapi, jika berjaya, ia akan menjadi landasan untuk kemajuan dan kemantapan dalam pentadbiran kuil-kuil Hindu di Melaka pada masa muka.

12.5. Segala sumbangan kerajaan negeri mahupun ahli politik, sama ada dari Dewan Undangan Negeri mahupun Dewan Rakyat, pada badan-badan Hindu di Melaka, termasuk kuil, harus disalurkan setelah mendapat nasihat daripada badan ini, agar ada ketelusan dan keutamaan ditentukan secara objektif. Demikian juga sebarang permohonan untuk mewujudkan kuil, persatuan, badan lain, mahupun penganjuran aktiviti agama/budaya/bahasa Hindu/Tamil perlu melalui badan ini sebelum diluluskan atau didaftarkan.

12.6. Walaupun pada mulanya akan timbul perasaan gelisah dalam kalangan sesetengah kumpulan yang ada kepentingan-kepentingan tertentu, namun, akhirnya suatu sistem yang lebih tersusun akan muncul dengan akauntabiliti dan ketelusan daripada semua pihak.

12.7. Badan ini juga dapat berhubung dengan badan-badan agama Hindu di luar negara untuk mendapatkan sumbangan buku dan bahan bacaan lain yang dapat disalurkan pada perpustakaan dan bilik bacaan di setiap kuil induk di Melaka. Lawatan juga dapat diaturkan.

12.8. Kerajaan Negeri Melaka harus memikirkan kebajikan masyarakat Hindu di negeri Melaka, dan hanya dengan langkah yang positif seperti ini, masalah-masalah sosial yang wujud dalam kalangan keluarga penganut Hindu, khususnya dalam kalangan belia, di negeri Melaka, dapat dibendung dalam jangka masa yang panjang. Akan ada pelbagai pandangan yang bercanggah dalam kalangan parti politik yang mewakili masyarakat Hindu di Melaka – namun, selagi tiada badan bukan politik kerajaan untuk menyelaraskan hal ehwal agama Hindu di negeri ini – selagi itulah masyarakat kecil ini akan terus berpuak-puak berdasarkan institusi, termasuk kuil, masing-masing.

12.9. Kalau dahulu kuil-kuil di ladang menjadi tanggungjawab tuan punya ladang, dan kebanyakan penganut Hindu tinggal di dalam kawasan ladang, kini kawalan perkampungan seperti itu sudah tiada, dan taburan keluarga-keluarga Hindu sudah begitu rupa sehingga sukar dikawal melalui agensi-agensi kerajaan yang ada. Misalnya, Persatuan Penduduk, atau badan-badan lain tidak dapat masuk campur dalam hal-hal agama Hindu, sehingga ada penganut Hindu begitu bebas melakukan sesuatu atas nama agama Hindu. Membendung dan menyelaraskan hal-hal ini memanglah dalam bidang kuasa kerajaan negeri Melaka.

12.10. Walaupun agama Islam menjadi agama rasmi di negara Malaysia, penganut-penganut agama lain memang diberi kebebasan untuk mengamalkan agama masing-masing secara sah. Oleh itu, pewujudan agensi kerajaan untuk mengawal selia dan memperkemas institusi agama Hindu di negeri Melaka bukanlah di luar bidang kuasa kerajaan negeri Melaka, malah merupakan langkah positif yang berkesan dalam usaha membentuk penduduk atau rakyat Melaka yang bersatu padu.

CamScanner

13.0 TANAH PERKUBURAN, PEMBAKARAN MAYAT DAN TEMPAT MENJALANKAN UPACARA PEMURNIAN ROH SELEPAS KEMATIAN *(AATHMAA SAANTHI MAIYAM)*

Walaupun aspek ini tidak berkait langsung dengan kuil-kuil Hindu, yang mempunyai peraturan tentang pantang larang pada penganut daripada keluarga yang ada kematian, namun, ada istiadat-istiadat yang wajib dijalankan apabila ada kematian di rumah, dan pada masa ini di negeri Melaka ada beberapa kemudahan bagi kaum Hindu semasa menghadapi peristiwa kematian.

Meskipun ramai penganut Hindu kini lebih suka pembakaran mayat si mati, masih ada juga yang memilih untuk menanam mayat di kubur – khususnya apabila melibatkan anak-anak kecil. Di daerah Melaka Tengah terdapat satu tanah kubur Hindu di Jelutung yang telah menggantikan tanah kubur di Bukit Serindit dahulu, satu lagi di Ayer Molek di tanah kerajaan manakala satu lagi terletak di Ladang Bukit Kajang. Di daerah Jasin pula terdapat 15 tanah kubur, 7 daripadanya di tanah kerajaan - di Merlimau, di Kampung Jasin Hilir, di Bemban, di Asahan, di Nyalas, di Selandar dan di Batang Melaka; satu daripadanya di tanah Felda Bukit Singgeh dan yang baki 7 terletak dalam tanah ladang – di Ladang Serkam, di Ladang Devon, di Ladang Merlimau, di Ladang Kemendor, di Ladang Jasin Lalang, di Ladang Diamond Jubilee, dan di Ladang Rim.

Di daerah Alor Gajah pula terdapat 12 tanah kubur Hindu, dan 8 daripadanya terletak dalam tanah kerajaan – di Tebong, Kemuning Kru, Pulau Sebang (Famosa), di Gadek, di Rembia, di Durian Tunggal, di Lendu dan di Masjid Tanah; 2 yang terletak di tanah ladang adalah di Ladang Tebong dan di Ladang Gadek; satu pula terletak di Felda Hutan Percha; dan, satu lagi di Pengkalan Balak kepunyaan Syarikat Swasta.

Tempat utama untuk pembakaran mayat di Melaka terletak di Jelutung, Batu Berendam, Melaka yang terletak di bawah pengawasan Majlis Bandaraya Hang Tuah Jaya. Demikian juga semua tanah kubur di daerah-daerah terletak di bawah pengawasan pejabat daerah masing-masing, ada yang ditadbirkan oleh kuil atau Persatuan Khairat Kematian, tetapi kebanyakan diselenggarakan oleh masyarakat Hindu tempatan. Krematorium atau tempat pembakaran mayat yang dahulunya ditadbirkan oleh Pertubuhan Pengurusan Rumah Pembakaran Mayat Jelutung, Melaka sejak tahun 2010, apabila kerajaan Pakatan Harapan menerajui negeri Melaka, atas permintaan wakil rakyat yang mewakili masyarakat Hindu, badan itu telah menyerahkan kembali pentadbiran krematorium kepada Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya – yang kemudian, pentadbirannya diserahkan pada Pertubuhan Wakaf India Negeri Melaka mulai pertengahan tahun 2019.

Perkara yang membimbangkan ialah tanah-tanah kubur di ladang-ladang dan pihak swasta yang mungkin diambil alih oleh masing-masing pemilik tanah tanpa memberikan tapak gantian. Lebih-lebih lagi, kini kebanyakan ladang sudah tidak menggajikan pekerja yang beragama Hindu, dan ada pula yang tidak membenarkan orang luar memasuki kawasan miliknya.

Perkara lain yang amat merunsingkan masyarakat Hindu di negeri Melaka ialah ketiadaan tempat atau *AATHMAA SAANTHI MAIYAM* yang disediakan secara rasmi di tepi sungai atau di tepi laut untuk menjalankan upacara pemurnian roh si mati pada hari ketiga kematiannya pada waktu pagi, sebelum subuh, oleh keluarga terdekat si mati. Istiadat ini tidak mengundang keramaian – hanya keluarga yang terdekat terdiri daripada kaum lelaki sahaja, dan diketuai oleh pedanda khusus yang terlatih dalam hal ini. Dalam upacara ini, waris lelaki si mati perlu masuk ke dalam air dan menyelam beberapa kali apabila meninggalkan segenggam abu si mati sebagai lambang mengembalikan dan memurnikan rohnya dalam kehidupannya kali ini agar ia dapat meneruskan perjalanan ke arah reinkarnasi melalui jelmaan seterusnya seperti yang terdapat dalam hukum agama Hindu.

CamScanner

BAHAGIAN A

Pada tahun 1950-an hingga 1970-an, beberapa kawasan pantai di Klebang digunakan untuk tujuan ini oleh penganut agama Hindu di Melaka, dan pada masa itu, masyarakat di sekitar menerimanya sebagai sesuatu upacara agama yang wajib, dan memberikan kerjasama yang wajar. Pada tahun 1980-an, 1990-an, dan pada abad kedua puluh satu, keadaan menjadi makin rumit bagi penganut agama Hindu kerana kebanyakan kawasan di tepi laut dan di tepi sungai sudah mula dimajukan, dan penduduk setempat tidak menyenangi kedatangan dan gangguan orang luar sehingga kadang-kadang mereka diherdik dan halau oleh penduduk tempatan. Walaupun dipohon banyak kali, kerajaan negeri tidak dapat menentukan sesuatu tempat yang khusus untuk melakukan upacara ini, khususnya kerana mendapat bantahan daripada wakil rakyat yang mewakili kawasan-kawasan pantai di negeri Melaka kerana anggapan upacara ini 'mengotori' kawasan berkenaan. Akibatnya, hingga sekarang, walaupun sudah lama masyarakat Hindu tinggal di negeri ini sebagai warganegaranya, belum ada satu tempat pun yang dapat disediakan secara rasmi untuk upacara yang sangat penting bagi penganut Hindu ini.

Sebenarnya usaha untuk mengadakan tempat yang sesuai dan selesa dimulakan sejak tahun 1950-an lagi oleh jawatankuasa yang diketuai oleh Mendiang Datuk C.M.Seth, diikuti oleh Mendiang Datuk SKRM Durairaj, dan wakil rakyat India/Hindu selepas itu, Mendiang Datuk N.Arunasalam, Datuk Wira R.Raghavan dan Datuk Wira R.Perumal. Pada waktu Datuk Wira R. Perumal menjadi Ahli Exco Kerajaan Negeri Melaka, beliau telah berusaha untuk mencari tempat yang sesuai untuk dijadikan pusat bagi upacara ini di tepi pantai di Pengkalan Balak, Sungai Udang. Beliau telah membawa YAB Ketua Menteri Negeri Melaka pada ketika itu, Datuk Wira (kini Tun) Mohd Ali Rustam ke Port Dickson untuk melihat pusat yang disediakan bagi penganut Hindu di Negeri Sembilan di sana. Namun, apabila hal itu dibentang dalam Majlis Mesyuarat Negeri, ia ditentang oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi kawasan berkenaan – dan usulnya telah tergendala tanpa sebarang penyelesaian. Apabila Datuk Mahadevan mengambil alih sebagai ahli Exco dalam sesi seterusnya, tiada apa-apa perkembangan dalam hal ini.

Apabila kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih kerajaan negeri Melaka pada tahun 2018, YB En.G.Saminathan, selaku ahli Exco, telah mengambil inisiatif untuk meneliti hal ini dan telah memeriksa beberapa tempat di tepi pantai, dan memilih sekali lagi tempat di Pengkalan Balak sebagai yang paling sesuai kerana pantainya landai, berpasir dan tidak berlumpur, di tepi taman perkuburan Cina dan beberapa kubur Hindu yang lama, selamat untuk penganut yang melakukan upacara dan sebagainya. Beliau telah membawa usulnya dalam Majlis Mesyuarat Negeri Melaka, dan telah dipersetujui dalam mesyuarat bilangan 28/2019 bertarikh 25 September, 2019 yang meluluskan permohonan untuk penyediaan tapak bagi membuang abu mayat komuniti India di Melaka. Lot tanah terletak di pesisir pantai Telok Gong berhampiran dengan Kubur Cina, berhampiran dengan Pulau Konet dan berada lebih kurang 500 meter daripada Stesen Janakuasa Elektrik, Telok Gong, di kawasan Kuala Sungai Baru untuk tindakan Pejabat daerah dan Tanah Alor Gajah.

Walaupun kelulusan seperti di atas telah dibuat, sebelum Pertubuhan Wakaf India Negeri Melaka dapat bergerak untuk memperoleh tanah berkenaan, perubahan kerajaan negeri telah berlaku. Perubahan ini menyebabkan kesukaran untuk Jawatankuasa Pertubuhan Wakaf itu meneruskan hasrat ini. Kerajaan baharu bersikap tidak menyokong keputusan pucuk pimpinan kerajaan Pakatan Harapan dahulu, dan parti Kongres India Malaysia, yang merupakan parti rakan kepimpinan baharu juga tidak menyokong usaha ini atas sebab-sebab politik, dan mengesyorkan tempat-tempat gantian sehingga keadaan menjadi lebih keruh.

Pada masa kajian ini ditulis, jawatankuasa ini sedang berusaha untuk meneruskan hasratnya dengan beberapa strategi dan telah bertemu dengan YAB Ketua Menteri Negeri Melaka untuk memohon jasa baiknya untuk meluluskan permohonan ini, sama ada di tempat yang dipohon

CamScanner

atau tempat lain yang menepati kriterianya. Masyarakat Hindu di negeri Melaka mengharapkan kerjasama pihak kerajaan negeri agar tempat khas ini bagi masyarakat Hindu di negeri Melaka akan menjadi kenyataan.

SARANAN

13.1. Di setiap kawasan yang ada penduduk kaum Hindu di Melaka, kerajaan harus menyediakan taman kubur yang bersesuaian bagi mereka. Jika perlu, tanah kubur di kawasan ladang, jika berhampiran dengan jalan raya, diambil alih oleh kerajaan dan dijadikan tanah wakaf di bawah Pejabat daerah, khusus sebagai Kubur Hindu.

13.2. Masyarakat Hindu di negeri Melaka perlu bersatu padu dan mula menubuhkan Persatuan Khairat Kematian atau pertubuhan seumpamanya untuk menguruskan hal ehwal tanah kubur di kawasan masing-masing.

13.3. Jika perlu, kubur di ladang-ladang yang terpaksa diambil alih oleh pemiliknya, dialih ke tanah kubur kaum Hindu yang diadakan di tanah wakaf yang disediakan oleh kerajaan.

13.4. Kerajaan Negeri Melaka dirayu agar benar-benar menunjukkan semangat yang dianjurkan oleh Rukunegara, dan membenarkan pembinaan tempat pemurniaan roh atau AATHMAA SANTHI MAIYAM di tepi pantai seperti yang diluluskan pada bulan September, 2019 oleh kerajaan Pakatan Harapan, atau tempat lain yang menepati kriterianya. Perbezaan politik tidak harus menghalang keputusan ini kerana hal yang sama pernah dibincang oleh kerajaan Barisan Nasional pada tahun 2012 lagi, tanpa sebarang keputusan.

13.5. Exco Kerajaan Negeri Melaka haruslah menghormati peruntukan yang digariskan dalam Perlembagaan Malaysia yang seperti berikut dalam Fasal 11 (3):

Tiap-tiap kumpulan agama berhak –

a) menguruskan hal ehwal agamanya sendiri;

b) menubuhkan dan menyenggarakan institusi-institusi bagi maksud agama atau khairat; dan,

c) memperoleh dan mempunyai harta dan memegang dan mentadbirkannya mengikut undang-undang.

KESIMPULAN

Kajian ini mengemukakan 75 saranan, yang antaranya mungkin tertindih antara satu sama lain kerana pertindihan skop yang berlaku dalam tiga belas tajuk yang dihuraikan dalam bab ini. Ada 7 saranan tentang sejarah kuil dan penganut Hindu di negeri Melaka; 5 saranan tentang hal-hal tanah kuil; 6 saranan tentang hal Pendaftaran Kuil dengan Pendaftar Pertubuhan; 5 saranan tentang *gurukkal* yang bertauliah; 5 saranan tentang penggunaan kuil sepanjang masa; 6 saranan tentang kemudahan yang lengkap di kuil; 2 saranan tentang penyembelihan hidupan di kuil; 4 saranan tentang *thiruvizha* dan *kumbabishegam*; 12 saranan tentang program-program di kuil; 4 saranan tentang penglibatan aktif penganut agama Hindu dalam aktiviti kuil; 4 saranan tentang Jawatankuasa yang menguruskan kuil; 10 saranan tentang Majlis atau Badan Penyelarasan Kuil dan Hal Ehwal Agama Hindu yang diiktiraf oleh kerajaan negeri Melaka, dan, 5 saranan tentang tanah kubur, krematorium dan tempat pemurnian roh selepas kematian.

CamScanner

Ada antara saranan yang ditujukan pada pihak berkuasa, manakala kebanyakan saranan ditujukan pada penganut agama Hindu di negeri Melaka khasnya – dan di negara Malaysia amnya – dan pemimpin-pemimpin yang terlibat dalam mengendalikan kuil-kuil Hindu, khususnya di negeri Melaka. Ada yang dapat dilakukan segera, manakala ada pula yang memerlukan pemikiran, perancangan dan pelaksanaan yang akan mengambil masa yang lama.

Namun, jika ada keinginan untuk mengangkat imej serta status penganut agama Hindu di negeri Melaka, langkah-langkah positif amat perlu dilakukan, walaupun ia memerlukan banyak pengorbanan, perbelanjaan, tenaga, kerjasama dan keiltizaman daripada setiap penganut agama Hindu di negeri Melaka dan sokongan padu daripada Agensi Kerajaan dan Kerajaan Negeri Melaka. Segala langkah ini sudah tentu akan membantu dalam pembentukan masyarakat Hindu yang benar-benar mendukung aspek-aspek yang tersurat dan tersirat dalam Rukunegara.

Itulah harapan Jawatankuasa Kajian Kuil Hindu di negeri Melaka ini.

CamScanner

PENUTUP

Kajian ini mununjukkan kedudukan sebenar kuil-kuil Hindu di negeri Melaka dari segi sejarahnya, pentadbirannya, amalan-amalan ibadat yang dijalankannya, jawatankuasa-jawatankuasa pentadbirannya, kemampuan kewangannya, *gurukkal* mahupun ketua agamanya, keahliannya, status tanahnya, pendaftarannya dengan Pendaftar Pertubuhan, program-programnya dan wawasannya melalui perancangan bagi beberapa tahun akan datang.

Daripada 146 kuil yang dikaji, sebilangan kecil sahaja mempunyai bangunan serta kemudahan yang dapat dianggap memuaskan sebagai kuil, manakala yang lain, lebih merupakan tempat beribadat sahaja berdasarkan kepercayaan terhadap kesaktian dewa/dewi yang bersemayam di sana. Namun, dalam agama Hindu kesemuanya memang dianggap *'kuil'*, dan konsep *'shrine'* atau *'tempat suci yang kecil'* memang tiada.

Banyak juga kuil yang mempunyai sejarah yang lama tergolong dalam kategori asas sahaja, walaupun ada desakan daripada kumpulan-kumpulan yang terlibat untuk memberikan keutamaan pada kuil-kuil ini dikekalkan di tapak yang sedia ada, walaupun tidak ramai penganut yang masih tinggal berhampiran.

Sikap untuk mementingkan kuil masing-masing kerana ikatan emosi terhadapnya agak ketara, dan, walaupun perubahan dalam pola kependudukan penganut agama Hindu di negeri Melaka agak jelas, namun, *nostalgia* dari zaman lalu masih mempengaruhi sebilangan besar pentadbiran kuil-kuil Hindu Melaka yang masih ingin mengekalkan kuil-kuil sebagai eksklusif bagi kumpulan terhad masing-masing.

Pengaruh kumpulan reformasi dalam kalangan orang Tamil yang dipelopori oleh *Periyaar* atau *E.VE.Ramasamy* telah mewujudkan sebilangan keluarga Tamil, walaupun pada rasminya dianggap beragama Hindu, tidak bersembahyang di kuil-kuil Hindu atas pemikiran *'rasional'* dan tarikan pada cara hidup Tamil yang digariskan oleh kitab-kitab moral klasik dalam bahasa Tamil. Walaupun pengaruh kumpulan ini makin pudar selepas tahun-tahun 1980-an, namun, pengikutnya masih aktif di negara ini melalui *Diravidar Kazhagam Malaysia* yang masih aktif di negara ini, termasuk di Melaka.

Keadaan yang begitu bebas telah menerbitkan kepelbagaian dalam amalan agama Hindu, termasuk penyembelihan hidupan, menilik nasib dengan memberikan '*arulvaaku*' melalui penurunan *dewa/dewi*, meminum arak dalam pekarangan kuil dan sebagainya, kerana tiada agensi mahupun pihak lain yang berkuasa yang dapat mengawalnya. Dalam keadaan ini mana-mana orang Hindu yang kurang senang pada sesuatu amalan hanya menjauhkan diri daripada kuil-kuil berkenaan dan tidak melakukan apa-apa untuk mengubahnya. Kepasifan penganut agama Hindu yang memahami ajaran-ajaran dan hukum agama Hindu memanglah sudah lama wujud sehingga kepelbagaian amalan mengikut selera masing-masing kumpulan berterusan sekian lama, baik di Tamil Nadu, mahupun di negara ini.

Dalam keadaan ini, guru-guru agama dan para *swamiji* pula telah muncul dalam deretan zaman dengan mengutamakan aspek-aspek agama Hindu sebagai utama dalam cara amalannya, dan dapat menarik minat penganut di pelbagai peringkat, termasuk di peringkat antarabangsa. Contoh seperti *Sri Sathya Sai Baba, Sri Shirdi Sai Baba, Naalvar, Sri Ramakrishna, Vallalar* dan *Satguru* – masing-masing mempunyai penganut yang setia. Ajaran mereka memang tidak menyimpang daripada bulatan falsafah agama Hindu yang begitu luas, dan dianggap sebagai mewarnai agama Hindu di alam ini.

CamScanner

Pengajaran yang disampaikan oleh guru-guru agama ini menekankan aspek-apek kemanusiaan sehingga ia menarik juga sebilangan orang yang bukan beragama Hindu di dunia pada masa ini. Namun, penganut Hindu yang setia pada guru-guru ini tidak membelakangkan ibadat di kuil-kuil Hindu, kerana kesemuanya dianggap selari. Dalam kajian ini, catatan ringkas tentang pusat-pusat seperti ini yang beroperasi di negeri Melaka memang termuat dalam bahagian D agar kajian ini lebih lengkap.

Dari segi pendidikan agama Hindu secara teratur, belum ada kuil Hindu di Melaka yang cuba menyampaikannya secara tersusun kepada para penganut. Kuil-kuil digunakan untuk beribadat sahaja di bawah pimpinan ketua agama atau *gurukkal* di setiap kuil, tanpa sebarang proses pembelajaran. Malah kebanyakan ketua agama pula tidak bertauliah dan tidak mendapat kepercayaan para penganut sebagai pemimpin agama yang disegani. Anehnya, *gurukkal* yang bertauliah sekalipun sanggup membenarkan amalan-amalan yang tidak mematuhi prinsip agama Hindu yang diterima pada hari ini, sehingga, kesemua amalan di kuil-kuil secara turun-temurun dianggap sesuai dalam agama ini. Ketiadaan perolehan pendidikan yang terancang dalam prinsip-prinsip agama Hindu dalam kalangan penganut Hindu menyebabkan keadaan yang tidak menentu ini. Di Singapura, dengan ihsan pemerintah, Badan Penyelaras Agama Hindu di sana telah menyelaraskan aktiviti di kuil-kuil, benar-benar mengikut falsafah agama Hindu sebenar yang diterima pada era ini.

Pendidikan agama Hindu yang terancang masih belum wujud di kuil-kuil Hindu di Melaka. Kelas-kelas untuk kanak-kanak juga tidak teratur. Kuil berfungsi dengan *gurukkal* sebagai ketua agama. Tetapi kebanyakan *gurukkal* tidak berkelayakan mahupun berpengalaman untuk membina keyakinan dalam kalangan penganut. Ada pula *gurukkal* yang terlatih juga telah sanggup menerima amalan-amalan yang menyimpang lunas agama sebenar kerana dianggap tradisi yang diterima oleh pengurusan kuil-kuil tempatan.

Kebanyakan usaha kepemimpinan kuil Hindu di negeri Melaka kini adalah untuk membeli tanah, membina atau membaiki bangunan kuil, mengadakan *thiruvizha* atau kumbabishegam dengan lebih meriah, mengadakan pooja dan *ubayam* yang berwarna-warni, tanpa memikirkan aspek rohaniah melalui penyampaian pendidikan agama Hindu mahupun memupuk kesedaran dalam kalangan penganut agama Hindu. Lebih-lebih lagi, kebanyakan kepemimpinan kuil mempunyai kepentingan diri masing-masing dan tiada kepakaran dalam hal ehwal agama Hindu. Sebenarnya, mereka tidak pun sedar tentang peri pentingnya pendidikan dan kesedaran ini dalam kalangan penganut agama Hindu kerana terlalu selesa dengan keadaan yang sedia ada yang tidak mengancam kedudukan mereka.

Akibatnya, sebilangan besar penganut Hindu lebih gemar bersembahyang di bilik sembahyang di rumahnya sendiri daripada menziarahi kuil kecuali pada hari-hari kebesaran agama tertentu yang memerlukan keramaian. Ada kalanya penganut menziarahi kuil untuk mendapat ketenangan, khususnya apabila tiada penganut lain di sana. Namun, dapat disimpulkan bahawa kuil-kuil dianggap tidak memainkan peranan yang lebih meluas dengan menyediakan aktiviti yang berguna pada segenap lapisan penganut Hindu setempat.

Sebenarnya, jika kuil masih dianggap tempat untuk menjalankan *pooja* sahaja, kemudahan bilik atau tempat penyembahan dan pendupaan khas yang disediakan di rumah kebanyakan penganut Hindu sudah pun memadai – dan keadaan sempit seperti di perumahan pekerja ladang mahupun di perumahan jabatan kerajaan dahulu sudah hampir tiada lagi. Oleh itu, kecuali kuil dapat menampilkan aktiviti yang pelbagai lagi menarik, kunjungan para penganut akan terus berkurangan.

Ketiadaan perpustakaan ataupun bilik bacaan di kuil-kuil di Melaka memanglah sesuatu yang menunjukkan bahawa pendidikan agama secara informal juga kurang diutamakan. Sukarelawan dari

CamScanner

dalam masyarakat dalaman kalangan guru, golongan suri rumah mahupun yang telah bersara masih belum digunakan secara berkesan di kuil-kuil ini, walaupun sebilangannya memang menganggotai jawatankuasa-jawatankuasa kuil secara agak pasif.

Keadaan ini menggalakkan kumpulan-kumpulan yang menyebarkan agama-agama lain dalam kalangan penganut agama Hindu mengambil kesempatan – dengan menjemput orang yang beragama Hindu sejak lahir - menyertai kem-kem belia, dan, turut serta dalam majlis-majlis yang merendah-rendahkan amalan penganut Hindu, di samping menghulurkan bantuan-bantuan kebajikan kepada yang perlu – sehingga ada yang secara rela memeluk agama-agama lain. Kadang-kadang seluruh keluarga memeluk agama lain apabila mendapat bantuan kewangan dan penjagaan oleh agama-agama yang mempunyai kegiatan dakwah yang tersusun dengan kewangan yang mencukupi. Perkembangan ini dikritik oleh penganut-penganut agama Hindu tanpa melihat kelemahan dalam amalan penggiat agama Hindu, yang dapat dilihat di kuil-kuil Hindu serta ketiadaan didikan yang efektif bagi penganut agama Hindu di negara ini.

Pemimpin-pemimpin politik yang beragama Hindu sekalipun lebih gemar membantu dan memberikan peruntukan pada mana-mana pihak kuil asalkan pentadbirannya menyokongnya atau partinya dari segi pengundian semasa pilihan raya. Apabila barisan lain mengambil alih pucuk pimpinan kerajaan, kadang-kadang timbul masalah dalam hubungan pihak pengurusan kuil dan pihak yang memerintah. Pengurusan kuil harus berkecuali dalam hal ehwal politik supaya dapat bekerjasama dengan mana-mana sahaja barisan yang memerintah.

Nyatalah, pemimpin politik tidak dapat menjadi agen perubahan untuk mengubah sikap para penganut agama Hindu ke arah pengamalan agama Hindu yang sahih yang diterima pada zaman ini kerana keutamaan mereka bukanlah kemurnian pengamalan agama Hindu dalam kalangan penganut, bahkan hanya kedudukan dan kemenangan dalam medan politik. Lebih-lebih lagi kerana mereka sendiri tiada kepakaran dan pengetahuan dalam agama Hindu, dan hampir tiada penasihat yang sesuai di samping mereka. Sebaik-baiknya ahli politik yang berkuasa membantu semua kuil mengikut meritnya tanpa perhitungan keuntungan politik.

KEPERLUAN TINDAKAN YANG POSITIF

Hasil kajian ini menimbulkan keadaan yang agak genting pada penganut-penganut agama Hindu di Melaka jika mereka ingin melakukan sesuatu untuk menerbitkan imej yang baik pada agama Hindu dan penganutnya di negeri ini. Pemimpin-pemimpin dan ketua-ketua kuil Hindu dan badan-badan bukan kerajaan yang berasaskan agama Hindu dan bahasa Tamil di Melaka perlu memikirkan hal-hal berkaitan agama ini, khususnya peranan kuil dalam membentuk peribadi dalam anggota-anggota keluarga Hindu di negeri Melaka.

Kebudayaan India tidak dapat dipisahkan daripada hal kepercayaan, bahasa, sastera, seni, makanan, dan segala aspek kehidupan – dan seseorang Hindu memang mencerminkan kesemuanya ini dalam hidupnya. Jika pengaruh-pengaruh negatif menular masuk dalam amalan-amalan yang menjadi kepercayaannya, maka nescaya akan dapat kelihatan dalam tingkah lakunya. Hal ini memanglah jelas pada seseorang penganalisis masyarakat ini.

Untuk sebarang tindakan intervensi untuk merubah keadaan ini, ada dua pendekatan yang dapat digunakan seperti yang telah disarankan dalam kajian ini, iaitu, yang pertama, masyarakat Hindu sendiri mengambil tindakan yang positif tanpa menunggu intervensi kerajaan, dan, yang kedua, dengan kerajaan negeri mengambil inisiatif menubuhkan badan penyelaras dengan segala garis panduan untuk dilaksanakan secara sah, dan menguatkuasakannya, agar ketertiban wujud di kuil-kuil Hindu di Melaka. Tindakan kedua pula memerlukan keprihatinan pihak kerajaan negeri,

CamScanner

dan agak sukar tercapai kerana hal-hal agama Hindu dan masyarakat Hindu yang kecil bilangannya di Melaka kerap dianggap kurang penting dan dibiarkan begitu sahaja. Oleh itu, dari segi praktik, masyarakat Hindu sendirilah yang patut mengatur langkah untuk intervensi ini.

TINDAKAN DARIPADA DALAM MASYARAKAT HINDU SENDIRI

Tindakan yang paling baik ialah yang wujud daripada kalangan masyarakat Hindu sendiri, dengan semua pemimpin sanggup menyingkirkan perbezaan dalam kalangannya, dan mengutamakan kesucian agama Hindu dan mempamerkan kesucian itu melalui amalan-amalan yang diseragamkan di negeri Melaka. Hal ini akan memberikan anak-anak muda dalam keluarga agama Hindu suatu pedoman yang konkrit terhadap agama Hindu yang dianutinya, dan membawa perpaduan dalam kalangan semua penganut agama Hindu di negeri Melaka, melalui aktiviti-aktiviti yang berpusat pada kuil-kuil Hindu di Melaka.

Suatu Majlis Gabungan Kuil-Kuil Hindu (dan Hal Ehwal Agama Hindu) Negeri Melaka dapat diwujudkan, yang dianggotai oleh pengurus kuil-kuil di negeri Melaka dan tokoh-tokoh agama dan masyarakat Hindu di Melaka, untuk mengadakan perbincangan terbuka, dengan memikirkan cara-cara menyeragamkan aktiviti, menggabungkan kuil-kuil, khususnya yang terdapat di tempat-tempat yang penganutnya berkurangan, memikirkan kuil-kuil yang dapat dijadikan kuil-kuil induk di negeri Melaka, sesuai dengan bilangan penganut agama Hindu di negeri ini. Jawatankuasa-jawatankuasa kerja dapat ditubuhkan untuk meneliti aspek-aspek tertentu secara lebih mendalam.

Majlis ini dapat mewakili kuil-kuil di negeri Melaka secara rasmi, untuk membawa hal-hal yang berkaitan pada kerajaan negeri, majlis kerajaan tempatan, pendaftar pertubuhan dan sebagainya secara rasmi.

Penubuhan Majlis Gabungan Kuil-Kuil (dan Hal Ehwal Agama Hindu) Hindu Negeri Melaka mungkin tidak disokong oleh semua kuil di Melaka pada awalnya, kerana memang ada kuil-kuil yang sudah berjaya dengan mengamalkan caranya yang tersendiri dan mungkin inginkan kebebasan untuk meneruskan amalannya tanpa sebarang batasan jika tiada paksaan undang-undang. Kuil yang meraih pendapatan yang besar juga mungkin mahu terus menikmati kebebasannya. Keengganan seperti ini tidak harus dihiraukan, kerana jika Majlis dapat mentertibkan kuil-kuil yang benar-benar ingin mencerminkan agama Hindu yang murni, dan mendidik semua lapisan penganutnya dalam hal ehwal agama Hindu, maka lambat laun tarikan terhadap kuil-kuil yang menyimpang dari jalan benar, akan berkurangan. Proses ini mungkin lambat, tetapi ia pasti berlaku jika Majlis ini benar-benar dinamik dalam usahanya.

Majlis ini boleh mewujudkan daftar penganut agama Hindu di Melaka melalui kuil-kuil di setiap kawasan, dan membantu merancangkan aktiviti agama melalui kuil-kuil di seluruh negeri Melaka. Malah, Majlis ini dapat menyelaraskan projek-projek pembangunan dan peruntukan kerajaan secara saksama pada semua kuil yang diiktiraf di Melaka.

Sudah tentu keberkesanan dan kejayaan Majlis seperti ini bergantung pada tahap kerjasama yang dapat dijana melalui permuafakatan dan kerjasama antara semua pihak di Melaka. Tokoh-tokoh yang berpengaruh tanpa memikirkan fahaman politik atau perbezaan lain, perlu memimpin Majlis sukarela ini untuk berjaya.

Langkah ini, jika berjaya, akan menunjukkan bahawa masyarakat Hindu di negeri Melaka dapat berdikari, dan, sesuai dengan tuntutan peredaran masa, dapat memperkemas aktiviti kuil-kuil Hindu demi memperkasakan agama Hindu dalam kalangan penganut, dan meninggikan imej agama Hindu dalam kalangan masyarakat berbilang agama di negeri Melaka.

CamScanner

TINDAKAN MELALUI KERAJAAN

Bagaimanapun, jika pihak kerajaan negeri Melaka menyedari bahawa ia bertanggungjawab terhadap semua penduduk di negeri Melaka, termasuk penganut agama Hindu sebanyak 6% daripada jumlah penduduknya, khususnya apabila melihat pada angka-angka yang menunjukkan kadar dan nisbah jenayah dan gejala-gejala sosial dalam kalangan kumpulan ini, maka ia boleh mewujudkan suatu badan untuk memastikan pendidikan agama Hindu yang benar dapat disampaikan pada penganut agama ini sambil menyelaraskan perjalanan dan pembinaan tempat-tempat ibadat atau kuil kaum ini melalui peraturan-peraturan khusus dengan melantik pegawai-pegawai pelaksanaannya.

Kerajaan negeri Melaka memang dapat mewujudkan sesuatu badan kerajaan untuk menyelaraskan, dan mengawal selia kuil-kuil Hindu, dengan peruntukan undang-undang yang menentukan syarat-syarat penubuhan atau pembinaan kuil Hindu, pengalihan kuil, projek-projek pembangunan agama dan budaya Hindu, program-program pendidikan dan kebajikan, dan sebagainya.

KEADAAN TANPA PENYELARASAN

Jika langkah ini tidak dilakukan, kepelbagaian kuil Hindu yang masing-masing menjadi milik kumpulan-kumpulan yang berkepentingan tertentu akan terus wujud, dan anak muda Hindu akan membesar tanpa didikan asas dalam agamanya – yang akan merugikan masyarakat Hindu itu sendiri, dan sudah tentu menimbulkan masalah dalam keharmonian dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum dan agama pada peringkat negeri dan negara seperti yang dibuktikan dalam perangkaan kadar jenayah di negara pada hari ini.

TINDAKAN HANYA APABILA TERBIT MASALAH

Bagaimanapun, kajian kita menunjukkan bahawa pihak kerajaan negeri hanya memikirkan masalah masyarakat Hindu semasa kuil Hindu perlu dirobohkan atau dialih secara wajib dan timbul reaksi yang kurang disenangi – dan pada masa-masa lain tidak begitu mengambil tahu tentangnya. Sikap yang ditunjukkan dalam menentukan tempat tunggal untuk pemurnian roh si mati orang Hindu *(Aathmaa Saanthi Maiyam)* di Melaka menunjukkan bahawa kepemimpinan kerajaan negeri masih menganggap masyarakat Hindu di negeri Melaka sebagai tidak penting. Namun, usaha untuk merubah sikap ini perlu dilakukan oleh pemimpin-pemimpin masyarakat Hindu di negeri Melaka melalui tindakan dan pendirian berpadu.

PERANAN PENGURUSAN KUIL DAN PEMIMPIN MASYARAKAT

Tidak kira *Majlis Gabungan Kuil (dan Hal Ehwal Agama Hindu) Hindu Negeri Melaka* sebagai usaha dalaman kalangan kuil negeri Melaka, ataupun *Badan Penyelaras Kuil dan Hal Ehwal Agama dan Budaya Hindu oleh Kerajaan Negeri Melaka,* semua pemimpin kuil dan agama Hindu perlu memikirkan kebajikan dan kebaikan seluruh masyarakat Hindu di Melaka, dan sanggup duduk bersama untuk memikirkan hala tuju pentadbiran kuil-kuil Hindu, dan bagaimana impaknya pada setiap keluarga Hindu di Melaka dan masyarakat Melaka pada keseluruhannya.

CamScanner

SUATU CADANGAN MEMPERKEMAS KUIL-KUIL HINDU DI MELAKA

Demi itu, Jawatankuasa Kajian Kuil-Kuil Hindu di Negeri Melaka mengemukakan suatu cadangan – yang boleh menjadi asas perbincangan lanjut untuk dijadikan pedoman – untuk difikirkan bersama, dan diamalkan dengan pindaan-pindaan yang difikirkan sesuai.

PENUBUHAN MAJLIS ATAU BADAN PENYELARAS KUIL-KUIL HINDU DI NEGERI MELAKA

Majlis Gabungan Kuil-Kuil (dan Hal Ehwal Agama & Budaya Hindu) Hindu Negeri Melaka, ataupun Badan Penyelaras Kuil-Kuil (dan Hal Ehwal Agama & Budaya Hindu) Hindu Negeri Melaka seharusnya ditubuhkan, sama ada melalui usaha pihak kuil-kuil serta pemimpin agama Hindu di negeri Melaka, ataupun, atas inisiatif pihak Kerajaan Negeri Melaka dengan melantik pemimpin-pemimpin agama Hindu yang dinamik dan bebas daripada pengaruh politik di negeri ini untuk menduduki jawatankuasanya.

PEJABAT KHAS

Sebaik-baiknya sebuah pejabat disediakan oleh kerajaan negeri dengan beberapa orang kakitangan kerajaan untuk berperanan sebagai urus setianya. Jika Majlis ditubuhkan oleh masyarakat Hindu, pejabatnya dengan kakitangannya juga perlu dilantik.

PERLEMBAGAAN UNTUK MAJLIS/BADAN PENYELARASAN

Perlembagaan bagi *Majlis* atau *Badan* ini perlu disediakan, dibincangkan dan diluluskan mengikut peraturan, dan didaftarkan. Jika Badan di bawah kerajaan negeri, sudah tentu ia melalui prosedurnya yang tersendiri dan mendapat kelulusan di peringkat Dewan Undangan Negeri.

SUMBANGAN TAHUNAN KERAJAAN

Kerajaan Negeri Melaka harus menyediakan sumbangan tahunan untuk membantu aktiviti kuil Hindu, khususnya aspek pendidikan dalam kadar sekurang-kurang dua juta ringgit setahun pada dasarnya, atau RM40.00 pada setiap penganut agama Hindu di negeri ini. Peruntukan ini untuk perbelanjaan yang berulang, manakala bantuan untuk projek pembangunan haruslah mengikut kertas cadangan yang dikemukakan oleh *Majlis* atau *Badan* yang diwujudkan itu. Badan-badan penyelarasan juga akan dapat memungut yuran atau sumbangan daripada semua penganut agama Hindu di negeri ini secara teratur dan tersusun apabila ada peruntukan asas daripada kerajaan negeri.

Pengauditan yang wajar harus dilakukan atas segala aktiviti *Majlis* mahupun *Badan* berkenaan supaya sentiasa telus.

BILANGAN KUIL

Pada dasarnya bilangan kuil untuk masyarakat Hindu yang kurang daripada 50,000 orang penganut di negeri Melaka perlu diteliti, dan bilangan kecil tetapi yang berkualiti tinggi harus disasarkan. Dengan tujuan ini, cadangan jawatankuasa kajian adalah seperti berikut:

CamScanner

KUIL INDUK UTAMA – 3 BUAH YANG SERBA LENGKAP

Kuil Induk Utama yang serba lengkap didirikan di Melaka Tengah, Jasin, dan Alor Gajah, iaitu di ketiga-tiga daerah, dalam kawasan tanah seluas 2 hingga 3 ekar setiap satu berhampiran tempat tinggal ramai penganut Hindu di daerah berkenaan. Kuil-kuil ini harus dibina mengikut peraturan dan tatacara yang terdapat dalam *Veda* Hindu, dalam bentuk istana dengan semua kemudahan dan kelengkapan yang perlu wujud di kuil Hindu contoh.

Kuil-kuil inilah yang sebaik-baiknya mempunyai *Kalyana Mandapam* atau Dewan Perkahwinan Hindu yang serba lengkap, selain kemudahan-kemudahan lain yang wajib di kuil Hindu. Kemudahan ini harus dapat menyempurnakan majlis perkahwinan tradisional secara sah, berdaftar, dan yang menelan ongkos yang sederhana agar tidak membebankan penganut Hindu setempat.

Kuil-kuil inilah yang harus mempunyai kemudahan asrama (dormitori) untuk mengadakan kem atau kursus agama dan bilik-bilik kuliah yang serba lengkap untuk penyampaian kuliah dari semasa ke semasa.

Setiap Kuil Induk Utama juga harus ada kelengkapan penuh, termasuk van jenazah untuk memastikan istiadat pengebumian ataupun pembakaran mayat dapat disempurnakan secara tertib tanpa melibatkan perbelanjaan yang besar. Setiap Kuil Induk Utama akan memimpin kuil-kuil induk yang masing-masing mempunyai kelompok kuil-kuil kecil yang berhampiran dengannya.

Jadual 30: STRUKTUR KUIL YANG DICADANGKAN

Jenis Kuil	Melaka Tengah	Jasin	Alor Gajah	Jumlah
KUIL INDUK UTAMA	1	1	1	**3**
KUIL INDUK	4	5	5	**14**
KUIL GABUNGAN	36	40	50	**126**
KUIL TRADISI (TRUST)	3	–	-	**3**
Jumlah	**44**	**46**	**56**	**146**

Nota: ***Kuil Tradisi MT1, MT2 dan MT3 kepunyaan Kaum Chitty Melaka dan Nattukkottai Chettiar, dengan 8 lagi kuil (MT4-MT11) agak eksklusif pada kaum-kaum berkenaan dan dikawal oleh Badan Amanah (Trust) masing-masing)***

Kuil Induk Utama harus mempunyai sekurang-kurangnya 4 orang *gurukkal* yang bertauliah, pemuzik *nadhaswaram* dan *melam*, pengawal, dan pengurus yang bertugas sepenuh masa. Kuil ini juga akan memberikan sumbangan perkhidmatan pada sebilangan kuil gabungan sama seperti kuil induk yang lain. Sukarelawan boleh membantu dalam aspek-aspek lain.

PEMBENTUKAN JAWATANKUASA DAN PENTADBIRAN

Setiap kuil induk utama dan kuil induk mestilah mempunyai pejabat di bangunan kuilnya.

Pentadbiran kuil-kuil induk utama harus terletak di bawah pengawasan *Majlis* ataupun *Badan* penyelaras pada peringkat negeri Melaka. Tetapi *Jawatankuasa Kuil Induk Utama* harus meliputi wakil-wakil daripada setiap kuil induk di daerahnya, selain dilantik pemimpin agama Hindu dalam

CamScanner

masyarakat setempat. Beberapa jawatankuasa khusus untuk Adat Istiadat dan Didikan Agama Hindu, Pembangunan Sosio-Budaya Penganut Hindu, Kebajikan Masyarakat Hindu Setempat, Latihan dan Pembangunan Ekonomi Masyarakat Hindu Setempat, dan, Sukan dan Rekreasi, dapat dibentuk. JK-JK ini dapat bekerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan, agensi-agensi kerajaan mahupun swasta untuk menjayakan aktivitinya – supaya suasana di kuil menunjukkan dinamisma yang menggerakkan penganut agama Hindu jauh daripada pengaruh-pengaruh negatif, dan lebih berkecimpung dalam aktiviti-aktiviti yang positif pada diri, keluarga, komuniti, negeri dan negara!

GERAI-GERAI YANG MENJUAL BARANG-BARANG SEMBAHYANG

Di *kuil-kuil* induk utama ini beberapa gerai tetap untuk menjual barang-barang keperluan untuk upacara-upacara agama dapat disediakan untuk dijual dalam harga yang berpatutan pada penganut. Gerai-gerai ini dapat disewakan sebagai suatu punca pendapatan pada kuil.

PEMILIHAN KUIL INDUK

Kuil yang sedia ada, mahupun kuil yang bakal dialih ke tapak yang sesuai, dapat dijadikan *Kuil Induk Utama*, dan harus dibincang bersama sebelum diputuskan.

KUIL INDUK 15 - 18 BUAH

Beberapa *Kuil Induk* dengan tanah sekitar 2 ekar, di tempat-tempat yang ada ramai penganut agama Hindu, dapat dijadikan kuil induk demi kemudahan penganut menziarahi kuil untuk beribadat. Kuil-kuil induk pula bekerjasama dengan kuil-kuil lain di sekitarnya, yang terletak di bawah pimpinannya, supaya aktiviti bagi seluruh kelompok kuil dalam kluster kuil induk dapat diselaraskan, dengan aktiviti yang sesuai dijalankan di kuil-kuil kecil sekalipun.

Wakil-wakil kuil dalam kluster harus menyertai jawatankuasa kuil induk. Kuil-kuil kecil yang lain, khususnya yang belum ada tanahnya sendiri, jika terpaksa dipindahkan, dapat ditempatkan di pekarangan kuil induk atau kuil induk utama – dengan mencatatkan sejarahnya agar berguna pada generasi akan datang.

Antara 15 hingga 18 kuil induk dapat dikenal pasti di seluruh negeri Melaka, khususnya yang telah mempunyai tanahnya sendiri, mempunyai pentadbiran yang dinamik, sanggup bekerjasama dengan kuil-kuil kecil di sekitarnya, dan sanggup menerima masuk wakil kuil-kuil gabungan dalam jawatankuasanya, sanggup menggunakan kesemua kuil dalam kelompoknya semasa merancang aktiviti dalam takwim kuilnya, dan sanggup menerima pengalihan kuil dalam kelompoknya jika ia terpaksa berpindah.

KERJASAMA ANTARA KUIL INDUK DAN KUIL-KUIL DALAM KLUSTERNYA

Oleh sebab *Kuil Induk* bekerjasama dengan kuil-kuil dalam kelompoknya, secara bersama kesemuanya memastikan semua keluarga penganut Hindu di kawasannya dihampiri, digalak, dilibatkan dalam aktiviti-aktiviti yang dirancang untuk seluruh kelompok kuil sepanjang tahun.

Dalam setiap kelompok kuil di bawah kuil induk, sekurang-kurangnya perlu ada 3 orang *gurukkal* yang bertauliah yang bertugas sepenuh masa, ada pemuzik tradisional *nadhaswaram / melam*, supaya semua aktiviti di kuil-kuil dalam kelompoknya dapat berjalan dengan lancar lagi sempurna. Di bangunan kuil induk juga harus ada pejabatnya dengan seorang pengurus penuh masa dengan pembantu-pembantu sukarela.

CamScanner

PERPUSTAKAAN DAN KEMUDAHAN LAIN

Sebuah perpustakaan perlu diwujudkan di setiap kuil induk dengan bahan bacaan yang sesuai untuk semua peringkat umur dan lapisan penganut Hindu dalam bahasa Tamil, bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia.

Jika mampu, kuil induk juga boleh menyediakan dewan perkahwinan yang kecil bagi majlis-majlis perkahwinan yang kecil tanpa perbelanjaan yang besar, dan juga kemudahan gerai-gerai jualan barang-barang keperluan untuk bersembahyang demi kemudahan para penganut.

SEMANGAT KERJASAMA ANTARA KUIL

Jawatankuasa setiap *Kuil Induk Utama* dan *Kuil Induk* haruslah dibentuk mengikut keperluan dan kehendak penganut agama Hindu setempat. Yang penting, wakil setiap kuil yang sanggup bekerjasama dalam usaha ini mempunyai suara, dan sanggup turut serta membuat keputusan dengan memikirkan kepentingan dan imej agama Hindu dan masyarakat Hindu setempat dalam konteks masyarakat berbilang agama di negeri Melaka dan Malaysia.

KERJASAMA DAN SOKONGAN KERAJAAN

Kerjasama kerajaan negeri untuk memperoleh tanah yang keluasannya yang mencukupi bagi kuil-kuil induk, dan kuil induk utama, perlulah diusahakan agar kuil-kuil ini tidak menghadapi sebarang masalah untuk mendapatkan semua jenis kelulusan daripada semua agensi kerajaan, dan untuk memainkan peranannya seperti diharapkan.

SEKITAR 20 KUIL UTAMA MEMADAI DI NEGERI MELAKA

Bagi bilangan penganut Hindu di negeri Melaka, 146 kuil adalah terlalu banyak, dan bilangan yang besar ini menyebabkan pembaziran wang dan tenaga, manakala prestasi kebanyakan kuil sangat kurang memuaskan sehingga peranannya terhadap penganut sangat minimum. Jika sebuah kuil induk diwujudkan bagi 2,500 – 3,000 penganut, negeri Melaka memerlukan antara 15 hingga 18 kuil induk sahaja, iaitu 5 hingga 7 kuil gabungan di bawah setiap kuil induk. Bilangan sebenar harus difikirkan bersama dengan mengambil kira pelbagai faktor yang wujud di setiap kawasan. Termasuk Kuil Induk Utama, jumlah kuil induk tidak perlu melebihi 20 buah di negeri Melaka.

KUIL-KUIL *CHITTY MELAKA* DAN KUIL NATTUKOTTAI *CHETTIAR* ATAU *NAGARATHAAR*

Kuil-kuil di bawah pentadbiran masyarakat *Chitty Melaka* sudah tentu ingin menjadi satu kelompok di bawah kuil induknya (MT3) sendiri. Demikian juga Nattukottai Chettiar di Melaka mungkin mahu kekal dengan kuilnya (MT1), dan kuil kaum *Chitty Melaka* yang bersejarah (MT2) di bawah pentadbirannya, dan mungkin tidak mahu terlibat dalam perubahan seperti yang dicadangkan, kerana di seluruh negara Malaysia, kuil-kuil mereka ditadbirkan dengan cara mereka sendiri tanpa penglibatan penganut luar dalam pentadbirannya, dan mereka mempunyai kemampuan untuk berdikari.

CamScanner

KUIL HIDANGAN DAGING DAN YANG MEMBERIKAN *ARULVAAKKU*

Kuil-kuil yang masih mengamalkan pengorbanan nyawa di kuilnya, dan yang masih mengamalkan '*arulvaakku*' mungkin akan menyertai perubahan yang dicadangkan, dan melalui pendidikan, lambat laun, perubahan yang diharapkan akan dapat dicapai. Tetapi, mungkin juga ada yang tidak mahu turut serta dan ingin berdikari kerana meyakini sumber dana yang dapat diterima daripada penganut setianya agak lumayan dan mereka ingin berdikari.

Hal-hal seperti ini boleh mengurangkan bilangan kuil induk di sesuatu daerah. Namun, keengganan sebilangan kuil atas sebab-sebab tertentu tidak harus memudarkan semangat penggerak perubahan dalam kalangan kuil Hindu, kerana jika perubahan yang dicadangkan terbukti keberkesanannya, makin lama, makin banyak kuil akan turut serta nanti.

KEWANGAN DAN DAYA KEPEMIMPINAN

Sehingga rangka pentadbiran serta punca kewangan difikirkan dan dirancangkan dengan teliti, usaha ini akan kelihatan sukar - tetapi, kepemimpinan yang dinamik dapat memikirkan hal-hal yang genting ini dan meletakkan asas yang kukuh dengan mendapatkan kerjasama dan sokongan kerajaan negeri pada rancangan-rancangan penyelarasan kuil-kuil ini. Di samping itu, ia harus mendapatkan sokongan para penganut agama Hindu melalui sesi-sesi kesedaran dan merubah daya kepemimpinan dalam kalangan pengurusan kuil-kuil di negeri Melaka. Proses ini akan mengambil masa, tetapi jika ada keiltizaman - ia akan pasti membuahkan hasil. Sukar - ya! Mustahil - Tidak!!

KUIL-KUIL YANG TIDAK MAHU BERGABUNG DAN INGIN BERDIKARI

Kuil-kuil yang tidak mahu bekerjasama, dan ingin berdikari dengan caranya sendiri memang dapat berterusan dengan syarat ia berdaftar, dan pihak kerajaan seharusnya tidak memberikan sebarang bantuan kewangan padanya, tetapi disyaratkan mematuhi garis panduan yang disediakan oleh agensi kerajaan. Mana-mana kuil yang tidak dapat memenuhi syarat seharusnya dikenakan tindakan mengikut undang-undang yang ada – kerana jika dibiarkan terus tanpa sekatan, mungkin ia akan menggalakkan lebih ramai untuk menubuhkan kuil-kuil jenis ini. Dengan cara ini, tidaklah akan ada sebarang kuil Hindu yang wujud di negeri Melaka, yang tidak berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

KEPERLUAN ASAS

Majlis Gabungan Kuil-Kuil (dan Hal Ehwal Agama & Kebudayaan) Hindu Negeri Melaka atau *Badan Penyelaras* yang bakal ditubuhkan perlu mencari dana atas usahanya sendiri untuk mewujudkan pejabatnya dan kakitangannya supaya pentadbiran dapat dilakukan dengan baik, khususnya jika pihak kerajaan tidak menyediakan pejabat asasnya. Ia juga harus didaftarkan secara sah dengan Pendaftar Pertubuhan. Peruntukan kerajaan negeri dapat dipohon untuk tujuan ini, dan jika kerajaan negeri tidak mahu menubuhkan badan penyelarasan seperti yang dicadangkan, sekurang-kurangnya, kerajaan negeri harus memberikan peruntukan yang setimpal, seperti yang dicadangkan dalam kajian ini, agar Majlis ini dapat bergerak seperti yang dihasratkan. Perlembagaan Majlis ini mestilah membenarkan tokoh-tokoh agama dan masyarakat Hindu umum dapat menganggotainya untuk memberikan keupayaan yang lebih dalam aktivitinya.

CamScanner

SUATU CADANGAN KUIL-KUIL INDUK DI MELAKA

Kami cadangkan kuil-kuil induk di lokasi-lokasi berikut, yang boleh diubah mengikut keperluan oleh pemimpin-pemimpin kuil dan masyarakat Hindu nanti:

Jadual 31: CADANGAN KUIL-KUIL INDUK DARIPADA YANG SEDIA ADA

DAERAH	KUIL INDUK		KUIL TRADISI	
MELAKA TENGAH	MT 38	GAJAH BERANG (BANDAR)		
	MT 22	BATU BERENDAM	MT 1	CHENG *(Nattu Kottai Chettiar)*
	MT 19	BUKIT BERUANG	MT 2	SPVM *(bandar–Chitty -bersejarah)*
	MT 39	PAYA RUMPUT	MT 3	Gajah Berang-*(Chitty)*
	MT 14	SUNGAI UDANG		
JASIN	J 9	BANDAR JASIN		
	J 7	RIM (JALAN JASIN ASAHAN)		
	J 1	BATANG MELAKA		
	J 2	SELANDAR		
	J 22	SERKAM, MERLIMAU		
ALOR GAJAH	AG 3	BANDAR ALOR GAJAH		
	AG 23	PULAU SEBANG		
	AG 24	KUALA SUNGAI BARU		
	AG 39	REMBIA-LENDU		
	AG 13	(MASJID TANAH)*		
	AG 17	(TEBONG)*		

Nota: ***1. Kuil Induk Utama boleh dipilih antara yang dicadangkan. Pemilihan ini perlu mengambil kira kesanggupan untuk menerima tanggungjawab dan jumlah penganut Hindu di sekitar. Kuil-kuil gabungan berdasarkan jaraknya daripada kuil induk.***

2. Tanda kurung * – kuil di tanah ladang

Cadangan ini meliputi 5 kuil masing-masing di daerah Melaka Tengah dan di daerah Jasin, dan 6 kuil di daerah Alor Gajah. Dengan 3 kuil tradisi di bawah seliaan Badan Amanah, 19 kuil yang disenaraikan di atas dapat memainkan peranan yang besar. Seboleh-bolehnya kuil di tanah sendiri dipilih. Namun, pilihan ini hanyalah cadangan dan hal ini terpulang pada para pemimpin kuil dan masyarakat untuk menentukannya mengikut keperluan dan kesediaan pihak-pihak kuil berkenaan. Sesi-sesi kesedaran pada pengurusan kuil, dan para penganut Hindu perlu dilakukan secara berkesan sebelum hal ini dapat dilakukan.

KOMPOSISI MAJLIS PENYELARASAN KUIL-KUIL DAN HAL EHWAL HINDU DI NEGERI MELAKA

Jika kerajaan negeri mewujudkan badan penyelaras hal ehwal agama Hindu, ia perlu mempunyai pejabat dan kakitangan di bawah kerajaan negeri Melaka, dan dapat menyelaraskan penubuhan, kawalan, dan aktiviti semua kuil Hindu, taman perkuburan Hindu, tempat membakar mayat Hindu, tempat pemurnian roh si mati atau ***Aathmaa Saanthi Maiyam,*** aktiviti budaya Hindu, dan menjadi penasihat kepada kerajaan negeri dalam hal ehwal agama Hindu.

Suatu Jawatankuasa Penasihat Agama Hindu dapat ditubuhkan juga – dengan keahlian terdiri daripada ketua-ketua masyarakat dan agama Hindu di negeri Melaka – untuk membantu dan

CamScanner

menasihati badan yang bakal ditubuhkan. Hal ini kerana, kakitangan yang dilantik ke dalam badan itu memerlukan bimbingan dalam hal ehwal agama Hindu daripada orang-orang yang berpengalaman daripada dalam masyarakat Hindu dan dari luar badan itu.

TEMPAT PEMURNIAN ROH *(AATHMAA SAANTHI MAIYAM)* BAGI PENGANUT HINDU

Tempat yang sesuai untuk pemurnian roh selepas 3 hari kematian dalam kalangan keluarga Hindu haruslah disediakan dan diwartakan kerana sehingga sekarang belum ada tempat yang diluluskan secara rasmi oleh kerajaan negeri Melaka, walaupun usaha dijalankan selama berpuluh-puluh tahun. Hal ini adalah suatu keperluan agar upacara ini dapat dijalankan secara tertib dan selesa oleh penganut Hindu di tempat yang diselenggarakan dengan baik sesuai dengan peredaran zaman.

SESI KESEDARAN

Sebelum bertindak untuk melaksanakan saranan yang dicadangkan, ada baiknya diadakan sesi kesedaran dalam kalangan pemimpin serta ahli jawatankuasa kuil, pemimpin-pemimpin kemasyarakatan dan agama Hindu, dan juga para penganut Hindu di negeri Melaka.

Misalnya tema 'KEPEMIMPINAN – KEMANUSIAAN DAN KETUHANAN' dapat digunakan untuk menganjurkan bengkel di beberapa peringkat, dan kawasan, untuk menimbulkan kesedaran dalam kalangan mereka. Bengkel-bengkel dapat dijalankan atas tajuk-tajuk berikut di bawah tema berkenaan:

1. Kepemimpinan di kuil; Sifat kesukarelawanan berdasarkan Ketuhanan; Pengumpulan dana; Penggabungan kuil; Badan Amanah atau Wakaf Agama.
2. Aktiviti-Aktiviti Kuil dan Tanggungjawab Sosialnya.
3. Pembangunan Kemanusiaan melalui Ketuhanan.
4. Proses Pengajaran-Pembelajaran Lunas-Lunas dan Hukum Agama.
5. Pemikiran Ketuhanan dan Kehidupan berlandaskan Nilai Murni bagi kaum wanita dan Belia.

Latihan mahupun bengkel seperti ini dapat dijalankan oleh pihak kuil dengan kerjasama badan-badan bukan kerajaan tempatan, tanpa mengharapkan pihak luar. Untuk melaksanakannya, sebuah jawatankuasa dapat diwujudkan pada peringkat negeri Melaka dengan mendapatkan kerjasama pemudahcara-pemudahcara yang sesuai untuk menganjurkan latihan dan bengkel seperti ini dengan kerjasama pengurusan kuil-kuil di negeri Melaka.

Sesuai dengan peredaran zaman, dengan penuh kesedaran tentang aspirasi masyarakat semasa, selain menjalankan upacara-upacara agama secara teratur, kuil-kuil Hindu juga harus berusaha untuk meningkatkan penglibatan para penganut Hindu dalam aktiviti-aktiviti yang bertujuan membangunkan sahsiah mereka dari semua segi kehidupannya. Hal ini menjadi tuntutan zaman, dan, jika ia tidak dijalankan segera, kerugian adalah untuk masyarakat Hindu juga akhirnya. Tanpa menunggu orang lain, adalah lebih elok jika masyarakat Hindu-Tamil sendiri mengorak langkah ke arah pencapaiannya.

CamScanner

HARAPAN

Cadangan-cadangan serta saranan-saranan yang diberikan pada akhir kajian ini mungkin dapat ditambah atau diubah suai apabila ada perbincangan yang mendalam dalam kalangan pemimpin dan tokoh masyarakat Hindu di Melaka khasnya mahupun di Malaysia amnya.

Namun, sesuatu yang positif harus dilakukan demi memelihara, memperkasa dan mengharumkan agama Hindu di negeri Melaka yang bersejarah ini. Kejayaan segala usaha ini bakal dapat diukur, bukan sahaja daripada ketertiban aktiviti-aktiiviti dan pengurusan kuil, bahkan, yang lebih penting, melalui tataadab penganut Hindu dalam masyarakat pelbagai kaum di negeri Melaka, mahupun di negara Malaysia.

Perjalanan untuk mencapai kesempurnaan tidak mungkin tamat, bahkan akan sentiasa berterusan dalam masyarakat. Tetapi, Jawatankuasa Pengkaji Kuil-Kuil Hindu di Melaka amat sedar bahawa yang paling sukar adalah untuk pemimpin dan anggota masyarakat menyatukan tenaga dan bersemangat untuk memulakannya!....

CamScanner

CamScanner

BAHAGIAN B

CamScanner

CamScanner

AGAMA HINDU SECARA RINGKAS

Banyak pihak mengeluarkan pandangan-pandangan yang kurang tepat tentang agama Hindu kerana tidak mempunyai hanya satu punca sumber yang menyampaikan ajaran-ajaran agama ini. Agama ini telah membangun melalui deretan masa yang lama, dan telah berkembang menjadi cabang-cabang atau fahaman-fahaman daripada punca yang sama. Empat variasi yang paling besar ialah *Vaishnavisma*, *Saivaisma*, *Shaktisma*, dan *Smartisma*. Melalui empat variasi besar ini pula terdapat ribuan pemikiran, *sampradaya*, yang diutarakan melalui pelbagai guru agama atau *parampara*. Setiap daripadanya memang mempunyai kesempurnaannya yang tersendiri.

Oleh itu, agama ini tidak dapat dikaitkan pada satu sumber, atau satu penyampai ajaran yang terpilih, dan dengan sebab itu, ia tidak ada pemimpin atau ketua agama yang dapat mengawal perlakuan semua penganut mahupun institusi dan tempat ibadat agama Hindu.

BANYAK KEPERCAYAAN DI BAWAH SATU NAMA

Tradisi ini dapat ditakrifkan dan difahami sebagai beribu-ribu fahaman yang wujud di bawah payung yang dinamakan *Hinduisma*, atau *Dharma Sanatana*. Ketidakfahaman terhadap asas kepelbagaian ini selalunya menyebabkan orang peroleh persepsi yang salah terhadap agama ini. Lebih-lebih lagi kerana kebanyakan agama lain kelihatan lebih berpadu, mudah dan jelas.

Pada seseorang pemerhati, walaupun warisan agama Hindu begitu lama, sistem pemikiran Hindu yang jitu, kesenian dan reka bentuk bangunannya yang begitu indah, namun, *Hinduisma* masih menjadi suatu misteri. Banyak juga yang menjadi mangsa ketidakfahaman ini sehingga berpersepsi seolah-olah agama ini dipenuhi oleh penganut yang menyembah lembu, ular, atau penganut yang berbaring atas katil paku walaupun tradisi ini begitu kaya dan memberikan kepuasan kerohanian yang tinggi pada penganut setianya.

Satu cara yang mudah wujud pada masa ini kerana ratusan guru agama atau *swamiji* mahupun pandit terdapat di seluruh dunia, yang masing-masing menyampaikan persepsi masing-masing lengkap dengan ajaran-ajaran yang dipetik daripada khazanah ajaran agama Hindu yang begitu luas, memeluk *sampradaya* yang difikirkan sesuai dan memadai padanya, dan menentukan peraturan serta tatacara bagi tradisinya. Pada hari ini, kebanyakan penganut memilih salah satu petunjuk ini untuk menjalankan amal ibadatnya sebagai seorang penganut agama Hindu.

Walaupun pada zahirnya nampaknya ada kelainan, namun, pada intinya, kesemua perbezaan itu adalah hanya tafsiran yang berlainan pada ajaran-ajaran asas dalam agama Hindu. Sebenarnya, setiap *swamiji*, guru agama dan pandit ini merupakan penyuntik inspirasi pada penganut agama Hindu di seluruh dunia melalui aktiviti-aktiviti anjuran mereka.

EMPAT PRINSIP ASAS

Cara yang mudah untuk memahami agama Hindu asas adalah melalui empat prinsip asas yang dipercayai oleh semua penganut agama Hindu – iaitu, *karma*, *kepercayaan bahawa Roh Menjelma Semula (Reinkarnasi)*, *Diviniti yang menyeluruh*, dan *Dharma*.

CamScanner

BAHAGIAN B

- ***Karma:*** Pengertiannya ialah perlakuan – atau sebab-akibat dan aksi-reaksi daripada perbuatan, sebenarnya menguasai alam. *Karma* menguasai minda, sama seperti graviti menguasai benda. *Karma* bukanlah takdir, kerana manusia bebas berkelakuan dan mencipta destininya sendiri. *Veda* menjelaskan bahawa jika kita lihat kebaikan, kita menuai kebaikan; jika kita melihat kejahatan, kita akan menuai kejahatan. *Karma* merujuk pada jumlah perlakuan kita dalam hidup ini dan hidup-hidup sebelum ini dan segala reaksi yang ditimbulkannya – dan kesemuanya ini menentukan masa hadapan kita. Permainan antara pengalaman kita dan bagaimana kita membalasnya menentukan sama ada *karma* kita menyengsarakan kita ataupun *karma* kita memberangsangkan kita. Seseorang yang ingin menawan *karma* perlu bergantung pada aksi yang bijaksana dan reaksi yang logikal tanpa beremosi. Bukan semua *karma* bertimbal balik segera kerana ada yang akan tersimpan dan timbul kemudian dalam hidup ini mahupun dalam hidup seterusnya. *Veda* berkata, ***' mengikut perlakuan seseorang, begitulah dia terjadi. Dia menjadi orang yang berbudi melalui perlakuan yang berbudi, atau jahat melalui perlakuan yang jahat.'*** (*Yajur Veda*, *Brihadaranyaka Upanishad 4.4.5*)

- ***Roh Menjelma Semula (Reinkarnasi)***: Penjelmaan semula, *punarjanma* adalah proses semula jadi kelahiran, kematian dan kelahiran semula. Apabila '*mati*', roh kita tinggalkan jasad dan terus berada di alam maya sehingga lahir semula. Zaman berzaman, reinkarnasi adalah elemen yang menyenangkan dalam *Hinduisma*, mengetepikan kebimbangan terhadap kematian. Roh kita hanya menumpang dalam jasad ini dan akan mengikut perjalanannya melalui banyak jasad lain melalui *samsara*. Selepas mati, roh kita terus wujud di alam yang tidak nyata, gembira atau sengsara berdasarkan penuaian perlakuan kita di alam nyata dahulu, sehingga tiba masa untuk lahir semula. Reinkarnasi terhenti apabila *karma* sudah sempurna. Pada masa itu roh sampai pada Tuhan dan '*mokhsha*' tercapai. *Veda* berkata, ***' Selepas mati, roh pergi ke alam lain, berdasarkan balasan perlakuan-perlakuannya dan penuaiannya, dan kemudian kembali ke alam aksi ini. Jadi sesiapa yang ada keinginan terus lahir semula.'*** (*Yajur Veda*, *Brihadaranyaka Upanishad* 4.4.6)

- ***Diviniti Yang Menyeluruh:*** Dalam himpunan amalan dalam kalangan pengamal Hindu yang kelihatan berlainan, *Hinduisma* menegakkan Yang Maha Esa yang Satu seperti yang diutarakan dalam Upanishad. Tuhan terdapat di mana-mana, tiada bentuk, abadi, menjadi sumber kebijaksanaan dan kuasa di alam maya ini. Cahaya dan kasih sayang yang beralir, wujud sebagai limpahan-Nya di mana-mana untuk membimbing kita dalam hidup ini. Kita menyembah-Nya untuk mendapat restu-Nya dengan penuh kesedaran bahawa Tuhanlah inti dalam roh kita. Setiap kelainan dalam agama ini memilih dewa dewi sebagai simbol pilihan masing-masing untuk menyampaikan segala ajaran agama ini dengan istiadat-istiadat untuk mengagungkan Tuhan yang Satu. *Veda* berkata, ***'Dialah Tuhan dalam bentuk yang tidak terhad, Pencipta segala-gala di alam ini yang penuh misteri. Dalam visi Tuhan Yang Maha Pengasih ini wujud keamanan yang kekal. Dialah Tuhan yang tersembunyi dalam semua benda dan hidupan, memerhatikan segala perlakuan dalam semua tempat dan setiap detik.*** (*Krishna Yajur Veda*, *Shveyashvatara Upanishad 4. 14-15*)

- ***Dharma:*** Semasa Tuhan mencipta alam ini, peraturan-peraturan alam dan tatacara pewujudan hidupan menjadi inti ciptaan itu. *Dharma* ialah undang-undang Tuhan yang ada pada setiap tahap kewujudan, daripada pengekalan peraturan kosmik, hingga pada undang-undang agama dan moral yang menyatukan semua dalam suatu keharmonian di alam ini. Dalam hal roh, *dharma* ialah tataadab ke arah kerohanian yang lengkap, menuju jalan yang benar dan betul. Ia mengandungi prinsip-prinsip kesalihan, amalan etika, tanggungjawab dan obligasi. Apabila menuruti *dharma*, kita mematuhi Kebenaran yang menjadi inti peraturan alam, dan kita lebih merapati Tuhan. A*dharma* pula adalah bertentangan dengan Undang-Undang Alam. *Dharma* membenarkan kita memenuhi segala kebaikan yang sebati dengan alam semula jadi dan takdir. *Thirukkural* pula

CamScanner

menjelaskan ***dharmalah yang akan mengurniakan kecemerlangan dan kekayaan dalam nyawa seseorang, dan tiada kekayaan lain yang lebih baik daripada mengamalkan dharma, dan tiada keburukan yang lebih dahsyat daripada melupakan dharma.*** (*Thirukkural*: *Rangkap 31, 32*)

Hinduisma Hari Ini

Agama Hindu yang telah wujud lebih 8,000 tahun yang lalu, dan dapat dianggap agama yang tertua yang mempunyai peraturan-peraturan dan cabang ilmu yang banyak, termasuk falsafah, astrologi, astronomi, seni bina, seni muzik, seni tari, dan banyak lagi. *Hinduisma* berasal dari bumi India. Sebenarnya, bumi India telah mendukung banyak cabang agama Hindu seperti Buddhisma, Sikhisma, Jainisma, di samping menerima agama-agama yang terbesar di dunia seperti Islam dan Kristian untuk sama-sama wujud di bumi yang sama.

Penganut agama Hindu dapat menerima semua agama kerana, asas ajaran Hindu ialah *'ada banyak jalan menuju Kebenaran'* . Inilah sebabnya maka penganut pelbagai agama dapat hidup secara berharmoni di negara India yang majoriti penduduknya mengamalkan agama Hindu. Pada masa ini hampir 870 juta penganut agama Hindu berada di India, dengan beberapa juta lagi di negara-negara lain, termasuk di setiap benua di dunia ini. Di Asia Tenggara pula, pengaruh Hindu sudah wujud selama beberapa abad yang lalu dan dapat dilihat daripada bukti-bukti dalam kebudayaan yang diamalkan di rantau ini, Pekerja-pekerja beragama Hindu dari India pula dibawa oleh penjajah British pada abad 19 dan 20 ke Malaya dan Singapura dalam bilangan yang besar. Hingga sekarang masyarakat Hindu ini terus hidup di negara-negara ini sebagai penganut agama Hindu.

Penganut agama Hindu mendirikan tempat ibadat atau kuil di tempat-tempat yang diduduki mereka untuk meneruskan amalan agama mereka. Apabila kuil-kuil ini didirikan, jenis kuil pula bergantung pada daerah asalnya penganut Hindu yang berhijrah itu, dan kelainan amalan Hindu di Selatan mahupun Utara India memang diikuti oleh penganut berkenaan. Tetapi, pada dasarnya, kelainan-kelainan ini berpunca pada simbolisma serta *sampradaya* yang dipilihnya.

Malah, pada masa ini ada juga guru agama, *swamiji* dan pandit memulakan pusat mahupun ashram mereka untuk mendidik dan memberikan perkhidmatan, termasuk dalam aspek kebajikan merangkumi segala tuntutan agama, di beberapa negara di dunia, khususnya di negara-negara Barat, sehingga menarik minat penduduk-penduduk negara itu yang bukan beragama Hindu juga.

Kitab Suci Agama Hindu

Walaupun kebanyakan agama lain mempunyai kitab suci yang tunggal sebagai sumber ajarannya, aagama Hindu pula mempunyai himpunan kitab suci – mungkin yang terbanyak dalam mana-mana agama di dunia ini. Yang paling tinggi ialah *Veda* dan *Aagama* – dua himpunan *shruti* (iaitu, yang *didengar*), disampaikan oleh Tuhan kepada pertapa-pertapa bijaksana beribu abad dahulu. *Veda* dianggap umum manakala *Aagama* ialah spesifik kerana ia menjelaskan secara langsung tentang bersembahyang, *yoga*, *mantera*, *tantera*, bangunan kuil dan sebagainya. Bahagian yang paling banyak diketahui umum dalam *Veda* ialah *Upanishad* yang secara umum menghuraikan falsafah asas kepercayaan dalam *agama* ini.

CamScanner

BAHAGIAN B

Sekumpulan kitab sampingan yang dikenali sebagai *smiriti* (iaitu, *yang diingati*) juga banyak, dan yang paling terkenal ialah jenis *ithihas* (epik drama dan sejarah – khususnya *Ramayana* dan *Mahabharata*) dan *purana* (sejarah suci dan mitologi). *Bhagawat Gita* yang popular merupakan bahagian kecil daripada *Mahabharata*. Sastera dan Sains daripada *Veda* termasuklah *ayurveda*, *astrologi*, *muzik, seni tari, seni bina, seni perintah, tanggungjawab* dan *peraturan dalam keluarga*, kesemuanya terdapat dalam *Vedanga* dan *UpaVeda*.

Dalam deretan zaman, mahaguru dan pertapa yang merapati Tuhan, telah menyampaikan pengalaman mereka melalui pedoman-pedoman tambahan, misalnya, yang lebih menjelaskan keajaiban *yoga*, lagu-lagu suci, tatacara penyembahan dan penyucian diri ke arah Tuhan. Hingga ke hari ini, usaha ini berterusan melalui *risi-risi* dan *swamiji* yang memberikan pedoman melalui ajaran-ajaran mereka sebagai perjalanan ke arah Tuhan Yang Maha Esa.

Seorang Hindu harus mengamalkan hidupnya sebagai Hindu, dan tiada apa-apa upacara untuk seseorang diterima masuk ke dalam agama ini.

Walaupun *Veda* dianggap inti untuk semua kumpulan dan daerah yang menganuti agama Hindu, setiap kumpulan, atau wilayah yang telah mengamalkan cara hidup masing-masing sebelum memeluk agama ini memang bebas untuk memilih kitab-kitab yang dihasilkan dalam kalangan *risi* atau *pertapa* kumpulan masing-masing, dalam bahasa mereka sendiri.

Bagi penganut-penganut agama Hindu dari Tamil Nadu, terdapat pula ahli agama yang bijaksana yang menghasilkan berbagai-bagai pedoman untuk menghayati agama melalui hasil-hasil tulisan yang melampaui zaman hingga ke hari ini. *Thirunganasambanthar, Thirunaavukkarasar, Sundaramoorthi Swamigal, Manickavasagar, Thirumoolar, Sekkizhaar, Arunagirinaathar, Kumaraguruparar* – merupakan hanya beberapa daripada banyak lagi pertapa dan bijak pandai agama Hindu yang mencurahkan pengalaman mereka melalui tulisan-tulisan yang menjadi pegangan kebanyakan penganut Hindu daripada keturunan Tamil.



Walaupun pada lazimnya semua *mantera* yang diucapkan dalam upacara-upacara agama Hindu di kuil dan di tempat-tempat lain menggunakan bahasa Sanskrit, kini bahasa Tamil juga sudah mula digunakan dengan adanya himpunan sastera dan pedoman yang mencukupi dalam bahasa Tamil. Oleh sebab kesemuanya ajaran dan pedoman pada dasarnya mematuhi batas-batas yang ditentukan dalam Kitab-Kitab Suci *Veda* dan *Aagama*, maka kesemua kelainan ini dianggap *cara-cara lain, atau jalan-jalan lain* ke arah menuju Kebenaran atau Tuhan Yang Maha Esa.

Pendek kata, untuk pembangunan kerohanian diri berlaku, daripada mempelajari segala kebijaksanaan yang termaktub dalam kitab, seseorang haruslah mengalaminya diri sendiri.

CamScanner

SIFAT TUHAN

Ada sesetengah pendapat yang diutarakan seolah-olah penganut Hindu tidak mempercayai Tuhan Yang Maha Esa (yang satu) tetapi menyembah pelbagai Tuhan yang agung. Pendapat seperti ini mungkin timbul daripada pemahaman yang salah terhadap konsep *Triniti* atau kesatuan dalam tiga lambang – iaitu *Brahma* (Pencipta), *Vishnu* (Pengekal) dan *Siva* (Pemusnah). Bagi orang Hindu ketiga-tiganya ialah Tuhan yang sama, yang dipisahkan dalam falsafah Hindu untuk perjelaskan sifat jelmaan-jelmaan utama-Nya.

Bagi orang luar yang tidak memahami falsafah dan konsep Tuhan dalam agama Hindu, mereka membuat kesimpulan berdasarkan kepelbagaian lambang Tuhan yang disembah oleh penganut Hindu tanpa usul periksa falsafah akarnya. Dalam mazhab *Saivisma*, *Siva* menjadi lambang utama manakala terdapat ratusan lambang sampingan yang menjadi idaman penganut berdasarkan situasi hidupnya; dalam mazhab *Shakta, Dewi* atau lambang wanita yang meliputi kesemua kesaktian menjadi lambang utama; dalam mazhab *Smarta,* pilihan idamannya adalah daripada beberapa *dewa/dewi;* dalam mazhab *Vaishnavisma*, *Vishnu* menjadi pilihannya atau salah satu daripada *avatar-Nya*, atau jelmaan-Nya seperti *Krishna* dan *Rama*.

Pilihan dewa atau dewi sebagai lambang Tuhan Yang Maha Esa bergantung pada persekitaran hidup penganut. Kebanyakan penganut Hindu di negara Malaysia dan di negeri Melaka adalah daripada mazhab *Saivisma* walaupun ada sebilangan kecil daripada mazhab *Vashnavisma*. Pedagang, peniaga dan yang hidup di bandar-bandar lebih suka memilih lambang seperti *Siva, Ganesha, Subramaniar,* dan *Mariamman*. Penganut yang bekerja di kawasan-kawasan yang memerlukan perlindungan daripada bahaya alam, memilih lambang-lambang pelindung dalam mazhab ini seperti *Mariamman, Kaliamman, Dhurgaiamman, Muneswarar, Muniandy, Karuppusamy* dan sebagainya kerana masing-masing meneruskan amalan nenek moyang mereka di kampung-kampung asalnya di Tamil Nadu. Penganut dalam mazhab *Vaishnavisma* pula memilih nama *Krishna, Rama,* dan *Hanuman*. Selain *Hanuman* dan Gajah, bentuk haiwan

yang dianggap mulia dalam epik-epik Hindu seperti lembu, ular dan tikus juga menjadi pilihan sebilangan penganut agama Hindu, berdasarkan persekitarannya. Yang amat penting ialah sebarang pilihan ini merujuk pada Tuhan Yang Maha Esa – kerana mereka menyembah-Nya melalui bentuk pilihan mereka.

Ada penganut Hindu yang bersembahyang pada Yang Maha Esa tanpa melalui sebarang lambang. *Risi-risi* atau yang bertapa di pergunungan Himalayas tidak bergantung pada sebarang lambang. Manakala penganut yang lain menggunakan lambang kegemarannya untuk menyembah Yang Maha Esa. Segala istiadat yang dilakukan semasa bersembahyang adalah bertujuan untuk menunjukkan kerelaannya untuk menyerah diri pada Tuhan agar dirinya berpeluang untuk menyucikan diri ke arah *'moksha'* nanti. Penganut memilih kaedah untuk menyucikan diri melalui kelakuan, budi bahasa, kesederhanaan, kerelaan membantu orang yang susah, meditasi, *yoga*, perkhidmatan tanpa mementingkan diri, dan sebagainya, selain menyempurnakan kewajipan kepada Tuhan.

Bagi orang Hindu, Tuhan ada di mana-mana sahaja. Maka timbullah kebiasaan orang Hindu menyembah Tuhan melalui lambang-lambang Tuhan kegemarannya. Memang ada lambang-lambang spesifik bagi bidang-bidang seperti ilmu *(Saraswati* dan *Ganesha*), seni tari *(Nataraja)*, kekayaan *(Lakshmi)*, dan sebagainya, dan Tuhan dipuja melalui lambang-lambang ini oleh penganut yang memilih bidang-bidang seperti ini. *Dewa Dewi* perlindungan yang merupakan jelmaan Tuhan Yang Maha Esa di kawasan perkampungan dan pertanian disembah demi mendapat perlindungan dan penuaian yang lumayan melalui restu-Nya.

Oleh itu, konsep Tuhan dalam agama Hindu harus difahami dengan jelas sebelum memberikan sebarang komen tentang kepelbagaian dewa dewi yang disembah oleh penganut agama ini.

Sifat Roh dalam fahaman Agama Hindu

Soalan seperti – *Siapa saya?; Dari mana saya datang?; Ke mana saya akan pergi?* – merupakan antara soalan yang cuba dijawab dalam semua agama. Falsafah Agama Hindu telah menjelaskan bahawa kita adalah lebih daripada jasad, minda, emosi, intelek yang nampaknya sebati dengan kita, tetapi hanyalah sementara, tidak sempurna dan mengehadkan kita. Kita yang sebenarnya ialah roh kita yang tiada kematian. Roh ini kekal, sempurna, inti dalamannya tiada had, suluhan murninya tidak dapat dilihat oleh mata manusia, dan ia tidak dapat dikesan oleh mana-mana pancaindera, tetapi ia berdaya untuk menggunakan kesemuanya sebagai alat untuk 'hidup' di alam nyata ini melalui jasad pilihannya.

Roh kita ialah sumber semua fungsi utama kita, termasuk ilmu, keinginan dan kasih sayang. Ia bukan lelaki atau wanita. Inti roh tidak dicipta, malah merupakan kasih sayang dan mengatasi realiti, dan menjadi sebahagian daripada Tuhan Yang Maha Esa. *Veda* berkata: *' Roh lahir dan bersama jasad, dengan impian dan keinginan untuk makanan dalam hidupnya. Kemudian ia lahir semula dalam jasad-jasad yang berlainan berdasarkan perbuatannya yang terdahulu. Kualiti roh menentukan jasad seterusnya, ringan mahupun berat, riang atau sengsara.'*

CamScanner

Veda mengajar kita bahawa Tuhan berada dalam setiap insan. Inti kerohanian kita yang benar ialah Tuhan yang kekal, bahagia, baik, bijak, dan indah. Pertembungan Tuhan dan roh ialah *Yoga*. Kita menggunakan banyak masa untuk mencari kecantikan, ilmu, dan kebahagiaan dalam alam ini, tanpa mengetahui bahawa hal-hal ini yang kita hasratkan sudah pun ada dalam kita sebagai sifat-sifat roh kita sendiri. Kalau kita alihkan perhatian dalaman kita melalui ibadat, meditasi, dan mengenal diri dengan kerohanian kita, kita dapat meneroka khazanah yang dapat menandingi kekayaan yang terbesar di dunia ini.

Hinduisma merupakan agama mistik yang membimbing penganutnya mengalami kebenaran dalamannya sehingga mencapai puncak kesedaran bahawa dirinya dan Tuhan adalah satu dan sama. Roh suci penganut berkembang secara beransur-ansur untuk bersatu dengan Tuhan melalui proses *reinkarnasi*. Oleh sebab roh itu kekal, penganut agama ini tidak bimbang terhadap kematian kerana ia bukan penamat bagi rohnya. Setiap kematian merupakan satu penamatan dan satu lagi permulaan dalam perjalanannya ke arah *'moksha'*

Walaupun kitab-kitab Hindu menjelaskan hal ini, namun, kebanyakan penganut tidak menyedari kerohanian diri, kerana Tuhan memang mengehadkan kesedaran ini agar ada proses *evolusi* yang benar. Penyempitan kesedaran ini menyebabkan sifat ego penganut yang melihat dunia dan peranannya secara praktikal, sebagai manusia biasa. Namun, ia perlu menyelesaikan *karma*nya di dunia ini sebelum mendapat kebebasan untuk bersatu dengan Tuhan melalui *'moksha'*. Besar kemungkinan hidup ini bukannya yang terakhir, dan penganut Hindu meneruskan perjalanannya dengan memenuhi tiga matlamat hidup – kebenaran, kekayaan dan kebahagiaan.

Dalam beberapa tradisi agama Hindu, matlamat roh yang bebas adalah kebahagiaan di persada Tuhan di syurga, suatu penerimaan yang bebas daripada sebarang dosa dengan ihsan Tuhan, sama seperti fahaman dalam kebanyakan kepercayaan Abrahamic. Dalam tradisi Hindu yang lain pula matlamat roh adalah penyatuan dengan Tuhan, yang tiada had dalam keadaan kesatuan yang unggul.

SIFAT DUNIA DALAM PANDANGAN AGAMA HINDU

Dalam pandangan agama Hindu, dunia inilah yang menentukan takdirnya selain memenuhi keinginan dan mematangkan roh manusia. Tanpa alam maya ini, roh tidak mungkin mengalami evolusi. Dalam dunia manusia berkembang daripada kejahilan kepada kebijaksanaan, daripada kegelapan kepada sinaran, dan, daripada kesedaran tentang kematian kepada kehidupan abadi. Seluruh alam ini adalah seperti sebuah *ashram* di mana semua penghuninya melalui evolusi kerohanian. Semua ciptaan Tuhan dikasihi. *Veda* menasihati penganut, *'Dunia ini ialah kebanggaan Tuhan, dengan segala yang hidup dan bergerak. Tinggalkan yang sementara dan cari kebahagiaan daripada yang kekal!'*

Kitab-kitab Hindu menggariskan tiga alam kehidupan asas di dunia ini, iaitu *fizikal,* yang tidak *ketara*, dan *yang wujud atas sebab akibat. Alam fizikal* dengan bahan-bahan yang jelas dapat dirasai oleh pancaindera kita. Alam nyata inilah yang paling terhad, sementara dan boleh berubah dengan mudah. *Alam yang tidak ketara* pula ialah mental dan emosi yang melibatkan segala pemikiran dan perasaan yang terus bersama kita semasa kita tidur dan selepas mati. Ini merupakan alam astral yang wujud dalam alam fizikal. *Alam sebab-akibat* berdenyut dalam inti kewujudan nyawa, jauh dalam *alam yang tidak ketara*. Ini merupakan *alam maha kesedaran* di mana Tuhan dan roh-roh yang tercapai *moksha* hidup, dan dapat diakses hanya melalui *yoga* dan beribadat.

Penganut Hindu mempercayai bahawa seluruh alam ini adalah ciptaan Tuhan. Tuhan mencipta dan mengekalkan alam, dari detik ke detik, dari yang dapat dilihat secara fizikal hingga yang tidak

CamScanner

dapat dilihat dalam alam rohaniah. Kesemuanya di bawah kuasa-Nya. Dalam *Hinduisma*, penciptaan, pengekalan dan pemusnahan alam merupakan bulatan yang tiada kesudahan. Proses penciptaan dan pengekalan setiap bulatan mengambil masa kira-kira 309 trillion tahun, apabila *Mahapralaya* atau *Pemusnahan Agung* akan berlaku. *Mahapralaya* ialah tarikan segala yang wujud, termasuk masa, tempat dan kesedaran individu, seluruh dunia dan penghuninya, dan mengembalikan kesemuanya pada sumber asalnya - Tuhan. Apabila hal ini berlaku, hanya Tuhan yang wujud, sehingga Dia membuat ciptaan seterusnya.

HINDUISMA SECARA PRAKTIK

Ada tiga tonggak dalam pengamalan agama Hindu – beribadat di kuil, kitab-kitab agama Hindu, dan tradisi guru penganut. Semua amalan agama berputar pada ketiga-tiganya, termasuk sembahyang, meditasi, ibadat dengan ritual sama ada di rumah atau di kuil, pembelajaran kitab-kitab suci Hindu, pengucapan mantra, penghijrahan ke tempat-tempat suci, kesederhanaan, perkhidmatan masyarakat tanpa mementingkan diri, pemberian, tatasusila, dan pelbagai *yoga*. Perayaan dan menyanyi lagu-lagu suci merupakan aktiviti dinamik.

Kuil merupakan pusat yang penting dalam hidup penganut Hindu. Sama ada di kampung kecil ataupun di bandar besar, kuil dianggap tempat bersemayam Tuhan. Penganut Hindu semakin rapat dengan Tuhan di kuil dan merupakan tempat perlindungan daripada dugaan alam. Di kuil ketiga-tiga alam bertembung untuk memberikan harmoni pada para penganut. Kuil tradisi yang didirikan dengan tatacara agama Hindu memang mempunyai tenaga kerohanian yang menghubungkan penganut pada ketiga-tiga alam itu.

Upacara di kuil yang diselenggarakan oleh *gurukkal* dalam bentuk *pooja,* membunyikan loceng, membawa api pada setiap penganut, menerima dan memberikan barangan sembahyang, mengucapkan *mantera* untuk memuliakan *dewa/dewi* agar penganut direstui-Nya. Sebenarnya *gurukkal* atau *poosari* memainkan peranan yang penting dalam mana-mana kuil. Ada kuil yang mempunyai lebih daripada seorang pegawai agama ini khususnya jika kuil induk mempunyai tempat ibadat bagi *dewa/dewi* sampingan di pekarangannya, atau di bawah pentadbiran kuil induk berkenaan. Dalam agama Hindu ada ratusan *mantra*, dan *gurukkal* atau *poosari* yang benar-benar berpengetahuan dan mahir dalam hal ehwal agama amatlah penting. Sebenarnya pegawai agama yang bertauliah dan berpengalaman sangat-sangat diharapkan oleh para penganut sesebuah kuil Hindu. Kualiti *gurukkal* sering menentukan kualiti kuil pada para penganutnya.

Pada zaman dahulu sistem *'gurukula'* melatih anak muda berumur sembilan tahun hingga 36 tahun di pusat-pusat terpencil - jauh daripada *'kesibukan'* dan masyarakat lain – di bawah guru agama yang berpengetahuan, berkemahiran dan berpengalaman. Pelajar perlu tinggal bersama guru sepanjang masa dan membuat segala kerja yang diarah oleh guru. Setelah dua tahun pelajar menunjukkan disiplin, kesetiaan dan kesediaan untuk menerima ilmu, baharulah guru mula membimbingnya dalam aspek-aspek agama Hindu, sehingga mahir. Kini sistem ini dianggap terlalu rigid kerana bergantung pada ketua guru berkenaan – dan pada masa ini, sebagai pengganti beberapa pusat latihan wujud di India, dan kesemuanya merupakan usaha pihak ketua-ketua agama yang aktif, yang mempunyai pusat-pusat perkhidmatan masing-masing. Tempoh latihan juga berbeza-beza. Oleh sebab kerajaan negara India, sebagai negara sekular, mengambil sikap berkecuali dalam hal-hal agama, maka kualiti

CamScanner

latihan di pusat-pusat ini juga sukar dinilai. Inilah sebabnya *'gurukkal'* yang terlatih di negara kita jua mempunyai pentauliahan yang berbagai-bagai. Latihan seperti ini memadai untuk menjalankan upacara-upacara lazim dalam agama Hindu manakala, kini sangat sukar untuk mendapat *'gurukkal'* yang benar-benar melalui latihan menyeluruh seperti di pusat *'gurukula'* seperti pada zaman lampau. Namun, kita tidak dapat menafikan peranan *gurukkal* yang amat penting di kuil-kuil Hindu kerana mereka merupakan pembimbing kerohanian para penganut agama Hindu setempat.

Bagi orang Hindu, sebaik-baiknya mereka tinggal berhampiran sebuah kuil kerana ia merupakan pusat bagi kehidupan kerohaniannya. Selain bersembahyang di tempat bersembahyang di rumahnya, penganut menziarahi kuil yang berdekatan sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu, menghadiri perayaan-perayaan di kuil, dan melakukan lawatan ke kuil-kuil Hindu utama di dunia dari semasa ke semasa.

Memang menjadi kewajipan penganut Hindu untuk menguruskan hal-hal rumah tangganya, dan kewajipan profesion dan sosialnya dengan baik di samping menunaikan hal-hal amal ibadat dengan sempurna. Sebenarnya, bagi seorang penganut Hindu, kerja adalah amal ibadat dan dia dapat merasai Tuhan dalam apa jua yang dilakukannya.

Pada masa ini ribuan *sadhu, yogi, swami,* dan guru agama Hindu telah wujud, dengan masing-masing mengutarakan pentafsiran agama Hindu dengan cara-caranya. Masing-masing guru ini diterima oleh penganut masing-masing, tetapi kesemuanya mendasarkan kepercayaan asas agama Hindu, dan diterima sebagai kelainan dalam agama ini. Kemunculan guru-guru ini sebenarnya memberikan inspirasi dan kesegaran dalam pengamalan agama ini. Lagi pula, guru-guru ini merupakan pedoman dan inspirasi pada penganut-penganut yang terlibat.

SIFAT SEORANG HINDU

Seorang Hindu sentiasa diharapkan menjadi produktif, mengamalkan kehidupan yang beretika dan mengikut hukum *dharma*. Dia harus bercakap benar, mengamalkan pasangan tunggal, berpuas hati, menjauhi haloba, keghairahan, dan kemarahan. Suatu aspek *dharma* ialah *ahimsa*, iaitu tidak mencederakan sebarang hidupan, kerana itulah cara untuk mencapai keharmonian dalam alam sekitar kita. Kebanyakan penganut Hindu memilih untuk makan sayur-sayuran sahaja sebagai menyahut hukum *dharma* ini.

Penganut Hindu harus melakukan *seva* atau perkhidmatan pada orang ramai dan alam sekitar. Melaluinya, *'ego'* dalam seseorang dapat dipudarkan – dan bantuan pada anak yatim piatu, ibu tunggal, keluarga-keluarga miskin, orang kurang upaya dan sebagainya memang menjadi inti *seva* ini. Penganut wanita Hindu selalu mengenakan tanda *'tilaka'* di dahi dan penganut lelaki pula memakai *'vibuthi'* atau abu suci di dahinya sebagai amalan warisan mereka. Juga, pada masa ini, kebanyakan penganut agama Hindu membakar mayat daripada menguburkannya, untuk menyegerakan roh meninggalkan jasad dan meneruskan evolusinya.

KONSEP PEMIKIRAN TERBUKA

Ciri agama Hindu yang paling menarik ialah agama ini menggalakkan pemikiran yang terbuka yang membuahkan hasil-hasil tambahan daripada falsafah asas agama ini, melalui sumbangan *risi,* mahupun *swamiji* sehingga terdapat pelbagai pedoman dari zaman ke zaman tanpa berputus-putus. Ciri inilah yang menyebabkan agama ini tidak memusuhi mana-mana kepercayaan yang lain, malah, dapat menerima segala perbezaan itu sebagai jalan ke arah Kebenaran. Pada masa agama Hindu tersebar, amalan-amalan yang sedia wujud di wilayah-wilayah dipadankan pada ajaran agama Hindu, dan kebanyakan amalan dikekalkan terus oleh penduduk yang menerima

CamScanner

agama Hindu ini. Hal ini agak ketara apabila dikaji tentang amalan-amalan yang begitu berbeza dari setempat ke setempat di negara India mahupun di negara-negara lain, walaupun, kesemuanya mendasarkan kepercayaan pada prinsip agama Hindu yang sama.

Dalam banyak hal, tempat-tempat ibadat sebelum kedatangan agama Hindu terus kekal dengan mengasimilasikan *dewa/dewi* tempatan sebagai jelmaan Tuhan mengikut kepercayaan agama Hindu. Di kampung-kampung yang ada amalan mengorbankan hidupan pada *dewa/dewi* perlindungan, amalan seperti itu diteruskan – dan kuil-kuil jenis ini dianggap *'kula dheivam'* atau *'Tuhan Puak'* bagi kumpulan-kumpulan tertentu sehingga ke hari ini. Ratusan nama *dewa/dewi* sampingan wujud di kampung-kampung di seluruh India, tetapi kesemua *dewa/dewi* dianggap jelmaan Tuhan Yang Maha Kuasa yang Tunggal dalam agama Hindu. Di kebanyakan kampung di Tamil Nadu, amalan ini masih berterusan, dan sebahagiannya memang dibawa keluar ke negara-negara lain apabila ada penghijrahan keluar penganut-penganut ini dalam bilangan besar.

Secara khusus seseorang lahir sebagai penganut agama ini, dan sesiapa sahaja dapat mengamalkan gaya hidup sebagai penganut Hindu, kerana tiada sebarang upacara untuk menerima masuk seseorang ke dalam agama ini. Sifat ini menyebabkan penganut Hindu menghormati penganut semua agama lain dan dapat hidup dalam suasana harmoni.

Dr.S.Radhakrishnan, ahli falsafah yang terkenal dan bekas Presiden India (1962-67) merumuskan 'Pandangan Hidup Hindu' begini: *'Penganut Hindu mengenali Yang Maha Kuasa melalui pelbagai nama yang diberi kepada-Nya. Tuhan ada di dunia, bukan sebagai dunia. Tuhan bukan hanya mencipta hidupan dan kesedaran, tetapi juga berfungsi secara berterusan.Tiada perpisahan antara alam semula jadi dan alam ghaib. Kejahatan, Kesalahan, dan Kehodohan bukanlah muktamad. Tiada pandangan yang begitu salah, tiada manusia yang begitu jahat sehingga perlu dikecam terus. Tiada Neraka, kerana ia bererti ada tempat yang tiada Tuhan, dan ada dosa yang melampaui cinta Tuhan. Hukum karma memberitahu kita bahawa hidup individu bukan hanya sepenggal, bahkan satu siri. Syurga dan Neraka merupakan tahap tinggi dan rendah dalam perjalanan yang berterusan. Setiap jenis ada cirinya yang tersendiri dan patut diikuti. Kita melakukan kewajipan kita dalam keadaan yang wujud pada kita. Hinduisma menekankan bahawa pengucapan teologi agama tentu akan berbeza-beza, dan ia menerima semua jenis kepercayaan, dan yang membimbing penganutnya melalui perjalanannya ke arah matlamat yang sama. Kesemuanya ini adalah prinsip inti agama Hindu. Prinsip-prinsip inti inilah menentukan kesegaran agama Hindu hingga ke hari ini.'*

KONSEP VARNA DALAM AGAMA HINDU

Ada banyak kekeliruan dalam memperkatakan konsep *varna* atau *kasta* yang sering dikaitkan dengan agama Hindu. Para pengkaji sejarah agama ini sendiri tidak sepakat dari segi asal usul sistem *varna* – yang kemudian dikenali sebagai *jati* – dalam amalan agama ini. Pecahan *Brahmin, Kshatria, Vaisya* dan *Sudra* nampaknya diwujudkan sebagai klasifikasi pekerjaan dalam kalangan orang *Arya*, yang dianggap menyebarkan agama Hindu pada masa dahulu. Dalam sistem klasifikasi ini, yang bijak pandai, serta yang berkuasa, memang meletakkan diri mereka sebagai *varna* yang tertinggi berbanding yang lain.

Brahmin merupakan pemimpin agama dan dianggap *varna* yang paling tinggi; *Kshatria* pula ialah kumpulan raja dan pahlawan, pada kedudukan kedua; *Vaisya* ialah pedagang, ahli seni, pemodal, pemilik tanah dan sebagainya, pada kedudukan ketiga; manakala *Sudra* ialah petani, dan pekerja-pekerja kurang mahir. Dalam deretan masa, kumpulan kelima pula wujud dalam sistem ini, iaitu *Yang Tidak Patut Disentuh (Untouchables)* atau dikenali sebagai *Dalit* – yang meliputi kumpulan yang melakukan kerja-kerja yang dianggap *'kotor'* dalam masyarakat, yang berpindah-randah dan sebagainya.

CamScanner

Sistem kategori pekerjaan ini digunakan oleh yang memerintah untuk *'pecah dan perintah'* pada awalnya. Oleh sebab setiap kategori ini tinggal di kawasan yang berlainan di kampung-kampung yang sama, agak mudah untuk ditadbirkan, dan gaya hidup serta amalan-amalan mula menampakkan ciri-ciri yang berlainan antara satu sama ini. Lebih-lebih lagi pihak pemerintah menentukan kedudukan ekonomi dan sosial setiap kategori ini yang menyebabkan wujud sejenis *hierarki* dalam masyarakat. Apabila sistem yang sama diwujudkan di setiap daerah, wilayah dan kampung, maka kumpulan di setiap kategori dikenali dengan *'varna'*nya.

Kadang-kadang perbezaan ikut daerah juga mula muncul. Kumpulan-kumpulan sampingan mula wujud dalam setiap kategori besar. Hal ini berlaku kerana terdapat ratusan cabang kerja dalam setiap kategori, dan lambat laun setiap cabang dikenali dengan nama *jati* atau *kasta* yang berlainan. Apabila orang British mula menjajah dan memerintah negara India, sistem *varna* diberikan penekanan dalam gaya pemerintahannya, dan penulisan-penulisan sarjana barat memang mengutamakan pecahan-pecahan ini secara meluas kerana mereka dapat terus mengerah tenaga untuk kegiatan ekonomi mereka dengan menggunakan pecahan-pecahan ini dengan mudahnya.

Bagi kebanyakan penganut agama Hindu, pemisahan mengikut *varna* telah berlaku selama beberapa abad dan telah menjadi sebati untuk mengenali diri sebagai berasal daripada sesuatu *'jati'* atau *'varna'*. Nampaknya konsep *'pecah dan perintah'* telah wujud dalam kalangan raja Hindu dahulu, dan kemudian diperguna oleh penjajah British dengan menekan sebilangan besar penganut agama Hindu demi keuntungan masing-masing.

Masyarakat Tamil yang dibawa ke Malaya sebagai buruh memang direkrut dari kampung-kampung Tamil Nadu khasnya, dan oleh sebab bilangannya adalah besar, mereka membawa bersama mereka gaya kepercayaan agama Hindu daripada kampung-kampung asal mereka di Tamil Nadu, khasnya. Kebanyakan kuil di negeri Melaka, termasuk yang didirikan oleh masyarakat *Chitty Melaka* pada abad ke-18 lagi, menunjukkan ciri-ciri *'kula dheivam'* dari sana. Hal ini agak berlainan dengan kuil-kuil yang didirikan oleh penganut Hindu yang berpendidikan tinggi dan menetap di negara-negara Barat, kerana mereka mendirikan kuil Hindu yang tidak terikat pada ciri-ciri *'kula dheivam'*.

Dari segi *varna* atau *jati* pula, pengaruhnya agak tebal dalam kalangan penganut Hindu yang berhijrah keluar dari kampung-kampung Tamil Nadu atau bahagian-bahagian lain di India, khususnya apabila penghijrahan itu berlaku dalam bilangan yang besar, dan mereka menetap di tempat-tempat khusus secara berkelompok. Hal ini memang ketara di Malaya dahulu dan ia masih wujud dalam sebilangan besar keluarga Hindu di sini hingga sekarang.

Di Malaysia memang wujud sebilangan persatuan yang berdaftar bagi *jati-jati* agar ada interaksi dalam kalangan ahli se-*jati* untuk kepentingan bersama, khususnya untuk meneruskan pertalian melalui perkahwinan. Perbezaan-perbezaan ini juga menjadi kekangan untuk menyatupadukan masyarakat Tamil/India di negara Malaysia mahupun di negeri Melaka.

Hal ini telah makin pudar dalam kalangan penganut Hindu yang berhijrah ke negara Barat yang bertapak di sana berdasarkan kelayakan akademik mereka. Kedudukan ekonomi mereka lebih kukuh dan pengaruh *varna* atau *jati* memang mula pudar dalam kalangan penganut Hindu di sana.

Jika hukum *dharma* dan *reinkarnasi* difahami benar-benar, pecahan-pecahan yang dilakukan oleh pihak yang ingin berkuasa dan memerintah nyatalah tidak dapat diterima sebagai berpunca daripada ajaran-ajaran agama Hindu pada asalnya. Namun, kita tidak dapat menafikan bahawa masyarakat Hindu yang berevolusi berkurun-kurun lamanya di bawah pentadbiran yang mempunyai falsafah *'pecah dan perintah'* ini, kini memang terikat dengan rantai atau belenggu *jati* atau *varna*

CamScanner

– hampir 3,000 jati utama, dan 25,000 jati sampingan dalam kalangan orang Hindu yang berasal dari tanah India.

Pemodenan dan pendidikan telah memberikan mobiliti kepada anggota masyarakat Hindu keluar daripada kerjaya tradisi bapanya dan memasuki kerja-kerja yang lebih baik dalam kategori-kategori lain. Oleh itu, kini pertalian antara pekerjaan dan *jati* sukar dikaitkan. Pemerintah juga tidak patut, dapat menggunakan *'varna'* untuk memerintah – tetapi di negara India, kerajaan di sana terpaksa memberikan beberapa keistimewaan pada kumpulan *'Dalit'* kerana ada desakan politik untuk menghapuskan kemelaratan hidup kumpulan-kumpulan yang terpinggir, yang memang daripada *jati* yang dianggap rendah dalam hierarkinya. Apabila sistem seperti ini diteruskan dengan nama *'varna'* dan bukan atas kategori ekonomi, ia memang memberikan gambaran seolah-olah sistem *jati* masih terpakai dalam masyarakat Hindu. Dan, nyatalah *'varna'* atau *'jati'* masih digunakan oleh pemerintah di India untuk *'pecah dan perintah'!*

Lebih-lebih lagi, agama Hindu tidak diajar di sekolah-sekolah kerajaan di India kerana negara itu merupakan negara sekular yang tidak ada agama rasminya. Agama Hindu perlu dipelajari atas pilihan sendiri di pusat-pusat agama yang wujud tanpa sebarang penyelarasan. Keadaan ini tidak mungkinkan kepelbagaian dalam amalan-amalan agama Hindu dapat dibendung di India – dan pengaruh dari sana memang dapat dirasai di negara Malaysia. Di Indonesia sebuah negara sekular juga, agama Hindu diajar di sekolah-sekolah di Bali.

Kita tidak menafikan bahawa keinginan untuk merujuk pada *jati* semasa mencari pasangan hidup bagi anak-anak penganut Hindu masih wujud dalam kalangan masyarakat Hindu di Malaysia sekalipun, apabila ibu bapa atau orang tua dalam keluarga memainkan peranannya dalam pemilihan jodoh. Hal ini kerana talian perhubungan dalam kalangan keluarga se-*jati* masih tebal, dan ada juga persatuan-persatuan yang berdaftar bagi beberapa *jati* di Malaysia, dan masih ada pandangan serong terhadap sesiapa yang melampaui *'jati'* dalam mewujudkan pertalian keluarga seperti ini, khususnya daripada yang menganggap dirinya daripada *jati* yang lebih tinggi dalam *hierarki jati* yang diyakininya. Sistem pendidikan serta ekonomi moden masih belum dapat benar-benar memudarkan sistem sosial yang begitu berakar umbi dalam kalangan masyarakat Hindu secara turun-temurun di Melaka mahupun di Malaysia.

Sebilangan besar keluarga di sini masih mempunyai perhubungan dengan keluarga nenek moyang mereka di kampung-kampung di Tamil Nadu khasnya – dan perhubungan rapat ini serta pengaruh filem dan siri-drama Tamil dari India memang menyegarkan amalan-amalan dari sana dalam minda penganut Hindu di sini. Hal inilah yang menyebabkan sebarang usaha untuk menyatukan atau menyelaraskan aktiviti agama Hindu di negara ini gagal dengan ada pihak yang sering menentang apa-apa perubahan. Walaupun *'ahimsa', 'dharma'* dan *'reinkarnasi'* menjadi ajaran inti dalam agama Hindu, ada penganut agama Hindu sanggup meneruskan pengorbanan kambing dan ayam di kuil dan ada pula yang menyampaikan *'arulvaaku'* atau *'kata-kata Tuhan'* apabila *poosari* dituruni *dewa* atau *dewi* di kuil-kuil Hindu di negara ini – dan segala nasihat Malaysia Hindu Sangam dan pihak-pihak lain terus tidak diendahkannya.

SEMBILAN KEPERCAYAAN DALAM AGAMA HINDU

1. **KESUCIAN *VEDA*** – *Veda* merupakan Kitab Suci yang tertua di dunia, yang mencatatkan Agama seperti yag disampaikan oleh Tuhan. Lagu-lagu Suci dalam *Veda* merupakan asas pada *Sanatana Dharma*. *Dharma* – agama abadi – yang tiada permulaan atau pengakhiran.

2. **KEPERCAYAAN PADA TUHAN YANG MAHA KUASA (YANG TUNGGAL)** – yang wujud di mana-mana dan berkuasa tanpa batasan, sebagai Pencipta dan Penggerak Realiti.

CamScanner

3. **TIGA ALAM DAN BULATAN PENCIPTAAN** - Penganut Hindu percaya wujudnya tiga dunia – *fizikal, yang tidak ketara,* dan *yang wujud atas sebab akibat*. Penciptaan, Pengekalan dan Pemusnahan berlaku secara berterusan di alam ini.

4. **HUKUM KARMA DAN DHARMA** – *Karma* – Undang-Undang sebab akibat, yang menyebabkan setiap individu mencipta destininya melalui pemikiran, kata-kata, dan tingkah laku. *Dharma* – kehidupan menuju kebenaran.

5. **REINKARNASI DAN PEMBEBASAN** – Penganut Hindu percaya terhadap evolusi *penjelmaan roh* semula *(reinkarnasi)* sehingga segala *karma* selesai, dan *moksha* – iaitu pembebasan melalui ilmu kerohanian daripada bulatan kehidupan tercapai.

6. **KUIL DAN DUNIA DALAMAN** – Penganut Hindu percaya bahawa kuasa Tuhan wujud dalam alam yang tidak kelihatan, dan pemujaan di kuil, upacara-upacara, serta kasih sayang terhadap-Nya berjaya merapatkan penganut pada-Nya.

7. **YOGA** – Apabila penganut Hindu dapat bimbingan daripada guru agama yang mahir, *yoga* akan membawanya ke arah Kebenaran, melalui disiplin, tatasusila, kemurnian, penghijrahan, pemeriksaan diri dan meditasi.

8. **AHIMSA** – Rasa Kasih Sayang dan tidak menyiksa atau mencederakan hidupan. Penganut Hindu percaya bahawa semua hidupan harus disayangi dan disanjungi. Oleh itu, harus mengamalkan *ahimsa* dalam hidupnya.

9. **MENGHORMATI SEMUA KEPERCAYAAN (AGAMA) LAIN** – Penganut Hindu mempercayai bahawa semua kepercayaan di dunia ini membimbing penganutnya ke arah kesempurnaan, dan semua kepercayaan menunjukkan jalan yang berlainan, daripada kasih sayang Tuhan yang murni dan seharusnya difahami dengan sifat toleransi.

KESIMPULAN



Pada dasarnya agama Hindu mempunyai sejarah yang sangat lama sehingga sangat sukar untuk menentukan tarikh yang tepat. Falsafah agama ini yang berakar pada *Veda* dan *Aagama* yang dikurniakan oleh Tuhan dikayakan dengan penambahan melalui ratusan *risi* dan pertapa yang menyampaikan pengalaman masing-masing dalam perjalanan mereka untuk menyuci dan menjernihkan diri ke arah '*mokhsha*' masing-masing. Kini lebih 900,000,000 penganut Hindu terdapat di dunia ini, dan agama Hindu dianggap ketiga besar dari segi bilangan penganutnya, selepas Agama Kristian dan Agama Islam. Seseorang perlu lahir dalam keluarga Hindu untuk menjadi orang Hindu atau memilih untuk mengamalkan cara hidup Hindu untuk dianggap sebagai beragama Hindu, kerana tiada sebarang upacara pada seseorang untuk 'masuk' Hindu.

(THO.KA. NARAYANASAMY)

CamScanner

BAHAGIAN B

PERANAN 'ARCHAGAR' ATAU 'PEDANDA' DI KUIL HINDU

Pada umumnya terdapat ketua agama di kuil-kuil Hindu yang digelar dengan berbagai-bagai nama seperti *archagar, gurukkal, poojakar, poosari,* dan sebagainya, tetapi, ada baiknya jika kita memahami kelayakan dan peranan mereka di kuil-kuil ini.

Dalam Kitab Suci `*Veda*' terdapat catatan, *"Archakasachcha Hari Sakshat."* Para pedanda *(Arcagar)* adalah penyumbang terpenting untuk memelihara kebajikan duniawi. Para pedanda *(Arcagar)* adalah mereka yang mengorbankan seluruh tubuh, zat, roh, dan kesenangan mereka untuk Tuhan dan melayani-Nya dengan penuh pengabdian kepada Tuhan tanpa henti demi kesejahteraan dunia.

Oleh itu, para pedanda ini ialah mereka yang terus-menerus menyembah Tuhan sejak zaman berzaman sehingga ke hari ini. Mereka dipercayai berasal dari rimba suci dan indah di utara India yang dikenali sebagai *"Namicharanyam"* . Menurut sejarah yang tercatat dalam *Veda*, inilah tempat para pedanda dipercayai mula-mula diwujudkan oleh Tuhan di bumi suci ini. Selepas itulah Tuhan menciptakan makhluk hidup yang lain.

Acariya / Sivacaariya

Kita termaklum bahawa *Umapati Siva* memberi *`Mukti'* kepada semak duri. Semakin tinggi tahap pencerahan pedanda, maka semakin banyaklah tenaga akan diberikan kepada jiwa yang dipelihara olehnya agar sentiasa suci. Pedanda yang dibaptis berakhlak dan mempunyai perwatakan mulia, beretika dan penuh setia terhadap *Guru*. Mereka harus memelihara fikiran, pertuturan dan badan agar sentiasa bersih.

'Acariya Abidekam' adalah upacara yang dijalani oleh seseorang yang dibaptis sebelum boleh menerima gelaran *Guru*. Penerima gelaran *Guru* inilah yang layak untuk menjalankan upacara membaptis orang lain dan melafazkan doa supaya sisyanya menjadi *Guru*. Kelayakan ini membenarkan mereka dikenali sebagai *Sivacaariya*.

Seseorang *Sivacaariya* harus berkahwin dan berkeluarga. Mereka harus memenuhi syarat-syarat seperti, sentiasa jaga kesihatannya, terdidik, bermoral tinggi, dan menguasai kitab suci *Saiva Narpaathangkal* agar dapat membimbing penganut-penganut lain yang memerlukan khidmat nasihat dan bimbingannya terhadap tradisi moral *Saiva.*

CamScanner

Pujagar *(Penyembah/ Pedanda)*

'Penyembah' mengamalkan dan menyempurnakan segala perintah agama (Tuhan) dengan cemerlang, mengabdikan diri dan melakukan segala adat istiadat mengikut hukum agama. *Sivaagamam* menekankan bahawa penyembah berubah-ubah dalam empat rupa yang berbeza semasa melakukan *pooja* mengikut situasinya:

Avahanatikane accaryo gurupakavan (Guru)

apisekatya alankare accaryo pitrurupavan (Ayah)

naivettiya tupatpata varccane matrurupavan (Ibu)

injil pirataksinayakane acaryo paktarupavan (Penyembah)

Penyembah mengambil peranan guru, ayah, ibu dan penyembah sewaktu melakukan *pooja.* Oleh itu, kedudukannya sangat tinggi dalam adat agama Hindu. Para *pedanda* atau *pujagar* ialah mereka yang selalu berjiwa murni dan sentiasa memikirkan bahawa semua makhluk hidup harus menerima restu Tuhan.

Adalah menjadi kenyataan bahawa seseorang *pedanda* secara beransur-ansur dapat mencapai tahap mulia dengan memupuk pemikiran Tuhan dengan berdoa sambil melakukan amalan *pooja.* Oleh itu, *pedanda* di kuil harus menjernihkan diri untuk mencapai kemuliaan yang tinggi untuk menjadikan dirinya layak menyentuh *dewa* atau *dewi* di kuil setiap hari.

Guru Shiva Agama, Theha Sutta ialah doa pertama menyembah Tuhan dalam diri, dikenali sebagai *Thehe Devayam – Butha Sutti.* Kesemuanya ini dilakukan dengan penuh ketakwaan, sambil mengucap *'Yat Bhavam Dut Bhavati'* agar mencapai kemuliaan. Inilah ciri khas *pooja.* Hal ini dijelaskan oleh *Guru Nganasambanthar.*

Para *pedanda/penyembah* harus mengikis segala kekurangan diri dan menanamkan rasa cinta terhadap ibadah dengan segenap fikiran sebelum melakukan ibadat dengan tekun. *Sivagama* menekankan bahawa tiada faedahnya bagi negara, rakyat, malah, pada *pedanda/penyembah* itu sendiri, jika amalan *pooja* dilakukan untuk kebendaan dan kemewahan.

Di negara kita para *penyembah* memang menjalankan tanggungjawabnya dengan menekankan hal kemasyarakatan. Mereka berperanan untuk membimbing bagaimana sesebuah *Kuil* patut dibina dan menentukan langkah-langkah yang harus dilaksanakan bagi memeliharanya untuk beribadat mengikut hukum-hukum *Agama.* Mereka harus memahami pemikiran Penganut dan memberikan khidmat nasihat berkaitan agama serta menjelaskan kepada mereka tentang kedudukan Tuhan, dan hubungan antara manusia dan Tuhan.

Di samping itu, mereka juga menjelaskan tentang keistimewaan serta faedah membaca/menyanyi *lagu-lagu bakti,* bagaimana melakukan ibadah di rumah dengan cara yang sederhana, menjelaskan aspek-aspek agama secara menarik kepada generasi muda yang sering mengemukakan pertanyaan mahupun keraguan. Pendek kata, *pedanda/penyembah* inilah seharusnya yang paling beriltizam terhadap menjayakan konsep *'Agama Harus Menyentuh Kehidupan'* dalam masyarakat kita.

CamScanner

BAHAGIAN B

Kuil di negara kita harus bergerak dengan semangat baharu. Kuil juga merupakan simbol yang mencerminkan bagaimana masyarakat Hindu hidup di negara ini. Mereka mengabdikan diri sepenuhnya untuk menghidupkan segala aktiviti di kuil sambil mendapatkan bantuan dana atau sumbangan terhadap kuil daripada para penganut bagi memastikan *pooja* harian mahupun perayaan-perayaan agama di kuil berjalan dengan lancar.

Mereka juga bertekad untuk memelihara seni, budaya dan bahasa. Mereka juga membantu menampung keperluan amalan kebajikan seperti menyediakan barang dapur, pakaian, pendidikan latihan kemahiran, dan memberikan khidmat nasihat, dan, khidmat perubatan kepada yang kurang berkemampuan. Selain itu, mereka berusaha untuk mendapatkan bantuan kebendaan untuk penyelenggaraan kuil, semasa perayaan dan aktiviti harian yang lazim. Mereka juga memberikan khidmat nasihat serta bantuan lain kepada pihak pentadbir kuil. Dengan perkataan lain, kuil menjadi jiwa hidup mereka.

PENUTUP

Pedanda yang memainkan peranan yang begitu penting di kuil-kuil Hindu harus diberikan pengiktirafan dan tempat yang wajar dalam pentadbiran kuil-kuil kita. Apabila mereka mendapat layanan yang baik, kuil-kuil kita akan dapat berfungsi secara baik. Walau apa nama yang kita gunakan untuk merujuk *pedanda* ini, peranan mereka memang penting, dan penekanan yang wajar perlu diberikan. Semua pengurusan kuil harus memilih orang yang berkelayakan di samping yang dapat menunaikan kewajipannya dengan penuh dedikasi di kuil-kuil kita supaya semua penganut mahupun pengurusan kuil juga akan dapat menerima faedahnya. Dalam hal ini, pengurusan kuil harus mendapatkan pedoman dalam hal-hal *hukum Agama* dari semasa ke semasa – dan pedanda yang dipilih harus berupaya melakukannya. Juga, *pedanda* yang berhemah tinggi dapat memainkan peranan yang besar dalam aspek menyampaikan pendidikan dan nilai-nilai agama Hindu dalam kalangan penganut di sekitar kuil. Demikianlah harapan kita.

(ARTIKEL : SUMBANGAN SIVA SRI SU.KUMAR SIVACAARIYAAR,
KUIL SRI SUNDARAMOORTHI VINAYAGAR BACHANG BARU, MELAKA)

CamScanner

RUJUKAN

Rujukan asas untuk kajian dan esei-esei dalam buku ini:

1. George N. (1960), **Indians in Malaya, Singapore**

2. Kernial Singh Sandhu (1973), **Early Malaysia,** *Institute of South-East Asian Studies*

3. Kernial Singh Sandhu & Paul Wheatley (Eds) (1983) **MELAKA: The Transformation of a Malay Capital c.1400-1980**, Volume 1 & 2, *Institute of South-East Asian Studies*

4. Narayanasamy, K (1967) **Proses Asimilasi dan Pengebudayaan di kalangan Masyarakat *Chitty Melaka,*** (Tesis), *University Malaya*

5. Paramasivam, M (2010) **Ancient Tamils in Melaka: A Historical Perspective.** *World Classical Tamil Conference, Coimbatore*

6. Paramasivam, M; Wickramasinghe, C.N. and Thilagavathi Shanmuganathan (2013) **Topological Socio-Cultural Evolution a Predictor of Ethnic Conflicts in Multi-Ethnic Societies,** *PERTANIKA JOURNAL, ISSN:0128-7702, Universiti Putra Malaysia Press*

7. Usha, M (1960) **The Role of Indian Minorities in Burma and Malaya.** Bombay

8. Piere-Yves Trouillet (2017) **Hindu Temples and Development of Localities in Tamil Nadu (South India)** *CNRS, Centre for South Asian Studies HAL-01535659*

9. Piere-Yves Trouillet (2012) **OVERSEAS TEMPLES AND TAMIL MIGRATORY SPACE.** *South Asia Multidisciplinary Academic Journal, Association por la recherche sur 1'Asie du sud, 2012,6. <halshs-00867729>*

10. Sue Ann Teo (2018) **Demolition and Relocation of Hindu Temples in Malaysia: Pragmatic Responses of Indian Hindu communities in Penang.** (Tesis PhD) *Victoria University of Wellington*

11. Manimaran Subramaniam (2013) **An Evolving Trend In Religious Practices Amongst Malaysian Hindus: A Case Study of Shrines Within The Residential Compound of Hindus, A New Phenomenon?** *Universiti Malaya, Project Funded by ERGS (ERO18-2013-A)*

12. Arasaratnam, S (1970) **Indians in Malaysia and Singapore,** *Oxford University Press, Kuala Lumpur*

13. Websites and Resources on Hinduism:

    13.1. **Hinduism Today** *(http://www.hinduismtoday.com)*

    13.2. **Wikipedia articles on Hinduism** *(http://en.wikipedia.org/wiki/Hinduism)*

    13.3. **Oxford Centre of Hindu Studies** *(orchs.org.uk (http://www.ochs.uk/)*

    13.4. **Facts and Details – Varna and Different Hindu 'Castes'** *(http://factsanddetails.com/India)*

CamScanner

13.5. **Religious Resources – Summary of Hinduism** *(http://www.religionresourcesonline.org/religion-wiki/hinduism-beliefs/)*

13.6. **List of Hindu Deities** – *(https://en.wikipedia.org.wiki/List_of_Hindu_deities)*

14. Hindu American Foundation (2014) **HINDUISM 101: The Basics**

15. *Malaysia Hindu Sangam (2000) Buku Kecil* - **Garis Panduan Kuil Hindu Kebangsaan *pada pengamal agama Hindu di Malaysia***

16. Adapa Satyanarayana (2001) **"BIRDS OF PASSAGE": Migration of South Indian Labour Communities to South-East Asia; 19-20th Centuries, A.D.** *IIAS/HSG, CLARA Working Paper, No.11, Amsterdam*

17. Renuga Devi- Voisset (2013) **Being 'Indian' in the French West Indies and Malaysia: Two Extreme Geo-Political Identity Models within the Spectrum of the 'Old Indian' Diaspora.** *Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia*

18. Portal Rasmi, Jabatan Statistik Malaysia

19. Wikipedia – Catatan tentang Negeri Melaka

20. News Reports:

20.1. New Straits Times – April 15, 2018 – **Temple Transformation Community Centre plays pivotal role in shaping and uplifting B40 Indians** – *Bernama*

20.2. The Star – February 26, 2020 - **Two Shrines Demolished after 14-year warning** – *Metro News*

20.3. The Star – 18 March, 2017 – **Board - We need Hindu Academy to train Malaysian priests** – *Metro online*

20.4. Free Malaysia Today – December 1, 2018 – **Don't rush to form national Hindu temple body, says Ramasamy** – *by Pradeep Nambiar (online)*

20.5. Hindu Council of Australia – June 1, 2018 – **Hindus fear takeover of their temples in Malaysia,** *online news*

20.6. India Today – August 18, 2016 – **Hindus in Malaysia grow worried as more and more temples get attacked in the country.** *(https://www.indiatoday.in/fyi/story/hindu -temples-in-malaysia-attacked-minorities-worried-335929-2016-08-18)*

21. Rajakrishnan Ramasamy (1984) **Caste Consciousness among Indian Tamils in Malaysia,** *Pelanduk Publications*

22. Singaravelu Sachthanantham (2006) **PENGAJIAN INDIA Bicara Pelbagai Perspektif** – *Penerbit Universiti Malaya*

23. Kalimuthu K (2008) **Malaysian Indians towards a new paradigm** – *a malaysiatamilsangam.com. project*

CamScanner

24. Janakey Raman Manickam (2009) **The Malaysian Indian Dilemma – the Struggles and agony of the Indian Community in Malaysia** – *Nationwide Human Development and Research Centre, Selangor*

25. Shrikant Prasoon (2009) **HINDUISM Clarified and Simplified** – Hindology Books, Pustak Mahal, New Delhi

26. Ravindra K Jain (2011) **Indian Transmigrants – Malaysia and Comparative Essays** – *Strategic Information and Research Development Centre (SIRD) Selangor*

27. Muzafar Desmond Tate (2008) **The Malaysian Indians – History, Problems and Future** – *Strategic Information and Research Development Centre, Selangor*

CamScanner

CamScanner

BAHAGIAN C

KUIL-KUIL HINDU DI NEGERI MELAKA

CamScanner

CamScanner

DAERAH MELAKA TENGAH

CamScanner

Jadual 3 : KUIL-KUIL HINDU DI DAERAH MELAKA TENGAH

No. Kuil	Nama Kuil	Alamatnya	Tahun Penubuhan
MT1	Sri Sanyasimalai Aandavar Aalayam	Batu 5, Jalan Kerubung, Cheng, 75250 Melaka. *(Mililk Nattukottai Chettiar Melaka).*	1868
MT2	Sri Poyyatha Vinayagar Moorthi Aalayam	Jalan Tukang Emas, Bandar Melaka *(Kuil kepunyaan Chitty Melaka. Ditadbirkan oleh JK Nattukottai Chettiar Melaka sejak 1900)* Lot:TA XII 62	1781
MT3	Sri Muthu Maha Mariamman Aalayam	119, Kampung Chitty, Gajah Berang, Melaka. Lot: TA1 59	1822
MT4	Sri Kailasanathar Aalayam	Kampung Chitty, Gajah Berang, Melaka. Lot: TAV 95	1887
MT5	Sri Anggala Parameswary Aalayam	Kampung Chitty, Gajah Berang, Melaka. Lot: TAV 94, 118	1888
MT6	Sri Lenggadariamman Aalayam	Kampung Chitty, Gajah Berang, Melaka. *(Tanah Syt.Tong Bee – proses pengambilan kini)*	1888
MT7	Sri Ayyanar Aalayam	Kampung Chitty, Gajah Berang, Melaka. Lot: TAV 81	1870
MT8	Sri Kathayee Amman Aalayam	Kampung Chitty, Gajah Berang, Melaka. Lot: TAV 100	1875
MT9	Sri Kaliamman Aalayam	Kampung Lapan, Bachang, Melaka. Lot: TA XXXI	1804
MT10	Sri Dharmarajah Aalayam	Kampung Chitty, Gajah Berang, Melaka. Lot: TAV 88	1770
MT11	Sri Amman Aalayam	Kampung Chitty, Gajah Berang, Melaka. Lot: TAV 88	1770
MT12	Sri Maha Mariamman Aalayam	KM14, Tambak Paya, Ayer Molek, 75460 Melaka. Lot:1345	1977
MT13	Sri Maha Karumariamman Aalayam	Taman Paya Rumput Perdana, Paya Rumput, 76450 Melaka.	1937
MT14	Sri Vanathaandavar Aalalaym	Lot: 14555, Batu 12¼, Sungei Udang, 76300 Melaka.	1960
MT15	Sri Maha Mariamman Aalayam	Batu 11, Ladang Bukit Kajang, Melaka.	1906

CamScanner

MT16	Arulmihu Sri Samayaburam Mariamman Nageswari Amman Aalayam	(sebelah Sungai Melaka – di belakang Tzu Chi, Batu Berendam) d/a 19, Taman Merdeka Baru, Fasa 3, 75350 Melaka.	1970
MT17	Sri Sundara Moorthy Vinayagar Aalayam	PBB 5, Jalan Bachang Baru, 75350 Melaka. Lot: 9324 *(Asal – Kuil Hospital Besar Melaka)*	1952
MT18	Dewi Seri Om Sakti Maha Muneswarar & Sri Veera Kaliamman Aalayam	Lot 15152, Taman Merdeka Jaya, 75350 Melaka. *(Gabungan dua kuil) (Kuil kedua dari Bachang dahulu)*	2004
MT19	Sri Muthu Mariamman Aalayam	PT 2456, Taman Bukit Melaka, Bukit Beruang, 75450 Melaka. *(dulu dari Simpang Bkt. Beruang)*	1960
MT20	Dewi Sri Naga Kaliamman Aalayam	Kampung Tampoi, Batu 7½, Jalan Industri,Krubong, 75250 Melaka.	1930
MT21	Sri Madurai Veeran (Muneeswarar) Aalayam	Kawasan Perindustrian Krubung, 75250 Melaka.	2015
MT22	Sri Subramaniar Thevasthanam	Lot 88-89, Solok Bangsal, Jalan Keretapi Lama, Batu Berendam, 75350 Melaka.	1965
MT23	Sri Vanapatra Kaliamman Aalayam	No.70, Jalan Sri Krubong, Jalan PK 26, Taman Perindustrian Krubong, 75250 Melaka. *(Di belakang Gereja Lady of Guadalupe)*	1930
MT24	Dewi Sri Maha Mariamman Aalayam	Lot 1551, Bertam Ulu, Jln.Tanjung Minyak, 75250 Melaka. *(Nama Lama: Kuil Sri Muniandy)*	1900
MT25	Sri Raja Rajeswary Amman Aalayam	No.75, Lorong 4, Batu 7, Kampung Baru, Tanjung Minyak, 75250 Melaka.	1981
MT26	Dewi Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Bertam, Paya Rumput 76450 Melaka.	1904
MT27	Pertubuhan Kebudayaan dan Kesenian India Krishna Balaram	Lot 2679, Jln Sri Rama 3, Taman Muzaffar Shah, 75450 Melaka.	2002
MT28	Dewi Sri Durgaiyamman/ Patra Kaliamman Aalayam	Batu 7¼, Paya Rumput, 76450 Melaka.	1900
MT29	Karadimalai Sri Dhurkaiamman Aalayam	Jalan Dahlia 6, Taman Bunga Raya, Bukit Beruang, 75450 Melaka.	1974
MT30	Sri Muthu Mariamman Aalayam	Ladang Genting Cheng, Bahagian Cheng, Paya Rumput, 76450 Melaka.	1930

CamScanner

MT31	Arulmihu Sri Sakhti Karumariamman Aalayam	23A, Batu 12, Tanah Merah, Krubong, 75250 Melaka.	1990
MT32	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Tanah Merah (Bertam, Bhg. Krubong) d/a 23A, Batu 12, Tanah Merah, Krubong, 75250 Melaka. *(Syarikat Poh Brothers menyumbang tanah untuk kuil ini)*	1930
MT33	Sri Raja Rajeswary Aalayam	792-C, Jalan Emas 6, Taman Kerjasama, Bukit Beruang, 75450 Melaka.	1940
MT34	Sri Uthira Kaliamman Aalayam	Bekas tanah kubur, Bukit Serindit. d/a C1-7, Rumah Pangsa, Taman Anika, Lorong Pandan, 75250 Melaka.	1970
MT35	Sri Maha Chamundeswari Amman Aalayam	21-C Kampung Tujuh, Jalan Gajah Berang 75200 Melaka. *(Dulu Kuil Chitty Melaka)*	1870
MT36	Sri Maaveeran Aalayam	197-A, Jalan Puteri Hang Li Poh, 75100 Melaka.	1952
MT37	Sri Maha Mariamman Aalayam	91-C, Pengkalan Rama Pantai, 75100 Melaka. *(Dulu: Dari Perumahan Majlis Perbandaran Melaka)*	1930
MT38	Sri Subramaniar Thiroubathai Amman Aalaya Paripalana Sabai	Jalan Gajah Berang, 75400 Melaka. *(Dulu kuil Chitty Melaka)*	1865
MT39	Dewi Sri Maha Mariamman Aalayam (Kuthiraik Koyil)	Lot 1213, Jalan Hujung Padang, Batu 6¾, Paya Rumput, 76540 Melaka.	1890
MT40	Sri Maha Mariamman Aalayam	No. 7, Lorong 4, Jalan TTP 3, Taman Tambak Paya Permai, Ayer Molek, 75460 Melaka.	1928
MT41	Sri Maha Mariamman Aalayam	Batu 8 ½ , Pengkalan Minyak, 75460 Melaka. *(Dulu: Ldg Diamond Jubilee, Bahagian Union)*	1930
MT42	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Lim Kok Wah, Bukit Lintang, 75460 Melaka. *(Dulu: Ldg. Leong Watt Hin, Pungkai, Tiang Dua)*	1930
MT43	Sri Maha Mariamman/ Muniandy Aalayam	PT 1107, Tanjung Minyak, Cheng, 75250 Melaka.	1924
MT44	Sri Maha Muneeswarar Aalayam	Kg. Solok Jeram, Paya Rumput, 76450 Melaka.	2002

CamScanner

MT 1	**KUIL SRI ARULMIGU SANNASIMALAI AANDAVAR**
	Batu 5, Jalan Kerubong, 75250 Cheng, Melaka.

Kaum *Nattukottai Chettiar* atau *Nagarathaar* (Kaum Pedagang) di Bandar Melaka telah berada di Melaka sejak tahun 1800 atas pelawaan pemerintah British, dan menggunakan kuil Sri Poyyatha Vinayagar Moorthi, Kuil Kaum *Chitty Melaka*, yang wujud di Jalan Tukang Mas, berdekatan dengan tempat tinggal mereka untuk beramal ibadat. Oleh sebab permohonan mereka untuk mendirikan kuilnya sendiri di bandar tidak diluluskan oleh pemerintah British pada masa itu atas alasan sudah ada kuil Hindu di bandar Melaka, maka kaum ini berusaha untuk membina kuilnya sendiri di luar bandar Melaka.

Kuil ini didirikan pada tahun 1868, dan berasal daripada *Jeeva Samadhi* atau keramat seorang pertapa agama Hindu yang menetap di tapak ini. Pada mulanya pertapa itu menetap di kawasan bukit dan bersembahyang pada *Muruganudaiya Thiruvadi* dengan *pooja* harian dan meditasi pada *shivalingam* di situ.





CamScanner

BAHAGIAN C

Bukit itu dikenali sebagai *Sannasimalai* atau bukit pertapa. Kebetulan pula, kawasan berhampiran bukit itu dipunyai oleh keluarga *Nattukottai Chettiar*, dan amalan pertapa itu menarik perhatian kaum ini. Setelah menyedari kesaktian pertapa itu, keputusan dibuat untuk membersihkan tapak di kaki bukit berkenaan yang menjadi tempat beribadah pada orang Hindu di sekitar pada ketika itu.

Pertapa itu menasihati kaum *Nattukottai Chettiar* supaya mendirikan kuil *Murugan* yang mereka idamkan di tapak itu dan sanggup serahkan segala kebesaran tempat itu pada kuil yang bakal dibina nanti. Tanah itu dibeli untuk dibangunkan kuil. Kebetulan pula pada ketika itu, banyak tanah di sekitar kawasan itu dimiliki oleh kaum *Chettiar*, dan ada pekerja-pekerja beragama Hindu yang bertugas di ladang-ladang di sekitar.

Semasa pertapa itu masih hidup, banyak perkhidmatan amalan agama termasuk rawatan pada pesakit telah diberikannya kepada penganut yang mengunjunginya, sehinggalah pertapa itu mencapai '*moksha*' sekitar tahun 1868-1872.

Walaupun kuil ini menggunakan nama pertapa yang bersemayam di situ, namun, kuil ini sebenarnya merupakan kuil bagi *Dewa Murugan*, dan, dibina kompleks yang luas. Mula-mula '*pangguniuthiram*' diraikan secara besar-besaran di kuil ini, tetapi sejak tahun 1900 perayaan *Masimaham*, pada bulan Masi, diadakan secara besar-besaran, yang pernah menarik penganut dari seluruh negara seramai 100,000 ke kuil ini. Hingga ke hari ini, perayaan inilah menjadi perayaan kuil Hindu Melaka yang menarik penganut yang paling ramai.

Kuil ini ditadbirkan melalui sebuah trust atau badan amanah oleh kaum *Nattukottai Chettiar* di Melaka, dan pentadbirannya terus di tangan mereka secara eksklusif.



CamScanner

MT 2	**KUIL SRI POYYAATHA VINAYAGAR MOORTHY**
	Jalan Tukang Emas, 75200 Bandar Melaka.

Kuil tertua yang digunakan secara berterusan sejak Zaman Belanda di rantau ini, merupakan kuil induk bagi masyarakat *Chitty Melaka* yang kini menduduki kawasan Gajah Berang.

Pada tahun 1781 penjajah Belanda telah memberikan geran tanah untuk membina rumah ibadat bagi penganut Hindu dan Islam di Kampung Keling zaman itu – bagi kuil Hindu, tanah didaftarkan atas nama *Theivanayagam Chitty*, ketua kaum *Chitty Melaka* zaman itu. Keistimewaan kuil ini ialah kedudukannya yang sederet dengan *Masjid Kampung Keling* dan *Tokong Cheng Hoon* Teng, dan berdekatan dengan Jonker Walk zaman ini. Kuil ini khusus untuk *Dewa Vinayagar,* dewa sebagai penghindar bala, dan penganugerah ilmu pada penganutnya, dan sering menjadi dewa utama semasa beribadat.

Masyarakat *Chitty Melaka*, melalui perjanjian khas, telah membenarkan kaum *Nattukottai Chettiar* yang tinggal berhampiran dengan kuil ini apabila penjajah British menguasai Melaka, untuk mentadbirkannya sejak tahun 1901, kerana masyarakat *Chitty Melaka* mempunyai banyak tempat ibadat di kawasan Gajah Berang, berhampiran kampung mereka, setelah berpindah dari Kampung Keling. Bagaimanapun, hak kepunyaan kuil masih pada masyarakat *Chitty Melaka* – dan semua harta, mahupun jawatankuasa masyarakat *Chitty Melaka* terletak di bawah nama kuil induk ini sehingga sekarang. Kuil ini mengalami beberapa pembaikan dalam deretan zaman, dan kini terletak di zon warisan sejarah yang telah diwartakan.

CamScanner

Kuil ini digunakan oleh penganut Hindu yang tinggal di bandar Melaka, dan juga oleh pekerja-pekerja Hindu yang bertugas di sekitar bandar Melaka. Vinayagar Sathurthi menjadi perayaan utama kuil ini.

Ramai pelancong dari dalam mahupun dari luar negara melawat kuil ini, khususnya kerana ia berhampiran dengan Jonker Walk di bandar Melaka dan terletak di zon warisan bandar Melaka. Pentadbiran kuil ini masih pada kaum *Nattukottai Chettiar* di Melaka.

MT 3	**KUIL SRI MUTHU MAHA MARIAMMAN**
	Kampung Chitty, 75200 Gajah Berang, Melaka.

Kuil ini yang menduduki sudut strategik dalam Kampung *Chitty Melaka* bagi Dewi Sri Muthu Mariamman, sebagai dewi pelindung bagi penganutnya, telah dibina pada tahun 1822 di bawah geran penjajah Belanda, apabila kebanyakan keluarga masyarakat *Chitty Melaka* berpindah dari kawasan Kampung Keling ke kawasan pertanian di sekitar Gajah Berang. Sebahagian besar keluarga *Chitty Melaka* menetap di Kampung *Chitty Melaka* di sini hingga ke hari ini, dan kuil inilah kini menjadi kuil utama bagi masyarakat *Chitty Melaka*.

Kebanyakan orang Melaka mengenali kuil ini sebagai 'Datuk Cacar' kerana dewi ini juga dikaitkan dengan kesaktian untuk mengawal pelbagai jenis penyakit, termasuk cacar. Banyak keluarga bukan Hindu juga mendapat perkhidmatan rawatan apabila anggota keluarganya menghidap penyakit, dan bernazar untuk mengangkat *kavadi* atau *pal kudam* semasa perayaan tahunan – dan menunaikannya.

Sebenarnya Perayaan *Datuk Cacar* pada bulan *Chittirai* atau bulan April/Mei saban tahun merupakan perayaan yang utama bagi masyarakat *Chitty Melaka* – apabila kaum

CamScanner

kerabatnya yang kini tinggal di luar Melaka kembali ke kampung asal mereka – dan apabila banyak orang dari luar Kampung *Chitty Melaka*, termasuk penganut daripada kaum Tionghua tempatan, turut membayar nazar di kuil ini.

Kuil ini telah mengalami banyak pembaikan dalam deretan zaman dan ditadbirkan oleh Jawatankuasa Induk Kuil SPVM (Kuil Sri Poyyatha Vinayagar Moorthi) yang mengendalikan hal ehwal Kampung *Chitty Melaka* serta segala harta – termasuk kuil-kuil – masyarakat ini.

Banyak aktiviti masyarakat *Chitty Melaka*, khususnya yang berkaitan agama Hindu, berpusat pada kuil ini. *pooja* khas mingguan di kuil ini adalah pada hari Jumaat.



CamScanner

BAHAGIAN C

MT 4	KUIL SRI KAILASANATHAR (SIVAN)
	Kampung Chitty, 75200 Gajah Berang, Melaka.

Kuil yang didedikasi kepada *Dewa Sivan* yang dianggap sebagai yang paling berkuasa kerana dapat mencipta, memelihara mahupun membinasa alam. Kuil Kailasanathar yang pertama dibina di Kanchi, India, pada TM 685-705, dalam zaman Pallava di sana, dan, kemudian pengaruhnya merebak ke seluruh Tamil Nadu.

Masyarakat *Chitty Melaka* telah mengikuti tradisi itu dan membina kuil yang didedikasi pada *Dewa Siva* berdekatan dengan pintu masuk ke kampung masyarakat *Chitty Melaka* pada tahun 1887.

Baru-baru ini kuil ini menjalani pembaikan dan konservasi dengan kerjasama PERZIM dan kerajaan Malaysia – dan *kumbabishegam* telah dijalankan selepas pembaikan pada bulan Februari, tahun 2020.

Dalam bahasa Melayu kuil ini dinamakan *KUIL BAHARU* mungkin kerana ia didirikan selepas kuil Sri Muthu Mariamman di kampung itu, dan dianggap baharu pada ketika itu.

CamScanner

Banyak aktiviti masyarakat *Chitty Melaka* berpusat di kuil ini sebagai kuil kedua penting di Kampung *Chitty Melaka*. Bagi penganut Hindu di negeri Melaka pula, kuil ini merupakan kuil '*Dewa Sivan*' yang tunggal di bandar Melaka, dan upacara-upacara agama yang perlu dilakukan pada dewa ini secara khusus, menarik penganut-penganut itu ke kuil ini. *Pooja* khas di kuil ini adalah pada hari Isnin.

MT 5	**KUIL SRI ANGGALA PARAMESWARY**
	Kampung Chitty Melaka, 75200 Gajah Berang, Melaka.

Anggalamman ialah nama pada dewi yang dianggap garang, yang memberikan perlindungan pada penganutnya. Dewi ini dipuja dengan darah melalui pengorbanan hidupan. Ia menjadi *kula dheivam* atau dewi pada sesuatu golongan khusus, yang menganggap dewi itu sebagai pelindung mereka.

Anggota masyarakat *Chitty Melaka* daripada kasta *Neiker* mendirikan kuil ini di tanah kepunyaan mereka sendiri pada tahun 1888, setahun selepas Kuil Sivan dibina. Sebilangan anggota daripada kasta *Pillai* juga bersembahyang di kuil ini. Kuil ini dibina di hujung Kampung *Chitty Melaka*, lokasi yang sesuai untuk dewi pelindung *Anggalamman* ini.

Pengorbanan nyawa yang dilakukan dahulu telah diberhentikan pada tahun 1960-an atas nasihat ahli-ahli agama Hindu.

Masyarakat tempatan menamakan kuil ini sebagai *Kuil Kolam Besar* kerana telah terdapat kolam di tepi kuil ini. Kini kuil ini digunakan mengikut masa tertentu, dan *pooja* khas diadakan pada setiap hari Selasa seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kuil SPVM yang mentadbirkannya. Pada tahun 2019, kuil ini menjalani sedikit pembaikan melalui sumbangan daripada penganut yang setia.

CamScanner

BAHAGIAN C

Kuil ini merupakan kuil ketiga dalam lingkungan Kampung *Chitty Melaka* dan tersenarai antara 10 kuil masyarakat *Chitty Melaka* dalam *'Trust'* atau dokumen amanah Mahkamah Tinggi Melaka sejak tahun 1962.

CamScanner

MT 6	**KUIL SRI LENGGADARIAMMAN/GANGGADHARIAMMAN**
	Kampung Tujuh, 75200 Gajah Berang, Melaka.

Mengikut kisahnya, seorang wanita tua yang kaya lagi alim pernah tinggal di tempat ini pada abad kelapan belas. Dia bermurah hati dan menolong orang-orang dalam kesusahan, dan dapat mengubati penyakit-penyakit yang menghidapi mereka – dan hal ini dikaitkan dengan kuasa ketuhanan yang ada padanya, sehingga dia dianggap mulia lagi suci.

Apabila perempuan tua yang alim itu meninggal dunia, tempat itu dijadikan keramat atas namanya – Sri Lenggadariamman dan ada juga yang menyebutnya sebagai Ganggadariamman - dan orang-orang di sekitar kawasan itu mula memujanya sejak tahun 1888 lagi. Dalam bahasa Melayu, tempat ibadat ini dinamakan Kuil Nenek.

Hingga ke hari ini, memang ada orang percaya, jika seseorang terjumpa duit syiling di kuil ini, itu adalah alamat yang baik pada orang itu, iaitu dia akan dicurahi anugerah oleh Tuhan. *Adi Pooja* diadakan setiap tahun di kuil ini.

Kuil kecil ini ditadbirkan oleh Jawatankuasa Kuil SPVM masyarakat *Chitty Melaka*.

CamScanner

MT 7	**KUIL SRI AYYANAAR**
	Kampung Tujuh, 75200 Gajah Berang, Melaka.

Ayyanaar tergolong dalam 21 dewa perlindungan lain di Tamil Nadu, dan selalunya ditempatkan di sempadan kawasan kampung untuk menghindarkan sebarang kecelakaan pada penghuni kampung mahupun harta dan tanaman mereka.

Masyarakat *Chitty Melaka*, khususnya daripada kasta *Pillai*, yang berkecimpung dalam aktiviti pertanian mendirikan tempat sembahyang khusus untuk dewa *Aiyanaar,* seperti kelaziman di Tamil Nadu, di sempadan kawasan pertanian mereka sejak tahun 1870 semasa aktiviti pertanian mereka berleluasa. Dalam bahasa Melayu kuil ini dinamakan *Kuil Gajah.* Oleh sebab lokasi kuil ini agak berjauhan daripada *Kampung Chitty Melaka*, hanya *Aadi Pooja* diadakan setiap tahun di kuil ini. Pada mulanya ada pengorbanan hidupan dilakukan di kuil ini, tetapi sejak tahun 1960-an amalan itu terhenti.

Kuil ini juga ditadbirkan oleh Jawatankuasa Kuil SPVM Masyarakat *Chitty Melaka*.

CamScanner

MT 8	**KUIL KATHAYEE AMMAN**
	Kampung Tujuh, 75200 Gajah Berang, Melaka.

Kathayee atau *Karthiyaayinee* merujuk pada *Valli*, iaitu dewi yang dianggap pelindung hasil pertanian daripada sebarang kecelakaan – dan dewi ini dipuja di kawasan pertanian di kampung-kampung di Tamil Nadu sejak berkurun lamanya.

Tidaklah menghairankan, dalam masyarakat *Chitty Melaka* terdapat kumpulan, khususnya daripada kasta *Patther* yang memilih dewi ini untuk dipuja di kawasan pertaniannya di Gajah Berang, Melaka sejak tahun 1875 lagi. Walaupun pada masa ini, pertanian sudah ditinggalkan oleh masyarakat ini, namun, kuil ini tetap diuruskan oleh masyarakat ini. Oleh sebab kuil ini agak berjauhan dari Kampung *Chitty Melaka*, hanya *Adi Pooja* diadakan secara khusus setiap tahun di kuil ini.

Jawatankuasa Kuil SPVM Masyarakat *Chitty Melaka* mentadbirkannya sebagai salah satu daripada 10 kuil warisannya.

CamScanner

MT 9	**KUIL SRI KALIAMMAN**
	Kampung Lapan, Bachang, 75200 Melaka.

Kaliamman merupakan dewi perlindungan yang dianggap garang, yang dapat memberikan perlindungan daripada mala petaka atau kecelakaan pada penganutnya mahupun kawasan di sekitarnya. Selalunya kuil bagi dewi ini didirikan di pinggir tempat kediaman mahupun di kawasan pertanian atau perusahaan penganutnya.

Bagi masyarakat *Chitty Melaka*, kawasan pertanian yang agak jauh dari tempat tinggal mereka telah memerlukan kuil khusus bagi dewi ini sebagai pelindung pada hasil tanaman mereka pada ketika mereka berkecimpung dalam aktiviti pertanian secara berleluasa. Pada mulanya pengorbanan hidupan dilakukan di kuil ini, tetapi sejak tahun 1960-an amalan itu terhenti.

Kini tanah asal tempat kuil didirikan pada asalnya telah terjual kepada pihak lain, tetapi, pihak yang membeli tanah itu telah membina semula kuil, berhampiran tapak asalnya di Kampung Lapan, Bachang Melaka. *Pooja* khas di kuil ini diadakan pada setiap hari Ahad, selain *Adi Pooja* setiap tahun, oleh Jawatankuasa Kuil SPVM masyarakat *Chitty Melaka* yang mentadbirkannya.

CamScanner

MT 10	**KUIL SRI DHARMA RAJAH**
	Kampung Tujuh, 75200 Gajah Berang, Melaka.

Yama Dharma Rajah merupakan dewa yang mengambil nyawa, dan penganut bersembahyang pada dewa ini untuk pelanjutan umur dan kebahagiaan. Dewa ini juga melambangkan keadilan, dan sesiapa yang telah ditimpa sesuatu kerugian mahupun kecelakaan mencurahkan masalah pada dewa ini untuk mendapat balasan yang baik.

Dalam kalangan masyarakat *Chitty Melaka*, anggota kasta *Rajah* mungkin mendirikan tempat ibadat ini, dan adalah dipercayai, sesiapa yang inginkan pelanjutan umur harus bersembahyang pada masa *yama kanda*, iaitu masa yang khusus pada dewa ini. Kuil ini didirikan pada tahun 1770, lebih awal daripada kuil SPVM di Jalan Tukang Emas yang menjadi kuil induk bagi masyarakat ini.

Ia menunjukkan masyarakat ini sudah berkecimpung dalam aktiviti pertanian pada ketika itu. Dalam bahasa Melayu kuil ini dikenali sebagai '*Kuil Dharma'.*

Oleh sebab kuil ini terletak jauh dari Kampung *Chitty Melaka*, kini *Adi Pooja* sahaja diadakan di kuil ini setiap tahun seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kuil SPVM Masyarakat *Chitty Melaka* yang mentadbirkannya.



CamScanner

MT 11	**KUIL SRI AMMAN**
	Kampung Tujuh, 75200 Gajah Berang, Melaka.

Amman merupakan lambang dewi yang peroleh semua kekuasaan dan kesaktian yang ada pada Yang Maha Esa, dalam bentuk wanita. Besar kemungkinan, pada awalnya masyarakat *Chitty Melaka* mendirikan kuil ini secara bersama pada abad kelapan belas di tempat pertanian mereka untuk mendapatkan perlindungan untuk tanaman dan keluarga mereka. Kuil ini didirikan sebelum terbinanya kuil-kuil di kawasan perumahan Kampung *Chitty Melaka*, berhampiran dengan *Kuil Dharmarajah.*

Dewi sering dirujuk sebagai *Amma* atau *Ibu* – dan kuil ini pada awalnya mungkin memainkan peranan yang besar dalam kalangan masyarakat *Chitty Melaka*, khususnya yang berkecimpung dalam aktiviti pertanian di seluruh kawasan Gajah Berang.

Oleh sebab lokasi kuil ini agak jauh dari Kampung *Chitty Melaka*, kini *Adi Pooja* sahaja diadakan di kuil ini setahun sekali seperti yang ditentukan oleh Jawatankuasa Kuil SPVM, Masyarakat *Chitty Melaka* yang mentadbirkannya.

CamScanner

MT 12	**KUIL SRI MAHA MARIAMMAN**
	KM14, Tambak Paya, Ayer Molek, 75460 Melaka.

Kuil ini dibina pada tahun 1977 atas usaha En.S.Ponnusamy Mandur apabila tanah ladang getah telah terjual dan dibahagi-bahagikan oleh pembeli, dan penganut agama Hindu setempat telah terpaksa berikhtiar untuk meneruskan ibadat mereka di kuilnya sendiri. Pada ketika itu Mendiang En.Perumal *(Om Sakti)* dan mendiang En.Periasamy telah menyumbangkan sebahagian daripada tanah miliknya untuk pembinaan kuil. Tidak lama kemudian mendiang En.Perumal telah menghadiahkan tanah tambahan untuk didirikan dewan. Kini tanah kuil terletak atas nama Datuk Viswanathan a/l Perumal.

Mariamman Thiruvizha diadakan di kuil ini sejak tahun 1978 pada bulan *Aani* selama 9 hari berturut-turut, dan merupakan masa untuk keluarga dan waris-waris keluarga yang pernah menduduki kawasan ini untuk kembali bertemu dengan rakan-rakan lamanya di samping beribadat di kuil yang menjadi simbol warisan nenek moyang mereka.

Kumbabishegam di kuil ini telah diadakan sebanyak 3 kali setakat ini, dengan kali terakhir pada tahun 2008, dan *kumbabishegam* seterusnya dicadangkan pada tahun 2020. Jawatankuasa kuil ini berdaftar sebagai Persatuan Penganut dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 1982. Pihak kuil bercadang untuk mendirikan sebuah dewan terbuka sebagai kemudahan tambahan dalam masa yang terdekat.

CamScanner

MT13	**KUIL SRI MAHA KARUMARIAMMAN**
	Taman Paya Rumput Perdana, 76450 Paya Rumput, Melaka.

Kuil ini dimulakan sekitar tahun 1937 oleh pengurusan dan pekerja Hindu sebagai *Kuil Sri Maha Mariamman* di Ladang PV yang dipunyai oleh mendiang En. Kuzhanthaiyappan Chettiar. Nama kuil ditukar menjadi *Kuil Sri Maha Karumariamman* oleh penganut di ladang ini kemudian. Pada tahun 1990-an ladang ini dibeli oleh Tan Sri Kishu *(pemilik Globe Silk Store dahulu)* yang mahu menjadikannya padang golf pada ketika itu, sehingga menyebabkan *kumbabishegam* di kuil tergendala selama 18 tahun. Kemudian, pemaju perumahan berketurunan China telah membeli tanah ladang ini, dan telah meninggalkan tanah seluas 10,000 kaki persegi bagi kuil ini di tapak yang sedia ada.

Tanah kuil kini terserah pada Majlis Kerajaan Tempatan sebagai tanah rizab untuk kuil, dan aktiviti di kuil ini berjalan dengan baik pada ketika ini. Kuil didaftarkan sebagai Persatuan Penganut pada tahun 2011. Kuil ini digunakan oleh keluarga- keluarga Hindu yang menetap di taman-taman perumahan yang berhampiran.

Mulapari Thiruvizha diadakan pada bulan Ogos selama 12 hari berturut-turut selama 12 tahun yang lalu. *Kumbabishegam* telah diadakan pada tahun 2008 dan yang berikut pada tahun 2020. Keluarga-keluarga mahupun waris keluarga yang pernah menduduki ladang PV dahulu memang kembali untuk merayakan *thiruvizha* mahupun *kumbabishegam* kuil ini.

CamScanner

MT 14	**KUIL SRI VANATHAANDAVAR**
	Batu 12¼, Sungai Udang, 76300 Melaka.

Tapak kuil ini mula-mula dijadikan sebagai tempat ibadat agama Hindu pada sekitar tahun 1960 oleh anggota askar keturunan Nepal yang ditempatkan di Kem Terendak ketika itu. Kemudian, apabila negara merdeka, kuil ini dibina menurut tatacara agama yang teratur pada tahun 1985 oleh anggota-anggota tentera yang beragama Hindu yang berpengkalan di Kem Terendak, diketuai oleh Lt. Col. (R) Datuk Dr. Senasi Annamalai.

Kini kuil ini terdiri di tanahnya sendiri dan didaftarkan sebagai Persatuan Penganut pada tahun 1980.

Sejak tahun 1985, *thiruvizha* di kuil diadakan pada minggu pertama bulan Disember setiap tahun selama 10 hari berturut-turut. *Kumbabishegam* diadakan hanya pada tahun 1987. Keluarga-keluarga bekas tentera dan warisnya memang kembali untuk *thiruvizha* tahunan dan memberikan sokongan yang padu terhadap aktiviti kuil ini. Tambahan pula keluarga-keluarga Hindu yang kini tinggal di sekitar kawasan Sungai Udang telah mesra dengan kuil ini untuk *pooja* harian.

Pada masa kajian ini dilakukan, bangunan kuil sedang dibina semula dengan kemudahan-kemudahan tambahan, termasuk tempat penginapan untuk 20 orang dalam masa kecemasan seperti banjir atau bencana alam lain. Pembinaan ini dijangka siap sebelum akhir tahun 2022 dan *kumbabishegam* seterusnya dijadualkan pada ketika itu.

CamScanner

MT 15	**KUIL SRI MAHA MARIAMMAN**
	Batu 11, Ladang Bukit Kajang, Bemban, 77200 Melaka.

Pekerja-pekerja yang beragama Hindu di ladang ini telah memulakan kuil ini sejak tahun 1906 tidak jauh dari tempat perumahan mereka. Kuil asal pernah dibaiki beberapa kali. Kuil ini terletak di tepi jalan utama Jasin-Melaka, di dalam tanah milik Ladang Bukit Kajang. Kuil ini mempunyai kemudahan dewan kecil yang digunakan untuk menjalankan kelas tabika yang ditaja oleh CHILD.

Jawatankuasa kuil ini telah berdaftar sebagai Persatuan Penganut dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 2012, dan kini berusaha untuk membeli tanah kuilnya daripada pihak Ladang Bukit Kajang.

Mariamman Thiruvizha diadakan setiap tahun pada bulan Jun selama 10 hari berturut-turut dan semua keluarga dan waris keluarga yang pernah tinggal di Ladang Bukit Kajang dan kini tinggal berjauhan dari sini kembali untuk turut serta dalam *thiruvizha* dan bertemu muka dengan saudara-mara dan sahabat handai mereka.

Kumbabishegam di kuil ini diadakan sebanyak 2 kali, dengan kali terakhir pada tahun 2004. Jawatankuasa kuil ingin memiliki tanah kuil dahulu sebelum mengadakan *kumbabishegam* seterusnya.

CamScanner

MT 16	**KUIL ARULMIHU SRI SAMAYABURAM MARIAMMAN NAGESWARY**
	Tepi Sungai Melaka, Belakang Yayasan Tsu Chi, 75350 Batu Berendam, Melaka.

Kuil *Samayaburam Mariamman* memang terkenal di Thiruchi, Tamil Nadu dan dikunjungi oleh penganut dari seluruh dunia untuk mendapat restu dewi di sana. *Samayaburam* bererti pada masa yang tepat, iaitu dewi yang memberikan bantuan pada saat yang tepat pada penganutnya.

Di Melaka, kuil ini diwujudkan di tepi Sungai Melaka di Batu Berendam, oleh sekumpulan penganut yang mengisahkan bahawa mereka menemui lambang *Dewi Nagamma* dan bekas-bekas lain yang menunjukkan tempat itu digunakan untuk bersembahyang oleh nelayan yang menggunakan sungai Melaka dari dahulu lagi. Mereka membersihkan tempat itu sebagai Kuil Amman pada tahun 1970, dan kemudian diberikan nama baharu *Kuil Arulmihu Sri Samayaburam Mariamman Nageswary* dan mentadbirkannya hingga sekarang. Mereka percaya terhadap kesaktian dewi di kuil ini dan menjalankan *pooja* setiap petang, dengan *thiruvizha* pada bulan September setiap tahun.

Penganut yang tinggal di sekitar Batu Berendam, dan pekerja mahupun pelajar yang menginap di asrama-asrama yang berhampiran berkunjung ke kuil ini untuk bersembahyang. Jawatankuasa kuil sedang berusaha untuk menambahkan dan membaiki kemudahan di kuil yang agak baharu di Melaka.

Kuil ini menduduki sedikit kawasan tanah kepunyaan Yayasan Tsu Chi – tetapi Yayasan itu membenarkan kuil wujud di situ. Namun, sebahagian besar kuil ini menduduki tanah kerajaan (JPS) di tepi Sungai Melaka. Jawatankuasa kuil ini didaftarkan sebagai Persatuan Penganut dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 2012.

CamScanner

MT 17	KUIL SRI SUNDARA MOORTHY VINAYAGAR
	PBB-5, Jalan Bachang Baru, 75350 Melaka.

Asalnya, kuil ini wujud di kawasan perumahan Hospital Besar Melaka sejak tahun 1952, dibina oleh kakitangan Hospital Besar Melaka pada ketika itu, dan telah digunakan oleh penganut-penganut agama Hindu di kuarters kakitangan Hospital Melaka.

Apabila projek pembangunan di Hospital Besar Melaka menyebabkan kuarters kakitangan diroboh, maka kuil ini juga dipindahkan ke tapak sekarang di tepi Sungai Melaka di Bachang pada tahun 1996. Tanah seluas 10,000 kaki persegi untuk kuil diwartakan pada tahun 2001, dan kuil baharu siap didirikan pada tahun 2006. Kini kuil ini telah menjalani *kumbabishegam* yang kedua secara besar-besaran pada bulan Julai, 2019.

Kuil ini mempunyai banyak kemudahan sekarang, dengan seorang *gurukkal* yang bertauliah yang aktif membimbing penganut dengan didikan agama melalui sesi mingguannya. Kebanyakan hari suci dalam agama Hindu disambut di kuil ini dengan *pooja* harian pada pagi dan petang. Pada *pandigai* Hindu, *ubayam* diadakan dengan penglibatan penganut agama Hindu.

Salah sebuah kuil Hindu di Melaka yang aktif dengan program untuk penganut, dan kuil ini sudah didaftarkan sebagai Persatuan Pengurusan dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia sejak tahun 1972.

CamScanner

MT 18	**KUIL DEWI SRI OM SAKTI MAHA MUNEESWARAR, & KUIL SRI VEERA KALIAMMAN**
	Lot 15152, Taman Merdeka Jaya, 75350 Melaka.

Mengikut jawatankuasa yang mengendalikan kuil ini, seorang penganut agama Hindu telah bermimpi bahawa di tapak ini *Dewi Pechiyamma* sudah pun bersemayam, dan apabila diperiksa, memang terdapat tanda yang nyata tentang *Dewi Pechiyamma* dan juga *Dewi Nagamma* bersemayam di situ. Sejak tahun 2004, penganut itu bersembahyang pada *Dewi Peychiyamman* di situ.

Pada tahun 2012, beberapa penganut yang lain turut serta, dan jawatankuasa dibentuk dengan menamakan kuil ini sebagai *Kuil Dewi Sri Om Sakti Maha Muneeswarar,* dengan menambahkan dewa Muneeswarar di situ – dan hingga sekarang jawatankuasa, yang kebanyakan terdiri daripada kaum wanita, mentadbirkannya.

Kuil ini tiada bangunan yang kukuh mahupun kemudahan lain – bagaimanapun lampu dipasang setiap hari dengan meraikan *pandigai-pandigai* Hindu. *Thiruvizha* diadakan pada bulan Disember, dan ada ketikanya pengorbanan hidupan dilakukan di kuil ini. Penganut setia mengaku tentang kesaktian kuil ini dan bagaimana mereka menerima anugerah daripada-Nya.

Pada tahun 2019, *Kuil Sri Veera Kaliamman* yang telah beroperasi di Bachang di tanah swasta sejak 2009, telah diarah berpindah, dan jawatankuasa *Kuil Dewi Sri Om Sakti Maha Muneeswarar* telah bersetuju untuk menerima kuil itu di sebelahnya.

Kuil Sri Veera Kaliamman juga telah beroperasi sebagai kuil yang kecil sebelum berpindah ke sini, tetapi mempunyai rancangan untuk menambahkan kemudahan mahupun program kuilnya selepas berpindah ke tapak baharu. *Thiruvizha* kuil ini pada bulan Januari, dan ada kalanya pengorbanan hidupan juga dilakukan.

Usaha untuk membentuk jawatankuasa gabungan antara kedua-dua kuil masih berjalan pada masa kajian ini dilakukan. Namun, kuil-kuil ini terletak di tapak kepunyaan kerajaan negeri Melaka (JPS) dan kedua-dua kuil masih belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan semasa kajian ini dilakukan.

CamScanner

MT19	**KUIL SRI MUTHU MARIAMMAN**
	PT2456, Taman Bukit Melaka, Bukit Beruang, 75450 Melaka.

Pada asalnya kuil ini terletak di persimpangan Bukit Beruang bersebelahan Lebuh Ayer Keroh, berhampiran dengan bangunan MBMB Melaka, sejak tahun 1960-an. Pada ketika itu kuil ini diselenggara oleh mendiang Pusari bernama En.Sockalingam. Kemudian, disebabkan pelebaran jalan raya dan faktor pembangunan dalam bandaraya Melaka, maka kuil dipindahkan ke tapak baharu, iaitu ke Taman Bukit Melaka, Bukit Beruang.

Kerajaan menyediakan tanah pajakan (lease) bagi 35 tahun, seluas 1,858.06 mp untuk kuil ini di kawasan taman-taman perumahan di Bukit Beruang. Banyak juga keluarga Hindu yang menduduki taman-taman ini, dan kuil ini menjadi pilihan sebagai tempat ibadat mereka. Pada tahun 1993, kuil ini siap dibina di tapak ini dengan nama asalnya, *Sri Muthu Mariamman Aalayam*. Kuil ini mempunyai tiga buah bangunan tambahan, iaitu sebuah Dewan bernama *Duraisamy Chettiar Mandabam,* sebuah *Yaga Salai* dan sebuah *Sivalayam*. Dewan kuil ini digunakan oleh masyarakat Hindu negeri Melaka untuk pelbagai aktivitinya sepanjang tahun.

Kuil ini telah berdaftar sebagai Persatuan Penganut sejak tahun 1993 dan mempunyai keahlian melebihi 150 orang. Selain penganut

CamScanner

yang menetap di kawasan Bukit Beruang, para pelajar institusi pengajian tinggi yang menginap di rumah dan asrama di kawasan ini juga menggunakan kuil ini setiap hari.

Sejak tahun 1993 *thiruvizha* di kuil ini adalah pada *Chittira Pouranami* pada bulan *Chittirai* (April/Mei) selama 10 hari. *Kumbabishegam* pula pernah diadakan sebanyak 2 kali, kali terakhir pada tahun 2013. Salah sebuah kuil yang aktif sepanjang masa di negeri Melaka.

MT20	**KUIL SRI NAGA KALIAMMAN**
	Kampung Tampoi, Batu 7 ½ , Jalan Industri, Krubung, 75250 Melaka.

Kuil ini terletak di dalam kawasan ladang yang dipunyai oleh Raman Chettiar dahulu. Pekerja ladang yang bernama Muniandy dan Alagappa Mandur telah memainkan peranan untuk mengasaskan kuil ini pada tahun 1930. Kuil asal telah mengalami perubahan dan pada ketika negara merdeka, penganut melebihi 300 orang tinggal di ladang ini. *Dewi Nagamma* di kuil ini dianggap cukup bersakti oleh penganut yang sering mengunjunginya.

Ladang ini telah terjual pada pemilik China dan menjadi Ladang Lam Joo, dan kemudian pihak kerajaan telah mengambil alih ladang berkenaan untuk menjadikannya sebahagian daripada Taman Industri Krubung. Bekas pekerja kini tinggal di taman-taman perumahan yang berdekatan, dan kuil ini kini menduduki kawasan yang dikhaskan pada Jabatan Kerja Raya untuk pelurusan jalan raya.

Kuil ini berdaftar sebagai Persatuan Penganut sejak tahun 2011. Usaha untuk mendapatkan tapak gantian supaya kuil dapat dialihkan masih belum berjaya, dan pihak pengurusan kuil ini memang perlu berpindah ke tapak baharu dalam masa yang terdekat.

Kaliamman Thiruvizha dijalankan pada bulan Julai di kuil ini, dan kebanyakan waris keluarga yang pernah tinggal di ladang ini dahulu, dan kini tinggal di pelbagai tempat lain, kembali ke sini pada ketika itu.

CamScanner

MT21	KUIL SRI MADURAI VEERAN (MUNEESWARAR)
	Kawasan Perindustrian Krubung, 75250 Melaka.

Kuil ini ditubuhkan oleh segolongan pemuda yang bertugas di sekitar Taman Perindustrian Krubung, dan dipelopori oleh En.Vengadesan dan En.Mahendran, pada tahun 2015.

Syarikat yang memiliki kenderaan berat telah memilih tapak ini untuk menyimpan jentera dan kenderaannya, dan pemuda Hindu ditugaskan di situ sebagai pengawal keselamatan. Tapak ini merupakan tanah simpanan untuk Jabatan Pengaliran dan Saliran. Pengawal-pengawal keselamatan serta pekerja di situlah mula bersembahyang di tapak di bawah sebatang pokok kerana percaya di situ tempat bersemayam *Dewa Muneeswarar,* yang akan memberikan lindungan pada mereka yang bertugas di situ. Bagaimanapun, nama kuil diubah pada *Sri Madurai Veeran* kemudian oleh pihak yang mentadbirkan kuil ini.

Pengorbanan hidupan dibenarkan di kuil ini, dan *thiruvizha* diadakan dalam bulan November setiap tahun sejak tahun 2015. Semasa kajian ini dijalankan, kuil ini belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

CamScanner

MT 22	**KUIL SRI SUBRAMANIAR THEVASTHANAM**
	Lot 88-89, Solok Bangsal, Jalan Keretapi Lama, 75350 Batu Berendam, Melaka.

Walaupun kuil ini dibina apabila mendapat tanahnya pada tahun 1965, dan menjalankan *kumbabishegam* pertamanya pada 10 Julai, 1966, namun, ia benar-benar berasal daripada kuil kecil yang diwujudkan oleh pekerja jabatan keretapi apabila landasan keretapi di antara bandar Melaka dan Tampin beroperasi, mungkin sejak tahun 1920-an lagi.

Usaha untuk membina kuil di tapak ini dilakukan oleh kakitangan Jabatan Parit dan Taliair atau DID zaman dahulu, kerana kuil asal oleh pekerja jabatan keretapi juga terdiri di tebing Sungai Melaka, dan pekerja DID yang menjadi penganut agama Hindu telah mendapati lokasi itu amat sesuai untuk kuil umum didirikan untuk penganut Hindu di negeri Melaka.

Banyak kakitangan kerajaan dan peniaga yang beragama Hindu di bandar Melaka dan sekitarnya menjadi ahli kuil ini, dan terus memainkan peranan untuk mengembangkannya. Tanah tambahan di samping tanah kuil juga telah dibeli atas usaha jawatankuasa kuil ini sendiri dengan sumbangan para dermawan. Kini kuil mempunyai tanah seluas 1.734 ekar untuk mengembangkan program dan aktivitinya. Kuil ini didaftarkan sebagai Persatuan Penganut sejak tahun 1972.

Kini kuil ini mempunyai pelbagai kemudahan, termasuk kemudahan untuk majlis perkahwinan. Dewan Serbaguna yang baharu sedang dibina semasa kajian ini dilakukan. *Thaipoosam* merupakan *thiruvizha* di kuil, dan hampir 10,000 orang penganut berkumpul di kuil ini untuk meraikannya dalam bulan Januari/Februari setiap tahun.

Kuil di tepi sungai Melaka ini memberikan suasana aman damai pada para penganut yang mengunjunginya. Kuil yang berpotensi untuk terus berkembang dan menjadi salah sebuah kuil Hindu induk di negeri Melaka memandangkan jawatankuasanya yang agak dinamik.

MT23	KUIL SRI VANAPATRA KALIAMMAN
	No.70, Jalan Sri Krubung, Jalan PK26, Taman Perindustrian Krubung, 75250 Melaka. (Belakang Gereja Lady of Guadalupe)

Kuil ini dipercayai dimulakan pada tahun 1930 sebagai, sebahagian daripada *Kuil Naga Kaliamman* di Ladang Raman Chettiar, yang kemudian menjadi Ladang Lam Joo, dan akhirnya menjadi Taman Perindustrian Krubung. Mengikut kisahnya, tapak kuil ini, di tepi Sungai Melakalah, nampaknya digunakan oleh para penjunjung *kavadi* dan *paal kudam* yang ingin membayar nazar, untuk memulakan perjalanannya ke *Kuil Sri Sannyasimalai Aandavar* semasa mengadakan perayaan *Pangguni Uthiram*, dan kemudian, *Masi Maham*, khususnya semasa ladang ini dipunyai oleh Raman Chettiar.

Apabila ladang ini terjual pada pemilik keturunan China, kebiasaan ini dihentikan, tetapi tapak itu terus digunakan untuk beribadat oleh sekumpulan penganut, khususnya dari ladang itu. Nama kuil ini ditukar pada *Sri Vanapatra Kaliamman*, dan dipisahkan daripada pentadbiran *Kuil Sri Naga Kaliamman*, yang merupakan kuil utama, di ladang yang sama.

CamScanner

Penganut yang beribadat di kuil ini mempercayai kesaktian dewi di sini berdasarkan penemuan-penemuan *vigraha* lama di situ dan pengalaman dalam kehidupan diri mereka sendiri. Pengerusi kuil ini memberikan *arulvaaku* pada setiap hari Ahad. Kini tapak kuil ini terletak dalam kawasan kepunyaan Jabatan Pengaliran dan Saliran. Usaha untuk memiliki tanah dilakukan oleh jawatankuasa kuil ini, tetapi belum berjaya semasa kajian ini dilakukan. Kuil ini belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan semasa kajian ini dilakukan.

Kuil ini membenarkan penyembelihan hidupan dan *Kaliamman Thiruvizha* diadakan pada bulan *Aadi,* atau Ogos setiap tahun.

MT24	**KUIL DEWI SRI MAHA MARIAMMAN (Nama Lama: Kuil Sri Muniandy)**
	Lot 1551, Bertam Ulu, Jalan Tanjung Minyak, 75250 Melaka.

Kuil ini dipercayai berusia lebih daripada 120 tahun dan kedudukan asalnya di Ladang Tanjung Minyak. Kuil tertua di kawasan ini diasaskan oleh pekerja ladang getah berkenaan. Pada era awal, kuil ini dikenali sebagai *Kuil Muniandy Ladang Tanjung Minyak*. Kuil ini telah dipindahkan beberapa kali dan lokasi terkini di lot 1551 ialah tempat kelima. Perpindahan kedudukan kuil ini disebabkan keperluan ladang dan pembangunan perindustrian persekitaran.

Inisiatif mantan Menteri Kesihatan Malaysia, Datuk Seri Dr.S.Subramaniam, Dato Seri Mejar (B) Sekar Govindasamy, dan AJK kuil telah membuahkan pemilik tanah, seorang hartawan Cina, bermurah hati menyumbang tanah seluas setengah ekar dan derma RM 10,000.00 untuk pembinaan kuil baharu di sini pada tahun 2016. Maka, terbinalah kuil baharu dengan nama *Kuil Dewi Sri Maha Mariamman* dan *Kumbabisegam* yang pertama telah disempurnakan pada tahun 2017.

Perayaan khas atau *thiruvizha* di kuil ini ialah sambutan perayaan *Chitra Pournami* yang disambut sejak 1980 pada bulan *Chittirai* atau April/Mei. Selain itu, *pooja Pournami* bulanan dan *pooja* lain mengikut takwim Hindu juga disambut.

Kuil ini telah berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan sebagai Persatuan Penganut sejak tahun 2003. Kini pentadbiran kuil ini diterajui oleh golongan muda dengan bimbingan golongan senior. Pengurusan yang dinamik ini bercita-cita untuk membina *Kopuram* untuk kuil ini dan mencergaskan aktiviti pembinaan insan sebagai agenda utama mereka.

CamScanner

MT 25	KUIL SRI RAJA RAJESWARY AMMAN
	No:75, Lorong 4, Batu 7, Kampung Baru, Tanjung Minyak, 75250 Melaka.

Kuil ini yang dikendalikan oleh keluarga En.Krishnan Ponnusamy dibina pada tahun 1981. Pada peringkat awal, kedudukan kuil ini yang bersaiz kecil, yakni pondok kecil, terletak di bahagian kiri rumahnya. Dua tahun kemudian, yakni pada tahun 1983, kuil bersaiz 2,200 kp dibina di sebelah kanan tempat kediamannya.

Menurut En.Jaishankar, anak En.Krishnan, *vigraha karungkal Sri Raja Rajeswary Amman* dibeli di Tangkak, Johor dan disemadikan di kuil baharu. Pondok *Dewi Qua Li Mah* di lokasi berhampiran kuil ini diuruskan dan disembah oleh keluarga Cina. Akhirnya, keluarga itu menyerahkan dewi itu kepada kuil ini untuk diuruskannya.

Keluarga En.Krishnan mengadakan dua aktiviti keagamaan utama di kuil ini, selain upacara sembahyang harian. Pertama, sambutan perayaan *thiruvizha* pada bulan Disember. Kedua, *Navarathiri* selama 10 hari pada bulan September. Masyarakat Cina di kampung ini juga turut hadir dalam kedua-dua upacara keagamaan ini dan menyokong projek mengumpul dana untuk kuil ini.

En.Jaishankar menghulurkan bantuan kemasyarakatan dengan mengubati insan yang terkena sihir. Sementelahan, beliau yang mempunyai kepakaran dalam mengubati masalah urat juga memulihkan pesakit dengan restu *Dewi Sri Raja Rajeswary Amman*. Semasa kajian ini dijalankan, kuil ini belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

CamScanner

MT26	**KUIL DEWI SRI MAHA MARIAMMAN**
	Ladang Bertam, Paya Rumput, 76450 Melaka.

Kuil ini ditubuhkan oleh pekerja Ladang Bertam dengan sokongan majikannya pada tahun 1904. Pada permulaan, tempat sembahyang ini dalam bentuk pondok kecil dan merupakan tempat ibadah utama pekerja ladang getah ini. Selepas beberapa lama, pondok itu dibaik pulih dan saiznya bertambah besar.

Pada tahun 1993, *kumbabishegam* pertama diadakan dan tahun seterusnya perayaan tahunan *Thiruvizha Aadi Puram* bermula dan sambutan ini berterusan hingga ke hari ini. *Kumbabishegam* kali kedua pula diadakan pada tahun 2003 dan perarakan *rata* dimulakan pada tahun 2004. Amalan ini berterusan hingga ke hari ini. Pada tahun 2017, kerajaan memberi peruntukan kewangan dan ditambah pula dengan derma orang ramai, pengurusan kuil membaiki kuil utama. Bangunan batu kuil yang berwajah baharu itu kini diuruskan oleh keluarga En. Ramalingan Mahamoney.

Kuil ini terletak berhampiran dengan Kampung Solok Jeram. Kedudukan kuil ini terletak di tengah-tengah ladang kelapa sawit dan suasananya amat indah dan nyaman. Pemilik ladang ini, IOI Corporation, telah merangka pelan pembangunan yang termasuk kawasan kuil ini. Pengurusan kuil ini berhasrat untuk berunding dengan syarikat berkenaan untuk mendapatkan tanah hak milik kekal untuk kuil ini. Kuil ini berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan sebagai Persatuan Penganut sejak tahun 2016.

CamScanner

MT 27	PERTUBUHAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN INDIA KRISHNA BALARAM
	Lot 2679, Jalan Sri Rama 3, Taman Muzaffar Shah, 75450 Melaka.

"Hare Krishna Hare Krishna, Krishna Krishna Hare Hare, Hare Rama Hare Rama, Rama Rama Hare Hare".

Maha mantra ini berkumandang setiap hari di pusat ini dan pertubuhan ini menjadi pusat penyebaran agama Hindu mazhab Vaishnava utama di bumi Hang Tuah ini. Pertubuhan ini tidak didaftarkan di bawah kategori Persatuan Penganut atau Jawatankuasa Pengurusan dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia (ROS), sebaliknya didaftarkan sebagai Pertubuhan Kebudayaan dan Kesenian India Krishna Balaram Melaka sejak tahun 2002. Dari segi undang-undang dan hakikatnya ia bukan sebuah kuil. Pada hemat pengkaji, walaupun pertubuhan ini tidak didaftarkan sebagai kuil, namun, ia memperlihatkan satu konsep kuil yang moden lagi dinamik. Kuil dalam bangunan tertutup ini merupakan sesuatu yang unik dan konsep seperti ini banyak terdapat di luar negara. Selain itu, pengurusan utamanya berpengetahuan agama yang tinggi dan aktivitinya merangkumi pelbagai aspek keagamaan dan kemasyarakatan yang melambangkan kedinamikan pengurusan dan boleh diteladani oleh pertubuhan lain di negara ini.

Pertubuhan beroperasi pada awalnya di alamat, No.336, Lorong Setia 9, Taman Ayer Keroh Heights, Ayer Keroh, Melaka sejak 24.12.1998. Shri Mukunda Dasa dan beberapa orang penganut yang setia menguruskan *pooja* di pusat ini. Inisiatif mencari dana digerakkan oleh En.Nagendra Rao Prabu, setiausaha pertubuhan ini. Pada tahun 2005, sebidang tanah rizab kerajaan dibeli dan upacara " *Bumi Pooja*" dijalankan pada 2007. Pada tahun 2009, projek membina pusat ini dimulakan dan pembinaannya disempurnakan pada tahun 2011.

Reka bentuk pusat ini secara umumnya diadaptasi daripada beberapa contoh reka bentuk dalaman diambil dari '*Krishna Mandir*" dari Amerika Syarikat. En.Gobee Achudan, En.Hoon dan En.Sundram serta pengurusan pusat ini telah merumuskan reka bentuk terakhir yang amat unik. *Moorthy Sri Krishna* bersama-sama *Moorthy Sri Bama Rukmani* yang terlihat sebagai hidup disemadikan di kuil, aras atas bangunan ini. Selain itu, *Moorthy Bhakti Vedantha Swami Srila Prabhupatha,* pengasas *'The International Society for Krishna Consciousnee (ISKCON*), disemadikan di kuil berkenaan. Pada tahun 2003, program *Sri Jagannath Ratha Yatra* yang pertama

CamScanner

diadakan dan tradisi perarakan ini berterusan hingga ke hari ini dan acara ini tersenarai dalam Kalendar Pelancongan Negeri Melaka.

Pertubuhan ini berpaksi kepada 6 dimensi, iaitu pusat penyembahan terunggul, pusat *pradasam* berkualiti, pusat pendidikan *vedic* dan penyebarannya, dimensi sains, sukan dan budaya *vedic,* dimensi pembinaan masyarakat dan pengurusan hospitaliti. Sekian lama, pengurusan pertubuhan ini telah melaksanakan kesemua 6 dimensi mengikut kemampuannya. Pelbagai kumpulan sasaran telah memperoleh manfaat daripada program-program pertubuhan ini.

Rancangan pembangunan masa depan ialah membina sebuah asrama serba lengkap di lot tanah bersebelahan pusat ini, bersaiz 8000 kaki persegi. Semoga Dewa Krishna merestui hasrat murni pengurusan pertubuhan ini.

MT28	**KUIL SRI DHURGAIAMMAN/ PATHRA KALIAMMAN**
	Batu 7¼, Paya Rumput, 76450 Melaka.

Pada tahun 1980, kuil ini disusun semula, daripada kuil dalam ladang sejak awal kurun kedua puluh oleh En.Muniandy Singamuthu, dan apabila tanah ladang kepunyaan Guthrie, dan kemudian di bawah nama Ladang Jelawai, dibeli dan dibangunkan oleh pengusaha, tapak untuk kuil memang dipisahkan dan diserahkan pada Pejabat Tanah. Besar kemungkinan tapak ini akan diserahkan pada jawatankuasa kuil ini apabila permohonannya berjaya nanti. Keluarga yang sama masih menguasai pentadbiran kuil ini.

CamScanner

BAHAGIAN C

Kuil ini ternama dengan *arulvaaku* atas nama *Dewi Dhurga* dan Dewa Muneeswarar pada hari Selasa dan hari Jumaat, sebelah malam, dan penganut dari berbagai-bagai tempat datang untuk mendapatkan perkhidmatan ini yang diberikan oleh pengerusi kuil ini. Sebenarnya pengerusi kuil ini mengendalikan semua hal ehwal kuil, kecuali pada musim *thiruvizha*, apabila ramai penganut lain terlibat untuk membantunya.

Dhurgaiamman/Patra Kaliamman Thiruvizha diadakan pada bulan *Aadi* atau bulan Julai setiap tahun, dengan aktiviti pengambilan *kavadi*, *paal kudam* dan *theemithi* atau berjalan atas bara api. Perayaan ini berlangsung selama 11 hari dan pada masa *Idumban pooja* dilakukan, penyembelihan hidupan dibenarkan di kuil ini. Kuil ini berdaftar sebagai Persatuan Penganut dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 1999. Namun, suatu jawatankuasa yang tidak berdaftar sedang menguruskan upacara sembahyang pada Dewa Madurai Veeran di pekarangan kuil ini, sebagai Kuil Madurai Veeran pula. Pada masa kajian ini dilakukan, hal ini menimbulkan perselisihan faham, sehingga timbul keadaan yang tidak menentu dalam hal pemilikan tanah kuil ini.

CamScanner

MT 29	**KUIL KARADIMALAI SRI DHURGAIAMMAN**
	Jalan Dahlia 6, Taman Bunga Raya, Bukit Beruang, 75450 Melaka.

Kuil ini yang terletak di Taman Bunga Raya, di kaki bukit Bukit Beruang merupakan *kuil Dewi Sri Dhurkaiamman* yang pertama di kawasan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya. Kuil ini diberi nama *karadi malai* sempena terjemahan nama tempat ini, iaitu Bukit Beruang dalam Bahasa Tamil.

Pada tahun 1973, projek perumahan Taman Bunga Raya tergendala. Pengusaha projek itu, seorang Cina datang ke kuil Sri Maha Mariamman, di persimpangan Bukit Beruang, di Lebuh Ayer Keroh memohon restu agar projeknya dapat disiap. *Poosari* kuil itu, En. Sockalingam, mengadakan *pooja* khas dan seterusnya menurun. Beliau bersama-sama dengan pengusaha, dan beberapa penganut lain berjalan kaki menuju ke kaki bukit, Bukit Beruang. Setibanya di situ, En.Krishnan menyatakan bahawa *Dewi Dhurkaiamman* juga bersemayam di atas bukit itu. Maka, penganut yang mengiringi *gurukkal* memacakkan *trisulam* di situ. Selepas insiden itu, projek itu siap dibina.

Pada tahun 1974, di bawah kepimpinan mendiang En.Thangaraju Sinnasamy penganut Hindu membina kuil berbentuk pondok kecil di tanah rezab di tepi jalan kerajaan berhadapan *trisulam*. Pada tahun 1976, mendiang *En.Ramachandra gurukkal* menempatkan *vigraha Dewi Dhurkaiamman* yang diperbuat daripada *karungkal.* Sejak tahun itu sehingga meninggal dunia pada tahun 2003, pengurusan kuil berjalan lancar di bawah kepimpinan mendiang En.Thangaraju Sinnasamy dan AJKnya. En Sadacharam mengisi kekosongan itu sehingga tahun 2007. Seterusnya, Dr.Telly Chandran pula menggendong tugas kepimpinan kuil sehingga 2012. Dari tahun 2013 hingga kini En.Balakumar KS Pathy meneruskan tradisi kepimpinan kuil berkenaan.

Pada tahun 2008, bangunan kuil sekarang dibina dan kuil itu menyaksikan *kumbabishegam* yang pertama. Selain moorthy utama, kuil ini mempunyai *vigraha Vinayagar* Murugan,Aiyaa,Naagammah dan Trisulam untuk merestui penganut. *Raagu Kaala pooja* pada setiap hari Selasa dan perayaan *Navarathiri* merupakan ritual utama di kuil ini selain sambutan *thiruvizha* pada bulan Ogos sejak 2008.

Selain aktiviti keagamaan, pengurusan kuil ini membantu masyarakat miskin tegar tempatan. Kuil ini berdaftar sebagai Persatuan Penganut dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 2015.

CamScanner

MT30	KUIL SRI MUTHU MARIAMMAN
	Ladang Genting Cheng, Bahagian Cheng, Paya Rumput, 76450 Melaka.

Kuil ini yang terletak di Ladang Genting Cheng, iaitu di belakang Taman Paya Emas, dipercayai dibina pada tahun 1930. Seperti kebiasaannya, kuil ini diasaskan oleh pekerja ladang dengan keizinan pemilik ladang, iaitu Syarikat Perladangan Guthrie untuk kegunaan aktiviti keagamaan pekerja. Kuil ini merupakan antara kuil yang tertua di kawasan ini.

Menurut En.Maniam Marimuthu, bekas mandur dan kini kontraktor di ladang ini, pada tahun 1959, jumlah pekerja ialah 76 keluarga. Daripada jumlah itu, 50 keluarga ialah keluarga Hindu yang menggunakan kuil ini sebagai tempat ibadat. Pada ketika itu, kuil ini berbentuk pondok, terbina daripada papan dan simen. Di sekeliling kuil itu terletak perumahan pekerja ladang, hospital dan sebuah perigi sebagai sumber air utama. Kekeringan perigi menyebabkan majikan menggali 3 perigi lain dan semua rumah pekerja dipindahkan ke kawasan baharu, tetapi kuil kekal di situ.

Bangunan kuil sekarang dibina pada tahun 1989, bersaiz 18 X 35 kaki. Pada tahun 1984, sebahagian besar tanah ladang ini ditanam dengan kelapa sawit dan 150 ekar tanah dirancang untuk membina projek perumahan. Pada situasi itu, Guthrie sanggup membayar pampasan RM 96,000.00 untuk kuil, tetapi AJK kuil enggan menerima tawaran itu. Selepas itu, projek perumahan juga dibatalkan oleh syarikat itu. Kini AJK Pengurusan mahukan pihak majikan memperuntukkan tanah baharu dan kos pembinaan kuil jika kuil tersedia ingin dipindahkan oleh pemilik baharu.

Keluarga En.Maniam Marimuthu dan bekas pekerja ladang yang tinggal di taman-taman perumahan berhampiran terus mengurus hal ehwal kuil ini. *Thiruvizha* kuil ini diadakan pada bulan September selama dua hari, manakala pada 15-09-2019, pengurusan kuil ini telah berjaya menyempurnakan *kumbabishegam*. Pada masa kajian ini dilakukan kuil ini masih belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

CamScanner

MT31	**KUIL ARULMIHU SRI SAKHTI KARUMARIAMMAN**
	23A, Batu 12, Tanah Merah, Krubung, 75250 Melaka.

Kuil milik keluarga Pn.Thanaletchumy K.S.George diuruskan oleh beliau dan enam orang anaknya. Kuil ini ditubuhkan oleh mendiang En.Ramaiah Kandasamy, iaitu suami Pn.Thanaletchumy pada tahun 1990. Kuil ini bersaiz 25 X 20 kaki persegi diperbuat daripada papan dan batu. Tempat ibadat ini terletak bersebelahan dengan rumah kediaman Pn.Thanaletchumy. Sebenarnya, lokasi kuil ini ialah di belakang Taman One Krubong.

Dewi utama di kuil ini ialah Arulmigu Sri Sakhti Karumariamman. Di samping itu, Dewi Nagammah juga dipuja di sini. Perayaan khas kuil ini ialah Perayaan *Chitra Pournami* disambut pada bulan Mei sejak 1990. Di kuil ini juga disimpan "*Utchava Silai" Dewi Sri Maha Mariamman* yang diperbuat daripada tembaga dan setinggi satu setengah kaki. *Utchava Silai* ini ialah sumbangan ikhlas daripada *Shri Shanmuganathan Swamigal,* pengasas kuil *Sri Astha Thasa Puja Kaliamman Durian Tunggal,* Melaka. *Utchava Silai* ini ialah harta Persatuan Penganut Sri Maha Mariamman yang terletak seratus meter dari kuil ini. Utchava Silai ini disimpan di Arulmigu Sri Sakhti Karumariamman Aalayam bagi tujuan keselamatan.

Keluarga Pn.Thanaletchumy amat mempercayai kesaktian *Arulmigu Sri Sakti Karumariamman* yang merahmati semua ahli keluarganya. Kehidupan harian keluarga ini dimulakan dengan pujian kepada dewi ini. Pada masa kajian ini dijalankan kuil ini belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

MT32	**KUIL SRI MAHA MARIAMMAN**
	(Ladang Tanah Merah – Ladang Bertam, Bahagian Krubung) ***23A, Batu 12, Tanah Merah, Krubung, 75250 Melaka.***

En.Alexander Guthrie, usahawan British menubuhkan Syarikat Perladangan yang pertama di Asia Tenggara pada tahun 1821. Di Malaysia, mereka mula membuka ladang getah dan antara ladang getahnya di Melaka ialah Ladang Bertam. Ladang ini mempunyai empat bahagian, iaitu Paya Rumput, Melaka Pindah, Durian Tunggal dan Krubong.

Di Ladang Bertam, bahagian Krubong, tersergam indah Kuil Sri Maha Mariamman. Kuil ini juga dikenali sebagai Kuil Sri Maha Mariamman Tanah Merah kerana kedudukannya berhampiran dengan Kampung Tanah Merah. Rumah ibadat ini yang berbentuk pondok papan dipercayai dibina pada tahun 1930 oleh pekerja Hindu ladang ini dengan sokongan majikannya, Syarikat Perladangan Guthrie.

CamScanner

BAHAGIAN C

Pada tahun 1935, kuil lama dirobohkan dan digantikan dengan bangunan batu sekarang yang dibina dalam tanah yang bersaiz 23,000 kaki persegi. Pada tahun 2016, semasa perarakan *Utchava Murti* mengelilingi kuil, *gurukkal* mendapati berat *Utchava Murti* bertambah apabila melalui bahagian belakang kuil. Keadaan ini berlarutan beberapa kali. Mereka menggali untuk mengenal pasti puncanya dan mendapati bahagian kepala *vigraha Dewi Kaliamman* tertanam di bumi. Seterusnya, Dewi itu ditempatkan di *Peedam* di hadapan kuil utama. Pada tahun 2007, kuil ini mengalami pengubahsuaian tambahan. Pada ketika itu, *Peedam Datuk* yang mempunyai '*Sulam*' berhampiran dengan pejabat ladang itu ditempatkan semula di kuil ini. *Mariamman Thiruvizha* di kuil ini disambut pada bulan September sejak 1960.

Utchava Murti kuil ini ialah sumbangan *Shri Shanmuganathan Swamigal* dan disimpan di Kuil Arulmigu Sri Sakhti Karumariamman. Kini Syarikat Poh Brothers membangunkan kawasan ini. Pada tahun 2017, syarikat ini telah menyumbang tanah bersaiz 10,000 kaki persegi berhampiran kedudukan kuil sekarang bagi pembinaan kuil baharu. Kini matlamat AJK pengurusan kuil adalah untuk membina kuil baharu yang akan menjadi pusat pembinaan insan. Kuil ini berdaftar sebagai Persatuan Penganut dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 2017.

CamScanner

MT33	**KUIL ARULMIGU SRI RAJA RAJESWARY**
	792-C, Jalan Emas 6, Taman Kerjasama, Bukit Beruang, 75450 Melaka.

Kawasan Bukit Beruang memiliki tiga buah kuil yang dewi utamanya ialah Ambal. Salah sebuah kuil berkenaan ialah *Kuil Arulmigu Sri Raja Rajeswary*. Kuil ini merupakan kuil yang tertua dan kuil dewi yang pertama bagi penganut mazhab *Saaktham* di kawasan Bukit Beruang. Kini AJK pengurusan kuil ini dipimpin oleh En.Sugumar Semanchalam. Kuil ini ditubuhkan oleh mendiang En.Supaya di tanah milik orang Melayu pada tahun 1940. Mendiang menguruskan segala aktiviti keagamaan di kuil ini sehingga dirinya menghembuskan nafas terakhir pada tahun 1980.

Pada tahun 1990-an, bangunan kuil ini diubah suai sebagai bangunan batu. Pada tahun 1993, sambutan perayaan *Aadi Thiruvizha* bermula dan sambutan ini berterusan sehingga sekarang. Pada tahun 2019, kuil ini dirobohkan kerana hakmilik tanah ini bertukar tangan. Selepas itu, kuil sementara dibina bersebelahan lokasi asal di tanah rizab kerajaan negeri.

Kuil ini khusus untuk Dewi Sri Raja Rajeswary. *Vigraha Muniandi* dari kuil asal Sri Muthu Mariamman di persimpangan Graha Makmur dahulu juga ditempatkan di kuil ini. AJK pengurusan kuil sedang berikhtiar untuk mencari tapak baharu untuk pembinaan kuil ini. Kuil ini berdaftar sebagai Persatuan Penganut dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 2019.

CamScanner

MT34	KUIL SRI UTHIRA KALIAMMAN MELAKA TENGAH
	Bukit Serindit/Bukit Piatu, Lebuh AMJ, Semabok, 75050 Melaka.

Kuil ini mula-mula diwujudkan pada tahun 1970 oleh En.Suppiah yang menjaga tanah kubur/tempat pembakaran mayat Hindu di sini. Beliau membela lembu di sini, dan di sebelah kandang lembu, dimulakan tempat bersembahyang, yang lambat laun berkembang menjadi kuil seperti pada ketika ini.

Pada awalnya taman perkuburan Hindu terletak di sini, dan sejak 1977 ia merupakan tempat pembakaran mayat yang utama pada penganut Hindu di Melaka. Pada awalnya, penganut menggunakan bangsal kecil untuk kuil ini, tetapi, pada tahun 1988, seorang yang memenangi loteri selepas bersembahyang di sini, mendermakan wang untuk membina kuil yang lebih kukuh. Kini kawasan ini tidak lagi digunakan sebagai taman perkuburan atau tempat pembakaran mayat.

Kini kuil ini dikunjungi oleh penganut yang terdiri daripada kaum Hindu dan juga orang-orang Tionghua dalam bilangan yang besar kerana mempercayai kesaktian dewi yang bersemayam di sini. Banyak juga penganut dari luar negeri Melaka mengunjunginya kerana pernah menerima kebaikan daripada dewi di sini. Masing-masing mengadakan *ubayam* atau *pooja* khas sebagai ucapan terima kasih atau kerana ingin memohon sesuatu daripada *Dewi Kaliamman*. Kuil tidak berpagar, dan penganut bebas mengunjunginya untuk bersembahyang di sini.

CamScanner

Kuil ini memang mengamalkan penyembelihan hidupan baik semasa *ubayam* khas mahupun pada *thiruvizha*nya atas nama Dewi Uthira Kaliamman pada bulan *Aadi* atau bulan Julai/Ogos selama 11 hari. Permohonan jawatankuasa kuil ini untuk memiliki tanah seluas 5223 mp masih dalam pertimbangan kerajaan negeri semasa kajian ini dilakukan. Kuil ini telah berdaftar sebagai Persatuan Penganut dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 2012.

MT 35	**KUIL SRI CHAMUNDISWARI AMMAN**
	21-G Kampung Tujuh, Jalan Gajah Berang, 75200 Melaka.

Mengikut maklumat yang diterima, kuil ini merupakan salah sebuah kuil yang dibina oleh anggota masyarakat *Chitty Melaka* pada tahun 1870-an, dan oleh sebab kuil ini terus diselenggarakan oleh keluarga tertentu, yang akhirnya diambil alih oleh keluarga mendiang En.R.Sinnathambi. Masyarakat *Chitty Melaka* tidak menyenaraikan kuil ini sebagai kuil masyarakatnya. Kini waris keluarga En.Sinnathambi menyelenggarakannya terus dan berusaha untuk mentadbirkannya dengan sekumpulan penganut yang setia.

Tanah kuil ini terletak dalam kawasan pihak pemaju dan juga pihak kerajaan, dan pihak kuil ini sedang berusaha untuk memperolehnya atas nama kuil. Bangunan yang ada sekarang dibina oleh Syarikat Tong Bee apabila kawasan itu dibelinya untuk dimajukan.

Selain masyarakat Hindu dalam kalangan orang tempatan, banyak penganut daripada kaum China juga bersembahyang di kuil ini kerana yakin terhadap kesaktian *Dewi Chamundiswari* yang bersemayam di sini. Kuil ini pernah mengadakan *kumbabishegam* pada tahun 2012 dan bercadang untuk mengadakannya lagi pada tahun 2024. *Paalkudath Thiruvizha* atas nama *Dewi Chamundiswari* diadakan pada bulan Jun setiap tahun. Kuil ini didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan sebagai Persatuan Penganut sejak tahun 2016.

CamScanner

MT 36	KUIL ARULVAAKKU SRI MAAVEERAN
	197-A, Jalan Puteri Hang Li Poh, 75100 Melaka.

Apabila kuil ini dimulakan sebagai tempat ibadat keluarga pada tahun 1930, dewa yang dipuja ialah Dewa Sri Muniandy dalam pekarangan rumah penganut.

Pada tahun 1988, namanya ditukar pada *Kuil Arulvaaku Sri Maaveeran* atau *Madurai Veeran*, sebagai *kuladheivam* keluarga ini. Pada ketika itu sudah ada penganut-penganut yang datang ke kuil ini untuk mendapatkan khidmat kaunseling atas masalah-masalah serta penyakit yang dihadapinya, dan tuan punya kuil yang dituruni dewa pada ketika memberikan nasihat dan petunjuk pada penganutnya. Kini perkhidmatan *arulvaaku* ini diadakan pada setiap hari Jumaat.

Oleh sebab ramai yang mendapatkan perkhidmatan *arulvaaku* di kuil ini berpuas hati, mereka turut serta menyumbangkan masa, kewangan dan tenaga mereka untuk menjayakan aktiviti-aktiviti di kuil ini, khususnya pada masa *thiruvizha* tahunan yang diadakan selama 10 hari berturut-turut dalam bulan Disember setiap tahun. Pada 24.6.2021 pengasas kuil ini telah meninggal dunia dan kini ahli keluarganya terus menguruskan hal ehwal kuil ini.

Pada tahun 2005, *kumbabishegam* diadakan di kuil ini, dan kini menunggu pemilikan tanah untuk kuil sebelum mengadakan *kumbabishegam* seterusnya. Kuil ini didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan sebagai Persatuan Penganut sejak tahun 2013.

Kuil ini membenarkan penyembelihan hidupan dan persembahan makanan daging dalam amalannya.

CamScanner

MT 37	**KUIL SRI MAHA MARIAMMAN**
	91-C Pengkalan Rama Pantai, 75100 Melaka.

Kuil ini dimulakan pada zaman penjajahan Inggeris oleh pekerja-pekerja Majlis Perbandaran Melaka di kawasan perumahan mereka di Pengkalan Rama pada tahun 1930-an. Sudah hampir empat generasi penganut menggunakan kuil ini hingga sekarang.

Apabila kuarters Majlis Perbandaran Melaka diroboh untuk tujuan pembangunan pada tahun 1990-an, kuil ini dbenarkan berpindah ke tepi Sungai Melaka, dan kini beroperasi di situ, walaupun jawatankuasa kuil ini masih dalam usaha untuk memperoleh tanahnya sendiri. Kuil ini berdaftar sebagai Persatuan Penganut dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 2011.

Waris-waris pekerja Majlis Perbandaran Melaka dahulu yang pernah berkampung di kawasan ini memang aktif dalam menjalankan aktiviti-aktiviti di kuil ini. Oleh sebab kuil ini terletak di tepi Sungai Melaka, ia dianggap istimewa, dan penganut-penganut kuil ini amat mempercayai kesaktian dewi yang bersemayam di sini.

Kini kuil ini terletak berhampiran dengan pengkalan perahu-perahu pelancong di Sungai Melaka, dan menjadi tarikan pada pengunjung tambahan. Jawatankuasa kuil ini bercadang untuk membina kuil baharu apabila lot tanah dapat diperolehnya atas nama kuil.

Thiruvizha di kuil ini ialah atas nama Dewi Sri Mariamman dalam bulan *Aadi* atau Julai/ Ogos selama 11 hari.

CamScanner

MT 38	KUIL SRI SUBRAMANIAR THIROUBATHAI AMMAN AALAYA PARIBALANA SABAI
	Jalan Gajah Berang, 75400 Melaka.

Kuil yang ditubuhkan oleh masyarakat *Chitty Melaka* sejak 1865 di kawasan Gajah Berang, telah diserahkan pada masyarakat Tamil Ceylon atau Sri Lanka pada tahun 1930-an. Masyarakat Tamil Sri Lanka ketika itu menduduki jawatan-jawatan tertinggi dalam jabatan-jabatan kerajaan, dan inginkan kuil yang eksklusif untuk mereka di Melaka, dan memilih kuil ini yang agak berjauhan daripada Kampung *Chitty Melaka*. Oleh sebab masyarakat *Chitty Melaka* mempunyai banyak kuil lain, dan ramai antara orang *Chitty Melaka* bertugas di bawah pentadbir pegawai berketurunan kumpulan Tamil Sri Lanka, maka penyerahan kuil ini berlaku dengan mudah.

Sri Subramaniar Throupathai Amman Alayam inilah yang menjadi kuil tempat berjalan atas bara api oleh para penganut yang membayar nazar. Pentadbiran eksklusif golongan Tamil Sri Lanka berakhir pada tahun 1970-an berikutan dengan kedudukannya dalam jabatan-jabatan kerajaan yang menjadi makin lemah dan bilangan mereka yang berpengaruh makin mengecil. Jawatankuasa campuran penganut Tamil-Hindu, termasuk Tamil Sri Lanka di bandar Melaka, dengan bantuan *Mendiang Ramachandra gurukkal* yang berkhidmat di kuil ini pada ketika itu, merancang dan membina semula kuil ini dalam bentuk baharu dan mengadakan *kumbabishegam* pada tahun 2005.

Kuil bentuk baharu mempunyai luas kawasan 31,234 kaki persegi. Tanah Kuil pula didaftarkan atas nama pertubuhan, iaitu SRI SUBRAMANIAR THROUPATHAI AMMAN ALAYA PARIBALANA SABAI dan didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan sebagai Persatuan Penganut sejak tahun 1973. Kini ia mempunyai hampir 500 orang ahli.

Bangunan baharu dengan empat *Raja Koburam* (Pintu Gerbang) memanglah yang terbesar di negeri Melaka. Dalam bangunan kuil terdapat pelbagai *Vigraha Dewa* dan *Dewi* dan mempunyai sebuah tempat khas untuk *Navakragam* manakala bangunan istimewa disediakan untuk *Dewa*

CamScanner

& Dewi Kulatheivam yang *Kaum Chitty Melaka* bawa bersama mereka pada abad-abad sebelumnya ke negeri Melaka. Di samping itu, terdapat lebih kurang 100 ukiran *dewa Shiva* dalam pelbagai bentuk, serta 63 patung *Nayanmargal* di sekeliling bahagian dalam kuil ini.

Menurut penganut yang sering ke kuil ini, beribadah di kuil ini dan menyertai aktiviti kuil memberikan ketenteraman jiwa dan kebahagiaan rumah tangga pada mereka. Ramai penganut Hindu seluruh Negeri Melaka mengadakan Majlis Perkahwinan anak mereka di kuil ini. Kuil ini telah memiliki tapak tanah tambahan, seluas 29,000 k.p.untuk kemudahan meletak kenderaan para penganut, dan jalan masuk ke kuil yang lebih sempurna.

Masyarakat Cina yang tinggal di sekitar kawasan Gajah Berang mengunjungi kuil ini pada hari-hari perayaan agama utama sepanjang tahun.



MT39	DEWI SRI MAHA MARIAMMAN (KUTHIRAIK) KOVIL
	Lot 1213, Jalan Hujung Padang, Batu 6 ¾ , Paya Rumput, 76540 Melaka.

Kuil ini ditubuhkan pada tahun 1890. Nama asalnya ialah Kuil Dewi Sri Karumariamman tetapi oleh sebab di hadapan kuil ini diletakkan dua buah patung kuda, maka masyarakat tempatan sejak dulu menamakan kuil sebagai *KUTHIRAI KUIL.*

Pada tahun 1890-an, Kuil Sri Karumariamman dibina dengan beratap zink di Ladang Jelutung, berhampiran dengan Cheng. Ladang tersebut ditadbir oleh Pengurus British bernama Tuan Richard, yang telah menghina kuil ini semasa menunggang kuda di hadapannya. Tiba-tiba beliau terjatuh, tercedera dan kemudian menghidap penyakit cacar. En.Palanisamy mandur dengan kerjasama kerani ladang tersebut, iaitu En.Nambiyar telah menasihati Tuan Richard untuk meminta ampun kepada Dewi Karumariamman. Beliau juga berbuat demikian dan beransur pulih. Menyedari kesaktian kuil ini, beliau telah mengarahkan untuk membina sepasang patung kuda di hadapan kuil. Sejak peristiwa tersebut kuil ini dipanggil sebagai *KUTHIRAI KUIL*.

Walaupun sudah melebihi 100 tahun sejarah kuil ini, *kumbabishegam* yang pertama telah diadakan hanya pada 21.8.1957. Pengerusi kuil pada masa itu ialah En.Maruthai. Sejak itu tarikh 21 Ogos dijadikan sebagai tarikh perayaan ulang tahun ataupun *thiruvizha* kuil ini oleh pihak pentadbiran kuil ini.

CamScanner

Apabila arus pembangunan berlaku pada tahun 2000-an, kuil ini yang terletak bersebelahan Jalan Raya Utama Krubung-Sungai Udang dan Flyover, maka ia terpaksa dipindahkan ke tempat lain. Atas usaha Jawatankuasa Kuil, masyarakat tempatan dan Ahli Exco Kerajaan Y.B.Datuk R.Raghavan, dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka di bawah kepimpinan Y.A.B.Tan Sri Mohd Ali Rustam, sebidang tanah dengan luas kawasannya 20,000 kaki persegi telah dikenal pasti di Lot 1213, Jalan Ujong Padang, Batu 6¾, Paya Rumput. Kerajaan Negeri menghadiahkan tanah tersebut untuk kuil ini. Kini kuil *DEWI SRI MAHA MARIAMMAN* kelihatan cantik dan teratur di kawasan baharu ini. Kuil baharu ini pula mula dibina pada tahun 2005 dan *kumbabishegam* telah diadakan pada 16.9.2007.

Kuil yang mempunyai lebih 160 ahli didaftar sebagai Persatuan Penganut dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 2003 atas nama Pertubuhan Penganut Dewi Sri Maha Mariamman (Kuthirai Kovil).

Kuil ini sangat berguna pada penganut agama Hindu yang kini tinggal di taman-taman berhampiran Pekan Cheng. Dewa *Navakraganggal* yang terdapat di kuil ini juga menjadi tarikan kepada para penganut agama Hindu tempatan. Di samping itu, dua buah patung kuda di hadapan kuil terus menjadi tarikan tambahan.

CamScanner

MT40	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN AYER MOLEK
	No.7, Lorong 4, Jalan TTP 3, Taman Tambak Paya Permai, 75460 Melaka.

Kuil ini ditubuhkan pada tahun 1928 oleh para pekerja India (penduduk) Ladang Gim Aik Ltd dengan keizinan tuan punya estet. Kuil asal yang kecil itu dibina dengan batu. Ia terletak berhampiran Jalan Ayer Molek - Tiang Dua. Di hadapan kuil pula terdapat SJKT Bukit Lintang yang dibina dengan papan dan beratap adec. Kuil yang lama itu mempunyai seorang *Poosari* dan Pengerusinya dipilih daripada kalangan pekerja ladang tersebut. Dewi Utama ialah *Ambal Sri Maha Mariamman.*

Kini setelah pembangunan berlaku, seperti pelebaran jalan raya, dan projek perumahan, ladang ini diambil alih oleh kerajaan negeri Melaka. Pihak Ladang Gim Aik Ltd., telah menyediakan tapak baharu bagi kuil bersebelahan kawasan kuil asal, dan jawatankuasa kuil membina kuil baharu di tapak ini. Semasa kajian ini dilakukan, jawatankuasa kuil sedang menunggu geran tanah daripada Kerajaan Negeri Melaka untuk terus meluaskan kuil dan membina dewan yang kecil untuk aktivitinya.

Kini kuil ini mempunyai lebih daripada 75 orang ahli dan ia didaftarkan sebagai Persatuan Penganut dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 2013. Perayaan Tahunan Kuil (*Thai Maatha Thiruvizha*) yang diadakan pada bulan Februari setiap tahun menyaksikan ramai yang telah berpindah ke kawasan-kawasan lain juga kembali untuk membaharui pertalian persaudaraan sambil bersembahyang di kuil warisan mereka.

CamScanner

MT41	**KUIL SRI MAHA MARIAMMAN**
	(Ladang Diamond Jubilee, Bahagian Union) ***Batu 8½, Pengkalan Minyak, 75460 Melaka.***

Kuil ini terbina di Ladang Diamond Jubilee, Bahagian Union, oleh pekerja-pekerjanya yang beragama Hindu yang bekerja dan menetap di kuarters pekerja di situ sejak tahun 1930 lagi.

Pada tahun 1950 penganut di ladang ini memindahkan kuilnya dari tapak lama ke tapak baharu, iaitu tapak yang kini didudukinya. Pada ketika itu ladang ini dimiliki oleh Kumpulan Guthrie yang menjualnya kepada Kumpulan Sime Darby selepas negara merdeka.

Apabila pokok getah digantikan dengan kelapa sawit dan kuarters pekerja dirobohkan, kebanyakan keluarga Hindu berpindah ke taman-taman perumahan yang berdekatan, tetapi mereka terus menggunakan kuil ini sebagai tempat ibadat yang diwarisi.

Baru-baru ini, pihak Kumpulan Sime Darby telah menjual ladang ini kepada Paduan Realty Sdn Bhd untuk dibangunkan, dan jawatankuasa kuil ini telah dijanjikan oleh pemilik baharu, bahawa lot untuk kuil akan disediakan dalam pembangunan tanah ladang berkenaan. Jawatankuasa kuil ini berharap untuk memindahkan kuil ini ke lot yang bakal diterimanya nanti. Kuil ini didaftarkan

CamScanner

sebagai Persatuan Penganut dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 2013.

Pada ketika kajian ini dijalankan, kuil lama masih digunakan, dan sesi *arulvaaku* juga diadakan atas nama Dewa Muneeswarar. *Mariamman Thiruvizha* diadakan selama 13 hari pada bulan Mei setiap tahun. Pada hari terakhir *thiruvizha* penyembelihan hidupan (ayam) dibenarkan atas nama *Dewi Pechiyammal.*

MT 42	**KUIL SRI MAHA MARIAMMAN**
	Ladang Lim Kok Wah, Bukit Lintang, 75460 Melaka. ***(Dahulu: Ladang Leong Watt Hin, Pungkai, Tiang Dua)***

Kuil ini ditubuhkan pada tahun 1930-an oleh para pekerja India di Ladang Lim Kok Wah, Bukit Lintang, Melaka. Tempat ini juga dikenali sebagai *Poonggai* iaitu nama panggilan oleh masyarakat India pada masa itu.

Pada awalnya keluarga mendiang Arunachalam Mandur menguruskan kuil ini dan warisnya masih menguruskannya. Namun, pondok simen-kayu itu masih digunakan sebagai kuil tanpa perubahan atau perkembangan lain. Tiada penduduk India di ladang ini sekarang. Semuanya telah berpindah kecuali beberapa orang pekerja asing sebagai buruh. Kuil ini tiada keahlian dan hanya beberapa penganut yang menjadi penyokong setia kuil ini mengunjunginya semasa perayaan tahunan dan hari-hari tertentu yang dipilih oleh mereka sendiri. Kuil ini tidak berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

Perayaan tahunan atau *thiruvizha* kuil ini ialah pada bulan *Aani* atau Julai, selama lima hari, dihadiri oleh penganut setia kuil ini.

CamScanner

MT 43	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN/MUNIANDY (METTUK KUIL)
	PT1107, Tanjung Minyak, Cheng, 75250 Melaka.



Nama asal kuil ini ialah *Sri Yoga Gayatri Aalayam*. Kuil ini ditubuhkan oleh Mendiang En.Krishnan, datuk kepada pengerusi sekarang, di Ladang Tanjung Minyak dengan sokongan majikannya pada tahun 1924. Pada tahap awalnya, kuil ini bersaiz kecil dan diperbuat daripada papan. Dalam proses perjalanan masa, nama kuil ini ditukar kepada Sri Maha Mariamman Aalayam. Mendiang En.Rajandran, ayah pengerusi kuil sekarang, membina kuil baharu dengan *kopuram* pada tahun 2004.

Inisiatif mantan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr.S.Subramaniam, Dato Seri Mejar (B) Sekar Govindasamy, dan AJK kuil ini telah membuahkan pemilik tanah, seorang hartawan China, bermurah hati menyumbang tanah seluas satu setengah ekar dan sebahagian sumbangan dana untuk pembinaan kuil terbaharu di sini pada tahun 2016. Dengan itu, terbinalah kuil baharu. Pengerusi sekarang En.R.Sugumaran Rajandran dan tiga generasi keluarganya telah menguruskan kuil ini selama 96 tahun.

Kuil ini juga dikenali sebagai "*Mettuk Kovil*" kerana kedudukannya di atas sebuah bukit yang kecil. Kedudukan ini menyebabkan kuil ini merupakan satu-satunya kuil Dewi Sri Mariamman/ Muniandy yang terletak di atas bukit di Melaka. Kuil ini juga dikenali sebagai "Army Kovil" kerana ramai anggota tentera dari Kem Sungai Udang hadir untuk menerima "*Arul Vaakku*". Upacara ini yang berlangsung pada setiap hari Ahad dikendalikan oleh En.Sugumaran Rajandran.

CamScanner

BAHAGIAN C

Upacara *Yutra Omam* pada minggu terakhir bulan April merupakan satu *pooja* khas di kuil ini. Selain itu, *thiruvizha* disambut pada 1 Mei setiap tahun sejak 1979. Kuil ini mempunyai kumpulan muzik *"Urumi Melam"* yang mengadakan persembahan umum, termasuk dalam aktiviti anjuran kerajaan negeri Melaka. Pengorbanan hidupan dibenarkan di kuil ini. Kuil ini didaftarkan sebagai Persatuan Penganut dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 2017.

MT44	**KUIL SRI MAHA MUNEESWARAR**
	Kampung Solok Jeram, 76450 Paya Rumput, Melaka.

Kuil ini ditubuhkan oleh mendiang Pn.Muthayee pada tahun 2002. Kini kuil ini diuruskan oleh anak buahnya, En.A.Rajendran Arumugam. Kuil ini yang bersaiz 20' X 15' terletak berhampiran dengan *Dewi Sri Maha Mariamman* Aalayam, Ladang Bertam, Paya Rumput.

Mendiang Pn.Muthayee membina pondok kecil dan memacakkan *'trisulam'* sebagai simbol Dewa Muneswarar di tanahnya bersaiz lima ekar. Dewa ini merupakan dewa keluarga atau '*kulatheivam*' keluarganya disembah sejak dua generasi dan diyakini pelindung keluarga.

En.A.Rajendran Arumugam telah menderita akibat sakit kulit. Penyakitnya semakin kronik walaupun telah menerima rawatan moden. Pada suatu hari, Mendiang Pn.Muthayee membawa anak buahnya ke kuil dan melakukan upacara sembahyang khas. Di hati kecil anak muda itu terniat akan membaiki kuil jika sakitnya sembuh. Dengan sakti-Nya, tidak sampai masa seminggu, sakitnya menampakkan perubahan dan beransur sembuh sepenuhnya. En.A.Rajendran bertekad untuk menunaikan niatnya dan membaiki kuil itu dengan belanja RM 10,000.00. Di kuil ini, juga terdapat *Vigraham Dewa Muneswarar* diperbuat daripada simen setinggi enam kaki oleh *stapati,* En.Pakiri.



Ramai penganut Hindu yang menghidap penyakit hadir ke kuil ini untuk berubat dan menerima '*arulvaaku*' daripada En. Shasidaran, sahabat karib En.A.Rajendran. *Thiruvizha* di kuil ini diadakan pada tarikh sambutan Tahun Baharu Cina setiap tahun untuk memudahkan saudara maranya yang jauh hadir bersama. Pengorbanan hidupan dibenarkan di kuil ini. Semasa kajian ini dijalankan, kuil ini belum didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan.

CamScanner

DAERAH JASIN

CamScanner

Jadual 4 : KUIL-KUIL HINDU DI DAERAH JASIN

Bil. Rujukan	Nama Kuil	Alamatnya	Tahun Penubuhan
J1	Sri Sithi Vinayagar Aalayam	Jalan Air Kangkung, Pekan Selandar, 77500 Jasin, Melaka. (Lot: 2136)	1930
J2	Sri Maha Mariamman (Mayil) Aalayam	Batu 16, 77200 Jasin, Melaka. (Lot:4692)	1910
J3	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Bukit Asahan, 77100 Asahan, Melaka.	1915
J4	Dewi Sri Maha Mariamman Aalayam	KM23, Jalan Jasin, Bemban, 77200 Melaka. (Lot: 14712)	1930
J5	Dewi Sri Maha Mariamman Aalayam	Lot 1192, Jalan Besar Batang Melaka. 77500 Selandar, Melaka	1936
J6	Sri Maha Mariamman Sri Muthappan Aalayam	Ladang Jasin Lalang, 77200 Bemban, Jasin, Melaka.	1900
J7	Sri Maha Mariamman Aalayam	Jalan Asahan, Bukit Katong, Rim, 77000 Jasin, Melaka.	1900
J8	Sri Dhurkaiamman Aalayam	Ladang Diamond Jubilee, 77000 Jasin, Melaka.	1890
J9	Sri Maha Mariamman Aalayam	Jalan Taman Maju, 77000 Jasin, Melaka. (Lot: 9422)	1890
J10	Sri Sivan Aalayam	Jalan Besar Jasin, 77000 Jasin, Melaka. (Lot: 1722)	1880
J11	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Jasin Lalang, Bhg. Bukit Chermin d/a J 9939, Bukit Tinggi, Jalan Merlimau, Simpang Kerayong, 77000 Jasin, Melaka.	1902
J12	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Jasin Lalang, Bahagian Batu Lang, 77300 Merlimau, Melaka.	1940
J13	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Serkam, Bahagian Jasin, 77000 Jasin, Melaka.	1915
J14	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Tebong, Bahagian Batang Melaka (Bemban) 77500 Batang Melaka, Melaka. *(dalam proses pindah ke Taman Sri Hilir)*	1930
J15	Sri Maha Mariamman Aalayam	Batu 18, Selatan Baru, Bahagian Merlimau, Kempas Estate, Merlimau, 77300 Melaka.	1950

CamScanner

J16	Dewi Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Serkam, Bahagian Kemendore. 77000 Jasin, Melaka.	1936
J17	Sri Maha Mariamman Aalayam	Lau Leong Estate, Kemendore Div, 77000 Jasin, Melaka.	1910
J18	Sri Muneeswarar Aalayam	Ladang Diamond Jubilee, Jalan Asahan, 77000 Jasin, Melaka.	1900
J19	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Nyalas (Gubah Div), Lot 813, Jalan Nyalas, Kampung Masjid Baru, 77100 Nyalas, Jasin, Melaka.	1970
J20	Sri Maha Kaliamman, Muneeswarar Tua Pek Kong Aalayam	Lot 58, Kampung Bukit Panjang, 77100 Asahan , Melaka.	1997
J21	Sri Vinayagar Sri Subramaniar Aalayam	Pekan Merlimau, 77300 Merlimau, Melaka.	1969
J22	Sri Subramaniar, Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Serkam, 77300 Merlimau, Melaka.	1890
J23	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Merlimau, Jalan Jasin, 77300 Merlimau, Melaka.	1904
J24	Dewa Sri Madurai Veeran Aalayam	14, Batu 17, Paya Buluh, 77300 Merlimau, Melaka.	1970
J25	Sri Maha Mariamman Aalayam	Taman Bistari, Jalan Jasin, 77300 Merlimau, Melaka.	1990
J26	Arulmihu Sri Dhurgaiamman Aalayam	Ladang Selatan Baru, Batu 18,Tepi Jalan Merlimau-Jasin, 77300 Merlimau, Melaka.	1990
J27	Dewi Sri Maha Mariamman Aalayam	Lot 6516, Batu 17 ½ , Jalan Jasin-Merlimau, Kampung Paya Buloh, 77300 Merlimau, Melaka.	1990
J28	Sri Maha Karumariamman Aalayam	Batu 18 ½ , Jalan Kesang, Kesang Pajak, 77000 Jasin, Melaka. (Lot 1293)	1900
J29	Sri Jai Malai Muniandy Aalayam	JB 865, Taman Bemban Utama, 77200 Bemban, Melaka.	1996
J30	Sri Muthu Mariamman Aalayam	Yew Watt Hing Estate, Jalan Asam Kumbang, 77200 Bemban, Jasin, Melaka.	1950
J31	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Bukit Asahan 'D' Division, 77100 Asahan, Melaka.	1948

CamScanner

J32	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Bukit Asahan, Ayer Tekah Div., 77100 Asahan, Jasin, Melaka.	1970
J33	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Nyalas, Mantai Division, 77100 Nyalas, Melaka.	1950
J34	Sri Mathurai Veeran, Sri Raja Karumariamman dan Toh Pek Kong Aalayam	Batu 12, Bukit Tinggi A, Simpang Kerayong, Jalan Merlimau, 77000 Jasin, Melaka. (Lot:5575)	1970
J35	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Kempas (Devon), Jalan Jasin-Merlimau, 77000 Jasin, Melaka.	1890
J36	Dewi Sri Karu Maha Kaliamman Aalayam	Batu 16 ½ , J8451, Kampung India, 77000 Jasin, Melaka.	1965
J37	Sri Prithiyangara Devi Sakthi Beedam	JA 3371, Jalan Ria Satu, Taman Ria, Kesang Pajak 77000 Jasin, Melaka.	1999
J38	Kaikodukkum Sri Maha Kaliamman Aalayam	J7520, Blok F, Rumah Awam, Simpang Kerayong 77000 Jasin, Melaka.	1950
J39	Sri Nageswari Amman Aalayam	J7177, Blok O, Taman Chenderawasih, 77000 Jasin, Melaka.	1890
J40	Aum Sri Muniandy Muneswarar Kali Karumariamman Aalayam	Jalan Bemban-Ayer Keroh, GAPAM, 75450 Bemban, Melaka. (d/a Lorong 17, JB 2084, Taman Sri Serkam, Merlimau, 77300 Melaka.)	1992
J41	Dewi Sri Mariamman Sri Muniandy Aalayam	Ladang Merlimau, Lanchang Division (d/a JB2983, Jalan MU6, Taman Merlimau Utara 77300 Merlimau, Melaka.)	1945
J42	Sri Muniandy Aalayam	7952, Jalan Bukit Tinggi A, Simpang Kerayong, 77000 Jasin, Melaka.	1930
J43	Sri Maha Sivasakhti Aalayam	No.3490 Taman Batang Melaka Baru, Batang Melaka, 77500 Selandar, Melaka.	1970
J44	Sri Maha Mariamman Aalayam	Batu 21, Pondok Kempas, 77500 Selandar, Melaka.	1950
J45	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Lim Kok Wah Sdn. Bhd, Kg.Bukit Singgeh, 77500 Selandar, Melaka.	1960
J46	Sri Ayyanaar Aalayam	Genting Berhad/SAMB, Taman Batang Melaka Baru, 77500 Batang Melaka, Melaka.	1940

CamScanner

J1	**SRI SITHI VINAYAGAR AALAYAM**
	Jalan Air Kangkung, Selandar 77500 Melaka.

Kuil ini dimulakan pada tahun 1930-an oleh pekerja Jabatan Kerja Raya (PWD) yang duduk di kuarters pekerja, di Selandar. Kuil ini asalnya terletak di tepi jalan ke arah Bukit Senggeh di hadapan kuarters pekerja JKR. Kemudian ia terpaksa dialih ke tapak baharu di jalan Air Kangkung pada tahun 1996 disebabkan pemilik tanah, seorang usahawan Cina bercadang untuk membina taman perumahan.

Tapak kuil seluas 1/2 ekar diperoleh dengan usaha En K. Angappan yang merupakan pengerusi kuil pada waktu itu. Bangunan pula dibina dengan usaha En.A.Narayanasamy, anak kepada En.Alagu, seorang pekerja JKR yang telah lama tinggal di kawasan ini.

Perayaan tahunan diadakan pada bulan September pada masa `*Vinayagar Sadhurthi*'. Kuil ini mempunyai sebuah pedati yang digunakan untuk perarakan semasa perayaan. Kebanyakan penganut datang dari taman-taman perumahan berhampiran. Dari semasa ke semasa, kuil ini juga menjalankan beberapa aktiviti yang sesuai di kawasan ini. Antaranya, kelas Tadika `*Child*' diadakan sejak tahun 2008.

Seorang *gurukkal* tempatan menguruskan semua hal berkaitan keagamaan setiap hari. Kuil ini berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan sebagai Persatuan Pengurusan sejak tahun 1983.

CamScanner

J2	**KUIL SRI MAHA MARIAMMAN (MAYIL)**
	Batu 16, Jasin, 77200 Melaka.

Kuil ini didirikan pada sekitar tahun 1910 di Ladang Ayer Panas (Home Division) kepunyaan Kumpulan Sime Darby oleh pekerja-pekerja yang beragama Hindu. Kuil ini telah mengalami beberapa perubahan, dan apabila kawasan ini dibangunkan, jawatankuasa kuil telah berjaya untuk peroleh tanah bagi kuilnya, yang memang terletak di tepi jalan raya Jasin-Melaka. Kuil ini juga dikenali sebagai *'Mayil Kuil'*.

Kuil ini terkenal di kawasan Jasin yang kebetulan mempunyai penganut agama Hindu dalam bilangan besar. Kedudukan kuil di tepi jalan raya juga menjadi tarikan tambahan.

Jawatankuasa kuil ini didaftarkan sebagai Persatuan Penganut sejak tahun 2002 dan kini sedang berusaha untuk memiliki tanah tambahan di sebelah kuil ini untuk membina kemudahan tambahan. Kuil ini menarik kunjungan banyak keluarga Hindu yang tinggal di taman-taman perumahan di sekitarnya, sebahagian daripada mereka memang pernah tinggal dan bekerja di ladang ini dan ladang-ladang lain yang berhampiran.

Mariamman Thiruvizha di kuil ini diadakan pada bulan Mei setiap tahun dengan upacara bersembahyang dijalankan selama beberapa hari. *Kumbabishegam* di kuil ini telah diadakan selama 12 kali, dengan kali terakhir pada 2015. Kebanyakan anggota keluarga mahupun waris keluarga yang pernah tinggal di ladang ini kembali untuk bersembahyang dan bertemu dengan rakan-rakan serta saudara-mara mereka pada masa *thiruvizha* mahupun *kumbabishegam* diadakan.

CamScanner

J3	**KUIL DEWI SRI MAHA MARIAMMAN**
	Ladang Bukit Asahan, 77100 Asahan, Melaka.



Kuil ini yang wujud dalam kawasan perumahan pekerja ladang getah yang terbesar di Bukit Asahan yang dimiliki oleh Kumpulan Guthrie pada masa dahulu. Banyak pekerja di ladang ini merupakan penganut agama Hindu. Pekerja-pekerja ini membina kuil ini berhampiran kawasan perumahannya, di tepi Sungai Asahan, pada tahun 1915. Pembinaan kuil dilakukan mengikut ketertiban agama Hindu sejak awal, dan kemudian diperbaharui pada tahun 1996. Dengan sokongan pihak ladang ini, jawatankuasa kuil didaftarkan sebagai Persatuan Pengurusan Kuil oleh Pendaftar Pertubuhan sejak 1987.

Ladang yang telah mempunyai banyak pekerja Hindu dahulu, kini dimiliki oleh Kumpulan Sime Darby dengan penanaman kelapa sawit diutamakan. Tiada banyak pekerja Hindu yang menetap berhampiran kuil sekarang; kebanyakan kini tinggal di kawasan-kawasan perumahan di Asahan. Jawatankuasa sedang berusaha untuk mengalih kuil ini dan membina kuil baharu di luar ladang, dalam tapak tanah miliknya sendiri, di tepi jalan raya supaya mudah untuk para penganutnya mengunjunginya.

Chittira Pournami Thiruvizha diadakan di kuil ini selama 2 hari dalam bulan *Chittirai*, atau bulan April-Mei, setiap tahun sejak dahulu lagi. *Kumbabishegam* pula telah diadakan beberapa kali, dengan kali terakhir pada tahun 2010.

Keluarga-keluarga serta waris keluarga yang pernah tinggal di Ladang Bukit Asahan mempunyai ikatan yang rapat, dan walau di mana mereka berada, mereka berusaha untuk pulang ke *`kampung'*nya semasa *thiruvizha* diadakan di kuil ini.

J4 KUIL DEWI SRI MAHA MARIAMMAN

KM23, Jalan Jasin-Bemban, 77200 Melaka.

Kuil di Ladang Ayer Panas, Bahagian Bemban telah didirikan sejak tahun 1930-an oleh penganut Hindu yang bekerja di ladang itu. Tanah ladang kepunyaan Kumpulan Sime Darby dipecah ikut lot, luasnya 3-4 ekar, dan dijual kepada individu-individu yang berkemampuan. Bangunan dengan tanahnya menjadi sebahagian daripada tanah lot salah seorang yang secara kebetulan adalah seorang Hindu dan tidak menghalang mana-mana orang luar datang menyembah di kuil ini. Beberapa tahun kemudian, semua tanah di kawasan ini termasuk tempat kuil diambil alih oleh pihak TNB untuk tujuan pembangunan. Kemudian dipindah kepada pihak pemaju perumahan dan kini tempat itu dibangunkan menjadi Bandar Jasin Bestari.

Sebelum TNB menyerahkan tanah kepada pemaju, telah merayu kepada pihak pengurusan kuil untuk pindah ke tempat lain dengan memberi pampasan yang berpatutan. Pihak pengurusan kuil yang diketuai oleh Datuk V. Supramaniam (Alagiri) telah berusaha dan dengan pertolongan kerajaan negeri berjaya memperoleh kawasan seluas 1 ekar daripada pihak Ladang Bukit Kajang di tepi jalan raya Bemban-Jasin, pada tahun 2010 untuk mendirikan kuil baharu. Jawatankuasa ini berjaya mendirikan kuil baharunya pada tahun 2013. Jawatankuasa kuil ini didaftarkan sebagai Persatuan Penganut dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 1996.

Kebanyakan keluarga pekerja di ladang dahulu yang menetap di taman-taman perumahan di sekitar Bemban menggunakan kuil ini untuk beramal ibadat.

Mariamman Thiruvizha diadakan selama 10 hari pada bulan Aani, atau bulan Jun, setiap tahun sejak tahun 1990. *Kumbabishegam* diadakan bagi kuil baharu pada tahun 2013. Keluarga-keluarga dan waris keluarga yang pernah tinggal dan bekerja di Ladang Ayer Panas kembali semasa *thiruvizha* diadakan untuk bersembahyang dan bertemu dengan sahabat handai mahupun sanak saudara di sini.

CamScanner

J5	**KUIL DEWI SRI MAHA MARIAMMAN**
	Lot 1192, Jalan Besar, Batang Melaka, 77500 Selandar, Jasin, Melaka.

Salah sebuah kuil yang tertua di negeri Melaka ini terletak di pekan Batang Melaka. AJK pengurusan kuil ini di bawah kepimpinan En.Elancheliyan Kuppan telah berjaya menyempurnakan *Maha Kumbabishegam* pada 8-9-2019 yang lalu.

Kuil ini ditubuhkan oleh pekerja Ladang Batang Melaka di bawah kepimpinan mendiang En.Periannan, mandur ladang berkenaan pada tahun 1935. Kuil yang diperbuat daripada papan bersaiz kecil adalah tempat beribadat pekerja ladang.

Pada tahun 1956, pemilik Ladang Batang Melaka berbangsa Eropah menjual asetnya kepada orang lain. Seorang hartawan Cina membeli sebahagian daripada ladang itu dan kawasan itu dikenali sebagai Ladang Tor Lee. Thiruvizha di kuil ini pada tahun 1957 merupakan babak hitam kerana nyawa seorang insan terkorban dalam pergaduhan.

CamScanner

Sejak kejadian itu, kuil itu terbiar tanpa kehadiran penganut untuk bersembahyang. Selepas itu, En.Nagamuthu, adik mendiang En.Murugaiya, mantan guru besar menguruskan kuil berkenaan. Selain itu, Mendiang En.Kannaiyah dan En. M.Palanimuthu juga berganding bahu membantu perkembangan kuil ini. Pada tahun 1983, struktur bangunan kuil yang baharu dibina. Tukang binaan En.Kim dan mendiang En.Arumugam adalah arkitek binaan kuil tersebut. Mantan ADUN, Datuk Lim Soo Kiang menyumbang dana untuk pembinaan ini.

Pengurusan kuil ini mengambil inisiatif untuk membaik pulih struktur bangunan kuil. Bangunan kuil lama dirobohkan dan upacara '*Bumi pooja*' diadakan pada 9-10-2001. Pada 15-12-2004 pula dijalankan *Aathi Maha Kumbabishegam*. Pada 31-08-2009, *Peedam* untuk *Arasamaram Pillayar* dan *Peedam Navagragha* siap dibina. Kuil untuk *Dewi Maha Kaliamman* dan *Dewa Anjaneyar* dibina dan *Maha Kumbabishegam* telah disempurnakan pada 1-12-2013. Pengurusan kuil berjaya memperoleh geran tanah tersendiri untuk kuil ini dari Pejabat Daerah dan Tanah Jasin Melaka.

Tapak kuil ini seluas 1365 meter persegi mempunyai segala kemudahan seperti dewan dan tempat kediaman *gurukkal*. Sembahyang khas pada bulan purnama dan bulan gerhana menarik ramai penganut Hindu. *Thiruvizha* di kuil ini disambut pada bulan Disember setiap tahun sejak 1992. Tanah Perkuburan India Batang Melaka seluas 1,364 meter persegi di lot PT 1310 berhampiran Jalan besar Selandar-Batang Melaka juga diurus tadbir oleh AJK pengurusan kuil ini.

Pengurusan kuil ini mengendalikan pelbagai aktiviti kemasyarakatan untuk penganut Hindu. Kuil ini berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan sebagai Persatuan Penganut sejak tahun 2013.

CamScanner

J6	**KUIL SRI MAHA MARIAMMAN. SRI MUTHAPPAN**
	Ladang Jasin Lalang. 77200 Bemban, Jasin, Melaka.

Menurut pengerusi kuil ini, En.Sankaranarayanan Gzuthanan, kuil ini ditubuhkan pada tahun 1900 oleh pekerja India ladang ini dengan kerjasama majikannya. Buat masa ini hanya dua keluarga India sahaja yang tinggal di ladang ini. Kebanyakan mantan pekerja ladang ini kini memiliki rumah sendiri di taman perumahan berhampiran dengan ladang ini seperti Taman Ayer Merbau, Taman Mayang dan Taman Asia Selatan. Mereka merupakan komuniti yang setia melibatkan diri dalam semua aktiviti keagamaan kuil ini.

Kuil ini telah melalui beberapa tahap pembangunan strukturnya. Majlis Maha *Kumbabishegam* yang pertama disempurnakan pada tahun 1977 setelah bangunan kuil sekarang terbina. Kawasan bersaiz satu setengah ekar ini mempunyai dua buah kuil, iaitu Kuil Sri Maha Mariamman dan Kuil Sri Muthappan. Perayaan khas, iaitu *thiruvizha* diadakan pada 15 Ogos setiap tahun. Upacara berjalan atas bara api di kuil ini merupakan salah satu acara tahunan yang tertua di Melaka.

Pelbagai pertandingan budaya seperti tarian klasik, kolam, thoranam, ratu sari dan pertandingan bola sepak dianjurkan sempena *thiruvizha* di kuil ini. Pertandingan Kejohanan Bola Sepak Piala *Sri Maha Mariamman* kategori lelaki dan perempuan telah diadakan kali ke-52 pada tahun 2019. Hal ini adalah satu rekod pertandingan bola sepak di Malaysia. Selain itu, upacara sembahyang *Sri Maha Muthappan Vellattam* diadakan pada 25 Disember setiap tahun yang menarik kunjungan etnik Malayalee dari seluruh negara.

Maha Kumbabishegam kali ke-5 pada tahun 2024 dirancang dan AJK pengurusan kuil sedang berusaha memperoleh kawasan tanah seluas lima ekar, termasuk kawasan kuil sedia ada ,untuk perancangan masa depan daripada pemilik ladang, iaitu Syarikat IOI Corporation Berhad. Kuil ini didaftarkan sebagai Persatuan Penganut sejak tahun 2012.

CamScanner

J7	**KUIL SRI MAHA MARIAMMAN**
	Jalan Asahan, Bukit Katong, Rim, 77000 Jasin, Melaka.

Kuil Sri Maha Mariamman Rim mempunyai sejarah yang agak berlainan dan menarik. Ladang Rim merupakan sebuah ladang getah milik syarikat Eropah bernama Barlow Bousted. Pembukaan ladang ini bermula sekitar tahun 1900. Hampir kesemua pekerja ladang getah ini terdiri daripada orang Hindu. Seperti mana amalan masyarakat Hindu, sebuah kuil dibina oleh pekerja ladang di tapak kuil sekarang. Pada permulaan, kuil ini,dibina dengan kayu dan beratap zink. Kuil ini terletak di pintu masuk kawasan perumahan pekerja ladang.

Dewi yang bersemadi di dalam kuil ini ialah *Dewi Maha Mariamman*. *Dewi Amman* dianggap sebagai pelindung penganut. Perkara yang menarik di kuil ini ialah, sebahagian bangunan kuil ini digunakan bagi tujuan pembelajaran anak-anak pekerja ladang ini. Pada permulaan kelas-kelas dalam bahasa Tamil diadakan pada sebelah pagi, manakala kelas-kelas dalam bahasa Cina diajar pada sebelah petang. Kuil sebagai pusat pendidikan memang sesuatu yang lazim di India dari dahulu, dan amalan ini mengeratkan perhubungan antara kaum di kawasan ini.

Pada tahun 1964, ladang ini dijual oleh pemiliknya. Ladang ini dipecahkan kepada lot-lot dan kawasan di sekeliling kuil dimiliki oleh masyarakat India. Berkat kegigihan mereka yang ingin memiliki sebuah kuil yang sempurna, tapak kuil dimiliki oleh pengurusan kuil dan pada tahun 1985, bangunan kuil yang memaparkan reka bentuk kuil tradisi India dibina.



Walaupun Dewi utama kuil ini ialah Sri Maha Mariamman, namun, dewa dewi lain turut bersemadi di pekarangan kuil ini. Seorang *arcagar* sepenuh masa menguruskan upacara melaksanakan *pooja* dan penyembahan sewaktu pagi dan petang. Perayaan-perayaan menurut Takwim Hindu memang diraikan di kuil ini. Memandangkan beberapa taman

CamScanner

perumahan telah tumbuh di sekitar kawasan ini, maka penganut-penganut dari sana turut beribadah dan menyertai aktiviti kuil ini.

Pengubahsuaian kuil dilakukan pada tahun 1997, 2009 dan 2020. *Thiruvizha* tahunan kuil ini ialah *Chittirai Puthaandu* selama 14 hari pada bulan *Chittirai* atau April-Mei, Sebanyak 3 *kumbabishegam* telah diadakan, kali terakhir pada tahun 2017. Kuil ini telah didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan sebagai Persatuan Penganut sejak tahun 2012

Jawatankuasa kuil ini berhasrat untuk membangunkan kuil supaya ia dapat memberikan perkhidmatan cemerlang kepada penganut yang semakin meningkat di kawasan ini pada masa akan datang. Mereka berhasrat untuk membina kemudahan tambahan seperti dewan, kemudahan tandas, dan stor.

J8	**KUIL SRI DHURKAIAMMAN**
	Ladang Diamond Jubilee, Jalan Asahan, 77000 Jasin, Melaka.

Pembukaan ladang getah Diamond Jubilee membawa pekerja beragama Hindu dari India sebagai pekerja. Mereka mendirikan kuil bagi Dewi Sri Dhurkaiamman, sebagai dewi perlindungan di ladang ini pada tahun 1890.

Pada peringkat awal, kuil yang dibina adalah daripada papan dan beratap zink. Pada tahun 1983 kuil ini dibina semula mengikut tatacara agama Hindu di tapak yang sama dengan sumbangan kewangan kerajaan. *Kumbabishegam* kuil ini diadakan pada tahun 2017. Kuil ini lengkap dengan dewan makan dan dapur. Kuil ini telah berdaftar sebagai Persatuan Penganut dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 1990.

CamScanner

BAHAGIAN C

Penganut Hindu di sekitar yang menghadapi masalah kesihatan sering mengunjungi kuil ini pada hari Selasa dan Jumaat. Mereka berdoa kepada *Dewi Dhurkhai Amman* agar niat mereka termakbul. Mereka menyempurnakan *vilaku poojai* (menyalakan lampu) kepada *Dewi Dhurkai Amman* selama beberapa minggu. Terdapat kes - kes sakit maut seperti kanser terpulih lantaran daripada penyembahan pada *Dewi Dhurkha*.

Pada satu ketika jumlah penduduk India di ladang ini ialah seramai 1000 orang. Apabila kelapa sawit ditanam menggantikan getah maka ramai pekerja India bersama keluarga mereka berpindah ke tempat lain atau berhijrah ke taman perumahan yang berdekatan. Kini sepuluh keluarga Tamil-Hindu sahaja yang tinggal di ladang ini. Namun, ada penganut Hindu dalam kalangan pekerja asing di ladang ini, dan mereka juga bersembahyang di kuil ini. Malah seorang pekerja Nepal-Hindu sedang membantu *gurukkal* kuil ini.

Pihak berkuasa ladang mensyaratkan bahawa pekerja ladang sahaja yang boleh menjadi ahli jawatankuasa kuil. Perayaan tahunan kuil ini adalah pada *Cittirai Puthandu* atau tahun baharu mengikut kalendar Hindu. Beribu-ribu orang mengunjungi perayaan ini sehingga sekarang. Pengunjung perayaan ini adalah antara yang pernah mendiami di ladang ini dan kini tinggal jauh di negeri-negeri lain. Jawatankuasa berusaha menyediakan tempat penginapan untuk mereka dengan izin daripada pengurus ladang. Dengan kadar bayaran sewa yang minimum, penganut dapat bermalam di rumah pekerja dan menyertai perayaan ini. Generasi penganut yang telah menduduki ladang ini masih bernostalgia pada kuil ini dan menziarahi tempat tinggal lama dan kuil ini sekurang-kurangnya sekali setahun.

CamScanner

J9	**KUIL SRI MAHA MARIAMMAN**
	Jalan Taman Maju, 77000 Jasin, Melaka.

Pekerja-pekerja Ladang Jasin, Bahagian 18 mendirikan kuil ini atas nama Dewi Perlindungan Sri Maha Mariamman pada tahun 1890. Pada awalnya, hanya bangunan yang diperbuat daripada papan dan zink digunakan berhampiran dengan kuarters pekerja ladang. Jalan raya yang dibina sekitar 1910 merentasi kawasan kuil dan kawasan perumahan pekerja.

Menjelang tahun 1965, tanah ladang ini diambil alih untuk projek kerajaan dan taman-taman perumahan. Walaupun ramai pekerja terpaksa berpindah, namun, bilangan penganut Hindu yang mendiami taman-taman sekitar kuil ini meningkat. Kunjungan penganut ke kuil ini juga berlipat ganda. Jawatankuasa kuil mengambil inisiatif untuk membina sebuah kuil saiz sederhana pada tahun 1983. Kuil ini dibuat daripada konkrit dan mengikuti tatacara binaan kuil Hindu yang lazim. Sebuah dewan serba guna kecil juga dibina bersebelahan kuil ini. Dewan ini digunakan untuk upacara sembahyang, perkahwinan, kelas tarian dan muzik klasik.

Semua perayaan mengikut takwim Hindu ditepati di kuil ini. *Navaraatri* menjadi *thiruvizha* utama kuil ini selama 11 hari berturut-turut pada bulan September-Oktober setiap tahun sejak 1983. Kuil ini sudah mengadakan *kumbabishegam* sebanyak tiga kali dan akan mengadakannya lagi pada tahun 2022.

CamScanner

Pihak jawatankuasa sentiasa mengaturkan aktiviti yang berfaedah untuk penganut-penganut, khususnya pelajar melalui ceramah agama, sembahyang hajat, ceramah motivasi dan *kalviyaattirai.* Kuil ini berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan sebagai Persatuan Pengurusan Sri Sivan, Sri Maha Mariamman Aalayam sejak tahun 2011, iaitu satu pendaftaran yang merangkumi kuil ini dan Kuil Sri Sivan yang kini beroperasi tidak jauh dari lokasi kuil ini.

Pihak jawatankuasa kuil berhasrat untuk membina sebuah kuil baharu. Ini sejajar dengan bilangan penduduk Hindu yang ramai di bandar Jasin. Oleh sebab jawatankuasa yang sama mentadbirkan Kuil Sri Sivan yang terletak tidak jauh dari kuil ini, kedua-dua kuil ingin digabungkan di tempat yang sama dengan kuil baharu didedikasi pada Dewa Siva mengikut tatacara binaan kuil Hindu yang lazim. Sebuah dewan serba guna juga dirancang untuk dibina. Walau bagaimanapun Majlis Perbandaran Jasin masih belum memberikan kelulusan untuk pembinaan ini semasa kajian ini dijalankan.

J10	**KUIL SRI SIVAN**
	Jalan Besar Jasin, 77000 Jasin, Melaka.

Kuil Sri Sivan Jasin tertubuh sekitar tahun 1880-an oleh pekerja-pekerja PWD atau Jabatan Kerja Raya yang tinggal di kuarters pekerja di bandar Jasin. Banyak juga pekerja Hindu yang bertugas di jabatan-jabatan kerajaan lain yang tinggal di Jasin dengan terbentuknya daerah Jasin ketika itu.

Kuil berbentuk pondok kecil diperbuat daripada papan dan beratap zink terletak di bawah pokok semambu pada awalnya. Sebuah *trisula* terpacak di dalam pondok berkenaan. *Trisula* melambangkan *Dewa Siva* yang mencipta, menjaga dan memusnahkan segala. Satu perkara yang menarik ialah pembinaan kuil ini pada tahun 1880-an adalah sezaman dengan *Kuil Sri Kailasanathar (Sivan)* Kampung *Chitty*, Gajah Berang, Melaka.

Pada tahun-tahun 1960-an kawasan berhampiran Sekolah Tamil Jasin dan Pejabat Haiwan dimiliki kerajaan Melaka untuk pembangunan sekolah Tamil dan pejabat-pejabat kerajaan seperti Pejabat Haiwan. Maka penduduk yang mendiami kawasan ini dipindahkan ke kawasan Kampung India, Batu 18 . Kuil Sivan juga dipindahkan ke tapak sekarang, di lot 1577, Jalan Besar Jasin pada tahun 1965. Walaupun bersaiz kecil, namun, kedudukannya di bawah pokok *Bodi* yang tumbuh besar memberi suasana seperti kuil-kuil di Tamil Nadu. *Siva Lingam* yang dibuat daripada simen bersemayam di dalam *karuvarai* atau dewan utama kuil.

Tarikan utama kuil ini ialah penyempurnaan ritual kematian. Penganut agama Hindu percaya bahawa roh yang tinggalkan jasad akan kembali kepada *Dewa Siva*. Maka waris simati perlu menyempurnakan amalan ini di kuil Siva. Oleh itu, penganut Hindu dari dekat dan jauh mengunjungi kuil ini untuk menyempurnakan istiadatnya. Penganut juga melaksanakan *moksha deepam* setiap tahun sebagai memperingati si mati dan mendoakan agar roh simati membela nasib mereka. Memandangkan keperluan yang meningkat, maka kuil ini dibaik pulih pada tahun 2003 dan diperbaiki lagi pada tahun 2017.

Memandangkan ruang yang agak sempit, Jawatankuasa Kuil Sri Sivan-Sri Mariamman bercadang untuk mengalihkan kuil ini dan menggabungkan kedua-dua kuil di tapak Kuil Sri Maha Mariamman sekarang dalam masa yang terdekat, sebaik sahaja kelulusan diperoleh daripada Majlis Perbandaran Jasin. Kuil ini didaftarkan bersama dengan Kuil Sri Maha Mariamman, Jalan Taman Maju, Jasin sebagai Persatuan Pengurusan dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 2011. Semasa kajian ini dilakukan ada satu lagi jawatankuasa yang berdaftar sebagai Persatuan Penganut bagi kuil ini sejak tahun 2012.

CamScanner

J11	**KUIL SRI MAHA MARIAMMAN**
	Ladang Jasin Lalang, Bahagian Bukit Chermin, d/a J9939, Bukit Tinggi, Jalan Merlimau, Simpang Kerayong, 77000 Jasin, Melaka.

Kuil ini ditubuhkan pada tahun 1902 oleh pekerja ladang getah ini dengan sokongan majikannya. Menurut En. Visvanathan Narayanan, bendahari kuil ini, *Dewi Sri Maha Mariamman* pernah menjelmakan diri di hadapan pengurus ladang ini yang berbangsa Eropah ketika beliau memandu kereta pada waktu malam. Selepas insiden itu, pengurus itu telah menghulurkan bantuan untuk membaiki bangunan papan kuil yang pada ketika itu bersaiz kecil. Pada tahun 1985, proses penambahbaikan dilakukan dan kuil itu berwajah batu. *Maha Kumbabishegam* yang pertama dijayakan pada tahun 1987.

Kuil ini khusus untuk *Dewi Sri Maha Mariamman* dan *Dewa Rama*. Selain itu, *Dewa Muthappan* dan *Dewa Muniandy* juga ditempatkan di sini. *Kuil Dewa Rama* yang terletak di pekarangan kuil ladang itu merupakan kuil seumpama itu yang pertama di Melaka. Pertubuhan Kebudayaan dan Kesenian India Krishna Balaram, Melaka mengadakan upacara *pooja* khas pada hari Rama Navami di kuil ini sejak beberapa tahun. Perayaan khas di kuil ini ialah *'Aadi puram Thiruvizha'* yang disambut pada bulan Ogos setiap tahun sejak 40 tahun lalu. Selain itu, semua *pooja* khas mengikut takwim Hindu dijalankan di kuil ini. Kuil ini didaftarkan sebagai Persatuan Pengurusan dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 1983.

Ladang ini tidak berpenghuni sejak tahun 1990-an dan semua pekerjanya telah ditempatkan di Ladang Jasin Lalang. Namun, begitu, AJK kuil terus menguruskan kuil dengan baik. Pada tahun 2019, Syarikat IOI Corporation Berhad telah menjual ladang ini kepada syarikat lain. Maka, pengurusan kuil ini sedang berikhtiar untuk mendapatkan hakmilik tanah kawasan kuil daripada pemilik terbaharu. Syarikat Kumpulan Parkland yang membeli tanah ladang ini untuk pembangunan telah bermurah hati menyediakan tapak untuk kuil ini seluas 23,681 kaki persegi secara percuma, dengan sumbangan derma sebanyak RM350,000 untuk pengalihan dan pembinaan bangunan baharu di tapak baharu yang tidak berapa jauh daripada kuil asalnya. Suatu perjanjian persefahaman (MOU) antara pihak pemilik tanah dan pengurusan kuil telah ditandatangani pada 21.3.2021.

CamScanner

J12	**KUIL SRI MAHA MARIAMMAN**
	Ladang Jasin Lalang, Bahagian Batu Lang, 77300 Merlimau, Melaka.

Kuil ini kini diuruskan oleh keluarga En.Ramasamy Arunasalam dan sanak saudara terdekatnya. Tahun penubuhan kuil ini tidak diketahui, namun, yang pastinya kuil ini sudah diasaskan oleh pekerja ladang getah ini dengan sokongan majikannya sekitar tahun 1940-an. Pada peringkat awal, kuil ini terdiri daripada bangunan kayu. Pada tahun 1980-an, pengurusan kuil berinisiatif membaiki kuil dengan sokongan pengurus ladang berbangsa British. Selepas itu, bangunan kuil batu sekarang dibina untuk kegunaan pekerja ladang. Kawasan kuil adalah seluas setengah ekar.

Pada tahun 1980-an, pemilik kumpulan Ladang Jasin Lalang memindahkan semua pekerja di bahagian Batu Lang ke Ladang Jasin Lalang (Bahagian Home) dan Ladang Jasin Lalang (Bahagian Bukit Cermin). Hal ini berlaku kerana tanaman kelapa sawit mula diperkenalkan di situ yang hanya memerlukan bilangan pekerja yang terhad.

Dalam situasi ini, bekas pekerja ladang ini tetap menguruskan kuil yang menjadi tempat aktiviti keagamaan dan seni mereka sekian lama. Namun, kuil ini belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

Perayaan khas dan utama di kuil ini ialah *'Mariamman Thiruvizha'* yang disambut pada 15 Julai setiap tahun sejak 1975. Pada masa itu, perayaan ini diserikan oleh kehadiran mantan pekerja ladang ini yang kembali dari dalam dan dari luar negeri Melaka. AJK pengurusan kuil sedang berusaha untuk mendapatkan hak milik tanah kuil daripada pemiliknya, Syarikat IOI Corporation Berhad. Mereka sedar usaha itu mencabar, namun, bertekad untuk merealisasikan matlamat itu.

CamScanner

J13	**KUIL SRI MAHA MARIAMMAN**
	Ladang Serkam, Bahagian Jasin, 77000 Jasin, Melaka.

Kuil dalam tapak tanah bersaiz setengah ekar ini dipercayai ditubuhkan pada tahun 1915 oleh pekerja ladang getah dengan sokongan pihak majikan. Struktur bangunan batu sekarang dibina pada tahun 1980. Pihak pengurusan kuil sedang membina dewan kecil untuk melengkapkan kemudahan asas di situ.

Kuil ini khusus untuk *Dewi Sri Maha Mariamman*. *Dewa Vinayagar Dewa Murugan, Dewa Sangkali Karuppan*, *Dewa Naga* dan *Dewa Muniandy* juga ditempatkan di sini untuk *pooja* khas. Perayaan khas di kuil ini ialah untuk *Dewi Sri Maha Mariamman* yang disambut pada bulan Julai setiap tahun sejak 1980. Upacara berjalan atas bara api merupakan acara kemuncak perayaan khas. Kuil ini adalah pengasas upacara suci ini di daerah Jasin.

Bilangan pekerja yang tinggal dalam ladang ini amat terhad. Kebanyakan penganut agama Hindu tinggal di sekitar bandar Jasin. Penganut yang menganggap kuil ini sebagai kuil warisan mereka kembali ke kuil ini untuk menyertai *pooja* mahupun aktiviti lainnya.

En.A.Muniandy Arumugam, pengerusi kuil ini sejak 1980, pernah bertugas sebagai mandur di ladang ini, tetapi kini sudah bersara. Mengikut peraturan yang diamalkan oleh pihak ladang, hanya pekerja ladang sahaja dibenarkan untuk memegang sebarang jawatan dalam pengurusan kuil. Syarat seperti ini memang dianggap sukar oleh penganut-penganut setia kuil ini. Sijil Pendaftaran kuil ini sebagai Persatuan Penganut tersimpan oleh pihak ladang, dan pihak pengurusan kuil tidak berjaya memperolehnya sejak tahun 2005 – dan oleh sebab penyata tahunan tidak disampaikan selama ini, besar kemungkinan, pendaftaran ini telah terbatal.

CamScanner

J14	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN
	Ladang Tebong, Bahagian Batang Melaka (Bemban), 77500 Batang Melaka, Melaka.

Ladang Tebong (Batang Melaka Div) adalah sebahagian daripada Ladang Tebong yang kini terletak di bawah Genting Holdings. Kuil *Sri Maha Mariamman* asalnya didirikan oleh pekerja-pekerja ladang ini pada tahun 1930. Pada tahun 1973, kuil di tapak asal di kawasan pedalaman ladang telah dipindahkan berdekatan perumahan pekerja yang terletak berhampiran dengan landasan keretapi sejak 1973.

Kebanyakan pekerja ladang yang beragama Hindu kini telah keluar dan menduduki taman-taman perumahan yang berdekatan. Oleh itu, kuil ini akan berpindah ke tapak yang diperuntukkan padanya berhampiran Taman Seri Hilir dalam masa terdekat.

Pihak Kerajaan Negeri Melaka telah menyerahkan lot ini seluas 2 ekar kepada Jawatankuasa Kuil Seri Maha Mariamman sejak tahun 2013. Kuil ini ditadbirkan oleh jawatankuasa yang berdaftar sebagai *Persatuan Penganut Arulmigu Dewi Sri Maha Mariamman, Jasin* sejak tahun 2015.

Perayaan Tahunan atau *Mariamman Thiruvizha* kuil ini ialah pada bulan *Aadi* – Julai / Ogos dan antara 800-1000 penganut, kebanyakannya ahli keluarga yang pernah tinggal di ladang ini, dan yang pernah bersembahyang di kuil ini, hadir untuk menyambutnya. *Kumbabishegam* pula pernah diadakan tiga kali, yang terakhir pada tahun 2019. Perarakan pedati semasa *thiruvizha* memang melalui Taman Seri Hilir dan Kampung Baru On Lok yang mempunyai banyak penganut agama Hindu.

Kini keahlian kuil mencecah 300 orang dan hampir 90% daripada mereka ialah penduduk yang tinggal di Taman Seri Hilir dan Kampung Baru On Lok.

CamScanner

J15	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN
	Ladang Kempas, Batu 18, Selatan Baru, Bahagian Merlimau, 77300 Merlimau, Melaka.

Kuil di ladang Kempas, Selatan Baru, Bahagian Merlimau didirikan pada tahun 1950-an oleh pekerja-pekerja beragama Hindu di ladang berkenaan sebagai tempat ibadat di kawasan perumahan mereka. Kuil asal diperbaiki pada tahun 2001.

Ladang ini telah bertukar pemilik, dan Kumpulan Sime Darby kini memilikinya. Kuarters pekerja tidak lagi berfungsi dengan semua pekerja tinggal di luar kawasan ladang sekarang. Namun, para penganut agama Hindu yang pernah tinggal dan membesar di ladang ini, terus menziarahi kuil ini untuk bersembahyang.

Thiruvizha tahunan selama 14 hari diadakan pada bulan Mac setiap tahun atas nama *Dewi Maha Mariamman.* Kuil ini pernah mengadakan *kumbabishegam* sebanyak dua kali, dan menunggu masa memiliki tanahnya sendiri untuk mendirikan kuil baharu sebelum mengadakan *kumbabishegam* seterusnya.

Pada masa kajian ini dilakukan, kuil ini belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

CamScanner

J16	**KUIL *DEWI SRI MAHA MARIAMMAN***
	Ladang Serkam, Bahagian Kemendore, 77000 Jasin, Melaka.

Salah sebuah ladang getah milik Syarikat Perladangan Guthrie di Melaka ialah Ladang Serkam, Bahagian Kemendor di Jasin. Di sini tersergam indah sebuah kuil *Dewi Sri Maha Mariamman* yang ditubuhkan oleh pekerja ladang dengan sokongan majikannya pada tahun 1936. Kuil ini pada peringkat awalnya merupakan kuil berstruktur papan tetapi kini berbentuk batu terletak di atas sebuah bukit kecil menghadap padang permainan dan rumah pekerja ladang. Pokok banyan yang tersergam di hadapan dan di belakang bangunan utama kuil menambahkan keindahan panorama kuil ini.

Walaupun pekerja beragama Hindu di ladang pada masa ini sangat berkurangan, namun, kuil ini terus 'hidup' kerana sokongan pekerja dan bekas pekerja yang tinggal di sekitar bandar Jasin. Mereka melibatkan diri dalam semua *pooja* khususnya *pooja* hari Jumaat dan sembahyang hari Purnama.

Kuil ini khusus untuk *Dewi Sri Maha Mariamman*, namun, dewa dan dewi lain seperti *Murugan*, *Muneswarar, Nagamah, Arasumarathu Pillaiyar* dan *Pechayammah* juga ditempatkan di sini.

Perayaan utama kuil ini *theemithi thiruvizha* disambut pada bulan *Thai* mengikut kalendar Hindu. Upacara berjalan atas bara api adalah acara kemuncak dalam *thiruvizha* ini.

Kuil ini menyatupadukan keluarga bekas pekerja ladang ini sebagai lambang warisan mereka dan pihak pengurusan kuil ini mendapat kerjasama yang baik daripada pihak pengurusan ladang kepunyaan Syarikat Sime Darby ini. Kuil ini berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan sebagai Persatuan Penganut sejak tahun 2012.

CamScanner

J17 KUIL SRI MAHA MARIAMMAN

Ladang Lau Leong, Bahagian Kemendore, 77000 Jasin, Melaka.

Kuil *Sri Maha Mariamman* ditubuhkan pada tahun 1910 oleh pekerja ladang ini. Bangunan asalnya diperbuat daripada kayu dan beratap zink. Kedudukannya adalah di tengah-tengah kawasan perumahan pekerja. Dewi utama adalah *Sri Maha Mariamman, Dewa Arasa Mara Vinayagar* dan *Kavaltheivam* bersemadi di pekarangan kuil ini. Kuil ini dipindah ke tapak sekarang pada tahun 1973. Sebuah dewan serbaguna dibina bersebelahan kuil ini.

Menjelang tahun 1960 seramai seratus keluarga mendiami ladang ini. Perayaan utama ialah *Kaarthigai Thiruvizha* selama 9 hari pada bulan Disember setiap tahun. *Pandigai* Hindu lain mengikut takwim Hindu memang dipatuhi di kuil ini, selain *pooja* harian dan *pooja* hari Jumaat. *Kumbabishegam* di kuil ini pernah diadakan sebanyak 3 kali dan yang seterusnya dijadualkan pada tahun 2022.

Hanya satu keluarga Hindu yang tinggal di ladang ini sebagai bekas pekerja di ladang ini, dan majikan ladang masih membenarkan penganut dari luar menziarahi kuil ini untuk bersembahyang. Namun, kebenaran lisan sahaja diberikan. Usaha untuk mendapatkan kebenaran secara bertulis masih belum berjaya.

Kini pemujaan harian pada waktu petang diuruskan oleh En. Palaniappan yang juga merupakan pengerusi kuil ini. Perayaan tahunan juga masih diadakan secara meriah, kerana keluarga-keluarga yang pernah tinggal di ladang ini kembali untuk bersembahyang di kuil warisannya.

Kuil ini berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan sebagai Persatuan Penganut sejak tahun 2012. Ada inisiatif daripada jawatankuasa kuil untuk berunding dengan pihak ladang ini untuk mendapat sebidang tanah di pinggir ladang, berhampiran dengan taman perumahan, untuk memindahkan kuil ini.

CamScanner

J18	KUIL SRI MUNEESWARAR
	Ladang Diamong Jubilee, Jalan Asahan, 77000 Jasin, Melaka.

Kuil ini dibina sekitar tahun 1900 oleh pekerja Ladang Diamond Jubilee. Kuil ini terletak berdekatan dengan jalan masuk kilang memproses kelapa sawit. Kedudukannya adalah satu kilometer dari kawasan perumahan pekerja. Kuil ini dibina berhampiran sebatang pokok hutan yang masih hidup. Dewa utama kuil ini ialah *Sri Muneeswarar. Madurai Veeran* juga bersemadi di pekarangan kuil ini. Dewa ini dianggap sebagai pengawal sempadan yang memberi perlindungan kepada penganut tempatan.

Kuil ini dibaik pulih pada tahun 1988 dengan sumbangan daripada Datuk Seri Samy Velu. Bantuan juga dihulurkan oleh adik-beradik Raman dan Letchumanan dari semasa ke semasa untuk menampung kos pengurusan kuil ini. Pengurus Ladang Encik Gopi jua turut memberikan bantuan modal kepada kuil ini.

Perayaan utama kuil ini ialah 108 *sanggabishegam*. Perayaan ini diadakan pada 31 Ogos setiap tahun. Kunjungan penganut adalah sungguh menggalakkan. Kambing dikorbankan untuk dewa.

Pada ketika ini , kuil ini dijaga oleh dua orang penganut, Encik Mohan Karupiah yang mengendalikan upacara pemujaan manakala Encik Elangovan menanggung kos pentadbiran kuil ini. Kuil ini tidak berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan ketika kajian ini dijalankan.





CamScanner

J19	**KUIL SRI MAHA MARIAMMAN**
	Ladang Nyalas, Bahagian Gubah, Lot 813, Jln.Nyalas, Kg. Masjid Baru, 77100 Nyalas, Melaka.

Kuil ini diwujudkan oleh pekerja Ladang Getah Nyalas (Gubah Division) pada sekitar tahun 1970. Tiada pekerja asal yang beragama Hindu yang masih bekerja atau tinggal di situ kecuali pekerja asing di ladang ini. Masyarakat Hindu yang duduk di sekitar Kg Masjid Baru, Gubah, Pondok Batang dan taman-taman perumahan di Pekan Nyalas sering mengunjungi kuil ini.

Pihak ladang melalui pengurusnya terlibat langsung untuk melantik jawatankuasa untuk menguruskan kuil ini. Jawatankuasa pengurusan kuil tidak dapat didaftar dengan Pendaftar Pertubuhan kerana tiada kebenaran daripada pihak Ladang. Jawatankuasa Pengurusan sedang berusaha melalui perbincangan untuk memiliki tapak kuil berkenaan. Pihak ladang enggan memberikan sesuatu keputusan yang wajar dalam hal ini. Juga, tidak memberikan kebenaran untuk memperbaiki bangunan kuil ini.

Walaupun begitu, pihak ladang tidak menghalang mana-mana penganut datang bersembahyang di kuil *Sri Maha Mariamman* ini. Pihak pengurusan kuil mengadakan perayaan tahunan pada bulan September sejak tahun 2006.

CamScanner

J20	KUIL SRI MAHA KALIAMMAN, MUNEESWARAR, TUA PEK KONG
	Lot 58, Kampung Bukit Panjang, 77100 Asahan, Jasin, Melaka.

Kuil ini diwujudkan oleh penganut kaum India dan Cina pada tahun 1997 yang duduk di sekitar Kg Bukit Panjang dan Taman Sri Asahan. Mereka ini adalah sebahagian daripada pekerja Ladang Bukit Asahan diberhentikan akibat tanaman getah digantikan dengan tanaman kelapa sawit. Golongan ini sama ada membeli rumah di taman perumahan atau lot rumah berhampiran kawasan ini sering mengunjungi kuil ini untuk bersembahyang.

Tapak kuil luasnya hampir 1.25 ekar, dimiliki oleh En T. Saundararajan juga merupakan pengerusi pengurusan kuil ini. Beliau berhasrat untuk menyerahkannya kepada kuil ini. Timbalan Pengerusinya ialah En Kau Nyok Tau, sama-sama uruskan kuil ini yang menggabung kedua-dua dewa utama, iaitu *Sri Maha Kaliamman* dan *Tua Pek Kong.*

Perayaan tahunan adalah pada 1hb Mei yang jatuh pada Hari Pekerja dan cuti am Persekutuan. Kedua-dua kaum India dan Cina turut melibatkan diri untuk menjayakan perayaan tahunan ini. Penyembelihan hidupan dibenarkan di kuil ini.

Pengurusan kuil in masih belum didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan. Jawatankuasa kuil sedang berusaha untuk memperbaiki bangunan apabila kedudukan kewangan mengizinkannya.

CamScanner

BAHAGIAN C

J21 KUIL SRI VINAYAGAR SRI SUBRAMANIAR

Pekan Merlimau, 77300 Merlimau, Melaka.

Penganut Hindu dalam kalangan kakitangan Jabatan Kerja Raya, En.A.M.Samy telah mulakan kuil ini sekitar tahun 1969, yang kemudian didirikan di tanah MCL, dengan membayar wang untuk tanah di Pekan Merlimau. Kuil diperbesarkan di tapak itu dan kebanyakan keluarga Hindu di sekitar pekan Merlimau mengunjungi kuil ini untuk beribadat.

Apabila pihak TNB mengambil alih tanah untuk kawasan laluan kabel elektrik bervoltan tinggi, kuil ini telah diminta berpindah, dan oleh sebab tanah yang didudukinya ialah tanah MCL, pihak kuil tidak menerima sebarang pampasan. Usaha untuk mencari tapak gantian untuk berpindah sedang dijalankan semasa kajian ini dijalankan.

Penempatan kuil ini menyebabkan tiada bekalan elektrik dibenarkan di bangunan kuil sama sekali. Namun, *Vaikasi-Vishaga Thiruvizha* di kuil ini selama 18 hari menjadi tarikan di kuil ini sejak hampir lima puluh tahun yang lalu. Ramai penganut menghadiri perayaan ini.

Kumbabishegam di kuil ini sudah dilakukan tiga kali setakat ini, dan kini menunggu pembinaan kuil baharu di tapak kepunyaan kuil untuk perayaan seterusnya. Kuil ini pernah didaftarkan pada tahun 1982, tetapi atas sebab-sebab tidak menghantar laporan kepada Pendaftar Pertubuhan, pendaftarannya terbatal – dan segala usaha untuk mendaftarkannya semula gagal, khususnya kerana kuil ini menduduki zon yang berbahaya. Oleh itu, jawatankuasanya sedang berusaha untuk mendapatkan tapak gantian untuk kuil ini.

CamScanner

J22	**SRI SUBRAMANIAR, SRI MAHA MARIAMMAN AALAYAM**
	Ladang Serkam, 77300 Merlimau, Melaka.

Kuil pertama atas nama *Dewa Sri Subramaniar* di kawasan ladang di negeri Melaka pada tahun 1890 oleh En.Sinnasamy Mandor, yang berasal dari daerah Selam, dan menjadi penganut kuil *Subramaniar* di Pazhani di Tamil Nadu. Waris keluarganya masih hidup di kawasan ini dan terus terlibat dalam menghidupkan aktiviti ibadat di kuil ini.

Kuil asal telah diperbaiki beberapa kali, dan kini jawatankuasa kuil ini berjaya mendapat kelulusan untuk memiliki tanah kuil ini, seluas 0.2842 hektar, dengan bantuan kerajaan negeri Melaka daripada pemilik ladang, Kumpulan Sime Darby. Ramai penganut sudah memiliki rumah kediamannya sendiri di taman-taman yang berdekatan.

Kuil ini mengadakan perayaan *Thaipusam* sejak masa penubuhannya, pada bulan Januari/ Februari setiap tahun. Ia pernah mengadakan *kumbabishegam* sebanyak 4 kali, yang terakhir pada tahun 2019. Kuil ini berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan sebagai Persatuan Penganut sejak tahun 2016.

Proses pengambilan tanah untuk kuil telah sempurna dan kini jawatankuasa yang dipimpin oleh En.Rajendran sedang giat merancang pembangunan prasarana kuil ini. Kini usaha untuk membina dewan serbaguna yang dijangka menelan belanja hampir RM1,000,000 sedang dilakukan. Dewan ini akan berguna pada para penganut, belia, kanak-kanak, malah seluruh masyarakat setempat, dan akan menjadikan kuil ini sebagai pusat kegiatan masyarakat yang lebih sempurna. Oleh sebab kuil ini telah memiliki tanah, pada 28.10.2021, pengurusan kuil ini telah diiktiraf sebagai PERSATUAN PENGURUSAN SRI SUBRAMANIAR ALAYAM SERKAM, MELAKA (2016) oleh Pendaftar Pertubuhan.

CamScanner

J23	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN
	Ladang Merlimau, Jalan Jasin, 77300 Merlimau, Melaka.

Kuil ini didirikan oleh pekerja-pekerja yang beragama Hindu di Ladang Merlimau pada tahun 1904, dan tempat kuil asal ini masih terpelihara berhampiran pada kuil yang telah diperbaharui dan telah menjalani beberapa pembaikan hingga sekarang. Namun, tapak kuil di ladang yang dimiliki oleh Kumpulan Sime Darby, walaupun telah dipohon, masih belum menjadi pemilikan jawatankuasa kuil ini semasa kajian ini dilakukan.

Walaupun semua pekerja ladang ini kini tinggal di taman-taman yang berhampiran, kuil di tepi jalan raya ini masih dikunjungi oleh penganut untuk menunaikan ibadat mereka secara berterusan. Pada masa *thiruvizha* diadakan, ramai kaum keluarga yang pernah tinggal dan membesar di ladang ini kembali ke sini.

Mariamman Thiruvizha diadakan pada bulan *Purattasi* atau Ogos/September setiap tahun dengan acara berjalan atas bara api, atau *theemithi*, sebagai tarikan utama. Kuil ini pernah mengadakan *kumbabishegam* sebanyak dua kali, yang terakhir pada tahun 2005, dan menunggu masa kuil di tapaknya sendiri untuk mengadakannya seterusnya.

Kuil ini berdaftar sebagai Persatuan Penganut dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 2012.

CamScanner

J24	**KUIL SRI MADURAI VEERAN**
	14, Batu 17, Paya Buluh, 77300 Merlimau, Melaka.

Kuil ini dimiliki sepenuhnya oleh En.Suresh a/l Vivekanandan, di tapak kepunyaannya sendiri sejak tahun 1970 lagi. Mengikut ceritanya, moyangnya telah menyembah *Dewi Nagammah* di kaki pokok yang berhampiran, dan kemudian digabungkan dengan *Dewa Madurai Veeran* atau *kula dheivam* keluarga ini di tapak sekarang. Pada tahun 2012, kuil ini didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan sebagai Persatuan Penganut.

Ramai penganut mengunjungi kuil ini untuk menerima perkhidmatan *arulvaaku* apabila dewa/dewi menuruni ketua agama di kuil ini untuk memberikan petunjuk pada yang hadir dan memohon. Penyakit dan histeria dalam kalangan pelajar juga disembuh melalui ramuan yang dicadangkan melalui *arulvaaku* di sini. Penganut yang berpuas hati dengan perkhidmatan ini menyumbangkan derma untuk membaiki kemudahan di kuil ini.

Thiruvizha atas nama *Dewa Madurai Veeran* diadakan pada bulan Mei selama 6 hari, dan walaupun lebih mirip pada kuil keluarga, ia pernah mengadakan *kumbabishegam* sebanyak dua kali, yang terakhir pada tahun 2018.

Semasa perayaan dan *pooja* diadakan atas nama *Dewa Madurai Veeran*, penyembelihan hidupan dan makanan daging dibenarkan di kuil ini.

CamScanner

J25	**KUIL SRI MAHA MARIAMMAN**
	Taman Bistari, Jalan Jasin, 77300 Merlimau, Melaka.

Kuil ini merupakan tempat sembahyang penganut Hindu semasa ladang getah wujud di kawasan ini sebelum tahun 1990. Tetapi, *vigrahanya* terpaksa dialih dan diselamatkan apabila kebenaran tidak diberikan oleh Majlis Tempatan. Namun, apabila pihak pertubuhan *National Land and Finance Society* membeli tanah ladang dan digunakan untuk pembangunan, tapak khusus untuk kuil seluas 10,000 kaki persegi diperuntukkan pada kuil ini, dan 10,000 kaki persegi untuk kemudahan tambahan.

Kuil baharu didirikan di tapak yang dikhaskan di Taman Bistari dengan perbelanjaan yang besar, dan *kumbabishegam* yang pertama diadakan pada tahun 2018. *Mariamman Thiruvizha* pula diadakan pada bulan *Aadi* atau Julai/Ogos selama 20 hari, dan pernah diadakan secara berterusan selama lebih 20 tahun yang lalu.

Jawatankuasa kuil ini telah cuba menyatukan kuil-kuil lain di sekitar semasa membina kuil baharunya, tetapi tidak berjaya. Namun, ia sedang berusaha untuk mendirikan sebuah dewan serbaguna di tapak berhampirannya. Kuil ini berdaftar sebagai Persatuan Penganut dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 2011,

CamScanner

J26 KUIL ARULMIHU SRI DHURGAIAMMAN

Ladang Selatan Baru, Batu 18, Tepi Jalan Besar, 77300 Merlimau, Melaka.

Kuil kecil ini dimulakan oleh keluarga En. Nagarajah dan En. Vasanthan sekitar tahun 1990-an di dalam kawasan ladang getah kepunyaan Kumpulan Sime Darby.

Kini pemuda-pemuda Hindu di kawasan ini mengunjungi kuil ini, walaupun tiada kawasan perumahan yang berdekatan. Kuil utama di ladang ini ialah kuil J15, yang terletak di kawasan perumahan pekerja Ladang Selatan Baru dahulu, tetapi kini kakitangan ladang tidak lagi tinggal di situ.

Hanya beberapa *pooja* diadakan di kuil ini mengikut keputusan jawatankuasanya yang lebih aktif semasa *thiruvizha* tahunan diadakan. Namun, *thiruvizha* atas nama *Dewi Durgaiamman* diadakan pada tarikh Tahun Baru Cina pada bulan Januari/Februari setiap tahun, dengan *pooja* diadakan selama 20 hari pada waktu siang, kerana tiada bekalan air mahupun elektrik di sini.

Derma kambing jantan diberikan oleh penganut Hindu mahupun bukan Hindu untuk dikorbankan pada masa *thiruvizha* di kuil ini. Kuil ini tidak berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan semasa kajian ini dilakukan.

CamScanner

J27	KUIL *DEWI SRI MAHA MARIAMMAN*
	Paya Buluh, Jalan Jasin, 77300 Merlimau, Melaka.

Kampung Paya Buluh diduduki oleh banyak keluarga penganut agama Hindu. Sejak tahun 1990 sudah ada cadangan untuk membina kuil di kampung ini, dan pada tahun 2011, lot perumahan 6515 dan 6516 seluas 344.538 meter persegi diserahkan pada pihak pengurusan kuil ini. Kini pihak Pendaftar Pertubuhan juga mendaftarkannya sebagai Persatuan Pengurusan Kuil sejak 2011.

Namun, bangunan bagi kuil ini belum dapat diperbesar lagi semasa kajian ini dijalankan oleh sebab jawatankuasa kuil masih dalam usaha mengumpulkan dana untuk projeknya.

Walaupun *pooja* diadakan pada setiap petang dan pada *pandigai* agama Hindu sepanjang tahun di kuil kecil yang sedia ada, *thiruvizha* belum diadakan di kuil ini. Jawatankuasa pengurusan kuil bertekad untuk menyempurnakan projek pembinaan kuil yang dianggarkan akan menelan perbelanjaan sekitar RM300,000, sebelum mengadakan *kumbabishegam* mahupun *thiruvizha*.

CamScanner

J28	KUIL SRI MAHA KARUMARIAMMAN
	Batu 18 ½ , Jalan Kesang, Kesang Pajak, 77000 Jasin, Melaka.

Kuil ini mula-mula didirikan sekitar tahun 1900-an oleh pekerja ladang yang beragama Hindu dalam kalangan kaum Tamil yang bekerja di ladang kepunyaan Chettiar serta kaum Gujarati yang menetap dan berniaga di sana. Pada awalnya ia merupakan bangunan kayu-zink sementara. Apabila ladang Chettiar terjual dan dibahagi-bahagikan pada beberapa pemilik, tanah kuil ini termasuk dalam bahagian Ladang T.S.M.Perumal Nadar pada tahun 1966. Atas usaha mendiang Datuk Arunasalam, tanah bagi kuil diperoleh pada 19 Mei, 1990. Bangunan kuil ini diperbaiki pada tahun 1990, dan pada tahun 2011, pembinaan kuil mengikut tatacara agama Hindu dilakukan.

Jawatankuasa kuil ini didaftarkan sebagai Persatuan Penganut sejak tahun 1995 dengan Pendaftar Pertubuhan. Kuil ini berguna pada lebih 300 keluarga Hindu yang tinggal di sekitar kawasan Kesang Pajak sekarang.

Karumariamman Thiruvizha diadakan pada bulan April selama 10 hari berturut-turut, dan kebanyakan keluarga serta waris keluarga yang pernah tinggal dan menganggap Kesang Pajak sebagai *`kampung'* mereka, berusaha untuk kembali menyertai perayaan ini. K*umbabishegam* telah diadakan sebanyak 3 kali, dengan kali terakhir pada 2011.

Jawatankuasa kuil ini agak aktif mengaturkan program yang berfaedah kepada ahli sepanjang tahun dan berwawasan untuk memiliki tanah tambahan untuk mendirikan kemudahan-kemudahan tambahan bagi kuil agar memberikan faedah yang lebih kepada para penganut setempat.

CamScanner

J29	**KUIL SRI JAI MALAI MUNIANDY**
	JB 865, Taman Bemban Utama, 77200 Bemban, Jasin, Melaka.

Kuil kecil yang terletak di dalam tanah simpanan kerajaan dimulakan pada tahun 1996 oleh penganut yang tidak dikenali, tetapi kini diselenggarakan oleh keluarga En.Balaraj yang tinggal di Taman Bemban Utama.

Banyak penganut agama Hindu mahupun yang bukan Hindu menziarahi kuil ini untuk mendapat *arulvaaku* daripada *Dewa Muniandy* melalui ketua agama yang kini mengetuai jawatankuasa kuil ini. Yang berpuas hati dengan perkhidmatan ini sering kembali dan menyokong aktiviti kuil ini.

Kuil ini merayakan *thiruvizha* tahunannya pada bulan November selama 5 hari sejak tahun 1996 lagi. Ia juga adakan *pooja* khas dalam bulan *Chittirai* atau April/Mei, dan pada *Aadi Amaavasai* pada bulan Julai/Ogos. Penganut menderma kambing jantan untuk disembelih semasa *thiruvizha*, dan *pooja-pooja* khas di kuil ini. Ramai pemuda menjadi penganut setia kuil ini.

Pengurusan kuil ini berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan sebagai Persatuan Penganut sejak tahun 2017.

CamScanner

J30	KUIL SRI MUTHU MARIAMMAN
	Ladang Yew Watt Hing, Jalan Asam Kumbang, 77200 Bemban, Jasin, Melaka.

Kuil di ladang ini telah dimulakan sejak tahun 1950-an oleh pekerja-pekerja Hindu di ladang ini, dan pada tahun 1996, keluarga En.Sugumaran telah mengambil alih penyelenggaraan kuil ini hingga sekarang. Pihak pengurusan ladang telah memberikan kebenaran kepada keluarga ini untuk mengendalikan hal ehwal kuil ini. Pihak pemilik ladang berjanji secara lisan untuk menyediakan lot tanah bagi kuil apabila pembangunan dilakukan kelak.

Kebanyakan pekerja yang beragama Hindu tidak tinggal berdekatan dengan kuil ini kerana sudah berpindah ke taman-taman perumahan, khususnya di kawasan Serkam. Namun, keluarga-keluarga yang pernah menduduki ladang ini masih kembali untuk bersembahyang di kuil ini, khususnya kerana mempercayai kesaktian *Dewi Mariamman* dan *Dewi Ngamma* di kuil ini.

Mariamman Thiruvizha diadakan selama 11 hari berturut-turut di kuil ini pada bulan *Aadi* atau Julai/Ogos saban tahun yang menyaksikan ramai anggota keluarga yang pernah tinggal di ladang ini kembali untuk bersembahyang di kuil di tempat yang menjadi *`kampung'*nya dahulu. Pada ketika kajian ini dilakukan kuil ini belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

CamScanner

J31 KUIL SRI MAHA MARIAMMAN

Ladang Bukit Asahan, Bahagian 'D', 77100 Asahan, Melaka.

Kuil ini dimulakan pada tahun 1948 bagi memenuhi keperluan pekerja ladang untuk beribadat. Apabila berlaku penanaman kelapa sawit menggantikan getah, maka pihak ladang terpaksa mengurangkan pekerja. Semua pekerja yang masih diperlukan dipindah ke Home Division yang jauhnya 3 km. Kebanyakan pekerja lama yang beragama Hindu sudah pindah ke taman-taman berhampiran seperti Asahan, Simpang Bekoh dan Jasin. Terdapat juga keluarga yang berpindah ke kawasan-kawasan jauh seperti Melaka, Johor, Seremban dan KL.

Ladang Bukit Asahan ini dibahagi kepada 3 bahagian iaitu D Division, Ayer Tekah Division dan Home Division. Kini ladang ini dimiliki oleh Syarikat Sime Darby Plantations.

Semua rumah pekerja sudah diroboh kecuali bangunan kuil ini. Kini kuil ini hampir terbiar kerana kurang pengunjung. Kuil ini diuruskan oleh majikan ladang dengan melantik orang-orang tertentu yang datang untuk membersihkan halaman dan menyalakan lampu pada setiap hari Jumaat dan hari-hari tertentu seperti *Ponggal* dan *Deepavali.* Pengurusannya tidak dapat berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan kerana tiada kebenaran daripada pihak majikan.

Perayaan tahunan diadakan dengan meriah pada bulan Tamil *Aani* (1hb) iaitu dalam bulan Jun. Kuil ini menjadi tempat berkumpul bagi anak-anak atau saudara mara pekerja yang pernah bekerja dan duduk di ladang ini. Perjumpaan ini merupakan nostalgia bagi mereka untuk sama-sama mengenang hidup lama di ladang ini.

Jalan ke arah kuil ini dari `Home Division' ialah tanah merah sahaja.

CamScanner

J32	**KUIL SRI MAHA MARIAMMAN**
	Ldg Bukit Asahan, Ayer Tekah Division, 77100 Asahan, Melaka.

Walaupun kuil ini dibina sebelum tahun 1970, kini tiada pekerja yang beragama Hindu yang masih duduk di sini. Bukan seperti di Ladang Bukit Asahan `D' Division, rumah pekerja di bahagian Ayer Tekah dikekalkan, malah diperbaiki dan ditempatkan dengan pekerja asing seperti Bangladesh, Indonesia dan Myanmar .

AJK kuil dilantik oleh pihak ladang daripada kalangan pekerja yang masih ada di `Home Division'. Biasanya, pengerusi atau mana-mana ahli daripada AJK akan datang untuk membersihkan halamannya dan menyalakan lampu/pelita untuk dewa Sri Mariamman pada setiap hari Jumaat dan hari-hari tertentu seperti *Ponggal, Deepavali* dan sebagainya. Pengurusannya tidak dapat daftar sebagai persatuan dengan Pendaftar Pertubuhan kerana tiada kebenaran daripada pihak majikan.

Perayaan tahunan diteruskan dan diadakan dengan meriah sama seperti tahun-tahun sebelum ini pada *Hari Visagam* (Wesak) yang terjatuh pada bulan Mei. Sama seperti kuil di Bahagian `D', kuil ini menjadi tumpuan bagi anak-anak atau saudara mara pekerja yang pernah bekerja, datang kembali berjumpa dan mengenangkan kehidupan lama di ladang ini.

Jalan ke kawasan ini masih jalan merah dan jauhnya lebih kurang 5 km dari jalan besar/pekan Asahan.

CamScanner

BAHAGIAN C

J33	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN
	Ladang Nyalas, Mantai Division, 77100 Nyalas, Melaka.

Kuil ini dimulakan oleh pekerja Ladang Getah Nyalas pada sekitar tahun 1950. Kini tiada pekerja Hindu yang duduk di ladang ini. Walaupun ada rumah pekerja tetapi diduduki oleh pekerja asing. Hampir semua rumah pekerja sudah diroboh.

Hanya beberapa penganut Hindu yang pernah bekerja di sini dibenarkan mengunjungi kuil untuk sembahyang. Orang luar langsung tidak dibenarkan masuk ke kawasan ladang ini. Kuil ini hampir terbiar kerana kurang penganut.

Pihak ladang membentuk J/K daripada kalangan bekas pekerja yang duduk di kawasan sekitar Pekan Nyalas untuk menguruskan sembahyang dan kebersihan kuil ini.

Perayaan tahunan diadakan pada bulan Julai, iaitu dalam *bulan Tamil 5hb Aadi* . Pada ketika inilah ahli keluarga yang pernah duduk di ladang ini mengambil kesempatan untuk berkumpul dan mengenangkan hidup lama di ladang ini.

Oleh sebab pihak majikan ladang tidak membenarkan, pengurusan kuil tidak dapat berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan. Malah, tiada kebenaran untuk melakukan sebarang perubahan atau pembaikan pada kuil yang sedia ada kerana bangunan ini diuruskan oleh pihak pengurusan ladang.

CamScanner

J34	KUIL SRI MATHURAI VEERAN, RAJA KARUMARIAMMAN DAN TOH PEK KONG
	Batu 12, Bukit Tinggi A, Simpang Kerayong, Jalan Merlimau, 77000 Jasin, Melaka.

Kuil ini dimulakan pada tahun 1970 oleh masyarakat Hindu dan Cina yang duduk di sekitar kawasan ini. Luas kawasan tapak kuil adalah lebih kurang 1 ekar dan didaftar atas nama Pertubuhan. Bangunan baharu mula dibina pada tahun 2015 dan disempurnakan pada tahun 2019. Kini kunjungan penganut terdiri daripada masyarakat Hindu dan Cina yang duduk di taman-taman perumahan sekitar kawasan seperti Simpang Kerayong, Jasin, Cenderah dan Chin-Chin. Pengurusannya didaftar dengan Pendaftar Pertubuhan sebagai Persatuan Pengurusan sejak tahun 2010.

Kuil ini unik dari segi bentuk gabungan kepercayaan antara budaya Hindu dan budaya Cina Malaysia. Masyarakat Hindu yang mengunjungi kuil ini menyembah Sri Mathurai Veeran dan Raja Karumariamman. Pada masa yang sama, Masyarakat Cina juga mengunjungi kuil untuk menyembah tuhan Tua Peh Kong (Tua Peh Kong merupakan dewa utama dalam mazhab Taoisma yang diamalkan di Malaysia-Singapura, yang berasal dari Pulau Pinang). Semua dewa ini ditempatkan secara berasingan dalam bangunan yang sama. Di samping itu, terdapat juga dewa-dewa seperti dewa *Kasi Viswanathar, Vinayagar, Murugan* dan *Navagkiragam*.

Memandangkan kunjungan penganut terdiri daripada kedua-dua kaum(India dan Cina) pada hari biasa dan semasa perayaan kuil ini digelar sebagai Kuil `*Cindian*" walaupun istilah `*CINDIAN'* dirujuk kepada anak-anak dan keturunannya hasil perkahwinan campur antara India dan Cina di Malaysia dan Singapura.

Hari perayaan tahunan ditentukan oleh Jawatankuasa yang terdiri daripada kedua-dua kaum ini dan biasanya diadakan pada minggu pertama bulan Julai. Kuil ini juga mempunyai sebuah Pedati dan perarakannya diadakan sebelah petang/malam perayaan di sekitar taman berhampiran. Pihak pengurusan kuil juga bercadang untuk mendirikan sebuah dewan serbaguna pada masa berdekatan.

CamScanner

J35	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN
	Ladang Kempas (Devon), Jalan Jasin-Merlimau, 77000 Jasin, Melaka.

Kuil *Sri Arulmigu Maha Mariamman* ditubuhkan pada tahun 1890 oleh pekerja ladang ini. Pada asalnya kuil ini terletak di Bahagian 6, Ladang Kempas. Oleh sebab penghijrahan pekerja ladang ke luar, maka, kuil dipindahkan ke Bahagian 4.

Kuil sekarang yang terletak indah di atas sebuah bukit kecil berhampiran rumah-rumah pegawai ladang dibina pada tahun 2008. Walaupun pada masa itu telah ada cadangan daripada sebilangan pekerja untuk pindahkan tapak kuil itu ke kawasan berhampiran dengan jalan raya utama Jasin Merlimau, malangnya jawatankuasa kuil ketika itu tidak mengendahkan cadangan berkenaan.

Kuil yang ada sekarang terletak di satu kawasan seluas 2.5 ekar . Kuil yang indah, diperbuat daripada konkrit dengan seni bina ala kuil Hindu. Tempat masak, dewan makanan dan kemudahan tandas juga disediakan. Kuil ini juga memiliki jentera jana kuasa dan pedati.

Kuil ini berdaftar sebagai Persatuan Penganut dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 2011. Dewa utama kuil ini ialah *Arulmigu Maha Mariamman*. Perayaan tahunan dirayakan pada Hari Ibu. Walaupun kini terdapat sepuluh keluarga sahaja yang mendiami ladang ini, ratusan penganut yang

CamScanner

tinggal dekat dan jauh mengerumuni kuil ini semasa perayaan ini. Pada waktu pagi *paal kudam* dan *kavadi* diambil; selepas pemujaan pada waktu tengah hari, diikuti oleh jamuan makan tengah hari. Perarakan pedati diadakan pada waktu malam .

Walaupun sentimen terhadap kuil ini masih tebal, penganut luar yang ingin melaksanakan pemujaan di kuil ini, perlu mendapat kebenaran daripada pengawal ladang di pintu masuk ladang. Ini membantutkan semangat penganut yang ingin menziarahi kuil ini. Jawatankuasa kuil mempunyai cadangan untuk memindahkan kuil ke tapak kepunyaannya sendiri.

J36 KUIL DEWI SRI KARU MAHA KALIAMMAN

Batu 16 ½, J8451, Kampung India, 77000 Jasin, Melaka.

Kuil Dewi Sri Karu Maha Kaliamman diasaskan pada tahun 1965. Pengasasnya ialah En. Karupiah Nalliah. Beliau merupakan seorang pengamal rawatan tradisional dengan restu *Dewi Sri Maha Kaliamman (arulvaaku)*. Beliau mendirikan sebuah kuil kecil yang diperbuat daripada kayu dan beratap zink di sebelah rumah beliau di batu 16.5 , Kampung India Jasin. Encik Karupiah mendidik anaknya Encik Mahalingam tentang kemahiran perubatan tradisional. Apabila beliau meninggal dunia, maka anaknya mengambil alih tempat ayah dan teruskan perkhidmatan rawatan ini.

Beliau berupaya merawat masalah kesihatan, kes rasuk hantu, isu rumah tangga, dan masalah perniagaan. Keberkesanan rawatannya terbukti dengan kunjungan penganut yang bertali arus ke Kuil *Dewi Sri Maha Veera Patra Kaliamman*.

CamScanner

BAHAGIAN C

Sambutan yang baik daripada penganut menyebabkan kuil bersaiz kecil bertukar menjadi bangunan konkrit yang lebih besar, dibina pada tahun 1985. Pada tahun 2018, sumbangan penganut menyebabkan pengurusan membaiki bangunannya lagi.

Di samping *Dewi Sri Maha Veera Patra Kaliamman* sebagai dewi utama dewa dewi lain seperti *Muneeswaran, Sanggili Karuppan, Nagammah* dan *Murugan* juga bersemadi di pekarangan kuil ini. Pemujaan diuruskan oleh Encik Mahalingam dan pembantunya setiap hari, pagi dan petang.

Perayaan tahunan pula diadakan pada bulan Mac secara meriah . Ia merupakan perayaan selama lima hari. Pemujaan kepada Dewi Sri Maha Veera Patra Kaliamman diadakan setiap malam. Pada hari terakhir pemujaan kepada dewi diadakan. *Paal kudam* dan *kavadi* diambil. Selepas pemujaan, penganut dihidangkan dengan makan tengah hari. Kos makanan ditanggung oleh penganut yang memberi sumbangan modal dan kambing korban.

Satu keunikan kuil ini ialah sumbangan lebih kurang 250 ekor kambing untuk dikorbankan untuk disajikan kepada pengunjung. Pada waktu malam perarakan pedati yang melalui taman-taman berhampiran diadakan. Perayaan selama 5 hari disambut meriah dalam keadaan pesta. Lebih kurang 100 gerai yang menjual barangan seperti pakaian, cenderamata, barangan sembahyang, dan makanan didirikan. Kunjungan penganut pula mencecah angka 10,000 orang dari dekat dan jauh. Penganut Cina juga memberikan sokongan yang padu. Kuil ini didaftarkan sebagai Persatuan Penganut dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 2002.

Pengerusi Kuil, En. Mahalingam yang berprihatin terhadap keperluan penganut yang mengunjungi kuil ini, sedang merancang untuk membesarkan kuil, dan membina dewan serbaguna dengan membeli sebidang tanah tambahan yang berdekatan untuk kuil ini.

CamScanner

J37 KUIL SRI PRITHIYANGARA DEWI SAKHTI BEEDAM

JA 3371, Jalan Ria Satu, Taman Ria, Kesang Pajak, 77000 Jasin, Melaka.

Kuil *Sri Prithiyangara Dewi Sakhti Peedam* merupakan kuil *Prithiyangara* pertama di Malaysia. Kuil ini diasaskan oleh Siva Sri Dr. K.M.Thinageswar Sivaachaariyaar, PJK, Ph.D. (Spritual Services, Colombo, Sri Lanka) pada tahun 1999. Menurut beliau, seruan *Dewi Prithiyangara* menyebabkannya meninggalkan persekolahannya dan menuntut ilmu agama Hindu di Tamil Nadu, India. Dari tahun 2002- 2004 beliau menerima didikan agama daripada *Vedha Aagama Nyana Baskara Visaga Ratna Siva Sri Rajamani Sivaaachariyaar* di *Trichy Paanda Mangala Agaragaaram*. Kemudian beliau menuntut ilmu psikologi dan menerima ijazah Falsafah Kedoktoran dari Universiti Sri Lanka. Beliau berupaya merawat pesakit yang menghadapi masalah emosi, perkahwinan, perniagaan dan kerasukan kuasa ghaib.

Pada peringkat awal kuil ini berupa sebuah pondok kecil di sebelah rumahnya, di Lot JA 3371 Kesang Pajak, Jasin. Sambutan penganut yang sungguh menggalakkan membolehkan beliau membesarkan kuil ini pada keadaan sekarang pada tahun 2005. Dewi utama kuil ini ialah *Dewi Prithiyangara*. *Vigraha* Dewi (*Dewi Ambal*) setinggi tujuh kaki merupakan *Vigraha* dewi yang pertama di Malaysia dan ia diperbuat daripada batu granite dari Jaipur, India.

Selain pemujaan harian setiap petang, pemujaan *Pouranami* (bulan purnama) dan *Amavasai* diadakan setiap bulan. Pemujaan *Sarpam* (Ular) juga diadakan sekali sebulan atau mengikut kehendak penganut. Ular king Cobra, sepanjang 19 kaki yang dipelihara oleh kuil ini digunakan dalam pemujaan ini. Kos pemujaan ditanggung oleh penganut sendiri.

Perayaan tahunan kuil ini ialah *Prithiyangara Dewi Varudantara Magorchavam.* Ia dirayakan pada bulan September dengan sungguh meriah. Perayaan ini diadakan selama sepuluh hari. Pada hari kesepuluh, *paal kudam* dan *kavadi* diambil oleh penganut. Pada waktu malam, perarakan pedati melalui taman-taman berhampiran.

Dengan anugerah dan restu *Dewi Prithiyangara* maka rawatan Dr. Thinageswar yang mujarab telah menarik perhatian penganut daripada

CamScanner

pelbagai kaum dari dalam negeri mahupun dari luar negara. Ramai ahli korporat, peniaga, profesional, ahli politik, penyanyi dan bintang filem pernah menziarahi kuil ini untuk mendapatkan rawatan.

Dr. Thinageswar berpendapat *anugraha Dewi Prithiyangara* harus sampai kepada seluruh masyarakat. Beliau berhasrat untuk membina sebuah kompleks *Sri Prithiyangara Dewi Sakhti Peedam* di atas tanah seluas lima ekar di Gapam, Melaka. Menurutnya, anggaran kos projek ini ialah sebanyak 3.6 bilion ringgit. Kompleks ini bakal lengkap dengan dewan serba guna, asrama dan sekolah agama, dan akan menjadi tarikan pada semua, termasuk para pelancong ke negeri Melaka. Pengurusan kuil ini berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan sebagai Persatuan Penganut sejak tahun 2017. Malangnya pengasas kuil Dr. Thinageswar telah meninggal dunia pada awal tahun 2021, dan kuil terus ditadbirkan oleh ahli keluarganya.

J38	**KUIL KAIKODUKKUM SRI MAHA KALIAMMAN**
	J7520, Blok F, Rumah Awam, Simpang Kerayong, 77000 Jasin, Melaka. (Jalan Merlimau-Lipat Kajang)

Kuil ini diasaskan pada tahun 1950 oleh sebuah keluarga India yang menduduki sebuah kebun getah milik Datuk Gan dan adik-beradik di Jalan Jasin-Melimau. Berbentuk pondok kecil, kuil ini terletak berhampiran dengan rumah mereka. Pada ketika itu kuil dikenali sebagai Kuil Kaliamman.

CamScanner

Apabila, pada tahun 1970, keluarga yang menduduki ladang ini berpindah ke Merlimau, remaja yang menduduki kawasan perumahan Rumah Awam Simpang Kerayong berusaha memulihkan dan menjaga kuil ini. Bangunan kuil sekarang dibina pada tahun 1988 adalah hasil usaha mereka. Bangunan-bangunan tambahan dibina pada tahun 1990, untuk *MaduraiVeeran* , 1992 untuk *Anjaneyar, Karupar* dan *Renuga* pada tahun 1994. Ungkapan *kaikodukkum* bererti yang memberikan harapan atau bantuan.



Pemujaan setiap petang, *pooja* khas pada hari Jumaat dan pada hari-hari yang dianggap mulia dalam takwim Hindu dilakukan di kuil ini. Penganut yang tercapai hasratnya setelah bersembahyang di kuil ini sering kembali ke kuil ini.

Perayaan tahunan di kuil ini ialah *Aadi Matha Thiruvizha* yang diadakan pada bulan Julai selama lima hari. Lebih kurang 300 orang penganut yang menduduki taman berhampiran dan penganut setia dari tempat yang jauh turut hadir. Kos perayaan ditanggung oleh empat buah keluarga yang kini menguruskan kuil ini.

Kuil ini terletak atas kawasan seluas lima ekar milik Datuk Gan. Pihak jawatankuasa ingin memperoleh kawasan ini untuk membuat sebuah kuil yang sesuai tetapi setakat ini tidak ada persetujuan daripada tuan punya tanah. Pengurusan kuil ini berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan sebagai Persatuan Penganut sejak tahun 2017.



CamScanner

J39 KUIL SRI NAGESWARI AMMAN

J7177, Blok O, Taman Chenderawasih, 77000 Jasin, Melaka.

Kuil ini diasaskan pada tahun 1890. Pada masa itu kawasan Cenderah merupakan sebahagian daripada Ladang Rim. Sebilangan kecil pekerja mendiami Bahagian Cenderah. Mereka mendirikan Kuil *Sri Nageswari Amman* di pertengahan kawasan perumahan pekerja dengan harapan Dewi Nageswari akan memberikan perlindungan kepada mereka daripada sebarang gejala buruk.

Kuil ini masih kekal di tempat asal. Namun, pekerja di Bahagian ini telah berhijrah keluar dari kawasan ini apabila, Ladang Rim dipecah dan dijual kepada pemilik individu pada tahun 1970. Kawasan perumahan Cenderah dibangunkan lebih kurang satu kilometer dari kuil ini pada tahun 1980. Seramai tiga puluh keluarga Hindu mendiami taman ini dan mereka berusaha untuk memulihara kuil ini dan menggunakannya

Daripada sebuah pondok kecil, kuil ini dibaik pulih pada kadar yang agak ringkas pada tahun 1990. Upacara pemujaan saban petang dan pemujaan khas diadakan semasa *Vinayagar Chaturti , Ponggal*, Tahun Baru Hindu dan *Deepavali.*

Perayaan tahunan khas yang disambut adalah *Adipooram*. Ia diadakan selama tujuh hari. *Pooja* khas diadakan setiap petang dan kemuncaknya adalah pada hari terakhir apabila penganut mengambil *paal kudam*,diikuti oleh *pooja* khas sebelum jamuan makan tengah hari.

Penduduk kawasan ini memerlukan sebuah kuil. Jawatankuasa berhasrat untuk memperoleh tanah seluas 0.5 ekar daripada Syarikat Kim Yun dan membina sebuah kuil yang sederhana besar. Semasa kajian ini dilakukan, pemilik tanah masih belum memberikan kata putus. Pengurusan kuil ini berdaftar sebagai Persatuan Penganut dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 2016.



CamScanner

J40	**KUIL AUM SRI MUNIANDY, MUNEESWARAR, KALI KARUMARIAMMAN**
	Jalan Bemban-Ayer Keroh, Gapam, 75450 Bemban, Melaka.

Kuil ini merupakan kuil Hindu yang pertama di Mukim Gapam. Kuil ini terletak di Jalan *Bemban-Ayer Keroh* berhampiran jalan masuk ke Orna Golf And Country Club dibina pada tahun 1992. Kedudukannya di kawasan OGCC dan tanah rizab kerajaan Melaka.

Pada era 1960-an, ada sebuah kuil kecil yang terletak di dalam sebuah ladang getah bersaiz 500 ekar milik hartawan India beretnik *Chettiar* di situ. Selepas tahun 1969, *Chettiar* itu menjual ladangnya kepada OGCC. Kuil itu dirobohkan dan *Vigraham* di kuil itu diturunkan ke dalam laut Melaka. Sebuah busud di hadapan kuil itu dibiarkan begitu sahaja. Selepas beberapa tahun, pada suatu hari, seorang pekerja OGCC menurun ketika bekerja berhampiran tapak kuil lama. Pekerja itu berjalan dalam keadaan *trans* diikuti oleh beberapa rakan setugasnya. Beliau terhenti di hadapan sebatang pokok getah di lokasi kuil sekarang. Beliau menyatakan bahawa roh *Dewa Muneswarar* yang bersemayam di busud kuil lama, kini bersemayam di situ. Menurutnya, seorang penganut dari Bemban akan direstui untuk membina kuil dan melakukan *pooja* di situ.

Menurut ceritanya, Dewa itu muncul dalam mimpi En.Murugan Arujunan dan menyatakan hasrat-Nya. En.Murugan telah memenuhi kehendak-Nya dengan membina kuil dan memimpin AJK pengurusan kuil hingga ke hari ini. Perayaan khas di kuil ini disambut pada bulan September setiap tahun sejak 2005. Upacara *arulvaaku* dikendalikan oleh En.Murugan atas permintaan penganut.

BAHAGIAN C

Pengurusan kuil dengan pertolongan mantan ahli EXCO Kerajaan Melaka, Datuk Mahadevan Sannacy telah berusaha memperoleh tapak baharu untuk kuil dalam Projek Taman Anjung Gapam Bemban. Usaha itu tidak berhasil. Kini OGCC telah menjual tanah termasuk kawasan kuil kepada pemaju pembangunan lain.

Pengurusan kuil ini berdaftar sebagai Persatuan Penganut dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 2013. Pada tahun 2019, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia telah mengarahkan pengurusan kuil mencari tapak baharu untuk pemindahan kuil; namun, pada masa kajian ini dilakukan, jawatankuasa pengurusan kuil berikhtiar untuk mengekalkan kuil di situ.

J41 KUIL DEWI SRI MARIAMMAN, SRI MUNIANDY

Ladang Merlimau, Bahagian Lanchang, 77300 Merlimau, Melaka.

Penganut Hindu di Ladang Merlimau, Bahagian Lanchang telah membina kuil ini sekitar tahun 1945, dan ia telah mengalami beberapa pembaikan. Pada tahun 1985 pihak ladang ingin merobohkan kuil, tetapi, setelah perbincangan, kuil didirikan semula pada tahun 1986. Kini ladang ini ialah milik Kumpulan Sime Darby yang memberikan kebenaran untuk bekalan elektrik dan air ke kuil.

Kebanyakan anggota dan waris keluarga Hindu yang pernah tinggal di ladang ini kembali ke kuil ini semasa *Mariamman Thiruvizha* diadakan pada bulan *Chittirai* atau April/Mei setiap tahun selama 14 hari berturut-turut. Perayaan ini diadakan sejak tahun 1986, dengan acara berjalan atas bara api menjadi tarikan istimewa. Pada hari terakhir *thiruvizha*, hidangan daging dibenarkan di kuil ini.

CamScanner

Semasa kajian ini dilakukan, kira-kira 10 keluarga Hindu yang pernah tinggal di ladang ini dan setia pada kuil ini kini menganggotai persatuan penganutnya, dan sedang berusaha untuk membeli tanah untuk kuil dan mendirikan bangunan baharu bagi kuil dalam masa yang terdekat. Pengurusan kuil ini berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan sebagai Persatuan Penganut sejak tahun 2015.

J42	**KUIL SRI MUNIANDY**
	7952, Jalan Bukit Tinggi A, Simpang Kerayong, 77000 Jasin, Melaka.

Pekerja-pekerja Jabatan Kerja Raya yang beragama Hindu dan yang tinggal di kawasan perumahan JKR di Jalan Jasin-Cincin memulakan kuil ini berhampiran dengan kuartersnya sekitar tahun 1930-an. Anggota keluarga Hindu yang tinggal di situ terus bersembahyang di situ sehingga tanah diambil alih untuk pembinaan Maktab Rendah Sains Mara di tapak itu, dan kuil ini terpaksa dipindahkan pada tahun 2004.

Keluarga En.Koma Dhoray Faramal yang mempunyai tanahnya di Simpang Kerayong dapat memindahkan kuil ini ke tanahnya, kerana menganggap *Dewa Muniandy* sebagai *kula dheivam* bagi keluarganya, dan kini persatuan kuil ini didaftarkan sebagai Persatuan Pengurusan Kuil oleh Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 2012.

Thiruvizha atas nama *Dewa Muniandy* diadakan pada hari Ahad terakhir dalam bulan Mei setiap tahun di kuil ini. Penyembelihan hidupan dilakukan semasa *thiruvizha* ini, dengan sumbangan kambing jantan daripada penganut serta penyokong setia kuil ini.

CamScanner

J43 KUIL SRI MAHA SIVASAKTI

No.3490, Taman Batang Melaka Baru, Batang Melaka, 77500 Selandar, Melaka.

Taman Batang Melaka Baru terletak berhampiran dengan Empangan Jus yang mempunyai panorama indah. Di taman itu tersergam indah *Sri Maha Sivasakhti* Aalayam milik keluarga En.K.Gopalakrishnan Kunju Kannan. Ibunya Pn.Sarojini berpindah ke Ladang Saw Soh Ning, Jus. Di situ beliau kedengaran muzik tradisional India, Nadeswaram ketika tidur. Beliau telah menghadiri *thiruvizha* tahunan di Ladang Durian Tunggal, tempat kelahirannya. Di situ beliau pertama kali menurun dan mengambil *karagam*. Itulah permulaan hidup pengabdian agamanya.

Di ladang Saw Soh Ning, keluarga Pn.Sarojini menyembah *Datuk* di pokok banyan berhampiran rumahnya. Beliau seringkali menurun dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pengikutnya. Satu ketika seorang sami yang tua dari Port Dickson datang ke rumahnya. Beliau memberitahu bahawa Dewi Amman bersemayam di pokok *banyan* dan dimintanya memuja-Nya. Dengan segera Pn.Sarojini mendekati pokok itu dan menyembahnya.

CamScanner

Selepas peristiwa itu, keluarganya membina sebuah kuil bersaiz kecil dan melakukan *pooja* harian. Selepas beberapa hari, pada suatu pagi beliau ke kuil berkenaan dan mendapati wujud sebuah busud yang kelihatan bercahaya. Dirinya hairan dan yakin bahawa *Dewi Amman* memang bersemayam di situ dan mengadakan *thiruvizha* tahunan.

Pn.Sarojini dan keluarganya berpindah ke Taman Batang Melaka Baru pada tahun 1993. Jarak di antara kuil di Ladang Saw Soh Ning dengan taman kediaman baharunya sejauh lima kilometer. Beberapa tahun beliau ke kuil itu dari rumahnya untuk melakukan *pooja*. Peningkatan usianya tidak mengizinkan beliau terus berulang alik setiap hari. Oleh itu, beliau merancang untuk membina sebuah kuil baharu di halaman rumahnya pada tahun 1997. Tanah busud dari kuil di bawah pokok banyan diambil dan diletakkan di *karuvarai* kuil baharu. *Pooja* selama 48 hari disempurnakan oleh beliau. Kuil baharu terbina dengan nama *Sri Maha Sivasakhti* Aalayam. Majlis Maha *kumbabishegam* telah dijayakan dengan sokongan pemimpin dan masyarakat Hindu tempatan.

Kini kuil ini mempunyai dua dewan sembahyang. Yang pertama menempatkan *vigraham karungkal Sivasakhti, Vinayagar* dan *Murugan*. Yang kedua, dewan sembahyang untuk *Dewa Muneswarar.* Dari tahun penubuhan kuil pada tahun 1997 hingga tahun 2015 Pn.Sarojini telah melakukan *pooja* harian dan memberi *arulvaaku* untuk penganutnya. *Thiruvizha* tahunan di kuil dijalankan pada bulan Ogos setiap tahun. Pn.Sarojini yang dikenali sebagai "*arulvaaku Amma*" meninggal dunia pada bulan Disember 2015. Selepas itu, tanggungjawab menguruskan kuil ini diambil alih oleh anak sulungnya, En.K.Gopalakrishnan Kunju Kannan. Keluarganya, sanak saudara dan sahabat handai menghulurkan bantuan untuk menjayakan *thiruvizha* tahunan di kuil ini. Penganut setia *arulvaaku Amma* yang telah bermanfaat daripada *arulvaaku*nya masih menyumbang terhadap kuil ini. Pada masa kajian ini dijalankan pengurusan kuil ini belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

CamScanner

J44 KUIL SRI MAHA MARIAMMAN

Batu 21, Pondok Kempas, Selandar, 77500 Melaka.

Kuil ini dimulakan pada sekitar tahun 1950 oleh pekerja yang pernah bekerja di ladang yang dimiliki oleh kaum *Chettiar*. Kemudian, ia dibeli oleh syarikat Lian Tek. Pada ketika ini tiada pekerja yang duduk di ladang ini. Penganutnya datang dari kawasan sekitar seperti Selandar dan rumah awam Pondok Kempas.

Kini kuil ini diuruskan oleh keluarga En K. Angappan. Keluarganya pernah duduk di ladang ini sejak tahun 1950, juga merupakan pengasas kuil ini.

Pengurusan kuil tidak dapat didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan kerana pihak ladang enggan memberikan kebenaran. Walaupun sedemikian, pihak ladang tidak menghalang mana-mana orang luar datang untuk menyembah dewa *Sri Maha Mariamman* di kuil ini.

Pihak pengurusan Kuil menetapkan Tahun Baharu iaitu pada 1 hb Januari setiap tahun untuk mengadakan perayaan tahunan dalam kadar yang termampu.

CamScanner

J45	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN
	Ladang Lim Kok Wah Sdn Bhd, Kg Bukit Senggeh, Selandar, 77500 Melaka.

Kuil ini wujud sejak 1960 di Ladang kepunyaan Syarikat Lim Kok Wah Sdn Bhd di Kampung Bukit Senggeh semasa terdapat pekerja-pekerja yang menganuti agama Hindu. Kini tiada pekerja tempatan yang duduk di sini kecuali beberapa pekerja asing.

Kawasan ini ialah sebuah kampung dikelilingi oleh rumah-rumah orang Melayu. Beberapa orang individu yang duduk di taman-taman perumahan di Pekan Selandar, terus datang mengunjungi kuil ini untuk bersembahyang. Mereka adalah yang pernah bekerja di ladang ini dan dibenarkan untuk membersihkan halaman kuil dan menyala lampu setiap minggu.

Tiada *pooja* khas kecuali pada perayaan tahunan yang biasanya diadakan pada bulan April dengan menyembelih kambing. Pihak ladang mensyaratkan harus ada kebenaran daripada pihaknya untuk mengadakan perayaan tahunan di kuil ini.

Pihak ladang tidak membenarkan mana-mana individu yang tidak dikenali memasuki kawasan ladang itu tanpa memberitahunya terlebih awal. Pintu masuk ladang sentiasa dikunci. Pekerja asing yang bertugas hanya membuka pintu kepada yang dikenali sahaja. Pada masa kajian ini dijalankan, pengurusan kuil ini belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

CamScanner

J46 KUIL SRI AYANAR

Genting Bhd / SAMB, Taman Batang Melaka Baru, 77500 Batang Melaka.

Kuil ini diwujudkan oleh pekerja ladang getah ini sejak tahun 1940. Pada masa ini tiada rumah pekerja ataupun penduduk di ladang ini. Asalnya ladang ini milik Genting Bhd. Sebahagian kawasan ladang ini diambil alih oleh SAMB untuk mewujudkan Kolam Takungan Air Jus.

Kini kedudukan tapak ini tidak boleh dipastikan sama ada dimiliki SAMB atau Genting sehingga pihak SAMB siap memagari kawasannya. Walaupun sedemikian, pihak ladang Genting ataupun SAMB tidak menghalang penganut luar datang untuk bersembahyang di kuil ini.

Terdapat sebuah kawasan penempatan berhampiran dengan kuil ini diduduki pelbagai kaum yang diwujudkan pada tahun 1990-an. Penghuni kawasan petempatan yang beragama Hindu sering mengunjungi kuil ini pada hari-hari mulia dalam takwim Hindu.

Dewa yang disembah ialah *Dewa Sri Ayanar* dan perayaan tahunan diadakan pada 1hb Mei. Penyembelihan hidupan dilakukan semasa perayaan ini, dengan sumbangan kambing daripada penganut serta penyokong kuil ini.

Walaupun tiada persatuan ataupun jawatankuasa pengurusan yang tetap untuk mengurus kuil ini, tetapi diwujudkan satu jawatankuasa sementara bagi menguruskan perayaan tahunan yang mana belanja perayaan diumumkan pada hari yang sama juga. Kuil ini tidak berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan semasa kajian ini dilakukan.

CamScanner

DAERAH ALOR GAJAH

CamScanner

Jadual 5: KUIL-KUIL HINDU DI DAERAH ALOR GAJAH

Bil.	Nama Kuil	Alamatnya	Tahun Penubuhan
AG1	Sri Subramaniar Aalayam	Ladang Bertam, 76100 Durian Tunggal, Melaka.	1950
AG2	Sri Astha Thasa Puja Kaliamman Aalayam	No.10817, Jalan Ayer Semubuk 2, 76100 Durian Tunggal, Melaka.	1998
AG3	Sri Sithi Vinayagar Sri Bala Subramaniar Aalaya Paripalana Sabai	Pengkalan, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1934
AG4	Dewi Sri Mariamman Aalayam	Ladang Sing Lian, Ayer Resam, 76100 Durian Tunggal, Melaka. *(Scientex Corporation)*	1960
AG5	Sri Veera Patra Kaali Aalayam	14, Taman Sri Bukit Tambun, 76100 Durian Tunggal, Melaka.	1994
AG6	Sri Maha Mariamman Aalayam	Kemuning Kru, Gadek, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1890
AG7	Sri Maha Mariamman Aalayam	Batu 18 ½, Simpang Gadek, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1911
AG8	Sri Maha Patra Kaliamman Aalayam	Lorong Bilal Arshad, Jln Keretapi Lama, (PT638) Kampung Gangsa, 76100 Durian Tunggal, Melaka.	2006
AG9	Sri Sithi Puthi Vinayagar Aalayam	Batu 21, Ladang Sungei Baru, 78300 Masjid Tanah, Melaka.	1924
AG10	Sri Aathi Kottai Muniisvarar Aalayam	Batu 21, Ladang Sungei Baru, 78300 Masjid Tanah, Melaka.	1950
AG11	Sri Maha Mariamman Aalayam	Jalan Lendu (Klemak) 78000 Alor Gajah, Melaka. *(Dulu: Ladang Lendu)*	1945
AG12	Sri Maha Mariamman Aalayam (Nagakkanni)	Ladang UMB Ramuan China Besar, Paya Lebar, 78300 Masjid Tanah, Melaka.	1910
AG13	Sri Maha Mariamman Thevasthanam	Ladang Sungei Baru, Home Division, 78300 Masjid Tanah, Melaka.	1930
AG14	Sri Maha Mariamman Aalayam	Bukit Chempedak Estate, Kuala Sungai Baru, 78200, Melaka.	1920

CamScanner

AG15	Sri Meenakshi Sundarareswarar Aalayam *(belum ada bangunan)*	MT2521 Jalan 3, Taman Bandar Baru, 78300 Masjid Tanah, Melaka. *(Proses pengambilan tanah Lot 1716, GM154, Jalan Hujan Panas, Taman Harmoni, 78300 M.T. sedang dilakukan)*	2012
AG16	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Genting Tebong (Tebong Estate) 76460 Tebong, Melaka.	1919
AG17	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Kemuning, Home Division, 76460 Tebong, Melaka.	1939
AG18	Sri Maha Kaliamman Aalayam	Renopinang Estate, 76460 Tebong, Melaka. *(dulu Leong Watt Hin Estate)*	1960
AG19	Sri Maha Mariamman Aalayam	Hor Ng Lih Yuan (KVL Rembia), 78000 Alor Gajah, Melaka.	1961
AG20	Sri Maha Mariamman Aalayam	Guthrie Rubber Sdn Bhd., 76460 Tebong, Melaka.	1919
AG21	Dewa Sri Bala Thandayuthabani Aalayam	Jalan Naning Lama, Kampung Kemus, Jalan Simpang Ampat, 73000 Alor Gajah, Melaka. *(asal Ladang Gadek, Naning Division)*	1935
AG22	Sri Meenachi Suntheresar Aalayam	FELDA Hutan Percha, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1980
AG23	Sri Maha Mariamman Aalayam	PS 1996, Taman Malinja Wangi, Pulau Sebang 73000 Alor Gajah, Melaka. *(kuil asal Ladang Peguh)*	1936
AG24	Dewi Sri Mariamman Aalayam	Batu 27, Kampung Baru (Paya Mengkuang) 78200 Kuala Sungei Baru, Alor Gajah, Melaka. (dlm proses) (asal: Ladang Kempas, Bkt, Bachang Division)	1910
AG25	Sri Subramaniar Aalayam	Kampung Tersusun, (Yayasan Melaka) Melaka Pindah, 78000 Alor Gajah, Melaka. *(asal: Ladang Bertam, Parit Melana Division)*	1936
AG26	Sri Meenachi Amman Aalayam	Ladang Yayasan, Jalan Satelit, Lendu, Bukit Hantu, Rembia, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1945
AG27	Sri Karumariamman Aalayam	Lorong Bukit Hantu, Jalan Lendu, Rembia 78000 Alor Gajah, Melaka.	1930
AG28	Sri Muthu Mariamman Aalayam	Ladang New Kru, Hutan Percha, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1948

CamScanner

AG29	Sri Maha Thurkaiamman Aalayam	Endau Rembia, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1920
AG30	Sri Muneeswarar Aalayam	89. Jalan Fairuz, Rumah Awam, Paya Datuk, 78000 Alor Gajah, Melaka.	2010
AG31	Sri Maha Karumariamman Aalayam	United Melaka Berhad, Machap Estate, 76100 Durian Tunggal, Melaka.	1890
AG32	Dewi Sri Maha Mariamman Aalayam	UMRE Melaka Pindah Estate, Lesung Batu, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1890
AG33	Sri Maha Mariamman Aalayam	Jalan Air Punggai, Ladang Lian Ho, Rantau Panjang, Ayer Paabas, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1960
AG34	Sri Veerapatra Kaliamman Aalayam	Jalan Machap, Sri Pengkalan, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1971
AG35	Sri Vaitheeswarar Thayyal Nayagi Amman Aalayam	Jalan Keretapi, Pulau Sebang, 73000 Melaka. (Pengambilan tanah dlm.proses)	1916
AG36	Sri Maha Muthumariamman Aalayam	Ladang Gadek, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1913
AG37	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Tebolang (d/a 118, Jln 5, Tmn Sri Chahaya, 76460 Tebong), Melaka.	1920
AG38	Sri Mookambikai Aalayam	Jalan Kampung Pahla, Alam, Simpang Ampat, 78000 Alor Gajah, Melaka. *(asal: Ladang Pegoh, Home Division)*	1910 (2008)
AG39	Arulmihu Maha Karumariamman Thevasthanam	No. RM 109, Rembia, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1918
AG40	Sri Poyyaatha Vinayagar Moorthi Aalayam	Kampung Baru *Vinayagar* Lot 1530, Jalan *Vinayagar*, Batu 17, Ganun, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1940
AG41	Sri Maha Mariamman Aalayam	No.24, Ladang Kemuning, Bhg. Rembia, Rembia 78000 Alor Gajah, Melaka.	1920
AG42	Sri Maha Mariamman Aalayam	Jalan Ayer Paabas, Lendu 78000 Alor Gajah, Melaka.	1940

CamScanner

AG43	Sri Maha Kaliamman Aalayam	Jalan Ayer Paabas, Lendu 78000 Alor Gajah, Melaka.	2010
AG44	Sri Vadapatra Kaliamman Aalayam	Jalan Batu Belaga, Rembia, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1960
AG45	Dewi Sri Maha Asah Malai Muniapppan Sri Muthu Mariamman Aalayam	Ladang *Vinayagar* PD64, Jalan 5, Taman Bukit Nangka, Sebang, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1969
AG46	Sri Maha Veera Kaliamman Aalayam	MC414, Taman Mawar Jaya, Machap Umboo,78000 Alor Gajah, Melaka.	2001
AG47	Om Sri Sada Muni Aalayam	No.65, Rumah Awam Sri Lendu, Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1997
AG48	Sri Maha Mariamman Aalayam	Kampung Bukit, Pulau Sebang, 78000 Alor Gajah, Melaka. *(asal: Ladang Peguh)*	1945 (1996)
AG49	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Kempas, Bhg. Bukit Bachang, Lubuk China, 78100 Masjid Tanah, Melaka.	1940
AG50	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Lendu San, Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1940
AG51	Sri Maha Kaliamman Aalayam	Kampung Air Molek, 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka. *(Ladang Kuala Sungei Baru)*	1910
AG52	Sri Muneeswarar Aalayam	389, Jalan Keretapi Lama, Kampung Pengkalan 78000 Alor Gajah, Melaka.	2000
AG53	Sri Sabta Kanni Amman Aalayam	Lendu Estate, Jelawai, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1920
AG54	Sri Karuppusamy Aalayam *(Sanggilikaruppan)*	Ladang Lendu, Jelawai, 78000 Alor Gajah, Melaka.	2003
AG55	Sri Maha Mariamman Aalayam	Ladang Nam Bee Co. Sdn. Berhad, 76460 Tebong, Melaka. *(Nama Lama: Ladang Batu Berkarat)*	1957
AG56	Sri Maha Mariamman Aalayam	Jalan Keretapi Lama, Pengkalan, 78000 Alor Gajah, Melaka.	1931

CamScanner

AG1 KUIL SRI SUBRAMANIAR

Ladang Bertam, 76100 Durian Tunggal, Melaka.

Kuil ini didirikan selepas tahun 1950 oleh pekerja-pekerja Ladang Bertam pada ketika itu, dan nama *Dewa Subramaniar* dipilih sebagai dewa utama kuil ini, yang memang luar biasa. Hal ini mungkin kerana ladang ini sudah lama beroperasi, dan penganut agama Hindu di sini tidak terikat pada keperluan dewa atau dewi perlindungan yang biasa menjadi pilihan di ladang-ladang getah di negeri ini. Lebih-lebih lagi kuil di bahagian Parit Melana ladang ini (AG 25) yang dimulakan pada tahun 1936 sudah memilih *Dewa Subramaniar* untuk kuilnya.

Kini ladang ini dipunyai oleh Kumpulan IOI yang telah mengambil alihnya daripada Kumpulan Guthrie, dan jawatankuasa kuil ini sedang berusaha untuk mendapatkan tanah untuk kuilnya daripada pihak ladang dengan bantuan kerajaan negeri Melaka. Segala projek pembangunan kuil dirancangkan setelah memiliki tanah untuk kuil nanti.

Kuil yang diziarahi oleh penganut Hindu di sekitar kerana taman-taman perumahan telah dibuka berhampiran dengannya. *Pooja* dijalankan setiap petang, dengan *pooja* khas semasa kebanyakan *pandigai* agama Hindu.

Kuil ini mengadakan *thiruvizha* pada *Chittira Pournami*, pada bulan April/Mei setiap tahun selama 11 hari yang berturut-turut. Ramai sanak-saudara keluarga-keluarga Hindu yang pernah hidup di ladang ini kembali untuk perayaan tahunan ini. *Kumbabishegam* telah diadakan dua kali dengan kali terakhir pada tahun 2014. Kuil ini berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan sebagai Persatuan Penganut sejak tahun 2011.

CamScanner

AG2	KUIL SRI ASTHA THASA PUJA KAALIAMMAN
	No. 10187, Jalan Ayer Semubuk 2, 76100 Durian Tunggal, Melaka.

Kuil ini ditubuhkan oleh *Swamiji* Sri Shanmuganathan Nadarajah pada tahun 1998. Pada mulanya ia didirikan di pekarangan rumah, dan kemudian dipindahkan ke pekarangan yang khusus untuk kuil, dan kini kuil ini telah mempunyai tanahnya sendiri yang dihadiahkan oleh pengasasnya sendiri. Pada masa kajian ini dijalankan, kuil ini menjalani pembangunan yang pesat dari segi struktur mahupun kemudahannya. Semasa kajian ini dijalankan kerja-kerja pembinaan kuil yang luas mengikut lunas-lunas agama Hindu sedang giat digerakkan, dan dijangka, apabila siap pada tahun 2024 nanti, kuil ini akan merupakan yang paling besar serta lengkap dengan pelbagai kemudahan di rantau ini dengan struktur, ukiran, *koburam* mahupun reka bentuk yang mengkagumkan.

Kuil ini mempunyai penganut yang ramai dari dalam mahupun dari luar negara Malaysia, dan penganut yang setia sering berkunjung ke kuil untuk mendapatkan perkhidmatan yang disediakan mahupun untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang diaturkan sepanjang masa. *Pooja* harian diadakan tiga kali sehari kerana para penganut dari jauh dan dekat sering mengunjungi kuil ini.

Keistimewaan kuil ini ialah *arulvaaku* yang diberikan oleh ketua agama kuil ini, yang digelar sebagai *'Amma'* oleh para penganut. Selain *pooja* harian, semua hari kebesaran mengikut takwim Hindu ditepati di kuil ini. Selain itu, *amavaasi pooja*, *pournami pooja* dianggap istimewa setiap bulan, dan *Prethingradewi Yaagam* yang dijalankan selama dua hari pada hari minggu terakhir setiap tahun menjadi tarikan khas pada penganutnya. Pendek kata, aktiviti kuil berterusan bagi penganut sepanjang tahun. Pengasas kuil ini, *Swamiji* Sri Shanmuganathan Nadarajah, dituruni *Amman* untuk memberikan *arulvaaku* pada yang ingin mendapatkan nasihat dan petunjuk dalam kehidupannya, dan banyak penganut, mahupun personaliti yang ternama dalam bidang korporat, politik, hiburan, perniagaan dan sebagainya, dari merata tempat, mengunjunginya untuk mendapatkan perkhidmatan ini.

Aadi Thiruvizha dengan *pooja* selama 48 hari pada bulan Julai/Ogos diadakan di kuil ini sejak penubuhannya. K*umbabishegam* pula pernah diadakan pada tahun 1999, dan kini menunggu pembangunan kuil sempurna untuk perayaan seterusnya. Pengurusan kuil ini berdaftar sebagai Persatuan Penganut dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 2007. Kuil ini mempunyai bilangan petugas yang mencukupi untuk memastikan aktiviti-aktivitinya berjalan lancar sepanjang masa.

CamScanner

AG3	KUIL SRI SITHI VINAYAGAR SRI BALA SUBRAMANIAR AALAYA PARIBAALANA SABAI
	Pengkalan, 78000 Alor Gajah, Melaka.

Kuil ini ditubuhkan pada tahun 1934 oleh Mendiang En. Rajoo dan sahabat-sahabatnya. Pada asalnya, kuil ini dibina dengan beratap zink, simen dan kayu. Pada tahun 1946, selepas zaman pemerintahan Jepun, En.Rajoo dengan kerjasama masyarakat tempatan mengadakan mesyuarat dengan para penganut untuk menubuhkan jawatankuasa kuil. Selepas itu, kuil ditadbir oleh jawatankuasa baharu yang diketuai oleh Mendiang En. D.V.Thuraisamy Aiyar, Mendiang En.Letchumanan Chettiar dan Mendiang En.Nambiyar hingga ke tahun 1962. Pada tahun 1951 satu *platform* telah dibina di tebing Sungai Pengkalan berhadapan kuil ini. Kemudahan-kemudahan tambahan disediakan dan kuil diperkembangkan sekitar tahun 1960-an.

Pada awalnya, perayaan *Pangguni Uthiram* dan perarakan Pedati dilangsungkan di kuil ini. Setelah pelbagai usaha diambil, maka Ketua Menteri Melaka pada masa itu, YAB Datuk Seri Haji Talib Bin Karim telah meluluskan geran tanah bagi kuil ini. Sejak itu, kuil ini terus berkembang dengan pelbagai aktiviti agama dan sosial dijalankan untuk masyarakat tempatan. Pada tahun 1987, bangunan baharu dengan gerbang tinggi siap dibina oleh jawatankuasa pembinaan kuil yang dipengerusikan oleh Mendiang Datuk N.Arunasalam, ketika beliau menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Melaka.

Sejak tahun 1992, *thiruvizha* tahunan utama di kuil ini ialah *Vinayagar Sathurthi,* yang berlangsung selama 10 hari dalam bulan Ogos. Pada tahun 2013, sebuah dewan serbaguna telah dibina. Kemudahan-kemudahan tambahan disediakan dengan sokongan para penganut yang setia. *Kumbabishegam* telah diadakan sebanyak empat kali, kali terakhir pada tahun 2019. Jawatankuasa kuil ini berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan sebagai Persatuan Pengurusan sejak tahun 1980.



CamScanner

Para penganut kuil ini percaya terhadap kesaktian dewa/dewi di kuil ini, kerana apabila upacara memandikan *Vigraha Sami (Maha Abisyegam)* dilakukan, biasanya hujan turun. Penganut Hindu, termasuk orang bukan Hindu daripada kaum lain, yang menghidapi penyakit campak atau cacar, sering mengunjungi kuil ini untuk mengambil daun semambu dan air suci serta *vibuthi* sebagai penyembuh penyakitnya. Lokasi kuil yang terletak di antara sungai dan jalan raya ialah suatu keistimewaan kuil ini.

AG 4	**KUIL DEWI SRI MARIAMMAN**
	Ladang Sing Lian, Batu 11, Jalan Ayer Resam, 76100 Durian Tunggal, Melaka.

Seorang penganut agama Hindu di Ladang Sing Lian yang bernama En.Balakrishnan memulakan kuil ini pada sekitar tahun 1960, dan kemudian ia turut digunakan oleh penganut-penganut lain. Kuil diperbesar hingga keadaannya sekarang.

Ladang Sing Lian yang dahulu dikenali sebagai Ladang Garing semasa dimiliki oleh orang Inggeris, kini sudah pindah milik pada Syarikat Scientex, yang menggunakan tanah ladang ini untuk pembangunan perumahan. Jawatankuasa kuil ini telah berjaya untuk mendapatkan lot tanah daripada pemaju ini khusus untuk kuil, semasa kajian ini dijalankan, walaupun proses perolehan geran tanah belum selesai.

Penganut yang tinggal di taman-taman berhampiran mengunjungi kuil ini, khususnya pada ketika *pooja-pooja* khas diadakan. Penganut agama Hindu yang bakal menduduki taman perumahan baharu yang sedang dibina juga sudah ada tempat beribadat yang sedia wujud. Pengurusan kuil ini berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan sebagai Persatuan Penganut sejak tahun 2000.

CamScanner

Mariamman Thiruvizha, yang diadakan dalam bulan *Kaarthigai*, atau November/Disember selama 10 hari berturut-turut membawa banyak penganut dan keluarga-keluarga yang pernah tinggal di ladang ini 'pulang' untuk merayakannya bersama. *Kumbabishegam* di kuil ini telah diadakan sebanyak 2 kali, yang terakhir pada 2007. *Kumbabishegam* seterusnya akan dijalankan apabila kuil bertapak di atas tanahnya sendiri.

AG5	**KUIL SRI VEERA PATRA KAALI /(*SRI MAHA THOORGESWARAR*)**
	14,Taman Sri Bukit Tambun, Jalan Machap Umboo, 76100 Durian Tunggal, Melaka.

Keluarga En.Arasu menubuhkan kuil ini dalam pekarangan rumahnya secara kecil-kecilan sejak tahun 1994, dan kemudian mengembangkannya hingga menjadi bangunannya pada hari ini.

Kuil ini atas nama *kula dheivam* penganut ini, dan seluruh jawatankuasa kuil adalah ahli-ahli keluarga dan rakan-rakannya. Pemilik yang juga menjadi ketua agama kuil ini, dan ahli-ahli keluarganya mengadakan *pooja* harian pada setiap hari. Rakan-rakan penganut dijemput pada masa sesuatu *pandigai* diraikan di kuil ini. Juga pengerusi kuil ini memberikan *arulvaaku* pada hari-hari tertentu pada penganut yang mengunjungi kuil dan memohon bantuan.

Semasa *thiruvizha* diadakan atas nama *Veera Patra Kali,* semua penganut Hindu setempat dan di luar dijemput, pada bulan *Aadi ,* hari Ahad terakhir dalam bulan Ogos, dan perayaan ini berjalan selama 5 hari berturut-turut, sejak tahun 2002. *Kumbabishegam* pernah diadakan pada tahun 2008 dan dijangka diadakan lagi pada tahun 2021.

Kuil yang berdaftar sebagai Persatuan Penganut dengan Pendaftar Pertubuhan dengan nama *Kuil Sri Maha Thoorgeswarar* sejak tahun 2014 ini, memang mengamalkan penyembelihan hidupan, dengan hidangan daging dalam aktivitinya.

CamScanner

AG6	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN
	Ladang Kemuning, Bahagian Kru, Gadek, 78000 Alor Gajah, Melaka.

Kuil ini dipercayai ditubuhkan pada abad ke-19 oleh pekerja ladang getah dengan sokongan pihak majikan. Pada tahun 1950-an, Mendiang En.Sithamparam Mandor, mengetuai AJK pengurusan kuil ini. Struktur kuil daripada papan dan *vigraham* diperbuat daripada simen.

Selepas itu, mendiang En.Veerapan dan mendiang En.Supaya berinisiatif mengimport *vigraham karungkal* dari India dan menggantikan yang lama. *Vigraham Dewi Mariamman*, *Sri Vinayagar* dan *Sri Murugan* itulah yang disembah hingga ke hari ini. Selain itu, mendiang En.Anthony, En.Sadgunam, En.Kandasamy, En.Maniam (Mandor), En.Samy (Mandor) dan En.Mamundy (Mandor) adalah antara mantan pengerusi yang menaburkan bakti pada kuil ini.

Pada era 1960-an, kuil ini merupakan printis pelaksanaan upacara berjalan atas bara api di kawasan ini. Idea ini telah dicetuskan oleh Pn. Marimuthu yang dilaksanakan hingga ke hari ini. Perayaan khas atau *thiruvizha* di kuil ini adalah untuk *Dewi Maha Mariamman* yang disambut pada bulan Ogos setiap tahun sejak 1960. Pada tahun 1994 dan 2014 sambutan *Maha Kumbabishegam* telah disempurnakan.

CamScanner

Penanaman kelapa sawit di ladang ini menyebabkan bilangan pekerja semakin mengecil. Kebanyakan keluarga beragama Hindu sudah berpindah ke taman-taman perumahan di sekitar Gadek. Walau bagaimanapun, mereka tetap hadir pada perayaan khas, *pooja pournami*, *Ponggal, Navarathiri* dan perayaan agama yang lain. Pada 27-10-2012, upacara *Pooja Bumi,* dilakukan untuk membina kuil baharu dan sambutan *Maha Kumbabishegam* disempurnakan pada 4-7-2014.

Pengurusan kuil baharu berazam untuk membeli kawasan tanah kuil daripada pemilik ladang, Syarikat Sime Darby. Pengurusan kuil ini berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan sebagai Persatuan Penganut sejak tahun 2013.

AG7	**KUIL SRI MAHA MARIAMMAN**
	Batu 18½ , Simpang Gadek, 78000 Alor Gajah, Melaka.

Kuil di Ladang Ayer Panas ini dimulakan atas usaha En.Chinnah Mandur pada tahun 1911, dan telah berpindah tapaknya sebanyak 3 kali sehingga sekarang, dalam ladang yang sama. Kini ladang ini kepunyaan Kumpulan Sime Darby. Pada masa kajian ini dijalankan, jawatankuasa kuil sedang berusaha memiliki tanah kuil dengan kerjasama tuan punya tanah dan kerajaan negeri. Dalam masa yang sama bangunan baharu bagi kuil sedang didirikan.

Kini kebanyakan penganut tinggal di taman-taman di luar ladang, tetapi terus menziarahi kuil ini untuk beribadat. Pada masa *Mariamman Thiruvizha* diadakan dalam bulan Mac setiap tahun, kebanyakan anggota keluarga dan waris keluarga yang pernah tinggal di ladang ini kembali untuk menyertai program yang dijadualkan selama 11 hari berturut-turut. Acara berjalan atas bara api atau *theemithi* juga diadakan pada ketika itu. Kepercayaan terhadap kesaktian *Dewi Mariamman* yang bersemayam di kuil ini dalam kalangan penganut yang berasal dari ladang ini menyebabkan ramai kembali ke kuil ini.

CamScanner

Kumbabishegam pernah diadakan dua kali dengan kali terakhir pada tahun 2007. Selepas bangunan baharu disiapkan, *kumbabishegam* akan diadakan. Pengurusan kuil ini berdaftar sebagai Persatuan Penganut dengan Pendaftar Pertubuhan sejak 2013.

AG8	**KUIL SRI MAHA PATRA KALIAMMAN**
	PT638, Lorong Bilal Arshad, Jalan Keretapi Lama, Kampung Gangsa, 76100 Durian Tunggal, Melaka.

Kuil dalam pekarangan rumah pemiliknya dimulakan oleh En.Suppiah Mayandi, ayah pengerusi kuil sekarang, sebagai *kula dheivam* keluarganya. Pada mulanya tempat ibadatnya memang di lokasi lain, tetapi pada sekitar tahun 2006, ia dipindahkan ke pekarangan rumah pemiliknya untuk memudahkan amal ibadat pada Dewi.

CamScanner

BAHAGIAN C

Kini pemilik rumah, yang menjadi pengerusi kuil ini, memberikan *arulvaaku* pada para penganut yang mengunjungi kuil ini untuk perkhidmatannya. Oleh sebab kepercayaan terhadap kesaktian dewi di kuil ini, ramai yang menziarahinya untuk mendapatkan *arulvaakunya*. Kebanyakan ahli jawatankuasa kuil ini adalah dalam lingkungan keluarga dan sahabat handai pengerusi.

Kaaliamman Thiruvizha diadakan pada bulan Julai dan juga pada bulan Disember setiap tahun, dengan *pooja* khas diadakan selama 14 hari. Pengorbanan hidupan dan hidangan makanan daging diamalkan di kuil ini. Pada masa kajian ini dijalankan, kuil ini belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

AG9	**KUIL SRI SITHI PUTHI VINAYAGAR**
	Batu 21, Ladang Sungai Baru, 78300 Masjid Tanah, Melaka.

Kuil kecil di Ladang Sungai Baru ini didirikan pada sekitar tahun 1924 oleh mendiang En.Sambulingam Mandur yang bertugas di ladang ini ketika itu. Bangunannya diperbaiki beberapa kali hingga sekarang. Namun, kuil masih terletak dalam kawasan milik Ladang Sungai Baru, Kumpulan Sime Darby.

Thiruvizha tahunan diadakan selama 5 hari berturut-turut pada bulan Ogos setiap tahun sejak kuil ini didirikan. Banyak keluarga mahupun waris keluarga yang pernah tinggal di ladang ini kembali untuk bersembahyang pada '*pillayar'* di *`kampung'* mereka, kerana mempercayai kesaktian-Nya.

Kumbabishegam pernah diadakan sekali pada tahun 2016. Namun, pengurusan kuil ini belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan semasa kajian ini dilakukan.

CamScanner

AG10 KUIL SRI ATHI KOTTAI MUNEESWARAR

Batu 21, Ladang Sungai Baru, 78300 Masjid Tanah, Melaka.

Kuil ini didirikan sekitar tahun 1950-an oleh pekerja Ladang Sungai Baru yang beragama Hindu pada ketika itu, dan terus digunakan hingga sekarang. Pembaikan serta perubahan telah dilakukan oleh jawatankuasa yang mentadbirkannya, walaupun hingga sekarang kuil terletak dalam tanah milik Ladang Sungai Baru, Kumpulan Sime Darby.

Pihak kuil berusaha untuk mendaftarkan kuil dengan Pendaftar Pertubuhan, tetapi masih belum berjaya kerana syarat milik tanah belum dapat dipenuhi. Dengan ihsan pihak ladang, jawatankuasa kuil ini telah membina semula kuil ini pada tahun 2016 dengan perbelanjaan yang besar. Kebanyakan penganut yang pernah bekerja di ladang ini kini menduduki taman-taman perumahan yang berhampiran dan kembali ke kuil ini untuk beribadat.

Thiruvizha Sri Athi Kottai Muneeswarar diadakan selama 10 hari berturut-turut pada bulan Julai sejak kuil ini dimulakan. *Kumbabishegam* pula diadakan selama 4 kali, yang terakhir selepas kuil dibina semula pada tahun 2016.

Jawatankuasa kuil ini masih berusaha untuk memiliki tanah kuil daripada pihak Kumpulan Sime Darby.

AG11 KUIL SRI MAHA MARIAMMAN AALAYAM

Jalan Lendu (Klemak), 78000 Alor Gajah, Melaka. (Dahulu Ladang Lendu)

Kuil ini didirikan pada sekitar tahun 1945 oleh pekerja-pekerja yang beragama Hindu, dengan ihsan pihak Ladang Lendu ketika itu. Kini tanah ladang ini dimiliki oleh Syarikat CCB Food Supplies, yang telah memperuntukkan lot tanah untuk kuil ini. Jawatankuasa kuil sedang berusaha untuk membeli lot tanah itu, seperti yang dijanjikan oleh pemilik tanah, sebelum tahun 2021.

Thiruvizha atas nama *Sri Maha Mariamman* diadakan setiap tahun selama 10 hari berturut-turut pada bulan Februari dengan pelbagai acara termasuk berjalan atas bara api dan memanjat pokok licin dan sebagainya. Walaupun *kumbabishegam* belum pernah diadakan, ia akan diadakan selepas lot tanah dimiliki oleh pihak kuil, dan kemudahan kuil ditambah nanti.

CamScanner

Selain penganut tempatan, penganut agama Hindu yang pernah menduduki Ladang Lendu dahulu, termasuk warisnya kembali ke kuil semasa perayaan tahunan untuk bersembahyang di kuil *`kampung'*nya sambil bertemu muka rakan-rakan serta saudara-maranya.

Jawatankuasa kuil ini berdaftar sebagai Persatuan Penganut dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 2014.

AG12	**KUIL SRI MAHA MARIAMMAN (NAGAKANNI)**
	Ladang UMB, Ramuan China Besar, Paya Lebar, 78300 Masjid Tanah, Melaka.

Kuil yang dimulakan sebagai kuil *Nagakanni* lebih seratus tahun yang lalu, dan pondok kecil sahaja didirikan mengikut kemampuan penganut Hindu di ladang ini pada ketika itu. Dewi ini dianggap sangat bersakti oleh para penganutnya. Oleh sebab sebuah *vigraha* dewi ditemui di perigi yang berhampiran dengan kuil asal, pada tahun 1991, Encik Ayyah Samy Kolandai berusaha untuk membina semula kuil dengan diberi nama *Dewi Sri Maha Mariamman*. Namun, dewi inti di kuil ini masih *Dewi Nagakkanni.*

CamScanner

Kuil ini masih dalam tanah kepunyaan ladang yang bertukar tangan pada pihak pemilik lain. Walaupun hampir tiada penganut Hindu menetap di ladang ini lagi, namun, kebenaran diberikan oleh pemilik ladang untuk meneruskan amal ibadat di kuil ini. Keluarga En.Ayyah Samy masih menguruskan kuil ini, dan penganut Hindu di sekitar kawasan ini beramal ibadat di kuil ini.

Dewi Nagakkanni Thiruvizha diadakan saban tahun selama 9 hari berturut-turut pada bulan Jun sejak tahun 1991. *Kumbabishegam* pula sudah diadakan sebanyak 3 kali, yang kali terakhirnya pada 2017. Keluarga-keluarga yang pernah tinggal di ladang ini serta waris-warisnya berusaha untuk kembali ke *`kampung'* mereka semasa perayaan kuil ini. Namun, pada masa kajian ini dilakukan, pengurusan kuil ini masih belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.



AG13 KUIL SRI MAHA MARIAMMAN THEVASTHANAM

Ladang Sungai Baru, Home Division, 78300 Masjid Tanah, Melaka.

Kuil di Ladang Sungai Baru ini telah dimulakan sekitar tahun 1930-an oleh pekerja beragama Hindu sedikit berjauhan dari tempat perumahan mereka. Bangunannya kecil dan terletak di atas bukit. Pada tahun 1967, atas usaha En.Chinnasamy Mandor, kuil dipindahkan ke tapak sekarang dengan persetujuan pihak ladang.

Kuil ini terletak berhampiran dengan jalan raya, dan sudah mempunyai kemudahan tambahan sehingga dinamakan sebagai *'thevasthanam*'. Bagaimanapun, kuil ini masih terletak dalam kawasan ladang ini yang dipunyai oleh Kumpulan Sime Darby. Jawatankuasa kuil sekarang sedang berusaha untuk mendapatkan persetujuan pihak ladang untuk memperoleh lot ini atas nama kuil.

Jawatankuasa kuil ini pernah berdaftar sebagai Persatuan Penganut, tetapi telah terbatal pendaftarannya kerana tidak menghantar penyata mengikut peraturannya, dan kini menghadapi kesukaran untuk mendaftarkannya semula.

Mariamman Thiruvizha diadakan dalam bulan April/Mei setiap tahun selama 13 hari berturut-turut. *Kumbabishegam* selama 4 kali telah diadakan di kuil ini, kali terakhirnya pada 2012. Walaupun kebanyakan penganut agama Hindu sudah tidak tinggal dalam kawasan ladang, ramai juga yang menduduki taman-taman perumahan yang berhampiran, dan terus menziarahi kuil ini untuk beramal ibadat.

CamScanner

Pada waktu perayaan, keluarga-keluarga mahupun waris keluarga yang pernah tinggal di ladang ini kembali ke *`kampung'* mereka untuk bersembahyang di samping bertemu dengan rakan-rakan mahupun saudara-mara mereka.

AG14	**KUIL SRI MAHA MARIAMMAN**
	Ladang Bukit Cempedak, Kuala Sungai Baru, 78300 Melaka.

Kuil ini dimulakan pada sekitar tahun 1920-an oleh pekerja-pekerja ladang yang beragama Hindu di sini, dan pada mulanya hanya pondok yang diperbuat daripada kayu dan zink menempatkan Dewi Mariamman di sini. Pada tahun 1960, bangunan kuil diperbesar atas usaha para penganut Hindu di ladang ini. Sejak itu, beberapa perubahan dilakukan hingga ke tahun 2017. Ladang ini kini dimiliki oleh Genting Plantations, Bukit Chempedak, Melaka. Usaha untuk memiliki tanah atas nama kuil masih belum dilakukan. Pada masa kajian ini dilakukan, pengurusan kuil ini belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

CamScanner

Kini kebanyakan keluarga Hindu yang lama tinggal di perumahan ladang telah berpindah ke taman-taman perumahan yang berhampiran. Namun, mereka mengunjungi kuil ini untuk beramal ibadat. Pada tahun 2017 pembinaan kuil semula dengan kos yang tinggi menjadi tarikan pada para penganut tempatan.



Mariamman Thiruvizha selama 3 hari berturut-turut diadakan pada bulan *Aadi* , atau Julai/Ogos setiap tahun. *Kumbabishegam* telah diadakan pada tahun 2017 apabila pembaikan kuil sempurna. Kebanyakan keluarga yang pernah tinggal di ladang ini dan kawasan sekitar, kembali semasa perayaan tahunan untuk bersembahyang di kuil *`kampung'* mereka, di samping berpeluang untuk bertemu muka dengan rakan-rakan dan saudara-mara mereka.

AG15	**KUIL SRI MEENAACHI SUNDARESWARAR**
	78300 Masjid Tanah, Melaka.

Jawatankuasa Penganut kuil ini telah mendaftarkan Persatuan Penganutnya pada tahun 2012, tetapi hasratnya untuk membina kuilnya masih belum berjaya semasa kajian ini dilakukan. Lot 1716, GM154 seluas 2050 mp telah dikenal pasti untuk kuil ini. Pihak pengurusan dalam proses pengambilan tanah sebelum membina kuilnya nanti.

Pembayaran premium untuk tanah kuil telah dijelaskan pada tahun 2022, dan dijangka kuil yang akan dibina dengan harga kira-kira RM800,000 akan siap menjelang tahun 2025 nanti.

CamScanner

AG16	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN
	Ladang Genting Tebong (Tebong Estate), Tebong, 76460 Melaka.

Ladang yang dahulu dikenali sebagai Ladang Tebong, Bahagian Tebong, kini dikenali dengan nama Ladang Genting Tebong. Ladang Tebong telah berpindah milik beberapa kali hingga kini dimiliki oleh Genting Plantations. Semasa ladang ini dibuka dan bilangan pekerja yang beragama Hindu besar, pada tahun 1919, kuil *Sri Maha Mariamman* didirikan oleh pekerja-pekerja dengan persetujuan pemilik ladang pada masa itu.

Pada masa itu para pekerja ladang ialah penganut agama Hindu 100%. Sebelum negara merdeka hingga tahun 1980-an, ladang ini mempunyai pekerja sekitar 500 orang dan banyak keluarga Hindu menduduki kuarters pekerjanya, dan menggunakan kuil ini sebagai tempat untuk beramal ibadat. Tetapi pada masa ini hanya ada 2 keluarga Hindu yang tinggal di ladang ini. Ramai telah berpindah ke kawasan perumahan berhampiran seperti di Gemencheh , Taman Seri Hilir, Kg. Baru On Lok dan taman-taman di Tebong.

Pemilik baharu ladang ini tidak membenarkan penganut agama Hindu yang tidak bekerja di ladangnya memegang apa-apa jawatan dalam pengurusan kuil tetapi hanya membenarkan mereka untuk menyambut perayaan atau *thiruvizha* tahunan setiap bulan September selama tiga hari. Semasa sambutan ini, hampir 500 penganut, khususnya yang pernah tinggal di ladang ini dan di kawasan-kawasan yang berhampiran kembali untuk bersembahyang pada *Dewi Sri Maha Mariamman* yang bersemayam di sini. Perarakan pedati dari kuil ke kawasan Taman Seri Hilir dan Kampung On Lok diadakan semasa *thiruvizha*.

Segala perbelanjaan dikongsi antara keluarga-keluarga penganut yang pernah menduduki ladang ini. Namun, semasa kajian ini dilakukan, pengurusan kuil masih belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

CamScanner

AG17 KUIL SRI MAHA MARIAMMAN

Ladang Kemuning, Home Division. 76460 Tebong, Melaka.

Kuil ini terletak 40 kilometer dari Bandar Melaka, berhampiran pekan Kuala Sungga, dan 3 kilometer dari Pekan Tebong. Kuil yang didirikan sejak tahun 1939, terletak dalam Ladang Kemuning, Bahagian Utama yang kini dimiliki oleh Syarikat Sime Darby. Pada awalnya, kebanyakan pekerja ladang beragama Hindu, dan mereka telah mendapat persetujuan pihak pengurusan ladang ketika itu untuk mendirikan tempat ibadat mereka di sini, berhampiran dengan kuarters pekerja ladang.

Sebelum tahun 1980-an, pekerja beragama Hindu yang ramai di ladang ini menyebabkan kuil ini sangat aktif dengan pelbagai program, termasuk penganjuran sesi-sesi ceramah agama yang disampaikan oleh tokoh-tokoh agama dari Tamil Nadu, seperti *Vaariyaar Swamigal* dan *Haridas Swamy* bersama tokoh-tokoh agama Hindu dari dalam negara kita. Kelas-kelas agama telah mula, dan diadakan secara berterusan sejak 50 tahun yang lalu dengan guru-guru yang berdedikasi.

Antara tahun 1957-1969, mendiang En. C.K.Paramasivam Nair merupakan ketua kerani di ladang ini. Kuil ini melalui banyak pembangunan, termasuk tembok di sekeliling kuil atas daya usaha beliau. *Dewa Vinayagar, Mariamman, Subramaniar* serta *Rama-Sita, Letchumanan* dan *Hanuman* bersemadi di sini. *Peedam* Khas dibina untuk *Dewa Muniandy* dan *Sri Muthappan*. Mendiang En Kanaran Kunju menyembah *Sri Muthappan* di kuil kecil di sempadan ladang. Selepas itu, kuil itu dipindahkan ke pekarangan *Kuil Mariamman*. Keluarga mendiang En. Kunjuraman-Ammu berbelanja RM 60,000 untuk membaik pulih *peedam Sri Muthappan* pada 2014, Sambutan *Vellottam* diadakan pada 15 Disember setiap tahun.

CamScanner

Perayaan atau *Mariamman Thiruvizha* kuil ini ditetapkan pada minggu kedua hari Jumaat, Sabtu dan Ahad, bulan Mei, setiap tahun. Hampir 1000 penganut hadir dalam perayaan tersebut. Segala perbelanjaan ditanggung oleh pekerja beragama Hindu serta keluarga bekas pekerja ladang yang tinggal di seluruh negara serta penduduk yang kini tinggal di kawasan perumahan seperti Taman Kejora, Kampung Kuala Sungga dan Taman Pekan Tebong.

Pengurusan ladang memberikan sokongan dalam hal-hal kuil ini. Jawatankuasa kuil kebanyakannya daripada generasi terkini daripada penghuni ladang ini yang lalu, mentadbirkan kuil ini dengan kerjasama pengurusan ladang. Namun, pada masa kajian ini dijalankan, pengurusan ini belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

AG18 KUIL SRI MAHA KALIAMMAN

Ladang Renopinang (dahulu Ladang Leong Watt Hin), 76460 Tebong, Melaka.

Kuil ini terletak berhampiran dengan jalan besar, 1 kilometer dari Pekan Tebong ke arah bandar Melaka. Nama asal ladang ini ialah Ladang Leong Watt Hin tetapi sekarang telah dimiliki oleh Syarikat Renopinang. Kuil ini ditubuhkan oleh pekerja yang beragama Hindu di Ladang Leong Watt Hin, semasa pokok getah menjadi tanaman utama, pada sekitar tahun 1960-an, oleh seorang penganut yang bernama Puan Papa Mariayee. Bangunan kuil diperbuat daripada papan, zink dan simen pada awalnya dan terletak di kawasan pedalaman ladang.

Kuil lama itu telah dipindah berhampiran jalan besar ladang dan dibina semula pada tahun 2019 dan *kumbabishegam* telah diadakan pada tahun 2019. Pertukaran pemilik ladang, dan perubahan industri pada kelapa sawit dan kilang ternakan ayam menyebabkan kebanyakan keluarga penganut Hindu kini tinggal di luar ladang ini. Kini pekerja asing menduduki kuarters di ladang ini. Namun, keluarga En.Mohan terus mentadbirkan kuil ini dengan ihsan pemilik ladang sekarang. Pihak ladang memberikan kerjasama dalam hal ehwal kuil dan membenarkan penganut dari luar menziarahi kuil untuk beribadat.

Pada perayaan tahunan atau *Kaaliamman Thiruvizha* yang diadakan selama 3 hari pada bulan Ogos, hampir seramai 1000 orang hadir. Segala perbelanjaan diongkosi oleh keluarga bekas pekerja ladang ini yang kembali dari jauh dan dekat dengan sukarela. Namun, hingga masa kajian ini dijalankan, pengurusan kuil masih belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

CamScanner

AG19 KUIL SRI MAHA MARIAMMAN

Ladang Hor Ng Lih Yuan (KVL Rembia), 78000 Alor Gajah, Melaka.

Kuil ini khusus untuk *Dewi Sri Maha Mariamman*, iaitu dewi Hindu mazhab *Saaktham.* Kuil ini ditubuhkan pada tahun 1961 oleh mendiang En.Krishnan Sangkaran, mandur di ladang berkenaan. Pemilik ladang ini, keluarga Hor Ng Lim Yuan menyokong usaha pembinaan kuil dan komitmen itu berterusan hingga ke hari ini.

Pada tahap permulaan, kuil ini merupakan sebuah tempat ibadat yang bersaiz kecil dan struktur bangunan adalah diperbuat daripada papan dan kayu. Pembaikan bangunan kuil dilakukan pada tahun 2008 dan 2014 sehingga menjadi bangunan batu. Maha *kumbabishegam* yang pertama berlangsung pada 24 Mei 2015 secara gemilang. Perayaan khas di kuil ini ialah *Vaikasi Thiruvizha*, disambut pada bulan Mei setiap tahun sejak 1970-an.

Bilangan pekerja Hindu di ladang ini sekarang amat sedikit, namun, AJK pengurusan kuil memperoleh sokongan dan penglibatan penganut-penganut agama Hindu yang kini tinggal di taman-taman perumahan di sekitar Pekan Rembia untuk terus menghidupkan *pooja* mahupun aktiviti kuil ini. *Pooja Pournami* setiap bulan mendapat sambutan daripada penganut Hindu.

Di hadapan kuil ini terletak *Kuil Dato Munian* yang dibina pada tahun 2017. Pada suatu hari, seorang mandur Cina di ladang ini menurun dan menaruh harapan kuil untuk Dato Munian dibina di situ. Dengan bantuannya dan sumbangan dana daripada penganut lain, kuil itu menjadi realiti.

CamScanner

Oleh sebab keluarga pengerusi kuil ini telah lama terlibat dalam pentadbirannya, beliau mempunyai nostalgia terhadap kuil ini, dan mengabdikan diri kepada kuil ini dengan dirinya sendiri menerajui kepimpinan kuil ini. Namun, pada masa kajian ini dijalankan, pengurusan kuil ini belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

AG20	**KUIL SRI MAHA MARIAMMAN**
	Guthrie Rubber Sdn Berhad, 76460 Tebong, Melaka.

Kuil yang terletak 40 kilometer dari bandar Melaka, berhampiran Pekan Kuala Sungga, di daerah Alor Gajah merupakan salah satu kuil yang dibina 100 tahun dahulu, di tanah milik Guthrie Rubber Processing Sdn.Bhd.

Kuil masih kekal di sini, setelah diubahsuai beberapa kali. Perayaan *kumbabishegam* dilakukan pada tahun 2007 dan 2019. *Mariamman Thiruvizha* diadakan dalam bulan Ogos setiap tahun selama 3 hari berturut-turut dengan kehadiran penganut-penganut tempatan dan yang pernah bertugas di sini tetapi kini telah berpindah ke tempat-tempat lain.

Jawatankuasa yang menguruskan kuil ini terdiri daripada penganut agama Hindu yang tinggal di sekitar kuil, iaitu di Kampung Kuala Sungga dan masyarakat Cina yang tinggal di sekitar Kuala Sungga. Aktiviti agama dan sosial yang dianjurkan oleh jawatankuasa kuil dapat kerjasama yang sungguh baik daripada SJKT Ladang Kemuning (Home Div) yang terletak kira-kira 100 meter dari kuil ini. Maka murid-murid dan guru sekolah selalu melakukan aktiviti dan pertandingan *nyanyian thevaram* dan *bhajan* di kuil ini.

Pihak kuil juga memberikan sumbangan kepada pihak sekolah untuk menjayakan aktiviti – aktiviti sekolah, seperti sukan dan mesyuarat PIBG dan sebagainya. En T.Sekar merupakan seorang bekas murid sekolah ini, yang kini tinggal berhampiran dengan kuil ini, bertauliah sebagai *gurukkal*, dan, memberikan perkhidmatan percuma di kuil ini. Namun, semasa kajian ini dijalankan, pengurusan kuil ini masih belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

CamScanner

AG21 KUIL DEWA SRI BALA THANDAYUTHABANI

Kuil Naning Lama, Kg Kemus, Jln Simpang Ampat, 73000 Alor Gajah, Melaka.

Kuil ini dimulakan pada tahun 1935 dengan nama Kuil *Sri Murugan* oleh pekerja Ladang Gadek, Bahagian Naning. Memandangkan pembangunan pesat yang berlaku di sekitar kawasan ini, maka pihak ladang telah menyerahkan tapak yang ada bangunan kuil seluas setengah ekar kepada pihak pengurusan kuil. Pengurusannya didaftar sebagai Persatuan Pengurusan dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 2010.

Bangunan baharu dibina di tapak yang sama pada tahun 2015. Ada seorang *gurukkal* sementara dari India yang menguruskan hal keagamaan kuil ini. Kini tiada pekerja ataupun rumah pekerja di ladang ini. Semua penganut yang sebahagiannya pekerja lama datang dari luar seperti Kampung Pulau Sebang dan dari taman-taman perumahan yang berhampiran. Perayaan tahunannya ialah *Thaipusam* sejak tahun 1990 dan perayaan ini berlangsung selama 12 hari. Terdapat juga sebuah pedati yang digunakan untuk perarakan semasa perayaan tahunan.

Pada setiap hari Jumaat diadakan kelas *thevaram* bagi anak-anaknya yang datang dari taman-taman perumahan yang berdekatan. Pihak pengurusan kuil juga bercadang untuk membina sebuah dewan serbaguna yang boleh dijadikan sebagai tempat untuk mengadakan majlis perkahwinan dan sebagainya dengan anggaran kosnya RM 200,000.00.

CamScanner

AG22	KUIL SRI MEENATCHI SUNTHARESAR
	FELDA Hutan Percha, 78000 Alor Gajah, Melaka.

Kuil ini diwujudkan oleh En L. Krishnan, bekas ketua MIC Hutan Percha yang merupakan seorang peneroka FELDA Hutan Percha pada tahun 1980. Bangunan baharu disempurnakan pada 8hb Jun 2014. Dewa utama ialah *Sri Meenatchi Suntharesar*. Tapak kuil seluas setengah ekar adalah milik FELDA. Pihak FELDA memang menggalakkan peneroka yang beragama Hindu menggunakan kuil ini.

Perayaan tahunan diadakan pada 25hb Disember sejak tahun 2000. Kuil ini mempunyai sebuah pedati yang digunakan untuk perarakan di sekeliling kawasan perumahan semasa perayaan tahunan diadakan.

Jawatankuasa pengurusan dipilih setiap tahun oleh peneroka yang beragama Hindu. Jawatankuasa pengurusan ini juga sedang berusaha untuk mendapatkan tapak yang lebih besar, seluas 2 ekar, daripada pengurusan FELDA, khusus untuk kuil. Pada masa kajian ini dijalankan pengurusan kuil belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

CamScanner

AG23	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN PULAU SEBANG
	20, Lot 1752, Bt 22 1/4, Kg Pulau Sebang, Jalan Simpang Empat, 73000 Tampin, Alor Gajah, Melaka.

Kuil ini telah dimulakan pada tahun 1960 di Ladang Peguh. Kuil ini merupakan tempat beribadat bagi pekerja Hindu yang duduk di ladang itu. Pada tahun 1994, hampir semua kawasan ladang ini diambil alih oleh pihak PKNM untuk pembangunan. Kemudian, diserahkannya kepada pihak pemaju Resort` A Famosa'.

Pihak PKNM dengan kerjasama dan bantuan daripada pihak pemaju menyediakan tapak baharu ini bagi kuil ini. Bangunan baharu dibina pada tahun 1996 dengan pampasan yang disediakan sebanyak RM 160,000.00. Juga, tapak seluas 3 ekar disediakan oleh pihak pemaju bagi membina bangunan baharu untuk SJKT Pulau Sebang di sebelahnya.

Pengurusannya didaftar dengan Pendaftar Pertubuhan sebagai Persatuan Penganut sejak tahun 1997. Amalan ibadat diuruskan oleh seorang *gurukkal* tempatan. Perayaan tahunan ialah `*Adipuram*' yang jatuh pada bulan Ogos. Terdapat sebuah pedati (*Ther)* yang menarik digunakan untuk perarakan semasa perayaan tahunan.

CamScanner

Kuil ini sangat aktif dengan pelbagai aktiviti yang berkaitan agama dan sosial. Terdapat kelas *thevaram* pada setiap minggu. Dari semasa ke semasa, pihak kuil menganjurkan seminar berkaitan agama Hindu. Mereka juga tidak ketinggalan dalam menghulurkan sumbangan kepada pelajar-pelajar cemerlang, dan mengagihkan barangan mahupun tunai kepada golongan kurang mampu pada hari perayaan seperti *Deepavali.*

Pihak pengurusan kuil juga sedang berusaha untuk membina sebuah dewan serbaguna dengan anggaran kos RM 500,000.00 untuk kegunaan orang ramai.

AG24 KUIL DEWI SRI MARIAMMAN

Batu 27, Kampung Baru (Paya Mengkuang), 78200 Kuala Sungai Baru, Alor Gajah, Melaka. (dahulu: Ladang Kuala Kempas, Bukit Bachang Division, Lubuk China)

Kuil ini pada mulanya wujud di Ladang Kuala Kempas, Bahagian Bukit Bachang, Lubuk China, dibina oleh pekerja-pekerja beragama Hindu di sana sekitar tahun 1910-an. Oleh sebab ladang ini diambil alih untuk projek pembangunan, kuil ini disediakan tanah seluas 1.138 hektar di Paya Mengkuang pada tahun 2018 melalui perbincangan dengan kerajaan negeri Melaka. Semasa kajian ini dilakukan proses pengambilan tanah untuk pembinaan kuil baharu sedang berjalan, walaupun pihak pengurusan kuil ini sudah menggunakan tapak baharu.

Mariamman Thiruvizha di kuil ini diadakan selama 11 hari berturut-turut pada bulan Disember setiap tahun. *Kumbabishegam* di kuil di ladang telah diadakan pada tahun 2008. Kini '*balasthanam*' telah didirikan di tapak baharu dan amal ibadat harian dapat dijalankan secara berterusan di sini. Apabila segala proses pengambilan tanah selesai, bangunan kuil sebenar akan didirikan. Keluarga-keluarga penganut Hindu yang tinggal di sekitar kawasan ini sudah mula mengunjungi *balasthanam* ini untuk beramal ibadat, dan apabila kuil sempurna didirikan *kumbabishegam* akan diadakan secara besar-besaran.

Jawatankuasa kuil ini didaftarkan sebagai Persatuan Penganut dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 2017.

CamScanner

AG25	**KUIL SRI SUBRAMANIAR**
	(Dahulu: Ladang Bertam, Bahagian Parit Melana, Melaka Pindah) ***Kampung Tersusun, Melaka Pindah, 78000 Alor Gajah, Melaka.***

Kuil ini wujud sejak tahun 1936 dimulakan oleh pekerja-pekerja yang beragama Hindu di Ladang Bertam, Bahagian Parit Melana yang terletak di Melaka Pindah. Ladang ini telah diambil alih oleh kerajaan negeri melalui Yayasan Melaka untuk menyediakan tapak perumahan dan mewujudkan sebuah kawasan Kampung Tersusun.

Apabila Kumpulan Guthrie menjual ladang ini kepada kerajaan Negeri Melaka, pekerja-pekerja di ladang ini terpaksa berpindah, dan bangunan kuil ini ditinggalkan tanpa jagaan. Walaupun tiada penduduk yang beragama Hindu di kawasan sekitar, atas permintaan bekas pekerja yang pernah duduk di ladang itu, Yayasan Melaka telah menyediakan tapak seluas 11,000 kaki persegi untuk mengekalkan kuil di tempat asalnya.

Kebanyakan bekas pekerja dan keluarga mereka kini tinggal di taman-taman perumahan yang berhampiran. Merekalah merupakan penganut yang sering mengunjungi kuil ini. *Thiruvizha* di kuil ini diadakan pada bulan Julai setiap tahun.

Pengurusan kuil ini telah didaftarkan sebagai Persatuan Pengurusan dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 2017. Pihak pengurusan telah memohon kepada Yayasan Melaka untuk mendapatkan hak milik tapak kuil atas nama pertubuhannya.

CamScanner

AG26	KUIL SRI MEENACHI AMMAN
	Ladang Yayasan, Jalan Satelit, Lendu, Bukit Hantu, Rembia, 78000 Alor Gajah, Melaka.

Ladang Yayasan bersaiz 235 ekar terletak bersebelahan Kampung Bukit Hantu, Rumbia. Dari Pekan Rumbia, melalui jalan Lendu pada jarak 2 kilometer, kita perlu belok ke kiri. Dari situ, pada jarak 1 kilometer terletak kuil ini. Dipercayai kuil papan bersaiz kecil dibina oleh mandur ladang itu, dengan persetujuan majikannya, seorang India etnik *Chettiar* pada tahun 1945. Pada ketika itu, enam buah rumah dihuni oleh 50 orang anggota keluarga berhampiran kuil berkenaan.

Pada tahun 1980, En.Rajasegar Ganapathy berhijrah dari Labu, Negeri Sembilan ke ladang berkenaan. Dari tahun 1980 sehingga 1985, beliau memasang *vilakku* di kuil berkenaan. Beliau berpindah ke Pahang untuk mencari rezeki setelah semua pekerja di ladang berkenaan kehilangan pekerjaan dan berpindah ke tempat lain. Dari tahun 1986 hingga 2001, kuil itu terbiar tanpa diuruskan oleh sesiapa.

En Rajasegar kembali ke Kampung Bukit Hantu dari Pahang pada tahun 2002 dan bekerja di dusun orang Cina. Beliau mula menguruskan kembali kuil itu. Pada bulan Oktober 2014, beliau berjaya membina kuil baharu di tapak kuil lama dengan kos RM 44,500.00. Kuil ini bersaiz 36' X 25' dan *vigrahamnya* diperbuat daripada simen berkekalan hingga ke hari ini. Dari tahun 2014 sehingga kini beliau menjadi pengerusi dan menguruskan kuil berkenaan. Jawatankuasa kuil sedang berusaha untuk memiliki lot tanah kuil ini.

Kuil ini khusus untuk *Dewi Sri Meenachi*. Perayaan khas di kuil ini ialah *Aadi Thiruvizha* yang disambut pada 3 Ogos setiap tahun sejak 1990. Bekas pekerja ladang ini dan komuniti Cina di sekitarnya menyumbang dana untuk menjayakan *thiruvizha* kuil ini. Namun, semasa kajian dilakukan, pengurusan kuil ini masih belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

CamScanner

AG27 KUIL SRI KARUMARIAMMAN

Lorong Bukit Hantu, Jalan Lendu, Rembia, 78000 Alor Gajah, Melaka.

Kuil ini adalah antara kuil *Dewi Karumariamman* yang tertua di negeri Melaka. Kuil ini dibina pada sekitar tahun 1930-an oleh pekerja ladang getah dengan kebenaran majikannya, hartawan India etnik *Chettiar*. Setelah dua kilometer perjalanan dari simpang lampu trafik Rembia menuju ke Pekan Lendu, kita perlu belok ke kiri sejauh 6 kilometer untuk sampai ke kuil ini. Jalan tanah merah ini melalui kawasan perkebunan Cina dan ladang kelapa sawit.

Pada peringkat awal, ladang ini mempunyai keluasan sejumlah 120 ekar. Pemilik asal menjual ladang ini kepada seorang pengusaha Melayu bergelar Datuk dari Pahang. Sekitar tahun 1990-an, harga komoditi getah merudum menyebabkan kelapa sawit ditanam.

Hampir semua pekerja ladang kehilangan pekerjaan kerana komoditi ini tidak memerlukan bilangan pekerja yang ramai. Mereka berpindah ke tempat lain untuk mencari nafkah hidup. Tuan punya ladang ini membenarkan bekas pekerja dan ahli keluarga mereka terus melakukan aktiviti keagamaan di kuil ini.

Pada waktu yang sama, mereka tidak dibenarkan untuk membina kuil baharu. Mereka dibolehkan untuk

CamScanner

melakukan pengubahsuaian kecil. Pada tahun 2007, En.Gopalakrishnan Maniam, pengerusi kuil, bersama-sama dengan bekas pekerja ladang melakukan pengubahsuaian seperti mengecat dan memasang jubin.

Perayaan khas di sini ialah sambutan *Aadi Thiruvizha* pada bulan Ogos setiap tahun sejak 2001. Kedudukan yang jauh dan ketiadaan penghuni di lokasi kuil menyebabkan jawatankuasa pengurusan sedang berusaha mencari tapak baharu berhampiran dengan taman perumahan di kawasan Rembia bagi pembinaan kuil. Namun, pada ketika kajian ini berlangsung, pengurusan kuil belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

AG28	**KUIL SRI MUTHU MARIAMMAN**
	Ladang New Kru, Hutan Percha, 78000 Alor Gajah, Melaka.

Pada tahun-tahun 1960-an, kawasan Hutan Percha dikenal pasti untuk pembangunan tanah dan penempatan semula oleh Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 1962, bermula penempatan para peneroka yang diurus tadbir oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Bersebelahan dengan FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, terletak sebuah ladang yang dikenali Ladang New Kru. Di situlah tersergam indah kuil Sri Maha Mariamman.

Pada era darurat (1948-1960) Pasukan Home Guard Persekutuan diwujudkan untuk menangkis ancaman komunis di negara ini. Pasukan ini, yang juga terdiri daripada tentera Gurkha telah ditempatkan di kawasan Hutan Percha bagi tujuan di atas. Anggota tentera Gurkha telah menyembah sebuah busud di tempat berhampiran kuil sekarang. Mereka mengikat kain merah di sekeliling busud dan menjalankan *pooja*. Pada hari-hari suci mengikut kepercayaan, mereka mengorbankan kambing untuk *Dewi Kali* di busud berkenaan. Selepas itu, orang Gurkha telah meninggalkan tempat itu sebaik sahaja tamat tugas mereka.

Pekerja ladang New Kru dan keluarga peneroka FELDA, beragama Hindu sejumlah enam keluarga meneruskan tradisi menyembah busud berkenaan. Lama kelamaan mereka membina sebuah kuil kecil bersebelahan busud berkenaan. Kemudian, mereka menggunakan nama kuil *Sri Muthu Mariamman* dan mula membesarkannya. Dengan sokongan kerajaan, En. Balaiah Subramaniam, pengerusi kuil itu membaik pulih kuil yang tersedia ada dan menurap jalan ke kuil pada tahun 2007. Pemilik ladang membenarkan stor bersebelahan kuil utama digunakan oleh kuil sebagai dewan makan dan stor barangan.

Dewi utama di kuil ini ialah *Sri Muthu Maha Mariamman*. Perayaan khas ialah sambutan *Mariamman Thiruvizha* pada bulan Ogos setiap tahun sejak 2001. Upacara berjalan di atas bara api, atau *theemithi* diadakan pada hari *thiruvizha*. Bekas pekerja dan penganut sekitar hadir pada perayaan berkenaan. Namun, pada masa kajian ini dijalankan, pengurusan kuil ini masih belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

AG29	**KUIL SRI MAHA THURKAIAMMAN**
	Endau Rembia, 78000 Alor Gajah, Melaka.

Kuil ini terletak di ladang milik keluarga Ah Chong bersaiz 45 ekar. Dari simpang tiga Pekan Rumbia, kita perlu melalui jalan ke Pekan Lendu sejauh satu setengah kilometer. Selepas Sekolah Memandu Zapcity, kita harus belok ke kiri sejauh satu setengah kilometer melalui Ladang Kemuning, Bahagian Peguh untuk sampai ke kuil ini. Kuil ini terletak di atas bukit dikelilingi tanaman pokok kelapa sawit.

Dipercayai kuil ini ditubuhkan pada tahun 1920-an oleh pekerja ladang dengan sokongan majikannya. Kuil ini terdiri daripada tiga bangunan dewan sembahyang. Bangunan utama menempatkan *vigraha Thurkaiamman, Vinayagar, Murugan* dan *Muneswarar*. *Dewi Kaliamah* ditempatkan di bangunan kedua, manakala bangunan ketiga menempatkan *Dewi Nagamah*. Semua *vigraha* di kuil ini diperbuat daripada simen. Perayaan khas di kuil ini disambut pada bulan Ogos setiap tahun sejak 1991.

Ladang ini pada awalnya dimiliki oleh orang India etnik *Chettiar.* Kira-kira 40 keluarga Hindu pernah menduduki ladang ini. Kuil inilah menjadi tempat pekerja beribadah dan melakukan aktiviti budaya mereka. Pada tahun 1970-an, ladang ini berpindah milik pada Keluarga Ah Chong, dan perubahan komoditi daripada pokok getah kepada kelapa sawit pada 1980-an menyebabkan ramai pekerja kehilangan pekerjaan mereka dan berpindah ke tempat lain. Kini ladang ini tidak berpenghuni.

CamScanner

Penganut agama Hindu dalam kalangan bekas pekerja ladang ini masih yakin pada kesaktian *Dewi* dan *Dewa* yang bersemayam di kuil ini, dan kini En.Murugiah Kuppusamy dan En.Jeyaraman mewakili mereka untuk terus menguruskan hal ehwal kuil ini. Keluarga-keluarga bekas penghuni ladang ini terus memberikan sokongan pada mereka. Namun, pengurusannya masih belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan semasa kajian ini dijalankan.

CamScanner

AG30 KUIL SRI MUNEESWARAR

89, Jalan Fairoz, Rumah Awam, Paya Datuk, 78000 Alor Gajah, Melaka.

Kuil ini dimulakan oleh En.Kalaiselvan Nadarajah di pekarangan rumahnya pada tahun 2010 dan mendaftarkannya sebagai Persatuan Penganut pada tahun 2016. Pada mulanya kegiatan di kuil ini dijalankan secara kecil-kecilan, dan apabila melalui *arulvaaku* yang diberikan atas nama `ayyah' *Dewa Muneeswarar,* dan penganut yang berpuas hati memberikan derma untuk membinanya hingga ke tahap sekarang.

Ahli jawatankuasa kuil ini adalah dalam kalangan keluarga dan sahabat handai, dan *thiruvizha* atas nama *Dewa Muneeswarar* diadakan bermula pada 25 Disember hingga 1 Januari setiap tahun sejak kuil ini ditubuhkan.

Kumbabishegam pernah diadakan sekali pada tahun 2010, dan usaha sedang dijalankan untuk memindahkan kuil pada tapak yang lebih sesuai sebelum mengadakan *kumbabishegam* seterusnya.

Kuil ini terletak dalam kawasan taman perumahan awam, dan jiran tetangga yang berbilang kaum sangat bekerjasama, dan turut serta dalam jamuan hidangan semasa *thiruvizha* diadakan di kuil ini. Pengorbanan hidupan memang dilakukan dengan hidangan makanan daging kambing dan ayam jantan.

CamScanner

AG31	KUIL SRI MAHA KARUMARIAMMAN
	United Melaka Berhad, Ladang Machap, 76100 Durian Tunggal, Melaka.

Kuil ini dimulakan sekitar tahun 1890 di ladang ini, oleh pekerja-pekerja yang beragama Hindu dengan keluarga En.Chinnakannu dan En. Kandasamy memainkan peranan utama. Hingga sekarang, waris kedua-dua keluarga terus memberikan nafas padanya.

Bangunan asal diperbaiki beberapa kali, dan kali terakhir pada tahun 2014. Kuil masih terletak di Ladang Machap dan pembaikan bangunan kuil diteruskan pada tahun 2019 apabila sebuah jawatankuasa baharu mengambil alih pucuk pimpinannya dan mendaftarkan diri sebagai Persatuan Penganut yang mentadbirkannya.

Walaupun pekerja-pekerja ladang kini mula menduduki taman-taman perumahan di sekitar, jawatankuasa kuil menghidupkan *thiruvizha Karumariamman* pada tahun 2019 selepas empat tahun tergendala atas sebab-sebab tertentu. *Vigraha Dewa Karuppar* setinggi 21 kaki – yang tertinggi di negeri Melaka – telah didirikan di pekarangan kuil ini dan *kumbabishegam* kedua – selepas yang pertama pada 1980-an - diadakan bersama acara-acara *thiruvizha* pada tahun 2019.

Jawatankuasa kuil berhasrat untuk mendapatkan tanah untuk kuilnya dengan kerjasama tuan punya ladang dan kerajaan negeri Melaka. Pengurusan kuil ini berdaftar sebagai Persatuan Penganut sejak tahun 2019.

CamScanner

AG32 KUIL DEWI SRI MAHA MARIAMMAN

UMRE Melaka Pindah Estate, Lesung Batu, 78000 Alor Gajah, Melaka.

Kuil di ladang ini didirikan oleh pekerja yang menganuti agama Hindu sejak tahun 1890-an lagi dan terus dikekalkan, walaupun dengan beberapa pembaikan dan perubahan hingga sekarang. Semasa kajian ini dilakukan pada 2019, bangunan serta kemudahan kuil ini sedang mengalami perubahan yang besar, dengan bangunan mahupun pagar yang baharu – dengan ihsan tuan punya ladang berkenaan.

Seorang penganut yang lahir di ladang ini, En.Mohana Sundaram, kini dengan rela hatinya menjadi dermawan yang menghulurkan dana untuk pembinaan semula kuil di tepi jalan raya Alor Gajah – Machap Baru. Walaupun kebanyakan pekerja ladang kini menduduki taman-taman perumahan dalam lingkungan dua-tiga kilometer dari tapak kuil di ladang, namun, ramai penganut terus kembali untuk beribadat di kuil ini.

Mariamman Thiruvizha, dengan *theemithi* atau berjalan atas bara api, diadakan dalam bulan *Aadi ,* atau Ogos, selama 10 hari berturut-turut sejak penubuhan kuil ini. *Kumbabishegam* pula pernah diadakan tiga kali setakat ini, kali terakhir pada 2020 sebaik sahaja pembangunan kuil selesai dilakukan. Banyak keluarga dan waris keluarga yang pernah tinggal di ladang ini, kembali untuk perayaan-perayaan ini walaupun kini sudah menetap di tempat-tempat yang berlainan.

Jawatankuasa kuil telah mendaftarkan diri sebagai Persatuan Penganut dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 2015. Hasratnya adalah untuk memiliki tanah kuil dengan kerjasama tuan punya ladang dan kerajaan negeri Melaka.

CamScanner

AG33	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN
	Jalan Air Punggai, Ladang Lian Ho, Rantau Panjang, 78300 Masjid Tanah, Melaka.

Pekerja ladang ini yang menganuti agama Hindu menubuhkan kuil ini pada tahun 1960, dan bangunannya diperbaiki dari semasa ke semasa hingga sekarang. Kini hanya beberapa keluarga Hindu bekerja di ladang ini, tetapi penganut Hindu yang tinggal di sekitar kawasan ini menziarahi dan beribadat di kuil ini apabila *pooja* diadakan dari semasa ke semasa.

Pihak ladang melantik tiga orang pentadbir untuk mentadbirkan kuil yang terletak di tepi Jalan Air Punggai, walaupun belum ada usaha untuk memiliki tanah khas bagi kuil ini. Pihak ladang telah membenarkan pentadbir untuk membaiki bangunan kuil jika perlu mengikut kemampuan, walaupun hal milik tanah kuil tidak disentuh. Pada masa kajian ini dilakukan, para pentadbir tidak melihat



keperluan untuk mendaftarkan kuil ini dengan Pendaftar Pertubuhan kerana mereka dilantik oleh pihak ladang yang memiliki kuil ini.

Mariamman Thiruvizha diadakan selama 10 hari berturut-turut pada bulan September setiap tahun, dan banyak pekerja, dan waris keluarga-keluarga yang pernah tinggal di ladang ini kembali ke *`kampung'* mereka untuk meraikan *Dewi Mariamman* dan menyertai perayaan ini bersama.

AG34 KUIL SRI VEERAPATRA KALIAMMAN

Sri Pengkalan, Jalan Machap, 78000 Alor Gajah.

Kuil kecil ini lebih merupakan kuil keluarga untuk *kula dheivam*nya, dan dimulakan pada tahun 1971 oleh En. Manicka Mandur, yang bekerja di ladang getah kepunyaan orang China pada ketika itu. Penaja dan ahli keluarganya menyampaikan *arulvaaku* apabila dituruni *Dewi Kaliamman* untuk membantu penganut yang memohon bantuan dan panduannya.

Kini ladang getah asal telah dijual dan dibeli oleh pemaju, dan jawatankuasa kuil sedang berusaha untuk memiliki tanah untuk kuil ini walaupun kos tanah di luar kemampuannya. Pada masa ini, perkhidmatan *arulvaaku* tidak lagi diberikan di kuil ini – dan bilangan penganut mula berkurangan ke kuil ini.

Kuil ini mengadakan *Kaliamman Thiruvizha* sejak tahun 1971, selama 8 hari berturut-turut pada awal bulan September setiap tahun. Penyembelihan hidupan – kambing dan ayam jantan – memang dilakukan di kuil ini dengan hidangan makanan daging.

Kecuali pada masa *thiruvizha*, kuil ini lebih mirip pada kuil keluarga pemilik. Pengurusan kuil ini berdaftar sebagai Persatuan Penganut dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 2018.

CamScanner

AG35	KUIL SRI VAITHEESWARAR – THAYYAL NAYAGI AMMAN
	Jalan Kereta api, Pulau Sebang, 78000 Alor Gajah, Melaka.

Kuil ini dibina pada tahun 1916 oleh pekerja-pekerja Jabatan Keretapi Tanah Melayu yang bertugas di Tampin dan menduduki kuarters pekerja di situ. Kuil ini dibina berhampiran stesen keretapi Pulau Sebang (Tampin) dengan persetujuan pengurusan Jabatan Keretapi Tanah Melayu.

Kuil ini sangat terkenal di Melaka dan seluruh Malaysia sebab kedudukan kuil ini. Pengurusan kuil sejak dibina hingga tahun 1970-an diuruskan oleh pekerja-pekerja KTM Tampin. Selepas itu, ia diuruskan oleh jawatankuasa yang terdiri daripada masyarakat penganut tempatan yang tinggal di taman-taman, di sekitar Pulau Sebang dan Tampin. Mulai tahun 2017, jawatankuasa baharu diketuai oleh En.S.Ganesan menguruskan kuil.

Banyak aktiviti agama dan sosial dilakukan oleh pihak kuil setiap minggu . Penganut yang hadir pada hari Jumaat dan Sabtu tidak kurang daripada 200 orang. Pada hari – hari yang ada *pooja* khas seperti prothosam (2 kali sebulan) dan *Sivarathri* hampir 500-600 penganut hadir. Pengurusan kuil juga memberikan sumbangan dan bantuan kepada keluarga-keluarga miskin dan pelajar-pelajar sekolah Tamil yang berdekatan. Kelas agama dan ceramah agama juga diadakan sejak tahun 1980.

Kuil ini meraikan pelbagai hari kebesaran dalam Takwim Hindu, antaranya, *Sivarathri, Prothosam*, *Ammavasai* secara bulanan dan *thiruvizha* tahunannya ialah *Navarathiri* dan *Thiruvembavai Thiruvizha* selama 15 hari.

Atas usaha pengurusan awal kuil ini, ia didaftarkan sebagai Persatuan Pengurusan dengan Pendaftar Pertubuhan sejak tahun 1977. Namun, kuil ini masih belum memiliki lot tanah kuil, dan pada masa kajian ini dijalankan, pengurusan kuil sedang berusaha untuk mendapatkan tanah untuk kuil ini daripada Jabatan Keretapi Tanah Melayu.

CamScanner

AG36 KUIL SRI MAHA MUTHU MARIAMMAN

Ladang Gadek, 78000 Alor Gajah, Melaka.

Kuil ini terletak 2 kilometer dari simpang Balai Polis Pulau Sebang. Kuil ini dibina pada tahun 1913 di dalam kawasan perumahan pekerja ladang tetapi sekarang ia diperbaharui di tepi jalan. Ladang tersebut kini dimiliki oleh Eksekutif Pesona Sdn.Bhd.

Kuil ini didedikasi pada *Sri Dewi Mariamman* sebagai dewi utama di samping *Dewa Vinayagar Dewa Murugan*, *Dewa Muniandy* dan sebuah kuil kecil untuk *Dewa Mutappan.* Pengerusi kuil ini ialah En.Devendran a/l Krishnan yang merupakan penyelia di ladang tersebut. Jawatankuasa kuil ini terdiri daripada 9 orang yang sangat aktif dan memberikan kerjasama untuk menjayakan aktiviti–aktiviti di kuil ini.

Kuil ini juga selalunya dikunjungi oleh murid-murid dari SJKT Ladang Gadek yang terletak berhampiran dengan kuil ini. Pertandingan nyanyian dan aktiviti agama yang melibatkan guru-guru dan murid-murid sering diadakan.

Mariamman Thiruvizha di kuil ini selama tiga hari pada bulan Julai setiap tahun, dengan kehadiran mencecah kepada 3,000 orang penganut dari dekat dan jauh. Bekas pekerja ladang ini dan ahli keluarga mereka kembali untuk menunaikan ibadah mereka sambil membaharui talian persaudaraan dengan teman-teman lama mereka semasa perayaan ini. *Kumbabishegam* telah diadakan pada tahun 1995, dan yang seterusnya dijadualkan pada tahun 2022.

Pengurusan kuil ini masih belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan semasa kajian ini dilakukan, tetapi berhasrat untuk memiliki tanah kuil daripada pihak Syarikat Eksekutif Pesona Sdn Bhd.

CamScanner

AG37	**KUIL SRI MAHA MARIAMMAN**
	Ladang Tebolang, 76460 Tebong, Melaka.

Kuil ini terletak berhampiran dengan Pekan Tebong, kira-kira 40 kilometer dari bandar Melaka. Ladang Tebolang merupakan ladang getah yang mempunyai banyak pekerja yang beragama Hindu pada awalnya, dan mereka mendirikan kuil ini sejak tahun 1920-an.

Kini kebanyakan pekerja yang beragama Hindu sudah berpindah apabila perkhidmatan penoreh getah tidak diperlukan lagi. Pada masa ini beberapa keluarga yang beragama Hindu, yang tinggal di taman-taman di luar ladang berusaha untuk menguruskan kuil ini yang masih kekal dalam ladang ini. En.Sivasamy a/l Suppiah menjadi pengerusi sejak tahun 1989 hingga sekarang dan menguruskan kuil ini dengan kerjasama ahli-ahli jawatankuasanya.

Bangunan baharu kuil ini diperbaharui pada tahun 1954 dan mengalami beberapa pembaikan sepanjang masa. *Thiruvizha* di kuil ini ialah dalam bulan *Chittirai*, atau April dan diadakan selama 3 hari. *Kumbabishegam* pernah diadakan pada tahun 2010 dan yang seterusnya dijadualkan pada tahun 2022. Ramai bekas pekerja dan keluarganya kembali untuk perayaan seperti ini untuk memperingati tempat warisan mereka, bertemu dengan rakan dan kenalan lama, dan bersembahyang pada *Dewi Mariamman*.

Pada masa ini, hampir semua pekerja ladang ini merupakan orang asing. Namun, oleh sebab tiada kuil Hindu lain yang berdekatan, kuil ini sangat berguna pada penganut-penganut agama Hindu yang menduduki taman-taman di sekitar Pekan Tebong. Jika kuil ini dipindahkan ke kawasan yang lebih hampir pada Pekan Tebong, kuil ini akan dapat memainkan peranan sebagai tempat ibadah pada penganut yang lebih ramai.

Namun, pihak pengurusan kuil ini berhasrat untuk memiliki tanah kuil di lokasi sekarang, dan sedang memohon pada Ladang Tebolang untuk mendapatkannya. Walau bagaimanapun, pengurusan kuil ini masih belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan semasa kajian ini dijalankan.

CamScanner

AG38 KUIL SRI MOOKAMBIKAI

Kampung Pahla Alam, Simpang Empat, 78000 Alor Gajah, Melaka.

Kuil ini merupakan antara kuil *Dewi Sri Mookambikai* berstruktur agamam yang terawal di Malaysia dan dibina pada 27-1-2008 atas usaha gigih En.Ganesan Karuppiah, pengerusi kuil, dan Datuk S.M.Periasamy Munusamy, pengerusi jawatankuasa pembinaan kuil serta AJKnya.

Ladang Pegoh, Bahagian Home, telah dijual kepada A Famosa Golf Resort dan HICOM-Pegoh Industrial Park. Kawasan kuil asal, Kuil *Sri Maha Mariamman* di Ladang Pegoh (Home) dibeli oleh A Famosa Golf Resort. Mereka membayar RM110,000.00 sebagai pampasan untuk pengambilan tanah kuil dan SJK Tamil Pegoh. Pada tahun 1997, AJK penaja kuil bercadang untuk membina kuil baharu di Simpang Ampat. Sebagai tindakan susulan, pada tahun 1999, Persatuan Penganut Sri Maha Mariamman didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.

Pada tahun 2002 pula, nama persatuan tersebut ditukar kepada Persatuan Pengurusan Dewi Sri Mookambikai. Sebenarnya, S*hivashariyar* di *Kuil Sri Muthu Mariamman* Bukit Beruang, *Shiva Sri Baskaran Gurukal* yang mencadangkan nama baharu untuk kuil ini. Menurutnya, kawasan persekitaran tapak kuil yang dipenuhi pokok-pokok kehijauan sama seperti keadaan *Kuil Mookambikai* di *Kollur, Karnataka, India.* Selain itu, katanya, pada ketika itu tidak ada sebuah kuil pun yang memasyhurkan *Dewi Mookambikai* di Malaysia. Akhirnya, En.Ganesan, pengerusi kuil ini, bersetuju dengan cadangan berkenaan setelah berunding dengan ahli-ahli jawatankuasanya.

Persatuan ini membeli satu suku ekar tanah daripada seorang Cina dengan harga RM 110,000.00. Daripada itu, setengah ekar tanah diperuntukkan untuk pembinaan kuil. Pada tahun 2000, asas bangunan utama kuil mula dibina oleh En.Ganesan, pengerusi kuil, kerana beliau seorang pemaju binaan. Seni ukir dan aspek kesenian lain disempurnakan oleh stapati dari Tamil Nadu, India. Semua *vigraham karungkal* diimport dari Tamil Nadu. Pada tahun 2005, tapak tanah kuil ini didaftarkan sebagai tanah hak milik kuil. Pada tahun 2007, kuil ini siap dibina. Kompleks ini dilengkapi oleh dewan sembahyang utama, dewan makan, tempat kediaman *gurukkal*, dan pejabat bernilai RM 230,000.00. Mereka sedang dalam usaha untuk menyempurnakan *Rajagopuram*.

CamScanner

Dewi Mookambikai Thiruvizha selama 11 hari diadakan pada bulan Mac/April setiap tahun di kuil ini. *Maha Kumbabishegam* pertama telah berlangsung pada 2008 dan *Maha Kumbabishegam* berikutnya yang dijadualkan pada tahun 2021 ditangguhkan. Kebanyakan hari kebesaran dalam takwim Hindu ditepati di kuil ini.

AG39	**KUIL ARULMIHU MAHA KARUMARIAMMAN THEVASTHANAM**
	No.RM109, Rembia, 78000 Alor Gajah.

Kuil ini dibina pada tahun 1920, antara kuil yang tertua di negeri Melaka yang bersejarah. Kuil ini merupakan kuil yang terbesar di kawasan Rembia dan kuil mithali dari segi keceriaan, kebersihan dan pengurusan. Kedudukannya adalah di atas sebuah bukit kecil bersebelahan Balai Polis Rembia.

Penubuhannya diasaskan oleh seorang pemimpin India, En.Velayutham Mandur, yang dihormati dengan keizinan pemilik ladang, seorang Inggeris. Beliau membawa segenggam tanah dari India dan menaburkannya di tapak kuil ini, dan kuil papan bersaiz kecil terbina. Pekerja ladang getah dan penganut Hindu tempatan menjadikan kuil ini sebagai pusat ritual agama, dan semua aktiviti komuniti sejak itu.

Pada 19-08-1957, ladang ini dibeli oleh seorang hartawan Cina. Majikan baharu juga menyokong pengurusan kuil ini. Pemilik ladang ini menyumbang tanah seluas 30' x 60'dan kuil ini didaftarkan dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia pada 27-10-1970 atas nama "The Committee of Management of Sri Maha Mariamman Temple". Pada 15-02-1979, En. Muniandy Sinnappan, sebulat suara dipilih sebagai pengerusi kuil kerana sifat kepimpinannya. Pada 26-03-1980, tanah seluas tiga per-empat ekar dibeli dengan sokongan Kerajaan Negeri dan pemilik ladang menderma RM 5500.00 untuk pembinaan kuil baharu. Pada 03-04-1986, upacara pecah tanah dijalankan dan kuil terbina pada bulan Disember 1988.

Maha *kumbabishegam* yang pertama disempurnakan pada 19-01-1989. Kuil ini merupakan kuil yang pertama mempunyai *'Rajagopuram*' di Melaka. Atas gagasan *Shivasri* A.P.Muthukumara *Shivachaariyaar*, nama kuil ditukar kepada '*Arulmigu Maha Karumariamman Devasthanam,* Rumbia' dan Pendaftar Pertubuhan mengesahkan perubahan nama pada 15-3-1994. Pada 1997, kuil ini

tersenarai sebagai destinasi pelancongan kategori tempat ibadah dalam Kalendar Pelancongan Melaka. Jasa mantan pengerusi En.Narayanasamy, Cikgu V.Doraisamy dan setiausaha En.N.S.Maniam terhadap kuil ini sentiasa dikenang.

Kebocoran di '*moolasthana gopuram*' dibaiki dan upacara *balasthanam* berlangsung pada 13-04-2003. Seterusnya, *Maha Kumbabishegam* kali kedua berlangsung pada 20-01-2008. *Adi Purath Thiruvizha* selama 15 hari dianjurkan oleh kuil ini dalam bulan Ogos sejak tahun 1970. Pengurusan kuil di bawah pimpinan En.Radhakrishnan senantiasa menganjurkan pelbagai aktiviti berkaitan agama Hindu, aktiviti kebahasaan dan aktiviti amal kepada penganut Hindu dan kuil di tepi jalan raya utama Melaka-Alor Gajah memang menarik perhatian ramai.

AG40	**KUIL SRI POYYAATHA VINAYAGAR MOORTHI**
	Lot 1530, Kampung Baru Vinayagar, Jalan Vinayagar Batu 17½, Ganun, 78000 Alor Gajah, Melaka. (Dahulu Ladang Vinayagar)

CamScanner

Kuil ini ditubuhkan pada tahun 1940-an oleh mendiang Ramanathan Chettiar, pemilik *Ladang Vinayagar* yang bersaiz 300 ekar. Sebelum tahun 1969, kampung ini dikenali sebagai *Ladang Vinayagar* sempena nama dewa utama kuil ini. Pada ketika itu, struktur bangunan kuil ini diperbuat daripada kayu dan papan. Pada tahun 1963, bangunan kayu digantikan dengan bangunan batu.

Pada awal tahun 1950-an, kuil ini menjadi pusat ritual agama dan perkahwinan 50 keluarga pekerja ladang ini. Tragedi 13 Mei 1969 membimbangkan nasib dirinya dan pemilik ladang menjual hartanya kepada seorang hartawan Cina. Hartawan Cina itu pula, membahagi-bahagikan ladang itu kepada lot tanah dan menjualnya kepada masyarakat tempatan. Salah seorang pembeli lot tanah berkenaan ialah Mendiang En.Selvadurai Kanthar Vyramuthu, seorang kerani kanan sektor perladangan di Tebong, Melaka. Selepas bersara, beliau kembali ke Kampung Baru Vinayagar dan menguruskan kuil keluarganya. *Maha kumbabishegam* pertama kuil berkenaan disempurnakan oleh *Shivasri Baskaran gurukkal*.

Pada tahun 1999, kerajaan menyumbang dana sejumlah RM 10,000.00 untuk membina dewan makan bersaiz 30' X 18'. Keluarga pemilik kuil ini menampung kekurangan RM 4,000.00 untuk melengkapkan pembinaan dewan itu. Pada tahun 2011, kuil ini dibaik pulih. *Peedam Muneswarar* dengan *kopuram* dibina bersebelahan bangunan kuil utama. Pada tahun itu juga, simen lantai kuil digantikan dengan jubin. Semua *vigraham* yang diperbuat daripada simen kecuali *Dewa Vinayagar* digantikan dengan *vigraham karungkal.*

Mendiang En.Suppiah, seorang *gurukkal* tersohor di Melaka, pernah berkhidmat di kuil ini selama 15 tahun. En. Selvadurai meninggal dunia pada 1-5-2008, pada usia 93 tahun. Tanggungjawab menguruskan kuil ini, kini dipikul oleh anaknya, En.Poobaladurai. *Thiruvizha* di kuil ialah *Vinayagar Chaturti* , disambut pada bulan September sejak 1975. Perayaan utama ini turut dihadiri oleh pelatih Akademi Laut Malaysia, ALAM, yang beragama Hindu di bawah kelolaan Kapten Sivanandan.

Pada bulan Mac, 2020, 2 ekar tanah termasuk kuil ini dibeli oleh keluarga En. Ramaiya-Anjalai. Sambasivanaar Nanneri Kazhagam yang berdaftar pada 2021 beroperasi dari kuil ini.

Pada masa kajian ini dijalankan, pengurusan kuil ini belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

CamScanner

AG41 KUIL SRI MAHA MARIAMMAN

No.24, Ladang Kemuning, Bahagian Rembia, Rembia, 78000 Alor Gajah, Melaka.

Kuil ini, antara kuil yang tertua di kawasan Alor Gajah, malah di negeri Melaka, dipercayai ditubuhkan pada 1920-an oleh pekerja ladang dengan keizinan majikannya. Kuil ini terletak 2 kilometer dari Pekan Rembia jalan menuju ke Pekan Lendu. Lokasi kuil ini berhampiran jalan besar Rembia-Lendu dikelilingi pokok kelapa sawit menambahkan keindahan panorama kuil ini.

Sebelum 1957, seramai 150 orang pekerja ladang ini menjalankan aktiviti keagamaan dan perkahwinan di kuil ini yang bersaiz kecil. Sekarang, bilangan pekerja yang kecil termasuk 16 orang warga Nepal beragama Hindu yang menjadi ahli kuil ini dan mereka menyumbang derma bulanan untuk menampung kos aktiviti-aktiviti kuil ini.

Pada tahun 1990-an, En.Maniam, mandur ladang ini, dan En. Arjunan Pakirisamy berusaha menggantikan kuil papan kepada struktur bangunan batu bersaiz 150'X 80' dengan sokongan 140 orang ahli kuil. Selain itu, *vigraha* simen ditukar kepada *vigraha karungkal*. Pada tahun 1992, *Maha Kumbabishekam* yang pertama berlangsung. Pada tahun 2000, ladang ini berubah wajah. Komoditi pokok getah digantikan dengan kelapa sawit. Perubahan ini menyebabkan bilangan pekerja berkurangan, namun, kuil berfungsi seperti biasa.

Kuil ini menyambut *Pangguni* Uthiram dalam bulan *Pangguni* selama 3 hari setiap tahun. Perarakan ther diadakan semenjak 2001 di sekitar kawasan perumahan Rembia. *Pooja* khas pada hari-hari kebesaran agama mengikut Takwim Hindu memang ditepati di kuil ini.

Pada tahun 2019, jawatankuasa pengurusan kuil di bawah kepimpinan En.K.Manikam Kolanday, dengan sokongan En. Maran Arjunan, En. Durairaj Sivalingam, En. Kannan Supaiya telah berbelanja RM 70,000.00 untuk kerja-kerja baik pulih seperti mengecat, dan melebarkan saiz kuil. Namun, pengurusan kuil ini masih belum berjaya memiliki tanah kuil daripada ladang kepunyaan Syarikat Sime Darby, mahupun berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan semasa kajian ini dilakukan.

CamScanner

AG42	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN
	Jalan Ayer Paabas, Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka.

Dalam perjalanan dari Pekan Lendu ke Simpang Ampat, selepas melewati Kampung Lendu, kita akan menemui Kuil *Sri Maha Mariamman* di tepi jalan, sebelah kanan. Kuil ini juga dikenali sebagai *Vepppalaikaari Maha Mariamman Aalayam* dalam kalangan penganut Hindu tempatan. Kuil ini ditubuhkan oleh pekerja ladang getah sekitar tahun 1940-an dengan sokongan majikannya.

Pada permulaannya, kuil ini terletak di Ladang Lendu Kecil, kira-kira 500 meter ke dalam sebelah kiri dari lokasi kuil sekarang. Ladang getah itu milik Sime Darby Berhad dan pada masa itu mempunyai pekerja seramai 100 orang, kebanyakannya yang beragama Hindu. Setelah ladang itu dijual kepada hartawan Cina, para pekerja kehilangan pekerjaan dan berpindah ke tempat lain. Pada ketika itulah, kuil ini dipindahkan ke kedudukan sekarang. Kuil baharu itu diperbuat daripada papan.

Walaupun bangunan kuil mengalami kerosakan apabila sebatang pokok tumbang, *vigraham* di kuil tidak mengalami sebarang kerosakan. Pada tahun 2017, kuil sekarang yang bersaiz 15' X 30' siap dibina. Lantai kuil dipasang batu jubin dan dibiayai oleh seorang hartawan Cina. Ketua MIC bahagian Masjid Tanah, Datuk G.Kannan telah memperoleh sumbangan dana sejumlah RM 10,000.00 daripada kerajaan untuk pembaikan kuil pada masa itu. Pada tahun 2017, jawatankuasa kuil di bawah kepimpinan En. Prabu Nyanasegaran menjayakan *Maha kumbabishegam* yang pertama.

Kuil ini khusus untuk *Dewi Sri Maha Mariamman*. Perayaan khas di kuil ini disambut pada bulan September serentak bagi kuil ini dan *Kuil Sri Maha Kaliamman* yang terletak bersebelahan, dan yang ditadbirkan bersama, sejak 1997. En. Muniandy Subramaniam, *pandaram* sepenuh masa, membantu jawatankuasa kuil untuk menguruskan kuil ini. Mereka berazam untuk membeli tapak tanah baharu dan menempatkan *Sri Maha Mariamman* dan *Sri Maha Kaliamman* dalam satu dewan sembahyang.

Namun, pada masa kajian ini dijalankan, pengurusan kuil ini masih belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

AG43 SRI MAHA KALIAMMAN AALAYAM

Jalan Ayer Paabas, Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka.

Pekan Lendu, sebuah pekan kecil, satu ketika dahulu dikelilingi oleh ladang getah yang majoriti pekerjanya ialah orang India beragama Hindu. Mereka berpegang kepada konsep *"kawasan kediaman mesti mempunyai tempat ibadah"*. Oleh itu, mereka menubuhkan kuil di kawasan kediaman mereka. Salah sebuah kuil yang terasas daripada pegangan hidup ini ialah *Sri Maha Kaliamman Aalayam*. Perjalanan dari Pekan Lendu ke Simpang Ampat, selepas melalui Kampung Lendu, kita akan sampai ke *Sri Maha Kaliamman Aalayam*. Kuil ini terletak di tepi jalan sebelah kanan dan di belakang *Sri Maha Mariamman Aalayam.* Kedua-dua kuil ini diurus tadbir oleh satu jawatankuasa yang sama.

Kuil ini ditubuhkan oleh penganut Hindu pada tahun 2010. Kuil ini bersaiz kecil 20' X 10'. Pada permulaan, gambar *Dewi Kaliamman* menghiasi kuil berkenaan. Ramai penganut yang membayar nazar setelah niat mereka tertunai. Merekalah yang menyumbang dana untuk membina *vigraham* daripada simen setinggi 7 kaki di rumah ibadah ini. Sesungguhnya, *Dewi Kaliamman* merupakan dewi utama di kuil ini. Selain itu, *Dewi Sudukaaddu Kaliamman*, *Dewi Nagammah,* dan *Dewa Sangkali Karuppan* juga ditempatkan di kuil ini. Di belakang kuil ini, terletak sebuah *peedam* khas dibina untuk *Datuk Harimau*. Kuil ini membenarkan penyembelihan hidupan dan hidangan daging dalam aktivitinya.

Perayaan khas di kuil *Sri Maha Kaliamman* juga disambut serentak dengan perayaan khas Kuil *Sri Maha Mariamman*. Kedua-dua kuil ini terletak dalam kawasan seluas suku ekar. Jawatankuasa pengurusan kuil berazam untuk membeli tapak tanah baharu untuk menempatkan

CamScanner

Dewi Sri Maha Mariamman dan *Dewi Sri Maha Kaliamman* dalam dewan sembahyang yang sama. Namun, semasa kajian ini dilakukan, pengurusan kuil ini masih belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

AG44	**KUIL SRI MAHA VADAPATRA KALIAMMAN**
	Jalan Batu Belaga, Rembia, 78000 Alor Gajah, Melaka.

Di hadapan R&R Rumbia, ada sebatang jalan menuju ke arah kawasan perindustrian Rembia. Pada jarak satu kilometer dari jalan besar Rembia-Alor Gajah, selepas SJK Cina Kiow Min, kita akan menemui Kuil *Sri Maha Vadapatra Kaliamman*. Pada asalnya, kawasan ini terdiri daripada sebuah ladang getah, iaitu Ladang Dragon. Di situlah asal kuil ini. Seorang ketua pekerja ladang membina kuil itu dengan sokongan majikannya pada tahun 1984.

Pada masa itu, kuil itu bersaiz kecil dan bangunannya terdiri daripada papan. Pada awal tahun 1980-an, ladang itu telah dijual kepada PKNM dan Industri Zarina. Pemilik baharu telah mengarahkan pengurusan kuil berpindah ke tempat lain. En.Visvanathan Sinniah, bekas mandur di ladang itu, telah memindahkan kuil itu ke tanah milik Tenaga Nasional Berhad (TNB). Kini kuil itu berkeluasan 60' X 60'. Pihak TNB telah memberi kebenaran bertulis sementara bagi kuil itu beroperasi di tanah milik mereka. Sebenarnya, kuil itu terletak di bawah laluan talian elektrik bervoltan tinggi.

CamScanner

Pihak TNB telah menetapkan beberapa syarat ketat untuk dipatuhi. Antaranya, pihak kuil tidak boleh memperoleh bekalan elektrik tetap untuk kuil. Mereka boleh menggunakan generator untuk bekalan elektrik pada hari perayaan sahaja. Mereka juga dilarang sama sekali untuk membina struktur bangunan kuil yang bersaiz besar mengikut hukum agama Hindu.

Pengerusi dan *pandaram* kuil berkenaan, En.Kanasen Retnam, memberikan *arulvaaku* pada hari Sabtu mulai jam 8:00 malam jika ada permintaan daripada penganut Hindu. Kuil ini khusus untuk *Dewi Vadapadra Kaliamman*. Selain itu, *Dewa Muniandy*, *Dewi Nagamah, Dewa Shiva Sakhti* dan *Datuk Pulau Besar* juga ditempatkan di sini. Perayaan khas di kuil ini disambut pada bulan Julai setiap tahun sejak 1984. Pengorbanan hidupan dan hidangan daging dibenarkan di kuil ini.

Pengurusan kuil ini masih belum mendaftarkan diri dengan Pendaftar Pertubuhan semasa kajian ini dilakukan, mungkin kerana status tanah kuil ini.

AG45	**KUIL DEWI SRI MAHA ASAHMALAI MUNIAPPAN, SRI MUTHU MARIAMMAN**
	Ladang Vinayagar PD64, Jalan 5, Taman Bukit Nangka, Sebang, 78000 Alor Gajah, Melaka.

Pada tahun 1960-an, keluarga mendiang En.Muniandy Mari Kaundar bekerja dan tinggal di Ladang Leong Watt Hin, Alor Gajah. Pada tahun 1969, seorang hartawan Cina membeli tanah daripada Mendiang Ramanathan Chettiar. Keluarga Mendiang En.Muniandy membeli lot tanah seluas 5 ekar daripada hartawan Cina. Mendiang En.Chinnappan Kaunder, bapa mentuanya, menziarahi keluarganya sekembali dari Salem, Tamil Nadu, India.

Dua hari selepas itu, mendiang En.Muniandy bermimpi *'kulatheivam'* mengekori bapa mertuanya ke halaman rumahnya. Dalam mimpi itu juga, ditunjukkan seketul batu menyerupai manusia tersadai bersebelahan sebuah busud di tanahnya. Pada keesokan pagi, beliau mendapati mimpinya menjadi realiti dan membina pondok kecil untuk *kulatheivam Asahmalai Muniappan* dan bersebelahannya dibina *peedam* untuk *Dewi Sri Maha Mariamman* pada tahun 1969.

Selepas kematian En.Muniandy pada 1985, anaknya En.M.Raman menggendong tugas menguruskan kuil ini. Empat orang anak mendiang sekarang berhak ke atas kuil berkenaan. Pada

CamScanner

tahun 2003 pula, *Peedam Dewi Durga* dan *Peedam Dewi Kaliamah* dibina berhampiran kuil utama itu. Seterusnya, *Peedam Dewi Nagamah, Dewa Anjeneyar, Dewa Mathuraiveeran* dan *Datuk Putih* dibina bersebelahan kuil utama juga. Struktur kuil utama dibaik pulih pada tahun 2004. Pada tahun 2005, *Chandi Omam* dikendalikan untuk *Dewi Durga* oleh *Shivasri Baskaran Gurukal.*

En.M.Raman, *pandaram* kuil ini, menurun pada malam hari Sabtu, minggu pertama dan minggu terakhir setiap bulan untuk memberikan *arulvaaku*. Semasa itu, beliau akan berkomunikasi dengan penganut dalam *Bahasa Melayu* jika dituruni *Datuk Putih*. Beliau akan berbahasa Tamil seandainya *'Dewa Ayyah'* menuruninya. Perayaan khas di kuil ini disambut selama 3 hari dalam tempoh antara 1-19 Ogos setiap tahun sejak 2001. Perayaan untuk Datuk Putih ditetapkan tarikh pada 18 September setiap tahun.

Pengorbanan hidupan dan hidangan daging dibenarkan di kuil ini. Pengurusan kuil ini masih belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan semasa kajian ini dilakukan.

CamScanner

AG46 KUIL SRI MAHA VEERA KALIAMMAN

MC 414, Taman Mawar Jaya, Machap Umboo, 78000 Alor Gajah, Melaka.

Kuil ini dimulakan oleh keluarga En.Mohan Gopal sejak tahun 2001 di tempat yang kecil, tetapi, diperbesar sejak 2013 dengan perbelanjaan yang besar. Namun, kuil dibina dalam tapak kepunyaan Syarikat Air Melaka, dan telah diminta berpindah oleh pihak kerajaan. Rayuan dibuat, tetapi pihak Majlis Tempatan kekal dengan keputusannya kerana masyarakat China yang menduduki kawasan ini tidak menyenangi kuil ini di kampungnya. Tanah gantian telah diberi, tetapi pada masa kajian ini dilakukan, pihak kuil masih belum mahu berpindah dan perbincangan berjalan untuk menyelesaikannya.

Kuil ini memberikan perkhidmatan *arulvaaku* setiap petang pada para penganut yang ingin memohon panduan dan bantuan daripada *Dewi Veera Kaliamman* yang menuruni ketua agama kuil ini. Berkat pemberian derma daripada penganut yang berpuas hati dengan *arulvaaku* khususnya, bangunan kuil diperbesar walaupun sebelum mendapat kelulusan pihak-pihak berwajib. Banyak derma dalam bentuk kambing dan lembu diterima sehingga kuil ini mempunyai lebih 50 ekor lembu, dan 200 ekor kambing dalam pemeliharaannya semasa kajian ini dilakukan.

Aadi Thiruvizha diadakan selama 7 hari berturut-turut sejak tahun 2001 pada bulan Julai/Ogos yang mendapat sambutan yang baik sehingga lebih 100 ekor kambing jantan disembelih sewaktu perayaan ini untuk disediakan hidangan pada para penganut.

Pengasas kuil ini dan penyokong-penyokongnya telah mendaftar Persatuan Penganutnya dengan Pendaftar Pertubuhan pada tahun 2019, dan pemerolehan dana tidak menjadi masalah bagi pihak kuil ini. Masalah tapak tanah untuk kuil menjadi kerumitan pada pihak kuil ini.

AG47	KUIL OM SRI SADA MUNI
	No.65, Rumah Awam Sri Lendu, Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka.

sebuah kuil di berenda rumah kediamannya pada tahun 1997. Selain dewa utama, *Dewa Muniandi* dan *Dewa Muniswarar* juga ditempatkan di sini. Beliau juga memberi *arulvaaku* jika ada permintaan daripada penganut.

Perayaan khas di kuil ini disambut pada 25 Disember setiap tahun sejak 2000. Lebih daripada seratus penganut akan hadir untuk menerima rahmat pada hari berkenaan. Walaupun majoriti penduduk di Rumah Awam Sri Lendu dan jiran tetangganya ialah orang bukan Hindu, pada masa perayaan seperti ini, mereka memberikan kerjasama yang diperlukan sesuai seperti yang terkandung dalam prinsip Rukunegara.

Penyembelihan hidupan dan hidangan daging diamalkan di kuil ini. Namun, pengurusan kuil ini belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan semasa kajian ini berlangsung.

Satu kelaziman sesetengah penganut agama Hindu yang tinggal di taman perumahan ialah menubuhkan sebuah kuil kecil di dalam atau dalam pekarangan rumah mereka. Satu daripada contoh sedemikian ialah kuil yang diasaskan oleh En.Vijayan Muniandy di rumahnya di Rumah Awam Sri Lendu, Lendu. Kedudukannya di beranda rumahnya dalam lingkungan 10' X 8'. Ini merupakan kuil milik keluarganya dan segala urus tadbir kuil ini dikendalikan oleh keluarganya.

En.Vijayan dan keluarganya menjadi penganut setia *Dewa Sadamuni* atau *Dewa Ayyah*. Pada tahun 1990-an, beliau bekerja sebagai pemandu jentolak di Ladang Tangkak, Johor. Kuil di ladang berkenaan telah dirobohkan dan semua *vigraham* yang diperbuat daripada simen di kuil itu dicadang dibuang ke dalam laut yang berhampiran. Pada ketika itu, En.Vijayan telah merayu kepada pengurusan kuil untuk menyerahkan *vigraham Dewa Sadamuni* setinggi 4 kaki, kepadanya. Beliau membawa pulang *vigraham* tersebut ke rumahnya di lot No.65 bagi tujuan pemujaan. Beliau, kemudian, membina

AG48 KUIL SRI MAHA MARIAMMAN

Lot 1752, Kampung Bukit, Pulau Sebang, 78000 Alor Gajah, Melaka.

Apabila Ladang Pegoh diambil alih daripada Syarikat Sime Darby untuk pembangunan Syarikat A Famosa dan Syarikat Honda, kuil Hindu di ladang itu telah terpaksa dipindahkan. Walaupun tanah diperoleh di Pulau Sebang (AG23) dan di Simpang Ampat (AG38) untuk pembinaan kuil oleh pekerja-pekerja yang berpindah ke kawasan-kawasan itu, beberapa *vigraha* dari kuil asal di ladang telah terserah pada En.M.Krishnan yang menjadi *gurukkal* di kuil asal berkenaan. *Vigraha-vigraha* itu dibawa ke tanahnya sendiri, dan kuil kecil ini dimulakan di sini dan kekal hingga sekarang.

Jawatankuasa yang mentadbirkan kuil ini sedang berusaha untuk memindahkan kuil ke tanah milik kuil apabila usahanya berjaya nanti, dan menganggap penempatannya sekarang adalah buat sementara sahaja. Pemilik kuil yang menjadi ketua agama memberikan perkhidmatan *arulvaaku* di kuil ini pada penganut yang memohon bantuan dan nasihat daripada *Dewi Maha Mariamman.*

Mariamman Thiruvizha yang diadakan pada bulan *Aadi* di tempat asal, kini diraikan pada bulan *Aavani,* iaitu September, selama 5 hari berturut-turut di kuil ini. Pada hari terakhir perayaan ini pengorbanan hidupan dilakukan dengan hidangan makanan daging pada para penganut. Ramai bekas pekerja dan keluarga-keluarga yang pernah bekerja di Ladang Pegoh, yang kini tinggal di berbagai-bagai tempat, kembali ke kuil ini untuk menyertai perayaan ini. Namun, pengurusan kuil ini masih belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

CamScanner

AG49	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN
	Ladang Kempas, Bahagian Bukit Bachang, 78100 Lubuk China, Melaka.

Pekerja Ladang Kempas yang beragama Hindu telah memulakan kuil ini sejak tahun 1940 lagi apabila ladang ini di tangan Kumpulan Guthrie. Kini Kumpulan Sime Darby telah mengambil alih ladang ini. Ada sebuah *'kanni koyil'* di tebing sungai, yang menjadi sebahagian kuil ini, dan kesaktian *kanni koyil* sangat dipercayai oleh para penganut yang setia pada kuil ini.

Walaupun tiada kuarters pekerja yang berhampiran, pekerja mahupun waris mereka yang kini tinggal di sekitar kawasan ini kembali untuk beribadat di kuil tempat kelahiran mereka. Lebih-lebih lagi, ramai kembali untuk menyertai *thiruvizha* tahunan untuk bertemu dengan rakan-rakan serta saudara-mara mereka. *Mariamman Thiruvizha* diadakan selama 7 hari berturut-turut pada bulan September setiap tahun sejak tahun 1970. Penyembelihan hidupan dan hidangan daging dibenarkan di kuil ini.

Jawatankuasa baharu kuil ini sedang berusaha mendapatkan tanah bagi kuil ini dan menghidupkan aktiviti kuil supaya berfaedah kepada keluarga-keluarga Hindu yang tinggal di taman-taman yang berhampiran. Juga, mereka ingin mendaftarkan kuil ini dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia kerana pengurusannya masih belum berbuat demikian.

CamScanner

AG50 KUIL SRI MAHA MARIAMMAN

Ladang Lendu San, Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka.

Kuil ini, yang terletak dalam ladang milik keluarga Cina, ditubuhkan oleh Mendiang En.Senevasan dengan sokongan majikannya dan pekerja ladang pada tahun 1940-an. Kuil ini, yang berstruktur bangunan papan, terletak dalam kawasan tanah seluas suku ekar. Perjalanan dari Pekan Lendu ke Masjid Tanah, di kilometer 3, kita akan melalui Kompleks Rakan Muda daerah Alor Gajah. Selepas kompleks itu, di sebelah kiri ada sebatang jalan menuju ke arah ladang Lendu San sejauh 300 meter. Di situlah tersergamnya kuil *Sri Maha Mariamman.*

Pada tahun 1983, kuil itu dibaik pulih. Dahulu, semua *vigraham* ditempatkan di dewan sembahyang yang sama. Selepas proses penambahbaikan, *vigraham Dewi Mariamman*, *Dewa Vinayagar* dan *Dewa Murugan* ditempatkan di dewan sembahyang utama, manakala *Dewa Muneswarar*, dan *Dewi Kaliamah* ditempatkan dalam dewan sembahyang yang berasingan. Penambahbaikan ini memberi ruang kepada pekerja ladang sejumlah 150 keluarga untuk beribadah dengan lebih selesa.

Pada tahun 2008, Ketua MIC Bahagian Masjid Tanah, Datuk G.Kannan memperoleh peruntukan sejumlah RM 10,000.00 daripada kerajaan. Peruntukan itu dibelanja untuk menggantikan bumbung kuil dan memasang batu jubin. Datuk G.Kannan juga berjaya mendapatkan peruntukan bagi menurap jalan yang menghubungkan jalan besar Lendu-Masjid Tanah dengan kuil berkenaan.



CamScanner

Perayaan khas di kuil ini disambut pada bulan *Aavani* mengikut kalendar Tamil sejak 1983. Walaupun pengurusan kuil telah memohon kepada pemilik ladang menyumbang kawasan kuil seluas setengah ekar kepada pengurusan kuil sebagai tanda penghargaan kepada pekerja ladang, namun, pemilik ladang masih belum berikan respons semasa kajian ini dilakukan. Pengurusan kuil ini masih belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

AG51	**KUIL SRI MAHA KALIAMMAN**
	Ladang Kuala Sungai Baru, Kampung Air Molek, 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka.

Pekerja-pekerja ladang ini mendirikan kuil ini sejak tahun 1900-an, dan menurut ceritanya, pada asalnya kuil ini dikenali sebagai *Kanni Kuil*, dan kemudian ditukar nama pada *Sri Maha Kaliamman Kuil.* Mengikut cerita orang tua-tua di sini, walaupun para penganut mendirikan bangunan kuil yang lebih besar, '*Amman*' tidak mahu berpindah, dan lebih suka bersemayam di bangunan asal yang kecil – dan hingga sekarang kuil kecil ini diselenggarakan oleh penganut-penganutnya yang setia.

Ladang milik Kumpulan Sime Darby tiada kuarters pekerja lagi, dan penganut-penganut yang tinggal di taman-taman perumahan yang berdekatan, dan yang pernah bekerja di ladang ini kembali untuk beribadat di kuil ini. Kesaktian kuil ini dikagumi oleh penganutnya. *Kaliamman Thiruvizha* diadakan pada bulan *Aadi,* Julai-Ogos, selama 3 hari berturut-turut sejak kuil ditubuhkan. Kebanyakan sanak saudara, waris bekas pekerja, dan sahabat handai penganut-penganut yang pernah tinggal di ladang ini kembali ke `*kampung'* mereka semasa *thiruvizha* ini.

Jawatankuasa kuil sedang berusaha untuk mendapatkan dana untuk membeli tanah bagi kuil dan membina kuil dalam masa terdekat. Namun, pengurusan kuil ini masih belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan semasa kajian ini dilakukan.

CamScanner

AG52	KUIL SRI MUNEESWARAR
	No 389, Jalan Keretapi Lama, Kampung Pengkalan, 78000 Alor Gajah.

Kuil ini dimulakan oleh En.Suras sejak tahun 2000 di tanah sewaan oleh En. Pathinathan daripada pihak KTM dahulu. *Arulvaaku* diberikan atas nama *Dewa Muneeswarar* pada setiap hari Sabtu dan Ahad, dan banyak penganut mengunjungi kuil ini untuk mendapatkan perkhidmatan ini.

Namun, kuil ini lebih mirip kuil keluarga yang dimiliki oleh pengerusinya yang menjalankan segala urusannya. *Muneeswarar Thiruvizha* diadakan selama 12 hari sebelum perayaan *Ponggal,* iaitu pada awal bulan Januari setiap tahun. Banyak penganut menghadiri *thiruvizha* ini dan pengorbanan hidupan dilakukan dengan hidangan makanan daging pada yang hadir.

Pihak kuil ini mahu membeli tanah untuk mengalihkan kuil ini pada masa muka. Namun, pengurusan kuil ini masih belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan semasa kajian ini berlangsung.

CamScanner

AG53	KUIL SRI SABTA KANNI AMMAN
	Ladang Lendu, Jelawai, 78000 Alor Gajah, Melaka.

Kuil di ladang Lendu ini, dipercayai dimulakan sejak tahun 1900-an lagi, dan pernah melalui pembaikan dan pembaharuan dari semasa ke semasa mengikut kemampuan penganut yang tinggal di ladang ini. Kini ladang ini diambil alih oleh Chong Bee Sdn Berhad, dan diberitakan, jika ada pembangunan, tanah akan disediakan untuk kuil ini. Kini kuil terletak di kawasan pedalaman ladang ini.

Pada masa ini pengerusi kuil ini menyelenggarakan hal-hal kuil dengan kerjasama beberapa penganut lain. Pada waktu *thiruvizha* banyak penganut, khususnya yang pernah tinggal dan bertugas di ladang ini – kembali. *Kanni Amman Thiruvizha* diadakan selama 7 hari pada bulan Julai sejak kuil ini ditubuhkan. Pada hari-hari tertentu penyembelihan hidupan dilakukan dengan makanan daging dihidangkan pada para penganut yang hadir.

Di atas bukit berhampiran kuil ini, terdapat sebuah kuil lain atas nama *Sri Karuppanna Samy* atau *Sangili Karuppan*, ditadbirkan oleh jawatankuasa yang sama. Namun, pengurusan kuil ini masih belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

CamScanner

AG54 KUIL SRI KARUPPANNA SAMY / SANGGILI KARUPPAN

Ladang Lendu, Jelawai, 78000 Alor Gajah, Melaka.

Kuil ini terletak di atas bukit, yang boleh dilalui dari *Kuil Sri Kanni Amman*, dan pihak yang sama menyelenggarakan kedua-dua kuil ini. Kuil di atas bukit ini sebenarnya terletak di tanah simpanan kerajaan, sebelah tanah ladang, dan dimulakan sejak tahun 2003 oleh En.Kanniappan Gopal. Menurut pengasasnya, kuil ini ditubuhkan setelah bermimpi dan mendapat seruan untuk menubuhkannya di situ dan terus beribadat di situ.

Namun, kuil ini merupakan kuil keluarga sahaja pada kebanyakan masa, kecuali pada masa *thiruvizha* diadakan. *Karuppusamy Thiruvizha* diadakan selama 3 hari berturut-turut dalam bulan September setiap tahun sejak 2003, dan pengorbanan hidupan dilakukan dengan hidangan makanan daging pada para penganut yang hadir. Ramai belia menghadiri aktiviti kuil ini, khususnya semasa *thiruvizha* ini diadakan.

Hasrat jawatankuasa kuil adalah untuk membina kedua-dua kuil di tapak yang sama apabila berjaya memperoleh tanah bagi kuil secara khusus. Namun, pengurusan kuil ini masih belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

CamScanner

AG55	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN
	Ladang Nam Bee, 76460 Tebong, Melaka. *(Dahulu : Ladang Batu Berkarat ---> Ladang Tong Bee Chan)*

Kuil ini dimulakan oleh pekerja Ladang Batu Berkarat pada sekitar tahun 1957. Kini Ladang ini dimiliki oleh Nam Bee Co Sdn Bhd diambil alih dari Syarikat Tong Bee Chan. Tiada pekerja Hindu yang duduk di ladang ini sekarang. Walaupun ada rumah pekerja tetapi diduduki oleh pekerja asing berlainan agama. Sebilangan kecil rumah pekerja telah diroboh.

Hanya beberapa penganut Hindu yang pernah bekerja di sini dibenarkan mengunjungi kuil untuk sembahyang. Orang luar langsung tidak dibenarkan masuk ke kawasan ladang ini. Kuil ini hampir terbiar kerana kurang penganut.

Pihak ladang melantik seorang penjaga kuil yang keluarganya pernah bekerja di ladang ini dan kini duduk di kawasan Machap yang berhampiran dengan ladang ini untuk menguruskan sembahyang dan memelihara kebersihan sekitar kuil ini.

Tiada *pooja* khas kecuali pada perayaan tahunan yang biasanya diadakan pada bulan Mac biasanya pada hujung minggu sama ada Hari Sabtu atau Ahad. Pihak ladang mensyaratkan harus

CamScanner

ada kebenaran daripada pihaknya untuk mengadakan perayaan tahunan di kuil ini.

Tidak ramai yang mengunjungi kuil ini kecuali beberapa keluarga yang duduk berhampiran ladang ini. Ini mungkin disebabkan beberapa kuil yang sedia ada di sekitar kawasan Tebong mengadakan perayaan tahunan dengan lebih meriah dan menarik ramai orang yang pernah duduk di kawasan ini dahulu tetapi sudah pindah ke kawasan-kawasan lain luar negeri Melaka.

Oleh sebab pihak majikan ladang tidak membenarkan, pengurusan kuil tidak dapat berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan. Malah, tiada kebenaran untuk melakukan sebarang perubahan atau pembaikan pada kuil yang sedia ada kerana bangunan ini diuruskan oleh pihak pengurusan ladang.

Penjaga kuil yang ada sekarang bersama dengan penduduk Hindu di kawasan itu sedang bincang dengan ADUN kawasannya dalam usaha untuk pindah kuil ini ke kawasan sekitar Pekan Machap.

AG56	**KUIL SRI MAHA MARIAMMAN,**
	Jalan Keretapi Lama, Pengkalan, 78000 Alor Gajah, Melaka.

Kuil ini dimulakan pada tahun 1931 di Ladang Getah Lian Huat di Pengkalan Alor Gajah oleh pekerja-pekerja yang beragama Hindu di ladang itu. Apabila, pada 2007, pemilik ladang menjual ladangnya kepada pemaju yang ingin membangunkan taman perumahan di situ, kuil ini tidak diberikan tapak tanah gantian oleh pemilik baharu itu untuk membina atau mengalih kuil yang sedia wujud itu.

CamScanner

Apabila jawatankuasa yang menguruskan kuil itu terus merayu pada pemaju, ia hanya sanggup membantunya untuk membina bangunan yang serupa di tapak yang ditentukan oleh jawatankuasa kuil. Segala usaha untuk mendapatkan tanah gantian oleh jawatankuasa kuil gagal ketika itu. Oleh sebab pada masa itu sudah ada banyak keluarga yang sudah pun menduduki tanah KTM yang telah diambil alih oleh kerajaan Negeri Melaka di Pengkalan, dan, Pejabat Tanah Alor Gajah telah membenarkan pendudukan ini melalui TOL (Temporary Occupational Licence) dan salah seorang Hindu yang bernama En.Thamizhchelam yang mempunyai lesen ini membenarkan kuil Hindu Mariamman dari Ladang Lian Huat itu dibina di tapak seluas kira-kira 5,000 kaki persegi ini. Pihak pemaju perumahan pula mendirikan bangunan bagi kuil, sama seperti yang terdapat di ladang itu dahulu dengan mengekalkan semua *vigraha* asalnya. Tetapi pembinaan ini tidak mendapat kelulusan Majlis Perbandaran Alor Gajah kerana salah satu syarat tanah TOL ialah tiada kebenaran untuk mendirikan bangunan kekal.

Sehingga sekarang status kuil ini masih di tanah kerajaan, dan pihak pengurusan kuil sedang berusaha untuk mendapatkan geran bagi tapak berkenaan atas nama kuil daripada Pejabat Tanah daerah Alor Gajah dan Kerajaan Negeri Melaka.

Kini terdapat hampir 30 keluarga Hindu yang menduduki kawasan ini, sehingga ada yang menganggap kawasan ini sebagai *'Kampung India Pengkalan'*. Ada juga penganut yang kini tinggal di taman perumahan yang berhampiran. Kuil ini berada tidak jauh dari kuil AG3, Sri Sithi Vinayagar Sri Bala Subramaniar Aalayam, yang lebih merupakan kuil induk di kawasan ini. Hal ini menyebabkan bilangan penganut yang menggunakan kuil ini secara berterusan agak kecil. Lebih-lebih lagi di kampung ini, banyak juga penganut yang mendirikan *'kuil keluarga*' masing-masing di pekarangan rumahnya.

Namun, apabila pesta tahunan atau *Mariamman Thiruvizha* diadakan selama 10 hari pada bulan Hindu *Chittirai* (April/Mei) hampir 500 penganut mengunjungi kuil ini untuk beribadat. Jawatankuasa yang mengendalikan kuil ini masih merupakan waris daripada keluarga-keluarga yang pernah menduduki Ladang Lian Huat, dan kini terus menetap di kawasan ini.

Namun, sehingga kajian ini dilakukan, jawatankuasa kuil ini masih belum berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia.

CamScanner

CamScanner

BAHAGIAN D

PERTUBUHAN AGAMA

CamScanner

CamScanner

1.	KUIL SHREE AMBAJI MELAKA	368
2.	GURDWARA SAHIB MELAKA	371
3.	JAINISME	376
4.	MASYARAKAT SINDHI DI MELAKA	381
5.	PERTUBUHAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN INDIA KRISHNA BALARAM, MELAKA	386
6.	THE DIVINE LIFE SOCIETY MALACCA SUB-BRANCH	394
7.	MALAYSIA HINDHUDHARMA MAAMANDRAM	398
8.	MALAYSIA HINDU SANGAM MELAKA	401
9.	PERSATUAN PENGANUT SRI KAMACHI BRINDAVANAM MELAKA	407
10.	MELMARUVATHUR ATHIPARASAKTHI AANMIGA, ARAPPANI DEVOTEES ASSOCIATION MALAYSIA, MALACCA MANDRAM	411
11.	MELAKA NAALVAR MANDRAM	413
12.	PUSAT SRI SATHYA SAI BABA MELAKA	415
13.	SHIRDI SAI BABA SAMAJAM, MELAKA	420
	13.1. Melaka Perdana, Bukit Katil	422
	13.2. Jalan Bendahara	424
14.	PERTUBUHAN KEBAJIKAN BHAGAWAN SRI RAMAKRISHNA	426
15.	TEMPLE OF FINE ARTS (TFA) DAN SHIVA FAMILY, MELAKA	431
16.	PERTUBUHAN VALLALAR SANMARGAM	
	16.1. Taman Pengkalan Maju, Bukit Katil	434
	16.2. Taman Semabuk Perdana	436
17.	PERSATUAN PENGANUT LORD GANESHA PU TI YUEN, BATU BERENDAM	438
18.	KREMATORIUM HINDU MELAKA	441

CamScanner

1	**KUIL SHREE AMBAJI MELAKA**
	No: 181, Jalan Ujung Pasir, 75050 Melaka.

Kehadiran orang India di Tanah Melayu dari benua India boleh dikesan melalui sejarah kira-kira 2000 tahun yang lalu. Aliran masuk mereka berlaku dalam pelbagai peringkat masa dan bagi beraneka tujuan. Pedagang Gujarat merupakan pedagang rempah ratus yang pertama dari India menjejak kaki di Melaka pada abad ke-14 dan menjadikan Melaka sebagai '*Oasis*' mereka. Dalam peredaran masa, bilangan ahli komuniti Gujarat meningkat dan mereka beranggapan satu persatuan perlu untuk mengeratkan silaturahim antara orang Gujarat dan memelihara budaya dan agama di bawah satu payung. Maka, pada 23-04-1972 satu jawatankuasa protem dibentuk di bawah kepimpinan mendiang Datuk C.M.Seth. Selain itu, Sri Bava Harji Ram, Sri Shantilal Maganlal Anghvi dan Sri Khimje Bhimjee merupakan antara tokoh lain yang mendukung misi murni ini. Pada 01-06-1974 *Malacca Gujarati Samaj* (MGS) diasaskan secara rasminya.

Matlamat utama mutakhir MGS ialah membina *Kuil Shree Ambaji* dengan kemudahan dewan dan bilik penginapan untuk penganut dari luar. Di India terdapat 52 *Shakti* atau *Ambaji Peedam Tirta* purba yang tersohor. Daripada bilangan itu, ada 12 *Ambaji Peedam Tirta* yang utama. Salah satu daripadanya ialah *Ambaji Mata Mandir* di Anard, Gujarat, India. Maka tidak hairanlah MGS merancang untuk membina *Kuil Shree Ambaji* di Melaka. Dengan sumbangan daripada masyarakat Gujarati

CamScanner

dan orang awam, MGS membeli sebidang tanah di Ujung Pasir untuk tujuan itu pada 19-01-1973. Pada 17-10-1982 bangunan MGS dan *Kuil Shree Ambaji* siap dibina. Maka, tersergam indahlah *Kuil Shree Ambaji* selenggaraan orang Gujarati sepenuhnya yang pertama di Malaysia, malah di Asia Tenggara.

Perayaan *Navratri* dan *Patotsav* merupakan antara perayaan utama disambut di kuil ini. Perayaan *Navratri* disambut selama 9 hari pada bulan September - Oktober setiap tahun. Setiap malam, orang Gujarati dan penganut agama lain terutamanya orang Cina hadir ke kuil untuk bersembahyang memanjatkan niat mereka. Selepas upacara *pooja, prasadam* dihidangkan kepada semua yang hadir. Pada hari terakhir, iaitu hari ke-9, selepas *pooja* khas, makan tengah hari dihidangkan untuk semua penganut. Pada waktu senja, perarakan *pedati* berhias atau *ratha* yang membawa *Dewi Ambaji* bergerak sejauh 10 kilometer mengelilingi Bandar Melaka. Semasa pergerakan *ratha*, ramai penganut Gujarati dan juga bukan Gujarati, terutamanya orang Cina bersembahyang di hadapan *ratha*. Keluarga yang bersembahyang juga menyediakan makan minum untuk penganut yang mengiringi *ratha*. Perayaan ini dibanjiri lebih daripada 800 orang penganut dari seluruh Malaysia, Singapura dan negara-negara jiran tetangga yang lain.

CamScanner

BAHAGIAN D

Perayaan *Patotsav (Murti Consecration Anniversary Utsav)* ialah sambutan hari ulang tahun pentahbisan bhagawan yang bersemadi di kuil. Upacara khas di kuil disempurnakan oleh *sami,* juga dikenali sebagai *Maharaj*. Pelbagai aktiviti keagamaan dan kebudayaan menyemarakkan sambutan ini. Sri P.Tansukhlal Girdharlal, merupakan Sami Gujarati berstatus tinggi atau *Maharaj* pertama yang pernah berkhidmat di kuil ini selama tiga tempoh masa iaitu, 1998-1999, 2004-2006 dan 2013-2015. Khidmat bakti beliau amat disanjung tinggi.

Kuil ini beroperasi setiap hari dari 7.00 pagi-10.00 pagi dan 5.00 petang 9.00 malam. *Kuil Shree Ambaji* Melaka ialah pusat kegiatan agama, kesenian, kebudayaan dan lambang perpaduan masyarakat Gujarati khususnya di Melaka dan amnya di Malaysia. *Jai Ambe.*

Catatan disediakan oleh En. Bharat K. Ajmera,
Pengerusi, Jawatankuasa Kuil Shree Ambaji Melaka.

CamScanner

2	**GURDWARA SAHIB MELAKA**
	150-A, Jalan Temenggong, Kampung Banda Kaba, 75000 Melaka.

Gurdwara ialah rumah ibadat kaum Sikh. Makna perkataan 'Sikh' ialah 'Pelajar' atau 'Disiplin' yang menganuti agama 'Sikhism'. Kitab suci agama Sikh ialah *SRI GURU GRANTH SAHIB JI.* Perkataan 'Punjabi' menunjukkan ras seseorang, manakala perkataan 'Sikh' menunjukkan agamanya kerana bukan semua orang Punjabi semestinya menganuti agama ini.

Di Malaysia ada kira-kira 119 *Gurdwara* sekarang, dengan negeri Perak memiliki lebih 40 daripadanya. Di Melaka hanya satu sahaja dan memang *Gurdwara* yang terkenal, baik di dalam negeri ini, di seluruh Malaysia, mahupun di luar negara dengan ramai penganut mengunjunginya dalam *Semagam* tahunan yang diadakan pada bulan Mei, sehingga timbul kesesakan di jalan raya yang berhampiran dengan *Gurdwara Sahib Melaka* ini di Jalan Temenggong, Melaka.

Pada masa *Semagam* tahunan ini diadakan selama tiga hari, hotel-hotel di Bandar Melaka ditempah sepenuhnya oleh kaum Sikh yang datang dari berbagai-bagai tempat untuk beribadat dan mendapat restu dari *Gurdwara* yang bersejarah di Melaka ini.

Malah, *Gurdwara* ini juga terkenal dengan persediaan makanan sayur-sayuran dan minuman untuk sarapan hingga makan malam kepada sesiapa sahaja yang memerlukannya sebagai sumbangan ikhlas pada masyarakat umum tanpa mengamalkan sebarang perbezaan. Amalan ini terdapat di semua *Gurdwara,* kerana ia sebahagian daripada amalan agama Sikh.

Pada zaman penjajahan British, orang Sikh dari negeri Punjab, India, telah diambil bertugas sebagai polis, tentera mahupun pengawal di Malaya. Kini generasi terkemudian telah mula meneroka bidang-bidang lain melalui pendidikan yang diterimanya, sehingga ramai juga yang memegang jawatan profesional dalam kalangan masyarakat Malaysia. Kini terdapat kira-kira 100,000 orang Sikh di Malaysia. Sebagai negeri Selat, Melaka memang menjadi salah sebuah negeri yang diduduki oleh kaum ini.

CamScanner

BAHAGIAN D

Apabila kita meninjau sejarah *Gurdwara* di Melaka, ia bermula apabila pegawai-pegawai dan anggota polis daripada kaum Sikh yang berkhidmat di bawah Pemerintah Negeri-Negeri Selat dan ditempatkan di Bandar Melaka, menggunakan sebuah bilik di berek untuk menempatkan Buku Suci Agama Sikh, *Sri Guru Granth Sahib Ji* sebagai tempat ibadat mereka pada sekitar tahun 1900. Beberapa keluarga Sikh dalam kalangan orang awam juga telah dapat menggunakan *Gurdwara Polis* ini untuk ibadat mereka.

Pada tahun 1909, sebidang tanah – Lot 99 – yang seluas 32,780 kaki persegi telah dibeli di Jalan Temenggong, *(Egerton Road)* Melaka. Sebuah bangunan papan dan atap rembia didirikan di tapak ini secara bergotong-royong dalam kalangan penganut, baik daripada kalangan polis mahupun daripada kalangan orang awam, dan apabila siap, Buku Suci Agama Sikh, *Sri Guru Granth Sahib Ji* dialihkan ke bangunan ini.

Walaupun pada awalnya, hanya kaum Sikh yang bertugas dalam perkhidmatan Polis dan beberapa keluarga orang awam di sekitar Bandar Melaka sahaja yang mengggunakan *Gurdwara* ini, lambat laun, keluarga-keluarga Sikh yang mendiami kawasan Merlimau, Jasin, Alor Gajah, Tampin dan Muar turut menyertai sesi-sesi agamanya dengan lebih tekun dan kerap.

Pada tahun 1920-an terdapat antara 200 dan 250 pegawai polis dari kaum Sikh di Melaka, dan bilangan keluarga Sikh dalam kalangan orang awam juga bertambah. Hal ini menyebabkan, pada tahun 1924, kaum Sikh daripada kalangan orang awam memutuskan untuk mendirikan bangunan *Gurdwara* yang lebih besar sesuai dengan pertambahan bilangan anggota kaum Sikh di negeri Melaka. Kaum Sikh dalam perkhidmatan polis juga memberikan sokongan terhadap cadangan ini, dan usaha untuk mengumpulkan dana dimulakan.

Jawatankuasa Pengurusan menyediakan segala spesifikasi tentang bangunan setingkat yang dicadangkan secara terperinci sebelum mendapatkan khidmat kontraktor China untuk membinanya. Pada bulan Oktober, 1925, bangunan itu siap dibina dengan harga $8,450.00. Bangunan ini dirasmikan pembukaannya pada November, 1925, pada ulang tahun hari kelahiran *Sri Guru Nanak Sahib Ji*. Penganut-penganut kaum Sikh dari bandar-bandar lain dan tempat yang berjauhan juga menghadiri upacara perasmian ini dan menjadi acara yang penting dalam takwim *Gurdwara* ini dan kaum Sikh di negeri Melaka.

SANT BABA SOHAN SINGH JI

Antara ketua agama yang berkhidmat di Gurdwara ini, *Sant Baba Sohan Singh Ji* dianggap yang paling penting kerana berperanan meletakkan asas yang kukuh dalam pembangunan Gurdwara ini sejak 24 Oktober, 1927 hingga 24 Mei, 1972 – suatu tempoh yang sangat lama sehingga menjadi sebati dengan jiwa *Gurdwara* ini. Sumbangannya telah diabadikan dalam sebuah buku khas yang mencatatkan segala sumbangannya pada Gurdwara ini, khasnya mahupun pada kaum Sikh di seluruh negara Malaysia.

Beliau lahir di Punjab pada tahun 1902, beliau datang ke Malaya pada tahun 1926 dan mengabadikan hayatnya untuk berbakti pada agama dan menyinarkan hidup para penganut *Gurdwara* di negeri dan negara ini, sehingga bersemadi pada tahun 1972.

CamScanner

Usaha untuk memperkukuh kedudukan *Gurdwara* diteruskan sehingga kini dan kini *Gurdwara Sahib Melaka* mempunyai tanah lot 96, 99, 100, 101, 167, 168, 170, 171 dan 234 seluas 86,914 kaki persegi atau 1.995 ekar. Kini kompleks ini meliputi *Gurdwara Sahib Malacca*, *Kompleks Sant Baba Sohan Singh Ji, Sant Baba Sohan Singh Ji Dharmak Vidyala* dan stor serta bangunan dapur.

Setelah kesemadian *Sant Baba Sohan Singh Ji*, ramai penganut Sikh di seluruh negara yang menyayangi dan menghormatinya menubuhkan *Pertubuhan Peringatan Sant Baba Sohan Singh Ji,* dan memohon kebenaran daripada pengurusan *Gurdwara Sahib Malacca* untuk menempatkan sebuah bangunan khas untuk memperingati guru agama berkenaan khusus untuk melatih anak-anak muda dalam selok-belok agama ini untuk menjadi pemimpin agama di *Gurdwara-Gurdwara* di negara ini, di pekarangan *Gurdwara Sahib Malacca*.

Pada tahun 1974 *Bangunan Sant Baba Sohan Singh Ji DharmakVidyala* telah dirancang, dan dirasmikan pembukaannya pada 23 Mei, 1976, iaitu ulang tahun keempat kesemadian *Sant Baba Sohan Singh Ji.* Malangnya, atas pelbagai sebab, latihan ini tidak berterusan pada ketika ini.

Pada akhir tahun 1996 perancangan dilakukan oleh *Gurdwara Sahib Malacca* untuk membina bangunan tiga tingkat, dikenali sebagai *Kompleks Sant Baba Sohan Singh Ji.* Kompeks ini siap dibina pada tahun 1998 dengan kos RM2,000,000.00, dan dirasmikan pembukaannya pada 13 April, 1998. Pengumpulan dana dilakukan dengan pelbagai usaha, termasuk melalui penjualan sebidang tanah kepunyaan *Gurdwara Sahib Malacca* di lokasi lain di Bandar Melaka.

Dalam kompleks ini, tingkat bawah menempatkan pejabat, dewan *langar* (makanan), dan dapur; tingkat dua pula menempatkan bilik kediaman *granthis*, tiga bilik darjah, dua bilik untuk pelawat dan Perpustakaan *Khalsa*. Perpustakaan ini mengandungi juga buku-buku yang sukar didapati, daripada simpanan *Sant Sohan Singh Ji*.

Tingkat tiga pula dapat diakses dengan lif – khususnya untuk yang uzur, berumur dan orang kurang upaya – dan menempatkan *Darbar Sahib* yang luasnya 5,000 kaki persegi. Dalam tingkat ini juga ada *Darbar Sahib Gurdwara Sahib Malacca* dengan ditempatkan *Buku Suci Agama Sikh, Sri Guru Granth Sahib Ji.* Dua upacara agama dapat dijalankan serentak dengan adanya kemudahan ini di *Gurdwara Sahib Malacca*.

CamScanner

BAHAGIAN D

Pada tahun 1998, bangunan lama *Gurdwara Sahib Malacca* diperbaiki dengan mengekalkan motif-motif hiasan yang asal, dengan membaiki kubah dan siling.

Jawatankuasa *Gurdwara Sahib Malacca* telah memutuskan untuk mengingati hari kesemadian *Sant Baba Sohan Singh Ji* dengan mengadakan *Akhand Path* dan sesi bersembahyang pada minggu ketiga dalam bulan Mei setiap tahun. *Percharaks* dan *kirtan jathas* dijemput untuk melakukan *gurmatparchaar* dan menghuraikan ajaran-ajaran yang dipelopori oleh *Sant Baba Sohan Singh Ji.* Penganut-penganut dari seluruh Malaysia, Singapura dan beberapa negara lain menghadiri sesi-sesi sembahyang ini untuk menghormati *Sant Ji* yang disayanginya, di samping menerima restu *Waheguru. (Tuhan)*

Pada masa upacara ini dijalankan, banyak juga gerai makanan, pakaian dan barang-barang perhiasan didirikan di Jalan Temenggong yang menarik orang ramai. Selain penganut yang datang ke *Gurdwara* untuk terlibat dalam acara-acara agama, ramai yang bukan Sikh tempatan mahupun para pelancong dari luar juga hadir untuk membeli barang-barang yang disediakan untuk jualan. *Semagam* ini memang tercatat dalam takwim pelancongan negeri Melaka.

Pada masa ini kurang daripada 100 keluarga kaum Sikh tinggal di negeri Melaka, dan *Gurdwara* ini merupakan tempat ibadat mereka yang utama. Kira-kira 30 pelajar belajar bahasa Punjabi, skrip *Gurmukhi*, dan *Gurbani* dalam *Kompleks Sant Baba Sohan Singh Ji.* Kelas-kelas diadakan dua kali seminggu pada hari Sabtu dan Ahad.

Sesi bersembahyang mingguan diadakan pada pagi hari Ahad, untuk membaca *Asa Di Vaar, Kirtan* dari pukul 6.30 pagi hingga pukul 8.00 pagi. Selepas *Ardas* (sesi kemuncak sembahyang), *Kerah Parshad* dihidangkan. Penganut kemudian ke dewan *langar*, untuk sarapan dengan minuman teh dan *peronthay*, sejenis roti yang dimasak dengan minyak sapi, bersama dengan yoghurt atau acar mangga atau limau.

Bagi wanita, *Istri Satsang,* perjumpaan agama wanita, diadakan sekali sebulan pada hari *Sangrand*.

Semua *Gurupurabs* utama Sepuluh Guru, Hari *Vesakhi*, dan *Parkash Dehara Sri Guru Granth Sahib Ji,* diraikan secara besar-besaran dengan mengadakan sama ada *Akhand Paths* atau *Sehaj Paths*. *Kirtan, Katha Gurbani* dan *Gurmat Parchaar* dilakukan oleh *ragis* dan *parcharaks* yang hadir bersama. *Jordmela* diadakan mengikut keperluan, apabila ada permintaan penganut *Gurdwara Sahib Malacca.*

Jawatankuasa *Gurdwara Sahib Malacca* dapat menjayakan segala aktivitinya dan juga menyediakan *langar* (makanan) dan minuman teh kepada sesiapa yang mengunjunginya dengan perbelanjaan purata RM600 sehari. Kesemuanya menjadi kenyataan dengan adanya sokongan padu daripada masyarakat Sikh di negeri Melaka, dan juga dari luar Melaka yang secara ikhlas memberikan sokongan dan bantuan yang diperlukan secara berterusan, khususnya pada waktu perayaan dan sesi bersembahyang. Sumbangan daripada pihak kerajaan memang diterima dari semasa ke semasa.

Kini keahlian *Gurdwara Sahib Malacca* dalam lingkungan 270 orang dan dibataskan pada yang berasal dari Melaka dan yang menetap di negeri Melaka. Yuran keahlian ialah seringgit sebulan dengan dua ringgit sebagai yuran masuk bagi ahli yang baharu – suatu jumlah yang sangat minimum.

Pada peringkat nasional, wujud pula *Majlis Gurdwara Malaysia* yang dianggotai oleh hampir semua *Gurdwara* di dalam negara ini yang berperanan untuk menyelaraskan aktiviti agama Sikh di

CamScanner

samping mewakili agama Sikh, dan memperjuangkan pengenalan, budaya mahupun warisan Sikh di negara ini melalui program dan aktivitinya. *Gurdwara Sahib Malacca* memang menjadi ahli Majlis ini.

Majlis Gurdwara Malaysia menganggotai *Majlis Perundingan Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Taois (MCCBCHST).* Majlis ini bertujuan untuk mencadangkan kepada kerajaan Malaysia, dasar-dasar yang berasaskan nilai-nilai agama demi meningkatkan persefahaman antara pelbagai agama di negara ini.

Apabila ditinjau sejarah *Gurdwara Sahib Malacca,* tidak dapat dinafikan bahawa banyak personaliti terlibat dan mengorbankan masa dan tenaga untuk membina *Gurdwara* ini sehingga mencapai kejayaan yang tercapai hingga ke tahap sekarang, dan tidaklah keterlaluan untuk berkata *Gurdwara Sahib Malacca* menjadi sumber kebanggaan bagi setiap penganutnya di Melaka.

(Dirumuskan daripada buku SANT BABA SOHAN SINGH JI OF MALACCA 1902-1972 – HIS LIFE AND TIMES diselenggarakan oleh Saran Singh Sidhu, terbitan Gurdwara Sahib Malacca dan Sant Sohan Singh Ji Malacca Memorial Society, 2007, nota tambahan daripada Wikipedia, dan maklumat yang disampaikan oleh Puan Manmeet Kaur PJK, Setiausaha Gurdwara Sahib Malacca, oleh K.Narayanasamy)

CamScanner

3	**JAINISME - AGAMA KEROHANIAN BERPAKSI PADA AHIMSA**
	d/a Bangunan Gujarati Vanik Sangh, 107, Jalan Banda Kaba, 75000 Melaka.

"Tiga Ratna Jiwa: Pengetahuan yang Benar. Kepercayaan yang Benar. Tindakan yang Benar".
(SBE,45:123-Mahavir)

Jainisme, secara tradisi dikenali sebagai *Dharma Jain* dalam kalangan masyarakat *Jains,* merupakan agama yang tua di Utara India. Penganut agama ini dikenali sebagai *'Jains'*, perkataan yang berasal daripada bahasa Sanskrit *'Jina'* bermaksud pemenang kerohanian atau penaklukan (Conqueror). Orang *Jains* mempercayai pengetahuan kerohanian diperoleh melalui pengajaran 24 pemimpin agama mereka, '*Tirthankaras*' yang terkandung dalam skrip agama. *Tirthankara* yang pertama ialah *Rishabhanatha*, yang dipercayai hidup jutaan tahun dahulu, manakala zaman kehidupan *tirthankara Parshvanath*, pemimpin yang ke-23, ialah 900 Sebelum Masihi. Zaman pemimpin agama terulung yang disanjung ialah *tirthankara* yang ke-24, *Mahavira* sekitar 500 Sebelum Masihi. Penganut Jains amat mempercayai *tirthankara* ke-25 yang masih hidup melebihi 2500 tahun bersemadi di *Mahavideh Shetra*, ruang antara dunia nyata dengan *moksha*.

First Jain Temple in SEA Chintamani Parshvanath Temple Ipoh

CamScanner

Agama *Jainisme* bersandar pada beberapa prinsip utama seperti *ahimsa* (Sikap antikekerasan), 'non-attachment', kebenaran, kejujuran, kontinens seksual dan tiada sikap kepunyaan. Oleh itu, *Jains* umumnya mengamalkan prinsip vegetarian dalam hidup mereka. Mereka berpegang teguh kepada moto '*Ahimsa Parmo-Dharma*' yang bermaksud sikap antikekerasan ialah matlamat terakhir agama dan mantra *'Namokarmantra*' ialah *mahamantra* agama *Jainisme. Mahamantra* ini dilafazkan dalam semua majlis keagamaan dan puja asas.

JAIN TEMPLE, RANAKPUR, RAJASTHAN

Agama *Jainisme* mempunyai pengikut melebihi angka 5 juta dan kebanyakan mereka menetap di benua India. Di luar India, kebanyakan daripada mereka bermastautin di Kanada, Eropah dan Amerika Syarikat. Kini agama ini bersemarak dalam kalangan masyarakat Jepun dan bilangan pengikutnya melebihi 15,000 orang. Pengikut agama ini menyambut beberapa perayaan agama, antaranya *Paryushan, Ayambil, Mahavir Janma Kalyanak* (Hari Keputeraan *Dewa Mahavir*) dan *Deepavali* (Hari *Dewa Mahavir* mencapai status *Kevala Ghana* (Status maha mengetahui dan *moksha*).

Tirumalai Jain temple - cave structure

Secara umumnya, agama ini berteraskan sains jika dilihat daripada aspek kebudayaan dan prinsip kehidupan seseorang *yogi Jain (Jain Munni)*. Seseorang *yogi Jain* hidup pembujangan, makan minum selepas subuh dan selepas senja, makan sebanyak 10 kali sehari, dan minum air terdidih suam. Selain itu, *yogi Jain* juga berpuasa mengikut kalendar *Jain*, dan kerap bermeditasi. Sementelahan, mereka juga tidak makan segala jenis ubi bawah tanah seperti bawang, ubi kentang dan mengamalkan diet vegetarian sepenuhnya. Semua amalan ini menjadikan mereka amat sihat dan kuat.

Mereka juga tidak menggunakan kenderaan dan berkaki ayam. Mereka berjalan kaki ke

CamScanner

semua destinasi dan seboleh-bolehnya hidup mesra dengan alam sekitar. Tuntasnya, matlamat terakhir falsafah agama *Jainisme* ialah terselamat daripada dosa dan kesannya dan pembebasan untuk mencapai status *moksha.* Hal ini bermakna, seseorang melepaskan diri daripada lingkaran hidup dan mati.

JAINSAMAJ AHIMSA, IPOH

Jainisme di Melaka, Malaysia

Di Malaysia terdapat seramai 2500 penganut agama Jainisme. Kebanyakan daripada mereka berasal dari Melaka dan bilangan ini merudum kerana faktor perpindahan ke Kuala Lumpur untuk tujuan ekonomi. Buat masa ini, Melaka mempunyai bilangan penganut agama ini seramai 300-350 *Jains*. Kehadiran *Jains* di Melaka dapat dikesan seawal 1900-an. Segolongan orang Gujarati beragama *Jainisme* berhijrah ke Melaka melalui Myanmar dan Singapura untuk penambahbaikan hidup. Keluarga bersaiz besar seperti keluarga *Jasani, Timbadia, Damani, Doshi, Seth,* dan *Avalani* merupakan antara keluarga yang pertama sekali bersatu hati membentuk masyarakat *Jains* yang lebih berstruktur. Setelah susulan inisiatif, pertubuhan Agama *Jainisme* yang pertama dapat dibentuk pada tahun 1958 dengan nama *Gujarati Vanik Sangh* (GVS). Oleh sebab ini ialah persatuan *Jainisme* yang pertama di Malaysia, maka semua *Jains* yang bermastautin di Malaysia berbangga kerana memiliki bangunan tersendiri untuk majlis masyarakat dan agama mereka.

Presiden pertama GVS Melaka ialah mendiang Shri Chunilal R.Jasani, yang lebih mesra dikenali sebagai *Bapa Lal.* Beliau yang berwawasan menggerakkan usaha untuk membeli bangunan GVS dan merupakan penyumbang dana utama. Seterusnya, kepimpinan GVS diterajui oleh Shri Bhaichandbhai M. Jasani. AJK pimpinannya dengan peruntukan wang daripada Kerajaan Malaysia telah membaik pulih bangunan GVS dan dirasmikan pembukaan semula GVS oleh Allahyarham Tun

CamScanner

Ghafar Baba, mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Usaha gigih Yg. Bhg. Datuk Chandrakant S. Avalani membuahkan peruntukan dana kerajaan pusat dan GVS senantiasa mengenang jasa dan budi baik Datuk. Setelah meninggal dunia, Shri Bhaichandbhai diganti oleh Shri Ishwarlal D. Mavani dan seterusnya oleh Shri Kantilal Ajmera. Berikutnya, Shri Rajesh A. Mavani menjadi presiden GVS yang lebih cemerlang mengangkat martabat GVS. Sekarang, Shri Dr. Mitesh Chandrakant Avalani menjadi presiden GVS yang proaktif.

Masyarakat *Jains* di Melaka menyambut perayaan utama mereka, *Paryushan*, pada bulan Ogos-September setiap tahun. Perayaan ini yang disambut selama 8 hari diisi dengan ceramah agama, upacara sembahyang dan amalan berpuasa. Selain itu, cendekiawan agama *Jainisme* juga didatangkan untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka tentang *Jainisme*. Hari terakhir,

CamScanner

iaitu hari ke-8 perayaan ini, yang dikenali sebagai *Samvatsari Pratikamman* merupakan hari yang amat bermakna bagi *Jains.* Upacara sembahyang berfokus dan meditasi menghiasi hari ini. *Jains* seluruh dunia mempercayai hari ini sebagai hari penebusan dosa, bermaaf-maafan, memohon ampun dan maaf daripada semua insan hidup secara fizikal dan mental serta menganggap semua insan di dunia sebagai sahabat. Mereka mengujarkan '*Micchami Dukkadam*' atau '*Khamat Khamna*' kepada seseorang untuk memohon maaf. Ini bermakna, '*Seandainya saya melukakan hati anda dalam apa cara sekalipun; dengan pengetahuan atau tanpa pengetahuan; melalui minda, ujaran atau aksi, saya memohon ampun dan maaf".* Maksud literal *Paryushan* ialah mematuhi dan datang bersama.

Sri Mahavir Swami Janma Kalyanak ialah hari keputeraan *Dewa Mahavira.* Hari suci ini disambut pada 13hb bulan *Chaitra* mengikut kalendar *Jainisme*. Biasanya tarikh ini antara pertengahan Mac atau awal April. Di Melaka hari ini disambut secara meriah. Sambutan hari ini dimulakan dengan ritual *'Pakshal'* iaitu, memandikan *Vigraha Dewa Mahavira* dan diikuti oleh '*aarti',* iaitu upacara pemujaan dengan menggunakan pelita suci dan upacara *'Julawanu'* iaitu, pembuaian *Vigraha* dewa. Penganut *Jains,* sama ada lelaki, wanita atau kanak-kanak, menghiaskan diri mengikut pakaian tradisi mereka untuk sambutan ini. Seterusnya, perarakan *Dewa Mahavira* dalam *'ratha'* atau `*pedati* berhias' digerakkan sekitar kawasan Banda Kaba. *Vigraha Dewa Mahavira* seberat 300 kilogram. dipikul oleh 8 orang dewasa menurunkannya dari dewan sembahyang di tingkat satu ke *ratha* di bawah. Pada masa ini, muzik drum didendangkan manakala lagu-lagu pujaan *Dewa Mahavira* dinyanyikan. Kaum wanita, iaitu gadis belasan tahun dan berusia merancakkan majlis dengan tarian klasik Gujarat, *Rass-Garba.* Kadangkala, anak-anak muda juga berdansa bersama-sama dengan kaum wanita.

Perayaan kedua yang disambut meriah ialah perayaan *Aayambil.* Perayaan ini yang disambut pada bulan April setiap tahun adalah masa perubahan musim sejuk ke musim hujan. Sambutan selama 9 hari ini digemilangkan oleh masyarakat *Jains* dengan penyediaan makanan istimewa dan yang berpuasa akan makan sekali dalam sehari. Sambutan ini dianggap suci kerana tiada makanan hijau dinikmati dan segala jenis ubi bawah tanah dan bawang juga tidak dimakan. Golongan yang berpuasa pula makan makanan yang tidak dimasak dengan minyak atau keju. Rempah-ratus tidak digunakan dalam masakan kecuali lada hitam. Makanan yang dihidangkan bersifat tawar dan tidak enak dimakan dan ini merupakan satu bentuk dugaan kepada penganut untuk 9 hari. Amalan biasa di Melaka atau di tempat lain, komuniti *Jains* bergotong-royong menyediakan makanan berbanding dengan penyediaan makanan di rumah masing-masing. Sayap wanita GVS bekerja dalam kaedah ini dan membuka puasa dalam ritual istimewa pada hari ke-10.

Komuniti Gujarat di Melaka hidup ibarat isi dan kuku dan harmoni. Mereka yang beragama *Jainisme* termasuk daripada mazhab *Vaishnava* menyambut semua perayaan bersama. Mereka merayakan festival agama masing-masing dalam suasana gemilang dan gembira. Komuniti ini juga menyaksikan perkahwinan campur antara kedua-dua etnik ini. Ringkasnya, masyarakat Gujarati khususnya di Melaka dan di Malaysia secara umumnya hidup sebagai sebuah masyarakat yang terhormat dan sejahtera.

(Catatan ialah sumbangan oleh
Dr. Mitesh Chandrakant Avalani,
Presiden, Gujarati Vanik Sangam Melaka)

CamScanner

4 MASYARAKAT SINDHI DI MELAKA

Asal usul Kaum Sindhi

Masyarakat *Sindhi* merupakan kumpulan Indo-Arya yang mempunyai bahasa dan budayanya sendiri. Mereka menggunakan bahasa Sindhi dan berasal dari *wilayah Sindh* di Pakistan sekarang. Perkataan *Sindh* berasal daripada Sungai Indus yang digelar *Sungai Sindhu* oleh kuasa Arab yang menakluki wilayah ini pada abad kelapan. Penaklukan ini menyebabkan sebahagian besar masyarakat *Sindhi* memeluk agama Islam, walaupun sebilangan kecil terus mempertahankan agama *Hindu* dan *Sikhisma*. Hal ini berterusan berabad-abad lamanya sehinggalah penjajah Inggeris mengambil alih tanah India. Pada tahun 1947, apabila India dan Pakistan dipisahkan sebagai negara merdeka, wilayah *Sindh* pula terletak di bawah Pakistan. Sebilangan besar orang Sindhi yang menganuti agama Hindu meninggalkan segala harta pusaka mereka di *Wilayah Sindh* di Pakistan, dan mula berpindah ke India. Penghijrahan ini menyebabkan bilangan penganut Hindu berkurangan di tanah asal mereka, sehingga kini hanya tinggal kira-kira lapan peratus penduduk Wilayah *Sindh* di Pakistan yang beragama Hindu.

Di India, masyarakat *Sindhi* tiada wilayahnya sendiri, dan terpaksa hidup sebagai *'komuniti pedagang antarabangsa'* dan tinggal di bandar-bandar dan kawasan perbandaran. Namun, berkat usaha gigih mereka, masyarakat *Sindhi-Hindu* ini bertapak dalam beberapa bidang perniagaan seperti tekstil, dan alat-alat keperluan rumah. Dalam masa yang singkat, masyarakat *Sindhi-Hindu* di India telah muncul sebagai golongan yang berjaya dari segi kedudukan ekonomi mereka, dan menduduki tahap ekonomi menengah atas pada masa ini. Sebagai golongan pedagang, sebilangannya terus berhijrah keluar dari India untuk mencari peluang perniagaan dan kehidupan di negara-negara lain. Kini orang *Sindhi* terdapat di negara-negara Barat, dan hampir di semua negara Asia. Sebilangan kecil menetap di Malaya sejak abad ke-19 dan pada masa ini terdapat hampir 30,000 orang *Sindhi* di Malaysia.

Kejayaan Masyarakat Sindhi sebagai komuniti pedagang

Penghijrahan orang *Sindhi* untuk berniaga di negara-negara lain telah mula pada abad kesembilan belas lagi, lama sebelum India dan Pakistan mencapai kemerdekaan. Misalnya, Syarikat *Sindhi* antarabangsa *'Chortimal & Company'* telah bergerak melalui cawangannya di 16 negara, manakala *Keluarga Harilela* pula yang memulakan gedung tekstil di Canton, China, kini telah berkembang sebagai perusahaan yang merangkumi pembuatan, hartanah, perhotelan, permodalan, dan pengangkutan di beberapa negara Asia, Eropah dan Amerika.

Di Malaya, *Syarikat Hassaram* dimulakan pada tahun 1860 di Pulau Pinang, diikuti oleh *Syarikat Wasiamal, Syarikat B.H.T.Doulatram, Syarikat Parmanand Bros* pada tahun 1920/30-an, juga di Pulau Pinang; *Syarikat Phoomull Bros* (1920) di Kuala Lumpur, dan *Globe Silk Store* di Segamat (1930) yang kemudian berkembang ke Kuala Lumpur. Beberapa keluarga *Sindhi* menetap di Melaka, Taiping dan Pulau Langkawi dan memulakan perniagaan mereka di sana sejak tahun 1920-an.

Pada mulanya memang kaum lelaki sahaja yang berhijrah dan menetap di negara ini, dan, membawa pekerja-pekerja sebagai pembantu mereka daripada golongan *Sindhi* dari tanah asal mereka. Selepas 1947, penghijrahan seluruh keluarga *Sindhi* bermula, dan kaum wanita *Sindhi* mula menetap di sini bersama keluarganya. Pekerja-pekerja yang digajikan pada mulanya, kemudian berpindah ke kawasan-kawasan lain di negara ini untuk memulakan perniagaan mereka sendiri sehingga masyarakat ini mengharungi hampir setiap bandar utama di Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan Singapura. Selepas merdeka, gedung-gedung perniagaan kepunyaan kaum *Sindhi* menggajikan pekerja tempatan tanpa bergantung pada pekerja dari tanah asal mereka.

CamScanner

Kaum Sindhi di Malaysia

Hampir 93% orang *Sindhi* di Malaysia merupakan penganut Hindu. Di Malaysia generasi pertama masyarakat ini terlibat dalam bidang hartanah, elektronik, gedung serbaneka, makanan, hiburan, barang kemas, tekstil dan jahitan. Walaupun generasi yang seterusnya, ada yang masih meneruskan penglibatan dalam bidang-bidang ini, anak-anak muda yang kebanyakannya berpendidikan Inggeris sudah mula berkecimpung dalam bidang profesional seperti perakaunan, undang-undang dan pengurusan.

Maya Khemlani David, dalam bukunya *'The Sindhis of Malaysia'* (2001) merujuk Direktori kaum *Sindhi* dan menjelaskan taburan kaum ini di negara ini sebagai 61 peratus atau 70 keluarga di sekitar Kuala Lumpur, 27 peratus atau 31 keluarga di Pulau Pinang dan yang baki 12 peratus atau 14 keluarga di bandar-bandar utama di Semenanjung Malaysia. Maklumat yang terdapat dalam *Joshua Project (2020)* pula menganggarkan bahawa di Malaysia terdapat 30,000 orang *Sindhi* pada masa ini. Di negeri Melaka, walaupun hampir sepuluh keluarga pernah menetap di sini pada tahun-tahun 1960-an, kini hanya empat keluarga masih berada di sini.

Memandangkan bilangan kaum ini kecil, ada kecenderungan untuk keluarga-keluarga *Sindhi* memilih tempat kediaman yang berhampiran antara satu sama lain supaya mereka dapat berinteraksi dan meneruskan amalan-amalan budaya mereka. Kecenderungan ini menyebabkan kaum ini kurang bergaul dengan orang lain.

Perkahwinan

Walaupun masyarakat *Sindhi* agak kecil sahaja di Malaysia, namun, mereka lebih gemar untuk berkahwin dalam komunitinya sahaja, dan kadang-kadang berusaha untuk mendapat pasangan daripada kaumnya yang tinggal di negara-negara lain. Mereka menganggap bahawa mereka perlu mempertahankan budaya serta cara hidupnya walau di mana mereka berada, dan berusaha untuk mengekalkan permuafakatan sesama mereka sepanjang masa. Namun, berkat pendidikan yang lebih meluas dalam kalangan masyarakat ini, khususnya kepada kaum wanita, kini pasangan daripada luar kaum juga menjadi pilihan segelintir anak muda dan golongan tua berusaha untuk memastikan budayanya berterusan melalui perkahwinan seperti ini..

Bahasa Sindhi

Bahasa *Sindhi, salah satu bahasa Indo-Aryan,* merupakan bahasa ibunda mereka. Namun, pada masa ini, kebanyakan orang *Sindhi* di Malaysia menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu untuk berinteraksi. Bahasa *Sindhi* digunakan oleh suri-suri rumah, orang-orang tua, dan dalam hal-hal bersembahyang dan adat istiadat kaum ini. Lagu-lagu dalam bahasa *Sindhi* memang terus dinyanyikan bersama dalam majlis-majlis keramaian. Tetapi, ketiadaan peluang untuk belajar bahasa *Sindhi* di negara ini, dan peluang menggunakan bahasa itu secara meluas tiada kerana bilangan mereka terhad, menyebabkan bahasa *Sindhi* kini kurang berkembang dalam kalangan mereka. Namun, dalam bahasa harian kaum ini, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu yang digunakan oleh mereka jelas menunjukkan kata-kata *Sindhi* tersisip dengan mudah. Memandangkan kaum ini kuat mempertahankan budayanya, maka bahasa campuran *Inggeris-Melayu-Sindhi* kini sedang mendukung hasrat kaum ini.

Agama Hindu Kaum Sindhi

Agama Hindu-*Sindhi* mempunyai elemen-elemen *mistik, Sufisma, Sikhisma* dan *Hinduisma*, iaitu suatu campuran yang berlaku dalam deretan zaman yang panjang yang dilalui oleh penduduk *Wilayah Sindh*, tempat asal mereka. Suatu hal yang menarik ialah ketiadaan sistem *varna* atau kasta sama seperti yang terdapat dalam *Sikhisma* dalam amalannya. Jika dalam agama Hindu

CamScanner

umum terdapat empat kumpulan *varna* utama - *Brahmin, Syatria, Vaisya* dan *Sudra* – manakala masyarakat *Sindhi* berpegang pada kumpulan pekerjaan jua; yang menjawat kerja pentadbiran dan menjadi golongan profesional digelar *Amil* manakala yang melibatkan diri dalam bisnes digelar *Bhaibund*. Penghijrahan keluar dari *Wilayah Sindh* telah memadamkan perbezaan antara kedua-dua golongan ini, kerana kini sukar dipisahkan kumpulan-kumpulan ini berdasarkan pekerjaan. Pada masa ini hampir tiada sekatan apabila pasangan dicari sebagai jodoh untuk perkahwinan.

Kaum *Sindhi* di Malaysia masih berpegang pada amalan-amalan budaya dan istiadat seperti yang tersenarai dalam Arahan Kerajaan, *Wilayah Sindh* pada tahun 1907. Amalan dan istiadat inilah yang terus menyatupadukan kaum yang kecil ini di negara ini. Istiadat *Chati* pula diadakan selepas kelahiran bayi, dihuraikan *horoskop* bayi berkenaan, *mantra* dibaca dalam bahasa Sanskrit, dan anak itu diberikan nama. Istiadat bercukur rambut kali pertama anak yang lahir dinamai *munan*. Anak lelaki yang meningkat ke alam remajanya pula melalui istiadat *'jario'* – yang kini dilakukan sebelum majlis perkahwinannya.

CamScanner

Puasa sepanjang hari atau sebahagian hari diamalkan oleh kaum wanita dan gadis-gadis dengan hajat masing-masing. Kaum wanita berpuasa pada setiap hari Isnin dan bersembahyang pada *Dewa Shiva* demi kehidupan bahagia suami dan keluarga mereka. Banyak lagi istiadat dan amalan budaya terus dilakukan oleh kaum *Sindhi* di Malaysia. Kesemua istiadat ini memainkan peranan yang utama dalam merapatkan perhubungan antara keluarga-keluarga masyarakat ini, khususnya kerana ia memberikan peluang untuk saling bertandang ke rumah keluarga-keluarga *Sindhi* tempatan.

Agama Hindu yang diamalkan oleh kaum *Sindhi* memperlihatkan pendekatan yang sederhana kerana ia dapat menerima kebanyakan pengajaran utama di dunia sebagai pelbagai cara untuk mencapai tujuan yang sama. Oleh itu, mereka tidak memusuhi mana-mana kepercayaan, dan dapat hidup secara berharmoni dalam masyarakat pelbagai agama. Pendekatan inilah yang menyebabkan agama ini memeluk aspek-aspek daripada agama-agama yang menjadi pilihan penduduk *Wilayah Sindh* dari dahulu ke dalam agama anutan mereka.

Dewa utama mereka ialah *JHOOLAY LA'AL-U* (dewa Indus yang dipercayai mengharungi *wilayah Sindh* dengan menaiki ikan *palla*). Masyarakat ini merayakan *Cheti-Chand*, iaitu ulang tahun penjelmaan dewa mereka, pada bulan April, sebagai Tahun Baharu mereka. Pada awal setiap bulan dalam takwim mereka, masyarakat *Sindhi* mengadakan upacara bersembahyang dengan pujaan yang berakhir dengan *AARTHI*, iaitu mengibarkan lampu yang menggunakan minyak herba *camphor* pada dewa, sebelum hidangan makanan dilakukan pada para penganut.

Dewa dewi lain yang menjadi kegemaran masyarakat ini ialah *Lakshmi-Narain* (*Laksmi* ialah dewi kekayaan), *Sita-Ram, Radha-Krishna, Shiva-Parpathi, Ganesha, Guru Govind, Guru Nanak* dan sebagainya. Ada hari dalam seminggu didedikasi pada sesuatu *dewa* atau *dewi*: misalnya Hari Isnin *(Dewa Shiva)*, Selasa *(Hanuman),* Khamis (*Sai Baba*), Jumaat *(Devima*) dan Sabtu *(Chanchar Devta)*. Penganut yang setia masih berpegang pada amalan-amalan ini hingga ke hari ini. Pada masa ini ada juga kaum *Sindhi* di Malaysia menjadi penganut guru agama seperti *Sai Baba*.

Tempat Ibadat

Masyarakat *Sindhi* bersembahyang di kuil-kuil Hindu –khususnya kuil-kuil penganut Hindu India Utara, termasuk kuil kaum Gujarati, dan juga di Gurdwara kaum Sikh. Memandangkan bilangan kaum *Sindhi* begitu kecil di sini, mereka menggunakan kuil-kuil yang sedia ada untuk perayaan-perayaan utama Hindu seperti *Navaratri*, bersama penganut-penganut lain. Mereka memilih untuk mengadakan istiadat-istiadat atau perayaan khusus untuk kaumnya bersama keluarga-keluarga mereka di rumah penganut secara bergilir. Di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, kaum *Sindhi* mengadakan istiadat-istiadat yang khusus bagi kaumnya di kuil-kuil Hindu India Utara kerana bilangannya adalah lebih besar.

CamScanner

Penutup

Walaupun masyarakat Hindu *Sindhi* kecil dari segi bilangannya, dan pada masa ini hanya terdapat empat keluarga di sini, kita tidak dapat menafikan bahawa kumpulan ini juga menambahkan warna agama Hindu di negeri Melaka yang bersejarah ini.

Bahan-bahan rujukan:

1. MAYA KHEMLANI DAVID (2001) The *Sindhis* of Malaysia,
A Socio-Linguistic Study, Asean Academic Press, London

2. JOSHUA PROJECT (2020) – *Sindhi* in Malaysia, people_groups/14192/MY

3. WIKIPEDIA – *Sindhis* https://en,wikipedia.org./wiki/*Sindhis*

(Dirumuskan oleh En. K. Narayanasamy
dengan sokongan Datuk Amardas a/l Jethanamal (Melaka)).

CamScanner

5	**PERTUBUHAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN INDIA KRISHNA BALARAM**
	No.2676, Jalan Sri Rama 3, Taman Muzaffar Shah, Ayer Keroh, 75450 Melaka.

Pengenalan

Banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berfungsi di Malaysia. Begitu juga kuil dan bilangannya juga banyak. Dalam kalangan institusi NGO itu, tersergam indah sebuah pusat yang memperlihatkan ciri-ciri keunikan dan sumber kerohanian di negeri Melaka. Namanya ialah *Pertubuhan Kebudayaan dan Kesenian India Krishna Balaram Melaka.*

Sejak kewujudan pertubuhan ini sehingga ke saat penulisan artikel ini, masyarakat India negeri ini telah menikmati banyak faedah daripada program berskala besar anjuran pertubuhan ini secara profesional. Rentetan daripada banyak aktiviti bermanfaat, pertubuhan ini tersemat di hati masyarakat India. Pertubuhan ini tumbuh membesar, berdiri di sisi masyarakat India untuk menghulurkan bantuannya.

Jati diri

Setiap program yang direncana dan dilaksanakan menghasilkan kejayaan di luar dugaan. Bagaimana? Pihak pengurusan pertubuhan ini berkhidmat secara jujur, penuh berdedikasi, dan bersifat altruisma. Itulah kunci kecemerlangan pertubuhan ini. Jati diri itu tidak berhenti di situ sahaja. Masyarakat melihat pihak pengurusan dengan penuh keyakinan. Warna kulit dan status hidup tidak ada dalam diari mereka. Segala corak perbezaan dikikis sehabis-habisan dan semua insan yang berjiwa masyarakat diajak bersama dan berganding bahu menjana program. Pengurusan *Krishna Balaram* yang berjati diri murni inilah yang menjadi pemangkin bagi orang ramai menghulurkan tangan bekerjasama. Golongan intelek seperti pensyarah universiti, doktor perubatan, peguam, jurutera, pegawai kerajaan dan tokoh korporat swasta secara sukarela melibatkan diri secara aktif dalam segala kegiatan pertubuhan ini mencerminkan keyakinan mereka pada jati diri pihak pengurusan. Ini adalah satu senario yang perlu diberi perhatian.

Krishna Balaram-Sumber inspirasi saya

Selama empat tahun saya mengaktifkan diri dengan semua kegiatan *Krishna Balaram* dan pengalaman bernas itu menyebabkan saya bermuhasabah diri saya. Saya kenali diri saya. Saya berusaha mencari apakah rahsia atau ramuan kejayaan pertubuhan ini dengan melibatkan diri dan turun padang. Segala halangan dan ketidakupayaan yang menyelubungi diri saya hancur berkecai. Hilang entah ke mana! Prinsip "Tidak Boleh" yang bertapak di kalbu saya melentur disebabkan kata-kata hikmat daripada *Shri Gobee Achudan Prabu*. Kepemimpinan beliau menanam keyakinan dalam diri saya. Beliau memupuk pemikiran dinamik dalam diri saya. Beliau mengasah nilai khidmat sukarela dalam diri saya. Selain itu, beliau mempamerkan sifat kepemimpinan melalui teladan yang terbaik. Hal ini mengukir jiwa saya dengan menolak sikap sombong dan bongkak. Kerohanian memberi nafas baharu dan kekuatan kepada atma yang pasif. Seterusnya, ia mencergaskan naluri insan untuk menaburkan khidmat bakti kepada masyarakat. Kerohanian tanpa naluri khidmat bakti akan mengarah seseorang menjadi pak turut. Inilah pegangan hidup teguh *Shri Gobee Achudan Prabu* yang memimpin saya.

CamScanner

Rentetan Kejayaan Krishna Balaram

Krishna Balaram bukan tempat bermastautin *pusaari* atau pedanda, bukan juga tempat *pusaari* berpakaian sami. Bukan tempat menjalankan upacara keagamaan semata-mata. Fungsi *Krishna Balaram* berlandaskan khidmat bakti kepada masyarakat. Pertubuhan ini mengenal pasti kekuatan individu, memberi pengajaran murni spiritual dan memimpin seseorang untuk melangkah ke kehidupan yang lebih baik. Kepemimpinan yang terhasil daripada pendekatan ini berjiwa masyarakat dan menjadi suri teladan kepada massa. Itulah kejayaan *Krishna Balaram* (KB) yang disanjung tinggi.

Kejayaan *Krishna Balaram* berterusan kerana mempunyai visi yang jelas. Anak-anak muda tanpa hala tuju disuntik kesedaran dan mencorak insan yang berfikir dalam hidup. Anak-anak yang dilabel sebagai sampah masyarakat dan dipinggirkan oleh keluarga dicungkil bakat dan diketengahkan dalam khalayak ramai. KB tidak hanya berbicara tentang faktor keruntuhan moral golongan muda. Sebaliknya, mereka bertindak memberi kesedaran diri bertunjangkan pengetahuan sains, aspek kerohanian dan pendekatan semasa. Program anak angkat ini membina golongan muda yang positif.

Nilai kerohanian, kepemimpinan cemerlang, kemahiran berpaksi pada pengetahuan, kebersihan dan pemeliharaan alam sekitar, berpandangan jauh, dan khidmat bakti tanpa balasan diterapkan kepada insan-insan yang mengabdikan diri dalam program-program *Krishna Balaram* yang bersifat profesional. Murid-murid lemah dalam pelajaran yang berprinsip '*Tidak Boleh'* berubah dengan pendirian *'Kami Boleh'*. Mereka berpidato, berlakon, bersyarah dalam bahasa Inggeris, dan melafazkan *mantra Veda* di hadapan ratusan penonton dengan berani. Bakat terpendam mereka dicungkil oleh *Krishna Balaram* dan menjanjikan masa depan yang cerah.

CamScanner

BAHAGIAN D

Kunci Kejayaan Krishna Balaram

Bagaimana mungkin sebuah pertubuhan mampu meraih kejayaan demi kejayaan? Bagaimanakah setiap program yang digerakkan dengan sokongan orang ramai membuahkan kejayaan? Masa tidak dibuang dengan meraikan kejayaan, sebaliknya program yang lebih besar dilaksanakan berterusan tanpa mengenal erti penat lelah. Bagaimanakah hal ini boleh terjadi? Pihak pengurusan bersaiz kecil, namun, berani merancang program yang berskala besar. Bagaimanakah mereka boleh bertindak begitu? Setiap program anjuran *Krishna Balaram* tidak mendahulukan faktor kewangan. Namun, bagaimanakah mereka memperoleh sokongan masyarakat umum? Pertanyaan sebegini tercetus dan menjadi teka teki dalam pemikiran masyarakat yang mengikuti perkembangan *Krishna Balaram*. Hal ini bukan teka teki kepada pengerusi *Krishna Balaram* saudara *Gobi*. Beliau berpendapat perancangan teliti, khidmat bakti tanpa harapan, intelek terpuji, pemikiran murni, ketiadaan tindak tanduk bersifat ego, dan rasa kasih adalah ramuan istimewa untuk merealisasikan kejayaan sesuatu program.

Krishna Balaram: Vraja Bumi Baharu yang Memberi Pengertian

Krishna Balaram telah membina sebuah bangunan yang bernama '*Vraja Bumi Baharu*' di alamat no.2676, Jalan Sri Rama 3, Taman Muzaffar Shah, Ayer Keroh, 75450 Melaka. 5000 tahun dahulu, *Paranthaman Krishnan* ketika zaman kanak-kanak telah mengaksikan '*Deiviga Lilaa*' di *Brindhavanam*, India. Sebagai replika kepada kesucian dan keagungan *Brindhavanam* itu, maka tertubuhlah *Pertubuhan Kebudayaan dan Kesenian India Krishna Balaram* di bumi Melaka. *Dewa Kannan*, semasa zaman kanak-kanak bersifat nakal. *Dewa Kannan* menjadi pujaan komuniti hutan belantara di *Brindhavanam*. *Dewa* ini menjadi pembela dan penyelamat mereka, menjadi rakan taulan sejati dan menyebarkan *'bhakti'*. Sejajar dengan realiti zaman dahulu, kini pertubuhan ini menjadi pujaan masyarakat Melaka yang mengamalkan '*Sanathana Dharma'*, menjadi tempat memupuk sifat kerohanian melalui khidmat bakti masyarakat, dan menjadi sahabat yang menghulurkan bantuan ketika dalam kesusahan. Dengan jenama *'Vraja Bumi Baharu',* pertubuhan ini mendekati masyarakat dari segi *bhakti*, kebudayaan dan kesenian serta khidmat masyarakat secara berterusan.

Bangunan *Vraja Bumi Baharu* tersergam indah di atas tanah yang dahulunya merupakan hutan kecil dan berkemundang lagu-lagu *Krishna* sebagai santapan rohani. Terlintas di minda setiap hartawan tanah yang berlalu di situ terlepas peluang untuk memiliki tanah strategik yang menjelmakan

CamScanner

Vraja Bumi Baharu. Reka bentuk bangunan ini terhasil daripada gabungan beberapa corak *mandir Krishna* dari India, USA dan Rusia serta ia seumpama jantung bagi pertubuhan ini. Warna putih dan jingga yang menghiasi bangunan ini berdiri dalam keadaan 'megah' menghairankan orang yang kali pertama melihatnya. Falsafah '*Kehidupan sederhana, pemikiran termulia'* dihadiahkan kepada dunia. Selain itu, *bhakti* serta khidmat bakti disebarkan ke seluruh alam oleh *Mahaguru Srila A.C.Bhakti Vedanta Swami Prabhupada*, pengasas ISKCON. Pertubuhan ini menjunjung ajaran Mahaguru ini dan berpaksi kepada prinsip '*Seva kepada massa ialah seva kepada Yang Maha Esa'*. Rancangan dan misi pertubuhan disempurnakan secara beransur-ansur dan berkesan.

Melangkah Masuk ke Dalam Premis

Nama pertubuhan tertera di dinding hadapan pintu utama dalam dwibahasa, iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Tamil, namun, bahasa Tamil diutamakan. Langkah diatur ke dalam, iaitu di hadapan bangunan, replika patung lembu menyusui anaknya di atas peta negeri Melaka terbina. Empat buah cengkerang kon ditanam di sekeliling patung lembu. Setiap bentuk yang terbina mempunyai makna yang tersendiri dalam pembinaan bangunan ini. *Arjunan* yang disimbolkan sebagai anak lembu minum susu yang diumpamakan sebagai falsafah '*Getha*' daripada *Paranthaman Krishnan*. *Krishna Balaram* bermatlamat utama untuk menyebarkan ajaran *Tuhan Krishna* yang diwarisi turun-temurun secara keturunan pertalian guru disimbolkan melalui replika ini.

Bangunan *Vraja Bumi Baharu* terdiri daripada dua tingkat. *Dewan Datuk Sri Mohana Sundaram*, diberi nama sempena dermawan terkenal terletak di tingkat bawah. Dewan ini boleh memuat seramai 400 orang dan banyak aktiviti keagamaan, program pendidikan dan kegiatan sosial telah dijalankan. Majlis pelancaran buku, Persidangan Antarabangsa Kesedaran Ajaran Krishna, pementasan drama, pesta Ponggal, Persidangan Pemuda Kesedaran Ajaran Krishna, Acara Penciptaan Rekod Pelita Akal Terbesar, Kursus Kemahiran wanita, pertandingan catur pelajar, seminar menjawab soalan peperiksaan awam, dan kelas bimbingan kesusasteraan Tamil telah dijalankan di dalam dan di luar dewan. *Pesta Ponggal* peringkat negeri Melaka anjuran *Krishna Balaram* telah mengeratkan pertalian persahabatan semua sekolah Tamil di negeri ini. Pertubuhan ini telah berjaya menganjurkan Kejohanan Sukan Olahraga 'Mini Olimpik' untuk semua 21 buah sekolah Tamil negeri Melaka di Stadium Hang Jebat, Melaka. Selain itu, konsert tarian klasik India oleh *Padma Shri Datuk Ramli Ibrahim* juga telah dianjurkan oleh pertubuhan ini dan menyuntik nafas baharu dalam genre drama. Akhirnya, anak murid yang diarah berdiri di luar bilik darjah, diasah dan dibimbing bakatnya serta diberi peluang menyerlah di pentas bakat oleh pertubuhan ini.

Shri Gobee Achudan Prabu, Hamba yang Beraltruisma dan Barisan AJK

" *Bermimpilah! Yakini mimpi itu. Setiap hari berikan nafas baharu. Mimpi anda pasti menjadi kenyataan. Pendekatan inilah pemangkin kejayaan setiap program yang disusun. Pencapaian ini bukan faktor individu. Hal ini adalah kejayaan bersama, barisan AJK yang berganding bahu bersama saya. Kita wajar melaksanakan amanah atas nama Tuhan. Kejayaan itu wajar juga dipulangkan kepada-Nya. Tuhan yang Maha Esa, Krishna, memimpin saya untuk mencipta kejayaan. Diri saya hanya berfungsi sebagai alat. Saya hamba biasa*." Itulah curahan hati pengerusi pertubuhan *Krishna Balaram*, yang mulia *Shri Gobee Achudan Prabu.*

Shri Gobee Prabu menjadi pengerusi atas tiket jawatan sahaja, tetapi dari segi praktikal beliau ialah hamba dan pekerja. Penampilannya sederhana. Beliau berpengalaman menjadi pakar runding beberapa syarikat swasta antarabangsa. Kerjaya hidupnya dimulakan sebagai staf biasa dan mempertingkat kebolehan diri sebagai perunding pembangunan strategik beberapa syarikat internasional. Setelah 27 tahun bekerja dalam sektor swasta , beliau mengambil persaraan pilihan sendiri. Beliau tidak berdiam diri. Sebaliknya, pengalaman selama itu dicurahkan dalam kerja khidmat masyarakat. Beliau telah pergi ke USA sebanyak 18 kali atas urusan kerja dan mendalami

CamScanner

pengetahuan pengurusan stratetik. Beliau juga telah menjalankan kursus kepada barisan pengurus syarikat di sana dan mempertajami kemahiran. Selain itu, beliau menaburkan bakti dalam usaha pembinaan kuil. Sebagai pengerusi JK pembinaan, beliau telah berjaya membina *Kuil Sri Sunthara Murthy* yang baharu di Bachang, Melaka. *Pedati* yang digunakan semasa perayaan tahunan kuil ini juga direka dan disempurnakan pembinaannya oleh insan ini.

Tutur kata yang jujur, hati yang suci, perlakuan yang berintegriti dan sifat berserah mutlak kepada Tuhan dengan penuh rendah diri adalah jati dirinya yang diamalkan dalam khidmat masyarakat dan kerja keagamaan. Menurutnya, sifat-sifat ini akan menjadi pelindung kepada keselamatan harta benda awam. Ketokohannya berlandaskan kepada pegangan hidup inilah yang membolehkan beliau memindahkan pertubuhan ini dari rumah kediaman beralamat No.336, Jalan Setia 9, Ayer Keroh Heights ke premis sekarang. *Vraja Bumi Baharu* adalah lambang kejayaannya.

Usaha menaburkan bakti kepada masyarakat melalui sesebuah organisasi perlu mempunyai barisan pengurusan yang mengutamakan matlamat dan bersih dalam erti kata yang sebenar. Beliau selaku pengerusi pertubuhan ini mempunyai dua penjawat utama yang menyokong perjuangannya. Pertama, *Shri Mugunda Dasa* selaku pengerusi JK Kerohanian. Kedua, *Shri Nagendra Rao Prabu,* setiausaha pertubuhan yang berkaliber. Barisan pengurusan pertubuhan bersama-sama dengan masyarakat India Melaka telah menyaksikan perasmian bangunan *Vraja Bumi Baharu* pada 23-02-2012 dalam suasana yang gilang-gemilang. Selama 9 tahun pertubuhan ini yang beroperasi dari sebuah rumah kecil, kini digerakkan dari premis baharu dengan tanggungjawab khidmat bakti yang lebih luas. Program berskala besar menjadi matlamatnya. Setiap program dirancang dengan teliti secara bermusyawarah. Diskusi mingguan mencantas kepincangan. *Post-mortem* dijalankan untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan secara menyeluruh dan menjadi panduan kepada program masa muka. Beginilah *modus operandi Krishna Balaram* yang menjanjikan kejayaannya. Jumlah AJK seramai 20 orang, namun, kumpulan ini bertindak secara profesional untuk memastikan kesempurnaan dalam setiap program. Seterusnya, marilah kita menghalusi dasar pelaksanaan program *Krishna Balaram.*

Visi, Matlamat dan Objektif Khusus

Pertubuhan tanpa matlamat ibarat wajah tanpa mata. Matlamat yang jelas akan memberi laluan untuk pencapaian visinya. Untuk mencapai visi, objektif khusus amat diperlukan. Visi, Matlamat dan Objektif khusus *Krishna Balaram* disediakan dalam dwibahasa, Bahasa Inggeris dan Bahasa Tamil dipaparkan di dewan utamanya untuk tontonan dan peringatan pengikut.

Pemimpin perlu memiliki pengetahuan tentang visi, matlamat dan objektif pertubuhannya. Pemimpin perlu berpengalaman menangani halangan. Kelembapan pengikut perlu ditangani dan disuntik semangat juang. Ketiga-tiga aspek ini merupakan satu rangkaian yang digerakkan dengan penuh kesedaran.

Enam Paksi utama Kejayaan Krishna Balaram

1. Pusat Kebudayaan Veda yang Unggul

Kaedah Veda dipraktikkan dalam upacara sembahyang dan pemujaan-Nya, peraturan tempat ibadat dituruti, memimpin dan melatih pengikut dalam upacara vigraha, menjalankan semua festival agama secara terancang, sifat kepimpinan berlandaskan keagamaan diterapkan adalah strategik untuk mencapai matlamat Krishna Balaram. Ketua agama pertubuhan ini ialah Shri Mukunda Das Prabu. Semua aktiviti keagamaan pertubuhan

CamScanner

ini dipimpin oleh beliau. Kelas kitab suci Bhagavadgeta untuk golongan muda dan senior, ceramah agama untuk penganut agama Hindu di penjara Melaka, upacara pooja, pemasangan pelita minyak sapi, dan pemberian prasadam untuk murid-murid sekolah Tamil di Melaka dijalankan sejak beberapa tahun oleh beliau. Di dewan utama juga terletak sebuah perpustakaan yang mempunyai koleksi buku-buku agama yang dimanfaatkan oleh penganut Sanathana Dharma.

2. Hospitaliti dan Pengurusan & Pentadbiran

Pengurusan dan pentadbiran pertubuhan ini dipantau secara sistematik serta aspek hospitaliti ditingkatkan. Aspek ekonomi dan pengurusan aset, pelaksanaan peraturan mengikut SOP, perancangan strategik dan keselamatan pertubuhan dijalankan dengan baik sekali. Merancang mesyuarat bulanan, aktiviti dan perayaan tahunan dalam kalendar pertubuhan, menyelia dan memastikan tempat penginapan penganut tetamu, menyertai persidangan di sisi undang-undang dan aktiviti berkaitan ekonomi juga menjadi akauntabiliti pihak pengurusan. Selain itu, pengurusan juga dimantapkan dengan menambah baik peraturan, kelestarian kebersihan dan bangunan. Semua perkara ini memperkemas pengurusan dan memastikan kejayaan setiap program.

3. Pendakwahan, Pendidikan dan Pengedaran Buku

Melalui pendekatan ini, Krishna Balaram memberi pendidikan keagamaan dan pendidikan duniawi kepada penganut dan golongan pelajar. Pertubuhan ini juga menjalankan aktiviti membentuk kumpulan melafazkan Veda, menyedia dan menerbitkan buletin untuk tujuan pendakwahan, menjalankan kelas agama Hindu, menguruskan perpustakaan, mempamerkan bahan bercetak untuk tontonan penganut, dan menjalankan aktiviti pendidikan untuk kumpulan sasaran. Di samping itu, penjualan bahan bercetak agama dan peralatan pooja, majlis pelancaran buku, serta menganjurkan yatra juga dijalankan bagi membina masyarakat berilmu keagamaan.

4. Kesenian, Sukan dan Kebudayaan

Aktiviti Kirtan agama, bajans, kraftangan aksesori hiasan, kesenian dan kebudayaan serta sukan dijalankan untuk semua penganut dan pencinta Sanathana Dharma. Kelas muzik alat tradisional diwujudkan untuk kumpulan peminat. Semua staf India di tiga majlis perbandaran negeri Melaka disatukan dalam Pesta Ponggal peringkat negeri Melaka.

Lagu Ponggal bertema perpaduan dicipta dan didendangkan dalam pesta ini. Persembahan semua hadirin pesta itu menari kolattam untuk lagu itu telah merancakkan pesta itu. Persembahan tunjuk ajar menanam padi dari peringkat awal hingga peringkat menuai dengan menggunakan peralatan tradisional dalam pesta itu telah mencuit hati para tetamu dan hadirin pesta itu. Dalam bidang sukan, Krishna Balaram telah mencipta rekod yang mengkagumkan semua pihak. Murid-murid dari 21 Sekolah Rendah Kebangsaan Tamil negeri Melaka telah dihimpunkan dalam Kejohanan Olahraga Mini Olimpik di Stadium Hang Jebat untuk mencungkil bakat mereka. Kejohanan ini dijayakan 100% oleh staf kejohanan berketurunan India menunjukkan komitmen mereka untuk kegemilangan pelajar India dalam sukan negara. Mini Olimpik ini umpama kegembiraan murid-murid mendapat kasut baharu dan tentunya ia satu penyuntik semangat sukan.

CamScanner

BAHAGIAN D

KRISHNA BALARAM INDIAN ARTS & CULTURAL SOCIETY
15-03-201
TAHNIAH

PENGGERA API

5. Kerja Sukarela, Kebajikan Masyarakat dan Hubungan Komuniti

Kesedaran dalam pendidikan disemai dalam kalangan pelajar. Pertubuhan ini telah melaksanakan program khusus untuk golongan pelajar yang lemah dalam pelajaran. Mereka diberi kesedaran bahawa markah dan kelulusan akademik bukan penentu mutlak kejayaan seseorang, sebaliknya kemahiran dapat mencorak masa depan cemerlang. Kelas bimbingan pelajaran untuk kumpulan pelajar daripada kelas masyarakat B40 dan M40 dijalankan agar mereka tidak tercicir dalam usaha memburu kejayaan. Masyarakat Celik Ilmu Pengetahuan dibentuk menerusi Jawatankuasa Hubungan Komuniti dengan menyebarluaskan maklumat tentang aktiviti pertubuhan ini di samping info hal ehwal semasa dan pengetahuan penting.

6. Penyediaan dan Pengurusan Prasadam

Pertubuhan ini menyediakan menu prasadam harian dengan cara penyediaan yang bersih. Pengurusan pengendalian prasadam atau makanan juga diamalkan di dapur Krishna Balaram. Prasadam disediakan dengan kesedaran ketuhanan, dihidangkan dalam pooja sebelum diedarkan kepada penganut Sanathana Dharma. Pengwujudan restoran berasaskan kaedah penyediaan prasadam ini dalam minda barisan pucuk pimpinan pertubuhan ini apabila masa yang sesuai tiba kelak.

Keenam-enam paksi yang dihuraikan di atas ini menjadi roh *Krishna Balaram*. Kejayaan dan kecemerlangan pelbagai aktiviti pusat ini adalah bergantung kepada kesepaduan yang berkesan semua paksi itu.

Rumusan

Kecemerlangan sesebuah organisasi bergantung kepada prosedur operasi standard (SOP) yang mengawal selia kualiti. Apa jua pemikiran dan tindakan, ia perlu mendasari tahap tertinggi. Kualiti setiap program diutamakan dan *Krishna Balaram* tidak akan bertolak ansur dalam hal ini. Dari menara *Vraja Bumi Baharu* hingga ke tempat meletak kasut, terlahirlah ia melalui kualiti tertinggi. Satu lagi pencapaian *Krishna Balaram* ialah tertubuhnya rumah kanak-kanak. Pendidikan dan latihan berdasarkan *Veda* diajar kepada kanak-kanak di teratai ini. Institusi ini yang beroperasi di sebuah bangunan deretan kedai dikendalikan oleh seorang ahli pertubuhan ini. Matlamat *Krishna Balaram* untuk melahirkan insan berketrampilan melalui strategik terancang memperoleh pujian ramai. Sesungguhnya, dalam kalangan pertubuhan bukan kerajaan, *Krishna Balaram* umpama *Sang Suria* yang tidak terbenam di langit massa.

(Sumbangan artikel: Sri Saravana Thirtha Prabu)

CamScanner

6 THE DIVINE LIFE SOCIETY MALACCA SUB- BRANCH

387, Jalan Dahlia 7, Taman Bunga Raya, Bukit Beruang, 75450 Melaka.

Ibu pejabat:

Divine Life Society ditubuhkan pada tahun 1932 oleh *Sri Swami Sivananda Saraswati Maharaj* (8.09.1887-14.07.1963) di *Sivanandashram*, Rishikesh, di negeri Uttarakand di utara India.

Objektif persatuan ini adalah menyebarkan pengetahuan kerohanian. Pegangan dan ajaran utama penubuhan persatuan ini, *Swami Sivananda* adalah seperti berikut:

- Serve, love, Give, Purify, Meditate, Realise
- Be good, Do good, Be kind, Be compassionate.
- Enquire 'who am I? ' Know the Self and Be free.
- Practice Ahimsa, Satyam, and Brahmachariya. This is the foundation of Yoga and *Veda*nta.
- Detach- Attach. Detach the mind from the objects. Attach it to the Lord.

Swami Sivananda

Cawangan Malaysia:

Di Malaysia pertubuhan kerohanian ini ditubuhkan oleh *Shri Swami Pranavananda Saraswati Maharaj* (28.08.1908-28.03.1982) pada tahun 1953 di *Sivanandashram* yang terletak di kaki Bukit Batu Caves. Pusat ini beroperasi sebagai Cawangan Malaysia.

Swami Pranavananda

Cawangan Melaka:

The Divine Life Society Malacca Sub-Branch ditubuhkan pada 11.06.1967 dengan direstui oleh *Swami Pranavananda*.

Dua program ' *Antar Yogam*' yang dikendalikan oleh *Swami Pranavananda* pada bulan Februari dan Jun tahun 1967 mendorong beberapa pengikut untuk menubuhkan cawangan DLS di Melaka.

Cawangan ini ditubuhkan dengan Smt. T.A. Vanar menjawat jawatan pengerusi, Shri K.S. Maniam sebagai naib pengerusi, Shri S. Vijayaratnam sebagai setiausaha kehormat dan Shri S. Kandiah sebagai bendahari kehormat. Seterusnya, cawangan ini didaftar oleh pendaftar pertubuhan pada 17.04.1968.

Aktiviti (awal 70-an hingga akhir 90-an)

Pada peringkat awal walaupun tiada kegiatan dijalankan secara aktif, namun, majlis sembahyang dikendalikan di kediaman ahli. Kelas agama dijalankan pada setiap hari Ahad di kediaman Shri E. Gulasegaran. Mesyuarat jawatankuasa dijalankan di kediaman ahli-ahli jawatankuasa.

The Divine Life Society, cawangan Melaka diterajui oleh Shri A. Venugopal mulai 22.11.1970, Dr.K. Dharmaratnam mulai 09.03.1972, Shri K.S. Maniam mulai 28. 03.1973, Shri E. Gunasegaran mulai 27.02.1975 dan Shri S.N.Gandhi mulai 21.03.1979.

CamScanner

Pada jangka masa ini majlis sembahyang bulanan dijalankan di kediaman ahli. Majlis sembahyang pada hari-hari kebesaran mengikut kalendar Hindu dijalankan sama ada di kediaman ahli atau di kuil-kuil sekitar bandar Melaka.

Aktiviti-aktiviti seperti "*Anthar Yogam*", ceramah kerohanian, majlis sembahyang tahunan sempena hari kelahiran dan hari '*Mahasamadhi*' *Gurudev Swami Sivananda* dijalankan sama ada di Dewan Bandaraya, Dewan Gujarat Vanik Sangh, Kuil Sri Throupathai Amman, Kuil Sannasi Malai Andavar di Cheng, atau Kuil Sri Sithi Vinayagar di kawasan Hospital Besar Melaka, Sri Subramaniar Devasthanam, Batu Berendam atau di Kuil Sri Ambaji, Ujung Pasir.

Pada setiap hari Thaipusam penghuni beragama Hindu di sekolah Henry Gurney, Teluk Mas dihidangkan dengan makanan tengah hari (*Annathanam*) dengan pembiayaan pihak Sri Subramaniar Devasthanam Batu Berendam.

Pada setiap hari *Deepavali* penghuni beragama Hindu di Dusun Datuk Murad dan Sekolah Henry Gurney dibekalkan dengan pakaian baharu, kuih-muih dan sarapan.

Swami Guhabhaktananda

Presiden Divine Life Society, cawangan Malaysia iaitu *Sri Swami Pranavananda* telah melibatkan diri dalam kebanyakan aktiviti cawangan Melaka. *Sri Swami Guhabhaktananda* (27.10.1943-02.05.2013) yang menjadi Presiden cawangan Malaysia mulai tahun 1989 meneruskan hubungan baik dengan cawangan Melaka. Presiden dunia *Sri Swami Chidananda* (24.09.1916-28.08.2008) telah melawat cawangan ini sebanyak lima kali dalam jangka masa tahun 1970 hingga 1999.

Shri N. Thiruvengadam / Bangunan Cawangan

Shri N. Thiruvengadam mengambil alih jawatan pengerusi cawangan mulai 11. 08. 1996. Sebuah bangunan rumah teres dibeli di Taman Bunga Raya, Bukit Beruang untuk dijadikan premis cawangan pada tahun 1998 melalui usahasama jawatankuasa dan kerjasama orang ramai.

CamScanner

Premis cawangan pada tahun 1998



Swami Chidananda

Presiden dunia *Sri Swami Chidananda* merasmikan premis ini dan menamakannya *"Sivananda Divya Prema Ashramam"* pada 15.03.1999.

Mulai tarikh tersebut, kesemua aktiviti cawangan dijalankan di premis ini. Majlis sembahyang di kediaman ahli diteruskan atas kehendak mereka. Aktiviti *"Anthar Yogam"* dan kem kerohanian dijalankan di kuil-kuil dan di sekolah.

Pada tahun 2003, premis cawangan diubah suai sehingga ia mempunyai ruang yang lebih besar bagi perjalanan aktiviti cawangan.

Shri S. Sella Thurai

Apabila Shri N.Thiruvengadam meninggal dunia, kepemimpinan Cawangan ini diambil alih oleh Shri S. Sella Thurai mulai 18.09.2005.

Pada tahun 2007 premis ini dinaik taraf dengan menyediakan beberapa kemudahan atau kelengkapan seperti pendingin hawa yang secukupnya. Perkara ni dapat membuka laluan untuk kem kerohanian dikendalikan di premis ini dengan selesa.

CamScanner

Pada 16.03.2008, upacara *Pratishta Guru Murthi* dan *Maha kumbabishegam* dijalankan. Sejak itu, upacara sembahyang harian dijalankan pada waktu pagi dan petang.

Mulai tahun 2013, cawangan ini menganjurkan program lawatan ke pusat-pusat cawangan lain di Malaysia dan kuil-kuil serta mengadakan hari keluarga melibatkan golongan daripada remaja hingga warga emas.

Sri Swami Swayamjayananda yang menerajui cawangan Malaysia dari tahun 2013 tidak ketinggalan menghadirkan diri dalam setiap Mesyuarat Agung Tahunan. Beliau juga menjalankan program *'Satsang'*, iaitu perbincangan hal-hal kerohanian sekurang-kurangnya sekali setahun bersama ahli-ahli Cawangan Melaka.

Swami Mumukshuanada mula menetap di Premis cawangan mulai tahun 2015. Kini beliau merupakan pendorong dan penasihat utama bagi setiap kegiatan cawangan.

Pada 14.12.2018, cawangan ini berjaya menganjurkan Sambutan Jubli Emas tanda genapnya 50 tahun penubuhannya.

Shri M Uthayasureeyan

Shri M. Uthayasureeyan yang telah berkhidmat sebagai setiausaha cawangan selama 17 tahun mula menerajui cawangan ini pada 23.02 2020.

Cawangan Melaka terus menjalankan pelbagai aktiviti termasuk penerbitan buku-buku percuma sebagai usaha memastikan ahli-ahli memahami dan menjalani kehidupan kerohanian berpandukan ajaran *Swami Sivananda*, menjalankan kem-kem pembentukan akhlak bagi murid-murid sekolah dan menjalankan kelas-kelas agama Hindu.

"SERVE LOVE MEDITATE REALISE"

(Sumbangan artikel: Shri M. Uthayasureeyan, Pengerusi, The Divine Life Society, Melaka)

CamScanner

7 MALAYSIA HINDHUDHARMA MAAMANDRAM

Pertubuhan Hindhudharma Malaysia, iaitu *Malaysia Hindhudharma Maamandram*, (MHM) sebuah NGO, diasaskan pada tahun 1982. Pertubuhan ini mempunyai 35 buah cawangan (Arul Nilayam) di seluruh Malaysia, termasuk di negeri Melaka. Pengasas pertubuhan ini ialah *Arutthiru Sangkarathaasan Col.(Ret)* mendiang *Karu. Sathaya KMN.,AMN*. dengan restu *Jagatguru Sri Jayendra Saraswathy Swamigal* dari *Kanchi Kamakoti Peetham, Tamil Nadu, India*.

Matlamat perdana pertubuhan ini adalah menyebarkan dan melestarikan ajaran *Hindhudharma* kepada penganut Hindu di negara ini. Untuk tujuan itu, pengasas MHM mengkategorikan pembinaan kerohanian *Hindhudharma* kepada tiga segmen, iaitu *Saathiram* (Kitab agama), *Aagamam* (Falsafah, pembinaan kuil, kaedah sembahyang dan *mantra*), dan *Thothiram* (Lagu Pemujaan Tuhan). Segmen *Saathiram* dikendalikan oleh *Arutthiru Sangkarathaasan,* Segmen *Aagamam* dibicarakan oleh *Sri Muthukumara Sivachariyar* dan segmen *Thothiram* dipertanggungjawab kepada *Othuvaar Tho.Ka.Sambasivanar*.(Seterusnya disebut *Othuvaar*)

Marilah kita sama-sama mengikuti sejarah khidmat bakti *Othuvaar Mendiang Tho. Ka.Sambasivanar.* Othuvaar telah menerima pelbagai penghargaan dan anugerah atas sumbangan bakti dalam agama Hindu. Pada tahun 2005, Othuvaar telah menerima anugerah tertinggi "*Isaipavalar*" daripada Institut Hindu *Sri Ponnambalavaneshwarar*, Sri Lanka. *Othuvaar* telah menyumbang jasa sebagai penyanyi lagu agama *Malaysia Hindhudharma Maamandram* peringkat nasional, Pengerusi MHM peringkat Negeri Melaka, dan Pengerusi MHM Arulnilayam Alor Gajah dan Pengerusi MHM *Nadarajar Kottam*. Khidmat bakti *Othuvaar* terhadap kuil Hindu di Melaka dan program pembinaan

CamScanner

insan mulia di seluruh negara amat terpuji. Setiap hari Jumaat, *Othuvaar* mengendalikan kelas Agama Hindu di Kuil Sri Sithi Vinayagar Alor Gajah dan Kuil Sri Subramaniar, Batu Berendam. Selain itu, Othuvaar juga telah mengadakan kelas Agama Hindu di Kuil *Dewi Sri Maha Mariamman*, Cheng pada setiap hari Ahad berbelas tahun.

Sebagai Pengerusi MHM peringkat Negeri Melaka, Othuvaar tidak mengenal penat lelah untuk menyumbang terhadap penyebaran Agama Hindu, khususnya dalam aspek nyanyian lagu-lagu agama yang mempunyai kepakaran dalam diri kendiri. Othuvaar telah mengendalikan kelas Nyanyian Lagu-Lagu Agama Hindu (Kelas Parayanam) di Kuil Sri Subramaniar, Batu Berendam; di Kuil Vanathandavar, Sungai Udang; di Kuil Sri Maha Mariamman, Rumbia; di Kuil Arulmigu Sannasimalai Andavar, Cheng; di Kuil Sri Maha Mariamman, Jasin; di Kuil Vaithiswaran, Tampin; di Kuil Sri Maha Mariamman, Ladang Kemuning, Tebong. Penganut Hindu daripada pelbagai peringkat umur telah bermanfaat daripada kelas kendalian Othuvaar secara percuma. Sementelahan, Kursus Agama Hindu semasa cuti penggal persekolahan khas untuk pelajar-pelajar dijalankan di SRK Alor Gajah selama tiga hingga lima hari. Pastinya, satu agenda utama kursus ialah nyanyian lagu agama kendalian Othuvaar. Pengisian lain kursus ialah latihan *Yoga* pada setiap pagi untuk ketahanan fizikal peserta kursus dan ceramah disiplin kendiri. Program Jangkauan Komuniti dijalankan di ladang getah dengan *bhajan*s dan diakhiri dengan *prasadam* sumbangan ahli-ahli MHM.

Pada tahun 2012, Othuvaar yang senantiasa menyumbang pengetahuan agama dan menyanyi lagu keagamaan meninggal dunia buat selama-lamanya. Namun, khidmat baktinya tetap dikenang sehingga akhir zaman. Selepas itu, MHM Arulnilayam Alor Gajah ditukar namanya kepada *Sambasivanar Nanneri Kazhagam* (SNK) dan diterajui oleh putera Othuvaar, En.Kalimuthu Sambasivan. Menerusi pertubuhan SNK, seminar keagamaan tetap diteruskan semasa cuti penggal persekolahan seperti sebelumnya. Selain itu, kelas agama Hindu juga dijalankan di balai raya Pengkalan, Bukit Nangka dan ladang Sri Klemak, Alor Gajah. Penganut Hindu di sekitar Ayer Panas juga berpeluang mengikuti kelas agama Hindu di Kuil Sri Maha Mariamman Ayer Panas setiap minggu kelolaan SNK.

Tuntasnya, *Malaysia Hindhudharma Maamandram* dan *Sambasivanar Nanneri Kazhagam* telah menyebarkan ajaran dan falsafah Agama Hindu kepada penganutnya melalui kuil Hindu di Melaka. Peranan kedua-dua pertubuhan ini amat bernilai dan berharga dalam konteks pembinaan masyarakat Hindu yang bermoral dan beretika murni di Melaka.

CamScanner

Badan Induknya telah menganjurkan suatu Bengkel Khas seperti berikut (Kursus Moral dan Nilai Murni bagi Guru-Guru SJK Tamil dan SK Negeri Melaka) untuk bakal guru agama Hindu di negeri Melaka pada 10-12 September, 2020 yang dihadiri oleh 114 peserta, yang terdiri daripada 85 orang guru sekolah kerajaan dan yang baki terdiri daripada wakil-wakil kuil dan organisasi-organisasi lain. Badan ini telah menyediakan buku-buku teks dan bahan-bahan panduan kepada para guru sebagai usaha membantu pihak-pihak yang ingin menyampaikan pendidikan agama Hindu asas di seluruh negara. Buku-buku ini disediakan oleh pakar-pakar setelah kajian rapi dan diterbitkan untuk mengisi kekosongan yang wujud dalam menyampaikan pendidikan agama Hindu dalam kalangan penganut agama Hindu di negara ini.

(Sumbangan artikel: En.Kalimuthu Sambasivan)

CamScanner

Kursus Moral dan Nilai Murni bagi Guru-Guru SJK Tamil dan SK Negeri Melaka

Malaysia Hindhudharma Maamandram, (MHM) ialah sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang memperjuangkan soal agama Hindu selama 39 tahun di negara ini. Agenda utama MHM ialah rancangan pendidikan agama Hindu. Sejajar dengan matlamat itu, MHM telah menganjurkan kursus moral dan nilai murni bagi guru-guru SJK Tamil dan SK negeri Melaka dengan kerjasama Majlis Guru Besar Sekolah-Sekolah Tamil Negeri Melaka dengan keizinan Jabatan Pendidikan Melaka. Kursus ini berlangsung selama tiga hari, iaitu dari 10-9-2020 hingga 12-9-2020 di sebuah hotel terkemuka di Ayer Keroh, Melaka. Perbelanjaan kursus ini dibiayai sepenuhnya oleh MITRA, Kerajaan Persekutuan Malaysia. Semua peserta kursus ini telah dibekalkan dengan modul pengajaran, makanan, tempat penginapan dan ongkos perjalanan. Kursus ini telah dikendalikan secara percuma kepada semua peserta.

Matlamat Kursus Moral dan Nilai Murni:

1. Pendidikan agama Hindu secara formal diberikan kepada anak-anak Hindu sejak kecil lagi.
2. Kaedah pengajaran agama Hindu secara formal didedahkan kepada tenaga pengajar.
3. Semua bentuk modul pengajaran diberikan kepada tenaga pengajar.
4. Kaedah pengajaran agama Hindu secara menarik dan berkesan didedahkan kepada tenaga pengajar.
5. Semua murid sekolah dibekalkan dengan buku teks mengikut tahap kelas mereka.

Seramai 67 orang guru berketurunan Hindu Sekolah Rendah Kebangsaan Tamil dan 18 orang guru Hindu dari sekolah rendah kebangsaan negeri Melaka menyertai kursus ini. Selain kumpulan peserta ini, wakil kuil, *gurukkal*, guru tadika swasta dan individu seramai 29 orang telah melibatkan diri secara aktif dalam kursus berkenaan. Sebenarnya, jumlah keseluruhan peserta kursus ini ialah seramai 114 orang. En.Rathakrishnan Alagumalai (Pengerusi Nasional MHM), En.Supramani Shoniah (Timbalan Pengerusi MHM), En.Ramesh Arumugam (Naib Pengerusi MHM), En.Rishikumar Vadivelu (Naib Pengerusi MHM), Dharma Sigamani En.Kai Kumaraguruparan,En.Prakash Munusamy dan En.Nagathevan merupakan barisan tenaga pengajar yang mengendalikan kursus ini dengan berkesan.

CamScanner

Setiap peserta yang menyempurnakan kursus ini dibekalkan rancangan pengajaran Agama Hindu, modul pengajaran guru, *pirarthanai kovai,* buku kaedah pengajaran dan buku teks untuk pelbagai tahap. En. Tho. Ka. Narayanasamy, tetamu khas majlis perasmian penutup telah mengajak semua peserta kursus untuk membimbing anak-anak didik dengan nilai *Sanathana Dharma* yang membolehkan mereka mengharungi cabaran masa depan dengan penuh keyakinan. Beliau telah menyempurnakan perasmian penutup kursus ini.

(Nota Tambahan oleh Badan Redaksi)

CamScanner

8	**MALAYSIA HINDU SANGAM MELAKA**
	657 M/1, Jalan Delima 1, Taman Bukit Melaka, Bukit Beruang, 75450 Melaka.

SEJARAH FASA PERTAMA (1979 – 1995)

Antara tahun 1979 hingga 1985, orang yang penting dalam pembentukan dan penyelenggaraan *Hindu Sangam Melaka* ialah mendiang En.S.N.Gandhi.

Sebelum 1985, beliau dibantu oleh mendiang En.N.Thiruvengadam, mendiang Encik S. Packirisamy dan En.Retnasamy. Sangam dikendalikan dalam lingkungan yang terhad pada ketika itu. Mereka menggunakan rumah-rumah penganut dan beberapa kuil untuk mengadakan kelas agama, kelas *thevaaram, bhajan*, ceramah agama dan sebagainya. Mereka juga mengadakan perayaan agama *Sivaraathri, Navaratri*, *Krishna Jayanthi* dan sebagainya di beberapa kuil Hindu setempat. Kadang-kadang penceramah dari luar negeri Melaka dijemput untuk menyampaikan ceramah pada umum. Mereka juga mengadakan majlis mendeklamasikan *thirumurai* dengan jayanya.



Namun, sejak tempoh itu, *Hindu Sangam* tidak bergerak cergas di Melaka selama beberapa tahun. Demi memberikan jiwa padanya, En.Singaraju Suppiah dihampiri untuk menjadi pengerusi peringkat negeri Melaka. Beliau telah memegang jawatan itu sejak 1985 dan bersara pada tahun 1995.

Dalam tempoh 10 (1985-95) tahun ini, beberapa aktiviti telah dirancang dan dijalankan oleh Sangam ini seperti berikut:

- Meramaikan ahli Sangam;
- Mengadakan kelas Agama Hindu;
- Mengadakan pengebumian mayat orang Hindu yang tidak bersaudara;
- Mengadakan kelas tarian *Bharatanaatiyam*;
- Menganjurkan perayaan Hari Hindu – Pada tanggal 12 Mei setiap tahun, perayaan ini diadakan secara bergilir-gilir di kuil-kuil di negeri Melaka;
- Mengikhtiarkan tempat sementara di Klebang Besar dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka untuk melakukan istiadat *'karumak kiriyai'*, dan
- Mengalihkan taman perkuburan Hindu-Bahai dari Bukit Serindit ke Jelutung disebabkan oleh pembangunan bandar. Pengalihan kubur dilakukan mengikut tatacara agama Hindu dengan jayanya oleh *Hindu Sangam Melaka*.

Selain itu, Hindu Sangam terlibat dalam kegiatan-kegiatan keagamaan dan kemasyarakatan seperti berikut:

- Membantu mendapatkan kelulusan visa untuk membawa masuk *gurukkal*, mahupun ahli-ahli muzik tradisional untuk kuil-kuil tempatan;
- Mengadakan perjumpaan sivik dan tatanegara di beberapa kuil di Melaka;
- Mengadakan latihan bagi hakim-hakim peraduan melafazkan *thirumurai*;
- Mengadakan forum bertajuk 'Keluarga Bahagia' di beberapa ladang di Melaka;
- Mengadakan kuiz agama Hindu dan Pengetahuan Am bagi pelajar-pelajar sekolah menengah di negeri Melaka, dan
- Membentuk Jawatankuasa wilayah atau cawangan di Pulau Sebang dan Merlimau.

CamScanner

SEJARAH FASA KEDUA (1996 – 2003)



Dalam tempoh ini, Hindu Sangam Melaka dipimpin oleh *Sangapooshan* (mendiang) En.K.V.Sathasivam. Hindu Sangam hanya beroperasi dengan dua cawangan sebelum ini. Dalam tempoh ini jawatankuasa-jawatankuasa atau cawangan baharu wujud di Bukit Beruang, Ujung Pasir, Rembia dan Jasin, sebagai tambahan pada yang sedia wujud di Pulau Sebang dan Merlimau. Bilangan ahli juga bertambah. Peraduan melafazkan *thirumurai* juga diperluas ke peringkat cawangan. Peraturan peraduan diperkemas, dan hakim-hakim peraduan yang terlatih berkhidmat untuk menjayakannya. Hasilnya banyak ibu bapa dan orang ramai bergembira dan mula memberikan sokongan pada *Hindu Sangam* Negeri Melaka.

Perkembangan ini menyebabkan *Hindu Sangam* bergerak lebih aktif. Untuk memudahkan pentadbiran pertubuhan ini, usaha untuk mewujudkan pejabatnya difikirkan. Pada ketika itu, dengan bermurah hati, Yang Berbahagia Datuk Seri Dr.S.Subramaniam telah membenarkan *Hindu Sangam* beroperasi di tingkat atas di kliniknya di Jalan Ong Kim Wee, Melaka.

Dengan adanya ruang pejabat, semua urusan Hindu Sangam, mesyuarat jawatankuasa dan perbincangan kumpulan kecil mula diadakan di sana. Perubahan-perubahan ini menyebabkan kesedaran dalam kalangan penganut agama Hindu, dan ramai lagi tokoh dan orang ramai ingin menjadi ahli dalam Hindu Sangam Melaka.

Beberapa aktiviti lain:

- Pada tahun 1999 suatu seminar agama dijalankan di *Dewan Gujarati Vanikh Sangh*, Melaka.

- Pada tahun 2002 kursus bagi guru-guru agama Hindu diadakan dengan jayanya di Kolej Perubatan Manipal, dengan sumbangan tenaga daripada tokoh-tokoh seperti Kol. Saathiah, Prof. Dr.S. Rajendran, Presiden *Malaysia Hindu Sangam* Dato' A.Vaithilingam, mendiang En.Tho.Ka.Sambasivam, dan *Thondarmani* En.A.Krishnan.

- Pada tahun 2003, peserta dari Melaka, S.Ganesh Rao, telah meraih pingat emas dalam bahagian 4 dalam peraduan melafazkan *thirumurai* pada peringkat kebangsaan dan mengharumkan nama negeri Melaka.

- Suatu Tabung Bangunan Hindu Sangam dimulakan pada tempoh ini, dan sebanyak RM85,000.00 telah berjaya dikutip.

CamScanner

SEJARAH FASA KETIGA (2004 – 2012)



Sangaratna En.A.Krishnan memimpin Malaysia Hindu Sangam dalam tempoh ini. Perubahan yang besar mula berlaku dalam tempoh ini. Acara-acara berkaitan agama, seni dan budaya Hindu mula dianjurkan pada peringkat negeri mahupun negara. Pada peringkat kebangsaan, persidangan *'Hindu Sangam ke arah 2020'* disempurnakan dengan jayanya. Mesyuarat Agung Kebangsaan yang ke-32 bagi *Malaysia Hindu Sangam* berlangsung di negeri Melaka. Dalam mesyuarat agung yang bersejarah ini, Datuk Mohan Shan yang bertanding untuk jawatan Presiden *Malaysia Hindu Sangam* berjaya dipilih sebagai Presiden – perubahan yang bersejarah berlaku di Melaka.

Peraduan melafazkan *thirumurai* terus dianjurkan pada peringkat negeri mahupun peringkat kawasan/cawangan.

Pada peringkat negeri, usaha untuk membeli bangunan untuk *Sangam* diutamakan. Ekoran itu, sebuah rumah kedai dua tingkat di Taman Bukit Melaka, Bukit Beruang, dibeli oleh *Hindu Sangam* dengan harga RM280,000.00. Dengan perbelanjaan tambahan, harganya mencecah RM310,000.00 – dan apabila geran bangunan diperoleh, bangunan diserah pada *Malaysia Hindu Sangam*. Kewangan yang cukup untuk bangunan ini telah dicari dengan usaha dan dedikasi pemimpin dan ahli Hindu Sangam di peringkat negeri dan cawangan di seluruh negeri Melaka, sumbangan orang ramai dan restu Tuhan Yang Maha Kuasa. Pembelian ini adalah suatu kejayaan besar bagi Hindu Sangam Melaka.

Pada masa yang sama, *Hindu Sangam* memulakan kelas tadika dengan 9 orang murid, yang secara beransur bertambah ke-20 orang murid. Dua orang guru telah memimpin murid-murid ini.

Tempat pembakaran mayat elektrik di Melaka telah dibina di Jelutung, Batu Berendam, atas usaha mantan menteri persekutuan Datuk Seri Dr.S.Subramaniam. Pada tahun 2006, krematorium ini diserah pada *Hindu Sangam* untuk ditadbirkan. *Hindu Sangam Melaka* telah mentadbirkannya dengan jayanya.

Dalam tempoh ini, suatu majlis perbincangan telah diadakan antara pengurus-pengurus kuil di Melaka dan *Hindu Sangam Melaka*. Di samping itu, atas usaha pengerusi, beberapa kemudahan tambahan bagi pejabat *Hindu Sangam Melaka* telah diperoleh. Komputer, mesin fotostat, pendingin hawa, kerusi meja, kipas dan sebagainya telah diperoleh dalam tempoh ini, sebelum pengerusi melepaskan jawatannya pada tahun 2012.

SEJARAH FASA KEEMPAT (bermula pada 2013)

Pada tempoh ini *Thondarmani* En.P.Velayutham mula memimpin *Hindu Sangam Melaka* sebagai pengerusinya. Beliau dibantu oleh *Sangapushen* Prof.Dr.M.Nachiappan, *Thondarmani* Prof.Madya Dr.M.Swaminathan, *Thondarmani* En. M.Krishnan, *Thondarmani* En. G.Raman, En.Ravichandran dan ramai lagi.

Dalam tempoh ini enam jawatankuasa kawasan mula bergerak aktif. Jawatankuasa kawasan ketujuh dimulakan di Bukit Kajang-Bemban pada tahun 2016. Pejabat *Hindu Sangam* yang beroperasi dari tempat sewa dialih ke tingkat atas bangunan sendiri di Bukit Beruang pada bulan Julai 2018.

CamScanner

Pada ketika ini, *Hindu Sangam Melaka* menjalankan 33 kelas agama Hindu di sekolah, kuil, penjara, dan pusat pemulihan penagih dadah di negeri Melaka. Selain itu, Hindu Sangam menyampaikan ceramah di kuil, mengadakan seminar agama dalam kalangan pelajar sekolah, menyampaikan sumbangan barangan pada keluarga miskin, menyampaikan bantuan kewangan pada pesakit miskin, mengadakan latihan pada guru agama, mengadakan Pesta Peraduan Melafazkan *thirumurai,* Perayaan *Naalvar*, Persidangan Kuil, dan memimpin sesi-sesi sembahyang berkumpulan di pelbagai tempat, termasuk di rumah penganut.

Pada ketika ini terdapat 1,200 ahli dalam *Hindu Sangam Melaka*. Pada tahun 2017, pungutan derma dilakukan melalui jamuan amal untuk menambah tabung *Hindu Sangam Melaka*. Lebih 500 orang menghadiri majlis ini yang turut dihadiri oleh Menteri Kesihatan Malaysia ketika itu, YB Datuk Seri Dr.S.Subramaniam.

Buat kali pertama, pada tahun 2018, upacara *300 kalasabisyegam* dijalankan di bawah pimpinan *Sivaachaariyaar Shri Muthukkumara gurukkal* di Melaka, sebagai sebahagian daripada usaha memungut derma bagi *Hindu Sangam Melaka*.

Hindu Sangam Melaka mempunyai hasrat untuk mengadakan kelas agama Hindu di semua sekolah dan kuil Hindu di negeri Melaka. Dengan restu Tuhan Yang Maha Berkuasa, kami berharap hasrat ini akan berhasil.

Badan Induk Malaysia Hindu Sangam menganggotai Majlis Perunding Agama Bukan Islam (MCCBCHST) dan berfungsi sebagai penyalur aspirasi agama Hindu Kepada kerajaan Malaysia.

(Sumbangan artikel oleh
Thondarmani Velayutham Periasamy,
Pengerusi, Malaysia Hindu Sangam Melaka)

CamScanner

9	**PERSATUAN PENGANUT SRI KAMACHI BRINDAVANAM MELAKA**
	No: 15 & 17, Jalan Murni 18, Taman Malim Jaya, 75250 Melaka.

Seramai 19 penganut di bawah kepemimpinan *Guruji V.Subramaniam A/L Velu* telah sebulat suara bersetuju untuk menubuhkan persatuan ini pada 25-02-2013. Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia telah meluluskan permohonan mereka dan nombor pendaftaran ialah PPM-028-04-04042013. Pertubuhan ini mempunyai empat ketegori ahli, iaitu ahli biasa, ahli seumur hidup, ahli bersekutu dan ahli belia. Semua warganegara Malaysia tanpa mengira kaum dan jantina, berumur 18 tahun ke atas dan menetap di Malaysia layak untuk memohon menjadi ahli.

Falsafah dan Objektif:

Pengasas pertubuhan ini, dikenali ramai dengan panggilan mesra *"Guruji",* berpegang teguh pada nilai saling memahami, bersekutu dan bekerjasama dengan petunjuk Yang Maha Esa untuk mencapai kesejahteraan hidup. *"Perpaduan Global Melalui Kemanusiaan"* ialah falsafah murni pertubuhan ini.

Ungkapan hikmat "*Matha, Pitha, Guru, Deivam"* terkandung dalam Bahasa Sanskrit. Ungkapan ini bermaksud ibu, bapa, guru dan Tuhan. Dalam urutannya, kata Tuhan hadir terkemudian dan ini mempunyai signifikan tersendiri. Kesejahteraan hidup dapat dinikmati oleh individu berpaksi kepada bimbingan yang sempurna. Untuk itu, seseorang mesti berkesedaran untuk maju. *'Guruji Subra'* berpendapat asuhan dan bimbingan sewajarnya bermula di rumah. Bagi anak-anak, ibu adalah Tuhan pertama. Seseorang ibulah yang menjaga segala keperluan anak seperti makan minum, berkasih dan memahami anak. Bapa pula yang menjadi tunggak rumah, membimbing anak untuk menjalani kehidupan mulia. Ibu bapa berganding bahu menunjuk ajar anak tentang kebaikan dan keburukan supaya anak terhindar daripada melakukan perkara negatif. Guru di sekolah bertanggungjawab menambah baik segala nilai murni yang terpupuk di alam rumah dan membina insan mulia. Guru berupaya untuk mengenal pasti kebolehan murid dan mengasahnya. Proses pembinaan insan yang bermula di rumah, dan di sekolah dengan pemupukan nilai murni dan bimbingan yang terarah akan mendekatkan seseorang anak kepada Tuhan Yang Maha Esa. Pencapaian kendiri yang tertinggi oleh individu tidak akan tercapai tanpa hidayat daripada Tuhan. "*There is no 'GO' without 'GOD*'. Sokongan padu *'tiga insan*' dan kepercayaan mutlak kepada Tuhan dan kerja keras akan menghasilkan kejayaan dalam hidup. *Guruji* mempercayai *'Pertolongan*' merupakan satu nilai atau tindakan yang tidak dihargai oleh manusia. Seseorang tanpa mengira ras, agama dan status kewangan, jika memohon restu dan pertolongan daripada *Dewi Sri Kamachi*, rumah ibadat ini, pasti tidak akan kecewa. Niat mereka akan terkabul.

Tiada objektif lain ketika membina dan menguruskan tempat suci ini. Sejak hari pertama penubuhan persatuan ini, ideologinya sama iaitu, "*Perpaduan Global Melalui Kemanusiaan*".

CamScanner

Aktiviti dan Penyertaan Penganut Sepanjang Tahun

Setiap minggu aktiviti keagamaan berjalan lancar di pusat ibadah ini. Setiap hari Selasa '*Pooja Durga'* berlangsung dihadiri seramai 5 hingga 10 wanita. *Pooja* ini bertujuan untuk melestarikan kemakmuran dan kedamaian keluarga. *Pooja* ini dipimpin oleh ibu setiap keluarga. Pada setiap hari Rabu pula, upacara '*Kumkumum Archana'* dijalankan dengan membaca *'Lalita Trishati Stotram'*. Upacara ini dilakukan bagi kesejahteraan orang yang sakit dan mengikis masalah peribadi seseorang. Hari Khamis, pusat ini menyaksikan *'Pooja Rahu Kethu*' dihadiri oleh 15 hingga 20 orang penganut. Upacara ini bertujuan untuk menyelesaikan masalah berkaitan perniagaan, isu kewangan dan masalah perhubungan manusia. Pada hari Jumaat, hari suci, *Pooja Ambal (Ambal Abhisegam*) dijalankan untuk memberi restu dan pemberian bunga kepada penganut. Setiap ritual agama ini diketuai oleh *Guruji* sendiri. *Guruji* senantiasa mengingatkan penganutnya bahawa setiap *pooja* yang dijalankan oleh mereka di pusat ini adalah untuk kebaikan mereka. Sementara, kehadirannya pada puja adalah untuk membimbing dan menunjuk ajar cara yang betul kepada mereka. Satu keunikan aktiviti keagamaan di persatuan ini ialah 90% penyertaan penganut adalah terdiri daripada kaum Cina. Panorama ini bermula sejak penubuhan persatuan hinggalah ke hari ini.

Sambutan Perayaan Khas

Dua perayaan khas disambut di *Brindavanam* Melaka pada setiap tahun. Pertama, pada permulaan bulan April-Mei perayaan '*Chitra Powrnami'* disambut secara meriah. Sambutan ini berlangsung selama 10 hari dan pada hari terakhir penganut akan menyertai perarakan menjunjung *'palkudam*' dan *'kalasam*'. Perayaan khas kedua ialah *Pooja Navarathiri* yang disambut pada bulan September-Oktober. Pihak pengurusan *Brindavanam* menggalakkan keluarga, kumpulan ataupun syarikat menaja sambutan harian dengan menyediakan persembahan barangan sembahyang dan

CamScanner

hidangan makanan untuk hadirin. Sokongan padu daripada semua penganut Dewi Sri Kamachi untuk menjayakan kedua-dua perayaan khas ini sungguh teruja dan menakjubkan. Hal ini terbukti dengan bilangan penganut yang hadir melebihi seribu orang pada perayaan berkenaan.

Projek Khas yang Berterusan

Persatuan ini menyumbang bantuan kewangan bulanan kepada anak-anak ibu tunggal yang masih di alam persekolahan. Selain itu, persatuan ini juga menghulurkan bantuan fee persekolahan kepada kanak-kanak daripada keluarga B40 dan M40 yang menghadapi kesukaran menyekolahkan anak-anak mereka. Setiap bulan *Brindavanam* menyalurkan bantuan dana kepada pusat jagaan warga emas, pusat jagaan anak-anak yatim piatu dan pusat jagaan khas. Penghuni pusat-pusat ini dipelawa untuk menyertai kedua-dua perayaan khas dan menikmati hidangan makanan istimewa di *Brindavanam*.

CamScanner

Persepakatan (Affiliations) Antarabangsa

Guruji telah melakukan lawatan ke luar negara untuk menemui penganut-penganut setianya sejak 2007. *Guruji* telah mengurangkan rancangan lawatan ke seberang laut akibat keadaan kesihatannya sejak 2017. Tiada sebarang persatuan berdaftar di luar negara, sebaliknya ada tempat-tempat pertemuan tertentu bagi pengikutnya bertemu *Guruji*. Walaupun pengikut seberang laut berjauhan daripada *Guruji*, namun, teknologi komunikasi memudahkan kedua-dua pihak berinteraksi sesama sendiri dan menyertai aktiviti keagamaan di *Brindavanam* Melaka atas talian.

Tempat-tempat pertemuan *Guruji* dengan pengikutnya di luar negara adalah seperti berikut. Netherlands (Amsterdam), Peranchis (Paris), Spain, Kanada (Toronto, Montreal, Niagara Falls), Amerika Syarikat (Washington DC, Los Angels, San Diego), Jerman (Dusseldorf), England (London), Ireland (Dublin), Australia (Melbourne, Perth, Victoria), Singapura, Indonesia (Jakarta), Thailand, Taiwan, Jepun, dan Amerika Selatan. Semua sumbangan dana yang dihulurkan oleh pengikut semasa lawatan luar negara *Guruji* diamanahkan kepada pengikut setia tertentu untuk disimpan dan disumbangkan kepada mangsa-mangsa bencana alam dan ahli komuniti miskin tegar yang benar-benar memerlukan pertolongan.

Rancangan Masa Depan Brindavanam Melaka

Brindavanam Melaka bertekad untuk meneruskan usaha untuk membantu golongan yang memerlukan bantuan, khususnya golongan miskin tegar dari segi makanan, minuman dan bantuan kewangan.

Persatuan ini berazam untuk meneruskan khidmat komuniti tanpa mengira ras, agama dan latar belakang seseorang.

Mesej Untuk Orang Awam

Masa depan adalah di tangan kita. Kemanusiaan bersifat mudah hancur seperti anak-anak kita. Kita sebagai ibu bapa, bertanggungjawab membimbing anak-anak kita ke arah jalan yang benar dan mendidik mereka. Kita janganlah mengukir mereka menjadi insan yang mengutamakan kebahagiaan material. Mereka perlu diajar nilai kasih sejati, saling memahami, bekerja keras dan mencari rezeki secara halal.

Ibu bapa tidak seharusnya menyalahkan orang lain jika anak-anak menuju ke jalan yang tidak benar. Hal ini kerana anak-anak di bawah pengawasan dan bimbingan ibu bapa hampir sepanjang masa. Menurut mendiang Nelson Mandela, '*didiklah anak jika ingin melihat perubahan dunia*'. Secara tuntas, *Guruji* berpegang teguh pada prinsip kasih sayang dan bimbingan ibu bapa adalah guru terbaik bagi seseorang kanak-kanak.

Guruji boleh dihubungi pada talian 0133759371 atau email: subra1182003@yahoo.com

(Sumbangan artikel oleh : Persatuan Penganut Sri Kamachi Brindavanam Melaka.)

CamScanner

10	**MELMARUVATHUR ATHIPARASAKTHI AANMIGA, ARAPPANI DEVOTEES ASSOCIATION MALAYSIA, MALACCA MANDRAM**
	No.169, Pengkalan Rama Pantai, 75400 Melaka.

Yayasan Agama, Perubatan, Pendidikan, Latihan Vokasional dan Khidmat Masyarakat merupakan yayasan di bawah naungan *Arulmigu Athiparasathi Sithar Peedam* di Melmaruvathur, Tamil Nadu, India. Yayasan ini telah menaburkan jasa bakti kepada segenap lapisan masyarakat sehingga pemimpinnya, *Yogi Keagamaan, Arulthiru Banggaru Adigalaar* menerima anugerah "Padma Sri" daripada Presiden India pada tahun 2019. Penganugerahan ini kepada *Adigalar* yang juga dikenali sebagai "Amma", adalah satu kebanggaan kepada semua pengikutnya, termasuk ribuan pengikut setianya di Malaysia. Salah sebuah persatuan yang mendukung falsafah *Arulthiru Banggaru Adigalar ialah Melmaruvathur Athiparasakthi Aanmiga, Arappani Devotees Association Malaysia* yang diterajui oleh "*Tamil Nencar*" OMS Pa. Thiyagarajan, seorang dermawan tersohor. Di Melaka pula, cabang persatuan ini diasaskan pada tahun 1983. En.Selvanathan Mangudi, En.R.Ganesan (Jurutera JKR Melaka), En.Selvakumar Sathaiya, En Ganesan Muthaiya dan Y. Bhg. Datuk S.Asojan adalah barisan pengasas persatuan ini di bumi bersejarah ini.

Arulthiru Banggaru Adigalaar



CamScanner

BAHAGIAN D



Usaha pembinaan nilai kerohanian perlu seiring dengan dharma atau khidmat bakti kepada masyarakat ialah ajaran utama *Arulthiru Adigalaar*. Falsafah ini merupakan panduan kepada persatuan ini melebarkan sayap programnya. Pada tahap permulaan, aktiviti persatuan ini berfokus kepada kawasan luar bandar, terutamanya ladang getah. Kelas tuisyen percuma kepada pelajar sekolah rendah dan upacara menjunjung "*paal kudam*" semasa perayaan tahunan di kuil adalah antara kegiatan awal dijalankan di ladang Jasin Lalang dan ladang Bertam. Selain itu, upacara puja 108 pelita, kaedah sembahyang di rumah kediaman, kaedah mengikis elemen negatif, upacara membaca mantra *Om Shakthi* dan meditasi juga dijalankan sejak penubuhannya sehinggalah ke hari ini kepada penganut Hindu di ladang. Pelajar-pelajar di SRK Tamil Bukit Lintang dan SRK Tamil Rumbia bertuah kerana ahli –ahli persatuan ini mengajar seni *yoga* dalam usaha untuk membina insan seimbang seperti impian *Yogi Hindu* terkenal, *Swami Vivekananda.*

"Kasih Sayang" tunjang ajaran *Arulmigu Banggaru Adigalaar* kepada setiap penganutnya di merata dunia. Berkasih sayang, menghormati insan lain, dan menghulurkan bantuan kepada orang yang memerlukannya senantiasa ditegaskan oleh *Adigalaar*. Penganut yang menghulurkan bantuan makanan, pakaian serta pertolongan lain tanpa mengharapkan balasan kepada golongan daif amat disayangi dan direstui oleh *Adigalaar*. Suruhan *Adigalaar* ini dipraktikkan oleh semua ahli persatuan ini. Sementelahan, ketika pandemik Covid 19, Perintah Kawalan Pergerakan menyebabkan golongan rakyat bawahan menghadapi kesusahan yang tidak terkata. Persatuan ini dengan izin kerajaan menghulurkan bantuan makanan asas kepada 42 keluarga kategori B40 di Pangsapuri Krubong. Selain itu, bantuan berbentuk makanan dan wang tunai juga disalurkan kepada Pusat Warga Emas Bukit Baru dan Pusat Jagaan Kanak-Kanak Istimewa Bukit Baru.

Kaum hawa dimuliakan dan diutamakan dalam persatuan yang dipimpin oleh *Adigalaar*. Sejajar dengan prinsip ini, persatuan ini diterajui oleh Puan Sivamany. Kepimpinan beliau disokong oleh En.Nagasuresh, En.Selvanathan Mangudi dan ahli-ahli mandram yang lain. Restu "*Amma*" milik semua.

(Sumbangan artikel oleh:
Melmaruvathur Athiparasakthi Aanmiga,
Arappani Devotees Association, Malacca Mandram)

CamScanner

11	**MELAKA NAALVAR MANDRAM**
	JA 5154, Jalan Medang, Taman Maju 77000, Jasin, Melaka.

Malaysia Naalvar Mandram telah ditubuhkan pada tahun 2013 dengan tujuan untuk memahami kepentingan dan kemuliaan *Saivisme.* Di Melaka juga, sebuah cawangan telah ditubuhkan pada masa yang sama.

Yayasan ini, ditubuhkan untuk membentuk seorang guru agama di setiap rumah. Yayasan ini juga menawarkan latihan lima peringkat kepada guru. *Malaysia Naalvar Mandram* menganjurkan program seperti bengkel latihan *thirumurai*, kem kemahiran hidup belia, guru *pooja* sebagai memperingati 63 *Nayanmargal,* Persidangan Thirumurai, syarahan rohani, bengkel hidup untuk wanita, dan sebagainya. Semua aktiviti ini dijalankan berdasarkan gagasan Mulia iaitu hidup adalah ibadat.

CamScanner

Semua program yang diadakan adalah dalam Bahasa Tamil supaya rakyat Malaysia tidak lupa bahawa *Saivisme* dan Tamil ibaratkan sepasang mata seseorang insan. Yayasan ini telah menerbitkan beberapa buah buku setakat ini, dalam usaha untuk memartabatkan ajaran *Saivisme.*

Melaka Naalvar Mandram juga turut melaksanakan semua program di atas bagi ahli-ahlinya. Para ahli yang dilatih menjalankan kelas agama di beberapa buah sekolah. Acara tahunan seperti *Guru Pooja* dan *Naalvar Vizha* juga diraikan dengan secara meriah.

Sumbangan Artikel : Melaka Naalvar Mandram

CamScanner

12	**PUSAT SRI SATHYA SAI BABA MELAKA**
	No: 659-D, Jalan Delima 12, Taman Bukit Melaka, Bukit Beruang, Melaka.

" Semua dikasihi, Semua dibantui" Baba.

Pengenalan:

Om Sai Ram. *Bhagawan Sri Sathya Sai Baba,* tokoh kerohanian India dan guru masyarakat sedunia yang tersohor. Falsafah kehidupan dan bicara budinya telah memikat berjuta-juta penganut setianya terhadap Tuhan Yang Maha Esa dan menghayati serta menjalani kehidupan yang bermoral dan beretika.

Bhagawan Sri Sathya Sai Baba dilahirkan di desa Puttaparthi, daerah Ananthapur, Andhra Pradesh, India pada 23-11-1926. Nama asal *Bhagawan* ialah *Sathyanarayana Raju* dan pada tahun 1940, ketika berusia 14 tahun, *Bhagawan* menzahirkan tujuan sebenar kehadirannya di dunia ini. Sejak ketika itu, *Bhagawan* mendidik dan memupuk kebenaran, tingkah laku mulia, kedamaian, rasa cinta dan nilai ahimsa kepada masyarakat dunia. Semua nilai mulia ini dipraktikkan dalam kehidupan sehariannya. Oleh sebab itu, *Bhagawan* senantiasa mengingatkan penganutnya bahawa "Kehidupannya ialah Ajarannya". *Bhagawan* yang dijunjung sebagai "*Avathara Purusha*" oleh penganut-penganut setianya telah mencapai *moksha* pada 24-04-2011.

Bhagawan yang terkenal seantero dunia, berkhidmat kepada masyarakat antarabangsa melalui pertubuhan sukarela yang mendukung namanya. "*Pirashanti Nilayam*" yang bermaksud "*Kemuncak Kedamaian*" ialah kompleks *Ashram* yang diasaskan oleh *Bhagawan* di Puttaparthi, India. *Ashram* ini yang berfungsi sebagai ibu pejabat sekretariatnya. Kini kita menghalusi program-programnya.

1. Pendidikan

Bhagawan Sri Sathya Sai Baba sentiasa menekankan kepentingan sistem pendidikan menyeluruh yang mengutamakan nilai kemanusiaan selain subjek normal. Penuntut dididik subjek nilai kerohanian dan disiplin kendiri serta menjalani program kemasyarakatan beberapa jam dalam masa seminggu. Menurut pandangan *Bhagawan,* hasil tuai terakhir sistem pendidikan sepatutnya kemenjadian insan bernilai mulia.

Bhagawan Sri Sathya Sai Baba mengasaskan sistem pendidikan termoden di peringkat sekolah rendah, menengah dan universiti. Pengajian peringkat ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran diajar di tiga buah kampus universiti milik pertubuhan amalnya. Tiada yuran pengajian. Semuanya secara percuma. Institusi pengajian ini menerima semua pelajar tanpa mengira status etnik, agama dan ekonomi keluarga. Semua pusat pengajian yang beroperasi di seluruh dunia, termasuk di Malaysia mementingkan pendidikan etika nilai moral.

2. Perlindungan dan Kemudahan Kesihatan

Inisiatif *Bhagawan* telah menghasilkan pembinaan sebuah hospital ultra moden yang memberi khidmat percuma. Hospital ini yang mempunyai 300 buah katil dibina pada tahun 1991 terletak berhampiran dengan kampus universiti dan *ashram* utama. Secara lumrahnya, pembedahan jantung dan buah pinggang dijalankan oleh pakar pembedahan di sini. Seterusnya, tuntutan keperluan menyebabkan sebuah lagi hospital seumpama itu dibina di sini. Hospital kelolaan *Pusat Sri Sathya Sai Baba* ini dinobatkan sebagai "*Kuil Penyembuhan*" (Temple Of Healing). Hal ini demikian kerana, di sini tiada unsur perniagaan yang bermotif keuntungan dan perkhidmatan kesihatan dalam suasana

CamScanner

kerohanian. Golongan warga emas, orang kurang upaya dan pesakit menikmati perkhidmatan kesihatan yang mesra. Sementelahan, senario orang awam mendekati pesakit untuk memberi keyakinan dan prihatin adalah satu kebiasaan dan keistimewaan di hospital di sini. Sesungguhnya, itulah tingkah laku mulia yang menjunjung kerohanian.

3. Khidmat Kepada Yang Memerlukannya

Bhagawan selalu menekankan khidmat masyarakat berlandaskan rasa kasih sayang. *" Tangan yang menghulurkan pertolongan lebih mulia daripada berdoa melalui mulut"* merupakan salah satu pengajaran *Bhagawan.* Semua pusat *Bhagawan* di seluruh dunia berpegang kepada prinsip mulia ini.

4. Pembinaan Negara

Bhagawan mempercayai individu ialah pemangkin dalam proses pembinaan negara. Seruan *Bhagawan* kepada semua penganutnya berbunyi:

"Kewujudan keadilan dalam atma membuahkan peribadi yang terpuji
Peribadi yang terindah menghasilkan keharmonian keluarga
Keharmonian keluarga pemangkin kedaulatan undang-undang negara
Kedaulatan undang-undang menjamin keamanan sejagat"

Persatuan Amal Global Sathya Sai Baba

Lebih daripada 1,200 *Persatuan Amal Sathya Sai Baba* beroperasi secara aktif di 180 buah negara. *Persatuan Amal Sri Sathya Sai Baba Seva* bertanggungjawab terhadap semua aktiviti di negara India. *Sri Sathya Sai Baba Central Trust* diisytiharkan sebagai pertubuhan amal rakyat pada tahun 1972. Matlamat utama penubuhannya adalah membantu golongan miskin tegar, khususnya dalam bidang pendidikan, kesihatan dan aspek hidup utama yang lain.

Semua *Persatuan Sri Sathya Sai Baba* di luar negara India, menjadi ahli gabungan di peringkat global. Penyertaan ini dibahagikan kepada Sembilan wilayah darat. Setiap wilayah dibahagikan pada 94 kawasan kecil. Malaysia terletak dalam wilayah 4, kawasan yang ke 41. Kedudukan ini dikenali sebagai bahagian Asia Tenggara Jauh dan negara Malaysia, Singapura, Indonesia, Filipina serta Brunei Darulsalam menjadi anggotanya.

Persatuan Amal Sri Sathya Sai Baba di Malaysia

Kini lebih daripada 80 buah *Persatuan Amal Sri Sathya Sai Baba* dan kumpulan *bhajan*s berfungsi di Malaysia. Semua persatuan amal ini menganggotai "*The Sathya Sai Baba Central Council Of Malaysia*". Pertubuhan pusat ini adalah sebuah pertubuhan bukan kerajaan dan tidak bermatlamat keuntungan. Matlamat perdana pertubuhan ini adalah menghulurkan bantuan ihsan kepada golongan miskin, pesakit dan golongan yang benar-benar memerlukan pertolongan. Sementelahan, pertubuhan ini bermatlamat untuk menerapkan sifat kerohanian dan perpaduan nasional.

Falsafah di sebalik penubuhan pusat amal *Sri Sathya Sai Baba* dapat dilihat daripada isi hati dan pandangan *Bhagawan*. *Bhagawan* berhemat, *"Pusat amal ini seharusnya secocok dengan jiwa penganut dalam usaha membina sifat kerohanian dan seterusnya memantapkan disiplin kendiri dan mengikis sifat ego".*

CamScanner

Pusat Sri Sathya Sai Baba Melaka

Pengasas *Pusat Sri Sathya Sai Baba Melaka* ialah ahli keluarga pengikut *Bhagawan* sekitar pertengahan tahun 1970-an. En.Kannan, juruteknik kanan Lembaga Letrik Negara, Cawangan Melaka telah menghadiri Simposium pertama *Bhagawan Sri Sathya Sai Baba* peringkat nasional yang berlangsung di *ashram Vivekananda,* Brickfields, Kuala Lumpur pada tahun 1975. Beliau amat teruja dan tertarik dengan falsafah dan pengajaran *Bhagawan*. Beliau membeli banyak buku mengenai *Bhagawan* di simposium berkenaan dan menghadiahkannya kepada En. R.Jegathesan, mantan Penyelia Sekolah Tamil, Jabatan Pendidikan Melaka. Beliau juga yang tertarik dengan *Bhagawan*, memperkenalkan falsafah itu kepada sahabat-sahabat karibnya seperti Dr.Sheshagiri, mantan pegawai perubatan haiwan Jabatan Haiwan Melaka dan mantan pengetua mendiang En.Narayanan. Keluarga mereka yang terpengaruh dengan ajaran *Bhagawan* telah mengadakan majlis *bhajan*s pada setiap hari Khamis di rumah mereka secara bergilir-gilir. Selain itu, falsafah hidup moral dan bicara tentang guru sepujaan (*Satsangam)* juga telah menjadi pengisian pertemuan mingguan itu. Itulah permulaan kegemilangan *Bhagawan* di bumi bertuah ini.

Ramai yang terpikat dengan ajaran *Bhagawan* sehingga bilangan penganutnya bertambah ramai. Oleh itu, bagi tujuan keselesaan, perjumpaan *bhajan*s mingguan pada hari Khamis diadakan di Kuil Pillayar, Hospital Besar Melaka. Pengikut *Bhagawan* semakin bertambah menyebabkan Kuil Pillayar tidak dapat menampung bilangan itu. Maka, tempat perjumpaan mingguan dipindahkan ke Kuil Ambaji, Ujung Pasir. Setelah beberapa lama, tempat perjumpaan mingguan terpaksa dipindahkan ke tempat lain kerana kuil itu mempunyai agenda tersendiri seperti pengubahsuaian dan acara keagamaan yang mengganggu perjalanan acara *Bhagawan*. Maka, kumpulan penganut berpecah kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama bergerak ke Kuil Kailasanathar, Gajah Berang dan seterusnya ke Kuil Mariamman di Gajah Berang juga. Manakala, kumpulan kedua pula berpindah ke bangunan EWRF, Bachang.

CamScanner

Pada tahun 1987 kedua-dua kumpulan *bhajans Sri Sathya Sai Baba* bergabung semula. Pada tahun itu juga mesyuarat agung yang pertama telah berlangsung dan Dr.Shesagiri dipilih sebagai pengerusi. Di bawah kepemimpinan beliau, pelbagai program telah dirangka dan direalisasikan. Antaranya, kelas *Bal Vikas*. Anak-anak kecil dididik dengan kasih sayang, nilai mulia, dan sikap suka pada khidmat masyarakat menerusi kelas ini. Selain itu, latihan *bhajans*, intipati kitab suci agama Hindu dan signifannya *vigraha* dalam agama Hindu, juga diajar dalam pusat ini.

Pada era kepemimpinan Dr.Shesagiri, *Pusat Sri Sathya Sai Baba Melaka* telah menganjurkan Seminar *Sri Sathya Sai Baba Se-Malaysia* di Ayer Keroh, Melaka dengan penuh gemilang. Seramai 700 orang peserta dari seluruh pelosok Malaysia telah menyertai seminar tersebut. Satu lagi sejarah dicipta apabila pusat ini membeli sebuah bangunan kedai di Bukit Beruang pada tahun 1995 dan dijadikan sebagai pusat operasinya. Derma ikhlas daripada pengikut setia *Bhagawan* dan sumbangan derma terbanyak daripada En.Duraisamy memungkinkan rancangan untuk memiliki bangunan tersendiri menjadi kenyataan. Sebagai mengenang jasanya, dewan utama di pusat ini dinamakan sempena nama penyumbang utama.

Struktur Pentadbiran Pusat Sri Sathya Sai Baba Melaka

Dua insan mulia menjadi penaung *pusat Sri Sathya Sai Baba Melaka*. Pertama, pakar perubatan ENT, Dr.Dhurshan Kumar Khanna. Kedua pula, Dr.Praba Subramaniam. Pengerusi pusat ini ialah En.Govindasamy Arunasalam AMN. En.Gunasaihal Govindasamy sebagai setiausaha dan Pn.Sonia Binwani Amardas, sebagai bendahari menjalankan tugas cemerlang mereka di pusat ini.

Tujuh bahagian atau biro diwujudkan untuk menggerakkan semua aktiviti *Pusat Sri Sathya Sai Baba Melaka*. Biro pendidikan, khidmat sukarela, wanita, kerohanian, Hal ehwal pemuda, urusan penganut kaum Cina dan kumpulan diskusi & kajian merupakan tujuh biro berkenaan.

CamScanner

Perancangan dan Pelaksanaan Program Berkala Pusat Sri Sathya Sai Baba Melaka

Berikut adalah pelaksanaan program berkala pusat ini:

- Majlis *bhajan*s, upacara sembahyang dan utusan kerohanian pada setiap hari Khamis.
- Kelas Bimbingan Agama untuk penganut dewasa *(SSE: Sai Spritual Education)* pada setiap hari Jumaat.
- Kelas Kerohanian *Bal Vikas (Bal Vikas Spritual Classes)* untuk anak-anak pada setiap hari Jumaat.
- Kelas Latihan *bhajan*s dua minggu sekali.
- Sambutan perayaan utama agama dan kebudayaan dengan memahami signifikan dan matlamatnya.
- Sambutan hari suci iaitu, *Guru Purnima*, hari kelahiran dan hari *Moksha Bhagawan Sri Sathya Sai Baba.*
- Upacara Membaca '*Gayathri Mantra*' dan majlis *bhajan*s global secara talian.
- Upacara *'Kalvi Yaagam*' dan majlis penyerahan uniform sekolah kepada pelajar miskin.
- Lawatan ke Pusat Jagaan Warga Emas
- Lawatan ke Persatuan Pencegahan Penganiayaan Haiwan (SPCA).
- Program Keibubapaan dan pembinaan kemanusiaan.
- Kumpulan Diskusi dan Percambahan fikiran tentang kesusasteraan *Veda* dua minggu sekali.
- Program khidmat masyarakat melalui *Revolusi Bhakthi.(Bhakthi Revolution)*
- Sumbangan bulanan barang runcit kepada kumpulan miskin tegar.
- Kelas *Bhagavatgita* dan latihan yoga untuk kaum hawa.
- Sambutan Hari Keluarga.
- Ziarah mesra pesakit di hospital.

Sesalinan semua aktiviti *Pusat Sri Sathya Sai Baba Melaka* dihantar kepada penyelaras wilayah dan penyelaras nasional mengikut jadual.

Sumbangan Artikel : Dr.Nachiappan A/L Murugavadigal

CamScanner

13 SHIRDI SAI BABA

Pengenalan

Setiap wali atau nabi, semasa kehidupannya pernah bermanifestasi sesetengah aspek dan sifat ketuhanan. Dalam kalangan mereka, agak sukar untuk menemui seorang yang mempamerkan versataliti ketuhanan kepada kesedaran kemanusiaan, selain *Shirdi Sai Baba*.

Penjelmaan mutakhir Tuhan dalam bentuk *Shirdi Sai Baba* adalah penjelmaan yang amat unik berbanding dengan penjelmaan lain. Kita seharusnya berbangga dan bertuah kerana hidup sezaman *Baba;* yang berjalan bersama, yang berbicara dengan kita, yang mengasihi kita melebihi ibu, dan yang lebih utama, memelihara kita sepanjang masa.

Sejarah awal kehidupan *Shirdi Sai Baba* bersifat misteri kerana tidak ada bukti bertulis mengenai kelahiran *Baba* dan riwayat hidup ibu bapanya. Dipercayai bahawa *Baba* telah lahir sekitar antara tahun 1838 hingga 1842 di sebuah perkampungan, Pathri, di Maharathwada, bahagian India Tengah.

Ketika berusia 16 tahun, *Baba* sampai di Shirdi dan mengamalkan hidup berdisiplin, penebusan dosa dan berjimat cermat. Di Shirdi, *Baba* menjalani kehidupan di kawasan pinggir sebuah perkampungan Rimba Babul. Kebiasaannya, *Baba* akan bermeditasi untuk jangka waktu yang lama di bawah pohon semambu. Seterusnya, setelah beberapa tahun berlalu, *Baba* berpindah ke sebuah masjid yang usang, yang diperkenalkan kepada kita sebagai *Dwarkamai.*

Pada peringkat awal kehidupannya, *Baba* tidak menggalakkan pengikutnya menyembah dirinya. Namun, dalam peredaran zaman, sifat ketuhanan *Baba* menyentuh hati sanubari pengikut yang dekat dan pada skop yang meluas. *Baba* mengajar tentang kepentingan kesedaran diri dan mengkritik sifat mengenai kesukaan kepada benda yang mudah susut nilai dan rosak. Setiap hari, *Baba* meminta sedekah makanan dengan mengunjungi rumah beberapa orang awam. Apakah realiti sebenar perbuatan *Baba* pada setiap hari? *Baba* mengikiskan *karma* setiap insan

CamScanner

yang menemuinya; Menerusi api ketuhanan, *Dhuni, Baba* membakar semua *karma* sepanjang masa; Menyembuh dan membimbing pengikut pada setiap tahap.

Ribuan keajaiban pernah dilakukan oleh *Baba* untuk kebaikan umat manusia semasa kehidupannya. Keajaiban itu berlipat ganda setelah *Baba* menemui *Mahasamadhi. Baba* wafat dan meninggalkan anggota fizikalnya pada tahun 1918, namun, kesaktian ketuhanannya dan bimbingannya terus bersemarak menyuluh kehidupan pengikutnya di serata dunia. Salah sebuah epigram termahsyur *Baba* ialah *'Pandanglah saya, saya akan pandang anda'.* (Look to Me, and I shall look to you). Kitab suci, *Sri Sai Satcharita,* ialah perbualan dua hala dan hasil pengalaman pengikut *Baba* ketika baginda masih hidup di alam nyata dan telah dibukukan oleh *Sri Anna Saheb Dabhokar- Hemadpant.*

Pada hari ini, setelah berlalunya satu milenium kewafatan *Baba,* jutaan pengikut setianya menghujani *Shirdi* untuk menerima restu daripada *avatar* terulung, *Baba. Baba* telah berjanji kepada setiap satu pengikutnya, bahawa *'percayalah saya, walaupun saya telah wafat, tulang-temulang di pusara saya akan memberi keyakinan dan kepercayaan, bukan sahaja diri saya, tetapi pusara saya juga akan berbicara dengan sesiapa sahaja yang berserah sehati sejiwa kepada saya'.* Ribuan pusat dan *mandir Shirdi Sai Baba* diasaskan di seluruh dunia oleh pengikut Baba. Pengikutnya di Melaka juga bertuah kerana kehadiran dua buah *Pusat Shirdi Sai Baba Melaka* membolehkan pengikut menyertai aktiviti kerohanian dan memperoleh hidayat daripada *Baba.*

CamScanner

13.1 SHIRDI SAI BABA SAMAJAM, MELAKA

No.27 & 25, Jalan KNMP 2 A, Kompleks Niaga, Melaka Perdana, 75450 Bukit Katil, Melaka.

Om Sai Ram. *Melaka Shirdi Sai Baba Samajam* telah ditubuhkan pada tahun 2008. Sekembalinya daripada *yatra* ke Shirdi, Maharasthra, India, En. Vijayakumaran Balakrishnan merancang untuk mengasaskan pusat *Shirdi Sai Baba* di Melaka. Dengan sokongan ahli keluarga dan sahabat-sahabatnya, beliau membuka *Pusat Shirdi Sai Baba* yang pertama di negeri Melaka.

Peluang melibatkan diri dalam aktiviti kerohanian dan *pooja* diberikan seluas-luasnya kepada pengikut Baba. Oleh itu, *Samajam* ini dibuka pada setiap hari, dari jam 7.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Seterusnya, dibuka semula dari jam 7.00 malam hingga 9.00 malam. Sembahyang harian disempurnakan oleh Gurukal Siva. Hari Khamis, hari yang dianggap suci untuk semua guru, disambut dengan *pooja* khas dan *bhajan*s. *Sai Prasad* dihidangkan kepada semua hadirin setelah upacara *Arathi.* Antara sambutan keagamaan utama yang meriah di *Samajam* ini ialah *Ramnavami, Guru Poornima* dan Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Pusat ini. Selain aktiviti keagamaan, *Samajam* ini memberi fokus kepada kegiatan yang berprinsip kerja sukarela kepada umat manusia. *AJK Samajam* ini mempunyai visi untuk membantu dan mempertingkat taraf hidup golongan miskin tegar seperti anak-anak golongan B40.

VISI:

1. Makanan untuk Golongan Miskin

Samajam membekalkan sarapan percuma harian dan makan malam atau *prasadam* pada hari Khamis. Selain itu, Kanak-kanak yatim piatu dan insan-insan istimewa dipelawa ke *Samajam* dan diraikan pada hari Deepavali, Tahun Baharu dan perayaan-perayaan utama yang lain. Mereka dibekali makanan vegetarian, manisan dan disediakan aktiviti-aktiviti kegembiraan.

2. Bekalan Pakaian untuk Golongan Miskin

Setiap hujung tahun, *Samajam* memenuhi keperluan persekolahan anak-anak miskin yang akan melangkah ke alam persekolahan. Golongan anak ini dibekalkan pakaian seragam sekolah, beg sekolah, kasut dan stokin serta peralatan tulis. Pakaian baharu juga diterima oleh kumpulan anak ini pada hari Deepavali.

3. Kemudahan Rawatan dan Bekalan Barangan Runcit

Samajam ini juga menyedari dan menunaikan permintaan golongan miskin dari segi rawatan dan bekalan barangan runcit. Bantuan wang tunai dihulurkan dalam kes-kes tertentu. Bayaran untuk rawatan perubatan, pembelian diapers untuk orang dewasa dan bekalan barangan runcit diberikan untuk meringankan bebanan hidup mereka.

CamScanner

4. Program Pendidikan untuk Anak-Anak Miskin

Samajam ini berpegang pada prinsip *Kemajuan Melalui Pendidikan*. Oleh itu, pusat ini telah merancang dan melaksanakan pelbagai program pendidikan untuk pelajar-pelajar miskin sekolah rendah.

Selain pelaksanaan empat visi utama di atas, *Samajam* ini dari masa ke masa juga menganjurkan kelas agama dan wacana *Sanadhana Dharma*. Penceramah agama dan pakar motivasi tempatan dan luar negara yang tersohor dijemput ke *Samajam* ini untuk mengendalikan aktiviti kepakaran mereka kepada pengikut *Shirdi Sai Baba.*

Personaliti yang dapat dihubungi untuk Berurusan:

En.Siva Gurukal(011 2622 4944)

En.Vasanthan (012 6070 263)

En.Vijayakumaran Balakrishnan, Pengerusi (019-3553458)

CamScanner

13.2 PERSATUAN SHIRDI SAI BABA MALAYSIA

No.34, Jalan Bendahara, 75100 Melaka.

"Om Sai Namo Namo,
Sri Sai Namo Namo,
Jaya Jaya Sai Namo Namo,
Sadguru Sai Namo Namo"

Persatuan Shirdi Sai Baba Malaysia merupakan sebuah pertubuhan amal yang bertujuan menyebarkan ajaran dan falsafah *Shirdi Sai Baba* pada peringkat global. Persatuan ini memiliki 18 buah cawangan di bandar utama di Malaysia. Selain itu, persatuan ini juga mempunyai cawangannya di United Kingdom dan India. Sesungguhnya, *Persatuan Shirdi Sai Baba Malaysia* diasaskan oleh Saudara SP Kannan, dan perjalanan setiap pusat di bawah naungannya digerakkan oleh penganut setia *Shirdi Sai Baba* di seluruh Malaysia dan juga di seberang laut.

Persatuan Shirdi Sai Baba Malaysia sedang berusaha untuk membina *Kuil Shirdi Sai Baba* di Bandar Botanic, Kelang dengan anggaran kos RM 5.4 juta. Kuil ini bakal merupakan *kuil Shirdi Sai Baba* yang pertama di Malaysia dan juga di Asia Tenggara. Penganut setia *Shirdi Sai Baba* di Melaka memang bertuah kerana *Persatuan Shirdi Sai Baba Malaysia* telah membuka cawangannya di tempat yang strategik, iaitu di Jalan Bendahara, yang juga dikenali sebagai *Little India* Bandar Melaka.

Persatuan Shirdi Sai Baba Malaysia, cawangan Melaka bermatlamat untuk menyebarkan ajaran dan mesej *Shirdi Sai Baba* kepada umat manusia agar mereka mempertingkat tahap kerohanian. Persatuan ini beroperasi mulai jam 7.00 pagi hingga 9.00 malam setiap hari. Hidangan sarapan, kudapan dan makan malam disediakan kepada semua pengikut dan golongan yang berkeperluan setiap hari.

Malam Jumaat, hari Khamis merupakan hari istimewa untuk semua guru agama. Pada hari itu, *pooja* khas akan dijalankan diikuti oleh *bhajan*. Selepas itu, *Prasad* dihidangkan untuk semua hadirin. Selain itu, aktiviti lain yang dikendalikan oleh persatuan ini ialah aktiviti kerohanian, kebudayaan, pendidikan dan amal ibadat. Sambutan *Ram Navami, Guru Purnima* dan *Navarathiri* disambut secara meriah di pusat ini. Sembahyang *Pournami* bulanan atau hari bulan *purnama* merupakan aktiviti tetap kendalian persatuan ini. Pada hari itu, pengikut *Baba* akan melakukan *abishegam susu lembu* dan *paneer* atau air wangian. Selepas itu, pengikut akan melantunkan *mantra Shirdi Sai Baba* dan *Mantra Gayatri.*

CamScanner

Tuntasnya, *Persatuan Shirdi Sai Baba* merupakan sebuah pusat yang menyebarkan nilai-nilai murni universal ajaran *Shirdi Sai Baba*. Sesiapa sahaja boleh menganjurkan majlis hari lahir, hari keluarga atau majlis keraian lain di pusat ini dengan pemberian makanan vegetarian atau *annadhanam*. Tentunya, *Baba* akan merestui individu atau keluarga yang berbuat demikian kerana antara *dhanam* atau derma yang suci ialah pemberian makanan kepada yang memerlukannya. Oleh itu, sesiapa yang berminat, boleh menghubungi penyelaras persatuan pada talian 06-282 0306.

Sumbangan Artikel: En. Puvanendran M. Chinniah

CamScanner

14 PERTUBUHAN KEBAJIKAN BHAGAWAN SRI RAMAKRISHNA MALAYSIA

No: 451, Jalan Tengkera, 75200 Melaka.

Pertubuhan ini pada awalnya dikenali sebagai *Sri Ramakrishna Ashram Melaka*. Pengasasnya ialah Dr.Rama. Pertubuhan ini yang diasaskan pada tahun 1961 telah didaftarkan dengan Jabatan Pendataran Pertubuhan Malaysia dengan nombor pendaftaran PPM-001-04-11021961. Pengurusannya diambil alih oleh Shri.R.Govindasamy pada tahun 1973. Beliau menggerakkan pertubuhan berasaskan keagamaan ini dari kediamannya di Limbongan, Melaka. Pengikut *Bhagawan Sri Ramakrishna* telah meningkat bilangannya. Mereka secara berkala melakukan upacara *pooja* di rumah kediamannya. Selain itu, mereka mendekati penganut Hindu di ladang getah yang berhampiran untuk menyebarkan falsafah *Bhagawan Sri Ramakrishna*. Seterusnya, pendekatan ini berkembang di negeri-negeri yang berhampiran dan akhirnya seluruh Malaysia.

Shri R.Govindasamy meneruskan kerjayanya sebagai seorang pendidik di samping menggerakkan aktiviti kerohanian ini pada waktu petang. Perjuangannya berhasil sehingga kuantiti penganut *Bhagawan* bertambah , bukan sahaja di Malaysia, malah di Singapura dan di Malaysia Timur. Ketokohannya tersohor sehingga bilangan penganut *Bhagawan* meningkat secara mendadak.

Tempat upacara *pooja* yang bersaiz besar difikirkan perlu apabila bilangan penganut bertambah ramai dari hari ke hari di premis rumah Shri.R.Govindasamy. Pada tahun 1990, bulan Julai sebuah banglo dikenal pasti di Jalan Tengkera, iaitu 500 meter dari rumah kediamannya. Banglo dan halaman sekitarnya milik 'National Land Finance Cooperative Society Limited (NLFCS), Kuala Lumpur telah dibeli. Akhirnya, operasi Ramakrishna *Ashram* dan aktivitinya bermula dari pusat baharu ini dan dikendalikan oleh Shri R.Govindasamy. Beliau bersikap proaktif dengan mengenal pasti anak-anak yatim piatu dan anak-anak yang hidup dalam situasi daif yang menjejaskan kehidupan ditempatkan di *ashram* ini. Anak-anak yang sedemikian, lelaki dan perempuan dalam bilangan yang banyak menikmati kehidupan baharu di *ashram* ini. Kini *Ramakrishna Ashram* ini bukan sahaja sebagai pusat keagamaan, malah ia berfungsi sebagai rumah kedua kepada anak-anak daripada golongan B40.

CamScanner

Penempatan anak-anak lelaki dan perempuan di premis yang sama telah mengundang beberapa masalah sosial. Pihak pengurusan *ashram* telah bertindak bijak dengan mengasingkan kedua-dua jantina itu. Anak-anak perempuan telah ditempatkan di *Sri Saradha Illam*, Rawang, Selangor yang merupakan satu cawangan daripada *Pertubuhan Kebajikan Bhagawan Sri Ramakrishna Malaysia.* Anak-anak lelaki seramai 40 orang pula, terus tinggal kekal di Melaka di bawah pengawasan Shri R.Govindasamy, bapa angkat mereka. Pertubuhan ini semakin terkenal kerana matlamat murni dan ramai orang awam menyokong perjuangan dengan menganggotai pertubuhan ini. Sebuah jawatankuasa menguruskan pertubuhan ini dan kini ia mempunyai seramai 2500 ahli. Segala keperluan penghuni *ashram* ini disempurnakan oleh pihak pengurusan. Sumbangan daripada ahli-ahli dan orang awam yang berhati mulia melestarikan kelangsungan pertubuhan ini.

Pada bulan Mac 1997 tragedi menimpa pertubuhan ini apabila mentor *Ramakrishna Ashram, Swami Shri R.Govindasamy* meninggal dunia. Seramai 15,000 orang pengikut menghadiri upacara pengebumian *Swamiji* yang menyaksikan detik yang sengit di bandaraya Melaka Bersejarah. Sebelum kewafatan beliau, *Duta Sri Lanka Tuan Yang Terutama Sri Rasadurai* telah mengurniakan gelaran khas kepada mantan mentornya, iaitu *"Swami Srila Sri Paramahamsa Thasar.* Sumbangan *Swamiji* akan tetap dikenang buat selama-lamanya dan anugerah suci ini adalah sejajar dengan kehidupan sempurnanya di alam maya ini.

Pengabdian kepada perkembangan agama, aktiviti berteraskan kemanusiaan dan kasih sayang sesama insan yang disemaikan *Swamiji* dan menjadi nadi pertubuhan ini menyebabkan pada tahun 2013 ia mendapat perhatian daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat. Namanya telah bertukar kepada *Pertubuhan Kebajikan Bhagawan Sri Ramakrishna Malaysia.* Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia

CamScanner

telah mendaftar pertubuhan baharu ini dengan rasminya. Jabatan Kebajikan Masyarakat telah memantau perkembangan dan aktiviti pertubuhan ini. Mereka telah memperuntukkan geran tahunan kos makanan untuk penghuni lelaki yang bermastautin di pusat ini. Kami amat menghargai keprihatinan dan akauntabiliti Jabatan Kebajikan Masyarakat terhadap pertubuhan ini.

Mutakhir ini banyak aktiviti dijalankan untuk kebaikan anak-anak di *ashram* ini. Selain kegiatan persekolahan, jawatankuasa pengurusan dan staf pertubuhan ini seboleh-bolehnya memenuhi setiap keperluan penghuni *ashram*. Masa yang secukupnya diberikan kepada mereka untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan, menonton program yang membina sahsiah, belajar dan bersembahyang. Kadang kala aktiviti luar seperti berkelah, lawatan ke zoo, makan di restoran, lawatan pendidikan ke negeri lain, aktiviti sosial dan kerja amal komuniti juga diatur untuk penambahbaikan diri mereka. Perkhidmatan van disediakan untuk mereka ke sekolah dan balik serta ke tempat lain.

Perjalanan masa telah membuktikan bahawa pertubuhan ini telah mencatat rekod perkembangan yang membanggakan kami, terutamanya dari segi bilangan anak-anak. Cabaran utama kami pada hari ini ialah kos hidup yang semakin tinggi dan ketirisan bantuan kewangan daripada pihak korporat. Namun, kami berharap suara hati dan keyakinan untuk mengharungi cabaran kami dimakbulkan oleh Tuhan Yang Maha Esa dan Maha Pemurah. Matlamat kami adalah untuk menempatkan 45 orang anak menjelang Disember 2020.

Kami juga telah melaksanakan projek pembelajaran di rumah sejak bulan Ogos 2019 untuk mempertingkat tahap pendidikan mereka. Pelaksanaan projek ini disempurnakan perasmiannya pada 7-01-2020 bermatlamat menggalakkan anak-anak pertubuhan ini di sekolah menengah kebangsaan belajar dalam situasi kondusif dan menarik untuk mempertingkat tahap disiplin mereka. Projek ini memberi peluang pembelajaran secara meluas melalui kelas *Silambam*, robotik, komputer, *yoga* dan ketangkasan fizikal, selain subjek di sekolah kepada mereka. Melalui program ini, anak-anak *ashram* bukan sahaja menerima pendidikan normal, malah diterapkan seni mempertahankan diri dan pengetahuan komputer yang amat berguna pada era globalisasi ini. Pada tahun ini pihak pengurusan telah merancang untuk melaksanakan latihan kemahiran dan kursus lain yang berkeperluan semasa. Kursus pemasaran digital global dirancang untuk anak-anak tingkatan 3,4 dan 5. Dengan ini, mereka bukan sahaja akan memiliki sijil SPM, malah mereka juga akan memiliki sijil kemahiran yang akan memberi peluang kepada mereka untuk kerjaya hidup masa depan dan membuat pengkhususan dalam pengajian tinggi kelak. Projek ini telah berjalan

CamScanner



lancar sejak pelaksanaannya dan telah terbukti berkesan kerana prestasi mereka dalam pelajaran telah meningkat. Projek ini telah menelan belanja sejumlah RM 140,000 setahun, namun ongkos ini merupakan pelaburan terbaik untuk masa depan anak-anak *ashram* ini.

Keadaan ekonomi yang tidak menentu, ketidakstabilan politik dan ancaman pandemik Covid 19 di Malaysia telah mengekang perjalanan lancar pertubuhan ini. Pemberian kemudahan asas kepada penghuni *ashram* ini telah terjejas. Oleh itu, kami merayu kepada individu dan organisasi menyumbang derma ikhlas secara murah hati kepada kelangsungan pertubuhan ini. Untuk pengetahuan umum, Semua bentuk sumbangan kewangan dikecualikan daripada cukai pendapatan. Pecahan kos pengendalian bulanan pertubuhan ini adalah seperti berikut: Fee tuition RM 10,500, buku dan bahan buku revisi RM 350.00, pengangkutan RM 500.00, bekalan makanan RM 8000.00, medikasi RM 500.00, gaji dan elaun staf dan sukarelawan RM7,200.00 (tukang masak 1 orang, warden 2 orang, pemandu 1 orang dan kerani 1 orang), utiliti RM 2000.00 (Bil elektrik, telekom & air) dan perbelanjaan lain. Jumlah perbelanjaan pengendalian pertubuhan sebulan ialah RM 29,000.00. Kerisauan kami yang amat sangat ialah fee projek pembelajaran di rumah perlu disediakan setiap bulan kerana pendidikan amat penting untuk masa depan anak-anak *ashram*.

CamScanner

Saudara dan saudari yang budiman, sokongan dan derma anda adalah kunci keyakinan untuk menggerakkan misi kami. Kami hanya dapat mencapai impian kami membantu anak-anak daripada keluarga daif dengan sumbangan anda. Kami dengan penuh takzim memohon sumbangan ikhlas anda semoga Tuhan merestui anda. Semua derma adalah diberi pengecualian cukai pendapatan dan nombor pengecualian cukai kami ialah 01/35/42/51/1796-7036.

Sila hubungi kami untuk keterangan lanjut. Semua derma boleh disalurkan melalui nombor 3081855332, Public Bank, Cawangan Tengkera, Melaka atas nama "*Pertubuhan Kebajikan Bhagawan Sri Ramakrishna*". Untuk derma melalui atas talian, sila *email* atau *what's app* maklumat berkenaan bagi membolehkan kami mengeluarkan resit untuk tujuan pengecualian cukai pendapatan. Harapan kami semoga anda akan menderma bagi matlamat murni kami. Untuk apa jua pertolongan, sila telefon *En.Balamurali Govindasamy*, di nombor 06-2843236 atau 012-6186556 atau email bhagawansrg@gmail.com.

Artikel : Sumbangan En. Balamurali Govindasamy

CamScanner

15	**MALACCA TEMPLE OF FINE ARTS (TFA) DAN SHIVA FAMILY**
	No.5392 C, Jalan Datuk Palembang, Bukit Baru, Melaka.

Temple of Fine Arts (TFA) yang dikenali sebagai *Perbadanan Kesenian Malaysia* ialah sebuah badan NGO yang ditubuhkan dengan hasrat membina satu masyarakat yang peka dan cinta akan kesenian dan kebudayaan India. TFA mula ditubuhkan di Melaka pada 1996 oleh *Swami Shantananda* Saraswati yang berasal dari Tamil Nadu, India. TFA mempunyai banyak cawangan di Malaysia dan di peringkat antarabangsa. Di Malaysia terdapat empat cawangan iaitu di Brickfields Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru dan Melaka. Brickfields merupakan cawangan pusat dan mempunyai satu bangunan persendirian yang dikenali sebagai *Perbadanan Kesenian Malaysia.* Cawangan di peringkat antarabangsa pula terdapat di Singapura, Madras dan Coimbotore di India, Colombo di Sri Lanka dan Perth di Australia.

Matlamat utama TFA adalah untuk mempertahankan kesenian dan kebudayaan India terutamanya tarian dan nyanyian. Pelbagai jenis tarian India dan kelas nyanyian untuk pelbagai peringkat umur diajar di sini pada setiap hari Ahad. TFA sering mengadakan persembahan pentas untuk memberi kesedaran tentang kesenian India dan menarik minat remaja untuk mempelajari kesenian ini. Di Melaka pada awalnya terdapat lebih kurang seratus orang pelajar tetapi bilangan ini semakin menurun disebabkan oleh beberapa masalah. Masalah utama yang dihadapi ialah masalah guru muzik yang sering bertukar. Terdapat masalah untuk mendapatkan guru muzik yang tetap. Ramai ibu bapa yang masih tidak memahami konsep TFA kerana semua kelas tarian dan nyanyian adalah berbayar dan bukannya percuma.

Di samping mengukuhkan kesenian, *Swami Shantanda (swamiji*) juga memperkenalkan ***'Shiva Family'*** pada Jun, 1977. *Shiva Family* ditubuhkan dengan hasrat untuk membimbing ahli-ahlinya cara untuk membaca *'slokas'* dengan sebutan yang betul serta maksudnya. Pada awalnya, ahli-ahli *Shiva Family* menjalankan aktiviti sembahyang dan menyanyi *bhajan* di rumah mereka pada setiap

CamScanner

BAHAGIAN D

Ahad pagi bermula pukul 6.00. Kemudian mereka akan berkumpul semula pada hari Jumaat pada sebelah malam pukul 7.00. Pada awalnya *Shiva Family* mempunyai lebih kurang seratus lima puluh keluarga sebagai ahli tetapi pada hari ini hanya terdapat sebelas keluarga sahaja. Kekurangan yang drastik ini adalah kerana banyak keluarga telah berpindah ke tempat lain atas sebab pertukaran tempat kerja, urusan menyambung belajar atau menemani anak di tempat baharu.

Oleh yang demikian, pada masa ini, ahli-ahli *Shiva Family* hanya berkumpul pada hari Ahad pagi sahaja untuk sembahyang bersama-sama. Ahli-ahli *Shiva Family*, di Melaka berkumpul di Pusat TFA yang berada di alamat No.5392 C, Jalan Datuk Palembang, Bukit Baru. Setelah bersembahayang pada hari Ahad, *Vigraha Dewa Shiva* dan *Sakti* akan dibawa balik ke rumah ahli, untuk bersembahyang selama enam hari dan akan dibawa balik ke Pusat TFA pada hari Ahad yang berikutnya. Amalan membawa *vigraha Dewa dan Dewi* ke rumah dalam kalangan ahli *Shiva Family* masih diamalkan.

CamScanner

Aktiviti amalan dalam kalangan *Shiva Family* ini adalah bertujuan mengeratkan ahli keluarga melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti *pooja* dan pembacaan *mantra/sloka* agama secara tertib dan disiplin. Kaedah sembahyang yang terancang serta nyanyain lagu *bhajan* secara beramai-ramai juga dipraktiskan. Mendiang En. K.P.Balakrishnan Nair, Mendiang K.V Sathasivam adalah penasihat *Shiva Family* yang memastikan aktiviti *Shiva Family* berjalan lancar. Pada hari ini, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, En. S. Palanivel, dan Cik N. Amutha adalah antara penyumbang dan aktivis yang penting dalam merealisasikan aktiviti Shiva Family di Melaka.

Pada awal pertubuhan *Shiva Family,* terdapat juga *Klinik Shantananda.* Di sini rawatan percuma diberikan pada pesakit tetapi klinik ini terpaksa dihentikan kerana kekangan doktor dalam kalangan *Shiva Family*. Selain itu, perkhidmatan *Medical Camp* juga dijalankan setiap tahun di Melaka sehingga kini. Untuk ini kawasan luar bandar akan dipilih sebagai tempat rawatan percuma. Pada setiap 7hb April, sambutan ulang tahun hari kelahiran *Swami Shantananda* akan disambut oleh setiap cawangan di luar dan di dalam negeri secara bergilir-gilir untuk memperingati beliau. Pelbagai aktiviti seperti karnival makanan, persembahan tarian dan nyanyian dijalankan secara besar-besaran.

Artikel : Sumbangan Datin Dr. L. Kanthimathi Paramasivam

CamScanner

VALLALAAR SANMAARKKAM MELAKA

Para pengikut *Vallalaar* di negeri Melaka menubuhkan pertubuhan atas nama *mahaguru* ini dan mengikuti ajaran-ajarannya, di dua pusat seperti berikut:

16.1	**VALLALAAR SANMAARKKAM MELAKA**
	42-1, Jalan PJ 14, Taman Pengkalan Jaya, 75450 Bukit Katil, Melaka.

"Arut Perum Jothi, Arut Perum Jothi, Thani Perum Karunai, Arut Perum Jothi " Maha Manthara

Satu demi satu langkah diatur menaiki tangga ke tingkat dua dan masuk ke dewan utama sembahyang. Kedengaran maha *mantra* mendamaikan *atma.* Pengerusi pertubuhan ini, En.Rajamanikam Pakiam menyambut kedatangan saya. Potret Pemilik kata keramat *"Semua insan berhak hidup bahagia", Arutpirakaasa Vallalar,* dihiasi di hadapan dewan. Saya dengan penuh takzim, menyanyikan lagu ciptaannya, *'Ambalatharase Arutmarunthe*' dan menoleh pada pengerusi untuk mengikuti ceritanya.

En.Rajamanikam dan sahabat-sahabat karibnya yang mengamalkan tradisi kepercayaan *Sittar* mengasaskan *Pertubuhan Agasthiar Sanmarkam*, Melaka di sebuah bangunan di Jalan Laksamana Cheng Ho, Semabok pada 1998. Operasi pertubuhan ini dipindahkan ke Melaka Raya dan seterusnya ke Semabok Perdana. Pada tahun 2002, nama pertubuhan ini ditukarkan kepada *Vallalar Sanmarkam Melaka* dan didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Konflik kepemimpinan dalam kalangan AJK tertinggi pertubuhan menyaksikan perpecahan. En.Rajamanikam Pakiam dan sahabat-sahabatnya keluar daripada pertubuhan itu, dan mengasaskan pertubuhan baharu, *Vallalar Sanmarkam Melaka* di Bukit Katil. Pertubuhan itu didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atas nasihat *Tharmalingan Swamigal,* salah seorang pengikut setia ajaran *Vallalar. Pusat Yoga Suriyaa* di bawah naungan *Vallalar*

CamScanner

Sanmarkam Melaka beroperasi di sini, dikendalikan oleh *'Yoga Master'* tersohor En.Rajamanikam Pakiam. Kini 60 orang menganggotai pertubuhan ini.

Pada setiap hari Khamis upacara *pooja Guru* dan kelas *yoga* berlangsung di pusat ini. Ceramah ajaran *Vallalar* diadakan di pusat ini secara berkala. *Tharmalingam Swamigal,* penceramah dari Tamil Nadu seperti *Pothigai Priyan, Saathu Janakiraman, Shanmugam Aiya* adalah antara penceramah undangan yang berkongsi ajaran *Vallalar* dan pengalaman kendiri mereka. Selain itu, acara bulanan seperti tunjuk ajar bermeditasi, faedah muthirai atau simbol kesihatan dan kaedah perubatan *Vallalar* juga diajar kepada penganut dan orang awam.

Dua falsafah utama *Ramalinga Swamigal* yang juga dikenali sebagai *Thiruvarut Pirakaasa Vallalar* ialah *Jeevakaarunyam* (Belas kasihan) dan *Pasiyaadral* (Memberi makanan). AJK dan ahli-ahli Pertubuhan ini menghayati dan merealisasikan falsafah suci ini dalam kehidupan harian mereka. Sumbangan barang runcit kepada golongan daif dan sumbangan makanan untuk anak-anak yatim piatu adalah Program Sayangi Masyarakat pertubuhan ini. Sementelahan, sejak beberapa tahun sumbangan makanan atau *annathaanam* semasa perayaan tahunan *Maasi Magam di Kuil Arulmigu Sannasimalai Andavar,* Cheng, Melaka merupakan satu lagi program penerapan ajaran *Vallalar* oleh pertubuhan ini.

Mahaguru Yoga, En. P.Rajamanikam telah mendalami seni itu dengan *Yogi Ramalingam* selama tiga tahun di Swamy Sivananda Yogasana Research Centre, Madurai, Tamil Nadu. Kini beliau mengajar seni milik kita itu di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Usaha beliau pasti melestarikan seni kebanggaan kita. Tahniah. Falsafah dan pengajaran *Vallalar* amat sesuai untuk diamalkan pada era revolusi industri 4.0. Kita memuji usaha pertubuhan ini untuk menerapkan ajaran *Vallalar* kepada masyarakat Hindu.

CamScanner

16.2 PERTUBUHAN VALLALAR SANMARGAM, MELAKA

No: 19-1, SP 1, Taman Semabok Perdana, 75150 Melaka.

Thiruvarudpirakasa Vallalar ialah anugerah Tuhan untuk membimbing manusia sejagat hidup dalam erti kata sebenar. Mahaguru ini ialah salah seorang pesuruh Tuhan dalam barisan ribuan mahaguru di benua India. Nama sebenar mahaguru ini ialah *Ramalinga Swamigal.* Dalam usaha menyemarakkan ajarannya, pengikut tempatan mahaguru ini telah menubuhkan *Pertubuhan Vallalar Sanmargam* di negeri Melaka. Pertubuhan ini diasaskan pada 7-11-2017 yang lalu.

Darjat ketinggian ilmu kerohanian seseorang mahaguru terpancar melalui ajarannya kepada umat manusia. Beginilah maksud *Thirukkural* dalam *athikaram* nombor 28. Dalam hal ini, usaha menyebarluaskan ajaran mahaguru yang ternyata amat murni dan relevan dalam kehidupan sepanjang zaman, digerakkan melalui pertubuhan ini. Penubuhan pertubuhan ini tidak menjadi realiti tanpa sokongan padu dan jitu daripada pengikut setia mahaguru. Pertubuhan ini dipimpin oleh En.Manimaran Periasamy. Pn.Bathma, Pn.Shanti Subramaniam, Pn.Mageswary Selvam, Pn.Umadewi, Pn.Parameswary, En.Mani Mannan, En.Meganathan, En.Neelakandhan, En.Muthusamy, dan Dr.C.Premajothi adalah antara pendukung utama dan penyumbang dana untuk kelestarian pusat ini. Semoga Tuhan dan mahaguru merestui amalan murni mereka.

Setiap tahun dua majlis keagamaan yang penting disambut di pusat ini. Yang pertama, tarikh kehadiran *Ramalinga Swamigal* ke bumi ini, iaitu pada 5-10-1823. Yang kedua, tarikh mahaguru menjadi *jothi* atau nur pada 30-1-1874. Pengikut mahaguru dan penganut Hindu yang lain hadir untuk menyertai majlis ini dan menerima restunya. Majlis ini diserikan dengan ceramah kerohanian dan seterusnya majlis *prasadam*. Pengikut setia mahaguru iaitu, Sri Tharmalinga Swamigal, En.Selvam dan En.Thiruselvam adalah antara penceramah tersohor yang menyentuh hati hadirin dengan ceramah mereka. Acara mingguan juga dikendalikan di pusat ini. *Pooja Guru* pada setiap hari Khamis dan *pooja* khas pada setiap hari Ahad dihadiri pengikut tegar mahaguru. Salah satu ajaran *Vallalar* ialah setiap insan mesti mendapat makanan dan tiada isu kelaparan. Sejajar dengan falsafah ini, pusat ini menjalankan program ceramah keagamaan sehari dan memberi *prasadam* kepada warga SJK Tamil Bukit Lintang, Melaka. Hal ini merupakan program tahunan pusat ini. Sesungguhnya, khidmat kepada masyarakat ibarat bertaqwa kepada Tuhan. Selain itu, pusat ini juga telah menganjurkan *yatra* atau lawatan ke tempat suci sejumlah 7 kali ke Tamil Nadu, India. Fokus

CamScanner

mereka ialah pusat induk *Samarasa Sanmarga Sangam* di Vadalur, di daerah Kadalur, Tamil Nadu, India. Pusat induk ini diasaskan oleh *Mahaguru Vallalar.*

Ajaran Mahaguru *Vallalar* berteraskan nilai kerohanian yang amat tinggi dan relevan kepada kehidupan terkini. Sementelahan, orang biasa juga dapat mempertingkat taraf hidup mereka seandainya menghayati dan mengamalkannya. Sebenarnya, tugas utama pertubuhan ini adalah mengembangkan falsafah murni Mahaguru *Vallalar* kepada masyarakat tempatan, khususnya di Melaka.

" Arul Perum Jothi, Arul Perum Jothi, Thani Perum Karunai, Arul Perum Jothi " Vallalar

Artikel ini diusahakan oleh En Selvarajan Rengasamy

CamScanner

17 PERSATUAN PENGANUT LORD GANESHA PU TI YUEN

BB 400, Jalan Melaka Baru, Melaka Baru, 75350 Batu Berendam, Melaka.

Persatuan penganut yang didedikasi pada *Dewa Ganesha* ini sangat istimewa kerana kebanyakan penganutnya adalah daripada kaum Tionghua, terdiri daripada yang mengikuti ajaran-ajaran agama *Buddha* mahupun agama *Hindu* – tetapi mengikut gaya amalan yang diterima dalam kedua-dua fahaman ini secara asimilasi di tempat yang sama.

Pengasas Persatuan ini ialah *Shrimathi Shrena Ho* yang merupakan ketua agama yang memimpin penganut untuk megucap *mantera* secara berulang – *bhajan* – dan meditasi pada setiap malam Khamis pada pukul 8 malam. Beliau juga memberikan panduan, nasihat serta kaunseling pada penganut yang menghampirinya mengikut temujanji yang ditetapkan sebagai sumbangannya untuk menolong penganut yang tertekan sanubari atas sesuatu sebab. Para penganut masih dapat berada di pusat ini untuk bersembahyang mengikut keselesaannya pada hari-hari lain apabila premis terbuka pada sebelah petang dan malam, hingga pukul 10 malam.

Shrimathi Sherena Ho, seorang Nyonya-Melaka yang berasal dari Bukit Rambai, mula berminat pada amalan Hindu pada awal tahun 2000-an, dan telah mengikut rakannya ke *Kuil Sri Maha Muthu Mariamman – Datuk Cacar –* di Gajah Berang, Melaka. Beliau teruja untuk mengangkat *'kavadi'* dalam *Pesta Datuk Cacar* selama beberapa tahun. Beliau mengaku bahawa beliau mendapat pengalaman yang baharu dengan perasaan yang unik apabila berada di kuil *Datuk Cacar* semasa perayaan *Datuk Cacar*. Ekoran inilah, pada suatu ketika, apabila berada di *Kuil Sri Maha Mutu Mariamman* beliau terasa tiba-tiba dituruni *Dewa Ganesha* sehingga beliau bergerak seperti gajah dengan mengeluarkan *mantera* dalam bahasa Sanskrit yang menghairankan para penganut di sana. Peristiwa inilah yang merobah hidupnya hingga sekarang.

Berbekal dengan pengalaman yang istimewa itu beliau melawat gurunya, *Master Lim,* ketua agama *Buddha* di kuil di Batu Pahat, Johor. Guru itu memberikan petunjuk dan bimbingan pada *Shrimathi Sherena Ho* untuk meneruskan amalan mengikut caranya, dan memberikan khidmat pada penganut-penganutnya di Melaka, kerana ia merupakan sesuatu keistimewaan yang dikurniakan padanya oleh *Dewa.*

CamScanner

Sejak saat itu, *Shrimathi Shrena Ho* mula memuja *Dewa Ganesha* yang memberikan petunjuk padanya untuk terus memberikan pedoman kepada penganut-penganut setianya. Beliau dapat gabungkan ibadat pada *Buddha* dan *Ganesha* dalam amalannya, dan mula menarik minat daripada penganut yang bertambah dari semasa ke semasa. Pada mulanya beliau melakukan sesi *bhajan* dan meditasi di rumahnya, tetapi apabila bilangannya bertambah, pusat dialih ke bangunan kini yang berhampiran dengan tempat kediamannya bermula pada tahun 2015.

Kini kumpulan penganut ini telah didaftarkan sebagai *Persatuan Penganut Lord Ganesha Pu Ti Yuen,* dan kebanyakan penganut adalah orang Tionghua, walaupun ada segelintir orang Hindu keturunan India turut serta, khusus dari luar negeri Melaka. Ramai juga penganut agama Hindu dan Buddha dari luar Melaka tertarik dengan aktiviti Persatuan ini – khususnya disiplin yang ditunjukkan dalam menepati masa, cara menjalankan aktiviti, pakaian para penganut yang bersistem dan suasana aman yang diwujudkan dalam sesi-sesi *bhajan*, meditasi dan *pooja*nya.

Persatuan ini mengadakan perayaan *Vinayagar Sathurthi* pada *Dewa Ganesha*, Hari Wesak untuk *Buddha*, dan Hari Ulang tahun penubuhan Persatuan ini pada bulan Julai. Sambutan pada masa *Ponggal, Deepavali* dan beberapa hari suci agama Hindu juga diadakan mengikut kemampuan.

Keistimewaan Persatuan ini ialah sesi *bhajan* dan meditasi bagi para penganut saban minggu, sesi kaunseling dan bimbingan pada penganut yang memerlukannya secara peribadi, mengadakan perayaan yang berwarna-warni dengan disiplin agama yang jelas. Hanya pada masa *pooja* khas

CamScanner

dalam perayaan *pedanda* dari kuil *Datuk Cacar* dijemput untuk mengetuai acara agama. Pada masa-masa lain *Shrimathi Sherena Ho* mengetuai segala acara agama dalam kalangan penganut persatuan ini. Beliau mengaku bahawa beliau mengikut pedoman yang terdapat di dalam dirinya daripada *Dewa Ganesha* untuk memimpin aktiviti agama mahupun semasa memberikan nasihat dan pedoman pada para penganutnya. Beliau tidak mendapat apa-apa latihan khusus, kecuali restu daripada Master Lim dari Batu Pahat, Johor. Kini semua anggota dalam keluarganya merupakan pengikut setia amalan-amalan ini sebagai contoh kepada lain.

Shrimathi Sherena Ho memberitahu bahawa visi persatuannya adalah untuk membantu mengurangkan tekanan jiwa dalam kalangan penganutnya dan juga yang menghampirinya dari dekat mahupun jauh, memberikan pedoman yang baik dalam hidup mereka, dan, jika ada peluang, menubuhkan sebuah kuil dengan konsep gabungan *Buddha-Ganesha* di Melaka apabila keadaan mengizinkannya.

Kesimpulannya, aktiviti Persatuan ini menunjukkan suatu lagi kesan daripada pengaruh kuil *Chitty Melaka* – *Datuk Cacar* – pertembungan dan asimilasi antara masyakat *Chitty Melaka* dengan masyarakat *Baba Melaka*, dengan kaum Tionghua tempatan – sehingga timbul asimilasi dalam amalan agama yang unik lagi berwarna-warni. Hal ini menjadi tarikan yang istimewa di negeri Melaka di beberapa kuil dan Persatuan dalam deretan masa. Kesemuanya secara evolusi tanpa sebarang paksaan – itulah keunikan yang unggul di negeri Melaka!

Artikel: Sumbangan En K. Narayanasamy

CamScanner

18	**TEMPAT PEMBAKARAN MAYAT HINDU (CREMATORIUM)**
	JELUTONG, BATU BERENDAM, MELAKA.

Pada tahun 2006, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah memberikan kebenaran untuk memasang sebuah tanur elektrik di Jelutong untuk memenuhi permintaan lama masyarakat India Melaka. Pada mulanya tanggungjawab menguruskan tempat ini diserahkan kepada Persatuan Hindu Malaysia (MHS) Cawangan Melaka.

Datuk S.K.RM. Dorai Raj, En.A.Krishnan serta pemegang jawatan utama Persatuan Hindu Melaka mengurus penyelenggaraannya secara berkesan. Melalui usaha mereka, beberapa organisasi seperti Magnum serta beberapa individu lain telah menghulurkan bantuan kewangan pada peringkat awal projek ini. Berikutan itu, bangunan dan kemudahan lain untuk pembakaran mayat disediakan melalui usaha Yang Berbahagia Datuk Seri S.Subramaniam, mantan Menteri Kesihatan dan Presiden MIC kebangsaan.

BAHAGIAN D



Selepas beberapa tahun, atas pandangan orang ramai perlunya sebuah badan berasingan bagi menguruskannya dengan lebih sistematik, maka wujudlah sebuah pertubuhan baharu khusus untuk menguruskan bangunan ini dengan nama PERTUBUHAN PENGURUSAN RUMAH PEMBAKARAN MAYAT JELUTONG, MELAKA setelah berdaftar di ROS pada tahun 2010. Pengerusi Badan Perhubungan MIC Negeri Melaka pada waktu itu, Yang Berbahagia Datuk Wira R. Raghavan dijadikan sebagai pengerusi badan ini dan dilantik jawatankuasanya seramai 9 orang yang antaranya terdiri daripada Yang Berbahagia Datuk Wira R.Perumal, Datuk G.Kannan, Datuk K.Rajan, Datuk S.K.RM Dorai Raj, Datuk Chandrakant Avalani, En A.Krishnan untuk menguruskannya.

Apabila jumlah mayat yang dibawa meningkat dari masa ke masa, maka masa menunggu juga meningkat. Untuk mengelakkan masalah ini, permintaan untuk sebuah lagi tanur elektrik bagi krematorium ini dipohon kepada Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Najib Abdul Razak. Atas permintaan pihak pengurusan, diluluskan sebanyak RM 450,000 pada tahun 2014. Dengan peruntukan ini, satu lagi tanur dibeli. Pada masa yang sama tembok pagar didirikan di keliling bangunan krematorium ini untuk mengelakkan kejadian kecurian silinder gas. Tambahan beberapa penambahbaikan dilakukan, termasuk ruang tambahan untuk membersihkan badan mayat dan kemudahan tambahan juga disediakan untuk pengunjung. Pengurusan terpaksa membelanjakan sekitar RM 4,000.00 sebagai tambahan bagi menampung semua perbelanjaan ini. Selepas ini tempat ini berjalan dengan lancar.

CamScanner

Setelah Kerajaan PH mengambil alih pentadbiran negeri, permintaan semakin meningkat untuk menyerahkan pengurusannya kepada pertubuhan baharu yang diwujudkan oleh Kerajaan PH pada tahun 2019. Sehubungan dengan itu, pengurusan bangunan ini diserahkan balik kepada pemiliknya MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA pada bulan Ogos, 2019. Sebelum itu, beberapa kerosakan kecil pada tanur elektrik telah diperbaiki dan kemudahan lain di pejabat juga dinaik taraf.

Artikel: Sumbangan
Yang Berbahagia Datuk Wira R.Raghavan

CamScanner

PENUTUP

Kajian ini mencapai kesempurnaan dengan adanya penglibatan, kerjasama dan bantuan pelbagai pihak. Agak mustahil untuk menyebut satu persatu nama setiap pihak yang terlibat dan membantu kami.

Namun, pemimpin dan ketua-ketua kuil serta ahli-ahli jawatankuasa yang memberikan kerjasama untuk menjayakan kajian ini perlu disebut pada awal. Walaupun ada antaranya sangat sukar untuk berterus terang, atau telus, dengan pelbagai alasan, namun, kesediaan untuk menerima para pengkaji itu sendiri perlu diucapkan terima kasih. Lebih-lebih lagi, banyak antaranya sangat mesra dan menyampaikan maklumat mahupun gambar-gambar yang ada pada mereka.

Kami berkesempatan untuk bertemu dengan beberapa pegawai kerajaan berkaitan hal-hal yang ada hubungan dengan kajian ini. Ada antaranya memberikan bantuan dan kerjasama yang baik, khususnya, Pengarah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan di negeri Melaka, dan pegawainya Puan Fatthin Nurfiffyana bte Sahli telah memberikan kerjasama yang padu kepada kami.

Pada peringkat kerajaan negeri Melaka, pada awalnya kami mendapat sokongan padu daripada YAB Ketua Menteri Tuan Hj.Adli bin Zahari, YB En. G.Saminathan dan Ketua Pegawai Operasi Institut Tun Perak, En.Zaipul Anwar. YB En.G.Saminathan telah menyampaikan peruntukan RM6,000 untuk memulakan kajian ini pada tahun 2019, dan berjanji untuk membantu sehingga kajian ini selesai. Kami tidak dapat melupai kerjasama dan sumbangannya. Pegawai-pegawai di pejabatnya, Cik Jaya Sutha, Cik Dhanam dan Cik Tamilchelvi juga memberikan kerjasama yang perlu.

Apabila perubahan berlaku dalam pucuk pimpinan kerajaan negeri Melaka, kami bertemu dengan Ketua Menteri baharu, YAB Datuk Seri Haji Sulaiman Mohd.Ali dan pegawai khas yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal masyarakat India Y.Bhg.Datuk S.Mahadevan, memberikan taklimat penuh terhadap kajian ini dan menyampaikan harapan kami secara bertulis. Namun, hanya sokongan moral didapati tanpa sebarang balasan pada permohonan kami.

Sebelum memulakan kajian ini kami telah mengadakan beberapa perjumpaan dalam kalangan pemimpin masyarakat, ketua-ketua agama Hindu, dan badan-badan bukan kerajaan dalam kalangan masyarakat Tamil di negeri Melaka. Kami ingin mengucapkan terima kasih atas segala pendapat yang disampaikan, termasuk pandangan-pandangan kritikal yang tidak menyetujui kajian ini dilakukan, kerana menjadikan kami lebih berwaspada semasa menjalankan tugas kami.

Perjumpaan kami dijalankan di pejabat Hindu Sangam Melaka dan Persatuan Kebudayaan Pendidikan dan Sukan Masyarakat India Negeri Melaka (MICESS), sepanjang menjalankan kajian ini, dan kami mengucapkan terima kasih pada pihak pengurusan kedua-dua badan ini yang membenarkan kami menggunakan kemudahan-kemudahannya secara percuma.

Banyak pihak membantu kami semasa mengumpulkan bahan-bahan dan gambar kuil-kuil di negeri Melaka. Terima kasih kepada En.Sithambaram Pillai dan En.Chanthuru kerana gambar-gambar kuil; dan En.Krishnan Kutty, En.Saravanan dan En.Das kerana sudi membawa dan membantu pengkaji ke kuil-kuil yang jauh dan terpencil. Sumbangan pemimpin badan-badan berorientasikan agama Hindu yang sudi menyediakan rencana dan gambar aktiviti badan-badannya, dan, yang membenarkan pengkaji menziarahi pusat-pusat mereka, memang dihargai. Kami juga mengucapkan terima kasih pada *Shivasri Su.Kumar Sivaachaariyaar* yang menyumbangkan esei tentang peranan *Gurukkal* atau pedanda di kuil.

CamScanner

Kami juga berterima kasih pada *Malaysia Hindudharma Maamandram* yang berjaya mengadakan bengkel dan latihan untuk guru-guru agama Hindu di Melaka semasa kajian ini hampir siap, kerana sumbangan mereka sungguh bermakna dan selari dengan hasrat kami. Ucapan terima kasih khas pada En. S. Supramani daripada *Mandram* ini kerana sudi memberikan beberapa data pada peringkat nasional yang banyak membantu kami.

Idea utama yang menggerakkan hasrat untuk membuat kajian ini pada peringkat negeri Melaka pada awalnya datang daripada Datuk Prof.Dr.M.Paramasivam. Jawatankuasa dibentuk di bawah pimpinan beliau, dan ahli-ahli, yang berusaha untuk mengesan dan menyempurnakan kajian ini dengan berjumpa dengan pemimpin dan jawatankuasa kuil-kuil di negeri Melaka untuk mengisi data dalam borang-borang kajian, terdiri daripada En. Tho.Ka.Narayanasamy (55); En.Selvarajan Rengasamy (35); Datuk Wira Perumal Raju (14); En.Krishnan Gengan (11); En.Ve. Ananthakumar (8); Datuk Mejar (B) Sekar (8); En.Su.Gunasekharan (6); En.Ganes Rethnam (2); En.Pe.Velayutham (2); En.G.Raman (2); En. Kumar Arumugam (2) dan En.E.Mathialagan (1). Mereka juga bertanggungjawab untuk menyediakan nota serta gambar-gambar kuil di bawah kajian mereka. Terima kasih kepada mereka.

Tugas mengumpulkan semua data, menganalisisnya, menyediakan draf laporan pertama, menyunting, menterjemah dan menyediakan bahan untuk percetakan dipikul oleh jawatankuasa kecil Penerbitan Buku Kuil Hindu Melaka dengan Datuk Prof. Dr. M. Paramasivam sebagai penasihatnya.Yang menulis draf, melakukan pembetulan, dan menyediakan penterjemahan ialah En.Tho.Ka.Narayanasamy, Datuk Wira R.Perumal dan En.R.Selvarajan. Tugas mengumpul gambar-gambar daripada semua kuil dipikul oleh En.Krishnan Gengan. Tugas mengaturkan teks dan gambar dalam komputer sesuai untuk percetakan dilakukan oleh Datuk Wira R.Perumal. Kami merakamkan penghargaan yang tidak terhingga atas segala curahan masa dan tenaga secara sukarela.

Ramai rakan lain telah memberikan bantuan dan sokongan secara sukarela dalam usaha merealisasikan kajian ini. Semua ahli jawatankuasa telah menyempurnakan tugas masing-masing mengikut keperluan dan skop yang ditentukan.

Kami sangat terhutang budi kepada para penderma budiman yang sanggup menghulurkan derma agar buku ini dapat dicetak dalam warna, dalam kertas yang baik, dalam dua bahasa secara berasingan, supaya berguna pada masyarakat Hindu-Tamil khasnya sebagai rekod yang lebih kekal, dan, pada semua pihak yang berminat dalam hal ehwal kuil-kuil Hindu di negeri Melaka.

Namun, walaupun kajian ini telah disempurnakan pada pertengahan tahun 2020, dan penulisan asas telah disediakan sebelum akhir tahun 2020, buku ini tidak dapat diterbitkan mengikut jadualnya atas sebab pandemik Covid 19 dengan Perintah Kawalan Pergerakan yang ketat, dan kekurangan dana pada Persatuan kami. Pelbagai usaha untuk mendapatkan dana untuk penerbitan buku tidak mendatangkan hasil yang telah kami harapkan. Oleh itu, buku diterbitkan pada awal tahun 2022 pula atas daya uasaha kami sendiri, seperti yang kami hasratkan, dalam bahasa Tamil dan bahasa Melayu.

Dalam tempoh masa ini ada beberapa perkembangan yang melibatkan kuil-kuil di negeri Melaka, khususnya Perintah Kawalan Pergerakan dan SOP yang ketat menyebabkan semua kuil Hindu tidak dapat beroperasi seperti biasa. Ada antaranya menghadapi pelbagai masalah, khususnya kerana tidak mampu membayar upah pada para gurukkal mahupun petugas-petugas lain, termasuk, perbelanjaan pentadbiran yang berulang.

Pihak kerajaan Malaysia pula telah menyediakan sedikit bantuan kewangan pada kuil-kuil Hindu di seluruh negara Malaysia, dan, Kementerian Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah menyalurkan bantuan ini melalui Hindu Sangam Malaysia, dan mengikut maklumat

CamScanner

yang diterima, kuil-kuil yang telah berdaftar pada Pendaftar Pertubuhan, tanpa mengira jenis pendaftaran, telah dihulurkan bantuan antara RM1,500 dan RM2,600 mengikut saiznya. Dalam sejarah negara ini, inilah kali pertama peruntukan seperti ini dihulurkan oleh kerajaan! Namun, kuil-kuil di bawah badan amanah (trust) tidak menerima apa-apa bantuan, dan masyarakat yang bersejarah, *Chitty Melaka*, yang mengendalikan 10 buah kuil kepunyaannya melalui badan amanahnya tidak menerima sebarang bantuan. Bukan semua kuil yang dikendalikan di bawah badan amanah berharta dan dapat berdikari, khususnya dalam tempoh PKP seperti yang kita lalui itu. Kita memang berharap kriteria yang lebih adil disediakan pada masa hadapan.

Selain itu, Pilihan Raya Umum untuk membentuk kerajaan negeri Melaka bagi tempoh lima tahun diadakan pada 20 November, 2021, dan kerajaan Barisan Nasional kembali memimpin kerajaan negeri Melaka dengan memenangi 21 daripada 28 kerusi yang dipertandingkan. Besarlah harapan kita, agar kerajaan ini akan memberikan perhatian kepada isu-isu kuil ini secara saksama supaya masyarakat Hindu dapat pengiktirafan yang wajar, dan dapat membaiki kelemahan-kelemahan yang membelenggui mereka.

Akhir kata, kami menyusun jari untuk berterima kasih kepada Tuhan Yang Maha Esa kerana memberikan pedoman dan panduan kepada kami untuk menjayakan projek ini meskipun menghadapi pelbagai rintangan. Kami berharap, buku yang disediakan dalam dua bahasa dalam kertas yang baik dan berwarna-warni, akan menjadi suatu rekod yang berguna pada masyarakat umum untuk tempoh masa yang lama. Kami ucapkan terima kasih kepada setiap pihak yang memberikan bantuan dalam apa bentuk sekalipun untuk merealisasikan kajian ini sehinggalah ia menjadi realiti dalam bentuk buku ini.

Jawatankuasa Pengkaji Kuil-Kuil Hindu Negeri Melaka,
Persatuan Pengkaji Sosial Sukarela Melaka,
Melaka

April, 2022

CamScanner

TERIMA KASIH

PERSATUAN PENGKAJI SOSIAL SUKARELA MELAKA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PARA PENDERMA YANG MENYAMBUT BAIK PERMOHONAN KAMI DAN SUDI MENGHULURKAN DANA IKHLAS DALAM USAHA PENERBITAN BUKU INI DALAM BAHASA TAMIL DAN BAHASA MELAYU, SETAKAT 31, MAC, 2022

1.	YB Tuan Khoo Poay Tiong, Ahli Parlimen Kota Melaka	RM	10,000.00
2.	Yayasan Kemajuan Insan Malaysia	RM	5,000.00
3.	YB Datuk Seri Shamsul Iskandar Md Akin, Ahli Parlimen Hang Tuah Jaya	RM	5,000.00
4.	Y.Bhg. Tuan M.Thankaraju, Kuala Lumpur	RM	3,000.00
5.	Y.Bhg. Dr.Selva, Melaka	RM	3,000.00
6.	Pacific Food Productions Sdn.Bhd, Melaka	RM	2,000.00
7.	Y.Bhg. Datuk V.Subramaniam, Melaka	RM	1,000.00
8.	Y.Bhg. Tuan R.Selvarajan, Melaka	RM	1,000.00
9.	Penderma Ikhlas, Melaka	RM	1,000.00
10.	Y.Bhg. Tuan Ilhangkannan Narinasamy, Melaka	RM	1,000.00
11.	Kumar Urology & Stone Centre Sdn. Bhd., Melaka	RM	1,000.00
12.	Gujarati Vanikh Sangh, Melaka	RM	1,001.00
13.	Y.Bhg. Tuan Kalaichelvan Muniandy untuk mendiang Muniandy Mottayan	RM	601.00
14.	Y.Bhg. Tuan Nadarajan T.R.Murugayan, Negeri Semblan	RM	500.00
15.	Y.Bhg. Kuppusamy Chellappan, Petaling Jaya	RM	500.00
16.	Y.Bhg. Dato' Dr.S.Ravih Subramaniam, Melaka	RM	500.00
17.	Y.Bhg. Tuan Nagarajan, Ajuntha Textiles, Melaka	RM	500.00
18.	Y.Bhg. Datuk Dr.Pandurangan, Melaka	RM	500.00
19.	Y.Bhg. Tuan Hasmukhary Chotalal, Melaka	RM	500.00
20.	Y.Bhg. Datuk Dr. T.R.Ramu, Melaka	RM	500.00
21.	Y.Bhg. Datuk Dr.Mahinder Singh, Melaka	RM	500.00
22.	Y.Bhg..Lt.Col (R) Datuk Dr.Senasi Annamalai, Melaka	RM	500.00
23.	Star Kris Trading Sdn Bhd, Melaka	RM	500.00
24.	Y.Bhg. Tuan Rangiah Muthusamy	RM	500.00
25.	Penderma Ikhlas, Melaka	RM	500.00
26.	Persatuan Penganut Sri Maha Samayaburam Mariyamman, Melaka	RM	500.00
27.	Y.Bhg. Tuan Ananthakumar Vellasamy, Melaka	RM	400.00
28.	Y.Bhg. Datuk Dr.K. Ramaswami, Melaka	RM	300.00
29.	Y.Bhg. Datuk Dr.Peraba Subramaniam, Melaka	RM	300.00
30.	Y.Bhg. Datuk Dr.Amaranathan V Pathamanathan, Melaka	RM	200.00
31.	Y.Bhg. Dr.Dharmalingam Muthiah, Sabah	RM	200.00

CamScanner

PERSATUAN PENGKAJI SOSIAL SUKARELA MELAKA

JAWATANKUASA KECIL PENERBITAN BUKU KUIL HINDU MELAKA

PENASIHAT:

Datuk Prof. Dr. Paramasivam Muthusamy

PENGANALISISAN, PENULISAN, SUNTINGAN

DAN TERJEMAHAN TEKS

En.Tho.Ka.Narayanasamy

Datuk Wira R. Perumal

En. Selvarajan Rengasamy

PENGUMPUL GAMBAR:

En.Krishenam Gengan

PEMUDAH CARA KOMPUTER:

Datuk Wira R.Perumal

PEMUDAH CARA KAJIAN KUIL:

En.Tho.Ka. Narayanasamy (55)

En.Selvarajan Rengasamy (35)

Datuk Wira R.Perumal (14)

En.Krishenam Gengan (11)

En.Ananthakumar Vellasamy (8)

Datuk Mejar (B) Sekar (8)

En.S.Gunasekharan (6)

En.Ganes Rethnam (2)

En.P.Velayutham (2)

En.Raman Govindasamy (2)

En.Kumar Arumugam (2)

En.E.Mathialagan (1)

CamScanner

PERSATUAN PENGKAJI SOSIAL SUKARELA MELAKA

Pemegang Jawatan Utama, AJK dan Ahli

Datuk Prof. Dr. Paramasivam Muthusamy
PENGERUSI

Datuk Wira R.Perumal
NAIB PENGERUSI

En. Tho.Ka.Narayanasamy
SETIAUSAHA

En. Krishenam Gengan
PENOLONG SETIAUSAHA

En. Selvarajan Rengasamy
BENDAHARI

Dr. Nachiappan Murugavadigal
AJK

En. Ananthakumar A Vellasamy
AJK

En. Saravanan Kuppusamy
AJK

En. S.Gunasekharan
Ahli

En. Ganes Rethanam
Ahli

En. Rangiah Muthusamy
Ahli

En. Mathiyalagan Elloo
Ahli

En. Kumar Arumugam
Ahli

En. P.Velayutham
Ahli

En. Raman Govindasamy
Ahli

CamScanner

GLOSARI

Kata-kata berkaitan agama Hindu dalam buku ini

A

Aadi – nama bulan keempat dalam Takwim Hindu
aalayam – tempat semayam Tuhan; kuil
aani – nama bulan ketiga dalam takwim Hindu
abishegam – upacara agama memandikan vigraha Tuhan
amavasai – pertengahan bulan apabila anak bulan tidak kelihatan langsung
amman – dewi; jelmaan Tuhan dalam bentuk wanita
archagar – pedanda yang mahir mengucapkan mantera
archana(i) – upacara bersembahyang untuk kesejahteraan penganut
arulvakku – tilikan terhadap masa hadapan seseorang penganut
athma – roh mahupun jiwa
Ayyah – dewa atau 'kuasa ghaib tempatan' dalam bentuk lelaki
Ayyer – pedanda daripada kasta Brahmin

C

Chittirai – bulan pertama dalam takwim Hindu
Chitty – masyarakat peranakan Hindu Melaka sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka
Chettiar – nama kasta kaum pemodal, pedagang dan peminjam wang berasal dari Tamil Nadu

D

Datuk – 'kuasa ghaib tempatan' dalam bentuk lelaki
Deepam – pelita atau cahaya
Deepavali – perayaan masyarakat Hindu pada bulan Oktober/November; Diwali
dewa – jelmaan Tuhan dalam bentuk lelaki
dewi – jelmaan Tuhan dalam bentuk wanita
dhevasthanam – kompleks kuil atau tempat semayam Tuhan yang sempurna
Dhurga pooja – upacara sembahyang khas untuk Dewi Dhurga

G

Gurdwara – tempat ibadat khusus untuk penganut agama Sikhisme
gurukkal – pedanda Hindu yang terlatih

K

kalyana mandapam – dewan perkahwinan yang mempunyai kemudahan yang lengkap
kalviyaatthirai – upacara sembahyang khusus untuk mencapai kejayaan dalam pendidikan
karthigai – bulan kelapan dalam takwim Hindu
kavadi – rangkaian kayu yang diukir, dihiasi dengan bulu burung merak jantan, dan, dipikul oleh penganut yang ingin menunaikan nazarnya semasa perayaan agama di kuil
Krishna Jayanthi – upacara sembahhyang ulang tahun kewujudan Dewa Krishna
Kulatheivam – bentuk Tuhan yang terpilih sebagai pelindung keluarga/puak
kumbabishegam – perayaan pembaharuan kuil setiap 12 tahun sekali
kuthiraik kuil – kuil yang mendapat gelaran 'kuda' kerana patung di hadapannya

M

maiyam – tempat atau pusat
masimagam – perayaan agama dalam bulan Masi, bulan kesebelas, dalam takwim Hindu
melam – gendang, alat muzik India, yang digunakan dalam majlis-majlis tradisional
mettuk kuil – kuil di atas bukit
moksha – mencapai nirwana selepas mati

CamScanner

N

nadhaswaram	–	alat muzik tiupan India, yang digunakan dalam majlis-majlis tradisional
navarathri	–	perayaan agama untuk Dewi Saraswati, Dewi Lakshmi dan Dewi Dhurga selama sembilan malam dalam bulan Purattasi, bulan keenam, dalam takwim Hindu
neivilakku	–	lampu minyak sapi

P

paal kudam	–	bekas dipenuhi susu
pajan/ bhajan	–	lagu-lagu memuja Tuhan
pallaangkuzhi	–	sejenis permainan yang menyerupai congkak
pandaram	–	pedanda di kuil
pandigai	–	perayaan agama Hindu
pangguni uthiram	–	perayaan agama dalam bulan kedua belas (Pangguni) dalam Takwim Hindu
peedam	–	ruang khas untuk meletakkan bentuk/vigraha Tuhan untuk bersembahyang
pooja	–	upacara bersembahyang biasa mengikut tatacara agama
poosari	–	seseorang yang memimpin upacara bersembahyang di kuil Hindu
pournami	–	malam purnama raya

S

Saanthi/shanthi	–	ketenangan jiwa
sadugudu	–	sejenis permainan gelanggang Tamil, juga dikenali sebagai 'kabadi'
silambam	–	sejenis seni mempertahankan diri tradisional Tamil, yang menggunakan kayu
sivaraathiri	–	memuja Dewa Siva dengan berjaga sepanjang malam dalam bulan kesebelas, (Masi), dalam Takwim Hindu.
Stapathi	–	ahli ukir yang mahir, yang berupaya membina struktur kuil
swamiji	–	seseorang yang mendedikasikan hidupnya untuk memuja dan berkhidmat demi Tuhan

T

thaipponggal	–	perayaan yang diadakan pada awal bulan kesepuluh, (Thai), takwim Hindu
thaippoosam	–	perayaan yang diadakan pada bulan kesepuluh di kuil Subramaniar/Murugan
theemithi	–	berjalan di atas bara api sebagai memenuhi sesuatu nazar
theivasthanam	–	kompleks kuil atau tempat bersemayam Tuhan yang serba lengkap
ther	–	pedati yang digunakan untuk membawa simbol Tuhan dalam perarakan untuk dipuja oleh para penganut Hindu dalam komuniti setempat semasa perayaan
thevaram	–	puisi pujaan Tuhan dalam bahasa Tamil
thirumurai	–	puisi pujaan Tuhan dalam bahasa Tamil
thiruvizha	–	perayaan
trisula(m)	–	sejenis tombak atau serampang yang hujungnya bercabang tiga

U

ubayam	–	upacara sembahyang di kuil yang dibiayai oleh penganut
undial	–	tabung

V

vigraha	–	patung bentuk jelmaan Tuhan
vinayagar sathurthi	–	perayaan yang didedikasi pada Dewa Ganesha/Vinayagar pada bulan kelima, Aavani, dalam takwim Hindu

Y

yoga	–	ilmu menguasai diri dengan memusatkan penumpuan pada sesuatu – meditasi
yogi	–	ahli dalam ilmu yoga/ seseorang yang mengasingkan diri daripada keseronokan duniawi dan bersebati dengan Tuhan

CamScanner

CamScanner